LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SERTA AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI TAHUN 2012 SIRI 2

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SERTA AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI TAHUN 2012 SIRI 2

ISI KANDUNGAN

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012 SIRI 2

SENARAI KEMENTERIAN / JABATAN PERSEKUTUAN

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
	KEMENTERIAN KEWANGAN	
	• **Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**	
2	- Pengurusan Cukai Pendapatan Syarikat	3 - 21
	• **Jabatan Kastam Diraja Malaysia**	
3	- Pengurusan Dan Kawalan Kedai Bebas Cukai	22 - 30
4	- Taksiran Duti Import Arak	31 - 35
5	- Pengurusan Perolehan Kasut Bagi Anggota Jabatan	36 - 38
	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	
	• **Jabatan Pengairan dan Saliran**	
6	- Pengurusan Projek Mencegah Hakisan Pantai Dan Mengorek Kuala Sungai	39 - 53
	KEMENTERIAN KERJA RAYA	
7	- Pengurusan Fasiliti Bangunan Gunasama Persekutuan Di Bawah Seliaan Kementerian Kerja Raya	54 - 58
	• **Jabatan Kerja Raya**	
8	- Pengurusan Projek Mansuh	59 - 70

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
9	**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN** • **Jabatan Laut Malaysia** - Projek Pembinaan Dan Pembaikan / Menaik Taraf Jeti Penumpang Dan Guna Sama	71 - 85
10	**KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** • **Jabatan Perkhidmatan Pembetungan** - Pengurusan Projek Pembetungan Negara	86 - 98
11	**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** - Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Institusi Pendidikan / Sekolah	99 - 112
12 13 14	**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA** - Pengurusan Kemudahan Pakaian Seragam - Pengurusan Program Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekeliling - Pengurusan Aktiviti Pendidikan Malaysia	113 - 126 127 - 145 146 - 158
15	**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** - Pengurusan Loji Insinerator	159 - 174

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
16	**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN** • **Jabatan Belia Sukan** - Pengurusan Program Pemberian Bantuan	175 – 189
17	**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** - Projek *Malaysian Emergency Response Services* (MERS) 999	190 - 205
18	• **Jabatan Penyiaran Malaysia** - Pengurusan Perolehan Dan Penggantian Peralatan Studio Radio Digital	206 - 221
19	**KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** • **Balai Seni Visual Negara** - Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Dan Projek Penggantian Bumbung	222 - 237
20	**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** • **Jabatan Pengajian Kolej Komuniti** - Pengurusan Menaik Taraf Kolej Komuniti	238 - 248

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
	KEMENTERIAN PERTAHANAN	
21	- Projek Pembinaan Kolej Tentera Darat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Port Dickson, Negeri Sembilan	249 - 261
	• **Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)**	
22	- Senggaraan Pangkalan Udara Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan	262 - 273
	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	
23	- Program Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran	274 - 295
	• **Polis Diraja Malaysia**	
24	- Pengurusan Kehilangan Aset	296 - 309
	• **Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia**	
25	- Pengurusan Kad Pintar Pelbagai Guna MyKad	310 - 330

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012 SIRI 2

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
27	Pengurusan Terhadap Prestasi Kewangan Dan Pengawasan Syarikat Kerajaan	333 - 345
28	Pengurusan Khazanah Nasional Berhad	346 - 360
29	Pengurusan Malaysia Debt Ventures Berhad	361 - 379

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012 SIRI 2

PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Perenggan	Badan Berkanun Persekutuan	Muka Surat
2	**Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)** - Pengurusan Skim Diesel Bersubsidi	383 - 393
3	**Perbadanan Labuan (PLABUAN)** - Pengurusan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi	394 - 404
4	**Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)** - Pengurusan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara	405 - 417
5	**Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)** - Pengurusan Tanah	418 - 426
6	**Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)** - Pengurusan Pembinaan Kampus Tetap	427 - 434
7	**Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)** - Pengurusan Projek Pembangunan FELDAjaya	435 - 440
8	**Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)** - Pengurusan Projek Pembinaan Fakulti, Kemudahan Awam Dan Sukan	441 - 450
9	**Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MYSIHAT)** - Pengurusan Geran Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan	451 - 459

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012 SIRI 2

PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Perenggan	Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Persekutuan	Muka Surat
11	Pengurusan Suradajaya Sdn. Berhad	463 - 468
12	Pengurusan Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad	469 - 474

(AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN)

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 2

KEMENTERIAN KEWANGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Perenggan 2 : Pengurusan Cukai Pendapatan Syarikat

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.2.1	**Kelewatan Menyelesaikan Kes** Rangka Audit Cukai yang dikeluarkan oleh LHDNM dan berkuat kuasa mulai Januari 2009 menetapkan setiap kes audit luar perlu diselesaikan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh lawatan audit. Semakan Audit mendapati 1,422 kes melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM189.82 juta telah lewat diselesaikan oleh audit luar LHDNM antara 32 hari hingga 1,812 hari (5 tahun) selepas mengambil kira tempoh 3 bulan dari tarikh lawatan audit. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 15 Mei 2013 *LHDNM akan mempertingkatkan pemantauan terhadap kes-kes yang sedang diaudit bagi mengurangkan bilangan kes yang lewat diselesaikan. Sehubungan ini, perbincangan bersama Pengarah Cawangan dan Pengurus Audit dalam Mesyuarat Tunggakan Kes amat membantu dalam menyelesaikan kes rumit yang tertunggak.* Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap kemajuan kerja bagi setiap kes syarikat perlu dipertingkatkan untuk memastikan ianya diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.	LHDNM sentiasa mempertingkatkan pemantauan terhadap kes-kes yang sedang diaudit bagi mengurangkan bilangan kes yang lewat diselesaikan. Tindakan penambahbaikan - Dalam tahun 2012, lawatan pemantauan telah dilakukan oleh ibu pejabat terhadap 6 cawangan. Salah satu fokus utama lawatan pemantauan ialah menyemak kes-kes tertunggak yang melebihi usia 5 bulan dan membantu cawangan menyelesaikannya. Pecahan kes yang disemak mengikut jenis fail adalah seperti berikut:- i. Fail Perniagaan (OG) – 51 kes ii. Fail Perkongsian (D) – 15 kes iii. Fail Syarikat (C) - 20 kes Lawatan Pemantauan dilakukan ke cawangan-cawangan secara berterusan sekurang-kurangnya 6 kali setahun ke atas cawangan-cawangan yang dipilih. Jangka masa pelaksanaan: Tindakan berterusan.
2.5.3	**Syarikat Mengisi Kod Perniagaan Yang Tidak Tepat** Mengikut Bahagian C Manual Prosedur Kerja Audit Luar, surat pemberitahuan kod perniagaan yang betul perlu dikeluarkan kepada syarikat yang mengisi Borang C dengan kod perniagaan yang tidak tepat. Semakan Audit mendapati Borang C bagi 91 syarikat melibatkan 191 kes telah mengisi kod perniagaan yang tidak tepat. Bagaimanapun, Pegawai Audit Luar yang membuat pembetulan kod perniagaan di menu taksiran tambahan tidak memaklumkannya kepada syarikat.	Cawangan LHDNM yang terlibat telah mengeluarkan surat berkaitan kod perniagaan yang tidak tepat kepada syarikat. Memo Jabatan Pematuhan Cukai yang dikeluarkan kepada cawangan-cawangan bertarikh 30 Januari 2013 menyatakan, Pengarah Cawangan dan Pengurus Audit dikehendaki

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 14 Jun 2013 *Sebahagian Cawangan LHDNM telah mengeluarkan surat berkaitan kod perniagaan yang tidak tepat kepada syarikat. Manakala sebahagian Cawangan LHDNM yang lain akan mengeluarkan surat tersebut. Selain itu, subseksyen 113(1)(b) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 memperuntukkan pengenaan penalti/kompaun terhadap pembayar cukai yang sengaja tidak mengisi kod perniagaan/mengisi kod perniagaan yang tidak tepat.* Pada pendapat Audit, matlamat mendidik pembayar cukai menggunakan kod perniagaan yang betul tidak tercapai sepenuhnya. Syarikat yang mengisi kod perniagaan yang tidak tepat akan menjejaskan pemilihan kes yang berdasarkan kod perniagaan sesuatu industri. Seterusnya ia akan memberi gambaran yang tidak benar terhadap syarikat tersebut serta menghasilkan keputusan dan impak audit cukai yang tidak tepat. Sehubungan dengan ini, LHDNM perlu mengambil tindakan pendakwaan pembayar cukai ke mahkamah di bawah subseksyen 113(1)(b) ACP 1967 atau menguatkuasakan subseksyen 113(2)(b) ACP 1967 untuk mengenakan penalti terhadap pembayar cukai yang sengaja tidak mengisi kod perniagaan/mengisi kod perniagaan yang tidak tepat.	membuat pemantauan kerja-kerja pegawai audit supaya pegawai audit menyemak dan membetulkan kod perniagaan yang betul di dalam STSC/STSNC. Perenggan 113 (1) (b) Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukan pengenaan penalti/kompaun terhadap pembayar cukai yang sengaja tidak mengisi kod perniagaan/mengisi kod perniagaan yang tidak tepat. Tindakan penambahbaikan - Lawatan Pemantauan dilakukan ke cawangan-cawangan secara berterusan sekurang-kurangnya 6 kali setahun ke atas cawangan-cawangan yang dipilih. Jangka masa pelaksanaan - Berterusan.
2.5.4.1	**Senarai Semakan Audit (Audit Checklist) Tidak Diisi** Mengikut Manual Prosedur Kerja Audit Luar, senarai semakan audit (*audit checklist*) hendaklah digunakan bagi syarikat yang mempunyai rekod perakaunan yang lengkap untuk memastikan prosedur pengauditan dijalankan dengan teratur dan seterusnya menentukan amaun cukai pendapatan yang betul dilaporkan. Pemeriksaan Audit mendapati senarai semakan audit tidak diisi bagi 656 syarikat melibatkan 1,324 kes di mana cukai tambahan dan penalti berjumlah RM61.74 juta telah dikenakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan jumlah cukai tambahan dan penalti yang telah dikenakan. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 14 April Hingga 3 Mei 2013 *LHDNM akan memastikan senarai semakan audit dijadikan sebagai panduan bagi kes-kes yang sedang diaudit.* Pada pendapat Audit, senarai semakan audit merupakan *Standard Operating Procedures* (SOP) bagi memastikan segala tatacara pemeriksaan telah dijalankan untuk menentukan ketepatan jumlah cukai tambahan dan penalti yang dikenakan.	LHDNM sentiasa memastikan Pegawai Audit Luar (PAL) dikehendaki mengisi Senarai Semakan Audit bagi kes-kes rekod lengkap yang sedang diaudit. Memo Jabatan Pematuhan Cukai yang telah dikeluarkan kepada cawangan bertarikh 14 Ogos 2012 menyatakan, Pengarah Cawangan dikehendaki mengambil tindakan mengeluarkan surat peringatan terhadap Pengurus Audit, Ketua Kumpulan dan Pegawai Audit yang terlibat pada masa akan datang agar perkara ini tidak berulang. Tindakan yang sama juga hendaklah diambil ke atas penemuan Jabatan Pematuhan Cukai dan Jabatan Inspektorat lanjutan dari lawatan pemantauan yang dijalankan. Selain itu, Pengarah Cawangan dikehendaki memantau kes-kes audit luar pada masa akan datang agar menggunakan Senarai Semakan Audit semasa melakukan semakan audit bagi kes rekod perniagaan lengkap. Tindakan penambahbaikan - Pengurus Audit/ Pengarah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Sehubungan ini, bagi kes yang mempunyai rekod perniagaan yang lengkap, senarai semakan audit wajib diisi. Kecuaian mengisi senarai semakan audit wajar dikenakan tindakan tatatertib.	Cawangan/ Pengarah Negeri hendaklah mempastikan Senarai Semakan Audit digunakan oleh PAL sebelum kes diluluskan. Lawatan Pemantauan dilakukan ke cawangan-cawangan secara berterusan sekurang-kurangnya 6 kali setahun ke atas cawangan-cawangan yang dipilih. Jangka masa pelaksanaan - Tindakan berterusan.
2.5.4.2	**Notis Peringatan Tidak Dikeluarkan Terhadap Kes Rekod Tidak Lengkap** Peruntukan seksyen 82 dan 82A, Akta Cukai Pendapatan 1967 menghendaki pembayar cukai menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap bagi membolehkan pendapatan atau kerugian daripada perniagaan ditentukan. Semakan Audit mendapati notis di bawah subseksyen 82(3) ACP 1967 tidak dikeluarkan sebagai peringatan kepada 87 syarikat yang gagal menyimpan rekod dengan lengkap. Pada pendapat Audit, tindakan tidak mengeluarkan notis peringatan kepada syarikat yang gagal menyimpan rekod dengan lengkap adalah tidak selaras dengan hasrat audit luar yang berperanan mendidik pembayar cukai. Sehubungan ini, LHDNM perlu menambah baik aplikasi *Case Management System* (CMS) bagi membolehkan notis di bawah subseksyen 82(3) ACP 1967 sebagai peringatan kepada syarikat yang gagal menyimpan rekod dengan lengkap dijana terus daripada sistem. Jika syarikat melakukan kesalahan berulang, tindakan pendakwaan hendaklah diambil di bawah subseksyen 119A(a) ACP 1967. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 14 Jun 2013 *Tiga Cawangan LHDNM telah mengeluarkan notis peringatan rekod tidak lengkap kepada pembayar cukai. Manakala satu Cawangan LHDNM yang lain akan mengeluarkan notis peringatan tersebut. Selain itu, sebahagian kes telah tersilap tanda sebagai rekod tidak lengkap oleh Pegawai Audit Luar di kertas kerja dalam Case Management System (CMS) atau kerana masalah CMS menyebabkan rekod ditanda sebagai tidak lengkap.* *Kertas Konsep Pemantauan Pembayar Cukai Ingkar (PPCI) bagi tujuan pemantauan kes berkaitan Subseksyen 82(3) ACP 1967 telah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM pada 31 Disember 2012. Sehubungan itu, pihak Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) telah dipertanggungjawabkan bagi membangunkan sistem menjana kes-kes Syarikat dan Selain Syarikat yang telah selesai diaudit bagi tujuan PPCI. Pada peringkat awal, bengkel pembangunan sistem telah diadakan*	Tindakan mengeluarkan notis peringatan rekod tidak lengkap kepada pembayar cukai telah dikeluarkan oleh cawangan-cawangan yang terlibat. Tindakan penambahbaikan - Kertas Konsep Pemantauan Pembayar Cukai Ingkar (PPCI) bagi tujuan pemantauan kes berkaitan Subseksyen 82(3) ACP 1967 telah diluluskan oleh Y.Bhg. Tan Sri Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM pada 31 Disember 2012. Sehubungan itu, pihak Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) telah dipertanggungjawabkan bagi membangunkan sistem menjana kes-kes Syarikat dan Selain Syarikat yang telah selesai diaudit bagi tujuan PPCI. Jangka masa pelaksanaan - Pada peringkat awal, bengkel pembangunan sistem telah diadakan pada 29 Januari 2013. Sistem ini masih dalam proses pembangunan oleh pihak Jabatan Teknologi Maklumat dan dijangka siap pada bulan November 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pada 29 Januari 2013. Sistem ini masih dalam proses pembangunan oleh pihak JTM dan dijangka siap pada bulan November 2013.	
2.5.4.3.a	**Notis Taksiran Cukai Tambahan Lewat Dikeluarkan - Kes Kelulusan Laporan Akhir Sebelum 1 September 2010** Mengikut Standard Kualiti Audit Luar yang dinyatakan dalam Arahan Operasi Bilangan 2 Tahun 2008 (berkuat kuasa mulai 30.04.2008 hingga 31.08.2010), Notis Taksiran Cukai Tambahan bagi pendapatan kurang lapor perlu dikeluarkan kepada syarikat dalam tempoh 3 minggu dari tarikh kelulusan laporan akhir audit luar. Standard Kualiti Audit Luar yang seterusnya (berkuat kuasa mulai 01.09.2010) mengurangkan tempoh hari yang dibenarkan kepada 3 hari. Semakan Audit mendapati bagi kes kelulusan laporan akhir audit luar sebelum 1 September 2010, Notis Taksiran Cukai Tambahan berjumlah RM2.93 juta kepada 18 syarikat melibatkan 24 kes lewat dikeluarkan antara 16 hingga 242 hari.	Kelewatan mengeluarkan Notis Taksiran Cukai Tambahan adalah kerana pembayar cukai tidak bersetuju dengan cadangan penyelesaian audit luar, syarikat memohon bayaran cukai secara ansuran, Pegawai Audit Luar menumpukan kepada kes baru dan Pegawai Audit Luar berkursus. Bagaimanapun, LHDNM memantau kes yang sedang diaudit agar Notis Taksiran Cukai Tambahan tidak lewat dikeluarkan. Tindakan penambahbaikan - Bagi mengatasi masalah kelewatan mengeluarkan notis taksiran cukai tambahan, LHDNM telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Sistem Integrasi CMS dan STS. Jangka masa pelaksanaan - Pembangunan sistem ini sedang di peringkat *rolling out* bagi kes audit meja bukan syarikat. Pembangunan sistem ini akan dilanjutkan bagi kes-kes Syarikat. Pembangunan sistem ini akan bermula pada Januari 2014.
2.5.4.3.b	**Kes Kelulusan Laporan Akhir Mulai 1 September 2010** Bagi kes kelulusan laporan akhir audit luar mulai 1 September 2010, Notis Taksiran Cukai Tambahan berjumlah RM22.61 juta kepada 192 syarikat melibatkan 357 kes lewat dikeluarkan antara 5 hingga 899 hari. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 14 Jun 2013 *Antara sebab kelewatan mengeluarkan Notis Taksiran Cukai Tambahan adalah kerana pembayar cukai tidak bersetuju dengan cadangan penyelesaian audit luar, syarikat memohon bayaran cukai secara ansuran, Pegawai Audit Luar menumpukan kepada kes baru dan Pegawai Audit Luar berkursus. Bagaimanapun, LHDNM akan memantau kes yang sedang diaudit agar Notis Taksiran Cukai Tambahan tidak lewat dikeluarkan.* *Bagi mengatasi masalah kelewatan mengeluarkan notis taksiran cukai tambahan, LHDNM telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Sistem Integrasi CMS dan STS. Pembangunan sistem ini sedang di peringkat rolling out bagi kes audit meja bukan syarikat. Pembangunan sistem ini akan dilanjutkan bagi kes-kes Syarikat. Pembangunan sistem ini akan bermula pada Januari 2014.* Pada pendapat Audit, kelewatan mengeluarkan Notis Taksiran Cukai Tambahan akan melewatkan pungutan cukai. Sehubungan ini, Notis Taksiran Cukai Tambahan perlu dikeluarkan segera bagi kes yang penyelesaiannya telah diluluskan oleh	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pegawai atasan untuk membolehkan cukai dipungut.	
2.5.4.4	**Kes Audit Luar Ditutup Di Peringkat Tertentu Tanpa Penyelesaian** Semakan Audit mendapati 36 syarikat melibatkan 43 kes audit luar ditutup di peringkat tertentu tanpa penyelesaian. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 Hingga 14 Jun 2013 *Antara sebab kes audit luar ditutup di peringkat tertentu tanpa penyelesaian adalah kerana kes dipindahkan ke cawangan lain, Pegawai Audit Luar telah berpindah ke cawangan lain di mana tiada nota temuduga dan dokumen rujukan yang mencukupi diberikan kepada Pegawai Audit Luar yang mengambil alih kes serta dokumen syarikat dirampas oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Sehubungan ini, pemantauan terhadap kes yang ditutup tanpa penyelesaian akan dilakukan secara suku tahun mulai bulan Julai 2013.* Pada pendapat Audit, Ibu Pejabat LHDNM perlu memantau kes audit luar yang ditutup di peringkat tertentu untuk memastikan ianya diselesaikan/ ditutup sewajarnya oleh cawangan yang berkenaan. Selain itu, cawangan hendaklah memastikan kes audit luar yang ditutup di peringkat tertentu adalah hanya melibatkan kes yang benar-benar tidak dapat diselesaikan oleh cawangan berkenaan seperti perpindahan fail pembayar cukai ke cawangan lain.	Merujuk kepada Manual Prosedur Kerja Audit Luar di dalam Bab 6, Aktiviti 6.11 Perenggan a, Pegawai Audit Luar dibenarkan menutup kes di mana-mana peringkat berdasarkan sebab yang telah ditetapkan oleh pihak Ibu Pejabat. Terdapat kemungkinan, Pegawai Audit Luar tidak mengisi sebab kes ditutup dalam CMS. Oleh itu, memo peringatan bertarikh 20 November 2012 telah dikeluarkan kepada cawangan untuk mengisi Kertas Kerja Audit CMS dengan lengkap dan teratur. Tindakan penambahbaikan - Sistem boleh menyenaraikan kes-kes yang ditutup tanpa penyelesaian dan Jabatan Pematuhan Cukai boleh melihat sebab-sebab kes ditutup tanpa penyelesaian untuk tujuan pemantauan. Jangka masa pelaksanaan - Pemantauan sedang dilakukan secara suku tahun mulai bulan Julai 2013 berdasarkan senarai kes yang diterima dari Jabatan Teknologi Maklumat.
2.5.4.5	**Kes Audit Luar Ditutup Atas Alasan Syarikat Telah Diaudit Bagi Tahun Taksiran Terdahulu** Mengikut Manual Prosedur Kerja Audit Luar, kes pernah diaudit boleh ditutup jika Pegawai Audit Luar dan Pengurus Audit LHDNM berpendapat audit luar tidak perlu diteruskan atas sebab-sebab yang telah dikenal pasti. Bagaimanapun, Manual Prosedur Kerja Audit Luar tidak memberi contoh dan justifikasi sebab-sebab yang boleh diterima untuk dijadikan kriteria penutupan kes. Semakan Audit mendapati 18 syarikat melibatkan 18 kes audit luar ditutup atas alasan syarikat yang sama telah diaudit bagi tahun taksiran yang terdahulu. Semakan Audit selanjutnya mendapati syarikat tersebut yang selesai dijalankan audit luar sebelum ini mempunyai pendapatan kurang lapor serta telah dikenakan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM409,641 melibatkan 23 kes bagi tahun-tahun taksiran yang terdahulu.	Pemilihan kes adalah dibuat berdasarkan risiko yang dijana oleh sistem Tax Audit Compliance System (TACS). Oleh itu, akan berlaku kes yang akan diaudit secara berulang selagi terdapat risiko. Tindakan penambahbaikan - Pihak Jabatan Pematuhan Cukai telah melakukan pemantauan terhadap kes audit luar ditutup atas alasan syarikat telah diaudit bagi tahun taksiran terdahulu secara berkala.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 14 Jun 2013 *Kes ditutup tanpa dijalankan audit luar adalah kerana syarikat pernah dijalankan audit luar bagi tahun taksiran yang terdahulu. Dalam bulan Julai 2013, senarai kes-kes yang ditutup oleh sebab audit berulang akan dijana dan Jabatan Pematuhan Cukai akan mengarahkan cawangan menjalankan audit terhadap kes-kes tersebut.* Pada pendapat Audit, kes yang tidak diaudit tetapi terbukti berlaku pengelakan cukai bagi tahun taksiran terdahulu akan mempunyai risiko kehilangan hasil bagi tahun taksiran semasa yang dipilih untuk pengauditan. Oleh itu, audit luar ulangan perlu dilaksanakan terutama sekali terhadap syarikat yang berisiko dalam pengelakan cukai.	
2.5.4.6	**Kelewatan Memasukkan Data Setiap Peringkat Kerja Audit Luar Di *Case Management System* (CMS)** Memo Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai bertarikh 23 Jun 2009 bertajuk "*Attachment* Bukti Audit Di Dalam Kertas Kerja Audit CMS" menghendaki Pegawai Audit Luar memasukkan data kerja audit luar dengan segera ke CMS berdasarkan setiap peringkat kerja yang disiapkan. Semakan Audit mendapati Pegawai Audit Luar telah lewat memasukkan data kerja audit luar ke CMS bagi 390 syarikat melibatkan 735 kes di mana cukai tambahan dan penalti yang terlibat adalah berjumlah RM65.43 juta. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 Hingga 30 April 2013 *Antara sebab kelewatan Pegawai Audit Luar memasukkan data kerja di CMS adalah kerana masalah CMS off-line, Pegawai Audit Luar perlu membuat lawatan luar, menghadiri kursus dan menunggu kelulusan pegawai atasan bagi sesuatu peringkat kerja. Bagaimanapun, LHDNM telah memberi peringatan kepada Pegawai Audit Luar supaya memasukkan data ke CMS sebaik sahaja sesuatu peringkat kerja disiapkan.* Pada pendapat Audit, kelewatan memasukkan data kerja ke *CMS* akan menjejaskan pemantauan status peringkat kerja yang disiapkan pada masa nyata (realtime). Selain itu, ia memberi implikasi bahawa integriti data kerja adalah kurang utuh. Sehubungan ini, pemantauan secara berterusan hendaklah dilaksanakan oleh Ibu Pejabat dan Cawangan LHDNM bagi memastikan tiada kelewatan kemasukan data kerja di CMS.	Kelewatan Pegawai Audit Luar memasukkan data kerja di CMS adalah kerana masalah CMS *off-line*, Pegawai Audit Luar perlu membuat lawatan luar, menghadiri kursus dan menunggu kelulusan pegawai atasan bagi sesuatu peringkat kerja. Bagaimanapun, LHDNM telah memberi peringatan kepada Pegawai Audit Luar supaya memasukkan data ke CMS sebaik sahaja sesuatu peringkat kerja disiapkan. Tindakan penambahbaikan - Pihak Jabatan Pematuhan Cukai telah mengeluarkan memo peringatan bertarikh 20 November 2012 kepada cawangan untuk mengisi Kertas Kerja Audit CMS dengan lengkap dan teratur. Inisiatif yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini adalah dengan membangunkan Sistem Integrasi CMS dan STS. Jangka masa pelaksanaan - Pembangunan sistem ini bagi kes audit meja bukan syarikat telah selesai pada bulan Julai 2013. Pembangunan sistem ini akan dilanjutkan bagi kes-kes syarikat dan kes-kes audit luar. Pembangunan sistem ini akan bermula pada Januari 2014

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.4.7.a	**Format Buku Daftar Lawatan Mengejut Tidak Lengkap** Semakan Audit mendapati Buku Daftar Lawatan Mengejut tidak mempunyai ruangan khusus untuk Pengarah Cawangan dan Pengurus Audit membuat rumusan tentang tahap integriti pasukan/Pegawai Audit Luar. Dengan itu, terdapat Pengarah Cawangan dan Pengurus Audit yang tidak membuat rumusan tentang tahap integriti pasukan/Pegawai Audit Luar. Bagaimanapun, terdapat Pengarah Cawangan dan Pengurus Audit yang juga mengisi nama Pegawai Audit Luar/kerja audit adalah teratur/tiada aduan daripada syarikat terhadap etika Pegawai Audit Luar di ruangan catatan. Pada pendapat Audit, rumusan terhadap integriti Pegawai Audit Luar adalah elemen yang penting dalam lawatan mengejut. Sehubungan ini, format Buku Daftar Lawatan Mengejut hendaklah lengkap dengan ruangan nama Pegawai Audit Luar, nama dan tandatangan Pengurus Audit/Pengarah Cawangan serta rumusan tahap integriti pasukan/Pegawai Audit Luar. Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 31 Mei dan 14 Jun 2013 *Ruangan "catatan" adalah untuk rumusan. Bagaimanapun, LHDNM mengambil perhatian terhadap cadangan Audit agar Buku Daftar Lawatan Mengejut juga perlu mempunyai ruangan nama Pegawai Audit Luar, nama dan tandatangan Pengurus Audit/Pengarah Cawangan bagi tujuan pengesahan identiti pegawai terlibat. Pindaan format Buku Daftar Lawatan Mengejut dijangka dapat dikeluarkan pada bulan Julai 2013.*	Ruangan rumusan adalah di bahagian "catatan" di mana sekiranya terdapat penyelewangan dalam aktiviti pengauditan sepertimana para 3 memo "Pemantauan Integriti – Lawatan Mengejut" bertarikh 18 Ogos 2010, laporan hendaklah dibuat kepada Pengarah Cawangan atau Pengarah Negeri. Tindakan penambahbaikan - Cadangan agar Buku Daftar Lawatan Mengejut juga perlu mempunyai nama pegawai audit luar, nama dan tanda tangan pengurus audit / pengarah cawangan bagi tujuan pengesahan identiti pegawai terlibat telah diambil perhatian dan penambahbaikan telah dibincangkan Memo Pindaan Format Buku Daftar Lawatan Mengejut telah dikeluarkan pada bulan 4 Julai 2013.
2.5.4.7.b	**Kekerapan Minimum Lawatan Mengejut Yang Ditetapkan Tidak Mencukupi** Penelitian Audit terhadap arahan memo berkaitan ketetapan kekerapan minimum lawatan mengejut mendapati kekerapan yang ditetapkan adalah tidak mencukupi dan tidak seimbang di antara cawangan-cawangan LHDNM. Ini adalah kerana ketetapan hanya berdasarkan bilangan lawatan mengejut dalam setahun tanpa mengambil kira bilangan pasukan audit luar di sesuatu cawangan. Oleh kerana, lawatan mengejut bertujuan menilai tahap integriti pasukan audit luar maka ketetapan kekerapan minimum lawatan mengejut hendaklah berasaskan bilangan pasukan audit luar di sesuatu cawangan dan bukannya berasaskan kekerapan minimum bilangan lawatan dalam setahun. Selain itu, pembahagian kategori pembayar cukai iaitu syarikat atau individu berpendapatan perniagaan tidak dinyatakan dalam ketetapan minimum lawatan mengejut.	Kekerapan mengadakan lawatan mengejut sekurang-kurangnya 3 kali setahun oleh Pengarah Cawangan dan 6 kali setahun oleh Pengurus Audit Luar adalah mencukupi buat masa sekarang. Pihak JPC berpendapat ketetapan lawatan mengejut yang berasaskan beberapa elemen seperti kategori pembayar cukai, bilangan pasukan/Pegawai Audit Luar dan juga kekerapan minimum lawatan mengejut dalam setahun tidak praktikal untuk dilaksanakan kerana kekangan-kekangan berikut:- a. Pengarah Cawangan/Pengurus Audit mempunyai tanggungjawab dan beban tugas yang tinggi terutamanya

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Analisis Audit mendapati Pengarah bagi 12 Cawangan selain Kangar dan Labuan (85.7% daripada 14 Cawangan) tidak diwajibkan untuk melakukan lawatan mengejut terhadap semua pasukan audit luar kerana berpendapat bahawa lawatan mengejut sebanyak 3 kali setahun telah memenuhi kekerapan minimum yang ditetapkan. Pendapat yang sama juga berlaku bagi Pengurus Audit di 5 Cawangan iaitu Ipoh, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kuching dan Sektor Am di Jabatan Cukai Korporat (35.7% daripada 14 Cawangan) kerana 6 kali lawatan mengejut dalam satu tahun telah memenuhi kekerapan minimum yang ditetapkan. Oleh yang demikian, tahap integriti pasukan/Pegawai Audit Luar yang tidak dilawati tidak dapat ditentukan. Bagaimanapun, Pengarah Cawangan Kangar dan Labuan (14.3% daripada 14 Cawangan) dan Pengurus Audit bagi 9 Cawangan di Muar, Melaka, Seremban, Alor Setar, Kangar, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bahru dan Labuan (64.3% daripada 14 Cawangan) dapat melakukan lawatan mengejut terhadap semua pasukan audit luar di cawangan terlibat. Ini membolehkan tahap integriti dapat ditentukan untuk kesemua Pegawai Audit Luar. Pada pendapat Audit, bagi meningkatkan ketelusan, amanah dan etika Pegawai Audit Luar, maka ketetapan lawatan mengejut hendaklah lebih dinamik, iaitu dengan berasaskan beberapa elemen seperti kategori pembayar cukai, bilangan pasukan/Pegawai Audit Luar dan juga kekerapan minimum lawatan mengejut dalam setahun. Sehubungan ini, ketetapan dalam lawatan mengejut oleh Pengarah Cawangan dan Pengurus Audit perlu dikaji semula. Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 31 Mei 2013 *Pada masa sekarang, Pengarah Cawangan dan Pengurus Audit mempunyai tanggungjawab dan beban tugas yang tinggi.*	bagi cawangan sederhana dan besar. b. Kekangan masa yang dihadapi oleh Pengarah Cawangan/Pengurus Audit terutamanya bagi cawangan sederhana dan besar. Sehubungan itu, pihak JPC berpendapat bilangan lawatan tersebut mencukupi.
2.5.4.7.c	**Pelaksanaan Pemantauan Integriti Pasukan Audit Luar Kurang Memuaskan** Semakan Audit mendapati pemantauan integriti melalui lawatan mengejut adalah baik bagi 5 Cawangan (35.7% daripada 14 Cawangan) di Muar, Ipoh, Kota Bahru, Kota Kinabalu dan Labuan. Manakala pemantauan integriti melalui lawatan mengejut adalah kurang memuaskan bagi Jabatan Cukai Korporat dan 8 Cawangan lain (64.3% daripada 14 Cawangan) di Melaka, Seremban, Alor Setar, Kangar, Pulau Pinang, Kuantan, Kuala Terengganu dan Kuching. Ini adalah kerana jabatan/ cawangan yang terlibat tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan sama ada lawatan mengejut tidak	Kekerapan mengadakan lawatan mengejut sekurang-kurangnya 3 kali setahun oleh Pengarah Cawangan dan 6 kali setahun oleh Pengurus Audit Luar adalah mencukupi buat masa sekarang, ini memandangkan Pengarah Cawangan/Pengurus Audit mempunyai tanggungjawab dan beban tugas yang tinggi. Tindakan penambahbaikan – Pihak JPC telah mengeluarkan memo bertarikh 4 Julai 2013 berkenaan perkara berikut:-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dijalankan/tidak mematuhi kekerapan minimum yang ditetapkan dan/atau Buku Daftar Lawatan Mengejut tidak diselenggarakan atau tidak lengkap. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 9 Mei 2013 *Antara sebab perancangan lawatan tidak dapat dilaksanakan adalah kerana kekangan masa dengan tugas lain. Bagaimanapun, LHDNM akan mematuhi kekerapan lawatan mengejut yang ditetapkan dan butirannya akan direkodkan dengan lengkap di Buku Daftar Lawatan Mengejut.* Pada pendapat Audit, pemantauan pematuhan terhadap peraturan lawatan mengejut adalah penting bagi memastikan tahap integriti pasukan/Pegawai Audit Luar sentiasa dapat diteliti dan diambil tindakan awal yang sewajarnya apabila terdapat petanda ciri-ciri integriti yang kurang memuaskan. Sehubungan ini, kekerapan minimum lawatan mengejut hendaklah dilaksanakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan Buku Daftar Lawatan Mengejut diselenggara dengan lengkap.	a. Pindaan Format Buku Daftar Lawatan Mengejut. b. Peringatan kepada Pengarah Cawangan/Pengurus Audit bagi mematuhi Memo Pemantauan Integriti –Lawatan Mengejut yang telah dikeluarkan oleh JPC bertarikh 18 Ogos 2010.
2.5.4.8	**Data Pematuhan Ejen Cukai Tidak Dimasukkan Dalam CMS** Salah satu kertas kerja dalam CMS yang perlu diisi oleh Pegawai Audit Luar adalah tahap pematuhan ejen cukai dalam proses audit luar terhadap Ketetapan Umum dan Rangka Kerja Audit. Semakan Audit mendapati Pegawai Audit Luar tidak memasukkan data pematuhan ejen cukai dalam kertas kerja CMS melibatkan 452 ejen cukai bagi 708 syarikat. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tahap pematuhan 452 ejen cukai terhadap Ketetapan Umum dan Rangka Kerja Audit memandangkan tiada data pematuhan ejen cukai dalam CMS. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 14 Jun 2013 *Memo peringatan bertarikh 20 November 2012 dikeluarkan kepada Pegawai Audit Luar supaya memasukkan maklumat mengenai tahap pematuhan ejen cukai di CMS bagi kes-kes yang sedang diaudit.* Pada pendapat Audit, pengemaskinian tahap pematuhan ejen cukai dalam CMS adalah penting sebagai asas untuk menilai integriti ejen cukai.	Pihak LHDNM sedia maklum berhubung pengemaskinian tahap pematuhan ejen cukai dalam CMS. Maklumat diambil kira semasa memproses permohonan baharu dan permohonan pembaharuan kelulusan ejen cukai. Pematuhan oleh ejen cukai terhadap peraturan dan undang-undang percukaian dijelaskan dalam Kod Etika Ejen Cukai. Ejen-ejen cukai hendaklah mematuhi kod etika tersebut. Tindakan penambahbaikan - Tindakan telah diambil oleh LHDNM berhubung pengisian tahap pematuhan ejen cukai dengan mengeluarkan memo peringatan bertarikh 20 November 2012 kepada semua cawangan agar mengisi Kertas Kerja Audit CMS dengan lengkap dan teratur. Jangka masa pelaksanaan - Pemantauan dilakukan ke atas kerja-kerja audit di cawangan-cawangan secara berterusan berdasarkan kepada semakan kes yang dikemukakan untuk kelulusan.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td>2.5.4.9.a</td><td>Taksiran Anggaran Cukai Dan Penalti Tidak Dikeluarkan - Syarikat Mempunyai Bayaran Cukai

Sekiranya syarikat tidak mengemukakan Borang C tetapi mempunyai bayaran cukai, LHDNM perlu mengeluarkan taksiran anggaran cukai di bawah subseksyen 90(3) ACP 1967 berserta penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967. Semakan Audit mendapati LHDNM tidak mengeluarkan taksiran anggaran cukai berserta penalti berjumlah RM3.42 juta terhadap 38 syarikat melibatkan 39 kes yang tidak mengemukakan Borang C tetapi mempunyai bayaran cukai bagi tahun taksiran berkenaan.</td><td rowspan="2">Tindakan penyelesaian terhadap kes-kes yang diaudit:-

<table><tr><th>Jumlah Syarikat</th><th>Bilangan Kes</th><th>Selesai</th></tr><tr><td>38</td><td>39</td><td>39</td></tr></table>
<table><tr><th>Jumlah Syarikat</th><th>Bilangan Kes</th><th>Selesai</th></tr><tr><td>6</td><td>7</td><td>7</td></tr></table>
Program Taksiran Anggaran yang dibangkitkan oleh sistem telah siap mengikut perancangan iaitu pada akhir bulan Jun dan ia telah pun ada di production pada awal Julai. Sekarang ini dalam proses petikan data dan semakan data taksiran anggaran secara automatik.

Tindakan penambahbaikan – Kes-kes dimana Borang C gagal dikemukakan dan taksiran secara automatik gagal dibangkitkan akan diagihkan oleh Jabatan Pematuhan Cukai mengikut permohonan cawangan.</td></tr>
<tr><td>2.5.4.9.b</td><td>Syarikat Mempunyai Jumlah Cukai Yang Dikenakan Bagi Tahun Taksiran Sebelum

Jika syarikat tidak mengemukakan Borang C bagi tahun taksiran tertentu tetapi dikenakan cukai bagi tahun taksiran sebelumnya, maka LHDNM perlu mengeluarkan taksiran anggaran di bawah subseksyen 90(3) ACP 1967 berserta penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 mengikut kadar yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati LHDNM tidak mengeluarkan taksiran anggaran cukai berserta penalti berjumlah RM101,785 terhadap 6 syarikat melibatkan 7 kes yang tidak mengemukakan Borang C.

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 15 April Hingga 14 Jun 2013

Unit Audit Meja di Cawangan LHDNM Pulau Pinang telah mengeluarkan taksiran anggaran terhadap syarikat terlibat. Bagaimanapun, Cawangan LHDNM lain akan menyalurkan maklumat ke Unit Audit Meja untuk dikeluarkan taksiran anggaran. Taksiran anggaran automatik bagi pembayar cukai kes syarikat sedang dalam peringkat pembangunan dan ujian serta dijangka siap pada akhir bulan Jun 2013.

Pada pendapat Audit, pemantapan proses taksiran anggaran cukai perlu dititikberatkan bagi mengelakkan kehilangan hasil. Untuk itu, pemantauan yang lebih berkesan hendaklah dibuat terutamanya terhadap syarikat yang tidak mengemukakan Borang C tetapi tahun taksiran sebelum mempunyai cukai dikenakan/mempunyai bayaran cukai pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran. Sehubungan ini, LHDNM perlu memastikan Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC) yang sedia ada berupaya secara sepenuhnya mengeluarkan taksiran anggaran tersebut secara automatik.</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.5	**Tahap Pematuhan Ejen Cukai Terhadap Ketetapan Umum Dan Rangka Kerja Audit** Semakan Audit terhadap kertas kerja dalam CMS mendapati 21 ejen cukai bagi 24 syarikat menunjukkan tahap pematuhan yang rendah. Manakala 119 ejen cukai bagi 144 syarikat menunjukkan tahap pematuhan yang sederhana. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 9 Mei 2013 *LHDNM akan menasihati ejen cukai sentiasa merujuk kepada Ketetapan Umum, Rangka Kerja Audit dan peka dengan pindaan peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.* Pada pendapat Audit, pertimbangan kelulusan pembaharuan lesen ejen cukai perlu mengambil kira tahap pematuhan ejen cukai terhadap Ketetapan Umum dan Rangka Kerja Audit.	LHDNM mempunyai SOP memproses kelulusan pembaharuan lesen ejen cukai. Sebelum permohonan pembaharuan disokong ke Kementerian Kewangan, tindakan berikut diambil:- i. Memastikan semua taksiran cukai dibangkitkan (compliance); ii. Memastikan cukai tertunggak diselesaikan sepenuhnya. (baki tiada). Ejen Cukai yang diberi kelulusan perlu bertanggungjawab dalam hal percukaian diri sendiri kerana mereka sepatutnya menjadi contoh kepada pelanggan mereka. Perkara ini telah dinyatakan dalam Kod Etika Ejen Cukai diperenggan 5.3, seperti berikut:- “Ejen cukai hendaklah sentiasa mengemaskini hal ehwal percukaiannya sendiri. Borang Nyata dan surat/dokumen hendaklah dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan dan cukai hendaklah dibayar dalam masa yang dibenarkan”. Sekiranya masih tidak patuh, kes kelulusan pembaharuan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Kelulusan Ejen Cukai (MKEJ) pada setiap bulan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) dan ahli-ahlinya adalah Pengarah Jabatan Operasi Cukai, Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai dan Pengarah Jabatan Dasar Percukaian untuk sokongan. Mewujudkan perkongsian pintar dengan persatuan akauntan dengan menganjurkan:- i. Dialog Tahunan Operasi bagi membincangkan isu pelaksanaan operasi dan teknikal; ii. Mesyuarat Working Group LHDNM (DESIRE) membincangkan isu pembaharuan dan penambahbaikan operasi percukaian.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Jangka Masa Pelaksanaan: Tindakan berterusan.
2.5.6.1	**Kelemahan Penguatkuasaan Pemungutan Cukai - Tunggakan Cukai** Semakan Audit mendapati 147 syarikat melibatkan 428 kes gagal menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM54.03 juta. Tempoh tunggakan cukai yang paling lama adalah 15 tahun 6 bulan. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 16 Mei 2013 *Tindakan pemungutan telah diambil selepas teguran Audit seperti mengeluarkan surat peringatan, membenarkan kemudahan bayaran tunggakan cukai secara ansuran dan mengambil tindakan guaman sivil.* Pada pendapat Audit, kelewatan tindakan pemungutan akan melambatkan pungutan cukai. Sehubungan ini, bagi kes tunggakan cukai, tindakan pemungutan hendaklah disegerakan.	Secara amnya tindakan pemungutan diambil ke atas cukai tertunggak berdasarkan strategi dan mengikut keutamaan memandangkan kakitangan yang terhad. LHDNM telah menyediakan langkah-langkah strategi untuk mengatasi kes tunggakan hasil seperti yang dinyatakan dalam Program Operasi Percukaian dengan mengambil tindakan berikut:- • Pengeluaran surat peringatan debit semasa secara mingguan kepada pembayar cukai. Surat dikeluarkan secara automatik mulai 11 Februari 2011. • Senarai kes debit semasa juga dikemukakan ke Pusat Khidmat Pelanggan secara mingguan mulai 20 Jun 2009 bertujuan mengingatkan pembayar cukai untuk membuat bayaran dan jika gagal kenaikan akan dikenakan selepas tarikh kena bayar. • Jawatankuasa Tetap Tunggakan Hasil Cawangan diadakan setiap bulan bagi memantau prestasi penyelesaian kes tunggakan hasil terutama kes debit amaun besar. • Menubuhkan Unit Mesra Hasil cawangan bagi membuat panggilan ke atas kes yang telah dikenakan kenaikan tetapi tidak membuat bayaran. Arahan Operasi Bil 8 Tahun 2011 Aktiviti Unit Mesra Hasil Pungutan. • Membenarkan ansuran bagi kes permohonan pembayar cukai yang tidak mampu membuat bayaran. • Mengenakan sekatan perjalanan ke atas Pengarah Syarikat yang memegang lebih 50% pegangan saham. • Melaksanakan tindakan kaveat. • Mengambil tindakan undang-undang ke atas syarikat:-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		a) Pemfailan saman ditetapkan 20% daripada baki fail yang belum ambil tindakan guaman sivil. Memo 5 Mac 2013 Sasaran Pemfailan Saman Tahun 2013. b) Sasaran pemfailan kes selepas penghakiman ditetapkan 50% daripada baki kes yang belum diambil tindakan. Memo 27 Mei 2013 Sasaran Pemfailan Kes Selepas Penghakiman Tahun 2013. Pihak Ibu Pejabat LHDNM telah mengarahkan semua cawangan memantau dengan lebih kerap bagi kes debit akhir tahun dan debit semasa yang mempunyai tunggakan yang besar kerana kes ini akan menghasilkan kutipan yang besar untuk kerajaan disamping mengambil tindakan pemungutan ke atas kes tunggakan kecil. Rujuk memo Jabatan Pungutan Hasil LHDNM.01/45.2/274/9-1 bertarikh 29 Mei 2012 - TINDAKAN PEMUNGUTAN UNTUK MENCAPAI SASARAN RM120B DAN MENGURANGKAN TUNGGAKAN HASIL. Mesyuarat tunggakan hasil cawangan yang diadakan seharusnya telah membincangkan strategi pemantauan kes besar dan kecil. LHDNM juga telah mengambil pegawai sambilan dalam usaha untuk mengurangkan tunggakan hasil.
2.5.6.2	**Kenaikan Cukai Tidak Dikenakan Di Bawah Seksyen 103 ACP 1967 Terhadap Tunggakan Cukai** Cawangan/Unit Pungutan dikehendaki menguatkuasakan seksyen 103 ACP 1967 dengan mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% atau maksimum 15% mengikut tempoh tunggakan cukai kepada syarikat yang tidak menjelaskan tunggakan cukai. Semakan Audit mendapati kenaikan cukai berjumlah RM3.43 juta tidak dikenakan terhadap 138 kes. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 16 Mei 2013 *Kenaikan cukai telah dikenakan sama ada selepas teguran Audit atau selepas tarikh semakan Audit.* Pada pendapat Audit, bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDNM perlu	Cawangan sentiasa berusaha untuk mengambil tindakan pengenaan kenaikan seksyen 103 ACP 1967 ke atas semua syarikat yang layak. Walau bagaimanapun, kekangan pegawai dan staf menyebabkan tindakan segera diambil dahulu bagi kes yang melibatkan amaun yang besar. LHDNM telah membangunkan Sistem Pengurusan Hasil (ReMS) yang digunakan mulai tahun 2008 untuk pemantauan debit akhir tahun dan mulai Ogos 2009 untuk pemantauan debit semasa. Bagi mempercepatkan tindakan, ReMS telah menjana kes untuk dikenakan kenaikan di bawah seksyen 103 secara

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mencari jalan penyelesaian terhadap kekangan kenaikan cukai secara automatik bagi mengurangkan penggantungan kepada tenaga manusia dalam tindakan kenaikan cukai. Sehubungan itu, LHDNM perlu memastikan aplikasi *Revenue Management System* (ReMS) dan Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC) yang telah dibangunkan berupaya mengenakan kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP 1967 secara automatik terhadap semua syarikat yang gagal membayar tunggakan cukai dalam tempoh yang ditetapkan.	automatik. Data akan di upload ke STS/STSNC untuk semakan kali kedua dan notis kenaikan dikeluarkan melalui STS. Bagaimanapun, mulai tahun 2013, kenaikan seksyen 103 dikeluarkan terus dari STS. Rujuk memo bertarikh 16 April 2013 Pengeluaran Notis Pemberitahuan Cukai Pendapatan Yang Dinaikkan Di Bawah Subseksyen 103 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi fail C,CS,TA dan TC. Pengenaan kenaikan cukai dibuat secara automatik seperti berikut:- • Mengeluarkan notis pemberitahuan cukai pendapatan yang dinaikkan di bawah Seksyen 103 ACP 1967 bagi kes syarikat, koperasi dan badan amanah yang dikenal pasti betul bagi taksiran disifatkan dan taksiran formal yang dibangkitkan dalam tahun 2009. Mula dilaksanakan pada 10 Mei 2010. • Mengeluarkan notis pemberitahuan cukai yang dinaikkan di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967 bagi kes syarikat, koperasi dan badan amanah bagi tahun taksiran 2008 dan tahun taksiran 2009. Mula dilaksanakan pada Julai 2009 untuk tahun taksiran 2007. • Bagi kes yang tidak dikenakan kenaikan secara automatik, tindakan kenaikan secara manual adalah berdasarkan senarai tunggakan hasil yang dikeluarkan setiap awal tahun. Arahan Operasi Bilangan 6 Tahun 2010 telah dikeluarkan kepada cawangan untuk mengambil tindakan mengenakan kenaikan Seksyen 103 ACP 1967 atas baki cukai yang tidak dijelaskan dalam tempoh. Kenaikan cukai tidak dapat dibuat secara automatik untuk semua kes kerana:- i. Kod transaksi dan tahun bayaran yang yang diberikan oleh pembayar cukai tidak tepat mengakibat baki lejar juga tidak tepat. Penting untuk memastikan bayaran adalah untuk bayaran anggaran cukai atau bayaran semasa atau bayaran tunggakan. ii. Perlu mengenepikan kes yang ada ansuran. Semua

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		ansuran perlu diinput ke dalam sistem. iii. Mengenalpasti tarikh kredit wujud apabila berlakunya taksiran kurangan. iv. Peraturan penggunaan kredit hendaklah betul jika dibuat melalui sistem:- a. Menjelaskan semua cukai / baki cukai tertunggak di bawah ACP 1967, Akta Kewangan 2007 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976; b. Menjelaskan semua kenaikan cukai di bawah ACP 1967, Akta Kewangan 2007 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 yang layak dikenakan; c. Menjelaskan ansuran anggaran cukai tahun taksiran semasa di bawah seksyen 107C ACP 1967 yang telah melewati tarikh tetapi belum dijelaskan.
2.5.6.3	**Kenaikan Cukai Tidak Dikenakan Di Bawah Subseksyen 107C(9) ACP 1967 Terhadap Kegagalan Bayaran Skim Anggaran Cukai Syarikat (CP204/CP204A)** Mengikut subseksyen 107C(9) ACP 1967, LHDNM boleh mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% terhadap ansuran anggaran cukai yang tidak/kurang/lewat dibayar oleh syarikat dalam tempoh 14 hari dari tarikh yang ditetapkan. Bagaimanapun, berkuat kuasa mulai 18 Ogos 2010, tempoh kelonggaran yang dibenarkan bagi bayaran ansuran anggaran cukai adalah 7 hari dari tarikh kena dibayar. Semakan Audit mendapati kenaikan cukai berjumlah RM685,056 tidak dikenakan terhadap 104 syarikat melibatkan 167 kes yang tidak/kurang/lewat membayar ansuran anggaran cukai. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 16 Mei 2013 *Kenaikan cukai telah dikenakan terhadap semua syarikat yang gagal membayar anggaran cukai, kecuali sebahagian kes di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur akan dikenakan kenaikan cukai setelah semakan dibuat.* Pada pendapat Audit, *Revenue Management System* (ReMS) yang telah dibangunkan perlu berupaya mengenakan kenaikan cukai secara automatik di bawah subseksyen 107C(9) terhadap syarikat yang gagal membayar anggaran	Cawangan sentiasa berusaha untuk mengambil tindakan pengenaan kenaikan subseksyen 107C(9) ACP 1967 ke atas semua syarikat yang layak. Walau bagaimanapun, kekangan pegawai dan staf menyebabkan tindakan segera kenaikan cukai bulanan tidak dapat diambil ke atas setiap ansuran. Tambahan pula kenaikan subseksyen 107C(9) ACP 1967 dikenakan terhad kepada jumlah cukai kena dibayar menyebabkan tindakan pengenaan tidak dapat diambil sehingga taksiran dibangkitkan. Bagaimanapun, mulai Memo bertarikh 30 Januari 2012 data gagal Ansuran Anggran Cukai CP204 dikemukakan ke Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) Kuching untuk membuat panggilan. Ianya bertujuan mengingatkan pembayar cukai untuk membuat bayaran bulanan akan data dalam tempoh ditetapkan bagi mengelakkan kenaikan cukai dikenakan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	cukai.	
2.5.6.4	**Kenaikan Cukai Tidak/Kurang/Lebih Dikenakan Di Bawah Subseksyen 107C(10) ACP 1967 Terhadap Anggaran Cukai Asal (CP204)/Pindaan Anggaran Cukai (CP204A) Yang Terlalu Rendah** LHDNM perlu mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967 terhadap perbezaan amaun di antara cukai sebenar dengan anggaran cukai asal (CP204) atau anggaran cukai yang dipinda (CP204A) yang melebihi 30% dari cukai sebenar. Semakan Audit mendapati kenaikan cukai berjumlah RM140,279 tidak dikenakan terhadap 66 syarikat melibatkan 79 kes yang melaporkan anggaran cukai asal/pindaan anggaran cukai yang terlalu rendah berbanding cukai sebenar. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 16 Mei 2013 *Kenaikan cukai telah dikenakan terhadap semua syarikat yang gagal membuat anggaran cukai mengikut peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, sebahagian kes kenaikan cukai di Cawangan Pungutan Kota Kinabalu akan dibuat pelarasan kerana kenaikan cukai terlebih/ terkurang dikenakan.* Pada pendapat Audit, *Revenue Management System* (ReMS) yang telah dibangunkan perlu berupaya mengenakan kenaikan cukai secara automatik di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967 terhadap syarikat yang gagal membuat anggaran cukai mengikut peraturan yang ditetapkan.	Kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967 bagi kes syarikat, koperasi dan badan amanah telah mula dilaksanakan pada Julai 2009 untuk tahun taksiran 2007. Kenaikan automatik pada masa ini dibuat secara bulanan.
2.5.6.5	**Sekatan Ke Luar Negara Tidak Diambil Terhadap Pengarah Syarikat** Semakan Audit mendapati sekatan ke luar negara tidak diambil terhadap 51 pengarah syarikat melibatkan 155 kes yang tunggakan cukai syarikat berjumlah RM35.39 juta. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 14 Jun 2013 *Sekatan ke luar negara terhadap pengarah syarikat akan diambil di bawah seksyen 104 ACP 1967 selepas semakan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk pengesahan kedudukan pegangan saham pengarah dalam syarikat.* *Memandangkan jumlah kes syarikat di mana pengarah mempunyai pegangan saham lebih 50% adalah sedikit, cadangan pindaan dibuat bagi maksud 'pengarah yang*	Cadangan pindaan Akta bagi peruntukan seksyen 75A ACP1967 telah dihantar ke Jabatan Dasar Percukaian LHDNM pada 10 Jun 2013 untuk pertimbangan bagi Bajet 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mengawal' kepada 'mempunyai kepentingan yang signifikan' bukan bergantung kepada pegangan saham melebihi 50%. Sehubungan ini, cadangan untuk pindaan peruntukan ACP 1967 akan dikemukakan pada akhir Jun 2013.	
2.5.6.6	**Tindakan Guaman Sivil Tidak Diambil Terhadap Syarikat** Arahan Operasi Bilangan 6 Tahun 2007 menetapkan sekiranya syarikat masih enggan menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM5,000 dan ke atas, LHDNM boleh mengambil tindakan guaman sivil terhadap syarikat di bawah Seksyen 106 ACP 1967. Semakan Audit mendapati tindakan guaman sivil tidak diambil terhadap 78 syarikat melibatkan 244 kes yang tunggakan cukai berjumlah RM22.21 juta. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 14 Jun 2013 *Tindakan guaman sivil telah diambil terhadap sebahagian kes selepas teguran Audit. Manakala surat Pemberitahuan Tindakan Guaman Sivil Akan Diambil dikeluarkan kepada sebahagian kes yang lain. Selain itu, surat peringatan tunggakan cukai juga dikeluarkan kepada syarikat.* *Bagi meningkatkan bilangan kes yang diambil tindakan guaman sivil, sasaran pemfailan saman ke mahkamah bagi setiap cawangan bagi tahun 2013 ditetapkan sebanyak 20% daripada baki fail yang belum diambil tindakan sivil. Memo Jabatan Pungutan Hasil bertarikh 25 Mac 2013 adalah dirujuk.*	Bagi memastikan kes-kes yang telah mendapat penghakiman disusuli tindakan seterusnya oleh cawangan, sasaran ditetapkan di mana sebanyak 50% daripada baki kes yang belum diambil tindakan perlu diselesaikan oleh cawangan. Memo bertarikh 27 Mei 2013 adalah dirujuk.
2.5.6.7	**Tindakan Guaman Sivil Tidak Diambil Terhadap Pengarah Syarikat** Selepas tindakan guaman sivil diambil terhadap syarikat, proses seterusnya adalah tindakan guaman sivil terhadap pengarah syarikat. Bagi tunggakan cukai syarikat berjumlah RM10,000 dan ke atas dan pengarah syarikat yang memiliki saham biasa syarikat melebihi 50% mengikut seksyen 75A ACP 1967, di mana pengarah syarikat dalam tempoh cukai yang dibangkitkan adalah terhutang dan kena dibayar oleh syarikat, LHDNM juga boleh mengambil tindakan guaman sivil terhadap pengarah syarikat berkenaan di bawah seksyen 106 ACP 1967. Semakan Audit mendapati tindakan guaman sivil tidak diambil terhadap 41 pengarah syarikat melibatkan 136 kes yang tunggakan cukai syarikat berjumlah RM20.71 juta. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 14 Jun 2013 *Tindakan guaman sivil terhadap pengarah akan diambil selepas semakan dengan SSM untuk pengesahan pegangan saham.*	Cadangan pindaan Akta bagi peruntukan seksyen 75A ACP1967 telah dihantar ke Jabatan Dasar Percukaian LHDNM pada 10 Jun 2013 untuk pertimbangan bagi Bajet 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Memandangkan jumlah kes syarikat di mana pengarah mempunyai pegangan saham lebih 50% adalah sedikit, cadangan pindaan dibuat bagi maksud 'pengarah yang mengawal' kepada 'mempunyai kepentingan yang signifikan' bukan bergantung kepada pegangan saham melebihi 50%. Sehubungan ini, cadangan untuk pindaan peruntukan ACP 1967 akan dikemukakan pada akhir Jun 2013.	
2.5.6.8	**Tindakan Kaveat Hartanah Tidak Diambil Terhadap Syarikat** Arahan Operasi Bil. 2 Tahun 2009 menghendaki tindakan kaveat hartanah diambil di bawah peruntukan seksyen 320(1)(ba) Kanun Tanah Negara atau mengikut peruntukan perundangan tanah di negeri terhadap syarikat yang memiliki tanah dan bangunan di mana tunggakan cukai melebihi RM50,000. Semakan Audit mendapati tindakan kaveat hartanah tidak diambil terhadap 17 syarikat yang memiliki tanah dan bangunan melibatkan 62 kes di mana tunggakan cukai berjumlah RM10.18 juta. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 30 April Hingga 14 Jun 2013 *Tindakan kaveat hartanah syarikat akan diambil selepas menerima maklumat pemilikan hartanah daripada Cawangan LHDNM yang terlibat.* *LHDNM sedang berusaha menjana senarai tunggakan cukai yang mempunyai harta melalui maklumat daripada projek Data Warehouse LHDNM dalam usaha mengurangkan tunggakan hasil. Maklumat ini akan dijadikan sebagai input untuk mengambil tindakan kaveat harta syarikat. Senarai ini akan dikeluarkan kepada cawangan selewat-lewatnya pada bulan Julai 2013.*	Senarai pembayar cukai syarikat dan selain syarikat yang mempunyai maklumat harta telah diedarkan kepada cawangan. Memo bertarikh 28 Jun 2013 adalah dirujuk.
2.5.6.9	**Tindakan Kaveat Hartanah Tidak Diambil Terhadap Pengarah Syarikat** Jika tunggakan cukai syarikat berjumlah RM50,000 dan ke atas dan pengarah syarikat memiliki saham biasa syarikat melebihi 50% mengikut seksyen 75A ACP 1967, LHDNM boleh juga mengambil tindakan kaveat hartanah di bawah peruntukan seksyen 320(1)(ba) Kanun Tanah Negara mengikut Arahan Operasi Bilangan 2 Tahun 2009 terhadap pengarah syarikat yang memiliki tanah dan bangunan. Semakan Audit mendapati tindakan kaveat hartanah tidak diambil terhadap 5 pengarah syarikat yang memiliki tanah dan bangunan melibatkan 11 kes di mana tunggakan cukai syarikat berjumlah RM1.27 juta. Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 30 April Hingga 16 Mei 2013 *Tindakan kaveat hartanah akan diambil selepas menerima maklumat pemilikan*	Tindakan kaveat diambil oleh LHDNM tetapi tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana ketiadaan maklumat harta. Sekiranya maklumat harta ada, kemudahan carian harta adalah melalui nombor hak milik harta bukan alamat harta. Harta juga hendaklah tidak dicagarkan. Senarai pembayar cukai syarikat dan selain syarikat yang mempunyai maklumat harta telah diedarkan kepada cawangan. Memo bertarikh 28 Jun 2013 adalah dirujuk. Maklumat ini juga akan dijadikan sebagai input mengenalpasti keupayaan membayar syarikat serta mengambil tindakan kaveat harta syarikat.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	hartanah daripada Cawangan LHDNM yang terlibat dan daripada Pembayar Cukai. Pada pendapat Audit, bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDNM perlu menguatkuasakan pemungutan tunggakan cukai secara tegas melalui sekatan ke luar negara terhadap pengarah syarikat, tindakan guaman sivil dan kaveat hartanah. Di samping itu, LHDNM wajar mengadakan mekanisme yang berkesan seperti memperolehi cek tertangguh dari syarikat bagi kes kemudahan bayaran ansuran untuk memastikan syarikat komited menyelesaikan cukai yang terhutang.	

LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 2

KEMENTERIAN KEWANGAN

Perenggan 3 : Pengurusan Dan Kawalan Kedai Bebas Cukai

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.1.1.b.i	**Pegangan Saham Bumiputera Kurang Daripada Yang Ditetapkan** Sebanyak 4 daripada 5 pelesen KBC Bandaraya tidak mengekalkan pegangan saham bumiputera pada 70% dan setakat 31 Januari 2013 tiada saham yang dimiliki oleh bumiputera bagi 4 pelesen tersebut.	Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Pada 30 Julai 2013 *JKDM bersetuju dengan teguran Audit dan telah mengeluarkan surat arahan kepada semua Pengarah Kastam Negeri (PKN) pada 23 Mei 2013 agar memastikan KBC terlibat mematuhi syarat pegangan saham bumiputera yang ditetapkan. PKN telah mengemukakan surat teguran/ makluman kepada semua pelesen KBC yang terlibat dan setakat ini KBC Sempadan Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd. dan KBC Dalam Negeri, Warisan Limpahan Sdn. Bhd. telah mengambil tindakan dengan menjadikan jumlah pegangan saham bumiputera kepada peratusan yang ditetapkan.*
3.5.1.1.b.ii	Sebanyak 5 daripada 25 pelesen KBC (selain KBC Bandaraya) tidak mengekalkan pegangan saham bumiputera pada 30%. Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *JKDM bersetuju dengan teguran Audit dan telah mengeluarkan surat arahan kepada semua Pengarah Kastam Negeri (PKN) pada 23 Mei 2013 agar memastikan KBC terlibat mematuhi syarat pegangan saham bumiputera yang ditetapkan. PKN telah mengemukakan surat teguran/ makluman kepada semua pelesen KBC yang terlibat dan setakat ini KBC Sempadan Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd. dan KBC Dalam Negeri, Warisan Limpahan Sdn. Bhd. telah mengambil tindakan dengan menjadikan jumlah pegangan saham bumiputera kepada peratusan yang ditetapkan.*	
3.5.1.2.b	**KBC Tidak Aktif** Lawatan Audit ke 24 premis pelesen KBC mendapati 2 KBC Lapangan Terbang iaitu Zam Gems Sdn. Bhd. di Bangunan Satelit, KLIA dan Hartamanis Sdn. Bhd. di LCCT, Sepang telah memohon dan diluluskan pembaharuan lesen KBC masing-masing pada 10 Julai 2012 dan 25 Jun 2012 walaupun kedua-dua syarikat adalah pelesen KBC yang tidak aktif. Adalah didapati syarikat Zam Gems Sdn. Bhd. hanya memiliki satu barangan bebas cukai yang merupakan *silver jewellery box* dan tidak aktif sejak bulan Februari 2011. Manakala syarikat Hartamanis Sdn. Bhd. hanya menjual barangan elektronik yang bukan barangan bebas cukai dan tidak aktif sejak bulan Januari 2010.	Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Pada 30 Julai 2013 *JKDM memutuskan mana-mana pelesen KBC yang tidak aktif akan diambil tindakan selaras dengan Perintah Tetap Kastam Bil. 55.*

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *JKDM memutuskan mana-mana pelesen KBC yang tidak aktif akan diambil tindakan selaras dengan Perintah Tetap Kastam Bil. 55.*	
3.5.1.2.d	Analisis Audit mendapati sebanyak 52 lesen telah dikeluarkan oleh JKDM bagi aktiviti KBC dan untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012, nilai jualan kesemua KBC tersebut adalah berjumlah RM2,417.45 juta atau secara puratanya berjumlah RM805.82 juta setahun. Manakala kadar lesen tahunan KBC hanyalah RM600 setahun yang berkuat kuasa sejak tahun 1977 (Peraturan-peraturan Kastam 1977). Berdasarkan maklumat daripada laman web Kastam Singapura, bagi setiap lesen KBC di Singapura, lesen tahunan yang dikenakan ialah S$70,000 atau RM176,330 setahun (S$1 = RM2.519 - Kadar Pertukaran Matawang Asing Untuk Kerajaan Malaysia Bulan April 2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia). Ini menunjukkan kadar lesen tahunan yang dikenakan oleh JKDM adalah 99.7% rendah berbanding kadar yang dikenakan oleh Kastam Singapura. Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Satu mesyuarat telah diadakan di peringkat Perbendaharaan Malaysia pada 15 Mac 2013 berhubung dengan perkara berkaitan dan JKDM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian pada 16 April 2013.*	Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Satu mesyuarat telah diadakan di peringkat Perbendaharaan Malaysia pada 15 Mac 2013 berhubung dengan perkara berkaitan dan JKDM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian pada 16 April 2013.* Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pada 30 Julai 2013 *Pada 25 Julai 2013 , Jabatan telah mengadakan sesi perbincangan dengan pihak industri berhubung dengan kadar yang sesuai dan kini cadangan tersebut di peringkat akhir sebelum dimajukan kepada MOF.*
3.5.1.3.b	**Jaminan Bank Yang Tidak Mencukupi** Semakan Audit terhadap fail induk 31 pelesen KBC di 6 negeri yang dilawati mendapati kaedah pemantauan jaminan bank adalah berbeza-beza antara satu JKDM Negeri dengan JKDM Negeri yang lain. Ini disebabkan PTK Bil. 55 tidak memperjelaskan satu prosedur yang seragam. Perbezaan kaedah pemantauan adalah seperti berikut:- i. Di JKDM KLIA, Sarawak dan W.P. Kuala Lumpur, Pegawai Kastam akan menyemak setiap kemasukan barangan bebas cukai ke KBC serta memastikan nilai jaminan bank adalah mencukupi (mengambil kira cukai ke atas stok sedia ada tambah cukai ke atas barangan yang akan dipindah masuk); dan ii. JKDM Kedah, Perlis dan Selangor tidak memantau sama ada nilai jaminan bank adalah mencukupi bagi menjamin cukai barangan bebas cukai dalam simpanan. Pegawai Kastam di JKDM Negeri tersebut hanya menyemak dan memastikan jumlah cukai barangan bebas cukai yang akan dipindah masuk (tanpa mengambil kira cukai ke atas stok sedia ada) tidak melebihi jaminan bank yang telah	Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pada 30 Julai 2013 *JKDM bersetuju dengan teguran Audit dan telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua PKN pada 31 Mei 2013 agar memastikan KBC terlibat mematuhi syarat nilai jaminan bank seperti ditetapkan dalam PTK Bil. 55. PKN telah mengeluarkan surat arahan kepada pelesen KBC yang terlibat supaya menaikkan nilai jaminan bank. Setakat ini KBC Dalam Negeri, Warisan Limpahan Sdn. Bhd. telah menaikkan nilai jaminan bank.*

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dikemukakan.	
3.5.1.3.c	Semakan Audit selanjutnya mendapati nilai cukai ke atas stok semasa lawatan Audit ke 9 pelesen KBC adalah berjumlah RM15.09 juta manakala nilai jaminan bank hanya berjumlah RM6.54 juta sahaja. Ini bermakna cukai berjumlah RM8.55 juta tidak diliputi dengan jaminan bank yang disediakan. Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *JKDM bersetuju dengan teguran Audit dan telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua PKN pada 31 Mei 2013 agar memastikan KBC terlibat mematuhi syarat nilai jaminan bank seperti ditetapkan dalam PTK Bil. 55. PKN telah mengeluarkan surat arahan kepada pelesen KBC yang terlibat supaya menaikkan nilai jaminan bank. Setakat ini KBC Dalam Negeri, Warisan Limpahan Sdn. Bhd. telah menaikkan nilai jaminan bank.* Pada pendapat Audit, pelesenan KBC tidak diuruskan dengan teratur kerana lesen KBC masih diperbaharui walaupun syarikat tidak mematuhi syarat pegangan saham bumiputera dan pelesen tidak aktif. Pihak Audit juga berpendapat kadar lesen tahunan yang sangat rendah adalah punca syarikat yang tidak aktif masih mampu memperbaharui lesen KBC mereka. Sehubungan itu, nilai jaminan bank yang tidak mencukupi bagi meliputi duti barangan bebas cukai dalam stok boleh menyebabkan JKDM kehilangan hasil kerana duti barangan yang disimpan tidak terjamin.	
3.5.2.1	**Kawalan Penyimpanan Stok/Barangan Bebas Cukai** Semakan Audit terhadap kawalan penyimpanan stok/barangan bebas cukai mendapati KBC Langkawi Duty Free (M) Sdn. Bhd. di Skypark, Subang (KBC Lapangan Terbang) menempatkan barang bebas cukai di tempat yang tidak sesuai dan tidak kukuh kerana terletak di kawasan awam serta pintunya yang tidak mempunyai jeriji. Pada pendapat Audit, stor KBC yang tidak dikawal dengan baik boleh menimbulkan kehilangan duti disebabkan terdedah kepada kecurian dan kerosakan. Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *JKDM bersetuju dengan teguran Audit dan arahan pemasangan jeriji telah dikeluarkan pada 20 Mei 2013.*	Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Pada 30 Julai 2013 *JKDM Selangor, Subang memaklumkan pelesen KBC Langkawi Duty Free (M) Sdn. Bhd. telah memasang jeriji seperti diarahkan pada 17 Julai 2013.*

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.2.2.c	**Label Dan Pembungkusan "*Malaysian Duty Not Paid*"** Semakan Audit untuk menentukan sama ada label dan pembungkusan barang bebas cukai mematuhi standard yang ditetapkan mendapati perkara berikut: i. Warisan Limpahan Sdn. Bhd. di Padang Besar, Perlis (KBC Dalam Negeri) tidak menandakan pada setiap barang dan pembungkus barang-barang berduti bebas cukai yang disimpan dalam premis KBC dengan "*Malaysian Duty Not Paid*". ii. KBC Sempadan Star Five Duty Free Sdn. Bhd. di Bukit Kayu Hitam, Kedah tidak mematuhi standard pembungkusan barang bebas cukai yang telah dijual. Pada pendapat Audit, barang bebas cukai yang tidak ditandakan dengan label "*Malaysian Duty Not Paid*" dan tidak menggunakan pembungkusan yang telah ditetapkan boleh mengelirukan pihak pembeli dan dianggap sebagai barang yang telah dibayar cukai. Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *JKDM telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Mei 2013 kepada semua PKN bagi menasihati KBC supaya mematuhi standard pelabelan dan pembungkusan barang bebas cukai yang telah dijual selaras dengan PTK Bil. 55. Syarikat terlibat telah dikenakan kompaun atas kesalahan di bawah Seksyen 138 Akta Kastam 1967 kerana melanggar syarat lesen Kedai Bebas Cukai.*	Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Pada 30 Julai 2013 *JKDM telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Mei 2013 kepada semua PKN bagi menasihati KBC supaya mematuhi standard pelabelan dan pembungkusan barang bebas cukai yang telah dijual selaras dengan PTK Bil. 55. Syarikat terlibat telah dikenakan kompaun atas kesalahan di bawah Seksyen 138 Akta Kastam 1967 kerana melanggar syarat lesen Kedai Bebas Cukai.*
3.5.2.3.e	**Kawalan Rekod Dan Dokumen KBC** Semakan Audit terhadap kawalan rekod dan dokumen KBC mendapati perkara berikut:- i. semua pelesen KBC telah menyimpan salinan invois jualan, borang Kastam dan rekod pembelian/perolehan barangan bebas cukai dengan kemas kini dan teratur. Di samping itu, penyimpanan rekod pengeluaran barangan dari KBC, rekod jualan harian dan rekod jualan bulanan adalah teratur. Pelesen juga telah mengemukakan penyata jualan bulanan dan senarai serta invois jualan yang telah dibatalkan kepada Stesen Kastam Mengawal KBC pada tempoh yang telah ditetapkan; ii. terdapat satu daripada dua KBC Dalam Negeri iaitu Warisan Limpahan Sdn. Bhd., Padang Besar, Perlis dan kesemua 5 KBC Bandaraya yang diaudit iaitu	Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Pada 30 Julai 2013 *JKDM telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Mei 2013 kepada semua PKN agar mengarahkan KBC terlibat untuk menyediakan dan menyimpan daftar bagi merekodkan nama, nombor dokumen perjalanan, jenis dokumen perjalanan dan nombor pesawat atau kapal untuk ditandatangani oleh pembeli yang datang sendiri ke premis KBC. Setakat ini KBC Dalam Negeri, Warisan Limpahan Sdn. Bhd. telah menyediakan daftar tersebut. Mulai bulan Mac 2013, JKDM Selangor telah menempatkan seorang pegawai kanan di Stesen Kastam Mengawal KBC Subang untuk mengawal urusan KBC*

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	AGM Duty Free (Tengah) Sdn. Bhd.; Bumiraya Duty Free Centre (KL) Sdn. Bhd.; ADF (M) Sdn. Bhd.; Benison Duty Free Sdn. Bhd. dan Green Pacific Sdn. Bhd. tidak menyimpan daftar untuk merekodkan nama, nombor dokumen perjalanan, jenis dokumen perjalanan dan nombor pesawat atau kapal serta ditandatangani oleh pembeli yang datang sendiri ke KBC berkenaan; dan iii. Stesen Kastam Mengawal KBC di Subang, Selangor tidak dapat melaksanakan tugas membandingkan invois jualan asal dengan invois jualan yang disahkan dari Stesen Kastam Pengesahan Eksport bagi KBC Bandaraya disebabkan kekurangan kakitangan. Pada pendapat Audit, kegagalan KBC untuk menyimpan daftar pembelian menyebabkan Stesen Kastam Mengawal KBC tidak dapat membuat pengesahan eksport kerana tiada bukti pembelian oleh pelancong yang hadir sendiri ke premis KBC. Di samping itu, kekurangan kakitangan juga menjadi punca proses semakan invois jualan tidak dapat dijalankan. Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *JKDM telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Mei 2013 kepada semua PKN agar mengarahkan KBC terlibat untuk menyediakan dan menyimpan daftar bagi merekodkan nama, nombor dokumen perjalanan, jenis dokumen perjalanan dan nombor pesawat atau kapal untuk ditandatangani oleh pembeli yang datang sendiri ke premis KBC. Setakat ini KBC Dalam Negeri, Warisan Limpahan Sdn. Bhd. telah menyediakan daftar tersebut. Mulai bulan Mac 2013, JKDM Selangor telah menempatkan seorang pegawai kanan di Stesen Kastam Mengawal KBC Subang untuk mengawal urusan KBC termasuklah membandingkan invois jualan asal dengan invois jualan yang disahkan dari Stesen Kastam Pengesahan Eksport bagi KBC Bandaraya serta salinan invois jualan yang belum lagi diimbangkan.*	*termasuklah membandingkan invois jualan asal dengan invois jualan yang disahkan dari Stesen Kastam Pengesahan Eksport bagi KBC Bandaraya serta salinan invois jualan yang belum lagi diimbangkan.*
3.5.2.4.b	**Penjualan Barang Bebas Cukai Kepada Yang Tidak Layak - KBC Bandaraya** iv. Lawatan Audit ke 5 KBC Bandaraya, iaitu ADF (M) Sdn. Bhd. dan Benison Duty Free Sdn. Bhd., Batu Caves pada 5 Februari 2013; dan AGM Duty Free (Tengah) Sdn. Bhd. dan Bumiraya Duty Free Centre (KL) Sdn. Bhd., Brickfields, Kuala Lumpur pada 7 Februari 2013; serta Green Pacific Sdn. Bhd., Subang, Selangor pada 28 Mac 2013 mendapati tiada jualan barang-barang bebas cukai kepada pelancong antarabangsa. Selain itu, Stesen Kastam Pengesahan Eksport di KLIA, Sepang dan Skypark, Subang juga mengesahkan bahawa tiada salinan invois jualan diterima dan tiada pelancong asing yang hadir untuk mengambil barang bebas cukai yang telah dibeli daripada kelima-lima KBC	Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pada 30 Julai 2013 *JKDM telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Mei 2013 kepada PKN Selangor dan WP Kuala Lumpur agar membuat siasatan kesahihan laporan Audit dan laporan hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu bulan. PKN Selangor dan W.P. Kuala Lumpur telah mencadangkan agar dilanjutkan tempoh siasatan memandangkan bilangan*

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Bandaraya tersebut. Bagaimanapun, barang bebas cukai telah dijual oleh 5 KBC Bandaraya tersebut kepada anak kapal yang berlabuh di Pelabuhan Barat, Selangor dengan had 48 tin bir, 3 liter minuman keras dan 3 karton (600 batang) rokok bagi setiap anak kapal. Walaupun lesen yang dikeluarkan bukan lesen KBC Pelabuhan atau KBC Dalam Negeri, Stesen Kastam Pengesahan Eksport di Pelabuhan Barat, Selangor masih mengesahkan salinan invois jualan daripada 5 KBC Bandaraya tersebut sebagai eksport dan mengembalikannya kepada Stesen Kastam Mengawal KBC di W.P. Kuala Lumpur dan Subang, Selangor untuk semakan. v. Analisis Audit telah dijalankan terhadap salinan invois jualan bertarikh 17 dan 18 Disember 2012 yang dipilih. Adalah didapati kelima-lima KBC Bandaraya telah menjual arak kepada anak kapal bagi 15 kapal yang sama. Ini bermakna setiap anak kapal telah membeli kuantiti arak yang melebihi had yang dibenarkan dan anggaran nilai kehilangan cukai Kastam adalah berjumlah RM216,715 untuk 2 hari sahaja. vi. Analisis Audit selanjutnya telah dijalankan terhadap senarai nama kapal yang berlabuh/berlayar pada bulan Disember 2012 berdasarkan rekod yang diselenggarakan oleh Jabatan Laut Wilayah Tengah dan Kawalan Berth, Westports Malaysia Sdn. Bhd. Adalah didapati kelima-lima KBC Bandaraya yang sama telah mengeluarkan invois jualan arak kepada anak kapal bagi 11 kapal yang telah berlayar, tidak berlabuh/berlayar pada bulan Disember 2012 atau tiada dalam rekod Jabatan Laut Wilayah Tengah atau rekod Kawalan Berth, Westports Malaysia Sdn. Bhd. di Pelabuhan Barat, Selangor. Namun begitu, penjualan arak kepada anak kapal bagi 11 kapal tersebut telah disokong oleh salinan invois jualan yang ditandatangani oleh pembeli sendiri dengan had yang maksimum/sama. Berdasarkan analisis Audit, sekiranya penjualan arak dari KBC Bandaraya ini tidak dapat dibuktikan sebenarnya telah dieksport, dianggarkan Kerajaan telah mengalami kehilangan hasil berjumlah RM230,536 dalam tempoh 2 hari sahaja. Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *JKDM telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Mei 2013 kepada PKN Selangor dan WP Kuala Lumpur agar membuat siasatan kesahihan laporan Audit dan laporan hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu bulan. PKN Selangor dan W.P. Kuala Lumpur telah mencadangkan agar dilanjutkan tempoh siasatan memandangkan bilangan dokumentasi yang perlu dianalisis dengan terperinci adalah terlalu banyak.*	*dokumentasi yang perlu dianalisis dengan terperinci adalah terlalu banyak.* *Pihak PKN WPKL dan Selangor telah mengemukakan laporan awal hasil siasatan pada 30 Julai 2013 namun masih memerlukan masa bagi menyelesaikan siasatan dalam menentukan nilai sebenar duti/cukai terlibat.*

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.2.4.c	**KBC Sempadan** KBC Sempadan dibenarkan untuk menjual barang bebas cukai kepada semua orang di mana pembeli hendaklah hadir sendiri dan membeli dalam kuantiti untuk kegunaan peribadi. Adalah didapati 3 KBC Sempadan, iaitu Naluri Aman Sdn. Bhd. dan Star Five Duty Free Sdn. Bhd. di Kedah dan Emas Kerajang Sdn. Bhd. di Perlis telah menjual barang bebas cukai secara pukal kepada agensi penguatkuasaan di Thailand. Menurut Pegawai Kastam di Stesen Kastam Mengawal KBC yang terlibat, penjualan ini dibenarkan kerana terdapatnya memorandum persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand. Bagaimanapun, dokumen tersebut tidak dapat dikemukakan semasa pengauditan dijalankan. Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *KBC Sempadan Emas Kerajang Sdn. Bhd. di Perlis dibenarkan untuk menjual barangan bebas cukai dalam jumlah kuantiti yang besar selaras dengan kelulusan bertulis dari Ibu Pejabat JKDM melalui surat KE.HE.(44)264/02-109(61) bertarikh 4 Februari 2009 yang membenarkan jualan runcit tanpa had serta menjalankan urus niaga dengan peniaga-peniaga dari Thailand sahaja. Ibu Pejabat JKDM juga telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Mei 2013 kepada PKN Kedah untuk mengarahkan Naluri Aman Sdn. Bhd. dan Star Five Duty Free Sdn. Bhd. menghentikan amalan tersebut dan membuat pemantauan supaya kesalahan ini tidak diulangi.* Pada pendapat Audit, kawalan oleh PKN terhadap penjualan barang bebas cukai oleh KBC Bandaraya adalah tidak memuaskan kerana telah mengakibatkan penjualan arak yang melebihi had kepada anak kapal dan juga kepada anak kapal bagi 11 kapal yang tidak berlabuh/berlayar/tiada dalam rekod pihak berkuasa perkapalan di Pelabuhan Barat, Selangor. Bagi kedua-dua kes tersebut, pihak Audit menganggarkan Kerajaan telah mengalami kehilangan hasil berjumlah RM447,251 bagi tempoh 2 hari.	Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Pada 30 Julai 2013 *KBC Sempadan Emas Kerajang Sdn. Bhd. di Perlis dibenarkan untuk menjual barangan bebas cukai dalam jumlah kuantiti yang besar selaras dengan kelulusan bertulis dari Ibu Pejabat JKDM melalui surat KE.HE.(44)264/02-109(61) bertarikh 4 Februari 2009 yang membenarkan jualan runcit tanpa had serta menjalankan urus niaga dengan peniaga-peniaga dari Thailand sahaja. Ibu Pejabat JKDM juga telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Mei 2013 kepada PKN Kedah untuk mengarahkan Naluri Aman Sdn. Bhd. dan Star Five Duty Free Sdn. Bhd. menghentikan amalan tersebut dan membuat pemantauan supaya kesalahan ini tidak diulangi.*
3.5.2.5.c	**Pemusnahan Barang Bebas Cukai Dan Remisi** Semakan Audit mendapati sebanyak 4 KBC telah memohon remisi berjumlah RM1.99 juta dari tahun 2009 hingga 2012 dan sekiranya permohonan tidak diluluskan oleh Ibu Pejabat JKDM, maka hasil berjumlah RM1.99 juta boleh dikutip daripada KBC berkenaan. Bagaimanapun, permohonan bersama laporan Stesen Kastam Mengawal KBC di KLIA dan Kuching, Sarawak masih belum diputuskan oleh Ibu Pejabat sehingga pengauditan selesai dijalankan.	Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pada 30 Julai 2013 *Urus Setia, Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat telah membuat semakan ke atas perkara ini dan laporan mengenainya sedang disediakan untuk dikemukakan serta mendapatkan kelulusan Pengarah Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat JKDM.*

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, walaupun potensi hasil yang boleh dikutip adalah berjumlah RM1.99 juta, tempoh masa yang lama untuk memutuskan permohonan remisi yang dikemukakan pada tahun 2009 hingga 2012 adalah tidak cekap. Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Urus Setia, Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat telah membuat semakan ke atas perkara ini dan laporan mengenainya sedang disediakan untuk dikemukakan serta mendapatkan kelulusan Pengarah Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat JKDM.*	
3.5.3.1	**Pemantauan - Duti Terkorban KBC** Duti terkorban KBC adalah duti daripada barang bebas cukai yang tidak dapat dikutip oleh JKDM disebabkan kemudahan KBC yang disediakan. Bagi meningkatkan kesedaran Pegawai Kastam terhadap pentingnya mengawal dan memantau aktiviti KBC, JKDM Negeri hendaklah menyelenggarakan rekod mengenai jumlah duti terkorban. Semakan Audit terhadap rekod duti terkorban mendapati perkara berikut:- i. JKDM KLIA telah menyelenggarakan rekod duti terkorban dengan sewajarnya dan nilai duti terkorban yang direkodkan adalah berjumlah RM633.51 juta bagi penjualan barang bebas cukai oleh KBC Lapangan Terbang di KLIA dan LCCT bagi tempoh tahun 2011 hingga 2012. Manakala bagi 5 JKDM Negeri yang diaudit tidak menyelenggarakan rekod berkaitan duti terkorban disebabkan PTK Bil. 55 tidak menetapkan peraturan penyelenggaraan rekod tersebut. ii. Daripada pemeriksaan stok yang dijalankan oleh keenam-enam JKDM Negeri yang diaudit, hanya JKDM KLIA berjaya mengesan kesalahan yang telah dilakukan oleh pelesen KBC antaranya adalah perbezaan stok fizikal dengan rekod stok dan kehilangan barang bebas cukai. Hasil daripada itu, JKDM KLIA telah berjaya mengutip sejumlah RM4.59 juta bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Tindakan menyelenggara rekod duti terkorban tidak dinyatakan di dalam PTK Bil. 55 tetapi ianya dilaksanakan di JKDM KLIA berdasarkan kepada amalan setempat. Memandangkan amalan yang dilaksanakan di JKDM KLIA adalah baik dan disyorkan oleh pihak Audit maka JKDM telah menetapkan untuk memasukkan cadangan ini di dalam PTK Bil. 55 dan merancang untuk mengadakan kursus pengurusan KBC pada bulan September hingga Disember 2013 kepada semua negeri yang terlibat.*	Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Pada 30 Julai 2013 *Tindakan menyelenggara rekod duti terkorban tidak dinyatakan di dalam PTK Bil. 55 tetapi ianya dilaksanakan di JKDM KLIA berdasarkan kepada amalan setempat. Memandangkan amalan yang dilaksanakan di JKDM KLIA adalah baik dan disyorkan oleh pihak Audit maka JKDM telah menetapkan untuk memasukkan cadangan ini di dalam PTK Bil. 55 dan merancang untuk mengadakan kursus pengurusan KBC pada bulan September hingga Disember 2013 kepada semua negeri yang terlibat.*

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.3.2.b	**Pemeriksaan Stok** Semakan Audit mendapati pemeriksaan stok yang dijalankan terhadap 31 pelesen KBC bagi tempoh 3 tahun adalah sebanyak 175 (47%) di 6 negeri yang diaudit berbanding 372 (4 pemeriksaan stok berkala x 31 KBC x 3 tahun) yang sepatutnya dijalankan. Pada pendapat Audit, kelemahan pemantauan oleh PKN dan Ibu Pejabat JKDM telah mengakibatkan pemeriksaan stok terhadap pelesen KBC tidak mencapai standard yang ditetapkan. Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Pada 15 Februari 2013, JKDM Perlis telah melaksanakan pemeriksaan stok terhadap KBC Sempadan Great Earth Duty Free Sdn. Bhd. dan didapati stok 3 karton rokok jenama Gudang Garam Suria telah hilang. Bil tuntutan ke atas kehilangan duti sejumlah RM13,620 telah dikeluarkan dan syarikat telah membuat bayaran pada 10 April 2013. Manakala JKDM Sarawak telah melaksanakan pemeriksaan stok suku tahun pertama 2013 pada 25 Mac 2013 dan didapati rekod stok barangan bebas cukai KBC adalah betul dan kemas kini.*	Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia pada 30 Julai 2013 *Pada 15 Februari 2013, JKDM Perlis telah melaksanakan pemeriksaan stok terhadap KBC Sempadan Great Earth Duty Free Sdn. Bhd. dan didapati stok 3 karton rokok jenama Gudang Garam Suria telah hilang. Bil tuntutan ke atas kehilangan duti sejumlah RM13,620 telah dikeluarkan dan syarikat telah membuat bayaran pada 10 April 2013. Manakala JKDM Sarawak telah melaksanakan pemeriksaan stok suku tahun pertama 2013 pada 25 Mac 2013 dan didapati rekod stok barangan bebas cukai KBC adalah betul dan kemas kini.*
3.5.3.3	**Pelaporan Kepada Ibu Pejabat JKDM** PTK Bil. 55 menyatakan bahawa laporan bulanan perlu dikemukakan sebelum 10 hari bulan pada bulan berikutnya dan laporan tahunan dikemukakan dalam bulan Januari tahun berikutnya ke Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat JKDM. Semakan Audit mendapati Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat JKDM tidak menerima laporan-laporan yang telah ditetapkan secara berkala daripada semua JKDM Negeri yang terlibat dalam pengurusan KBC. Pada pendapat Audit, JKDM kurang memantau laporan bulanan dan tahunan yang perlu disediakan dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat JKDM.	Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia pada 30 Julai 2013. *JKDM Ibu pejabat telah mengeluarkan arahan kepada semua PKN terlibat agar mengemukakan laporan bulanan sebelum 10 hari bulan pada bulan berikutnya dan laporan tahunan sebagaimana ditetapkan dalam PTK Bil. 55. Sehingga kini 80% negeri telah mematuhi arahan tersebut.*

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Perenggan 4 : Taksiran Duti Import Arak

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.2.1.c	**Lesen Kastam Dan Kelulusan *Other Goverment Agencies* (OGA)** Semakan Audit terhadap sampel Borang K1 dan Borang K9 terpilih mendapati perkara berikut:- i. setiap pengimportan arak yang bukan untuk kegunaan persendirian mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam; ii. bagi pengimportan arak yang diikrarkan melalui Borang K1, maklumat dalam Borang K1 tersebut disalurkan terus kepada BKKM untuk semakan secara *online*. Sebagai kawalan dalaman, maklumat Borang K1 tersebut tidak akan diperolehi oleh pegawai penaksir selagi kelulusan *online* melalui SMK tidak diberikan oleh BKKM; iii. bagi pengimportan arak yang masuk ke gudang berlesen dan diikrarkan melalui Borang K8 pula, tiada kelulusan BKKM diperolehi. Sehubungan itu, apabila arak dikeluarkan dari gudang berlesen dan bayaran duti adalah "part consignment" dan diikrarkan melalui Borang K9, kelulusan BKKM juga tidak diperolehi. Perkara ini berlaku kerana Borang K8 dan Borang K9 tidak berantara muka dengan SMK dan juga tiada ruangan dalam Borang K8 dan Borang K9 untuk mengisi kelulusan BKKM; dan iv. semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 13,598 Borang K9 telah didaftarkan untuk mengikrarkan pengimportan arak, iaitu 59.9% daripada jumlah keseluruhan borang pengikraran yang didaftarkan untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012. Pada pendapat Audit, untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012 sebanyak 59.9% daripada keseluruhan pengimportan arak ke Malaysia tidak mempunyai kelulusan OGA, iaitu BKKM.	Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pada 30 Julai 2013 *JKDM bersetuju semua pengimportan arak perlu mempunyai kelulusan BKKM. Bagi mengatasi masalah ini, Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat JKDM telah mengambil tindakan berikut:-* *i. mengadakan perbincangan dengan BKKM pada 25 Mac 2013 untuk membincangkan masalah modul OGA kepada Borang K8 dan Borang K9 kerana data pengikraran K8 dan K9 gagal dihantar dari SMK ke modul OGA FOSIM/BKKM;* *ii. mengedarkan SOP mengenai perintah larangan mengenai import dan perintah larangan mengenai eksport yang berkuat kuasa pada 28 Februari 2013. Berdasarkan SOP ini, semua kelulusan yang berkaitan dengan OGA perlu diperolehi bagi setiap pelepasan dagangan termasuk arak;* *iii. sebagai langkah sementara sebelum masalah modul OGA dapat diselesaikan bagi Borang K8, BKKM telah diminta melaksanakan kelulusan secara manual; dan* *iv. bagi arak yang telah dimasukkan ke dalam gudang berlesen tetapi masih belum dilepaskan, tindakan mendapatkan kelulusan BKKM secara manual akan dibuat semasa pelepasan Borang K9.*

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *JKDM bersetuju semua pengimportan arak perlu mempunyai kelulusan BKKM. Bagi mengatasi masalah ini, Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat JKDM telah mengambil tindakan berikut-* *i. mengadakan perbincangan dengan BKKM pada 25 Mac 2013 untuk membincangkan masalah modul OGA kepada Borang K8 dan Borang K9 kerana data pengikraran K8 dan K9 gagal dihantar dari SMK ke modul OGA FOSIM/BKKM;* *ii. mengedarkan SOP mengenai perintah larangan mengenai import dan perintah larangan mengenai eksport yang berkuat kuasa pada 28 Februari 2013. Berdasarkan SOP ini, semua kelulusan yang berkaitan dengan OGA perlu diperolehi bagi setiap pelepasan dagangan termasuk arak;* *iii. sebagai langkah sementara sebelum masalah modul OGA dapat diselesaikan bagi Borang K8, BKKM telah diminta melaksanakan kelulusan secara manual; dan* *iv. bagi arak yang telah dimasukkan ke dalam gudang berlesen tetapi masih belum dilepaskan, tindakan mendapatkan kelulusan BKKM secara manual akan dibuat semasa pelepasan Borang K9.*	
4.5.2.2.d.i	**Taksiran Duti Arak** Semakan Audit terhadap 28,062 (30.2%) bilangan item arak daripada 93,053 bilangan item arak yang diimport pada tahun 2010 hingga 2012 mendapati perkara berikut:- Sebanyak 1,174 (4.2%) bilangan item dengan duti kastam berjumlah RM1.63 juta (0.9%) daripada sampel Audit telah disalah taksir oleh pegawai Kastam.	Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pada 30 Julai 2013 *i. Penjenisan sebenar arak adalah sukar dilakukan kerana struktur tarif berbeza-beza dan hanya boleh dibuat berdasarkan analisis arak oleh Jabatan Kimia. Oleh itu, adalah sukar untuk menyediakan garis panduan yang khusus. Bagaimanapun, Bahagian PERTEK, Ibu Pejabat sedang berusaha mengeluarkan panduan penjenisan minuman alkohol yang dijangka siap pada akhir tahun 2013.* *ii. Pegawai penaksir yang kurang teliti berlaku kerana kurang berpengalaman terhadap taksiran dan penjenisan arak serta beban tugas yang tinggi disebabkan perlu juga memproses*
4.5.2.2.d.ii	Daripada 1,174 bilangan item arak yang salah taksir, sebanyak 986 (84%) berlaku di JKDM Selangor. Analisis Audit mendapati 94% daripada kesilapan taksiran berlaku apabila pengimport mengisytiharkan *sparkling wine* sebagai wain biasa.	
4.5.2.2.d.iii	Berdasarkan sampel Audit, tiada kes kesilapan taksiran berlaku di JKDM W.P. Kuala Lumpur kerana Pegawai Kastam yang bertanggungjawab telah secara pro-aktifnya menyemak semula Borang K1 dan Borang K9 untuk tempoh tahun 2009 hingga	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	2011. Hasil daripada semakan Pegawai Kastam tersebut, *Bill of Demand* (BOD) berjumlah RM288,882 telah dikeluarkan dan kesemuanya berjaya dikutip.	*pelepasan dagangan lain.* *iii. Bagi menangani isu yang dibangkitkan, JKDM telah dan akan mengambil tindakan seperti berikut:-* • *Bahagian Perancangan Korporat, Ibu Pejabat telah mengarahkan semua Bahagian Pematuhan untuk menjalankan pengauditan secara menyeluruh berhubung dengan pengimportan arak;* • *JKDM Negeri Selangor telah menubuhkan Jawatankuasa Khas (Kastam/PERTEK) untuk menyemak semula Borang K1 dan Borang K9 bagi pengimportan arak tahun 2010 hingga 2012 supaya hasil yang terkurang dikutip dapat dipungut;* • *AKMAL Melaka telah menjadualkan satu kursus khas berkaitan penjenisan makanan dan minuman beralkohol pada bulan Ogos 2013;* • *JKDM Negeri Selangor telah mengambil inisiatif untuk mengadakan latihan setempat berhubung dengan taksiran arak serta menetapkan hanya pegawai penaksir terpilih yang berpengalaman bagi menaksir minuman beralkohol;* • *Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat telah merancang untuk mengemaskinikan semua perintah tetap termasuk Perintah Tetap Kastam Bil. 49 yang berkaitan dengan tatacara pengimportan arak mulai tahun 2014; dan* • *JKDM negeri yang terlibat telah diarahkan untuk memohon penjenisan daripada Bahagian Perkhidmatan Teknik, Ibu Pejabat JKDM untuk pengesahan kod tarif bagi arak jenis Benedictine D.O.M.*
4.5.2.2.d.iv	Memandangkan kadar duti untuk *sparkling wine,* wiski, brandi dan vodka adalah lebih tinggi daripada wain biasa, sekurang-kurangnya RM2.02 juta telah terkurang dikutip. Hasil daripada pemerhatian Audit kepada JKDM Negeri terlibat, BOD berjumlah RM1.95 juta telah dikeluarkan kerana JKDM Negeri berkenaan telah bersetuju dengan penemuan Audit.	
4.5.2.2.d.v	Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, arak jenis Benedictine D.O.M dengan kandungan alkohol sebanyak 40% telah diimport dan diikrarkan melalui 68 Borang K1/K9. Semakan Audit selanjutnya terhadap pengimportan arak jenis ini mendapati perkara berikut:- • pelbagai kod tarif digunakan oleh JKDM W.P. Kuala Lumpur dan JKDM Negeri Selangor untuk taksiran pengimportan arak ini, iaitu sebagai *bitters* (minuman beralkohol yang disuling dengan pati herba aromatik), samsu, *liqueur* atau wiski; • jumlah duti kastam terlibat ialah RM5.5 juta di mana RM4.68 juta telah diberi kelulusan pengecualian bayaran duti oleh Kementerian Kewangan; • berdasarkan surat pengecualian yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan kepada syarikat Bacardi-Martini Malaysia Sdn. Bhd., Benedictine D.O.M ditakrifkan sebagai *bitters* (kod tarif 2208.90.300 dengan kadar duti import RM30/liter). Manakala surat pengecualian kepada syarikat Thai-Pore Wine & Spirits (M) Sdn. Bhd., menunjukkan arak ini ditakrif sebagai *medicated* samsu (kod tarif 2208.90.100 dengan kadar duti import RM26.50 per 100% vol. seliter); • analisis Audit mendapati jumlah duti kastam yang terlibat dalam pengimportan Benedictine D.O.M ialah RM3,777,103 (bitters); RM1,691,987 (samsu); RM30,803 (liqueur); dan RM1,187 (wiski). Selepas pengecualian, duti yang dipungut adalah berjumlah RM0.82 juta; • rujukan Audit kepada laman web www.wikipedia.org., www.benedictinedom.com (laman web syarikat pengeluar Benedictine D.O.M) dan www.merriam-webster.com (Concise Encyclopedia) mendapati Benedictine D.O.M adalah sejenis *herbal liqueurs* iaitu arak jenis brandi dengan campuran sebanyak 27 jenis herba dan rempah. Oleh itu, pihak Audit berpendapat Benedictine D.O.M sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif 2208.70.100 (liqueur) iaitu dengan kadar duti import RM93.50 per 100% vol. seliter.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.2.2.d.vi	Antara lainnya, kesilapan taksiran berlaku kerana JKDM tidak menyediakan garis panduan yang komprehensif mengenai jenis dan jenama arak yang biasanya diimport dan juga pegawai penaksir yang kurang teliti semasa menentukan penjenisan arak tersebut. Selain itu, pegawai penaksir juga tidak mengesahkan jenis arak atau isi kandungan alkoholnya dengan menghantar sampel arak kepada Jabatan Kimia supaya dapat menentukan kod penjenisan yang betul dan mengutip jumlah hasil yang tepat. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 53 kes sampel arak telah dirujuk kepada Jabatan Kimia pada tahun 2010 hingga 2012 dan Panel Penetapan Penjenisan di Ibu Pejabat JKDM telah mengeluarkan senarai keputusan penjenisan berdasarkan laporan kimia yang diterima. Daripada 53 kes yang dirujuk ke Jabatan Kimia, sebanyak 51 adalah kes pencegahan, satu kes adalah mengenai duti dibayar secara bantahan dan hanya satu kes daripada pegawai penaksir bagi mendapatkan kod penjenisan yang betul. Pada pendapat Audit, kesilapan taksiran terhadap pengimportan arak berlaku kerana tiada garis panduan yang komprehensif mengenai jenis dan jenama arak yang biasanya diimport dan pegawai penaksir yang kurang teliti semasa menentukan penjenisan arak tersebut. Akibatnya, hasil sekurang-kurangnya berjumlah RM1.95 juta telah terkurang dikutip. Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *i. Penjenisan sebenar arak adalah sukar dilakukan kerana struktur tarif berbeza-beza dan hanya boleh dibuat berdasarkan analisis arak oleh Jabatan Kimia. Oleh itu, adalah sukar untuk menyediakan garis panduan yang khusus. Bagaimanapun, Bahagian PERTEK, Ibu Pejabat sedang berusaha mengeluarkan panduan penjenisan minuman alkohol yang dijangka siap pada akhir tahun 2013.* *ii. Pegawai penaksir yang kurang teliti berlaku kerana kurang berpengalaman terhadap taksiran dan penjenisan arak serta beban tugas yang tinggi disebabkan perlu juga memproses pelepasan dagangan lain.* *iii. Bagi menangani isu yang dibangkitkan, JKDM telah dan akan mengambil tindakan seperti berikut:-* • *Bahagian Perancangan Korporat, Ibu Pejabat telah mengarahkan semua Bahagian Pematuhan untuk menjalankan pengauditan secara menyeluruh berhubung dengan pengimportan arak;* • *JKDM Negeri Selangor telah menubuhkan Jawatankuasa Khas*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	(Kastam/PERTEK) untuk menyemak semula Borang K1 dan Borang K9 bagi pengimportan arak tahun 2010 hingga 2012 supaya hasil yang terkurang dikutip dapat dipungut; • *AKMAL Melaka telah menjadualkan satu kursus khas berkaitan penjenisan makanan dan minuman beralkohol pada bulan Ogos 2013;* • *JKDM Negeri Selangor telah mengambil inisiatif untuk mengadakan latihan setempat berhubung dengan taksiran arak serta menetapkan hanya pegawai penaksir terpilih yang berpengalaman bagi menaksir minuman beralkohol;* • *Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat telah merancang untuk mengemaskinikan semua perintah tetap termasuk Perintah Tetap Kastam Bil. 49 yang berkaitan dengan tatacara pengimportan arak mulai tahun 2014; dan* • *JKDM negeri yang terlibat telah diarahkan untuk memohon penjenisan daripada Bahagian Perkhidmatan Teknik, Ibu Pejabat JKDM untuk pengesahan kod tarif bagi arak jenis Benedictine D.O.M.*	

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Perenggan 5 : Pengurusan Perolehan Kasut Bagi Anggota Jabatan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.1.2.a	**Perolehan Dan Pengagihan Kasut** JKDM telah menguruskan perolehan kasut kulit secara tender daripada panel pembekal dan peruntukan setiap anggota adalah 2 pasang kasut setahun dan satu pasang but (untuk majlis rasmi) setiap 3 tahun.	Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pada 30 Julai 2013. Jabatan telah melaksanakan penambahbaikkan kepada proses perolehan dan pengagihan kasut 2012 dengan tujuan untuk memperbaiki kecekapan pengurusan pengagihan kasut kepada anggota Jabatan. Walaupun ianya mungkin menyebabkan kelewatan perolehan kasut tahun 2012, namun Jabatan yakin kaedah yang ditambah baik ini akan mencapai objektif Jabatan untuk meningkatkan kecekapan pengagihan kasut pada tahun-tahun seterusnya. Antaranya tindakan mewujudkan spesifikasi kasut dengan bantuan STRIDE dan mengemaskini pangkalan data saiz kasut pada tahun 2012. Bagi pengedaran kasut 2013, JKDM telah menggunakan data saiz kasut berdasarkan kepada maklumbalas oleh JKDM Negeri pada tahun 2012 tersebut. Maklumat saiz kasut bagi pengedaran tahun 2013 telah dikemukakan ke Cawangan Pengurusan Perolehan pada 14 Disember 2012. Data saiz kasut dipantau dari masa ke semasa dan dikemaskini berdasarkan kepada maklumat yang diterima dari JKDM Negeri. Bekalan kasut-kasut tahun 2013 telah mula diedarkan bermula Januari 2013 secara berperingkat dan telahpun selesai diedarkan pada Mei 2013. Antara langkah tambahan yang diambil bagi memastikan pengedaran dapat dibuat seperti yang dirancang adalah :-
5.5.1.2.b	Untuk memastikan kasut tahun 2012 dapat diagihkan sebelum akhir bulan April 2012, JKDM telah mula memproses perolehan kasut pada bulan Mei 2011 apabila satu Pasukan Petugas Pakaian Seragam Jabatan mengadakan bengkel di Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) Kelantan untuk penyediaan spesifikasi tambahan kasut/but.	
5.5.1.2.c	Walaupun keputusan ujian terhadap kasut telah diterima pada 2 April 2012, kertas taklimat tender kepada Lembaga Perolehan (B) Kementerian Kewangan hanya dikemukakan pada 23 April 2012, iaitu mengambil masa 3 minggu.	
5.5.1.2.d	Tawaran melalui tender dibuat pada 17 Januari 2012 dan Surat Setuju Terima hanya dikeluarkan pada 28 Mei 2012 kepada kedua-dua syarikat yang berjaya, iaitu Era Intermerge Sdn. Bhd. (Era Intermerge) dan Sepatu Timur Sdn. Bhd. (Sepatu Timur).	
5.5.1.2.e	Syarikat hanya mula membekal kasut kepada JKDM pada bulan Julai 2012.	
5.5.1.2.j	Cawangan Logistik telah mengeluarkan surat kepada semua JKDM negeri untuk mendapatkan maklumat saiz kasut pegawai pada 29 Mei 2012.	
5.5.1.2.k	Kasut mula dibekalkan oleh syarikat pada bulan Julai 2012 dan setakat akhir bulan November 2012, syarikat berkaitan hanya dapat membekal sebanyak 15,169 (65%) pasang kasut berbanding 23,320 pasang kasut yang diperlukan/pesan. Ini bermakna masih terdapat sebanyak 8,151 pasang kasut yang sepatutnya diagihkan pada bulan April 2012 masih belum dibekalkan oleh syarikat.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.1.2.l	Disebabkan senarai saiz kasut yang dipesan oleh anggota adalah berdasarkan model lama (kontrak tahun 2009/2010), Cawangan Logistik telah memohon kepada pembekal untuk pertukaran saiz kasut pada 18 September 2012.	i. mengedarkan setiap pegawai 2 pasang kasut sekaligus ii. sentiasa memantau dan menggesa pembekal mempercepatkan penghantaran bekalan kasut ke Stor Pusat JKDM
5.5.1.2.m	Senarai saiz kasut terkini hanya dikemukakan oleh Cawangan Logistik kepada Cawangan Pengurusan Perolehan pada 21 November 2012. Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 7 Mac 2013 *Kelewatan dalam proses perolehan kasut adalah disebabkan pertukaran spesifikasi kasut di mana pihak JKDM telah mewujudkan Pasukan Petugas Pakaian Seragam untuk membangunkan reka bentuk kasut supaya masalah kualiti dan saiz kasut dapat dielakkan pada masa akan datang. Sebanyak 8,151 pasang kasut yang belum diagihkan pada bulan November 2012 telah diagihkan pada 26 Disember 2012. JKDM juga telah mengambil tindakan untuk meningkatkan pengurusan perolehan dan pengagihan kasut bagi anggotanya.* Pada pendapat Audit, secara umumnya perolehan dan pengagihan kasut tahun 2012 untuk anggota JKDM tidak diuruskan dengan cekap kerana anggota JKDM yang sepatutnya menerima kasut sebelum akhir bulan April 2012 masih belum menerimanya pada akhir bulan November 2012.	
5.5.2.2.d	**Perolehan Dan Pengagihan Kasut/But Tahun 2009/2010** Sehingga akhir tahun 2011, masih terdapat sebanyak 7,659 pasang kasut/but (model lama) yang tidak diagihkan. Pada 3 Mei 2012, Jawatankuasa Induk Pakaian Seragam Jabatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kastam dalam mesyuaratnya Bil. 1 Tahun 2012 telah memutuskan supaya kasut lama dilupuskan. Antara faktor kasut yang tidak diagihkan perlu dilupuskan adalah:- i. kasut/but telah melebihi tempoh 3 tahun perolehan dan tidak memenuhi piawaian serta tidak kukuh untuk dipakai; ii. tidak dapat diagihkan kerana saiznya tidak memenuhi keperluan pegawai Jabatan; dan iii. hasil ujian terhadap sampel kasut yang dihantar ke Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) untuk ujian *adhesion* dan didapati bahagian tapak kasut telah rapuh (brittle) dan merekah.	Maklum Balas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Pada 30 Julai 2013. Laporan hasil siasatan Jawatankuasa Penyiasat Dalaman telah dikemukakan ke Kementerian Kewangan pada 1 April 2013 dan satu (1) salinan ke Jabatan Audit Negara pada 22 Mei 2012. Sehingga 29 Julai 2013, laporan tersebut masih dalam tindakan pihak MoF. Bagaimanapun, Jabatan telah mengambil tindakan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan perolehan dan pengagihan kasut Jabatan dan tindakan seterusnya termasuk penambahbaikan ke atas pengurusan stor akan ditingkatkan lagi berdasarkan keputusan dan syor Perbendaharaan ke atas hasil Jawatankuasa Penyiasat Dalaman.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.2.2.f	Pemeriksaan fizikal Audit di Stor Pusat Kastam Dengkil pada 26 November 2012 mendapati kuantiti kasut/but yang perlu dilupuskan adalah sebanyak 7,659 pasang bernilai RM602,089. Perbezaan satu pasang adalah disebabkan kesilapan pengiraan dalam surat permohonan pelupusan di mana satu pasang kasut yang dikeluarkan daripada stok untuk diambil gambar tidak diambil kira.	
5.5.2.2.	Sehingga akhir tahun 2012, pihak Perbendaharaan Malaysia masih belum memutuskan sama ada untuk meluluskan permohonan pelupusan kasut kerja bernilai RM602,089 atau sebaliknya. Berdasarkan temu bual dengan Pegawai Kastam yang bertanggungjawab, pihak Perbendaharaan Malaysia secara lisan telah meminta agar JKDM mengagihkan sahaja semua kasut tersebut kepada anggota Kastam yang berminat supaya tidak ditunjukkan sebagai pelupusan yang merugikan Kerajaan. Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 7 Mac 2013 *Satu Jawatankuasa Penyiasat Dalaman telah dilantik pada 8 Februari 2013 sebagaimana yang disarankan oleh pihak Perbendaharaan Malaysia dan laporan mengenainya perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 26 Februari 2012. Bagaimanapun, pihak JKDM telah memohon lanjutan tempoh siasatan melalui surat bertarikh 27 Februari 2013 supaya laporan dapat dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia pada 22 Mac 2013. Berdasarkan laporan siasatan yang dihantar kepada Perbendaharaan pada 1 April 2013, lebihan stok kasut lama di Stor Pusat Kastam adalah disebabkan kelemahan dari segi tatacara pengagihan, sistem perekodan dan pemeriksaan stok serta perancangan dan pemantauan ke atas perolehan bekalan kasut setiap tahun. Bagaimanapun, siasatan lanjut jawatankuasa mendapati proses perolehan kasut adalah teratur dan tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan oleh Cawangan Logistik, Ibu Pejabat JKDM bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Tindakan seterusnya termasuk penambahbaikan ke atas pengurusan stor akan ditingkatkan lagi berdasarkan keputusan dan syor Perbendaharaan kelak ke atas hasil siasatan Jawatankuasa Penyiasat Dalaman.* Pada pendapat Audit, pengagihan kasut tahun 2009/2010 untuk anggota JKDM tidak diuruskan dengan teratur dan berhemat kerana sebanyak 7,659 pasang kasut bernilai RM602,089 yang tidak diagihkan telah mengalami kerosakan/tidak kukuh untuk dipakai lagi serta perlu dilupuskan.	

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Jabatan Pengairan Dan Saliran

Perenggan 6 : Pengurusan Projek Mencegah Hakisan Pantai Dan Mengorek Kuala Sungai

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.1.1.a	**Pencapaian Fizikal Projek** Berdasarkan kontrak, tarikh penyiapan bagi 5 projek adalah antara 16 hingga 156 minggu. Semakan Audit terhadap 5 sampel yang dipilih mendapati kesemua projek telah disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Bagaimanapun, hanya 3 daripada 5 projek berjaya disiapkan tanpa lanjutan masa manakala 2 projek lagi berjaya disiapkan setelah 1 hingga 4 Lanjutan Masa (EOT) diluluskan.	
6.5.1.1.b	Bagi Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang (Fasa 1), didapati kontraktor telah menghantar 2 Permohonan Lanjutan Masa terdiri daripada kerja di bawah Seksyen 1 dan 2 disebabkan gangguan kerja pengerukan di Alur Pelayaran Selatan oleh pihak ketiga iaitu Malaysian Maritime & Dredging Corporation Sdn. Bhd. sejak tahun 2005, kelewatan memperolehi data *"Numerical Modelling"*, tambahan pilihan penilaian reka bentuk serta pertambahan skop kerja asal. Bagaimanapun tiada bukti yang menunjukkan permohonan lanjutan masa bagi Seksyen 1 telah diluluskan oleh JPS. Selanjutnya didapati tiada Perakuan Kerja Tidak Siap dikeluarkan dan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dengan kadar RM10,656 sehari dikenakan sungguhpun kerja di bawah seksyen tersebut telah lewat disiapkan selama 824 hari.	Kerja-kerja (Seksyen 1) dilaksanakan berdasarkan Surat Setuju Terima (SST) Interim yang menjadi asas Ikatan Perjanjian. Skop kerja Seksyen 1 merupakan sebahagian daripada skop keseluruhan kerja dalam kontrak. Bukti permohonan lanjutan masa telah dipersetujui melalui surat bil (23) dlm PPS 14/6/C/2/1 Jld. 5 bertarikh 10 Disember 2008.
6.5.1.1.c	Bagi Projek Mencegah Hakisan Pantai Di Pantai Sabak (Fasa 3), didapati projek ini telah diluluskan 4 EOT yang keseluruhannya berjumlah 271 hari. Antara sebab EOT dipohon adalah berlakunya perubahan reka bentuk berbanding pelan asal kontrak yang disebabkan antaranya oleh perubahan garis pantai yang ketara dan menyebabkan perubahan terhadap skop kerja yang perlu dibuat. Pada pendapat Audit, JPS perlu memastikan setiap permohonan lanjutan masa oleh kontraktor telah diluluskan dalam tempoh kontrak. Selain itu, perancangan dalam menentukan pertambahan skop kerja perlu dibuat secara terancang bagi mengelakkan tempoh lanjutan masa yang lama.	Keempat-empat EOT yg diluluskan adalah dibenarkan di dalam Syarat-syarat Kontrak di bawah peruntukan 43(e), (i) & (j) dan telah mematuhi AP202. Kesemua sebab-sebab yang diberi adalah untuk menyesuaikan keadaan di tapak dan bukan melibatkan pindaan skop asal. Maklum balas dikekalkan seperti di perenggan 6.5.1.1.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 *Perancangan telah diadakan semasa permulaan projek, namun keadaan hakisan pantai yang amat dinamik memerlukan perubahan reka bentuk (dari pelan tender asal) dan perubahan jajaran di beberapa buah lokasi. Kerja yang perlu dilaksanakan di beberapa buah lokasi berasingan merumitkan perancangan kerja disebabkan beberapa faktor seperti kemudahan akses ke tapak, penggunaan jentera, pembekalan bahan mentah dan peraturan yang perlu dipatuhi menyebabkan EOT perlu dikeluarkan. JPS bagaimanapun mengambil maklum teguran ini.*	
6.5.2	**Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu** Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu (ISMP) disediakan bagi melaporkan keadaan persekitaran kawasan pantai termasuklah kajian tentang hakisan pantai dan pemendapan berdasarkan keadaan semasa kajian dibuat. ISMP ini disesuaikan mengikut prinsip *Integrated Coastal Zone Management* (ICZM) untuk memberi perhatian kepada isu utama dan masalah yang dihadapi di garis pesisir pantai Malaysia. Namun, disebabkan kekangan kewangan, ISMP ini belum lagi dikeluarkan bagi setiap negeri di Malaysia. Semakan Audit selanjutnya mendapati ISMP masih belum dikeluarkan bagi 5 buah negeri yang mengalami kadar hakisan yang paling serius iaitu Kelantan; Perlis; Selangor; Terengganu dan Perak. Pada pendapat Audit, memandangkan peruntukan yang diterima adalah terhad, adalah wajar sekiranya negeri yang mempunyai kadar peratusan hakisan pantai yang lebih tinggi diberi keutamaan terhadap penyediaan ISMP bagi mengelakkan hakisan yang lebih serius di negeri tersebut. Maklum Balas Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 *JPS bersetuju dengan pendapat Audit dan sentiasa menegaskan bahawa ISMP adalah perlu bagi negeri yang mengalami kadar hakisan yang serius. Memandangkan peruntukan yang diluluskan adalah terhad, pelaksanaan kajian di masa hadapan akan diberi keutamaan kepada negeri Kelantan, Perlis, Selangor, Terengganu dan Perak yang mengalami masalah hakisan yang serius.*	Sehingga kini permohonan ISMP untuk negeri-negeri yang dinyatakan telah dipohon oleh Jabatan di dalam RP4 (2015) melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) yang telah diperakukan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 27 Jun 2013. (No rujukan SPPII : PA13010082)

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.3.1	**Tadbir Urus Projek - Kaedah Perolehan** Arahan Perbendaharaan 181 menyatakan bahawa tender hendaklah dipelawa bagi kerja yang bernilai melebihi RM500,000. Kementerian/Jabatan adalah dilarang memecah kecilkan nilai kerja bagi mengelakkan pelawaan tender. Semakan Audit mendapati mesyuarat perancangan bagi Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg. Sembayan, Rompin yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pantai, JPS Malaysia yang diadakan pada 1 Julai 2009 telah bersetuju untuk menggunakan struktur lapis lindung batu bagi mencegah hakisan. Komponen yang terlibat dalam projek ini adalah struktur lapis lindung batu sepanjang 300m; penambakan pasir sepanjang 1km dan kerja awalan yang keseluruhannya dianggarkan berjumlah RM9 juta. Semakan selanjutnya terhadap pelaksanaan projek ini mendapati JPS telah memecah kecilkan perolehan bagi projek ini yang keseluruhannya berjumlah RM7.4 juta. Adalah didapati JPS telah memanggil 2 sebut harga pada tahun 2009 di mana nilai keseluruhan bagi kedua-dua sebut harga tersebut adalah RM0.81 juta. Manakala pada tahun 2010, JPS telah memanggil tender yang bernilai RM6.58 juta. Pada pendapat Audit, proses perancangan dan pelaksanaan perolehan perlu selaras dengan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan ia dibuat dengan teratur dan secara *value for money*. Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 *JPS Pahang mengakui terdapat kelemahan dalam mematuhi peraturan kewangan sedia ada. Tindakan drastik berkenaan tidak disengajakan dan terpaksa diambil bagi mengelakkan bangunan berkenaan runtuh akibat hakisan. Tindakan kerja memanggil tender sedang diusahakan sementara menunggu kerja ukur siap dan seterusnya melaksanakan kerja reka bentuk terperinci dan penyediaan dokumen tender.*	Sebutharga terpaksa dipanggil untuk melaksanakan kerja-kerja segera untuk mengelakkan hakisan menjadi lebih teruk sehingga menjejaskan keselamatan bangunan sedia ada. Memandangkan nilai sebutharga adalah terhad, 2 sebutharga perlu dikeluarkan untuk melaksanakan kerja bagi melindungi persisiran pantai berhadapan bangunan tersebut. Isu kelemahan dalam mematuhi peraturan kewangan ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU) Bil 2/2013 pada 9 April 2013 dan akan dibangkitkan semula dalam mesyuarat yang sama Bil.3/2013 pada 1 Ogos 2013 bagi tujuan memperbaiki kelemahan-kelemahan dalam isu tadbir urus dan integriti. Jabatan telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua JPS Negeri melalui surat berkaitan dengan penemuan-penemuan Audit sebagai *Lesson Learnt* (rujuk surat bil (8) dlm PPS14/1/82 Jld. 2 bertarikh 4 Julai 2013 dan semua negeri-negeri diberi peringatan supaya perkara ini tidak akan berlaku di masa hadapan. Kelemahan-kelemahan berkaitan dengan isu perolehan dan integriti akan turut di bentangkan di dalam Persidangan Jurutera-Jurutera Daerah JPS Malaysia 2013 pada September 2013 juga sebagai *Lesson Learnt.*
6.5.3.2.a.i	**Pentadbiran Kontrak - Kontrak Perjanjian** Surat Setuju Terima (SST) merupakan surat yang mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat yang ditetapkan di dalam dokumen tender, draf dokumen kontrak yang telah dikeluarkan terdahulu, syarat yang dinyatakan di dalam Surat Niat dan syarat lain yang telah dipersetujui. Bagi Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1), projek ini telah dilaksanakan secara 2 peringkat yang dipecahkan kepada Seksyen 1 dan Seksyen 2. Bagi kerja yang dilakukan di bawah Seksyen 1, ia telah ditawarkan melalui SST Interim yang dikeluarkan pada 20 Julai 2005 untuk tempoh projek bermula 1 Ogos 2005 sehingga 31 Julai 2006.	Maklumbalas dikekalkan seperti di perenggan 6.5.3.2.a.ii.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.3.2.a.ii	Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan agar kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontrak bagi Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) lewat ditandatangani. Adalah didapati kontrak ini hanya ditandatangani pada 12 Mei 2009 iaitu setelah hampir 7 bulan SST dikeluarkan iaitu pada 23 Oktober 2008. Hal ini berlaku disebabkan JPS lewat mendapat surat pengecualian pemakaian Perubahan Harga daripada Kementerian Kewangan dan perubahan terhadap lukisan kontrak. Pada pendapat Audit, bagi memastikan kepentingan kesemua pihak yang terlibat terjamin, dokumen perjanjian hendaklah ditandatangani dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Butiran lengkap dan terperinci juga hendaklah dibuat dan dipersetujui bersama bagi mengelakkan sebarang permasalahan mengenai skop kerja. Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 21 Jun 2013 *Bagi tujuan penambahbaikan, sistem maklumat kontrak (SMARTRAK) telah dibangunkan oleh JPS di mana pemantauan dibuat secara online. Mulai tahun 2012, tiada dokumen kontrak yang ditandatangani melebihi tempoh 4 bulan.*	
6.5.3.2.b.i	**Pembayaran Projek - Pembayaran Tanpa Ikatan Perjanjian** Arahan Perbendaharaan 99(a) antara lainnya menyatakan sekiranya bayaran dibuat bagi sesuatu kontrak, baucar itu hendaklah mengandungi rujukan mengenai nombor kontrak. Semakan Audit terhadap projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) mendapati terdapat pembayaran yang dibuat tanpa ikatan kontrak yang sah. Bagi kerja yang dibuat di bawah Seksyen 1, tempoh kontrak bermula pada 1 Ogos 2005 dan berakhir pada 31 Julai 2006 serta tiada sebarang lanjutan masa telah diluluskan. Semakan terhadap pembayaran yang dibuat di bawah Seksyen 1 mendapati terdapat 11 transaksi pembayaran yang keseluruhannya berjumlah RM44.41 juta telah dibuat setelah tempoh kontrak tamat iaitu mulai 3 Ogos 2006 hingga 4 Mac 2008.	Kesemua 11 transaksi pembayaran yang berjumlah RM44.41 juta adalah bagi tempoh 3 Ogos 2006 hingga 4 Mac 2008. Kesemua pembayaran telah dibuat berdasarkan Ikatan Perjanjian – Surat Setujuterima Interim daripada Kementerian Kewangan bertarikh 20 Julai 2005.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.3.2.b.ii	**Pembayaran Bagi Stesen Ombak Dan Cuaca** Semakan Audit terhadap kerja di bawah komponen Stesen Ombak dan Cuaca mendapati terdapat kelemahan seperti berikut:- • Arahan Perbendaharaan 99(e)(ii) menetapkan agar bayaran kemajuan bagi sesuatu kerja diperakukan mengikut nilai kerja setakat mana yang telah dilaksanakan atau nilai bahan-bahan yang sebenarnya telah dibekalkan. Bagi Projek Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin, Kelantan (Fasa 1), didapati tuntutan pembayaran telah dibuat sebelum kerja dilaksanakan. Berdasarkan Senarai Kuantiti kontrak, kerja memantau dan menyenggara stesen ombak dan cuaca serta pengumpulan dan analisis terperinci data dari stesen tersebut hendaklah dibuat setiap bulan selama 20 bulan (September 2009 hingga April 2011) dengan jumlah keseluruhan kerja bernilai RM0.74 juta. Adalah didapati tuntutan bagi bayaran interim no. 17 telah dibuat pada 15 Julai 2010 antaranya bagi kerja memantau dan menyenggara stesen ombak dan cuaca serta pengumpulan dan analisis terperinci data dari stesen tersebut bagi tempoh 3 bulan iaitu bagi bulan Jun hingga Ogos 2010. Bagaimanapun, didapati laporan bagi bulan Julai dan Ogos hanya disediakan oleh kontraktor pada 26 Julai 2010 dan 30 Ogos 2010, iaitu selepas tarikh tuntutan dibuat. Pembayaran telah dibuat melalui baucar bayaran no. A6277 bertarikh 20 September 2010. Semakan selanjutnya terhadap laporan bagi bulan Ogos yang disediakan oleh kontraktor juga mendapati tiada kerja pemantauan dan penyenggaraan serta pengumpulan data dan analisis terperinci telah dibuat. • Bagi Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1), antara kerja yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor di bawah komponen Stesen Ombak dan Cuaca adalah kerja memantau dan menyenggara serta pengumpulan dan analisis data untuk tempoh 48 bulan daripada tarikh pemasangan stesen dengan bayaran berjumlah RM2.03 juta. Kerja tersebut meliputi 5 stesen ombak dan cuaca bernilai RM2.7 juta yang dipasang di 5 lokasi yang berbeza. Berdasarkan laporan yang disediakan, didapati kerja memantau dan menyenggara serta pengumpulan dan analisis data bagi kesemua stesen ini tidak dibuat selama 48 bulan bagi setiap stesen seperti yang ditetapkan di dalam kontrak, sebaliknya hanya dibuat antara 4 hingga 18 bulan. Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 *Terdapat kesilapan pada tarikh penilaian pada dokumen bagi Projek Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin, Kelantan (Fasa 1) yang tidak dipinda tarikh*	Terdapat kesilapan pada tarikh penilaian pada dokumen bagi Projek Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin, Kelantan (Fasa 1) yang tidak dipinda tarikh sebenar iaitu pada 31 Julai 2010. Bagaimanapun, pembayaran telah disyorkan pada 26 Ogos 2010. Sebenarnya pembayaran yang telah dibuat setelah kerja telah disiapkan. Jabatan akan memastikan perkara sedemikian tidak akan berulang pada masa hadapan dengan memperbaiki '*Bill of Quantity*' dan spesifikasi dalam dokumen kontrak

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sebenar iaitu pada 31 Julai 2010. Bagaimanapun, pembayaran telah disyorkan pada 26 Ogos 2010.	
6.5.3.2.b.iii	**Bayaran Lesen Pendudukan Sementara, Permit Batuan Dan Royalti Pasir** Klausa 12.2 syarat kontrak menetapkan agar kontraktor menanggung apa-apa liabiliti daripada yuran, caj, kadar atau cukai (tidak termasuk sumbangan modal) yang diperuntukkan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan dengan kerja yang dijalankan. Tiada perubahan boleh dibuat ke atas amaun kontrak berkaitan jumlah yuran, caj, kadar atau cukai. Selain itu, klausa 15.3 turut menetapkan agar kontraktor membayar kesemua royalti, sewa dan lain-lain bayaran atau pampasan yang dikenakan bagi mendapatkan batu, pasir, kerikil, tanah atau lain-lain bahan yang digunakan bagi kerja yang dijalankan. Semakan Audit bagi Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang (Fasa 1) mendapati kontraktor masih lagi belum menjelaskan pembayaran royalti pasir, deposit dan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) berjumlah RM0.95 juta kepada Pejabat Tanah Dan Daerah Pekan bagi kawasan pengorekan pasir seluas 48 hektar di kawasan Muara Sungai Pahang yang digunakan bagi penambakan kawasan pejabat Tapak dan *'stock pile'.* Ini disebabkan pihak MRCB masih belum mendapat persetujuan bahawa bayaran tersebut boleh dituntut kembali kepada pihak JPS. Pada pendapat Audit, memandangkan tempoh kontrak telah tamat dan Tempoh Tanggungan Kecacatan juga hampir tamat, kontraktor hendaklah mempercepatkan proses pembayaran Royalti Pasir dan Lesen Pendudukan Sementara. Pembayaran ini hendaklah dibuat sebelum Akaun Muktamad dikeluarkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin. Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 *JPS akan mengambil tindakan dengan menghantar surat peringatan kepada kontraktor agar membayar segala tuntutan bayaran royalti tersebut. Jika pihak kontraktor masih gagal menjelaskan bayaran tersebut, JPS akan merampas bon pelaksanaan kontrak ini mengikut kaedah yang dibenarkan dalam syarat-syarat kontrak.*	Isu ini bukan di bawah bidang kuasa JPS tetapi di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Daerah Pekan. Walaubagaimanapun Jabatan telah berusaha untuk membantu mendapatkan tuntutan bayaran royalti tersebut dengan mengemukakan surat peringatan kepada kontraktor Surat Peringatan terkini kepada kontraktor telah dikeluarkan no rujukan surat JPS.UPPP.PHG803 Jld. 6 (27) bertarikh 25 Julai 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.3.2.c	**Sijil Perakuan Siap Kerja** Klausa 41.2 syarat kontrak menyatakan apabila keseluruhan kerja telah siap secara praktikal serta selaras dengan kontrak dan Pengarah Projek berpuas hati terhadap kerja tersebut, Perakuan Siap Kerja akan dikeluarkan. Semakan Audit mendapati Perakuan Siap Kerja bagi 3 daripada 5 projek yang diaudit lewat dikeluarkan melibatkan tempoh kelewatan antara 1 hingga 2 bulan. Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 21 Jun 2013 *JPS akan mengambil tindakan untuk mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja dengan kadar segera selepas projek siap. Bagi penambahbaikan, JPS telah membangunkan sistem maklumat kontrak (SMARTRAK) di mana pemantauan dibuat secara online.*	Maklumbalas dikekalkan seperti di Perenggan 6.5.3.2.c.
6.5.4.1.a	**Keberkesanan Projek Yang Telah Disiapkan - Pelaksanaan Projek Secara Berfasa** Berdasarkan laporan yang disediakan oleh perunding Angkasa Consulting Sdn. Bhd. adalah didapati objektif projek tidak akan tercapai sebelum projek disiapkan sepenuhnya dan bagi setiap fasa yang disiapkan, ia terdedah kepada risiko kegagalan terhadap projek yang telah disiapkan dan kawasan sekitar projek. Keberkesanan pembinaan pemecah ombak ini hanya dapat dilihat setelah keseluruhan projek disiapkan. Namun, sekiranya projek tidak diteruskan, antara risiko yang akan dihadapi adalah:- • Pemecah Ombak tidak berkesan menahan ombak menyebabkan nelayan tidak dapat keluar masuk di kuala sungai dengan selamat; • Pulau Syed Hassan akan mengalami hakisan; dan • Laluan pelayaran *(navigation channel)* akan mengalami masalah pemendapan menyebabkan kerja pengorekan berkala terpaksa dilakukan.	Cadangan perlaksanaan projek oleh Jabatan adalah secara penyelesaian menyeluruh (*total solution*). Walaubagaimanapun jumlah peruntukan yang diluluskan oleh agensi pusat adalah terhad dan ini menyebabkan projek tersebut terpaksa dilaksanakan secara berfasa.
6.5.4.1.b	Selain itu, adalah didapati Kerajaan juga terpaksa menanggung kos tambahan bagi memastikan projek yang dijalankan secara berfasa ini dapat disiapkan dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan. Antara kos tambahan yang terpaksa ditanggung ialah kos untuk menjalankan *numerical modelling* seperti yang dicadangkan oleh perunding bagi mengenal pasti risiko projek ini yang dijalankan secara berfasa. Selain itu, pertambahan kos akan berlaku apabila kerja pengorekan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	yang berulang pada lokasi yang sama dibuat akibat kadar mendapan yang tinggi. Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 *JPS memaklumkan projek ini terpaksa dijalankan secara berfasa memandangkan kos keseluruhan projek adalah tinggi dan peruntukan JPS adalah terhad. JPS mengambil maklum dan bersetuju dengan pandangan Audit.* Pada pendapat Audit, bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi setiap projek yang dilaksanakan, kajian terhadap kaedah pelaksanaan projek secara terperinci hendaklah dibuat (sama ada secara berfasa atau menyeluruh) dengan mengambil kira analisis kos faedah. Ini bagi menentukan pilihan kaedah paling ekonomik untuk dilaksanakan.	
6.5.4.2.a	**Kaedah Pelaksanaan Struktur/Bukan Struktur Projek** Struktur keras (*hard structure*) seperti batu lapis lindung yang dibina di pantai akan menyebabkan pergerakan sedimen terhalang. Apabila tiada penambahan (*supply*) struktur daripada kawasan pantai bersebelahan, ia menyebabkan hakisan pantai akan berlaku. Manakala kawasan penambakan pasir biasanya memerlukan kekerapan penambakan semula pada julat masa yang ditentukan untuk mengelakkan hakisan. Jika kawasan tersebut terdedah kepada ombak yang kuat, maka ianya memerlukan kerja penambakan pasir yang lebih kerap. Untuk mengurangkan kekerapan penambakan pasir ini, maka menjadi keperluan untuk merekabentuk struktur yang bersesuaian dengan ciri-ciri pantai tersebut. Bagi Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg. Sembayan, Rompin, ISMP yang dikeluarkan oleh JPS telah mencadangkan bahawa kaedah pengawalan hakisan pantai yang paling sesuai dilaksanakan di kawasan tersebut adalah melalui pemulihan pantai (*beach nourishment*) yang dilakukan secara berkala. Bagaimanapun, didapati kaedah pengawalan hakisan pantai yang dibina adalah merupakan kombinasi antara kaedah batu lapis lindung dan *beach nourishment.* Lawatan Audit pada bulan Disember 2012 mendapati pantai di sekitar projek tersebut telah mengalami hakisan yang semakin serius serta menyebabkan beberapa buah bangunan Summerset Resort (pusat peranginan di kawasan projek) musnah dan rosak. Operasi Summerset Resort telah dihentikan sejak bulan Julai 2012 akibat hakisan pantai yang teruk.	Kerja-kerja pembinaan revetment yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah bagi mengatasi situasi kritikal untuk menyelamatkan bangunan sediada daripada runtuh.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.4.2.b	Semakan selanjutnya bagi Projek Mencegah Hakisan Pantai Di Pantai Sabak, Kota Bharu, Kelantan (Fasa 3), adalah didapati lapis lindung batu telah dibina di sepanjang Pantai Sabak bagi tujuan pengawalan hakisan pantai. Sekiranya tiada penambahan (*supply*) struktur daripada kawasan pantai bersebelahan, ia menyebabkan hakisan pantai akan berlaku. JPS hendaklah memikirkan kaedah penyelesaian yang ekonomik bagi mengatasi masalah hakisan tersebut pada masa akan datang.	Rekabentuk yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah merupakan rekabentuk yang optimum menggunakan peruntukan terhad yang diluluskan. JPS memang menjangkakan pergerakan sedimen dari projek penambakan pantai (*beach nourishment*) dalam tempoh 5 tahun berdasarkan DID Manual Volume 3 – *Coastal Management*. Namun demikian disebabkan keadaan ombak dan arus yang terlalu dinamik di kawasan ini, maka tempoh proses pergerakan sedimen menjadi lebih cepat daripada yang dijangkakan
6.5.4.2.c	Bagi Projek Pengawalan Hakisan Pantai Secara Penambakan Pantai Di Pantai Puteri, Melaka Tengah, Melaka (Fasa 2), adalah didapati terdapat kesan hakisan yang berlaku terhadap pantai yang telah ditambak dan longkang yang dibina telah tercabut dan dimasuki pasir. Pihak Audit berpendapat JPS hendaklah memikirkan kaedah penyelesaian yang ekonomik bagi mengatasi masalah hakisan di kawasan tersebut. Ini kerana kos yang tinggi akan ditanggung oleh Kerajaan sekiranya hanya penambakan pasir secara berkala dilakukan. Pada pendapat Audit, JPS seharusnya menjangkakan masalah yang akan timbul kesan dari setiap projek yang dijalankan dan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan kesan tersebut dapat dikurangkan. Ini secara tidak langsung bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap projek yang dilaksanakan dan pelaksanaan projek tidak mendatangkan masalah baru di kawasan sekitar.	
6.5.4.3.a	**Pembinaan Kompleks JPS** Lawatan Audit di Kompleks JPS yang merupakan salah satu komponen projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) mendapati terdapat keretakan pada kompleks pejabat tersebut yang telah disiapkan pada bulan Ogos 2009. Semakan yang dijalankan mendapati pada 26 Julai 2010, JPS telah menghantar satu aduan berkaitan kerosakan yang dialami di kompleks JPS kepada pihak MRCB dan kerja membaiki kecacatan telah dibuat pada 6 Oktober 2010 sehingga 10 November 2010. Berdasarkan laporan yang disediakan oleh pihak perunding Angkasa Consulting Sdn. Bhd. Bertarikh 18 Ogos 2010, adalah didapati keretakan yang berlaku disebabkan mendapan yang tidak sekata di keseluruhan kawasan lantai yang telah dijangka sebelum pembinaan dilaksanakan. Semakan selanjutnya mendapati tiada bukti Penyiasatan Tapak (S.I) telah dibuat terhadap tapak projek bagi menentukan keupayaan, kekuatan dan kesesuaian tanah adalah selamat sebelum pembinaan dijalankan. Adalah didapati kompleks pejabat berkenaan telah dibina di kawasan bertanah rendah dan berair (kira-kira 0.0m *National Geodetic Vertical Datum* (NGVD)) serta mempunyai struktur yang lembut. Seterusnya bagi tujuan pelaksanaan projek, kawasan tersebut telah ditambak sehingga ke paras 4.5m NGVD. Bagaimanapun tiada rawatan terhadap tanah asal dilakukan sebelum proses	Surat Jabatan kepada kontraktor supaya memohon CCC dan kelulusan permit bangunan kekal dari PBT telah dikeluarkan pada 30 Mei 2013 (rujuk surat Bil. JPS.UPPP.Phg.803 Jld. 6 Bil.(23)). Pihak kontraktor telah memperbaiki keretakan berkenaan berdasarkan surat arahan kepada kontraktor JPS.UPPP.Phg.803 Jld. 6 Bil.(17) bertarikh 11 April 2013. Surat peringatan no rujukan JPS.UPPP.Phg.803 Jld. 6 Bil.(25) bertarikh 11 Julai 2013 telah dikeluarkan kepada kontraktor untuk mengemukakan laporan terperinci dan cadangan pembaikan jangka panjang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	penambakan dilakukan seperti mana yang sepatutnya dilakukan ke atas setiap kawasan baru yang ingin dibangunkan dengan alasan kesuntukan masa.	
6.5.4.3.b	Selain itu, laporan perunding Angkasa Consulting Sdn. Bhd. turut menyatakan asas yang digunakan bagi kompleks bangunan ini adalah berbeza di mana Blok 2A dan 2C hanya menggunakan asas kerangka *(raft)* manakala Blok 2B menggunakan asas cerucuk. Semakan terhadap Lukisan Kontrak dan Senarai Kuantiti bagi kompleks ini mendapati perbezaan di antara Lukisan Kontrak dan Senarai Kuantiti yang disediakan di mana Lukisan Kontrak menetapkan asas bagi kompleks bangunan ini hendaklah menggunakan asas kerangka manakala Senarai Kuantiti menetapkan agar kerja cerucuk dijalankan. Bagaimanapun, isu ini tidak pernah dibangkitkan oleh kontraktor dan JPS. Seterusnya, adalah didapati Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) tidak dikeluarkan bagi kompleks bangunan ini. Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 dan 4 Jun 2013 *JPS memaklumkan tiada Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan untuk bangunan ini disebabkan permohonan kelulusan pelan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibuat atas status bangunan sementara. Bagaimanapun, JPS telah mengarahkan pihak kontraktor untuk mendapatkan dan mengemukakan CCC serta kelulusan Permit Bangunan Kekal. Mengenai keretakan yang berlaku, pihak perunding telah mengemukakan laporan dan cadangan pembaikan. Kerja pembaikan telah disiapkan pada awal tahun 2012 namun begitu keretakan berlaku semula di bahagian lain bangunan tersebut. Surat arahan kepada kontraktor telah dikeluarkan pada 11 April 2013 supaya kerja pembaikan secara menyeluruh dapat dilaksanakan dengan segera.* Pada pendapat Audit, memandangkan projek ini masih lagi di dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, pihak kontraktor dan perunding sivil dan struktur yang dilantik hendaklah menjalankan laporan siasatan terperinci dan menyeluruh yang ditandatangani oleh Jurutera Profesional untuk dikemukakan kepada pihak JPS terhadap punca keretakan yang berlaku di dalam bangunan kompleks tersebut. Pihak kontraktor juga hendaklah mengesyorkan kaedah pembaikan yang ekonomik terhadap keretakan yang berlaku dan mendapat pengesahan serta kelulusan daripada pihak perunding sivil dan struktur. Selain itu, kerja pembaikan hendaklah dibuat dengan segera dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi memastikan kestabilan struktur tiang, dinding dan lantai tidak terjejas akibat mendapan tanah yang berlaku.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.4.4	**Pengesahan Dari Imej Satelit Sebelum Dan Selepas Pelaksanaan Projek** *Viability* sesuatu projek hendaklah diketahui sebelum projek tersebut dijalankan oleh Kementerian/Jabatan. Bagi projek mencegah hakisan pantai dan mengorek kuala sungai yang dijalankan oleh JPS, *viability* projek boleh diketahui melalui kajian dan permodelan hidraulik yang sepatutnya dibuat sebelum projek dilaksanakan selaras dengan Garis Panduan Perlindungan Hakisan Pantai JPS 1/1197. Bagaimanapun, JPS memaklumkan kajian dan permodelan hidraulik ini tidak dibuat di kesemua projek yang dijalankan kerana ia tidak mandatori. Semakan Audit terhadap imej satelit yang diperolehi dari Agensi Remote Sensing Malaysia terhadap 4 sampel projek yang diaudit mendapati kesan hakisan selepas projek disiapkan adalah ketara berbanding sebelum projek dilaksanakan. Pada pendapat Audit, penggunaan teknologi satelit wajar dipertimbangkan dalam menentukan pemilihan/justifikasi pelaksanaan projek melalui kerjasama antara agensi yang terlibat seperti Agensi Remote Sensing Malaysia bagi memastikan *viability* projek.	Bagi tujuan penambahbaikan, pihak Jabatan telah memohon pembelian imej satelit dalam permohonan peruntukan RP4 (2015) untuk membantu memantau pergerakan garis pantai melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPPII). (No rujukan SPPII : PA13010406)
6.5.5	**Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi** Syarat kontrak antaranya menetapkan pemantauan dan penyeliaan terhadap pelaksanaan projek termasuk aspek kualiti kerja adalah merupakan tanggungjawab perunding yang telah dilantik. Lawatan Audit pada bulan Disember 2012 mendapati sebahagian daripada kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi. Pada pendapat Audit, JPS hendaklah memantau dan menyelia kerja kontraktor terutamanya terhadap projek akan datang bagi memastikan dibuat selaras dengan spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan di dalam kontrak. Tindakan tegas yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap kontraktor yang ingkar dan gagal melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan. Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 Dan 21 Jun 2013 *JPS memaklumkan bagi projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) batuan di breakwater yang dibina pula tidak disusun dengan kemas dan teratur kerana ia akan menyebabkan breakwater tersebut gagal berfungsi sebagaimana yang diharapkan. Selanjutnya penyusunan tetrapod bagi projek Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin adalah mengikut reka bentuk yang ditetapkan di dalam lukisan kontrak. Lebihan tetrapod yang berada di luar struktur breakwater tidak menjejaskan fungsi asal breakwater sebaliknya turut membantu untuk mengukuhkan*	Maklumbalas dikekalkan seperti di Perenggan 6.5.5.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	lagi fungsi struktur tersebut. Bagi projek di Pengawalan Hakisan Pantai di Kg. Sembayan, Rompin, armour layer telah dibina seperti spesifikasi. Namun pihak Resort meminta kontraktor menambak batu kecil di antara rongga besar armour layer bagi mengurangkan risiko dan memudahkan pengunjung hotel ke laut. Bagaimanapun tiada bayaran tambahan telah dibuat kepada kontraktor bagi tujuan ini.	
6.5.6.1	**Penggunaan Komponen Projek** Kompleks JPS merupakan salah satu komponen projek di bawah projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1). Pembinaan kompleks ini terdiri dari pejabat JPS, rumah pencawang, pondok pengawal serta perabot dan lengkapan yang keseluruhannya bernilai RM6.15 juta. Lawatan Audit yang dijalankan pada bulan Disember 2012 mendapati kompleks pejabat ini masih belum diduduki sepenuhnya dan tidak diurus dengan baik walaupun bangunan telah disiapkan pada bulan Ogos 2009 dan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada bulan Oktober 2011. Berdasarkan temu bual bersama pegawai dari Unit Projek Pembangunan Persekutuan (UPPP), Kuantan, pejabat ini pada awalnya dibina untuk kegunaan JPS Daerah Pekan. Bagaimanapun, JPS Pekan telah berpindah ke lokasi baru yang diperuntukkan oleh Pejabat Daerah Pekan. Buat masa ini, pejabat ini hanya digunakan ketika lawatan pegawai ke tapak projek. Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 *JPS mengakui perancangan pada peringkat awal kompleks yang dibina adalah untuk digunakan sebagai pejabat JPS Daerah Pekan. Bagaimanapun rancangan tersebut telah dibatalkan memandangkan JPS Daerah Pekan telah ditempatkan di Kompleks Kerajaan Daerah Pekan. Oleh yang demikian kompleks tersebut digunakan sebagai pejabat tapak sepanjang projek ini dilaksanakan. Bagi perancangan jangka panjang, kompleks tersebut dicadangkan akan digunakan sebagai pusat latihan kejuruteraan pantai dan sebahagian bangunan tersebut akan digunakan sebagai kompleks guna sama agensi Kerajaan.*	Maklumbalas dikekalkan seperti di Perenggan 6.5.6.1.
6.5.6.2	Komponen projek bagi 2 projek iaitu Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) dan Projek Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin (Fasa 1) antara lainnya merangkumi pembinaan Stesen Ombak Dan Cuaca yang bernilai RM2.7 juta dan RM0.98 juta. Lawatan Audit pada Disember 2012 mendapati peralatan bagi Stesen Ombak dan Cuaca bagi kedua-dua projek tersebut tidak lagi digunakan dan disimpan di JPS Negeri yang terlibat. Berdasarkan maklum balas JPS, peralatan bagi Stesen Ombak dan Cuaca tersebut hanya digunakan sepanjang tempoh kontrak.	Pendaftaran Aset Alih Kerajaan telah dibuat pada 27/12/2012. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Audit JPS Bil. 2/2013 pada 19 Julai 2013 yang lalu, mesyuarat telah memutuskan supaya peralatan tersebut ditempatkan di Bahagian Pantai, Ibu Pejabat JPS supaya boleh digunakan di lain-lain projek mengikut keperluan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Semakan selanjutnya mendapati peralatan tersebut tidak diuruskan mengikut tatacara pengurusan aset yang berkuat kuasa khususnya dari aspek penerimaan, perekodan dan penyimpanan. Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 *Bagi Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1), peralatan stesen tersebut masih berfungsi dan dalam keadaan baik. Manakala bagi Projek Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin (Fasa 1), pegawai yang berkenaan mengambil keputusan sedemikian sebagai langkah keselamatan terhadap peralatan tersebut setelah semua data diperoleh. Peralatan stesen ombak bagi kedua-dua projek di atas akan digunakan semula dan pada masa ini peralatan tersebut selamat dalam simpanan JPS. Pihak JPS telah mengambil tindakan mendaftarkan semua Aset Alih Kerajaan mengikut Tatacara Pengurusan Aset yang berkuat kuasa.* Pada pendapat Audit, peralatan bagi Stesen Ombak Dan Cuaca tidak seharusnya ditanggalkan/dikeluarkan sekiranya tidak dinyatakan di dalam kontrak dan tiada arahan daripada pegawai yang diberikan kuasa dikeluarkan. Peralatan yang telah dikeluarkan seharusnya disimpan oleh JPS berpandukan tatacara pengurusan aset yang berkuat kuasa kerana ia merupakan aset kerajaan. Bagi memastikan kerajaan mendapat *value for money*, peralatan tersebut boleh digunakan bagi projek JPS akan datang.	
6.5.7.1	**Pengurusan Rekod Aset Dan Inventori - Pengurusan Aset Alih Kerajaan** Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA) menetapkan agar setiap aset didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan. Selain itu, semua aset hendaklah diberi tanda pengenalan dengan cara melabel, mengecat, *emboss* bagi menunjukkan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nama Kementerian/Jabatan berkenaan di tempat yang mudah dilihat dan sesuai pada aset berkenaan. Aset juga hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Semakan Audit bagi projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) mendapati perabot dan kelengkapan pejabat yang terdapat di dalam Kompleks Pejabat JPS tidak didaftarkan sepenuhnya. Terdapat juga peralatan, perabot dan kelengkapan pejabat yang tidak dilabel. Lawatan Audit turut mendapati sebahagian perabot dan alatan yang tidak disimpan di tempat yang sepatutnya serta disenggara dengan baik.	Maklumbalas dikekalkan seperti di Perenggan 6.5.7.2.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.7.2	**Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan** Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009 memberi panduan dalam pengurusan aset Kerajaan dan Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2012 menerangkan tatacara pengurusan aset tak alih Kerajaan. Pekeliling ini antara lainnya menyatakan kepentingan terhadap menyediakan maklumat aset yang lengkap bagi tujuan perancangan pembangunan dan kawalan penggunaan aset tak alih. Semakan Audit mendapati kesemua projek yang diaudit melibatkan pembinaan aset tak alih yang terdiri dari bangunan, lapis lindung, *dykes*, pemecah ombak dan lain-lain. Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan struktur yang dibina ini telah didaftarkan sebagai aset dan rekodnya disenggara dengan baik berdasarkan tatacara pengurusan aset yang berkuat kuasa. Pada pendapat Audit, pengurusan aset alih dan inventori khususnya berhubung penerimaan, perekodan, penyimpanan dan pelupusan hendaklah dibuat selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa. Ini bagi memastikan aset tersebut dijaga dan digunakan dengan baik dan seterusnya Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dikeluarkan. Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 dan 21 Jun 2013 *JPS memaklumkan aset alih seperti perabot dan kelengkapan pejabat di Kompleks JPS tersebut telah didaftarkan dalam senarai inventori dan pelabelannya sebagai Hak Kerajaan Malaysia telah dibuat. Pihak JPS telah mengambil tindakan mendaftarkan semua Aset Alih Kerajaan mengikut Tatacara Pengurusan Aset yang berkuat kuasa. Pihak JPS juga sedang mengambil tindakan mendaftarkan semua Aset Tak Alih Kerajaan mengikut Tatacara Pengurusan Aset yang berkuat kuasa (MySpata) dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2014.*	
6.5.8.1	**Penyenggaraan dan Pemantauan Selepas Projek Disiapkan** Manual JPS Volum 3 antara lainnya menyatakan bahawa *Survey* hendaklah dibuat bagi kawasan yang telah dibuat penambakan pantai dan muara sungai. Ini bagi mengetahui kadar/jumlah pasir yang telah hilang kerana kadar kehilangan pasir adalah tinggi bagi tempoh beberapa bulan selepas kerja di tapak siap dijalankan. Bagi tempoh seterusnya, *survey* boleh dijalankan sekali setahun sebelum dan selepas monsun. Semakan Audit mendapati, *survey* tidak pernah dibuat selepas kerja penambakan dilakukan di 3 tempat projek yang terlibat dengan penambakan pantai iaitu di Rompin, Sg. Kemasin dan Pantai Puteri.	Pihak Jabatan telah memohon pembelian imej satelit dan menjalankan analisis perubahan garis pantai di bawah peruntukan RP4 (2015) melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPPII).(No rujukan SPPII : PA13010406).

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.8.2	Manual JPS Volum 3 turut menyatakan pemeriksaan hendaklah dijalankan terhadap *groynes* dan *breakwater* sekurang-kurangnya sekali setahun selepas tempoh monsun di mana ombak tertinggi dijangka berlaku. Hasil semakan Audit mendapati pemeriksaan tidak pernah dibuat bagi kesemua projek yang melibatkan pembinaan *groynes* dan *breakwater* (4 daripada 5 projek).	
6.5.8.3	Semakan Audit turut mendapati JPS tidak mempunyai rekod yang menyimpan data dan maklumat terkini mengenai hakisan pantai dan *sedimentation* di muara sungai seluruh Malaysia. Rekod ini adalah penting bagi tujuan perancangan projek di masa hadapan. Pada pendapat Audit, *survey* dan pemeriksaan berkala hendaklah dibuat bagi mengetahui keadaan tapak selepas projek dibuat selaras dengan Manual yang dikeluarkan JPS. Tindakan pencegahan/pembetulan juga boleh diambil dengan kadar segera sekiranya sesuatu berlaku di tapak. Ini bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang telah dibuat. Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 dan 21 Jun 2013 *JPS mengakui keperluan menjalankan survey bagi kawasan yang telah dibuat penambakan pantai dan muara sungai. JPS di peringkat negeri juga akan memohon peruntukan negeri untuk menjalankan penyenggaraan, pengumpulan data, pemeriksaan dan pemantauan selepas projek disiapkan. Namun demikian, peruntukan dari Kerajaan Negeri pada kebiasaannya tidak mencukupi bagi pelaksanaan kerja-kerja tersebut.*	

KEMENTERIAN KERJA RAYA

Perenggan 7 : Pengurusan Fasiliti Bangunan Gunasama Persekutuan Di Bawah Seliaan Kementerian Kerja Raya

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.1.1	**Prestasi Penyenggaraan Fizikal - Penyenggaraan Sivil Dan Struktur** Pemeriksaan fizikal telah dilakukan terhadap Bangunan yang dilawati bagi melihat keberkesanan penyenggaraan fasiliti bangunan. Antara aspek yang diberi tumpuan adalah fasiliti yang memberi impak langsung kepada penyampaian perkhidmatan kepada rakyat yang boleh menjejaskan reputasi Kerajaan secara keseluruhannya. Hasil lawatan fizikal mendapati pengurusan fasiliti Bangunan Gunasama Persekutuan yang diuruskan oleh ketiga-tiga syarikat konsesi adalah memuaskan kecuali beberapa kelemahan yang dikenalpasti. Bagaimanapun, pengurusan fasiliti di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta yang diuruskan oleh pihak KKR adalah kurang memuaskan. Antara penemuan Audit dan sebahagian tindakan pembetulan yang diambil adalah seperti berikut:- Penyenggaraan sivil dan struktur adalah kerja penyenggaraan yang antaranya melibatkan pembaikan bumbung, siling, dinding, lantai, pengemasan cat dan papan tanda. Lawatan Audit ke bangunan gunasama mendapati kerja penyenggaraan sivil dan struktur adalah kurang sempurna seperti kebocoran dan resapan air di siling, kesan lumut di dinding dan cat menggelupas.	Sehingga 26 Julai 2013, kesemua 160 teguran audit telah diambil tindakan. Daripada jumlah tersebut, 157 teguran telah siap sepenuhnya. 3 lagi teguran masih dalam proses perolehan kerja dan kerja pembaikan dijangka siap sepenuhnya pada 31 Oktober 2013. Sebagai langkah penambahbaikan, Bahagian Kawalselia Penyenggaraan, Kementerian Kerja Raya akan memastikan kompetensi pegawai-pegawai yang melaksanakan pemantauan dipertingkatkan melalui latihan mengikut disiplin yang bersesuaian mulai Ogos 2013.
7.5.1.2	**Penyenggaraan Mekanikal** Penyenggaraan mekanikal adalah kerja penyenggaraan yang antaranya melibatkan pembaikan lif, penyaman udara, pengudaraan, sistem *sprinkler* dan *fire alarm and fire fighting system*.	
7.5.1.3	**Penyenggaraan Elektrik** Penyenggaraan elektrik adalah kerja penyenggaraan yang antaranya melibatkan kawalan elektrik bervoltan rendah, sederhana dan tinggi, sistem telekomunikasi PABX dan pembumian kilat.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.1.4	**Kebersihan Bangunan Dan Landskap** Kerja penyenggaraan bangunan juga termasuk kerja pembersihan bangunan dan penjagaan landskap. Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 10 Jun 2013 *Sehingga 6 Jun 2013, pihak KKR dan syarikat konsesi telah mengambil tindakan pembaikan terhadap 154 daripada 160 kerja-kerja kurang sempurna yang telah ditegur oleh pihak Audit. 6 lagi kerja-kerja kurang sempurna masih dalam tindakan pelaksanaan perolehan oleh pihak-pihak berkaitan dan akan selesai selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2013. Langkah-langkah penambahbaikan seperti memberi latihan kepada pekerja terlibat dan meningkatkan pemantauan juga akan/telah diambil bagi memastikan masalah tidak berulang lagi.* Pada pendapat Audit, semua kemudahan dan aset Kerajaan memerlukan pengurusan, penjagaan dan penyenggaraan yang teratur dan berkesan bagi menjamin jangka hayat yang lebih lama dan sentiasa berada dalam keadaan baik, selamat untuk digunakan, serta menjimatkan perbelanjaan. Sekiranya aspek pengurusan dan penyenggaraan aset tidak diberi perhatian sewajarnya maka Kerajaan terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang tinggi bagi membaikpulih atau mengganti aset tersebut.	
7.5.2	**Ketidaktepatan Tempoh Liputan Bon Penyenggaraan** Mengikut syarat kontrak, syarikat konsesi hendaklah mengemukakan bon penyenggaraan (*Maintenance Bond*) yang bernilai 5% daripada jumlah yuran tahunan yang ditentukan dalam kontrak dengan Kerajaan. Bon penyenggaraan hendaklah diperbaharui setiap tahun dan meliputi sehingga tempoh 12 bulan selepas tamat tempoh konsesi atau penamatan kontrak dengan Kerajaan. Semakan Audit mendapati tempoh liputan bon penyenggaraan yang dikemukakan oleh Syarikat Ambang Wira Sdn. Bhd. adalah silap, iaitu kurang meliputi satu tahun. Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 10 Jun 2013 *Ambang Wira Sdn. Bhd. telah memperbaharui bon penyenggaraan daripada tarikh tamat asal 31.05.2013 kepada tarikh tamat baru 31.05.2014 bagi semua bangunan di bawah seliaannya. Sebagai langkah penambahbaikan, setiap syarikat konsesi akan diberi surat peringatan sebelum tamat tempoh liputan bon berakhir.*	Bon Penyenggaraan Syarikat Ambang Wira Sdn Bhd (AWSB). Pihak AWSB telah memperbaharui Bon Penyenggaraan daripada tarikh tamat asal 31.05.2013 kepada tarikh tamat baru 31 Mei 2014 bagi semua bangunan di bawah seliaanya pada 23 April 2013. Sebagai langkah penambahbaikan, Bahagian Kawalselia Penyenggaraan, Kementerian Kerja Raya akan memberikan setiap konsesi surat peringatan memperbaharui bon penyenggaraan 2 bulan sebelum tempoh liputan bon berakhir.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, bon penyenggaraan amat penting bagi menjamin kepentingan Kerajaan sekiranya syarikat konsesi gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak. Sehubungan dengan itu, pihak KKR harus sentiasa memastikan ketepatan amaun dan tempoh liputan bon tersebut.	
7.5.3	**Syarat Denda Tidak Spesifik** Mengikut syarat kontrak Jadual 9, denda akan dikenakan atas kegagalan syarikat konsesi memberi perkhidmatan yang ditetapkan dalam kontrak. Namun begitu, semakan Audit mendapati syarat denda tersebut tidak menentukan amaun denda dengan spesifik bagi setiap ketidakakuran *Technical Requirement Performance Indicator* (TRPI). Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 10 Jun 2013 *Pihak Kerajaan dan syarikat konsesi dalam proses membuat penambahbaikan bagi demerit point untuk setiap skop perkhidmatan yang terlibat melalui beberapa siri Mesyuarat Penetapan Kadar Denda dan Demerit Point Bagi Ketidakakuran Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator) Bagi Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan. Satu mesyuarat bagi memuktamadkan kadar denda dan demerit point tersebut akan diadakan.* Pada pendapat Audit, pihak KKR perlu menyatakan syarat denda dengan spesifik supaya potongan denda dapat dikenakan terhadap syarikat konsesi yang tidak mematuhi TRPI. Ini bertujuan bagi menjaga kepentingan Kerajaan.	Merujuk kepada Schedule 9, Klausa 4 (a) Perjanjian Penswastaan, terdapat 2 kategori denda iaitu:- a) *Important services which would totally disrupt the work and comfort of tenants. All mechanical and Electrical services shall fall under this category.* *The deduction for item 4a shall be RM0.15 per sq. feet per hour.* b) *Services which have an impact to the Government image. All other and general services fall under this category.* *The deduction for 4b shall be based on penalty/demerit points i.e RM7.00 per demerit point.* Oleh sebab itu, formula *deduction of fees* bagi item 4(a) dan 4(b) adalah jelas. Sebagai langkah penambahbaikan, Bahagian Kawalselia Penyenggaraan, Kementerian Kerja Raya dan Syarikat Konsesi dalam proses membuat penambahbaikan bagi *demerit point* untuk setiap skop perkhidmatan yang terlibat melalui beberapa siri Mesyuarat Penetapan Kadar Denda dan *Demerit Point* Bagi Ketidakakuran Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*) Bagi Perkhidmatan Pengurusan dan Penyelenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan dan dijangka akan dimuktamadkan pada September 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.4	**Pemantauan** Mengikut Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2002, Jawatankuasa Penyelarasan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan (jawatankuasa) perlu ditubuhkan untuk setiap kompleks Bangunan Gunasama Persekutuan untuk bertindak sebagai pengantara perhubungan Kerajaan dan syarikat konsesi. Mesyuarat jawatankuasa juga hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dan laporan mesyuarat hendaklah dikemukakan kepada KKR dalam masa 2 minggu. Semakan Audit mendapati jawatankuasa telah diwujudkan di setiap bangunan yang diaudit kecuali Bangunan Sultan Iskandar, Kuching, Sarawak dan Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang, Kuching, Sarawak. Kekerapan jawatankuasa mengadakan mesyuarat juga tidak memuaskan di mana kekerapan mesyuarat adalah antara 0 hingga 3 kali dalam setahun sahaja kecuali di Wisma Persekutuan Kota Bharu, Kelantan pada tahun 2011. Minit mesyuarat juga tidak dikemukakan kepada KKR untuk tujuan pemantauan. Pemantauan KKR terhadap syarikat konsesi pula telah dilaksanakan dengan memuaskan di mana pihak KKR melawat setiap bangunan gunasama dengan kekerapan 3 bulan sekali untuk melihat sekadar mana penyenggaraan telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Bagaimanapun, pemantauan KKR terhadap kerja penyenggaraan di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta tidak memuaskan yang telah mengakibatkan pelbagai masalah dalam fasilitinya. Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 10 Jun 2013 *Perkara ini telah dibangkitkan oleh KKR dalam beberapa siri mesyuarat pemantauan untuk diambil tindakan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri (BPH,JPM), Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUP Sarawak) dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah (SUP Sabah) selaku pemilik bangunan supaya memastikan jawatankuasa tersebut diwujudkan di setiap Bangunan Gunasama Persekutuan (BGSP) dan mematuhi Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2002. Pemantauan fizikal di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta dijalankan bukan secara berkala tetapi berdasarkan keperluan semasa. Sebagai langkah penambahbaikan, tanggungjawab jawatankuasa sentiasa dibangkitkan dalam setiap mesyuarat pemantauan yang diadakan 3 kali setahun. Jadual pemantauan fizikal bangunan secara berkala juga akan disediakan pada 21 Jun 2013 bagi mempertingkatkan pemantauan.* Pada pendapat Audit, penubuhan jawatankuasa dan mesyuarat adalah penting bagi memantau perkhidmatan penyenggaraan syarikat konsesi. Minit mesyuarat tersebut	<u>Jawatankuasa Penyelarasan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan</u> Mengikut Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2002, Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan bahawa jabatannya yang menduduki Bangunan Gunasama Persekutuan mematuhi pekeliling ini sebaik sahaja perjanjian penswastaan berkuatkuasa. Perkara ini telah dibangkitkan oleh KKR dalam beberapa siri mesyuarat pemantauan untuk diambil tindakan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri (BPH,JPM), Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUP Sarawak) dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah (SUP Sabah) selaku pemilik bangunan supaya memastikan jawatankuasa tersebut diwujudkan di setiap Bangunan Gunasama Persekutuan (BGSP) dan mematuhi Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2002. Bagi memastikan pematuhan terhadap pekeliling tersebut, Bahagian Kawalselia Penyenggaraan Kementerian Kerja Raya telah mengeluarkan surat peringatan kepada BPH, JPM dan SUP Sarawak pada 29 Julai 2013. <u>Pemantauan</u> Bahagian Kawalselia Penyenggaraan, Kementerian Kerja Raya telah menyediakan Jadual Lawatan Pemantauan berkala pada 10 Julai 2013, bagi memastikan status Bangunan Kompleks Kerajaan Jalan Duta sentiasa berada dalam tahap yang memuaskan agar pengguna selamat, selesa dan kondusif serta imej Kerajaan sentiasa dipelihara.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	juga perlu dihantar kepada pihak KKR untuk tujuan pemantauan. Pihak KKR perlu memastikan pemantauan bangunan termasuk Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta dilaksanakan secara konsisten dan berterusan. Selain daripada itu, status bangunan hendaklah sentiasa berada dalam tahap yang memuaskan agar pengguna selamat, selesa dan kondusif serta imej Kerajaan sentiasa dipelihara.	
7.5.5	**Kajian Kepuasan Pengguna Bangunan** Pihak Audit telah mengedarkan 360 borang soal selidik kepada pengguna yang menduduki 8 bangunan gunasama yang diaudit untuk mendapatkan maklum balas mengenai tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan penyenggaraan oleh syarikat konsesi dan pihak KKR. Hasil soal selidik pengguna mendapati secara keseluruhannya, peratusan tahap kepuasan pengguna di Zon Utara dan Sabah adalah paling tinggi, diikuti dengan Zon Timur dan Zon Selatan dan Sarawak. Manakala, peratusan tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan penyenggaraan pihak KKR di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta adalah paling rendah. Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 10 Jun 2013 *Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta telah dibina pada tahun 1974 dan telah berusia 39 tahun. Oleh yang demikian, kebanyakan kemudahan fasiliti di bangunan kompleks tersebut telah lama serta usang dan secara tidak langsung menyebabkan tahap kepuasan pengguna tidak memuaskan. Merujuk kepada pengesyoran daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri melalui surat bertarikh 30 Disember 2008 yang menyatakan agar hanya melaksanakan kerja-kerja pembaikan yang perlu dan kritikal sahaja kerana belum ada keputusan berkaitan masa depan keseluruhan kompleks tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Pengurusan Bangunan Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta sentiasa mengambil inisiatif dengan mempertingkatkan sistem aduan di bangunan tersebut bagi meningkatkan tahap kepuasan penghuni. Sebagai langkah penambahbaikan, segala dokumentasi berkaitan kepuasan pelanggan dan rekod aduan dipertingkatkan manakala borang soal selidik diedar kepada penghuni bangunan bagi menilai tahap kepuasan pengguna.* Pada pendapat Audit, tahap kepuasan pengguna yang paling rendah, iaitu di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta adalah selaras dengan hasil lawatan fizikal Audit yang juga menunjukkan kerja penyenggaraan kompleks tersebut paling kurang memuaskan. Pihak KKR dan syarikat konsesi harus mengambil kira komen pengguna supaya perkhidmatan yang lebih berkesan dapat diberi.	Kompleks Kerajaan Jalan Duta telah dibina pada tahun 1974 dan telah berusia 39 tahun. Oleh yang demikian, kebanyakkan kemudahan fasiliti di bangunan kompleks tersebut telah lama serta usang dan secara tidak langsung menyebabkan tahap kepuasan pengguna tidak memuaskan. Merujuk kepada pengesyoran daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri selaku pemilik bangunan melalui surat bertarikh 30 Disember 2008 yang menyatakan agar hanya melaksanakan kerja-kerja pembaikan yang perlu dan kritikal sahaja kerana belum ada keputusan berkaitan masa depan keseluruhan kompleks tersebut. Di samping itu juga, merujuk kepada mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Ogos 2009, Kabinet telah memutuskan untuk memajak tanah kompleks tersebut kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) selama 99 tahun. Ini menyebabkan penyenggaraan yang dilaksanakan adalah secara minimum sahaja tanpa melibatkan kerja-kerja naiktaraf bagi memastikan tidak berlakunya pembaziran kepada wang Kerajaan. Walau bagaimanapun, pihak Pengurusan Bangunan Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta telah mengambil inisiatif dengan mempertingkatkan pengurusan aduan di bangunan tersebut di samping mewujudkan borang Kajian Kepuasan Pelanggan bagi meningkatkan tahap kepuasan penghuni mulai Julai 2013.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Perenggan 8 : Pengurusan Projek Mansuh

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.1.1	**Tindakan Yang Diambil Selepas Kontrak Dimansuhkan - Baki Bayaran Balik Wang Pendahuluan Tidak Dapat Dituntut Daripada Kontraktor** Selepas penamatan kerja kontraktor dibuat, surat secara Akuan Terima (A.T.) Berdaftar hendaklah dikemukakan kepada pihak bank/syarikat kewangan/ syarikat insurans untuk menuntut sebarang baki bayaran balik wang pendahuluan yang belum diterima daripada penjamin (bank/syarikat kewangan/ syarikat insurans) bagi jaminan wang pendahuluan. Sekiranya tidak melunaskan bayaran jaminan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh tuntutan, perkara ini hendaklah dirujuk dengan serta merta kepada Penasihat Undang-undang Kementerian Kerja Raya untuk tindakan seterusnya. Semakan Audit mendapati baki bayaran balik wang pendahuluan berjumlah RM4.89 juta bagi 3 projek yang telah ditamatkan di bawah Fasal 51, syarat-syarat kontrak, tidak dapat dituntut daripada penjamin kerana tarikh jaminan bank wang pendahuluan tersebut telah tamat tempoh/luput. Keadaan ini berlaku disebabkan kelewatan Pegawai Penguasa mengemukakan tuntutan baki bayaran wang pendahuluan kepada penjamin. Semakan selanjutnya mendapati 3 Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (PKLM) telah diluluskan oleh JKR Batu Pahat bagi Projek Menaik Taraf Laluan Persekutuan 50 Batu Pahat - Ayer Hitam, Kluang Johor (Fasa 2 - Membina Pusingan U, Median dan Kerja-kerja Berkaitan), walaupun kontraktor tidak melanjutkan tempoh jaminan insurans bagi bayaran wang pendahuluan. Semakan Audit juga mendapati tuntutan baki bayaran balik wang pendahuluan tidak dibuat di Perakuan Muktamad bagi satu daripada 3 projek tersebut. Maklum Balas Pejabat JKR Terlibat (JKR Daerah Batu Pahat, JKR Negeri Terengganu dan JKR Negeri Perlis) Yang Diterima Pada 22, 28 dan 29 Mei 2013 *Pejabat JKR mengakui baki bayaran balik wang pendahuluan tidak dapat dirampas daripada penjamin kerana tempoh sah laku jaminan telah luput/tamat semasa tuntutan dibuat. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kekangan masa; masalah yang*	Jabatan ini telah mengeluarkan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia Bil. 8 Tahun 2013 bertarikh 15 Mac 2013 yang menggariskan keperluan Pegawai Penguasa untuk menuntut Jaminan Wang Pendahuluan dengan serta merta sebaik sahaja kontrak ditamatkan di samping memastikan Jaminan Bank masih sah. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan dalam hal ini sudahpun menggariskan keperluan ini kepada semua para Pegawai Penguasa mengenai kepentingan tuntutan Jaminan Wang Pendahuluan tersebut dibuat sebelum tarikh luput.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	timbul semasa proses penamatan kontrak dan pertukaran/ketiadaan pegawai. Pejabat JKR akan memastikan perkara ini tidak akan berulang lagi. Maklum Balas Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat JKR Yang Diterima Pada 1 Julai 2013 *Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) bertarikh 15 Mac 2013 telah menggariskan keperluan Pegawai Penguasa untuk menuntut Jaminan Wang Pendahuluan dengan serta merta sebaik sahaja kontrak ditamatkan di samping memastikan jaminan bank masih sah. Sehubungan itu, pihak JKR telah menggariskan keperluan ini kepada Pegawai Penguasa mengenai kepentingan tuntutan Wang Pendahuluan tersebut dibuat sebelum tarikh luput.* Pada pendapat Audit, perkara ini tidak sepatutnya berlaku sekiranya JKR sentiasa membuat pemantauan terhadap bayaran pendahuluan dan mengambil tindakan segera dengan membuat tuntutan daripada bank/syarikat insurans sebelum jaminan tersebut luput/tamat tempoh. Kelewatan tuntutan ini telah mengakibatkan Kerajaan menanggung kerugian berjumlah RM4.89 juta.	
8.5.1.2	**Baki Bon Pelaksanaan Yang Tidak Dituntut** Kerajaan boleh merampas Bon Pelaksanaan sekiranya terdapat kemungkiran di pihak kontraktor atau kontraktor gagal untuk menyiapkan atau meninggalkan kontrak. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Bon Pelaksanaan boleh dikemukakan dalam bentuk jaminan bank/syarikat kewangan/syarikat insurans atau menggunakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP). WJP ialah sejumlah wang yang dipegang oleh Kerajaan bagi memastikan kontraktor mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak yang ditandatangani. Semakan Audit mendapati jumlah Bon Pelaksanaan bagi 51 projek yang telah dimansuhkan adalah RM62.82 juta. Bagaimanapun, hanya Bon Pelaksanaan bagi 30 projek telah direkup sepenuhnya sama ada melalui rampasan jaminan bank/syarikat kewangan/ syarikat insurans atau melalui potongan WJP yang melibatkan amaun berjumlah RM20.97 juta. Bon Pelaksanaan bagi 21 projek lagi hanya dapat direkup sebahagiannya oleh JKR melalui potongan WJP berjumlah RM26.08 juta. Baki Bon Pelaksanaan yang masih tidak dapat direkup berjumlah RM15.77 juta. Berdasarkan 12 Perakuan Muktamad yang telah disediakan, hanya baki Bon Pelaksanaan untuk satu projek berjumlah RM11.13 juta telah dituntut daripada kontraktor manakala tuntutan baki Bon Pelaksanaan bagi 11 projek berjumlah RM1.23 juta tidak dibuat oleh JKR. Bagi 9 projek lagi, tuntutan terhadap baki Bon Pelaksanaan berjumlah RM3.41 juta tidak dapat dipastikan kerana Perakuan Muktamad masih belum disediakan.	Jabatan ini telah mengeluarkan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia Bil. 8 Tahun 2013 bertarikh 15 Mac 2013 yang menggariskan keperluan Pegawai Penguasa untuk menuntut Jaminan Wang Pelaksanaan/Bon Pelaksanaan dengan serta merta sebaik sahaja kontrak ditamatkan di samping memastikan Jaminan Bank masih sah. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan dalam hal ini sudahpun menggariskan keperluan ini kepada semua para Pegawai Penguasa mengenai kepentingan tuntutan Jaminan Wang Pelaksanaan/Bon Pelaksanaan tersebut dibuat sebelum tarikh luput.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas JKR Negeri Selangor Yang Diterima Pada 29 April 2013 *Garis Panduan Penamatan Pengambilan Kontraktor yang dikeluarkan pada tahun 2006 tidak menjelaskan secara khusus akan tindakan yang perlu diambil terhadap baki WJP yang tidak dapat dikutip. Bagaimanapun, penambahbaikan kepada garis panduan tersebut telah dibuat di mana baki WJP yang belum dikutip perlu diambil kira dalam Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor berdasarkan Surat Arahan KPKR bertarikh 15 Mac 2013.* Pada pendapat Audit, bagi kontraktor yang memilih WJP dan telah dimansuhkan kontrak pengambilan kerjanya di bawah Fasal 51, syarat-syarat kontrak, JKR hendaklah menuntut baki yang belum direkup daripada kontraktor melalui Perakuan Muktamad bagi menjamin hak Kerajaan dan memastikan Kerajaan tidak mengalami kerugian.	
8.5.2	**Pelantikan Kontraktor Penyiap** Mengikut Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 7 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2009, apabila projek telah ditamatkan, pelantikan kontraktor penyiap hendaklah dilaksanakan secara tender terhad dan pemilihan kontraktor hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit (JKPPS). Semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor penyiap bagi 3 projek tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan di mana JKR telah melaksanakan kaedah tender terbuka tanpa merujuk kepada JKPPS untuk kelulusan. Maklum Balas JKR Negeri Terengganu Yang Diterima Pada 13 Mei 2013 *Tiga projek di Terengganu adalah projek sakit yang berlarutan. Penamatan terhadap projek ini telah dibuat tanpa melalui JKPPS kerana kebiasaannya untuk mendapatkan kelulusan penama kontraktor untuk tender terpilih dan mesyuarat untuk membuat keputusan sama ada kontrak ditamatkan atau sebaliknya akan mengambil masa yang lama. Kebiasaannya JKPPS akan membuat keputusan bergantung kepada pengesyoran Pegawai Penguasa.* Maklum Balas Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat JKR Yang Diterima Pada 1 Julai 2013 *JKR Ibu Pejabat telah mengeluarkan Surat Arahan KPKR bertarik 7 November 2008 yang telah menggariskan keperluan bagi perolehan projek sakit dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit (JKPPS) oleh Pegawai Penguasa untuk*	Jabatan ini telah mengeluarkan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia bertarikh 7 November 2008 yang telahpun menggariskan keperluan bagi perolehan projek sakit dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit (JKPPS) oleh Pegawai Penguasa untuk melantik kontraktor penyiap bagi mana-mana projek yang telah ditamatkan. Apa-apa pengecualian berkaitan dengan rujukan ini hanya boleh dibuat oleh pihak Perbendaharaan sahaja. Dalam hal ini, satu surat peringatan akan dikeluarkan kepada Pegawai Penguasa yang tidak mematuhi keperluan ini oleh Pejabat Ketua Pengarah Kerja Raya sebelum atau pada 15 Ogos 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	melantik kontraktor penyiap bagi mana-mana projek yang telah ditamatkan. Apa-apa pengecualian berkaitan dengan rujukan ini hanya boleh dibuat oleh pihak Perbendaharaan sahaja. Dalam hal ini, satu surat peringatan akan dikeluarkan kepada Pegawai Penguasa yang tidak mematuhi keperluan ini oleh Pejabat Ketua Pengarah Kerja Raya. Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor penyiap hendaklah dibuat mengikut peraturan dan perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit untuk kelulusan.	
8.5.3.1.a	**Penyediaan Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor - Perakuan Muktamad Masih Belum Disediakan/Lewat Disediakan** Mengikut Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga, sebaik sahaja kontraktor baru dilantik, satu penilaian terhadap kos dan/atau kerugian atau kerosakan kepada Kerajaan mesti dibuat dan satu tuntutan ganti rugi dikemukakan terhadap kontraktor. Surat tuntutan tersebut hendaklah dihantar secara Akuan Terima (A.T.) Berdaftar ke alamat terkini kontraktor sebaik sahaja nilai ini diketahui tetapi hendaklah tidak lewat dari 9 bulan selepas kontrak ditamatkan. Satu Perakuan Muktamad yang menyatakan jumlah kos dan/atau kerugian atau ganti rugi yang dituntut terhadap kontraktor hendaklah dikeluarkan. Semakan Audit terhadap 48 projek yang telah dimansuhkan kontraknya mendapati perkara berikut:- Setakat bulan Januari 2013, Perakuan Muktamad bagi 16 projek masih belum disediakan walaupun telah melebihi tempoh yang ditetapkan.	Jabatan ini telah mengeluarkan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia Bil. 8 Tahun 2013 bertarikh 15 Mac 2013 yang sudahpun menggariskan keperluan para Pegawai Penguasa untuk menyediakan Perakuan Muktamad Bagi Projek Yang Telah Ditamatkan bagi membuat tuntutan (sekiranya ada) terhadap kontraktor yang telah ditamatkan dalam tempoh 9 bulan.
8.5.3.1.b	Perakuan Muktamad bagi 29 projek pula telah lewat disediakan antara 4 hingga 44 bulan. Kelewatan menyediakan Perakuan Muktamad ini telah menyebabkan JKR lewat membuat tuntutan ganti rugi kepada kontraktor yang telah ditamatkan kontrak pengambilan kerjanya. Manakala Perakuan Muktamad bagi 3 projek telah disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Maklum Balas Pejabat JKR Terlibat (JKR Negeri Selangor, JKR Negeri Terengganu, JKR Negeri Perlis, JKR Daerah Batu Pahat) Yang Diterima Pada 29 April 2013, 22, 28 Dan 29 Mei 2013 *Perakuan Muktamad masih belum disediakan/lewat disediakan adalah disebabkan oleh:-* *a. kelewatan mengeluarkan SST kepada kontraktor penyiap oleh JKR;*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	b. kelewatan mengemukakan kos yuran perunding bagi tujuan tender semula oleh perunding juruukur dan kelewatan kelulusan kos yuran perunding tersebut di mana kos perunding diambil kira dalam penyediaan Perakuan Muktamad; *c. kurang kefahaman untuk mengira kos penamatan dan pertukaran pegawai di mana pegawai baru kurang mahir dengan peraturan mengenai projek mansuh;* *d. kelewatan perunding juruukur yang dilantik menyediakan perakuan muktamad walaupun surat peringatan telah dikeluarkan kepada perunding tersebut;* *e. kekangan pegawai dan masa di JKR Perlis untuk penyediaan dan pengiraan bagi mendapatkan keseluruhan pelarasan harga kontrak;* *f. penangguhan pelaksanaan projek oleh pihak pelanggan; dan* *g. kekurangan dan pertukaran pegawai di JKR Besut.* *Bagaimanapun, 5 Perakuan Muktamad telah pun disediakan pada bulan April hingga Mei 2013 dan tuntutan juga telah dikemukakan kepada kontraktor yang ditamatkan pengambilan kerjanya.* Maklum Balas Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat JKR Yang Diterima Pada 1 Julai 2013 *Surat Arahan KPKR bertarikh 15 Mac 2013 telah menggariskan keperluan Pegawai Penguasa untuk menyediakan Perakuan Muktamad Bagi Projek Yang Ditamatkan bagi membuat tuntutan (sekiranya ada) terhadap kontraktor yang telah ditamatkan dalam tempoh 9 bulan.* Pada pendapat Audit, Perakuan Muktamad hendaklah disediakan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu tidak lewat dari 9 bulan selepas kontrak ditamatkan supaya tuntutan ganti rugi daripada kontraktor dapat dibuat dengan lebih awal.	
8.5.3.2.a.i	**Ketidaktepatan Pengiraan Dalam Penyediaan Perakuan Muktamad - Kesilapan Potongan Wang Jaminan Pelaksanaan** Bagi menentukan Kos Penyiapan, salah satu elemen yang perlu diambil kira ialah jumlah bayaran interim yang telah dibayar kepada kontraktor asal. Bagi kontraktor yang memilih kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP), jumlah bayaran interim yang diambil kira tidak termasuk jumlah WJP yang telah dipotong/ditahan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Perakuan Muktamad yang disediakan	Jabatan ini telah mengeluarkan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia Bil. 8 Tahun 2013 bertarikh 15 Mac 2013 yang sudahpun menggariskan keperluan para Pegawai Penguasa untuk menyediakan Perakuan Muktamad Bagi Projek Yang Telah Ditamatkan bagi membuat tuntutan (sekiranya ada)

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bagi 9 projek telah mengambil kira potongan WJP dalam jumlah bayaran interim semasa mengira Kos Penyiapan. Akibatnya, jumlah tuntutan ganti rugi telah terkurang sejumlah RM2.81 juta. Semakan selanjutnya mendapati surat tuntutan ganti rugi telah dikemukakan kepada kontraktor dengan menunjukkan amaun ganti rugi yang terkurang tuntut sejumlah RM2.81 juta. Maklum Balas Pejabat JKR Terlibat (JKR Negeri Perlis dan JKR Daerah Batu Pahat) Yang Diterima Pada 28 dan 29 Mei 2013 *Kesilapan potongan wang jaminan pelaksanaan adalah disebabkan oleh kekeliruan dan kurang pemahaman terhadap format penyediaan Perakuan Muktamad yang dinyatakan dalam Surat Arahan KPKR Bil. 4/2006 di mana Kos Penyiapan dan Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras adalah mengelirukan. Pejabat JKR akan menyediakan semula Perakuan Muktamad. Bagaimanapun, Penasihat Undang-undang telah memaklumkan bahawa tuntutan asal hendaklah dikekalkan.*	terhadap kontraktor yang telah ditamatkan dalam tempoh 9 bulan.
8.5.3.2.a.ii	Bagi 2 projek, semakan Audit mendapati berlaku kesilapan dalam pengiraan kos ganti rugi kepada Kerajaan di mana keseluruhan nilai WJP telah ditolak daripada jumlah perbezaan antara Kos Penyiapan dan Harga Kontrak Asal Terlaras. Jumlah yang perlu diambil kira sepatutnya adalah jumlah WJP yang telah dibuat potongan daripada bayaran interim sahaja. Akibat daripada kesilapan ini, jumlah kos ganti rugi yang perlu dibayar oleh kontraktor telah terkurang tuntut sejumlah RM195,457. Semakan Audit selanjutnya mendapati notis tuntutan ganti rugi telah dikemukakan kepada kontraktor tanpa mengambil kira jumlah terkurang tersebut. Maklum Balas JKR Negeri Perlis Yang Diterima Pada 28 Mei 2013 *Pejabat JKR mengakui kesilapan dengan memasukkan jumlah keseluruhan WJP untuk ditolak daripada Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras sedangkan potongan sepenuhnya belum dibuat. Tindakan telah diambil untuk membetulkan jumlah tuntutan tersebut dan menyediakan semula Perakuan Muktamad.* Pada pendapat Audit, JKR perlu menetapkan format pengiraan yang seragam supaya pengiraan tuntutan ganti rugi dibuat dengan betul bagi memastikan Kerajaan tidak mengalami kerugian. Selain itu, JKR juga hendaklah memastikan pegawai yang terlibat dalam penyediaan Perakuan Muktamad diberi latihan dan pendedahan mengenai kaedah pengiraan yang betul supaya kesilapan tidak berlaku lagi.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.3.2.b.i	**Kesilapan Pengiraan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) Dan LAD Tidak Dikenakan Kepada Kontraktor** Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) akan dikenakan apabila penyiapan kerja didapati telah terlambat dan sebab kelambatan tidak melayakkan kontraktor mendapat lanjutan masa. Kerugian yang dialami oleh Kerajaan daripada kelambatan tersebut adalah ditanggung oleh kontraktor melalui pengenaan LAD. Sebelum LAD dikenakan, Perakuan Kerja Tidak Siap hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu. Bagi kontraktor yang telah ditamatkan kontrak pengambilan kerjanya, tuntutan LAD akan dibuat melalui Perakuan Muktamad iaitu potongan daripada Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras. Semakan Audit terhadap pengiraan LAD di Perakuan Muktamad mendapati perkara seperti berikut:- Berlaku kesilapan dalam menentukan jumlah LAD yang dikenakan terhadap 3 kontraktor dan kesilapan tersebut telah mengakibatkan jumlah ganti rugi yang dikenakan kepada kontraktor terkurang tuntut sejumlah RM223,644. Pihak Audit juga mendapati surat tuntutan ganti rugi telah dikemukakan kepada kontraktor terlibat. Selain itu, berlaku kesilapan dalam pengiraan Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras di mana jumlah LAD telah ditambah, walaupun ia sepatutnya ditolak daripada Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras. Kesilapan ini telah mengakibatkan jumlah tuntutan ganti rugi terkurang tuntut daripada 2 kontraktor melibatkan amaun berjumlah RM745,752. Maklum Balas Pejabat JKR Terlibat (JKR Negeri Perlis Dan JKR Daerah Batu Pahat) Yang Diterima Pada 28 Dan 29 Mei 2013 *JKR Daerah Batu Pahat mengakui terdapat kesilapan dalam pengiraan LAD. JKR Negeri Perlis juga mengakui berlaku kesilapan dari segi pengiraan bilangan hari yang sepatutnya dikenakan LAD dan kesilapan kerana tidak mengambil kira pemotongan jumlah LAD. Perakuan Muktamad akan disediakan semula setelah mengambil kira jumlah sebenar. Bagaimanapun, pejabat JKR telah dimaklumkan oleh Penasihat Undang-undang bahawa tindakan undang-undang akan diteruskan dengan menggunakan jumlah Perakuan Muktamad yang asal bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.* Maklum Balas JKR Negeri Terengganu Yang Diterima Pada 22 Mei 2013 *Semakan telah dibuat oleh pejabat JKR dan didapati denda sepatutnya ditolak daripada jumlah kontrak asal terlaras, tetapi telah tersilap campur bagi Pengiraan LAD. Perakuan Muktamad Kontrak yang baru telah disediakan semula selepas*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mengambil kira kesilapan tersebut. Borang Tuntutan Hutang juga akan dikemukakan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia berdasarkan jumlah tuntutan terkini. Bagaimanapun, pejabat JKR telah dimaklumkan oleh Penasihat Undang-undang bahawa tindakan undang-undang akan diteruskan dengan menggunakan jumlah Perakuan Muktamad yang asal bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.	
8.5.3.2.b.ii	Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad yang telah disediakan oleh JKR Daerah Dungun bagi 2 projek yang dimansuhkan secara Penamatan Bersama menunjukkan baki yang perlu dibayar oleh kontraktor kepada Kerajaan masing-masingnya berjumlah RM428,107 dan RM279,751. Baki ini dimuktamadkan selepas mengambil kira nilai kerja yang perlu dibayar oleh Kerajaan kepada kontraktor dan jumlah LAD yang dikenakan kepada kontraktor. Bagaimanapun, kedua-dua jumlah ini tidak dituntut daripada kontraktor. Maklum Balas JKR Daerah Dungun Yang Diterima Pada 22 Mei 2013 *Tuntutan bayaran kontrak yang telah ditamatkan secara penamatan bersama terhadap kedua-dua kontraktor tersebut telah dibuat pada 28 Februari 2013.* Pada pendapat Audit, perkara ini tidak akan berlaku sekiranya semakan yang teliti dibuat terhadap pengiraan LAD sebelum Perakuan Muktamad bagi menuntut ganti rugi dikemukakan kepada kontraktor. Ini penting supaya Kerajaan tidak mengalami kerugian. Selain itu, pendedahan pegawai terhadap penyediaan Perakuan Muktamad yang betul hendaklah diberikan supaya kesilapan yang sama tidak berulang lagi.	
8.5.3.3	**Kos Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Tidak Dituntut** Mengikut Garis Panduan Penamatan Kerja Kontraktor, tindakan yang perlu diambil selepas kontrak dimansuhkan ialah menutup tapak pembinaan dan melantik khidmat Pengawal Keselamatan 24 jam. Kos perkhidmatan pengawal keselamatan hendaklah dituntut daripada kontraktor yang ditamatkan kontrak pengambilan kerjanya. Semakan Audit terhadap Perakuan Muktamad yang disediakan mendapati kos perkhidmatan pengawal keselamatan berjumlah RM17,153 tidak dituntut daripada kontraktor terlibat oleh JKR Muar. Surat tuntutan ganti rugi telah dikeluarkan pada 12 Disember 2011 dan 22 Disember 2011 tanpa mengambil kira tuntutan kos perkhidmatan pengawal keselamatan.	Jabatan ini telah mengeluarkan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia Bil. 8 Tahun 2013 bertarikh 15 Mac 2013 yang sudahpun menggariskan keperluan para Pegawai Penguasa untuk menyediakan Perakuan Muktamad Bagi Projek Yang Telah Ditamatkan bagi membuat tuntutan (sekiranya ada) terhadap kontraktor yang telah ditamatkan dalam tempoh 9 bulan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas JKR Daerah Muar Yang Diterima Pada 29 Mei 2013 *Perakuan Muktamad telah disediakan dengan mengambil kira jumlah tersebut dan telah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang untuk tindakan tuntutan semula. Bagaimanapun, pejabat JKR dimaklumkan oleh Penasihat Undang-undang bahawa tindakan undang-undang akan diteruskan dengan menggunakan jumlah Perakuan Muktamad yang asal bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.* Pada pendapat Audit, kos perkhidmatan kawalan keselamatan hendaklah dituntut daripada kontraktor yang telah ditamatkan kontrak pengambilan kerjanya selaras dengan peraturan yang ditetapkan.	
8.5.4	**Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor Tidak Menyatakan Secara Khusus Sub - Klausa 51, Syarat-syarat Kontrak** Fasal 51, syarat-syarat kontrak telah memperuntukkan kepada Kerajaan hak untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor. Kerajaan berhak untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor atas 2 sebab kemungkiran oleh kontraktor iaitu kemungkiran menunaikan tanggungjawab dan kemungkiran am. Semakan Audit terhadap Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (Notis) yang telah dikeluarkan oleh JKR kepada 52 kontraktor mendapati Notis bagi 9 kontraktor telah menyatakan secara khusus sebab-sebab penamatan kontrak di bawah sub-klausa 51, syarat-syarat kontrak. Manakala Notis bagi 43 kontraktor hanya menyatakan penamatan kontrak secara am tanpa memberikan sebab-sebab penamatan secara khusus. Pada pendapat Audit, Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor hendaklah menyatakan secara khusus sub-klausa 51. Pematuhan kepada syarat-syarat kontrak dengan teratur adalah penting untuk mengelakkan kontraktor mencabar kesahihan tindakan penamatan oleh JKR sebagai tidak sah/terbatal. Maklum Balas JKR Negeri Selangor Yang Diterima Pada 29 April 2013 *Penyediaan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor adalah mengikut format seperti di Garis Panduan Penamatan Pengambilan Kontraktor yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya pada tahun 2006. Bagaimanapun, penambahbaikan terhadap penyediaan notis penamatan telah dibuat berdasarkan Arahan KPKR bertarikh 15 Mac 2013 di mana sub klausa khusus syarat-syarat kontrak akan dinyatakan dalam notis penamatan.*	Jabatan ini telah mengeluarkan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia Bil. 8 Tahun 2013 bertarikh 15 Mac 2013 yang sudahpun menggariskan keperluan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor menyatakan serta merujuk kepada klausa serta sub-klausa syarat-syarat kontrak sebagai asas pihak Kerajaan menamatkan sesebuah kontrak.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.5.1	**Borang Bukti Hutang (*Proof Of Debt*)** Syarikat Bulker Corporation Sdn. Bhd. telah ditamatkan kontrak bagi Projek Menaik Taraf Laluan Persekutuan 6 Dari Bayan Lepas Ke Balik Pulau, Pulau Pinang, Pakej 2B: Dari Teluk Kumbar Ke Pekan Genting secara Penamatan Bersama pada 8 Oktober 2010. Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad dikeluarkan oleh JKR Pulau Pinang pada 8 April 2011 telah menunjukkan baki muktamad berjumlah RM4.72 juta yang perlu dibayar oleh kontraktor kepada Kerajaan. Baki terhutang kepada Kerajaan ini adalah berpunca daripada lebihan bayaran kepada kontraktor selepas JKR mendapat pengesyoran bayaran daripada perunding Wan Mohamed & Khoo Sdn. Bhd. Surat tuntutan telah dikemukakan oleh JKR Pulau Pinang kepada kontraktor tersebut pada 22 April 2011 bagi menuntut baki yang perlu dibayar kepada Kerajaan. Selanjutnya didapati syarikat kontraktor telah digulung pada 15 Disember 2011 di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan Borang Bukti Hutang telah dikemukakan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia, Pulau Pinang pada 9 Januari 2013. Pada pendapat Audit, JKR akan mengalami kesukaran untuk menuntut baki muktamad berjumlah RM4.72 juta ini memandangkan syarikat kontraktor telah digulung. Perkara ini boleh dielakkan sekiranya JKR menyemak bayaran yang disyorkan oleh perunding dengan teliti sebelum bayaran dibuat kepada kontraktor. Maklum Balas JKR Negeri Pulau Pinang Yang Diterima Pada 15 Mei 2013 *Mengikut amalan, pejabat JKR sememangnya menyemak bayaran yang disyorkan oleh perunding. Pejabat JKR menyedari dan mengetahui lebihan bayaran setelah membuat penyelarasan keseluruhan ke atas semua kerja (item) di dalam kontrak. Di dalam pelaksanaan projek ini, terdapat banyak perubahan reka bentuk dan reka bentuk alternatif yang melibatkan sistem dan kaedah pembinaan yang berbeza. Setelah semakan dan kiraan semula ke atas kadar-kadar harga yang terlibat, didapati ianya melebihi jumlah yang telah dibayar kepada kontraktor.*	Surat peringatan akan dikeluarkan kepada P.P. agar mengemukakan Borang Bukti Hutang dengan segera selepas syarikat kontraktor digulungkan pada masa akan datang. Jabatan juga akan mengeluarkan peringatan kepada P.P. untuk menyemak dengen teliti akan pengesyoran yang dibuat oleh pihak perunding. Dalam hal ini pejabat ini akan memaklumkan kepada P.P. agar aduan salah laku profesional kepada Lembaga Jurutera Malayisa dibuat terhadap perunding. Jabatan juga akan mengeluarkan peringatan kepada P.P. untuk merujuk perkara ini kepada PUU KKR untuk tindakan undang-undang selanjutnya kepada perunding. Peringatan ini akan dibuat sebelum atau pada 15 Ogos 2013.
8.5.5.2	Syarikat FZZ Sdn. Bhd. telah diberi Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor pada 18 Mac 2011 bagi Projek Membina Dan Menyiapkan 2 Blok Bangunan Tambahan 4 Tingkat Di Sekolah Kebangsaan Putra, Kangar, Perlis. JKR Negeri Perlis telah menyediakan Perakuan Muktamad berjumlah RM1.14 juta pada 30 April 2012 dan telah membuat tuntutan kepada kontraktor tersebut pada tarikh yang sama. Bagaimanapun, Syarikat FZZ Sdn. Bhd. telah digulung atas perintah Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 21 September 2010. Walaupun syarikat telah digulung pada tahun 2010, namun tuntutan ganti rugi telah lewat dikemukakan kepada kontraktor kerana jumlah ganti rugi hanya dapat ditentukan setelah Perakuan	Jabatan akan memberi peringatan kepada P.P. untuk mengambil tindakan mengisi borang bukti hutang dalam tempoh masa yang terdekat dan seterusnya P.P. diingatkan untuk berhubung dengan terus kepada PUU KKR untuk tindakan selanjutnya. Peringatan ini akan dibuat sebelum atau pada 15 Ogos 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Muktamad disediakan pada 30 April 2012. Selanjutnya pihak Audit mendapati setakat tarikh pengauditan iaitu pada 25 hingga 30 November 2012, tiada bukti menunjukkan Borang Bukti Hutang telah difailkan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia bagi menuntut jumlah hutang kontraktor kepada Kerajaan. Maklum Balas JKR Negeri Perlis Yang Diterima Pada 28 Mei 2013 *Tindakan mengemukakan Borang Bukti Hutang kepada Jabatan Insolvensi masih tidak dibuat. Pejabat JKR akan mengambil tindakan selanjutnya dengan mendapatkan pandangan dan maklumat berkaitan. Bagaimanapun, pejabat ini telah mengemukakan surat kepada Jabatan Insolvensi bagi permohonan format borang dan lain-lain prosedur pada 22 Februari 2013.* Maklum Balas Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat JKR Yang Diterima Pada 1 Julai 2013 *Perkara ini akan dirujuk kepada Penasihat Undang-undang untuk tindakan selanjutnya.* Pada pendapat Audit, JKR perlu membuat carian di Jabatan Insolvensi Malaysia sebaik sahaja Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor dikeluarkan sebagai langkah penambahbaikan. JKR juga perlu memaklumkan kepada Penasihat Undang-undang untuk mendapatkan nasihat berhubung tindakan selanjutnya yang perlu diambil.	
8.5.6.1	**Kelemahan Dalam Proses Mengeluarkan Surat Peringatan Kepada Kontraktor** Garis Panduan Untuk Urusan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah menetapkan bahawa Perakuan Muktamad dan surat tuntutan ganti rugi hendaklah dikemukakan kepada kontraktor supaya membayar kepada Kerajaan sekiranya Kos Penyiapan melebihi Harga Kontrak Asal Terlaras. Surat tuntutan tersebut hendaklah dihantar secara Akuan Terima Berdaftar ke alamat terkini kontraktor sebaik sahaja nilai ini diketahui tetapi tidak lewat dari 9 bulan selepas kontrak ditamatkan. Surat peringatan pertama hendaklah dikeluarkan sekiranya tidak ada tindakan/maklum balas diterima daripada pihak kontraktor dalam tempoh 2 minggu dari tarikh tuntutan tersebut. Surat peringatan ini hendaklah dihantar sebanyak 3 kali iaitu setiap satu hingga 2 minggu sekali. Sekiranya tiada sebarang tindakan/maklum balas daripada kontraktor selepas 3 surat peringatan dihantar, perkara ini hendaklah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang Kerja Raya bagi projek-projek Persekutuan atau Penasihat Undang-undang di negeri bagi projek-projek Negeri untuk tindakan	Jabatan ini telah mengeluarkan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia Bil. 8 Tahun 2013 bertarikh 15 Mac 2013 yang menggariskan keperluan Pegawai Penguasa menyediakan dua bilangan surat amaran kepada kontraktor selepas tuntutan berdasarkan Perakuan Muktamad Bagi Kontraktor Yang Ditamatkan dikemukakan kepada kontraktor. Selepas itu sekiranya kontraktor masih gagal membayar maka rujukan selanjutnya hendaklah dibuat kepada Penasihat Undang-Undang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	selanjutnya. Semakan Audit mendapati urusan pengeluaran surat peringatan kurang teratur seperti butiran berikut:- Surat tuntutan ganti rugi telah dikeluarkan kepada 12 kontraktor yang telah ditamatkan kontrak pengambilan kerjanya. Bagaimanapun, surat peringatan pertama lewat dikemukakan kepada kontraktor selepas tiada tindakan atau maklum balas daripada pihak kontraktor dalam tempoh 2 minggu dari tarikh surat tuntutan. Kelewatan adalah antara 16 hingga 146 hari.	
8.5.6.2	Surat tuntutan ganti rugi telah dikeluarkan kepada 10 kontraktor yang telah ditamatkan kontrak pengambilan kerjanya. Bagaimanapun, terdapat kes di mana surat peringatan pertama, kedua dan ketiga serta surat kepada Penasihat Undang-undang tidak disediakan. Pada pendapat Audit, surat peringatan kepada kontraktor bagi menuntut ganti rugi perlu dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan. Sekiranya tiada maklum balas daripada kontraktor, perkara ini hendaklah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang supaya tindakan susulan yang sewajarnya dapat diambil dengan segera bagi menuntut ganti rugi tersebut. Maklum Balas Pejabat JKR Terlibat (JKR Negeri Selangor, JKR Negeri Terengganu dan JKR Daerah Batu Pahat) Yang Diterima Pada 29 April 2013, 22 dan 29 Mei 2013 *Pejabat JKR mengambil maklum dan akan memastikan pada masa hadapan surat peringatan pertama kepada kontraktor yang ditamatkan pengambilan kerjanya dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuntutan.* Maklum Balas Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat JKR Yang Diterima Pada 1 Julai 2013 *Ibu Pejabat JKR telah mengeluarkan Surat Arahan KPKR bertarikh 15 Mac 2013 yang menggariskan keperluan Pegawai Penguasa menyediakan 2 bilangan surat amaran kepada kontraktor selepas tuntutan berdasarkan Perakuan Muktamad Bagi Kontraktor Yang Ditamatkan dikemukakan kepada kontraktor. Selepas itu, sekiranya kontraktor masih gagal membayar maka rujukan selanjutnya hendaklah dibuat kepada Penasihat Undang-undang.*	Jabatan ini telah mengeluarkan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia Bil. 8 Tahun 2013 bertarikh 15 Mac 2013 yang menggariskan keperluan Pegawai Penguasa menyediakan dua bilangan surat amaran kepada kontraktor selepas tuntutan berdasarkan Perakuan Muktamad Bagi Kontraktor Yang Ditamatkan dikemukakan kepada kontraktor. Selepas itu sekiranya kontraktor masih gagal membayar maka rujukan selanjutnya hendaklah dibuat kepada Penasihat Undang-Undang.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Jabatan Laut Malaysia

Perenggan 9 : Projek Pembinaan Dan Pembaikan / Menaik Taraf Jeti Penumpang Dan Guna Sama

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.1.1.a	**Prestasi Fizikal** Secara keseluruhan, semua 7 Projek Jeti yang diaudit gagal disiapkan dalam tempoh ditetapkan dan 7 lanjutan masa diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja Kementerian Pengangkutan antara 40 hingga 120 hari. Adalah didapati 3 daripada 7 lanjutan masa telah lewat diluluskan antara 9 hingga 42 hari selepas tamat tempoh kontrak.	Tindakan Penambahbaikan JLM telah mengaktifkan semula Jawatankuasa Pemantauan Projek Peringkat Jabatan bagi memantau projek-projek di bawah JLM. Jawatankuasa ini akan bersidang setiap suku tahun atau mengikut keperluan. Mesyuarat pertama akan diadakan pada Ogos 2013.
9.5.1.1.b	Kontraktor hendaklah membayar atau memberikan kepada Kerajaan suatu jumlah wang yang dikira mengikut kadar yang dinyatakan sebagai Ganti Rugi Tertentu dan Ganti Rugi Ditetapkan selama tempoh kerja tidak siap. Semakan Audit mendapati 2 projek iaitu Jeti Pulau Ketam dan Sungai Lima serta Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah dan Jeti Johor Bahru dan Muar gagal disiapkan dalam tempoh lanjutan masa. Kedua-dua projek ini telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM0.33 juta dan RM13,245 masing-masingnya.	
9.5.1.1.c	Sekiranya kontraktor tidak memperbaiki kecacatan yang di senarai di dalam Jadual Kecacatan semasa Tempoh Liabiliti Kecacatan, kecacatan tersebut boleh diperbaiki dan kos yang terlibat hendaklah dipotong dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau dari Bon Pelaksanaan. Semakan Audit mendapati kontraktor bagi projek Jeti Pulau Ketam dan Sungai Lima serta Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah telah gagal membaiki 7 kecacatan yang disenaraikan. Pada 20 April 2012, JLM telah mengeluarkan Notis Kegagalan Membaiki Kecacatan kepada Cahaya Berlian Sdn. Bhd. dan pada 8 Oktober 2012, JLM telah melantik Shaharuddin Trading And Service bagi menjalankan kerja pembaikan tersebut dengan kos berjumlah RM65,500. Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013 *Pada masa hadapan JLM akan memastikan proses pelanjutan masa*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dipertimbangkan semasa tempoh sah laku kontrak masih berkuat kuasa iaitu 3 bulan sebelum kontrak tamat. Pihak JLM telah mengenakan LAD kepada kontraktor 2 projek ini disebabkan kegagalan kontraktor menyiapkan kerja dalam tempoh lanjutan masa. Bagi projek Jeti Pulau Ketam dan Sungai Lima serta Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah, kontraktor telah gagal membaiki kecacatan dalam tempoh tanggungan kecacatan yang ditetapkan, maka selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2011, Bon Pelaksanaan projek tersebut yang berjumlah RM111,903.64 telah dirampas dan dikreditkan ke dalam Akaun Hasil Denda dan Rampasan. Kerja pembaikan kecacatan ini telah dilaksanakan menggunakan peruntukan Pembangunan sedia ada. Pada pendapat Audit walaupun kesemua Projek Jeti tersebut dapat disiapkan setelah mengambil kira lanjutan masa, JLM perlu membuat pemantauan yang lebih berkesan bagi memastikan kerja disiapkan dengan sempurna untuk projek pada masa hadapan.	
9.5.1.2.a	**Prestasi Kewangan** Di bawah RMKe-9, peruntukan kewangan berjumlah RM36.26 juta telah diluluskan untuk melaksanakan 7 Projek Jeti yang dipilih. Selain peruntukan ini, JLM juga telah diluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM19.05 juta menjadikan keseluruhan peruntukan berjumlah RM55.31 juta. Sehingga 31 Disember 2012, nilai kontrak keseluruhan telah meningkat daripada RM29.38 juta kepada RM44.34 juta disebabkan Arahan Perubahan Kerja, Perubahan Kadar Harga dan Perubahan Bilangan Kuantiti. Selain daripada nilai kontrak baru ini, JLM juga melakukan perbelanjaan lain seperti kos perunding, IKRAM (*soil investigation*) dan pengambilan/pemberimilikan tanah berjumlah RM10.18 juta menjadikan jumlah perbelanjaan keseluruhan adalah RM54.52 juta.	<u>Tindakan Penambahbaikan</u> JLM telah merangka jadual penyelenggaraan jeti-jeti secara berkala yang dikuatkuasakan mulai tahun 2012. Kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala ini akan dapat mengurangkan kerosakkan struktur jeti dalam jangka masa panjang.
9.5.1.2.b	Analisis Audit juga mendapati 4 Projek Jeti di Kuah, Kuala Perlis, Kuala Kedah dan Kuala Terengganu telah mengalami peningkatan harga yang ketara antara 62.7% hingga 109.8% daripada harga kontrak asal. Semakan lanjut terhadap peningkatan kos tersebut mendapati 51.6% hingga 100% kenaikan berpunca daripada Perubahan Bilangan Kuantiti (*remeasurement*). Perubahan Bilangan Kuantiti ini melibatkan tambahan kerja pembaikan terhadap kerosakan komponen sedia ada kerana kerosakan sebenar hanya dapat dikenal pasti semasa projek dilaksanakan. Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013 *Oleh sebab 4 Projek Jeti di Kuah, Kuala Perlis, Kuala Kedah dan Kuala Terengganu ini digunakan oleh orang awam pada setiap masa, pihak perunding yang dilantik*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tidak dapat melaksanakan pemeriksaan secara destructive defect mapping test bagi membolehkan proses reka bentuk lukisan tender dan Bill of Quantity dimuktamadkan. Walaupun dapat memberikan anggaran kos yang lebih tepat, pemeriksaan secara destructive defect mapping test membabitkan kos yang tinggi, mengambil masa yang lama dan mengganggu operasi di jeti kerana jeti terpaksa ditutup sementara pemeriksaan dijalankan. Penutupan sementara ini tidak boleh dilakukan kerana ia akan menyebabkan gangguan kepada keselesaan pengguna jeti dan perjalanan penumpang feri yang tidak dapat diteruskan. *Oleh itu, pihak perunding telah melaksanakan kerja pemeriksaan tahap kerosakan jeti secara visual bagi memuktamadkan reka bentuk lukisan tender dan Bill of Quantity ini. Pemeriksaan secara visual ini tidak dapat menentu sahkan tahap kerosakan sebenar struktur jeti secara tepat. Tahap kerosakan sebenar hanya dapat ditentukan setelah kontraktor yang dilantik melaksanakan kerja-kerja pembaikan tersebut. Bagi mengurangkan peningkatan kos secara jangka panjang, JLM akan meningkatkan kerja-kerja selenggaraan secara berkala dan efektif. Ini akan mengurangkan kerosakan struktur jeti.* Pada pendapat Audit, kelemahan di dalam perancangan projek menyebabkan berlakunya peningkatan kos semasa kerja dilaksanakan.	
9.5.2.1	**Pengurusan Projek - Pengurusan Akaun Muktamad** Mengikut kontrak, Akaun Muktamad disediakan dan dikeluarkan tidak lewat dari 3 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) atau selepas dikeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan mengikut mana yang terkemudian. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2012 terdapat 2 Akaun Muktamad masih belum disediakan dan kelewatan adalah antara 24 bulan hingga 28 bulan 11 hari. Manakala, 3 Akaun Muktamad lewat disediakan antara 9 hari hingga 17 bulan 13 hari. Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013 *Bagi projek Jeti Kuah, perunding sepatutnya menyediakan Akaun Muktamad pada 1 Januari 2011. Bagaimanapun, perunding gagal mengemukakan Akaun Muktamad pada tarikh tersebut. JLM telah berusaha untuk mendapatkan Akaun Muktamad daripada perunding melalui e-mel dan surat peringatan tetapi gagal. Sehubungan itu, pihak JLM telah mengambil inisiatif untuk menyediakan Akaun Muktamad tersebut pada Jun 2013 dan dijangka selesai pada bulan Julai 2013.* *Bagi projek Jeti Pulau Kambing, perunding sepatutnya menyediakan Akaun*	<u>Tindakan Penambahbaikan</u> MOF pada 5 Mac 2012 telah mengeluarkan SPP Bil 1/2012 – Prosedur Penutupan Akaun Bagi Kontrak Kerja bagi menambahbaik prosedur ini. JLM juga telah membangunkan senarai semak mengikut proses dan tempoh penyediaan seperti mana yang digariskan iaitu:- 1. Kontrak konvensional – 9 bulan daripada tarikh Perakuan Siap Kerja (PSK). 2. Kontrak reka dan bina – 12 bulan daripada tarikh PSK. <u>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan</u> Jeti Kuah – Ogos 2013. Jeti Pulau Kambing – Ogos 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Muktamad pada 20 Ogos 2010. Bagaimanapun, kegagalan perunding mengemukakan akaun tersebut menjelang tarikh tersebut menyebabkan Akaun Muktamad tidak dapat disediakan. Pihak JLM juga telah berusaha untuk mendapatkan Akaun Muktamad daripada perunding melalui e-mel serta surat peringatan dan pihak perunding telah mengemukakan Akaun Muktamad pada 12 Jun 2013 dan dijangka selesai pada bulan Julai 2013. Laporan mengenai kegagalan perunding menyediakan Akaun Muktamad dalam tempoh ditetapkan telah dilampirkan kepada Kementerian Kewangan.	
9.5.2.2.a	**Pengambilan Balik Tanah Di Jeti Johor Bahru** Sebahagian tanah yang menempatkan Pejabat JLM di Johor Bahru telah terlibat dengan Projek Menaik Taraf Jalan Skudai-Abu Bakar yang dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Pada bulan November 2008, pengambilan balik tanah oleh IRDA yang melibatkan JLM telah diwartakan. Semakan Audit mendapati sehingga 28 Februari 2013, pengambilan tanah bernilai RM2.8 juta melibatkan tanah dan struktur binaan masih belum diselesaikan oleh pihak IRDA.	JLM telah memanggil Mesyuarat bersama JKPTG dan IRDA pada 29 Julai 2013 bagi mengetahui status perjanjian pertukaran tanah antara JKPTG dengan IRDA. JKPTG memaklumkan dokumen perjanjian ini masih dalam proses JKPTG.
9.5.2.2.b	Berdasarkan minit mesyuarat bertarikh 16 Julai 2010, JLM telah bersetuju dengan lokasi tanah gantian di PTB 22056 HSD 44608 Mukim Bandar Johor Bahru memandangkan ia terletak di kawasan yang berdekatan dengan tanah dan bangunan milik JLM yang dilepaskan kepada IRDA. IRDA akan menyerahkan tanah gantian tersebut kepada JLM dengan nilai RM2.8 juta termasuk struktur binaan. Kos-kos berkaitan seperti yuran juruukur perunding, bayaran pendaftaran permohonan tanah, bayaran pampasan, bayaran kajian penilaian kesan alam sekitar dan lain-lain perlu ditanggung oleh IRDA. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada wujud perjanjian antara JLM dan IRDA berkaitan persetujuan tersebut kerana sehingga ke tarikh pengauditan ia masih tidak diselesaikan. Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013 *i. Minit Mesyuarat bertarikh 16 Julai 2010 telah menyatakan persetujuan IRDA untuk menyerahkan tanah gantian kepada JLM dengan nilai sebanyak RM2.8 juta termasuk struktur binaan. IRDA juga akan bertanggungjawab menanggung kos-kos berkaitan seperti yuran juruukur perunding, bayaran pendaftaran permohonan tanah, bayaran pampasan, bayaran kajian penilaian kesan alam sekitar dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan. Mesyuarat turut dihadiri oleh pegawai dari Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (JKPTG) Negeri Johor, Pejabat Tanah Dan Galian Johor, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Pejabat Tanah Johor Bahru, Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Negeri Johor, selain pegawai dari*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	IRDA dan Iskandar Waterfront Development Sdn. Bhd. (IWD). *ii. Berdasarkan kepada keputusan mesyuarat ini, tindakan bagi maksud pertukaran tanah JLM dengan tanah gantian telah pun dimulakan oleh JKPTG Johor di mana satu lawatan tapak telah diadakan dan didapati kerja-kerja penambakan tanah masih dijalankan dan dijangka mengambil masa selama 3 tahun. Perkara ini dinyatakan di dalam borang pengesahan status dan laporan tanah bagi tapak gantian JKPTG Johor pada 3 Ogos 2010.* *iii. Susulan daripada borang pengesahan status dan laporan tanah JKPTG berkenaan, pada 10 Ogos 2010, JLM telah mengemukakan permohonan tanah Kerajaan (gantian) kepada Kementerian. Pada 17 Ogos 2010, Kementerian mengemukakan permohonan tanah Kerajaan (gantian) kepada JKPTG Putrajaya.* *iv. Bagi maksud melaksanakan keputusan pertukaran tanah seperti dalam keputusan mesyuarat pada 16 Julai 2010, JLM telah menghantar surat kepada JKPTG bertarikh 14 Jun 2013 memohon pelaksanaan satu perjanjian ditandatangani antara JKPTG dengan IRDA.*	
9.5.3.1	**Kerja Siap Yang Telah Rosak/Usang - Jeti Kuah, Kedah** Di Jeti Kuah, Kedah mendapati binaan/kemudahan yang telah disiapkan mengalami kerosakan antaranya siling pecah, papan suis tiada penutup serta lantai dan tiang pecah. Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013 *Selepas projek pembaikan jeti disiapkan pada tahun 2009, beberapa kerosakan telah dikenal pasti seperti siling pecah disebabkan lokasi yang terletak di tepi laut dan terdedah kepada angin kencang serta lantai dan tiang pecah kerana penggunaan troli oleh penumpang.* *Selaras dengan Blueprint Pelancongan Langkawi, Unit Perancang Ekonomi pada bulan Mac 2012 telah menetapkan bahawa JKR akan menjadi Agensi Pelaksana bagi Projek Naik Taraf Jeti dan Bangunan Terminal, Pembinaan Bangunan CIQ dan Jeti Baru Kuah, Langkawi.* *Kesemua kerosakan ini telah diambil kira di dalam penyediaan skop dan reka bentuk oleh JKR. Projek ini dirancang akan dilaksanakan pada bulan September 2013 dan dijadualkan siap pada bulan Julai 2015.*	Sementara kerja-kerja pembaikan dimulakan pada Ogos 2013, JLM telah menanda lubang tersebut bagi mengelakkan berlaku kemalangan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.3.2	**Jeti Pulau Kambing, Kuala Terengganu** Di Jeti Pulau Kambing, Kuala Terengganu mendapati binaan telah mengalami kerosakan/keusangan akibat daripada faktor cuaca seperti siling bangunan telah tercabut, susur tangan (*stainless steel*) telah berkarat dan cat dinding bangunan pudar/luntur. Selain itu, terdapat lubang di lantai Menara, Bangunan Operasi Maritim. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan punca lubang ini terjadi. Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013 *Kerosakan cat dinding tidak dapat dielakkan kerana kedudukan jeti yang terdedah dengan cuaca manakala punca lantai berlubang tidak dapat dikenal pasti, JLM sedang memperbaiki lubang tersebut bermula bulan Ogos 2012 dan dijangka siap pada bulan September 2013.*	
9.5.4.1.a	**Pengurusan Jeti - Jeti Kuah, Kedah** Projek menaik taraf Jeti Kuah yang telah siap pada 14 Mei 2009 boleh menampung sehingga 4.1 juta orang penumpang setahun. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pada tahun 2012, jeti ini telah mengendalikan purata 4.2 juta orang penumpang setahun. Bagi mengendalikan operasi jeti, Pejabat Laut Kuah mempunyai kakitangan seramai 24 orang yang diketuai oleh Pembantu Laut, Gred A22. Disebabkan kekangan kakitangan, khidmat pengawal keselamatan swasta iaitu Leo Force And Services dengan kos RM200,568.96 setahun telah digunakan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati khidmat pengawal keselamatan ini masih tidak dapat membantu mengawal kesesakan di jeti tersebut.	Projek Menaik Taraf Jeti Kuah ini dirancang akan dilaksanakan pada bulan September 2013 dan dijadualkan siap pada suku tahun ketiga tahun 2015 dengan peruntukan secara terus dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri selaras dengan Blueprint Pelancongan Langkawi.
9.5.4.1.b	Hasil lawatan Audit di Jeti Kuah pada 17 Disember 2012, mendapati semasa cuti sekolah atau cuti umum jeti tersebut sesak dengan penumpang terutama di tempat menunggu dan ruang legar di jeti. Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013 *Punca utama kesesakan di Jeti Kuah, selain daripada faktor peningkatan penumpang semasa hari perayaan dan musim cuti sekolah, adalah disebabkan feri-feri yang sepatutnya bertolak ke Kuala Kedah dan Kuala Perlis tidak dapat melakukan pelayaran mengikut jadual disebabkan kedalaman yang tidak mencukupi dan terpaksa menunggu air pasang di Kuala Kedah dan Kuala Perlis bagi membolehkan feri-feri ini merapati jeti di Kuala Kedah dan Kuala Perlis. Keadaan ini menyumbang kepada penumpang yang ramai di Jeti Kuah. Bagi mengawal jumlah*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	penumpang dan melancarkan aliran penumpang di jeti Kuah, JLM telah mendapatkan bantuan RELA. *Pihak JLM juga sedang menjalankan satu Kajian Simulasi dan Perancangan Terminal Penumpang Kuah bermula bulan November 2012 yang dijangka siap pada bulan Julai 2013. Penemuan kajian simulasi ini akan digunakan bagi maksud Projek Naik Taraf Jeti dan Bangunan Terminal, Pembinaan Bangunan CIQ dan Jeti Baru Kuah, Langkawi. Projek ini antara lain menambah kapasiti ruang menunggu semasa daripada 500 orang penumpang kepada 1,500 orang penumpang sekali gus menyelesaikan isu kesesakan di Jeti Kuah.*	
9.5.4.2.a	**Jeti Kuala Perlis, Perlis** Jeti Kuala Perlis telah siap dinaikkan taraf oleh JLM pada 25 Mei 2009. Bagaimanapun, ia telah terlibat dengan kerja menaik taraf di bawah peruntukan Kementerian Pelancongan Malaysia. Agensi pelaksana bagi projek tersebut adalah JKR, Negeri Perlis. Manakala kontraktornya ialah Bina Kayang Sdn. Bhd. dengan nilai kontrak RM4.0 juta. Tempoh pelaksanaan projek ialah selama 50 minggu bermula dari 31 Oktober 2011 hingga 15 Oktober 2012. Semakan Audit mendapati lanjutan masa pertama telah diluluskan selama 90 hari dari 15 Oktober 2012 hingga 13 Januari 2013.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 9.5.4.2.c.
9.5.4.2.b	Lawatan Audit pada 18 Disember 2012 mendapati tiada kerja sedang dijalankan oleh kontraktor. Setakat 7 Disember 2012, status kemajuan kerja sebenar ialah 42.8% berbanding mengikut jadual 61.2% iaitu kelewatan sebanyak 18.4%. Pihak Audit juga mendapati sebahagian kemudahan yang telah siap dibina oleh JLM bernilai RM0.75 juta tetapi telah di naik taraf semula oleh JKR. Kemudahan ini telah diruntuhkan untuk dibina semula. Adalah didapati kemasan kerja asal telah ditukar dan tidak diganti mengikut spesifikasi sepatutnya iaitu daripada jenis *porcelain heavy duty* dan telah ditukar kepada jenis *porcelain tile polish* yang boleh mengakibatkan lantai licin dan tidak selamat serta membahayakan pengguna. Perkara ini masih tidak diambil tindakan oleh kontraktor dan telah dimasukkan di dalam senarai kecacatan yang dihantar kepada JKR Negeri Perlis pada 1 April 2013.	
9.5.4.2.c	Selain itu, tapak projek tidak diurus dengan teratur oleh kontraktor dan JKR kerana tiada papan adang dipasang bagi tujuan memisahkan kawasan kerja dengan ruang menunggu dan laluan pengguna jeti (lantai dan bumbung) serta tiada papan tanda sementara untuk menunjuk arah di tapak projek. Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	i. Projek Naik Taraf Jeti Kuala Perlis adalah merupakan satu projek Kementerian Pelancongan yang telah melantik JKR bagi melaksanakan projek berkenaan. Segala kawal selia adalah di bawah JKR dan Kementerian Pelancongan. *ii. Sehubungan ini, beberapa mesyuarat koordinasi bagi memuktamadkan skop reka bentuk dengan JLM, JKR, Kementerian Pelancongan, Pejabat Pelancongan Negeri Perlis, Unit Perancang Ekonomi Negeri Perlis dan JKR Cawangan Bangunan Am telah diadakan. Mengenai penggunaan porcelain tile polish adalah merupakan keputusan JKR yang bercanggah dengan keputusan mesyuarat koordinasi untuk menggunakan porcelain heavy duty dan ini adalah di bawah kawalan Kementerian Pelancongan sebagai pemilik projek.* *iii. Kementerian Pelancongan telah menyerahkan projek yang telah siap pada 25 Mac 2013 kepada JLM di mana senarai kecacatan skop yang belum sempurna telah dikemukakan oleh JLM kepada Kementerian Pelancongan pada 1 April 2013. JKR Negeri Perlis telah mengadakan satu mesyuarat kerosakan dan kecacatan Bil.1/2013 pada 11 Jun 2013. Segala kecacatan dan kerja-kerja yang belum sempurna akan dilaksanakan dalam tempoh tanggungan kecacatan projek yang akan tamat pada 24 Mac 2014.* Pada pendapat Audit, perbincangan dan koordinasi antara Kementerian Pelancongan serta lain-lain agensi yang melibatkan JLM sebagai pemilik sepatutnya dapat mengenal pasti komponen yang hendak dinaik taraf. Ini bagi mengelakkan berlakunya pembaziran kerana menaik taraf komponen yang telah siap dibina/di naik taraf. Di samping itu, pihak JKR perlu mengarahkan kontraktornya memastikan keselamatan tapak projek sentiasa terjamin.	
9.5.4.3.a	**Jeti Kargo Kuala Kedah** Lawatan Audit ke Jeti Kargo Kuala Kedah mendapati jeti tersebut mampu menampung 3 unit baj/tongkang sahaja pada sesuatu masa memandangkan panjang keseluruhan jeti hanya berukuran 83 meter dan JLM memberi keutamaan kepada baj/tongkang yang membawa kargo bagi keperluan penduduk di Pulau Langkawi. Pihak Audit mendapati JLM telah mengarahkan pengusaha kargo yang beroperasi supaya setiap baj/tongkang/bot yang merapat ke Jeti perlu merapat secara mengiring dan baj/tongkang/bot yang tidak beroperasi ditambat di tempat lain agar keadaan jeti tidak menjadi sesak. Bagaimanapun, tindakan ini masih tidak dapat mengatasi kesesakan malahan permintaan daripada pengusaha kargo semakin meningkat. Selain itu, terdapat pengusaha kargo yang tidak mematuhi arahan JLM dengan menambat baj/tongkang/bot di jeti tersebut walaupun tidak beroperasi. Pihak Audit juga mendapati tiada mekanisme pemantauan telah diambil oleh JLM bagi memastikan arahan ini dipatuhi oleh semua syarikat yang beroperasi di jeti tersebut.	Pada masa kini, baj digunakan untuk mengangkut kenderaan di samping kargo-kargo lain dari Kuala Kedah ke Langkawi. Sebuah baj boleh membawa sehingga 40 buah kereta. Sebagai langkah untuk mengurangkan bilangan kapal yang merapat di jeti, JLM sedang mempertimbangkan cadangan sebuah feri RORO dari Kuala Perlis ke Langkawi yang boleh memuatkan sehingga 80 kereta. JLM juga telah merangka jadual penyelenggaraan jeti-jeti secara berkala yang dikuatkuasakan mulai tahun 2012. Kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala ini akan dapat mengurangkan kerosakan struktur jeti dalam jangka masa panjang, sekaligus memastikan keretakan pada tebing *jetty head* tidak menjadi lebih

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.4.3.b	Semakan Audit selanjutnya mendapati antara permintaan daripada pengusaha kargo yang terpaksa ditolak adalah operasi kargo untuk membawa *iron ore* ke Pulau Langkawi untuk kegunaan industri kerana muatan kargo *iron ore* yang dipunggah ke baj melebihi had beban hidup yang dibenarkan iaitu 700 dwt (grt). Pihak Audit juga mendapati JLM tidak menyediakan sebarang peralatan perantara untuk memindahkan barang dari jeti ke atas baj. Oleh yang demikian, pengusaha telah meletakkan pelantar untuk memindahkan barang kargo ke atas baj dan kesan daripada penggunaan pelantar tersebut tanpa pemantauan sewajarnya dari JLM, berlaku keretakan pada tebing *jetty head.* Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013 ***i.*** *JLM bersetuju bahawa penggunaan jeti kargo Kuala Kedah telah mencapai tahap maksimum penggunaan tanah dan mengakibatkan berlaku kesesakan. Bagi mengurangkan kesesakan pengangkutan kenderaan dari Kuala Kedah ke Langkawi, JLM sedang meneliti cadangan perkhidmatan feri RoRo dari Kuala Perlis ke Langkawi. Cadangan perkhidmatan feri RoRo ini dikemukakan oleh pihak swasta dan dijangka akan bermula dalam masa terdekat sekiranya diluluskan oleh pihak-pihak berkepentingan. Berhubung dengan penguatkuasaan larangan menambat di jeti sekiranya tidak menjalankan sebarang operasi, larangan tersebut telah diberikan kepada semua pengguna dan penguatkuasaan telah dijalankan.* ***ii.*** *Kargo yang diluluskan untuk dikendalikan di Jeti Kargo Kuala Kedah merupakan jeti kargo am yang mempunyai pelbagai bentuk dan rupa. JLM tidak menyediakan peralatan mengangkut kargo dan keperluan tersebut disediakan oleh pemilik kargo. Pelantar besi digunakan bagi operasi memunggah kenderaan seperti kereta, lori bermuatan kargo dan kargo ringan yang mana adalah dibenarkan oleh JLM. Keretakan pada tebing jetty head bukan sahaja berpunca dari operasi loading dan discharge atau penggunaan pelantar besi ini, sebaliknya ia juga berpunca dari daya hentaman sisi baj yang merapat ke jetty head ini. Walaupun kesemua daya ini telah dikira semasa peringkat perancangan dan melepasi semua jaminan semasa tempoh liabiliti kecacatan berakhir, keadaan ini berlaku akibat operasi harian di jeti ini (wear and tear).* Pada pendapat Audit, penggunaan Jeti Kargo Kuala Kedah telah mencapai tahap maksimum mengakibatkan berlaku kesesakan. Di samping itu, pihak JLM perlu mengambil inisiatif yang bersesuaian bagi memastikan keretakan pada tebing *jetty head* tidak menjadi lebih serius.	serius.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.4.4.a	**Menaik Taraf Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah** Objektif menaik taraf Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah adalah bagi mengendalikan pembaikan dan penyenggaraan kapal/bot JLM serta peningkatan keupayaan *slipway* daripada 50 tan kepada 250 tan. Adalah didapati setakat 31 Disember 2012, JLM mempunyai sebanyak 96 buah kapal/bot dan pecahan mengikut wilayah adalah Wilayah Utara (15), Tengah (10), Selatan (12), Timur (12), Labuan (3), Sabah (10) dan Sarawak (34). Bagi tujuan pembaikan dan penyenggaraan kapal/bot, JLM hanya mempunyai satu limbungan di Wilayah Tengah.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 9.5.4.4.b.
9.5.4.4.b	Lawatan Audit pada 28 November 2012 mendapati limbungan tersebut turut membaiki kapal/bot dari Jabatan Laut Wilayah Selatan. Menurut JLM, tempoh pembaikan yang lama untuk sesuatu kapal/bot telah mengganggu jadual pembaikan kapal/bot lain. Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013 *Limbungan kapal di Jabatan Laut Wilayah Tengah pada asasnya limbungan bagi maksud pembaikan dan penyenggaraan kapal atau bot Jabatan Laut Wilayah Tengah. Bot dan kapal JLM yang lain akan di senggara atau di baik pulih secara asas sekiranya terdapat kekosongan jadual.* *JLM mempunyai dasar bahawa semua bot dan kapal JLM di baik pulih atau di selenggara di limbungan swasta yang terdekat bagi mengurangkan kos minyak dan tuntutan lebih masa krew-krew kapal yang perlu dibelanjakan sekiranya bot tersebut belayar ke limbungan JLM Wilayah Tengah. Selain itu, caj-caj yang dikenakan oleh limbungan swasta berkenaan adalah dikawal oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Situasi dan dasar ini tidak menjejaskan kesiapsiagaan kapal JLM pada sepanjang masa.*	
9.5.4.5.a	**Keadaan Air Pasang Surut Dan Kelodak (*Siltation*) Di Muara Kuala Perlis** Berdasarkan Laporan/Kajian oleh Japan International Cooperation Agency (JICA) pada tahun 1984, menganggarkan kadar kelodak biasa bagi muara sungai adalah satu meter setahun. Manakala berdasarkan kajian hidraulik yang dilakukan pada bulan Februari 2007 oleh Perunding Dr. Nik Associated Sdn. Bhd., kelodak di muara Kuala Perlis telah meningkat kepada 1.7 meter setahun. Lawatan Audit ke Jeti Kuala Perlis pada 19 Disember 2012, mendapati keadaan air surut telah berlaku di awal pagi sebelum jam 9 pagi. Berdasarkan maklum balas	JLM telah mengemukakan permohonan projek pengerukan alur pelayaran di muara sungai Kuala Perlis dalam Rolling Plan 4, RMK-10.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	JLM, kelodak dan air surut menyebabkan paras kedalaman air tidak sesuai untuk feri berlabuh. Keadaan ini telah mengganggu jadual perjalanan feri di mana feri terpaksa menunggu air pasang untuk meneruskan perjalanan. Berdasarkan data jadual perjalanan feri penumpang di Jeti Kuala Perlis, bagi bulan Januari hingga November 2012 mendapati sebanyak 4% perjalanan feri tidak mengikut jadual.	
9.5.4.5.b	Pengerukan adalah kerja mendalamkan alur pelayaran ke paras sekurang-kurangnya 3 meter dari Datum Carta (CD) di mana CD di definisikan sebagai nilai ramalan pasang surut tidak akan jatuh di bawah CD melebihi 1 meter atau paras air terendah bagi menjamin keselamatan pelayaran. Pihak Audit mendapati sepanjang tempoh RMKe-9 pengerukan berkala (*maintenance*) bagi kawasan lembangan dan alur pelayaran di Kuala Perlis telah dilakukan sebanyak 2 kali dengan kos berjumlah RM40.70 juta. Bagaimanapun dalam RMKe-10, kerja pengerukan tidak diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri kerana projek ini bersifat *one off.* Semakan Audit mendapati pada 30 November 2012, terdapat aduan daripada 6 pengusaha feri dari Langkawi ke Kuala Perlis kepada Menteri Pengangkutan kerana kelodak menyebabkan pengusaha feri terpaksa menanggung kos tambahan untuk pembaikan kerosakan feri dan mengganggu jadual perjalanan feri. Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013 *Jeti Kuala Perlis terletak di muara Sungai Perlis yang terdedah kepada kadar pemendapan yang tinggi dan oleh itu perlu dilakukan pengerukan senggaraan secara berkala iaitu setiap 3 tahun. Keupayaan JLM melaksanakan pengerukan senggaraan, tertakluk kepada peruntukan yang akan diperolehi yang menentukan skop projek pengerukan yang boleh dilaksanakan. Bagi mengatasi masalah pemendapan di Jeti Kuala Perlis beberapa cadangan sedang diteliti termasuk cadangan untuk membina satu terminal penumpang Kuala Perlis di satu lokasi yang baru oleh pihak berkuasa Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Bagi maksud tersebut NCIA sedang melaksanakan satu kajian perwujudan Kuala Perlis Maritime Terminal yang dijangka akan siap pada hujung tahun 2013.* Pada pendapat Audit, kelodak di muara Sungai Kuala Perlis telah mengganggu jadual perjalanan feri. Di samping itu, ketiadaan peruntukan menyebabkan kerja pengerukan berkala tidak dapat dilaksanakan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.4.6.a	**Kutipan Hasil JLM** Di Malaysia kadar kutipan hasil pelabuhan/jeti/kargo adalah berdasarkan *Port Rules* di mana ia berbeza antara negeri di Malaysia serta tahun pelaksanaannya. Kadar kutipan hasil mengikut *Port Rules.*	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 9.5.4.6.d.
9.5.4.6.b	Semakan Audit terhadap kutipan hasil untuk Jeti Kuah dan Jeti Kuala Perlis mendapati tiada kutipan hasil jeti dibuat oleh JLM secara terus kepada penumpang kerana penjenisan hasil jeti seperti kapal layar, baj, *barter trade* dan pelbagai adalah dikenakan ke atas feri/kapal/bot melalui caj merapat ke jeti.	
9.5.4.6.c	Analisis Audit terhadap Jeti Kuah dan Kuala Perlis mendapati berlaku peningkatan penumpang bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 antara 9.4% hingga 15.7%. Bagaimanapun, bagi tempoh yang sama didapati bilangan feri telah menurun antara 3.8% hingga 14.2% kerana perubahan saiz feri kepada yang lebih besar bagi mengangkut lebih ramai penumpang. Analisis selanjutnya mendapati kutipan hasil JLM bagi Jeti Kuah telah menurun antara 7.5% hingga 14.9% kerana bilangan feri yang berkurangan. Manakala bagi Jeti Kuala Perlis, kutipan hasil telah menurun sebanyak 6.9% pada tahun 2011 tetapi meningkat sebanyak 3.7% pada tahun 2012. Menurut JLM, faktor perubahan kadar kutipan yang tidak selari ini disebabkan perubahan jenis feri yang sedia ada kepada saiz yang lebih besar. Ini mengakibatkan kutipan hasil JLM yang semakin rendah disebabkan mengikut kadar di jadual *Port Rules*.	
9.5.4.6.d	Pihak Audit juga telah membuat analisis kutipan hasil berbanding kos penyenggaraan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 yang terdiri daripada perbelanjaan pembaikan terhadap kemudahan jeti serta kos pembersihan jeti dan Pengawal Keselamatan. Analisis Audit mendapati kos penyenggaraan Jeti Kuah, Kedah adalah amat tinggi berbanding hasil yang diperoleh. Peratus perbezaan kos penyenggaraan berbanding hasil dari tahun 2010 hingga 2012 menunjukkan peningkatan antara 219.2% hingga 348.6%. Manakala Jeti Kuala Perlis, analisis bagi tempoh yang sama mendapati perbezaan kos penyenggaraan berbanding hasil semakin meningkat dari -17.2% hingga 3.6%. Pihak Audit mendapati JLM perlu menanggung kos penyenggaraan yang tinggi kerana kadar penumpang yang meningkat. Kos penyenggaraan diperlukan bagi memastikan semua kemudahan yang disediakan di jeti berkenaan dalam keadaan baik. Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013 *Jeti Kuala Perlis, Jeti Kuala Kedah dan Jeti Kuah adalah merupakan terminal penumpang yang dikawal selia oleh JLM. Caj-caj yang boleh dikutip oleh JLM dan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	juga pengusaha feri adalah tertakluk kepada Kedah Port Rules 1994 dan Perlis Port Rules 1953. Ketiga-tiga jeti adalah merupakan jeti awam yang disediakan oleh Kerajaan untuk kegunaan penduduk tempatan dan pelancongan yang ingin mengunjungi Langkawi. Oleh itu, asas caj-caj di bawah kedua-dua Kaedah Pelabuhan tersebut adalah untuk mengenakan caj yang minima bagi mengurangkan beban kepada pengguna serta untuk menggalakkan industri pelancongan tempatan. Walau apa jua pun di atas, JLM sedang meneliti semula semua caj-caj yang dikenakan di bawah Kaedah Pelabuhan sedia ada dan pada masa kini proses memuktamadkan Kaedah-Kaedah Pelabuhan Kelantan dan Kaedah-Kaedah Pelabuhan Pahang sedang dijalankan. Kaedah-Kaedah Pelabuhan Kedah dan Kaedah-Kaedah Pelabuhan Perlis akan turut menjalani proses yang sama bagi menyesuaikan keperluan dan kehendak semasa serta mengambil kira peruntukan yang diperlukan dalam penyenggaraan terminal berkenaan. Pada pendapat Audit, Kementerian dan JLM perlu memberi pertimbangan sewajarnya bagi memastikan hasil yang dikutip oleh JLM seimbang dengan kos penyenggaraan.	
9.5.5.1	**Kerja Penyenggaraan** Jeti Pulau Ketam dan Jeti Sungai Lima merupakan laluan keluar/masuk ke Pulau Ketam dan Sungai Lima serta digunakan sepenuhnya oleh penduduk setempat bagi aktiviti harian. Lawatan Audit pada 28 November 2012, di kedua-dua jeti tersebut mendapati jeti tidak disenggarakan dengan memuaskan. Terdapat banyak kemudahan yang disediakan telah rosak dan kebersihan tidak dijaga.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 9.5.5.2.
9.5.5.2	Lawatan Audit pada 17 Disember 2012 ke Jeti Kuah mendapati JLM telah menyediakan kemudahan kepada pengguna. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati beberapa kemudahan memerlukan penyenggaraan oleh JLM. Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013 *Keupayaan untuk menyenggara dan membaiki jeti-jeti di bawah kawal selia JLM adalah terhad mengikut peruntukan yang diterima. Bagi maksud tersebut, peruntukan bagi membaiki jeti ini telah diperolehi dalam peruntukan Belanja Mengurus tahun 2013. Kerja-kerja senggaraan telah bermula pada 3 Jun dan telah siap pada 30 Jun 2013. Papan tanda di Jeti Pulau Ketam dan Jeti Sungai Lima yang memohon kepada pengguna agar sama-sama menjaga kebersihan dan keselamatan di jeti turut telah didirikan.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, bagi Jeti Pulau Ketam dan Sungai Lima walaupun tiada pegawai ditempatkan di kawasan jeti tersebut, pemantauan dan penyenggaraan aset Kerajaan hendaklah dilaksanakan. Manakala bagi Jeti Kuah, tindakan telah diambil selepas teguran Audit.	
9.5.6.1	**Mekanisme Pemantauan - Pegawai Penguasa (SO)** Pegawai Penguasa (SO) bagi Projek Jeti ialah Ketua Pengarah Laut, JLM. Penurunan kuasa daripada SO kepada wakil SO telah dibuat berkaitan Projek Jeti kepada Pengarah Wilayah berkenaan. Pemantauan projek dibantu oleh perunding projek yang telah dilantik oleh JLM untuk setiap Projek Jeti. Pihak Audit mendapati SO atau wakil SO telah menghadiri kesemua mesyuarat pemantauan projek yang diadakan bersama perunding dan kontraktor. Selain itu, semasa lawatan Audit ke lokasi projek sepanjang bulan November hingga Disember 2012 pihak Audit mendapati wakil SO turut memberi maklum balas penyelesaian permasalahan projek berkaitan dalam setiap perbincangan yang diadakan.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 9.5.6.2.b.
9.5.6.2.a	**Perunding Projek - Prestasi Perunding** Perunding yang dilantik bertanggungjawab untuk membantu dalam pengurusan kejuruteraan reka bentuk awalan dan terperinci serta sokongan teknikal bagi setiap projek yang dilaksanakan. Secara keseluruhannya, pihak Audit mendapati prestasi perkhidmatan perunding adalah memuaskan di mana perunding telah melaksanakan kerja mengikut perjanjian dalam semua peringkat projek bermula daripada peringkat reka bentuk, tender, pemantauan pembinaan serta pengurusan kontrak semasa dan selepas pembinaan dilaksanakan.	
9.5.6.2.b	**Pembatalan Perkhidmatan Perunding** Klausa 2.3 Conditions of contract menyatakan *'If at any time the Client shall decide to postpone the Works, he shall notice in writing to the Consulting Engineer terminate the Consulting Engineer's appointment under this Agreement'.* Berdasarkan klausa tersebut semakan Audit mendapati pelantikan perkhidmatan perunding Azman, Ooi & Rao Sdn. Bhd. adalah meliputi 4 jeti iaitu Jeti Tg. Lembong, Jeti Kuah, Jeti Kuala Perlis dan Jeti Batu Uban dengan tempoh kerja selama 76 minggu. Berdasarkan maklum balas JLM, hanya 2 projek yang dilaksanakan iaitu Projek Pembaikan/Menaik Taraf Jeti Penumpang Kuala Perlis, Perlis Untuk Jabatan Laut Malaysia dan Projek Pembaikan/Menaik Taraf Jeti Penumpang Kuah, Langkawi. Manakala 2 lagi projek tidak dilaksanakan iaitu Jeti Tg. Lembong dan Jeti Batu Uban. Bagaimanapun, pihak Audit tidak menemui sebarang notis penamatan/pembatalan kontrak perunding bagi 2 kerja tersebut.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013 *Pada peringkat permulaan, perkhidmatan perunding Azman, Ooi & Rao Sdn. Bhd. adalah meliputi 4 jeti iaitu Jeti Tg. Lembong, Jeti Kuah, Jeti Kuala Perlis dan Jeti Batu Uban. Semasa Confirmatory Defect Mapping di dapati tahap kerosakan Jeti Tg. Lembong dan Jeti Batu Uban berada pada tahap yang minimum. Manakala bagi Jeti Kuah dan Kuala Perlis kerosakan yang dikenal pasti perlu diberi keutamaan. Pihak JLM mengambil keputusan bahawa Jeti Kuah dan Kuala Perlis perlu dibaiki segera. Namun, keputusan ini dibuat secara lisan kepada perunding.* *Keputusan JLM telah dibuat dengan pihak perunding semasa mesyuarat pembentangan reka bentuk dijalankan. Walau bagaimanapun, kontrak Kerajaan bersama perunding ini telah tamat pada 18 Jun 2009 dan keperluan mengeluarkan notis penamatan/pembatalan kontrak kepada perunding mengikut kontrak tidak lagi timbul.* Pada pendapat Audit, pada masa akan datang bagi projek yang tidak dilaksanakan/dibatalkan, notis penamatan/pembatalan kontrak hendaklah dikeluarkan secara bertulis seperti yang dinyatakan di dalam syarat kontrak.	

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

Jabatan Perkhidmatan Pembetungan

Perenggan 10 : Pengurusan Projek Pembetungan Negara

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.1.1.a	**Pencapaian Kewangan** Projek Pembetungan Negara dilaksanakan melalui 2 kaedah iaitu secara langsung oleh JPP atau melalui pinjaman yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan/negeri-negeri yang tidak termasuk dalam pengurusan pembetungan peringkat nasional sejak diswastakan pada tahun 1994. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM778.17 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan 51 projek sambungan (projek-projek di bawah RMKe-9) dan 10 projek baru. Berdasarkan rekod di Bahagian Pembangunan, pihak Audit mendapati JPP telah membelanjakan sejumlah RM743.82 juta (95.6%) setakat 4 Januari 2013.	Berdasarkan Laporan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertarikh 18 Januari 2013, sehingga tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) Tahun 2012, jumlah perbelanjaan Projek Pembetungan Negara bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah sebanyak RM755.45 juta atau 97.0%. Berdasarkan Laporan JANM bertarikh 18 Januari 2013, sehingga tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) Tahun 2012, jumlah perbelanjaan Projek Pembetungan Negara bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah sebanyak RM755.45 juta atau 97.0%.
10.5.1.1.b	Selain menggunakan peruntukan pembangunan, JPP juga melaksanakan Projek Pembetungan Negara dengan menggunakan peruntukan kewangan daripada Akaun Amanah Membangun/Menaik Taraf Sistem Pembetungan Untuk Pembangunan Baru. Setakat 31 Disember 2012, Jawatankuasa Akaun Amanah telah meluluskan sejumlah RM553.05 juta untuk melaksanakan 58 projek pembetungan. Setakat bulan Disember 2012, sejumlah RM308.46 juta (55.8%) telah dibelanjakan.	
10.5.1.1.c	Bagi 13 projek yang diaudit, sebanyak 6 projek dibiayai daripada peruntukan pembangunan dan 7 projek dibiayai daripada Akaun Amanah Membangun/Menaik Taraf Sistem Pembetungan Untuk Pembangunan Baru. Harga kontrak asal bagi 13 projek berjumlah RM506.98 juta. Bagaimanapun, kos ini telah meningkat kepada RM507.45 juta iaitu peningkatan sejumlah RM0.47 juta berikutan Arahan Perubahan Kerja (APK) dan pelarasan harga kontrak yang telah diluluskan oleh JPP. Setakat 31 Disember 2012, sejumlah RM366.09 juta (72.1%) telah dibelanjakan.	
10.5.1.1.d	Semakan selanjutnya mendapati JPP telah meluluskan antara 2 hingga 8 APK bagi 5 projek yang diaudit melibatkan peningkatan kos antara RM102,703 hingga RM4.0 juta. Namun peningkatan kos bagi 5 projek ini hanya antara 3.1% hingga 6.6% berbanding kos asal. Secara amnya, kelulusan APK bagi 5 projek berkenaan telah mematuhi peraturan yang ditetapkan dan selaras dengan syarat kontrak.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.1.1.e	**Kos Kapital Projek Pembetungan Negara** JPP antara lainnya bertanggungjawab menyediakan kos kapital untuk pembangunan prasarana pembetungan negara seperti loji rawatan kumbahan dan rangkaian paip pembetungan. Prasarana yang telah siap dibangunkan akan diserah kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) untuk tujuan operasi. JPP juga melaksanakan projek baik pulih dan naik taraf loji rawatan kumbahan. Semakan Audit mendapati JPP memerlukan kos kapital yang tinggi untuk menyediakan prasarana pembetungan negara bagi mencapai objektifnya iaitu untuk memperluaskan liputan perkhidmatan pembetungan kepada setiap lapisan rakyat (termasuk di pinggir bandar, pekan kecil dan kawasan pedalaman), seterusnya mengawal pencemaran kumbahan ke atas sumber air negara. Ini kerana kualiti sumber air negara hanya akan dapat dipelihara dan ditingkatkan melalui sistem pembetungan yang menyeluruh yang akan merawat semua jenis efluen sebelum ia dilepaskan ke sungai. Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan Projek Pembetungan Negara secara amnya adalah baik kerana peratus perbelanjaan keseluruhan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 telah mencapai sehingga 95.6%. Bagaimanapun, JPP memerlukan peruntukan kewangan yang lebih besar untuk mencapai objektif utamanya iaitu mengawal pencemaran kumbahan ke atas sumber air negara.	
10.5.1.2.a	**Pencapaian Fizikal Keseluruhan Projek** JPP telah melaksanakan 62 projek secara keseluruhannya di bawah RMKe-9 dan RMKe-10. Berdasarkan rekod yang diselenggarakan di JPP, pihak Audit mendapati 35 (56.5%) projek dilaksanakan mengikut jadual asal, di mana 32 daripadanya telah disiapkan setakat 31 Disember 2012. Sebanyak 25 (40.3%) projek pula mengalami kelewatan dalam pelaksanaan berbanding jadual asal manakala 2 projek (3.2%) bermasalah dan gagal disiapkan di mana kontraktor penyelamat telah dilantik untuk menyelesaikan kerja-kerja yang masih belum selesai. Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana hanya 35 (56.5%) daripada 62 projek telah dapat disiapkan mengikut jadual. Maklum Balas JPP Yang Diterima Pada 8 Mac 2013 *Sebanyak 25 projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal dan telah diberikan lanjutan masa kerana projek-projek tersebut mengalami masalah pelaksanaan dan kekangan-kekangan di tapak projek. JPP telah mengenal pasti faktor kelewatan*	Sebanyak 25 projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal dan telah diberikan lanjutan masa kerana projek-projek tersebut mengalami masalah pelaksanaan dan kekangan-kekangan di tapak projek. JPP telah mengenal pasti faktor kelewatan seperti berikut:- i. berlaku perubahan terhadap skop kerja asal; ii. berlaku perubahan jajaran semasa pemasangan paip pembetungan; iii. berlaku kerja-kerja pengalihan utiliti dalam jajaran asal oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad atau Pihak Berkuasa Air; iv. proses pengambilan balik tanah; v. bantahan keras dan aduan penduduk terhadap projek yang dilaksanakan; dan vi. terdapat penambahan syarat-syarat kelulusan permit oleh

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	seperti berikut:- *i. berlaku perubahan terhadap skop kerja asal;* *ii. berlaku perubahan jajaran semasa pemasangan paip pembetungan;* *iii. berlaku kerja-kerja pengalihan utiliti dalam jajaran asal oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad atau Pihak Berkuasa Air;* *iv. proses pengambilan balik tanah;* *v. bantahan keras dan aduan penduduk terhadap projek yang dilaksanakan; dan* *vi. terdapat penambahan syarat-syarat kelulusan permit oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).* *Sebagai langkah penambahbaikan, JPP telah menyemak semula tempoh pelaksanaan projek bagi mendapatkan tempoh kontrak yang lebih realistik dan praktikal. Tempoh penyiapan projek yang munasabah akan ditentukan dengan mengambil kira kompleksiti/kesukaran di tapak yang membabitkan keperluan pengalihan utiliti, kelulusan permit dan sebagainya.*	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Sehingga 31 Julai 2013, sebanyak 24 projek daripada 25 projek telah dikeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja. Walau bagaimanapun, satu (1) projek lagi masih tidak dapat disiapkan ekoran bantahan penduduk setempat. Tempoh lanjutan masa telah diluluskan oleh pihak berkuasa melulus sehingga 30 November 2013. Sebagai langkah penambahbaikan, JPP telah menyemak semula tempoh pelaksanaan projek bagi mendapatkan tempoh kontrak yang lebih realistik dan praktikal. Tempoh penyiapan projek yang munasabah akan ditentukan dengan mengambil kira kompleksiti/kesukaran di tapak yang membabitkan keperluan pengalihan utiliti, kelulusan permit dan sebagainya JPP telah membuat semakan dan melanjutkan tempoh pelaksanaan projek berkaitan rangkaian paip pembetungan daripada 24 bulan kepada 48 bulan dalam pelaksanaan kontrak-kontrak baru mulai tahun 2013.
10.5.1.2.b.i	**Pencapaian Fizikal Bagi Projek Yang Diaudit** Mengikut syarat kontrak, tempoh penyiapan bagi 13 projek yang diaudit adalah antara 1.5 bulan hingga 48 bulan dari tarikh milik tapak. Setakat 31 Disember 2012, sebanyak 10 projek telah siap; 2 projek masih dalam pelaksanaan manakala satu projek iaitu Rangkaian Paip Pembetungan Di Kuala Sawah telah dikategorikan sebagai projek sakit kerana gagal disiapkan. Daripada 10 projek yang telah siap, didapati 8 (80%) projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal dan telah diluluskan antara satu hingga 5 lanjutan masa [Extension of Time (EOT)] melibatkan tempoh antara 34 hari hingga 989 hari. Projek Rangkaian Paip Pembetungan di Juru, Pulau Pinang didapati mengalami tempoh kelewatan yang paling panjang iaitu sehingga 37 bulan dari tarikh penyiapan asal dan telah diluluskan 5 lanjutan masa selama 989 hari. Bagi 2 projek yang masih dalam pelaksanaan, didapati kedua-duanya telah melepasi jadual penyiapan projek yang asal dan telah diluluskan masing-masingnya 2 EOT melibatkan tempoh 290 hari dan 260 hari. Selanjutnya didapati kontraktor bagi 6 projek telah dikenakan denda *Liquidated Ascertained and Damages* (LAD) berjumlah RM6.63 juta kerana gagal menyiapkan projek dalam tempoh penyiapan asal/lanjutan masa yang diluluskan. JPP telah memungut keseluruhan jumlah LAD yang dikenakan kepada kontraktor berkenaan melalui potongan bayaran kemajuan.	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, prestasi fizikal 13 projek yang diaudit kurang memuaskan kerana sebahagian besar projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh penyiapan asal dalam kontrak, di samping terdapat satu projek sakit. Bagaimanapun, JPP telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan mengenakan dan memungut LAD terhadap 6 kontraktor yang masih gagal menyiapkan projek pada akhir tempoh lanjutan masa yang diluluskan. Tindakan ini adalah selaras dengan syarat kontrak dan peraturan yang berkuat kuasa.	
10.5.1.2.b.iii	**Projek Sakit - Rangkaian Paip Pembetungan di Kuala Sawah, Negeri Sembilan** Projek Rangkaian Paip Pembetungan di Kuala Sawah, Negeri Sembilan dilaksanakan secara tender terbuka pada 15 Ogos 2005. Penilaian awal dibuat oleh perunding yang dilantik berdasarkan pematuhan terhadap syarat tender mandatori, penilaian teknikal, keupayaan kontraktor dan keupayaan kewangan. Penilaian selanjutnya dibuat di peringkat Jawatankuasa Penilaian Tender JPP sebelum dikemukakan kepada Lembaga Perolehan A KeTTHA. Jawatankuasa Penilaian Tender JPP telah mengesyorkan petender Road Builder (M) Sdn. Bhd. dengan harga RM117.71 juta melibatkan tempoh 30 bulan. Lembaga Perolehan A KeTTHA dalam perakuannya kepada Kementerian Kewangan (MOF) pada 12 Disember 2005 juga telah mengesyorkan petender yang sama sepertimana yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender JPP. Semakan Audit selanjutnya mendapati MOF melalui surat bertarikh 4 Januari 2006 telah melantik kontraktor yang tidak disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender JPP/Lembaga Perolehan KeTTHA iaitu Satriadesa Corporation Sdn. Bhd. dengan harga RM98.89 juta melibatkan tempoh 30 bulan. Adalah didapati Satriadesa Corporation Sdn. Bhd. telah gagal penilaian peringkat kedua kerana gagal mencapai markah 50% ke atas bagi keupayaan teknikal. Semakan Audit selanjutnya mendapati kontraktor telah gagal menyiapkan projek mengikut tempoh penyiapan asal dalam kontrak dan telah diluluskan Lanjutan Masa [Extension of Time (EOT)] No. 1 selama 306 hari iaitu sehingga 9 September 2009. Kontraktor juga didapati tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam tempoh EOT No. 1 menyebabkan JPP mengeluarkan Notis Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor pada 26 Jun 2009. Berdasarkan notis tersebut, kemajuan kerja di tapak telah mengalami kelewatan sebanyak 42.1%. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2006 menetapkan projek sakit adalah projek yang mana kemajuan pelaksanaannya telah mengalami kelewatan melebihi 3 bulan atau 30% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu dan kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasinya. Bagi menangani masalah projek sakit, Kementerian/Agensi Teknikal hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit (JKPPS). Semakan Audit mendapati JKPPS	Pemilihan kontraktor bukan sepertimana syor jawatankuasa Penilaian Tender JPP dan Lembaga Perolehan A KeTTHA. Walau bagaimanapun, Jabatan telah memantau secara rapi dan membantu kontraktor dalam pelaksanaan projek. Malangnya, pihak kontraktor tidak berupaya melaksanakan dan menyiapkan projek mengikut program kerja yang telah diluluskan. Jabatan terpaksa mengambil langkah penamatan pengambilan kerja kontraktor mengikut prosedur dan peruntukan kontrak sedia ada. Kerugian yang dialami oleh Kerajaan dan/atau ganti rosak yang berlaku kepada Kerajaan disebabkan oleh penamatan pengambilan kerja kontraktor (Satriadesa Corporation Sdb. Bhd) akan dituntut secara terus daripada kontraktor (Satriadesa Corporation Sdn. Bhd) setelah perakuan muktamad kontrak yang ditamatkan pengambilan kerja kontraktor siap. Tuntutan kerugian Kerajaan masih dalam semakan Jabatan dan dijangka dikemukakan kepada Satriadesa Sdn. Bhd. pada bulan Oktober 2013. Kontraktor penyelamat iaitu Tuah Mahir Sdn. Bhd. yang dilantik telah menyiapkan kerja sepenuhnya pada 1 Julai 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	telah ditubuhkan di peringkat Kementerian dengan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KeTTHA pada ketika itu. Minit Mesyuarat JKPPS Bil. 2/2009 bertarikh 24 Julai 2009 melaporkan, berdasarkan Sistem Pengurusan Projek II (SPPII) setakat 18 Julai 2009, secara fizikal projek ini telah mengalami kelewatan sebanyak 50.3%. Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai pelan mitigasi kerja kontraktor untuk tempoh 15 Julai 2009 sehingga 1 Mac 2010 untuk pertimbangan kelulusan lanjutan masa kedua. Selanjutnya didapati JKPPS telah memutuskan supaya kontraktor diberikan tempoh masa yang munasabah bagi melaksanakan pelan mitigasi yang dicadangkan bagi membolehkan JKPPS menilai keupayaan kontraktor untuk menyiapkan projek. Lanjutan itu, melalui Mesyuarat JKPPS Bil. 3/2009 pada 10 September 2009, kontraktor telah diluluskan EOT No. 2 selama 173 hari iaitu mulai 10 September 2009 hingga 1 Mac 2010. Bagaimanapun, JKPPS telah mengingatkan kontraktor sekiranya terdapat kelewatan selepas EOT No. 2 diberikan, JKPPS akan menamatkan kontrak kerja yang diberikan. Semakan Audit selanjutnya mendapati kontrak telah ditamatkan pada 7 Januari 2010 iaitu sebelum berakhirnya tempoh lanjutan masa kedua. Ini berikutan pemantauan kemajuan kerja di tapak oleh pihak JPP mendapati pencapaian kemajuan kerja amat mendukacitakan di mana berlaku kelewatan kemajuan kerja yang berterusan (kemajuan kerja telah lewat sebanyak 41.3% atau 576 hari) berbanding yang dijadualkan serta aktiviti-aktiviti yang amat perlahan di tapak. Bagi memastikan pelaksanaan projek ini dapat diteruskan sepertimana yang dirancang, pihak KeTTHA telah melantik kontraktor penyelamat iaitu Tuah Mahir Sdn. Bhd. untuk menyiapkan baki kerja kontraktor yang terdahulu dengan harga kontrak RM91.75 juta dan tempoh kontrak selama 24 bulan iaitu sehingga 1 Ogos 2012. Namun projek ini juga tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal dan telah diluluskan 2 EOT selama 290 hari iaitu sehingga 18 Mei 2013. Secara amnya dapat dirumuskan, kegagalan kontraktor asal menyiapkan projek ini telah memberi impak kepada Kerajaan dari aspek kos. Adalah didapati kos keseluruhan projek ini telah meningkat daripada RM81.45 juta (nilai kontrak dipinda bagi kontraktor asal) kepada RM121.65 juta [bayaran interim kepada kontraktor asal setakat bulan Jun 2009 bernilai RM29.90 juta (nilai kerja semasa penamatan tidak dapat ditentukan) + jumlah harga kontrak baru (kontraktor penyelamat) berjumlah RM91.75 juta] iaitu peningkatan sejumlah RM40.20 juta (49.3%). Mengikut syarat kontrak Para 51. (c) (v), Kerajaan boleh menuntut apa-apa kerugian daripada kontraktor asal jika kontrak mereka ditamatkan akibat daripada kegagalannya menyiapkan projek. Sehubungan ini, setelah projek disiapkan oleh kontraktor penyelamat, Pegawai Penguasa perlu menyediakan satu perakuan yang menunjukkan dengan jelas jumlah kos penyiapan projek seperti jumlah yang telah	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dibayar kepada kontraktor asal, jumlah yang perlu dibayar kepada kontraktor penyelamat dan lain-lain kos yang terlibat untuk menyiapkan projek ini. Sebarang perbezaan antara kos untuk menyiapkan projek ini dengan kos asal perlu dituntut daripada kontraktor asal. Semakan Audit mendapati JPP masih belum menuntut jumlah kerugian tersebut memandangkan kerja-kerja pembinaan oleh kontraktor penyelamat masih lagi dalam peringkat pelaksanaan. Maklum Balas JPP Yang Diterima Pada 8 Mac 2013 *Pelantikan kontraktor ini bukan sepertimana syor Jawatankuasa Penilaian Tender JPP dan Lembaga Perolehan A, KeTTHA. Bagaimanapun, JPP telah memantau dan membantu kontraktor dalam pelaksanaan projek. Namun, pihak kontraktor tidak berupaya melaksanakan dan menyiapkan projek mengikut program kerja yang telah diluluskan. JPP terpaksa mengambil langkah penamatan pengambilan kerja kontraktor mengikut prosedur dan peruntukan kontrak sedia ada. Kerugian yang dialami oleh kerajaan dan/atau ganti rosak yang berlaku kepada Kerajaan disebabkan oleh penamatan pengambilan kerja kontraktor akan dituntut secara terus daripada kontraktor (Satriadesa Corporation Sdn. Bhd.) setelah perakuan muktamad kontrak yang ditamatkan pengambilan kerja kontraktor disiapkan. Tuntutan dijangka dikemukakan pada bulan Julai 2013.* Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 21 Mei 2013 *Setelah meneliti perakuan yang dikemukakan oleh KeTTHA, Kementerian Kewangan berpandangan petender yang disyorkan iaitu Road Builder (M) Sdn. Bhd. tidak wajar dipertimbangkan kerana prestasi kontraktor ini bagi projek dalam tangan (Loji Rawatan Kumbahan Di Bunus) kurang memuaskan di mana terdapat kelewatan sebanyak 26%. Kementerian Kewangan juga berpandangan adalah tidak wajar kegagalan projek dibebankan sepenuhnya kepada pemilihan kontraktor. Peranan Agensi Pelaksana dalam menjalankan pemantauan yang rapi terhadap projek-projek yang dilaksanakan amatlah penting bagi memastikan projek berjalan dengan lancar mengikut jadual, terutama sekali projek-projek konvensional kerana perunding telah pun dilantik oleh Kerajaan.* Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor sepatutnya dibuat berdasarkan keupayaan teknikal dan kewangan kontraktor bagi mengelakkan risiko projek terbengkalai yang merugikan Kerajaan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.2.1.a	**Kualiti Pembinaan - Projek Menyiapkan Rangkaian Paip Pembetungan Terbengkalai di Sunggala** Kontraktor Lestari Nilam Sdn. Bhd. telah dilantik untuk melaksanakan projek ini dengan harga kontrak berjumlah RM65 juta. Projek telah diperakukan siap pada 2 November 2010 dan Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah sehingga 1 November 2011. Bagaimanapun, pihak JPP memaklumkan kontraktor tidak menjalankan kerja-kerja membaiki kecacatan yang dilaporkan dalam tempoh Tanggungan Kecacatan tersebut. Sehubungan itu, JPP telah menahan Bon Pelaksanaan yang berjumlah RM1.53 juta dan melantik kontraktor penyelamat iaitu SP Multitech Sdn. Bhd. (Multitech) pada 10 Ogos 2012 bagi melaksanakan kerja-kerja membaik pulih kecacatan. Pelantikan Multitech ini telah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Kementerian Kewangan. Pada pendapat Audit, tindakan JPP menahan Bon Pelaksanaan Lestari Nilam Sdn. Bhd. yang tidak menjalankan kerja-kerja pembaikan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah selaras dengan syarat kontrak. Maklum Balas JPP Yang Diterima Pada 8 Mac 2013 *Kontraktor Multitech telah menyiapkan kerja-kerja pembaikan (Mechanical and Electrical) pada 15 Oktober 2012 manakala kerja-kerja pembaikan kecacatan (Civil and Structure) masih dalam tempoh pelaksanaan.*	Kontraktor penyelamat iaitu SP Multitech Sdn. Bhd telah menyiapkan kerja-kerja pembaikan (*Mechanical and Electrical*) pada 15 Oktober 2012 manakala kerja-kerja Kerja-kerja pembaikan kecacatan (*Civil and Structure*) yang dijalankan oleh UNIPENTA Sdn. Bhd. telah siap sepenuhnya pada 17 Jun 2013.
10.5.2.1.b	**Kecacatan Akibat Pelaksanaan Projek Lain Yang Berhampiran - Projek Kerja-kerja Membaik Pulih 5 Unit Loji Rawatan Kumbahan Di Kuala Lumpur Dan Pahang** Projek ini melibatkan kerja baik pulih di 5 Loji Rawatan Kumbahan (STP) iaitu KLR 212, KLR 164, KUN 110, KUN 015 dan HLS 017. STP Cheras Makmur (KLR 164) telah siap dijalankan kerja pembaikpulihan dan dikeluarkan *Certificate of Partial Occupation* (CPO) serta diserahkan kepada IWK untuk tujuan operasi dan penyenggaraan pada 13 Disember 2010. *Verification of Making Good Defect* (VMGD) untuk loji KLR 164 telah tamat tempoh pada 9 Januari 2012. Lawatan Audit di loji KLR 164 pada 23 Oktober 2012 mendapati lapisan permukaan jalan (premix) telah pecah; berlaku mendapan di parameter *drain* dan terdapat keretakan yang serius pada tembok pagar. Mengikut pihak kontraktor dan JPP, kecacatan di loji ini berlaku akibat pembinaan Kerja-kerja Kawalan Kuantiti dan Kualiti Air Sungai/Sistem Saluran/Kolam Takungan Banjir bagi Projek River Of Life yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) di sebelah kawasan STP KLR 164. IWK pada 18 Mei 2012 telah mengemukakan surat aduan keretakan kepada pihak JPS dan	Pihak JPS telah melantik kontraktor bagi membaik pulih kerosakan ke atas jalan, longkang dan tembok pagar pada 15 Disember 2012. Kerja-kerja membaik pulih telah siap sepenuhnya pada 30 April 2013. IWK sememangnya mempunyai program pemantauan bagi loji-loji awam yang telah diambil alih. Kerosakan yang kritikal akibat daripada pelaksanaan kerja-kerja oleh pihak ketiga akan dirujuk kepada Agensi berkenaan untuk pemantauan serta baik pulih bagi meminimakan risiko kerosakan di loji-loji sedia ada.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	meminta JPS menangani segera keadaan hakisan dan keretakan yang berlaku. Lanjutan daripada aduan tersebut, pihak JPS telah mengadakan lawatan ke tapak projek bersama-sama dengan pihak IWK. Bagaimanapun setakat tarikh lawatan Audit pada 23 Oktober 2012, tindakan pembaikan masih belum diambil terhadap kerosakan yang berlaku. *Mengikut maklum balas JPP pada 8 Mac 2013, pihak JPS melalui kontraktor yang dilantik telah membaik pulih kerosakan ke atas jalan, longkang dan tembok pagar pada 15 Disember 2012.* Memandangkan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak JPS masih belum selesai, pihak Audit berpendapat IWK selaku operator loji perlu menjalankan pengawasan yang rapi supaya kerosakan berisiko tinggi, terutamanya pada struktur tangki loji kumbahan dapat dikesan lebih awal dan tindakan bersesuaian dapat diambil dengan segera.	
10.5.2.2.a.ii	**Penggunaan Kemudahan Yang Dibangunkan - Projek Pembetungan Di Pulau Langkawi** Semakan Audit selanjutnya mendapati keseluruhan premis yang telah dikenal pasti untuk penyambungan ke paip pembetungan awam adalah 99 premis, namun pelaksanaannya dalam Fasa 1 hanya melibatkan 31 premis (31.3%). Keseluruhan premis yang sebenarnya telah dibuat penyambungan di bawah Fasa 1 ialah 29 (93.5%) premis. Dua lagi premis tidak dibuat penyambungan disebabkan keengganan pemilik premis memberikan kerjasama. Antara faktor penyambungan tidak dibuat secara menyeluruh ialah JPP tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi bagi membiayai kos penyambungan secara serentak bagi kesemua premis terlibat. *Mengikut Maklum Balas JPP Pada 8 Mac 2013* *Projek Fasa 2 yang melibatkan penyambungan 38 premis telah dimulakan pada 4 Februari 2013 dengan kos berjumlah RM5.20 juta yang dibiayai oleh pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Fasa 3 yang melibatkan 30 premis akan dilaksanakan tertakluk kepada peruntukan kewangan kerajaan.* Akta 655, Seksyen 57 (1) memperuntukkan kuasa kepada SPAN untuk mengarahkan pemilik premis/pemaju menyambung premisnya ke sistem pembetungan awam dalam lingkungan 30 meter dari sempadan premis. Seksyen 57 (2) pula memperuntukkan kuasa kepada SPAN untuk mendapatkan kos penyambungan daripada pemilik premis/pemaju/ penghuni sekiranya pihak berkenaan tidak mematuhi arahan penyambungan yang dikeluarkan oleh SPAN. Namun berdasarkan minit-minit mesyuarat/laporan yang disemak, pihak Audit	Projek Fasa 2 iaitu Kerja-Kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Pembetungan Utama Di Pantai Chenang Dan Pantai Tengah, Pulau Langkawi Kedah (Reka dan Bina) dibiayai oleh pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dengan kos sebanyak RM5.2 juta. Projek yang melibatkan penyambungan 38 premis telah dimulakan pada 4 Februari 2013 dengan kemajuan kerja sehingga 31 Julai 2013 adalah sebanyak 21% berbanding kemajuan yang dijadualkan 18%. Projek Fasa 3 yang melibatkan penyambungan 30 premis akan dilaksanakan tertakluk kepada peruntukan kewangan Kerajaan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mendapati premis-premis domestik dan komersial tidak mahu membuat penyambungan sendiri ke sistem pembetungan serantau disebabkan premis mereka telah pun mempunyai *Individual Septic Tank* (IST) atau sistem pengolahan kumbahan mereka sendiri. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Langkawi, terdapat 51 hotel yang tertakluk di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Daripada pemeriksaan yang dijalankan, JAS mendapati 18 hotel mempunyai loji kumbahan mereka sendiri manakala 15 hotel mempunyai loji kumbahan sendiri tetapi telah ditutup (kerana kos operasi tinggi) dan kumbahan disalurkan ke rangkaian paip pembetungan IWK. Selain itu, sebanyak 12 hotel menggunakan Individual Septic Tank; sebanyak 5 hotel tidak beroperasi dan loji bagi sebuah hotel dikendalikan oleh operator persendirian. Pihak Audit mendapati JAS menjalankan pemantauan bulanan terhadap keputusan pensampelan efluen bagi 18 hotel yang mempunyai loji pengolahan kumbahan sendiri. Bagi tempoh pemantauan bulan Januari 2012 hingga Februari 2013, pihak Audit mendapati 5 daripada 14 hotel tidak mematuhi standard efluen bagi bulan-bulan tertentu yang melibatkan parameter BOD5 dan COD. Manakala baki 4 daripada 18 hotel yang mempunyai loji pengolahan kumbahan sendiri, Notis Arahan di bawah Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan untuk mengarahkan pemunya premis mematuhi Peraturan 4, Peraturan-peraturan Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Peraturan 4 adalah berhubung pemberitahuan bertulis kepada Ketua Pengarah JAS sebelum membuang atau melepaskan atau membenarkan pembuangan atau pelepasan kumbahan ke mana-mana tanah, perairan pedalaman dan perairan Malaysia.	
10.5.2.2.b	**Projek Menyiapkan Rangkaian Paip Pembetungan Terbengkalai di Sunggala, Port Dickson** Projek ini telah siap dilaksanakan pada 2 November 2010 dengan kos keseluruhan berjumlah RM65 juta. Kerja-kerja terlibat adalah membina rangkaian paip pembetungan ke loji rawatan kumbahan dan tidak termasuk kerja-kerja penyambungan dari premis ke paip pembetungan awam. *Catchment area* keseluruhannya di Sunggala meliputi 9 premis (bangunan milik awam dan persendirian), sebanyak 1,309 perumahan dan 20 hotel di mana *design capacity* loji adalah 60,000 PE. Lawatan Audit mendapati hanya satu premis dan 3 hotel yang telah disambungkan ke paip pembetungan awam yang dibina oleh JPP melibatkan 10,000 PE. Semakan Audit selanjutnya mendapati kos penyambungan bagi satu premis dan 3 hotel ini dibiayai oleh JPP berdasarkan aduan PBT bahawa 4 premis ini menyumbang kepada pelepasan efluen yang tertinggi di Sunggala. Kerja penyambungan dari premis pengguna kepada rangkaian paip pembetungan yang baru dibina ini tidak dibuat secara menyeluruh antaranya adalah disebabkan JPP tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi membiayai kos penyambungan	Seksyen 57, Akta 655, telah memperuntukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pemilik premis untuk membuat penyambungan dari premis ke sistem pembetungan awam setelah menerima arahan dari SPAN. Walau bagaimanapun, JPP telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan kerja-kerja penyambungan dari premis ke paip pembetungan awam di Pulau Langkawi dan 4 premis di Port Dickson berdasarkan faktor seperti berikut:- i. berdasarkan perhatian oleh YAB Perdana Menteri yang telah menyarankan supaya Kerajaan membuat sambungan premis agar kualiti air dapat ditingkatkan; ii. JPP memberi keutamaan kepada kawasan pelancongan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bagi kesemua premis. *Pihak JPP memaklumkan pada tahun 2013, pihaknya telah disediakan peruntukan berjumlah RM17.70 juta di bawah Peruntukan Akaun Amanah Wang Sumbangan Kapital Pembetungan bagi membiayai projek penyambungan premis di kawasan Sunggala, Port Dickson ke paip pembetungan awam yang akan melibatkan 156 premis.* Pada pendapat Audit, objektif pelaksanaan projek di Pulau Langkawi dan Port Dickson masih belum tercapai sepenuhnya memandangkan penyambungan daripada premis-premis yang dikenal pasti ke paip pembetungan awam tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Keadaan ini juga menyebabkan *design capacity* loji mengikut *Population Equivalent* (PE) tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Maklum Balas JPP Yang Diterima Pada 8 Mac 2013 *Walaupun dari segi perundangan (Akta 655), menjadi tanggungjawab pemilik premis untuk membuat penyambungan dari premis ke sistem pembetungan awam setelah menerima arahan dari SPAN, JPP telah mengambil inisiatif untuk menanggung kos bagi kerja-kerja penyambungan dari premis ke paip pembetungan awam di Pulau Langkawi dan 4 premis di Port Dickson berdasarkan faktor seperti berikut:-* *i. berdasarkan perhatian oleh YAB Perdana Menteri yang telah menyarankan supaya Kerajaan membuat sambungan premis agar kualiti air dapat ditingkatkan;* *ii. JPP memberi keutamaan kepada kawasan pelancongan yang menjadi tumpuan ramai;* *iii. untuk memaksimumkan kapasiti loji setelah Kerajaan membiayai kos pembinaannya; dan* *iv. mengelak dan mengurangkan pencemaran daripada pelepasan kumbahan ke kawasan tadahan bekalan air.*	yang menjadi tumpuan ramai; iii. untuk memaksimumkan kapasiti loji setelah Kerajaan membiayai kos pembinaannya; dan iv. mengelak dan mengurangkan pencemaran daripada pelepasan kumbahan ke kawasan tadahan bekalan air. Pembiayaan projek penyambungan bagi 156 premis di kawasan Sunggala, Port Dickson ke paip pembetungan awam telah diluluskan peruntukan berjumlah RM17.70 juta di bawah Peruntukan Akaun Amanah Wang Sumbangan Kapital Pembetungan. Perunding bagi projek ini telah dilantik pada 22 Jun 2012 bagi menyiapkan reka bentuk projek. Projek ini dijangka ditender pada September 2013 dengan tempoh kontrak 24 bulan.
10.5.2.3.a	**Rawatan Kumbahan Dan Kawalan Pelepasan Efluen** Efluen yang dilepaskan ke sungai/kawasan perairan perlu mematuhi syarat-syarat pembuangan kumbahan yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 seperti di Jadual 10.14. Pihak Audit telah mendapatkan keputusan pensampelan bagi 17 loji rawatan kumbahan daripada JAS. Berdasarkan maklum balas yang dikemukakan oleh JAS/IWK, didapati 9 (56.2%) daripada 16 loji masih tidak mencapai standard efluen yang telah ditetapkan manakala satu loji tidak dibuat analisis kerana efluen disalirkan ke loji lain. Analisis Audit adalah berdasarkan kekerapan loji tidak mematuhi standard efluen berbanding keseluruhan populasi	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pensampelan oleh JAS/IWK.	
10.5.2.3.b	Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada 16 sampel loji yang dianalisis, sebanyak 6 (37.5%) loji telah dijalankan kerja naik taraf yang bertujuan untuk peningkatan kualiti efluen. Sebelum dinaiktarafkan, kesemua loji ini adalah dari jenis *mechanical system* dan pematuhan kualiti efluen adalah berdasarkan Standard B, Kategori 3 di mana efluen yang dilepaskan adalah yang paling tinggi berbanding Kategori 1 dan 2. Setelah kerja-kerja naik taraf dijalankan, 6 loji ini telah diklasifikasikan dalam Standard B, Kategori 1. Berdasarkan data pensampelan yang dikemukakan oleh JAS dan IWK, pihak Audit mendapati kerja-kerja naik taraf yang dilaksanakan telah membantu loji-loji tersebut mematuhi standard efluen yang ditetapkan iaitu Standard B, Kategori 1.	
10.5.2.3.c	Sungguhpun kerja-kerja naik taraf untuk tujuan peningkatan kualiti efluen dapat membantu loji mencapai standard efluen yang ditetapkan, namun didapati JPP tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja naik taraf di kesemua loji yang masih beroperasi. Semakan Audit mendapati peruntukan kewangan yang diluluskan kepada JPP untuk kerja-kerja naik taraf dan baik pulih hanya antara 10.6% hingga 22% berbanding keperluan sebenar. Kekurangan peruntukan ini menyebabkan JPP lebih menumpukan kepada kerja-kerja baik pulih loji rawatan kumbahan berbanding menjalankan kerja-kerja naik taraf loji bagi tujuan peningkatan kualiti efluen. Pada pendapat Audit, pematuhan kepada standard kualiti efluen hanya akan dapat dicapai sekiranya loji-loji lama yang masih beroperasi dinaiktarafkan atau ditutup dan digantikan dengan loji baru yang berupaya merawat semua jenis efluen sebelum dilepaskan ke sungai.	
10.5.2.4	**Pengurusan Kontrak** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Adalah didapati kontrak bagi 3 (23.1%) daripada 13 projek yang diaudit telah lewat ditandatangani antara 69 hingga 153 hari dari tarikh yang sepatutnya. Maklum Balas JPP Yang Diterima Pada 8 Mac 2013 *JPP telah menambah baik pemantauan penyediaan dokumen kontrak supaya tidak berlaku kelewatan menandatangani kontrak di masa hadapan. JPP telah memendekkan tempoh semakan supaya dokumen kontrak dapat ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas tarikh Surat Setuju Terima.*	Mulai tahun 2013, JPP telah menambah baik pemantauan penyediaan dokumen kontrak dengan menetapkan tempoh penyediaan draf pertama dokumen kontrak oleh perunding dikemukakan dalam tempoh lima (5) minggu selepas tarikh milik tapak, supaya dokumen kontrak dapat ditandatangan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.2.5	**Kecurian Peralatan** Lawatan Audit mendapati beberapa kes kecurian peralatan besi dan tembaga telah dilaporkan di Stesen Pam Si Rusa, Sunggala, Port Dickson; STP Taman Seri Inderapura, Kuantan dan STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur walaupun kesemua STP tersebut telah dipasang pagar di sekeliling kawasan. Antara faktor berlakunya kehilangan peralatan ialah ketiga-tiga STP ini tidak dilengkapi dengan sistem penggera keselamatan yang boleh mengesan pencerobohan. Kehilangan peralatan ini boleh menjejaskan operasi STP dan stesen pam. Bagi kecurian peralatan yang berlaku di STP Cheras Makmur, tindakan telah diambil oleh pihak IWK semasa lawatan Audit dijalankan pada 23 Oktober 2012 di mana *copper lightning arrestor* yang hilang telah diganti dan bahagian yang berkaitan telah ditanam ke dalam dinding loji bagi mengelakkan kecurian. Maklum Balas JPP/IWK Yang Diterima Pada 8 Mac 2013/5 Jun 2013 *Berdasarkan skop kontrak, kelengkapan sistem penggera keselamatan tidak dinyatakan. JPP mengambil maklum bahawa kelengkapan sistem penggera keselamatan perlu dimasukkan ke dalam skop kerja bagi projek-projek JPP akan datang. IWK hanya menempatkan pengawal keselamatan sepenuh masa di loji-loji serantau dan tertentu sahaja kerana kos yang tinggi. Bagi loji berskala kecil, strategi yang telah diambil oleh IWK adalah seperti memasang sistem amaran awal atau Sistem Keselamatan Elektronik; memasang kawat berduri centinel wire; mengurangkan penggunaan bahan logam serta melantik pelanggan sebagai pemerhati 'eye customer'. Selain itu, tindakan pencegahan segera yang telah diambil di loji terlibat adalah seperti berikut:-* *a. Stesen Pam Si Rusa, Sunggala, Port Dickson:* *JPP menangani isu ini dengan memasukkan kerja-kerja penggantian peralatan yang hilang ke dalam skop kerja kontraktor ketiga yang dilantik. Kerja-kerja penggantian telah pun selesai dilaksanakan. IWK sedang menjalankan proses tender untuk pemasangan Sistem Keselamatan Elektronik di Stesen Pam ini dan dijangka siap pada bulan Ogos 2013.* *b. KUN10 - Taman Seri Inderapura, Kuantan:* *Peralatan yang hilang iaitu handwheel telah digantikan pada 27 Disember 2012. Selain strategi yang dilaksanakan oleh IWK seperti di atas, IWK juga telah*	Berdasarkan skop kontrak, kelengkapan sistem penggera keselamatan tidak dinyatakan. JPP mengambil maklum bahawa kelengkapan sistem penggera keselamatan perlu dimasukkan ke dalam skop kerja bagi projek-projek JPP akan datang. IWK hanya menempatkan pengawal keselamatan sepenuh masa di loji-loji serantau dan tertentu sahaja kerana kos yang tinggi. Bagi loji berskala kecil, strategi yang telah diambil oleh IWK adalah seperti memasang sistem amaran awal atau Sistem Keselamatan Elektronik; memasang kawat berduri *centinel wire*; mengurangkan penggunaan bahan logam serta melantik pelanggan sebagai pemerhati 'eye customer'. Selain itu, tindakan pencegahan segera yang telah diambil di loji terlibat adalah seperti berikut:- a. Stesen Pam Si Rusa, Sunggala, Port Dickson:- JPP menangani isu ini dengan memasukkan kerja-kerja penggantian peralatan yang hilang ke dalam skop kerja kontraktor ketiga yang dilantik. Kerja-kerja penggantian telah pun selesai dilaksanakan. IWK telah mengeluarkan tawaran tender pada 7 Jun 2013 melibatkan 149 loji-loji lain termasuk stesen pam Si Rusa, Sunggala, Port Dickson bagi kerja pemasangan sistem keselamatan elektronik. Tawaran tender telah ditutup pada 27 Jun 2013. Pemasangan sistem keselamatan elektronik dijadualkan bermula pada 1 Oktober 2013. b. KUN10 - Taman Seri Inderapura, Kuantan:- Peralatan yang hilang iaitu *handwheel* telah digantikan pada 27 Disember 2012. Selain strategi yang dilaksanakan oleh IWK seperti di atas, IWK juga telah melantik pengawal keselamatan sepenuh masa di loji ini bermula Jun 2013. Ini disebabkan pemasangan Sistem Keselamatan Elektronik tidak ekonomik di Unit Operasi yang mempunyai bilangan loji yang kecil.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	melantik pengawal keselamatan sepenuh masa di loji ini bermula Jun 2013. Ini disebabkan pemasangan Sistem Keselamatan Elektronik tidak ekonomik di Unit Operasi yang mempunyai bilangan loji yang kecil.	

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Perenggan 11 : Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Institusi Pendidikan / Sekolah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.1	**Pengurusan Kontrak Tidak Teratur** Menurut Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan (BP) hendaklah diserahkan dalam tempoh 14 hari. Semakan Audit terhadap 22 kontrak PKK yang melibatkan 35 sekolah/asrama mendapati 14 kontrak telah ditandatangani lebih awal walaupun syarikat yang terlibat belum mengemukakan BP. Menurut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap kontrak Kerajaan hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui. Semakan juga mendapati 9 syarikat telah lewat menyerahkan BP antara 6 hingga 60 hari. Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Mulai bulan September 2012, pihak Perbendaharaan telah memberikan kebenaran khusus kepada Kementerian untuk melanjutkan tempoh penyerahan BP kepada 30 hari. Kementerian juga telah mengeluarkan satu garis panduan pada 10 April 2013 berkaitan perkara ini untuk rujukan agensi. Bagi kontrak yang akan datang JPN akan diberi peringatan agar tidak mencatatkan tarikh kuat kuasa kontrak tetapi mencatatkan tarikh kontrak ditandatangani.* Pada pendapat Audit, kontrak PKK tidak diuruskan dengan teratur mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Tindakan amaran atau pembatalan tawaran kontrak hendaklah diambil terhadap syarikat yang gagal menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan. Ketidakpatuhan ini boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dilindungi dengan sewajarnya serta menjejaskan pembayaran tuntutan bulanan.	KPM telah mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan untuk melanjutkan tempoh penyerahan Bon Pelaksanaan (BP) daripada 14 hari ke 30 hari. Bagi mengelakkan perkara yang sama berulang, KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Bon Pelaksanaan Bil. 1 Tahun 2013 kepada semua Bahagian/ Jabatan di bawah KPM yang memaklumkan bahawa:- i. tempoh penyerahan BP telah dipanjangkan kepada 30 hari; dan ii. sekiranya syarikat tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam tempoh 30 hari tanpa membuat rayuan maka Kementerian berhak untuk mengemukakan notis pembatalan SST. Sehingga 31 Julai 2013, sebanyak 141 Surat Amaran telah dikeluarkan kepada syarikat dengan memberi tempoh selama 2 minggu bagi mengemukakan Bon Pelaksanaan. Notis Tujuan Penamatan akan dikeluarkan kepada mana-mana kontraktor yang gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan mengikut tempoh yang ditetapkan.
11.5.2.1.a	**Terma Dan Syarat Kontrak Tidak Jelas/Tidak Lengkap - Bilangan Kunci *Watchman Clock*** Mengikut syarat perjanjian berkenaan dengan skop perkhidmatan rondaan, pengawal perlu merakam setiap rondaan pada *watchman clock*. Syarat ini	Bilangan dan lokasi kunci *watchman clock* adalah ditetapkan oleh pihak sekolah. Pihak kementerian bersetuju bilangan kunci bagi

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ditetapkan supaya pengawal melaksanakan rondaan di seluruh kawasan sekolah dan kunci diletakkan di tempat yang berisiko tinggi berlakunya pencerobohan atau kecurian.	setiap sekolah ditetapkan sekurang-kurangnya sebanyak 4 buah dan dipasang di kawasan strategik dan berisiko tinggi.
11.5.2.1.b	Semakan Audit mendapati bilangan kunci merakam *watchman clock* tidak dinyatakan dalam kontrak tetapi ditetapkan melalui perbincangan dengan pihak sekolah/asrama. Pada kebiasaannya pihak syarikat hanya bersetuju menyediakan 4 unit kunci di lokasi strategik yang dipersetujui oleh pihak sekolah/asrama tanpa mengambil kira keperluan dan keluasan sekolah/asrama berkenaan. Keadaan ini boleh menyebabkan rondaan terhadap sekolah/asrama yang mempunyai kawasan yang luas dan bilangan bangunan yang banyak tidak dapat diliputi keseluruhannya. Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Pihak sekolah diminta untuk berbincang dengan pihak syarikat bagi mendapatkan persetujuan bersama berkenaan penetapan bilangan dan kedudukan kunci watchman clock agar mencukupi serta ditempatkan di lokasi yang berisiko. Pihak syarikat tidak dibenarkan untuk menetapkan kedudukan watchman clock mengikut kehendak mereka tanpa persetujuan pihak sekolah.* Pada pendapat Audit, Kementerian tidak sepatutnya memberi kebebasan kepada syarikat untuk menetapkan bilangan kunci merakam *watchman clock* bagi memastikan rondaan kawalan keselamatan dilaksanakan dengan menyeluruh terutamanya di lokasi yang berisiko tinggi berlaku pencerobohan dan kecurian.	
11.5.2.2.a	**Pemasangan *Alarm System* Dan CCTV** Menurut syarat perjanjian berkenaan dengan pemasangan *alarm system* dan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV), syarikat hendaklah membekal, memasang dan memastikan a*larm system* dan CCTV berfungsi dengan baik.	Surat peringatan rujukan KP(BPPA)600-1/7/4Jld 4(13) bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada semua JPN dan sekolah agar mengeluarkan surat amaran berserta pemotongan/ denda kepada syarikat yang gagal membekalkan *alarm system* dan CCTV yang berfungsi dengan baik. Berhubung penggunaan CCTV, pihak syarikat yang berjaya dilantik diarahkan untuk memberikan latihan secukupnya kepada pihak sekolah tentang tatacara penggunaan CCTV. Arahan ini dibuat semasa Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima diadakan. Berhubung dengan isu spesifikasi peralatan, lokasi, pemilikan dan latihan pembekalan peralatan *alarm system* dan CCTV, KPM sedang membuat penelitian dengan lebih menyeluruh
11.5.2.2.b	Semakan Audit mendapati pihak syarikat boleh menentukan jenama, spesifikasi, bilangan kamera pengawasan dan lokasi pemasangan peralatan *alarm system* dan CCTV yang dibekalkan. Ini kerana perjanjian tidak menetapkan secara terperinci kuantiti, jenama, spesifikasi dan lokasi pemasangan *alarm system* dan CCTV. Semakan juga mendapati 2 *alarm system* yang dipasang di SK Sanglang, Simpang Empat dan SMK Putra, Kangar, Perlis tidak berfungsi antara 12 hingga 24 bulan. Manakala *alarm system* di SK Bohor Mali, Simpang Empat, Perlis masih tidak dipasang sejak kontrak bermula pada 1 Oktober 2009. Selain itu bagi set peralatan CCTV pula, kamera pengawasan tidak berfungsi dan gambar di skrin tidak jelas bagi 6 sekolah.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.2.2.c	Pemeriksaan lanjut terhadap penggunaan CCTV di sekolah/asrama adalah seperti berikut:- i. CCTV di Asrama SMK Putatan, Penampang, Sabah tidak dipasang semula selepas kerja-kerja pengubahsuaian bangunan siap dilaksanakan pada bulan Mac 2012. ii. pihak syarikat tidak memasang CCTV di SMK Syed Alwi, Kangar dan SK Bohor Mali, Simpang Empat, Perlis walaupun telah disenaraikan dalam kontrak. iii. semak uji selanjutnya mendapati pegawai yang bertanggungjawab menguruskan CCTV di sekolah/asrama tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk memanfaatkannya kerana tiada latihan penggunaan diberikan kepada mereka. Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Kementerian telah mengeluarkan surat peringatan pada 20 Mac 2013 kepada semua JPN dan sekolah agar mengambil tindakan amaran dan denda kepada syarikat yang gagal membekalkan alarm system dan CCTV yang berfungsi dengan baik. Kementerian juga akan meminta pihak syarikat memberi taklimat penggunaan kepada pihak pengurusan sekolah berkenaan pengendalian CCTV dan alarm system. Berhubung dengan isu spesifikasi peralatan, lokasi, pemilikan dan latihan pembekalan peralatan, Kementerian akan membuat penelitian dengan lebih mendalam memandangkan perkara ini melibatkan implikasi kewangan.* Pada pendapat Audit, terma dan syarat kontrak tidak menggariskan dengan lengkap spesifikasi peralatan, lokasi, pemilikan dan latihan pembekalan peralatan *alarm system* dan CCTV bagi memastikan penggunaan serta keberkesanan pemasangan peralatan berkenaan menepati maksudnya.	memandangkan perkara ini akan melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan.
11.5.2.3.a	**Maklumat Pengawal, Pemeriksaan Dan Penggantian Pengawal** Mengikut syarat perjanjian apabila diminta, pihak syarikat hendaklah memberikan kepada Kerajaan maklumat pengawal bagi maksud pemeriksaan, pengujian, kualiti atau pemantauan.	KPM sedang menambah baik fasal 8 dengan mewajibkan pihak syarikat untuk mengemukakan maklumat pekerja baru dalam tempoh dua (2) minggu hari bekerja selepas memulakan perkhidmatan manakala tujuh (7) hari bekerja bagi penggantian pekerja sedia ada kepada pihak sekolah. Deraf perjanjian tersebut di peringkat semakan dan pindaan ini akan dimasukkan bagi kontrak-kontrak PKK yang baru.
11.5.2.3.b	Pemeriksaan Audit bagi 35 premis sekolah/asrama mendapati sebanyak 26 (74%) sekolah/asrama yang melibatkan 18 syarikat gagal mengemukakan kepada pihak Audit berkenaan maklumat 76 pengawal. Pihak syarikat memberikan alasan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bahawa mereka tidak membekalkan maklumat tersebut kerana terma kontrak menyatakan maklumat pengawal perlu dihantar apabila diminta oleh pihak sekolah. Tanpa mempunyai maklumat pengawal, pihak sekolah tidak dapat mengenal pasti pengawal sebenar yang bertugas dan juga meningkatkan risiko keselamatan kepada warga sekolah, premis dan aset Kerajaan. Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Kementerian akan menambahbaik fasal 8 syarat perjanjian dengan mewajibkan pihak syarikat mengemukakan maklumat pekerja baru dalam tempoh 2 minggu hari bekerja selepas memulakan perkhidmatan manakala 7 hari bekerja bagi penggantian pekerja sedia ada. Sekiranya syarikat gagal mengemukakan maklumat pekerja baru/penggantian, bayaran tuntutan bulanan syarikat boleh ditahan sehingga syarikat mengemukakan maklumat pekerja. Kementerian juga telah mengeluarkan surat kepada semua JPN pada 6 Jun 2013 meminta setiap syarikat menyerahkan semua maklumat pengawal keselamatan kepada pihak sekolah.* Pada pendapat Audit, maklumat pengawal adalah dokumen penting yang perlu diserahkan oleh syarikat kepada pihak pengurusan sekolah/asrama. Ia hendaklah disimpan di sekolah bagi tujuan pemantauan dan pengesahan rekod serta tuntutan bulanan syarikat.	Sebagai langkah awal, KPM telah mengeluarkan surat arahan secara pentadbiran kepada semua JPN no.rujukan KP(BPPA)600-1/7/4 Jld 5 (10) bertarikh 6 Jun 2013 meminta setiap syarikat menyerahkan semua maklumat pengawal kepada pihak sekolah.
11.5.3.1.b	**Ketidakpatuhan Syarikat Terhadap Terma Dan Syarat Kontrak - Umur Pengawal Keselamatan Melebihi Had, Laporan Kesihatan Dan Tapisan Keselamatan Tidak Dikemukakan** Semakan Audit bagi 35 sekolah/asrama yang melibatkan 129 pengawal keselamatan mendapati:- i. seramai 9 pengawal (7%) telah melebihi had umur yang dibenarkan iaitu antara 59 hingga 72 tahun; ii. seramai 8 pengawal (6%) yang telah melebihi umur 55 tahun tidak dapat mengemukakan kepada pihak Audit laporan kesihatan daripada hospital Kerajaan bagi membuktikan mereka masih sihat atau berkeupayaan untuk menjalankan tugas sebagai pengawal; dan iii. seramai 76 pengawal (59%) tidak dapat mengemukakan tapisan keselamatan daripada Balai Polis berhampiran atau Kementerian Dalam Negeri bagi membuktikan mereka tiada sebarang rekod jenayah.	Merujuk kepada klausa 10 di dalam dokumen perjanjian, iaitu apa-apa perubahan atau modifikasi terhadap Perkhidmatan hendaklah dibuat dengan persetujuan bertulis kerajaan dan kontraktor. Pihak syarikat yang ingin menggunakan khidmat pengawal melebihi 58 tahun perlu mendapatkan kebenaran daripada Kementerian terlebih dahulu dengan menyertakan laporan kesihatan daripada hospital kerajaan dan surat sokongan daripada pihak sekolah di dalam permohonan tersebut. Sehubungan itu, pihak Kementerian telah mengeluarkan surat arahan rujukan KP(BPPA)600-1/7/4Jld 4(13) bertarikh 20 Mac 2013 kepada semua JPN dan sekolah yang terlibat agar memberikan surat amaran dan mengambil tindakan pemotongan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.3.1.c	Pihak syarikat memaklumkan bagi mengisi kekosongan jawatan pengawal keselamatan pihaknya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan serta-merta tenaga kerja yang berumur di bawah 55 tahun. Pihaknya juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan tapisan keselamatan kerana pengawal kerap bertukar dan proses pengesahan mengambil masa yang lama. Kesannya, mutu perkhidmatan dan tahap kesihatannya bagi pengawal yang melebihi umur adalah diragui. Manakala pengawal yang tidak mempunyai pengesahan tapisan keselamatan daripada pihak berkuasa akan mendatangkan risiko keselamatan di premis berkenaan. Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Kementerian memaklumkan, jika pihak syarikat ingin menggunakan khidmat pengawal melebihi 58 tahun perlu mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset terlebih dahulu. Pihak syarikat perlu menyertakan laporan kesihatan daripada hospital Kerajaan dan surat sokongan daripada pihak sekolah terlibat di dalam permohonan tersebut. Sehubungan itu, Kementerian telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 20 Mac 2013 kepada semua JPN dan sekolah yang terlibat agar mengeluarkan surat amaran serta mengambil tindakan pemotongan bayaran kepada syarikat.* Pada pendapat Audit, Kementerian perlu tegas dalam menguatkuasakan syarat-syarat kontrak bagi menjamin keberkesanan mutu PKK serta meningkatkan keselamatan warga sekolah dan aset Kerajaan.	bayaran kepada syarikat sekiranya kontraktor gagal mematuhi klausa tersebut.
11.5.3.2.b	**Rekod Kehadiran Pengawal** Semakan Audit mendapati rekod kehadiran pengawal tidak disediakan oleh syarikat bagi 12 daripada 35 sekolah/asrama yang diperiksa. Manakala 2 sekolah tidak menyimpan rekod kehadiran atau salinannya. Bagi rekod kehadiran yang telah diwujudkan pula catatan masa yang direkodkan adalah waktu bertugas pengawal bukan waktu kehadiran yang sebenar. Sehubungan itu, pihak sekolah tersebut tidak dapat memastikan sama ada tuntutan syarikat pada setiap bulan berkenaan adalah berdasarkan kepada kehadiran sebenar pengawal keselamatan. Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Kementerian mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, surat pemakluman bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada sekolah yang*	KPM mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, surat pemakluman bertarikh 20 Mac 2013 no rujukan KP(BPPA)600-1/7/4 Jld.4 (13) kepada sekolah-sekolah yang terlibat telah dikeluarkan bagi memastikan tindakan pemotongan bayaran diambil oleh pihak sekolah terhadap pihak syarikat yang gagal mematuhi syarat-syarat kontrak. Selain dari itu, berdasarkan Pekeliling Pengesahan Kerja Bil 1 Tahun 2011 yang dikeluarkan oleh KPM, rekod kehadiran pengawal merupakan salah satu dokumen sokongan semasa membuat tuntutan bulanan syarikat. Pihak sekolah perlu memeriksa rekod kehadiran tersebut sebelum membuat pengesahan pembayaran.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berkenaan supaya mengambil tindakan pemotongan/denda terhadap syarikat yang gagal mematuhi syarat kontrak. Pada pendapat Audit, rekod kehadiran pengawal di sekolah adalah rekod utama/asas yang amat penting bagi membuktikan pengawal hadir bertugas dan sebagai rujukan silang pihak sekolah untuk membuat pengesahan dan/atau kelulusan bayaran terhadap tuntutan bulanan syarikat. Sesalinan rekod berkenaan juga hendaklah disimpan oleh pihak sekolah bagi tujuan semakan semula jika timbul sesuatu isu berbangkit.	
11.5.3.3.b	**Etika Berpakaian Pengawal Tidak Menepati Peraturan** Semakan Audit mendapati daripada 129 pengawal yang diperiksa di 35 sekolah/asrama, 2 pengawal tidak memakai pakaian seragam yang lengkap; 12 pengawal tidak memakai tanda nama untuk tujuan pengenalan; dan 5 pengawal tidak memakai kasut serta seluar yang bersesuaian semasa bertugas. Pihak Audit dimaklumkan ada di antara syarikat tidak membekalkan pakaian atau uniform dan tanda nama yang mencukupi untuk keperluan pengawal. Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Kementerian mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, surat pemakluman bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada sekolah yang terlibat supaya mengambil tindakan pemotongan/denda terhadap syarikat berkenaan.* Pada pendapat Audit, pengawal tidak mematuhi etika berpakaian adalah melanggar syarat perjanjian. Pihak syarikat hendaklah memastikan pengawal sentiasa mematuhi etika berpakaian supaya mereka dihormati dan disegani oleh pelawat serta warga sekolah selain menjaga imej Kerajaan dan syarikat.	KPM mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah-sekolah. Merujuk kepada Lampiran G dokumen kontrak, baju seragam, topi dan kasut adalah peralatan yang wajib dibekalkan kepada pengawal untuk memastikan pengawal mematuhi etika berpakaian. Sehubungan itu, surat arahan bertarikh 20 Mac 2013 no rujukan KP(BPPA)600-1/7/4 Jld.4 (13) kepada sekolah-sekolah yang terlibat telah dikeluarkan bagi memastikan tindakan pemotongan bayaran diambil oleh pihak sekolah terhadap pihak syarikat.
11.5.3.4.b	**Peralatan Tidak Digunakan/Mencukupi/Rosak** Semakan Audit mendapati pengawal bagi 17 sekolah/asrama melibatkan 14 syarikat yang diperiksa tidak menggunakan sepenuhnya peralatan atau alat kelengkapan yang dibekalkan tetapi menyimpannya di dalam laci/almari. Pemeriksaan lanjut juga menunjukkan peralatan seperti cotar, *walkie talkie*, wisel, baju hujan, lampu picit dan pakaian seragam seperti baju dan topi/beri tidak dibekalkan atau tidak mencukupi bagi 19 sekolah yang melibatkan 13 syarikat. Sepuluh (10) peralatan yang dibekalkan juga rosak dan tidak dibaiki dengan segera melibatkan 5 syarikat. Perkara ini berlaku disebabkan pihak syarikat melalui pegawai rondanya tidak memantau dengan teliti penggunaan dan keperluan	Adalah menjadi tanggungjawab pihak sekolah untuk membuat pengesahan samada pihak syarikat mematuhi syarat-syarat kontrak pada setiap bulan. Sekiranya pihak syarikat gagal mematuhi kontrak maka pihak sekolah hendaklah membuat cadangan penolakan bayaran perkhidmatan sebanyak 20% seperti mana yang termaktub di dalam dokumen kontrak. Sehubungan itu, surat ingatan bertarikh 20 Mac 2013 no rujukan KP(BPPA)600-1/7/4 Jld.4 (13) kepada sekolah-sekolah yang

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	peralatan ini. Selain itu, pihak sekolah pula tidak melaksanakan semakan terhadap peralatan tersebut semasa membuat pengesahan terhadap tuntutan syarikat pada setiap bulan. Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Kementerian mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, surat pemakluman bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada sekolah yang terlibat supaya mengambil tindakan pemotongan/denda terhadap syarikat berkenaan.* Pada pendapat Audit, pihak syarikat bertanggungjawab membekal peralatan yang mencukupi dan dapat berfungsi dengan baik. Pegawai ronda syarikat hendaklah memeriksa peralatan tersebut setiap masa sama ada mencukupi, tidak rosak dan digunakan oleh pengawal semasa menjalankan tugas. Pihak sekolah juga perlu memantau dan melaporkan ketidakpatuhan ini semasa mengesahkan tuntutan syarikat pada setiap bulan. Amaran atau tindakan denda perlu dikenakan terhadap pengawal/syarikat yang gagal mematuhi syarat-syarat kontrak.	terlibat telah dikeluarkan bagi memastikan tindakan pemotongan denda diambil oleh pihak sekolah terhadap pihak syarikat.
11.5.4.1.b	**Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tidak Dilaksanakan Dengan Memuaskan - Kawalan Keluar/Masuk Kawasan Sekolah** Semakan Audit mendapati kawalan keluar masuk bagi 19 sekolah/asrama (49%) yang melibatkan 14 syarikat (50%) tidak dilaksanakan dengan baik untuk memastikan kawasan sekolah/asrama sentiasa selamat. Adalah didapati pelawat bebas keluar masuk kerana pengawal tidak menahan, memeriksa dan mencatatkan butir-butir pelawat yang masuk/keluar premis sekolah. Pintu pagar utama dan pintu pagar di bahagian lain dibiarkan terbuka walaupun bukan pada waktu puncak kehadiran/pulang murid. Adalah didapati juga 12 sekolah/asrama mudah dibolosi/cerobohi kerana kawasan sekolah/asrama tidak berpagar atau pagar rosak dan berlubang. Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Kementerian mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah. Sehubungan itu, surat pemakluman bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada sekolah-sekolah yang terlibat supaya mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan teguran Audit. Menurut Kementerian terdapat kekangan peruntukan untuk membaiki atau mengganti pagar yang baru. Kementerian akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan*	KPM mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah-sekolah. Adalah menjadi tanggungjawab pihak syarikat untuk membuat kawalan keluar masuk pelawat ke sekolah/ asrama. Skop Perkhidmatan di dalam perjanjian jelas menyatakan bahawa pengawal hendaklah memastikan pelawat melapor diri di kaunter pengawal. Surat arahan bertarikh 20 Mac 2013 no rujukan KP(BPPA)600-1/7/4 Jld.4 (13) telah diedarkan kepada sekolah-sekolah yang terlibat bagi memastikan tindakan kawalan keluar masuk dan kawalan pintu pagar dilaksanakan sebagaimana ditetapkan di dalam kontrak. Semua pembaikan di sekolah termasuk pintu pagar dilaksanakan berdasarkan keutamaan memandangkan peruntukan yang terhad.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	daripada Kementerian Kewangan supaya pagar yang rosak dapat dibaiki segera. Pihak Audit berpendapat, prosedur kawalan keluar masuk pelawat ke sekolah/asrama perlu diamalkan sepenuhnya. Pihak sekolah perlu segera mendapatkan peruntukan untuk membina dan membaiki pagar yang rosak supaya kawalan keselamatan menjadi lebih berkesan.	
11.5.4.2.a	**Rakaman *Watchman Clock* Tidak Teratur** Menurut perjanjian, pengawal hendaklah kerap membuat rondaan berkala (setiap satu atau dua jam sekali - tertakluk kepada saiz kawasan) di semua bahagian bangunan dan kawasan jagaannya serta merakam *watchman clock* pada setiap lawatan. Semakan Audit mendapati:- i. pengawal tidak merakam mengikut norma yang ditetapkan atau tidak merakam langsung *watchman clock* bagi 26 sekolah yang melibatkan 19 syarikat; ii. tujuh (7) *watchman clock* tidak menunjukkan masa dan tarikh sebenar bagi 5 sekolah yang melibatkan 4 syarikat; iii. dua (2) *watchman clock* di Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor dan Asrama SMK Putatan, Penampang, Sabah langsung tidak dikunci menyebabkan datanya boleh diubah oleh pengawal; iv. kunci merakam *watchman clock* berada di pondok pengawal, rantai pengikat kunci tidak diikat ditempatnya dan mudah ditanggalkan bagi 7 sekolah melibatkan 6 syarikat; v. pengawal telah merakam *watchman clock* secara berturut-turut menggunakan satu kunci bagi mewakili semua *check point* yang ada di sekolah di SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor; dan vi. turutan nombor kunci bagi merakam *watchman clock* adalah sama antara sekolah dan asrama bagi 5 buah sekolah/asrama melibatkan 3 syarikat.	Pihak sekolah bertanggungjawab membuat pengesahan samada pihak syarikat mematuhi syarat-syarat kontrak pada setiap bulan. Sekiranya pihak syarikat gagal mematuhi kontrak maka pihak sekolah hendaklah membuat cadangan pemotongan bayaran perkhidmatan sebanyak 20% seperti mana yang termaktub di dalam dokumen kontrak. Sehubungan itu, surat ingatan dan teguran bertarikh 20 Mac 2013 no rujukan KP(BPPA)600-1/7/4 Jld.4 (13) telah dikeluarkan kepada sekolah-sekolah yang terlibat bagi memastikan tindakan pemotongan bayaran diambil oleh pihak sekolah terhadap pihak syarikat. Bagi mengatasi masalah rakaman masa *watchman clock*, pihak kementerian telah bersetuju membenarkan penggunaan *watchman clock* digital bagi memudahkan pemantauan serta penetapan jadual kuncian jam dan bagi mengelakkan pengawal memanipulasi kuncian jam. Selain itu, KPM sentiasa menguatkuasakan syarat-syarat kontrak dari masa ke semasa. Pemantauan sering dilakukan bagi memastikan pihak kontraktor mematuhi terma-terma dan syarat-syarat kontrak. Mana-mana syarikat yang gagal mematuhi terma dan syarat kontrak akan diambil tindakan mengikut kontrak. Pemantauan turut dilakukan secara mengejut pada waktu malam bersama pihak PPD dan JPN.
11.5.4.2.b	Perkara ini berlaku antara lainnya disebabkan kelemahan pemantauan oleh pegawai ronda syarikat, pengawal yang tidak beretika telah memanipulasikan sistem *watchman clock* dan kurang pemantauan secara mengejut oleh pihak JPN/PPD/Sekolah. Selain itu, penempatan kunci merakam *watchman clock* juga hendaklah dikaji semula supaya meliputi seluruh kawasan sekolah terutamanya tempat yang berisiko tinggi berlaku kecurian/pencerobohan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Kementerian mengambil maklum teguran tersebut. Sehubungan itu, surat pemakluman bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada sekolah yang terlibat bagi memastikan tindakan pemotongan/denda diambil terhadap syarikat terlibat. Pada tahun 2012, pemantauan telah dilakukan terhadap 1,225 buah sekolah dan mana-mana syarikat yang gagal mematuhi terma dan syarat kontrak telah diberi teguran sewajarnya.* Pada pendapat Audit, pihak syarikat/Kementerian mesti memastikan PKK yang telah dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan. Pihak sekolah perlu meneliti laporan rakaman yang disertakan dalam laporan tuntutan bulanan syarikat sebelum membuat perakuan pengesahan kerja pada setiap bulan. Pemantauan secara mengejut khususnya pada waktu malam perlu dilakukan bagi memastikan PKK telah dilaksanakan dengan sempurna.	
11.5.4.3.a	**Kehadiran Pengawal Bertugas** Pada pagi 14 Julai 2012 di SMK Kabogan II dan SK Bubul II, Semporna, Sabah mendapati kehadiran pengawal pada syif siang (7.00 pagi hingga 7.00 malam) tidak mencukupi iaitu hanya seorang pengawal hadir setiap sekolah berbanding sepatutnya dua orang pengawal bagi setiap sekolah.	KPM mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah-sekolah. Sebagai memenuhi syarat kontrak, kontraktor diwajibkan untuk mencatatkan kehadiran bertugas di buku kehadiran pengawal yang terletak di pondok pengawal. Manakala pihak sekolah pula perlu membuat semakan terhadap rekod kehadiran tersebut pada setiap hujung bulan sebelum proses pembayaran dibuat. Jika berlaku ketidakhadiran pengawal, pihak sekolah berhak mencadangkan pemotongan bayaran bulanan di dalam borang pengesahan kerja yang dihantar oleh pihak syarikat pada setiap hujung bulan sepertimana termaktub di dalam kontrak. Bagi tujuan peringatan, surat bertarikh 20 Mac 2013 no rujukan KP(BPPA)600-1/7/4 Jld.4 (13) telah diedarkan kepada sekolah-sekolah yang terlibat untuk memastikan rekod kehadiran sentiasa dipantau oleh pihak sekolah.
11.5.4.3.b	Pada pagi 2 Ogos 2012 di SMK Seksyen 11, Shah Alam dan Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor masing-masing hanya seorang pengawal sahaja yang bertugas berbanding dua orang pengawal yang sepatutnya. Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Kementerian mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, surat pemakluman bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada sekolah yang terlibat bagi memastikan tindakan pemotongan/denda diambil terhadap syarikat terlibat selaras dengan teguran Audit.* Pada pendapat Audit, kehadiran pengawal mengikut bilangan, masa dan tempat yang ditetapkan adalah penting bagi menjamin kawalan keselamatan di premis tersebut mencukupi dan terjaga. Kementerian perlu mengambil tindakan yang tegas terhadap kegagalan syarikat mematuhi terma dan syarat kontrak.	

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td>11.5.4.4.b</td><td>Denda Terhadap Perkhidmatan Yang Tidak Memuaskan

Semakan Audit mendapati denda tidak dikenakan terhadap syarikat yang perkhidmatannya tidak mengikut terma dan syarat perjanjian seperti contoh berikut:-

i. Di SMK Seksyen 11 dan Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor bilangan pengawal keselamatan yang dibekalkan oleh syarikat Amcop Security Sdn. Bhd. tidak mencukupi. Hanya seorang pengawal bertugas setiap premis berbanding sepatutnya 2 orang pengawal bagi setiap syif. Pihak Audit dimaklumkan oleh pengawal bertugas bahawa bilangan pengawal tidak mencukupi berlaku semenjak bulan Februari 2012. Bagaimanapun, tuntutan dan pembayaran telah dibuat untuk perkhidmatan masing-masing bagi 4 orang pengawal.

ii. Di Asrama SMK Putatan, Penampang, Sabah semakan Audit terhadap baucar bayaran bulan Januari hingga Jun 2012 mendapati laporan rakaman watchman clock di dalam Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan menunjukkan pelaksanaan rakaman telah dibuat sepenuhnya mengikut norma yang ditetapkan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit di lokasi mendapati watchman clock tidak disediakan dan tiada satu pun kunci merakam berada di checkpoint. Mengikut pengawal yang bertugas, peralatan tersebut telah hilang melebihi setahun yang lalu. Manakala pihak sekolah pula memaklumkan bahawa pihaknya tidak menyedari ketiadaan kunci merakam dan watchman clock di asrama berkenaan kerana sebelum ini kerja-kerja pengubahsuaian asrama telah dilaksanakan. Pihak Audit mendapati laporan rakaman watchman clock di dalam tuntutan bayaran bagi tempoh tersebut adalah diragui kesahihannya. Keadaan ini membolehkan pihak syarikat mengelak daripada dikenakan denda.</td><td rowspan="2">KPM sentiasa memantau prestasi syarikat yang memberikan perkhidmatan di bawah KPM dari masa ke semasa. Bagi setiap aduan yang diterima daripada pihak sekolah, KPM akan susuli dengan surat amaran dan mengingatkan agar JPN mengenakan denda terhadap syarikat yang melanggar terma dan syarat perjanjian. Berdasarkan rekod dari tahun 2011 hingga Jun 2013, sebanyak 623 surat amaran telah dikeluarkan sepertimana jadual di bawah.

<table>
<tr><th>Tahun</th><th>Aduan</th><th>Surat Amaran</th></tr>
<tr><td>2011</td><td>350</td><td>273</td></tr>
<tr><td>2012</td><td>271</td><td>250</td></tr>
<tr><td>Hingga Jun 2013</td><td>156</td><td>100</td></tr>
</table>

Bagi tujuan mendidik agensi pengguna perkhidmatan pula, KPM turut kerap turun padang untk memberikan taklimat kepada semua wakil kementerian iaitu JPN, PPD dan sekolah agar melindungi hak kerajaan dengan mengenakan tindakan denda kepada syarikat yang gagal mematuhi syarat di dalam dokumen perjanjian. Sehingga Jun 2013, sebanyak 3 seminar pentadbir sekolah telah dilaksanakan.

Sehingga Jun 2013, sebanyak RM1,826,699.13 daripada bayaran kepada syarikat-syarikat PKK telah dipotong di seluruh negara kerana pelbagai kesalahan yang tidak mengikut syarat-syarat dan terma kontrak.</td></tr>
<tr><td>11.5.4.4.c</td><td>Mengikut perkiraan Audit berdasarkan sampel baucar bayaran bulan April dan Mei 2012 bagi SMK Seksyen 11 dan Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor serta sampel baucar bayaran bulan Januari, Mei dan Jun 2012 bagi Asrama SMK Putatan, Penampang, Sabah mendapati tuntutan telah terlebih bayar berjumlah RM18,496.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Kementerian sentiasa memantau prestasi syarikat yang memberikan perkhidmatan dari semasa ke semasa. Bagi tahun 2011 sebanyak 350 aduan dibuat dan 273 surat amaran telah dikeluarkan; tahun 2012 sebanyak 271 aduan dan 250 surat amaran telah dikeluarkan; dan sehingga bulan Mei 2013 sebanyak 112 aduan dan</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td></td>
<td>100 surat amaran telah dikeluarkan. Kementerian juga mengingatkan JPN agar mengenakan denda terhadap syarikat yang melanggar terma dan syarat perjanjian. Bermula dari tahun 2010 sehingga kini, sebanyak 20 kontrak perjanjian telah ditamatkan kerana kegagalan syarikat mematuhi perkhidmatan. Kementerian turut memberikan taklimat kepada semua JPN, PPD dan sekolah agar melindungi hak Kerajaan dengan menguatkuasakan syarat perjanjian.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan kawalan keselamatan tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Kementerian perlu mengambil tindakan yang tegas terhadap kegagalan syarikat mematuhi terma dan syarat kontrak dengan mengenakan pemotongan/denda. Kegagalan melaksanakan pemotongan ini menyebabkan pihak Kerajaan tidak mendapat perkhidmatan yang sewajarnya berdasarkan jumlah wang yang dibelanjakan. Tindakan tatatertib juga hendaklah dikenakan terhadap pegawai yang mengesahkan perkhidmatan telah dilaksanakan dengan sempurna dan membuat bayaran penuh sedangkan perkhidmatan syarikat adalah sebaliknya.</td>
<td>
<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Negeri</th><th>Potongan Bayaran Keselamatan</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Johor</td><td>723,123.24</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Kedah</td><td>96,310.46</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Kelantan</td><td>86,115.68</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Melaka</td><td>0.00</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Negeri Sembilan</td><td>36,860.72</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Pahang</td><td>50,508.00</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Perak</td><td>111,031.60</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Perlis</td><td>33,112.64</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Pulau Pinang</td><td>134,087.41</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>Sabah</td><td>0.00</td></tr>
<tr><td>11.</td><td>Sarawak</td><td>76,158.84</td></tr>
<tr><td>12.</td><td>Selangor</td><td>324,009.36</td></tr>
<tr><td>13.</td><td>Terengganu</td><td>34,254.38</td></tr>
<tr><td>14.</td><td>WP Kuala Lumpur</td><td>70,298.80</td></tr>
<tr><td>15.</td><td>WP Labuan</td><td>0.00</td></tr>
<tr><td>16.</td><td>WP Putrajaya</td><td>50,828.00</td></tr>
<tr><td colspan="2">Jumlah</td><td>1,826,699.13</td></tr>
</table>

Sehingga Jun 2013, sebanyak 6 Notis Tujuan Penamatan telah dikeluarkan. Manakala bermula dari tahun 2010 sehingga Jun 2013, sebanyak 6 syarikat telah ditamatkan kerana kegagalan syarikat mematuhi perkhidmatan.

KPM juga telah membangunkan sistem pemantauan kontrak secara online bagi tujuan memantau prestasi kontraktor-kontraktor perkhidmatan termasuk perkhidmatan kawalan keselamatan di</td>
</tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		KPM. Sistem ini membolehkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan.
11.5.5.2	**Tuntutan Pembayaran Tidak Teratur** Semakan Audit terhadap 21 sampel baucar bayaran mendapati 33 Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan secara bulanan tidak dilengkapkan oleh pihak syarikat/sekolah bagi tujuan pembayaran tetapi tuntutan masih diluluskan dan dibayar. Perkara ini berlaku disebabkan pihak sekolah tidak teliti semasa menyemak dan mengesahkan laporan berkenaan. Selain itu, pihak Unit Kewangan di JPN/PPD/sekolah juga tidak memastikan bahawa semua dokumen sokongan telah dilengkapkan sebelum bayaran dibuat. Semakan dan pengesahan yang tidak teliti boleh menyebabkan denda/pemotongan tidak dikenakan terhadap perkhidmatan yang tidak memuaskan dan pihak syarikat boleh memanipulasikan perkhidmatan yang diberikan selain Kerajaan tidak mendapat perkhidmatan yang sepadan dengan bayaran yang dibuat. Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Kementerian telah mengeluarkan Pekeliling Perolehan Bil. 1 Tahun 2011 yang menjelaskan tatacara tuntutan pembayaran yang perlu di patuhi oleh pihak pembayar dan PTJ. Teguran juga telah dibuat melalui surat bertarikh 20 Mac 2013 meminta agar borang pengesahan diisi dengan lengkap sebelum pembayaran dibuat.* Pada pendapat Audit, pihak sekolah perlu memastikan syarikat melengkapkan sepenuhnya Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan pada setiap bulan dan mengesahkan setiap butiran yang diisi oleh syarikat dengan teliti serta menilainya dengan teratur. Pihak JPN/PPD pula hendaklah memastikan setiap laporan berkenaan telah dilengkapkan oleh pihak syarikat dan pengesahan yang dibuat oleh pihak sekolah adalah sempurna sebelum kelulusan dibuat untuk tujuan pembayaran.	Pekeliling Perolehan Bilangan 1 Tahun 2011 berkenaan pengesahan pelaksanaan kerja bagi PKK telah dikeluarkan kepada semua Bahagian/ Jabatan di bawah KPM. Berdasarkan pekeliling tersebut, semua dokumen tuntutan hendaklah dilengkapkan sebelum pembayaran dibuat.Pekeliling tersebut turut menerangkan berkenaan tatacara pembayaran yang perlu dipatuhi oleh pihak pembayar dan PTJ. Teguran kepada sekolah-sekolah yang terlibat telah dibuat melalui surat rujukan KP(BPPA)600-1/7/4 Jld 4(13) bertarikh 20 Mac 2013 meminta agar borang pengesahan diisi secara lengkap sebelum pembayaran dibuat.
11.5.6.1	**Maklum Balas Guru/Pentadbir Sekolah Dan Murid - Maklum Balas Guru/Pentadbir Sekolah** a. Seramai 74 (85%) guru/pentadbir berpuas hati terhadap pengurusan perolehan yang dilaksanakan sama ada di peringkat Kementerian/JPN/PPD/ sekolah iaitu daripada aspek kontrak dan spesifikasi dibekalkan dan guru maklum dengan kontrak berkenaan;	KPM mengambil ingatan dan penambahbaikan akan dilaksanakan dari masa ke semasa untuk meningkatkan mutu perkhidmatan PKK di sekolah-sekolah khususnya dan seluruh KPM amnya.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	b. Seramai 80 (92%) guru/pentadbir berpuas hati terhadap etika pengawal yang bertugas iaitu dari segi pengawal beretika, kebersihan, bersikap profesional dan berkelayakan; c. Seramai 63 (72%) guru/pentadbir berpuas hati terhadap pelaksanaan perkhidmatan dan pematuhan oleh syarikat yang dilantik iaitu kerja dilaksanakan mengikut arahan yang telah ditetapkan dan peralatan dibekalkan dengan mencukupi; dan d. Seramai 63 (72%) guru/pentadbir berpuas hati terhadap pematuhan pengawal terhadap peraturan yang telah ditetapkan dalam terma dan syarat kontrak iaitu memastikan kawasan sekolah/asrama adalah selamat daripada pencerobohan dan kecurian.	
11.5.6.2	**Maklum Balas Murid** a. Seramai 214 (78%) murid berpuas hati terhadap pelaksanaan perkhidmatan dan pematuhan oleh syarikat yang dilantik iaitu kerja dilaksanakan mengikut arahan yang telah ditetapkan dan peralatan dibekalkan dengan mencukupi; dan b. Seramai 201 (73%) murid berpuas hati terhadap pematuhan pengawal terhadap peraturan yang telah ditetapkan dalam terma dan syarat kontrak iaitu memastikan kawasan sekolah/asrama adalah selamat daripada pencerobohan dan kecurian. Secara keseluruhannya 89% guru/pentadbir dan 79% murid berpuas hati terhadap pengurusan PKK kerana telah memberikan manfaat kepada semua sekolah/asrama yang menerima perkhidmatan tersebut. Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Kementerian mengambil maklum dan akan melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kualiti PKK di sekolah-sekolah khususnya dan seluruh Kementerian amnya.* Pada pendapat Audit, berdasarkan maklum balas daripada guru/pentadbir sekolah dan murid, pihak Kementerian perlu melaksanakan penambahbaikan dalam PKK kerana masih terdapat beberapa kelemahan terutamanya dari segi pengurusan perolehan; pelaksanaan perkhidmatan dan; bilangan dan kualiti pekerja PKK.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.7	**Pemantauan** Pemantauan bagi PKK perlu dilakukan secara berkala oleh Kementerian/JPN/PPD bagi memastikan PKK telah dilaksana dengan sempurna serta pembayaran adalah mengikut perkhidmatan yang diberikan. Semakan Audit mendapati Kementerian melalui BPPA dan Unit Audit Dalam Kementerian telah melaksanakan pemantauan sepanjang tahun terhadap PKK bagi memastikan perkhidmatan dilaksanakan dengan sempurna dan teratur. Pihak Audit juga mendapati JPN Perlis telah membuat pemantauan ke sekolah secara berjadual. Manakala di peringkat PPD pemantauan tidak dilaksanakan secara berjadual tetapi pemeriksaan akan dilakukan terhadap mutu PKK jika ada aduan atau cadangan pemotongan bayaran daripada sekolah yang terbabit. Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Pada tahun 2011 hingga Mei 2013, Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset telah melaksanakan 27 lawatan yang meliputi 855 buah sekolah. Selain itu pada tahun 2011 dan 2012, Bahagian Audit Dalam juga turut mengadakan lawatan pemantauan bagi memeriksa prestasi kontraktor di 1,338 buah sekolah. Kementerian turut mengeluarkan Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor pada 8 Januari 2013 yang memerlukan setiap sekolah menghantar laporan prestasi perkhidmatan syarikat.* Pada pendapat Audit, pihak JPN/PPD perlu melaksanakan pemantauan secara berjadual dan mengejut bagi memastikan pihak syarikat melaksanakan perkhidmatan dengan baik dan memuaskan. Pemantauan ke sekolah-sekolah juga boleh menjelaskan sebarang kekeliruan yang mungkin timbul dalam pentafsiran kontrak di peringkat sekolah.	Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, KPM sentiasa mengadakan Lawatan Pemantauan Kualiti perkhidmatan (LPKP) secara mengejut untuk melihat sendiri prestasi syarikat. i. Tahun 2011 : 12 lawatan (360 sekolah) ii. Tahun 2012 : 12 lawatan (430 sekolah) Sehingga Jun 2013, BPPA telah melaksanakan LPKP di 6 negeri tersebut:- i. WP Labuan : 27 sekolah ii. Kelantan : 36 sekolah iii. Pulau Pinang : 36 sekolah iv. Perak : 44 sekolah v. Kedah : 42 sekolah vi. Perlis : 29 sekolah Selain dari itu, lawatan bersepadu yang diurusetiakan oleh Bahagian Audit Dalam, KPM turut mengadakan lawatan pemantauan bagi memeriksa prestasi kontraktor perkhidmatan termasuk kawalan keselamatan. i. Tahun 2011 : 528 buah sekolah ii. Tahun 2012 : 810 buah sekolah BPPA turut telah mengeluarkan Garis Panduan (GP) Penilaian Prestasi Kontraktor pada 8 Januari 2013, GP ini memerlukan setiap sekolah menghantar laporan prestasi perkhidmatan syarikat kepada PPD setiap bulan dan PPD akan memanjangkan laporan ini kepada JPN. Pihak KPM pula akan mengadakan mesyuarat bersama JPN 2 kali setahun untuk mengumpul laporan prestasi kontraktor ini.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Perenggan 12 : Pengurusan Kemudahan Pakaian Seragam Kementerian Kesihatan Malaysia

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.2	**Prestasi Kewangan** Urusan perolehan bekalan kain dan kasut mengguna pakai peruntukan Objek Sebagai 27000. Manakala bayaran tuntutan upah jahit dan pembelian kasut (mulai tahun 2012) menggunakan peruntukan Objek Sebagai 15000. Semakan Audit mendapati Kementerian tidak menyediakan kompilasi kewangan secara khususnya dari segi jumlah amaun peruntukan dan perbelanjaan bagi kemudahan pakaian seragam di seluruh negara. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan prestasi kewangan sebenar pakaian seragam di seluruh negara. Dengan itu, pihak Audit telah membuat kompilasi status kewangan bagi tempoh tahun 2010 sehingga 2012 terhadap 15 PTJ yang dilawati. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 April 2013 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, tiada peruntukan khusus bagi bekalan kain, kasut, bayaran tuntutan upah jahit dan pembelian kasut di Kementerian kerana perbelanjaan pakaian seragam menggunakan peruntukan sedia ada di bawah OS27000 manakala bayaran upah jahit di bawah OS15000.* Pada pendapat Audit, prestasi kewangan pengurusan pakaian seragam hendaklah disediakan setiap tahun bagi memastikan perancangan pengurusan pakaian seragam lebih berkesan pada masa akan datang, bekalan mencukupi, perbelanjaan tidak melebihi anggaran yang ditetapkan serta meningkatkan tahap kawalan terhadap penggunaan pakaian seragam.	Peruntukan untuk pakaian seragam telah diambilkira dalam bajet tahunan yang diagihkan kepada PTJ. Berdasarkan semakan perbelanjaan tahun 2012 di seluruh PTJ, didapati bahawa perbelanjaan pakaian seragam adalah berjumlah RM151.28 juta yang terdiri daripada perbelanjaan bekalan kain sebanyak RM24.84 juta dan perbelanjaan tuntutan untuk upah jahit dan kasut adalah sebanyak RM126.44 juta. Bagi tujuan pemantauan, KKM telah mengeluarkan satu format laporan perolehan dan bayaran balik kasut dan upah jahit kepada semua PTJ pada 4 Februari 2013**.** Laporan ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM pada setiap tahun. Sehingga kini, sebanyak tujuh PTJ telah mengemukakan laporan bagi tahun 2012. Laporan bagi tahun 2013 akan diminta pada awal tahun 2014. Sehubungan itu, maklumat nilai keseluruhan perbelanjaan perolehan bekalan dan bayaran tuntutan upah jahit serta pembelian kasut bagi semua PTJ akan dapat direkodkan dengan lebih baik dan dipantau dengan lebih rapi.
12.5.3.1.a	**Pengurusan Perolehan - Kelewatan Penyediaan Kontrak Bekalan Kain** Pekeliling dalaman Kementerian (Ruj: KKM-57/T3/12 Jld.2) bertarikh 4 April 2011 menetapkan proses perolehan hendaklah dijalankan 6 bulan sebelum kontrak sedia ada tamat bagi memastikan pembekalan kain tidak terjejas. Semakan Audit mendapati kontrak bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 telah tamat pada 31 Disember 2009. Seterusnya, kontrak bagi tempoh 1 Oktober 2010 hingga	Kelewatan menandatangani kontrak baru selama 10 hingga 12 bulan disebabkan beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan. Sebenarnya tender ini telah diiklankan lebih awal iaitu pada 10 Ogos 2009, lebih kurang empat bulan sebelum kontrak sedia ada tamat. Namun demikian, akibat kekeliruan laporan analisis

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	31 Disember 2011 hanya dimeterai antara 8 November 2010 hingga 18 Januari 2011 di mana kelewatan berlaku adalah selama 10 hingga 12 bulan daripada tarikh kontrak sedia ada tamat. Kelewatan ini berlaku kerana proses tender mengambil masa yang panjang. Justeru itu, tender hanya diiklankan pada 10 Mac 2010. Selain itu, penilaian yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal (JKPT) pada 23 Julai 2010 tidak tepat memandangkan terdapat petender yang gagal melepasi markah lulus bagi warna kain tertentu. Keadaan ini menyebabkan JKPT bersidang semula pada 20 September 2010. Antara kesan daripada kelewatan kontrak ditandatangani adalah seperti berikut:- Sembilan PTJ yang dilawati tidak sempat membuat pesanan dan dengan itu anggota di PTJ terlibat tidak memperoleh bekalan kain pada tahun 2010 kecuali BKP dan 5 PTJ di Kementerian. Bagaimanapun, bekalan kain lewat diterima oleh BKP menyebabkan tuntutan upah jahit bernilai RM56,805 dibayar mengguna pakai peruntukan tahun 2011 yang mana tidak selaras dengan Pekeliling dalaman Kementerian (Ruj: KKM300-75/1/5/5 Jld.3(3)) bertarikh 18 Mei 2011 yang menghendaki bayaran upah jahit dibuat dalam tahun semasa.	kimia terhadap sampel kain penender, tender tersebut telah dibatalkan. Sejurus pembatalan, pengiklanan semula telah dibuat pada 10 Mac 2010 dan pelantikan syarikat hanya dibuat pada 23 September 2010 setelah kesemua laporan penilaian dibuat dan diteliti. Untuk makluman, kontrak-kontrak sedia ada akan tamat pada Jun 2014 dan KKM bercadang melanjutkan kontrak berkenaan sehingga Disember 2014 bagi memastikan bekalan pada pakaian seragam pada tahun 2014 dapat dilaksanakan dengan pembekal yang sama tanpa sebarang masalah. Bagi memastikan kontrak baru selepas Disember 2014 tidak lewat ditandatangani, KKM akan menguruskan perolehan bekalan kain ini dengan lebih awal dengan melaksanakan penyediaan spesifikasi dan kuantiti kain pada bulan Disember 2013. Oleh itu, kontrak baru bagi bekalan kain yang akan bermula ini dijangka dapat ditandatangani pada awal September 2014 untuk dilaksanakan bermula Januari 2015.
12.5.3.1.b	Memandangkan kontrak bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 hanya berkuat kuasa pada 1 Oktober 2010, maka semua PTJ kecuali BKP dan 5 PTJ di Kementerian tidak membuat perolehan bekalan kain pada tahun 2010 kerana tiada peruntukan serta penghantaran bekalan tidak dapat dilaksanakan sebelum 31 Disember 2010. Keadaan ini menyebabkan berlaku lebihan stok di pihak pembekal dan seterusnya tempoh kontrak sedia ada kepada 4 syarikat terpaksa dilanjutkan daripada 31 Disember 2011 kepada 30 Jun 2012. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, kelewatan menandatangani kontrak baru selama 10 hingga 12 bulan disebabkan faktor kekeliruan berhubung laporan analisis kimia yang menyebabkan tender telah dibatalkan. Pengiklanan semula telah dibuat pada 10 Mac 2010 dan pelantikan pembekal hanya dibuat pada 23 September 2010. Manakala tuntutan upah jahit bagi tahun 2010 yang dikemukakan pada tahun 2011 adalah disebabkan tarikh resit adalah tahun 2011, maka bayaran yang dibuat menggunakan peruntukan tahun 2011.* Pada pendapat Audit, urusan perolehan kain dan penyediaan kontrak yang lambat mengakibatkan anggota tidak dapat memperoleh bekalan tepat pada masanya. Justeru itu, Kementerian sepatutnya mematuhi pekeliling iaitu menguruskan perolehan 6 bulan sebelum kontrak tamat pada 31 Disember 2009 pada masa	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	hadapan supaya objektif pakaian seragam tidak terjejas pada satu-satu masa serta sentiasa memastikan pencapaian objektif tersebut adalah berterusan.	
12.5.3.2.i	**Pemesanan Bekalan Tidak Mengikut Syarat Kontrak** HKJG, PKDHL, BPFK, PKDMAS, HBM dan PKDSPU telah membuat pesanan bekalan kain bernilai RM27,302 daripada syarikat yang tidak dilantik mengikut syarat kontrak. Ini menyebabkan lebihan bayaran sejumlah RM8,713.	PTJ-PTJ berkenaan telah membuat pesanan bekalan kain daripada syarikat yang tidak dilantik mengikut syarat kontrak adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:- • Kontrak yang sebenar hanya diterima selepas pesanan kain dibuat daripada syarikat lain; • Sampel yang diberikan oleh syarikat (Titan Loyal) tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan didalam perjanjian (*Artic Ice* - Putih Kelabu). Sebaliknya sampel dari syarikat lain (Jakel Trading) memenuhi spesikasi. Oleh yang demikian, perolehan telah dibuat dengan syarikat berkenaan; dan • Kekeliruan oleh pegawai yang menguruskan pembelian bekalan kain yang beranggapan bahawa segala pesanan bekalan kain boleh dibuat kepada mana-mana tiga syarikat tersebut. Sebagai tindakan penambahbaikan, KKM telah mengeluarkan *Standard Operating Procedur* (SOP) mengenai pengurusan kontrak yang dijangka diedarkan kepada semua PTJ pada bulan Ogos 2013 supaya semua PTJ akan lebih jelas mengenai pengurusan perolehan bekalan kain ini. Manakala bagi kontrak yang akan datang, KKM akan membekalkan sampel kain sebanyak satu meter (mengikut *pantone* warna) kepada semua PTJ bagi memudahkan mereka dalam mengenalpasti warna kain yang patut dibeli dari pembekal. Selain itu, KKM melalui Bahagian Khidmat Pengurusan telah menghantar e-mel mengenai senarai jawatan, warna kain dan nama pembekal kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri untuk dipanjangkan kepada semua PTJ. Untuk makluman, pada masa ini, tidak lagi berlaku pesanan bekalan kain daripada syarikat yang tidak dilantik mengikut

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.3.2.ii	BPFK tidak memesan kain jenis PVT untuk seramai 184 orang Pegawai Farmasi pada tahun 2011 dan 192 orang pada tahun 2012. Ini menyebabkan anggota berkenaan tidak mendapat kemudahan berkaitan. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai yang bertanggungjawab bahawa beliau tidak mengetahui jawatan berkenaan sepatutnya layak mendapat bekalan kain tersebut. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, dokumen kontrak hanya diterima selepas pesanan dibuat dan kekeliruan anggota yang beranggapan bahawa pesanan bekalan kain boleh dibuat kepada mana-mana syarikat menyebabkan pesanan itu tidak dibuat mengikut syarat kontrak. Selain itu, BPFK tidak memesan kain PVT memandangkan keperluan memakai lab-coat hanya untuk pegawai farmasi bertugas di makmal dan menjalankan kerja klinikal sahaja.* Pada pendapat Audit, pemesanan bekalan perlu dibuat dengan teliti untuk mengelak lebihan bayaran berlaku. Dengan itu, PTJ perlu memastikan kontrak dipatuhi sepenuhnya. Apabila berlaku keadaan yang tidak dapat dielakkan, PTJ perlu memohon pengecualian sebelum pesanan dibuat kepada syarikat yang tidak dilantik mengikut kontrak. Polisi pemakaian *over-coat* perlu dipinda sekiranya pemakaiannya di kalangan anggota yang menjalankan tugas pentadbiran tidak diperlukan.	kontrak. Keperluan untuk memakai *Lab-Coat* hanyalah untuk Pegawai Farmasi yang berkhidmat di makmal/menjalankan kerja-kerja klinikal sahaja. Bagi Pegawai Farmasi yang menjalankan kerja-kerja pentadbiran di pejabat tidak perlu memakai *Lab-Coat*. Sehubungan itu, KKM telah memutuskan supaya *Lab-Coat* hanya dibekalkan kepada Pegawai Farmasi yang bertugas di makmal sahaja.
12.5.3.3.a	**Penerimaan Bekalan - Pesanan Bekalan Kain Secara Berpusat** BP&P memberikan sampel kain yang dikemukakan oleh syarikat dilantik kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) setiap negeri untuk diagihkan kepada PTJ di bawahnya bagi membolehkan semua PTJ membuat pesanan terus kepada syarikat. Semakan Audit mendapati pesanan kain bagi semua PTJ di Negeri Sembilan termasuk HTJS dan PKDS dilaksanakan oleh JKN Negeri Sembilan. Kedua-dua PTJ tersebut akan menghantar senarai pesanan kain mengikut pembekal kepada JKN Negeri Sembilan. Kemudiannya syarikat akan menghantar kain yang dipesan terus kepada PTJ tersebut dan seterusnya menghantar salinan nota hantaran kepada JKN Negeri Sembilan bagi membolehkan ia membuat perakuan penerimaan pada Pesanan Tempatan serta membuat bayaran. Proses pesanan ini menyebabkan HTJS dan PKDS terpaksa mengambil masa yang lama untuk menerima bekalan kain antara 66 hingga 213 hari dari tarikh permohonan pesanan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, pesanan kain bagi semua PTJ di Negeri*	Pesanan kain bagi semua PTJ di Negeri Sembilan termasuk HTJS dan PKDS dilaksanakan oleh JKN Negeri Sembilan. Kedua-dua PTJ tersebut akan menghantar senarai pesanan kain mengikut pembekal kepada JKN Negeri Sembilan. Kemudiannya syarikat akan menghantar kain yang dipesan terus kepada PTJ tersebut. Perakuan penerimaan pada Pesanan Tempatan tidak dapat dibuat dalam jangkamasa yang ditetapkan kerana ia melibatkan pihak PTJ kerana bekalan dihantar terus ke PTJ. Selagi PTJ tidak dapat memperakukan penerimaan dan mengembalikan ke JKN, Pesanan Tempatan tidak dapat disahkan penerimaannya. Sebagai usaha penambahbaikan, JKN Negeri Sembilan telah menyerahkan tanggungjawab perolehan pakaian seragam kepada PTJ bermula tahun 2013 supaya PTJ boleh menguruskan sendiri bagi mengatasi masalah masa yang lama diperlukan untuk menerima bekalan kain.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Sembilan termasuk HTJS dan PKDS dilaksanakan oleh JKN Negeri Sembilan. Selepas teguran Audit, JKN Negeri Sembilan telah menyerahkan urusan perolehan pakaian seragam kepada semua PTJ di bawahnya mulai tahun 2013. Pada pendapat Audit, karenah birokrasi perlu dikurangkan di samping memastikan terdapat garis panduan/proses kerja yang berkesan, praktikal serta mematuhi peraturan ditetapkan.	
12.5.3.4.a	**Pengagihan Bekalan - Bekalan Lewat Diagihkan** Selaras Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990, bekalan pakaian seragam hendaklah diagihkan sebelum akhir bulan April setiap tahun. Semakan Audit mendapati HKJG, PKDHL, HTJS, BKP, BKJ, BPFK, HMAS, PKDMAS, HBM dan PKDSPU tidak dapat mengagihkan bekalan kain, kasut dan tudung bernilai RM1.47 juta sebelum akhir April pada tahun 2010, 2011 dan 2012 dengan kelewatan antara 7 hingga 397 hari. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan tarikh pengagihan bekalan di PKDS kerana senarai pengagihan bekalan kain, kasut dan tudung pada tahun 2010, 2011 dan 2012 tidak dikemukakan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, faktor kelewatan pengagihan bekalan adalah kerana kontrak baru ditandatangani, pesanan bekalan lewat dibuat dan pembekal lewat menghantar bekalan. Selepas teguran Audit, semua PTJ terlibat telah mengambil tindakan untuk membuat pesanan lebih awal pada tahun 2013 bagi membolehkan pengagihan dibuat sebelum 30 April tahun terlibat.* Pada pendapat Audit, kelewatan pengagihan bekalan mengakibatkan anggota tidak dapat memakai pakaian seragam yang baru pada tahun tertentu. Justeru itu, PTJ perlu merancang perolehan dengan teratur bagi mengelakkan kelewatan pesanan dan bekalan lewat dihantar oleh pembekal.	Hasil semakan mendapati bekalan lewat diagihkan adalah disebabkan perkara-perkara berikut:- • Kelewatan menerima bekalan daripada pihak pembekal; • Berlaku pertukaran kakitangan yang menguruskan perolehan bekalan pakaian seragam menyebabkan proses mengumpul data-data anggota yang terlibat mengambil masa yang agak lama; dan • Pegawai yang bertanggungjawab menguruskan bekalan pakaian seragam telah tersalah faham peraturan bahawa bekalan pakaian seragam perlu dipesan bukannya diagihkan sebelum akhir bulan April setiap tahun. Sebagai tindakan penambahbaikan, perkara-perkara berikut telah dilaksanakan di PTJ-PTJ terlibat:- • Bekalan yang tidak dituntut dalam masa 5 hari dari tarikh memo dikeluarkan akan dihantar kepada penyelaras berkenaan untuk edaran; • Carta aliran dan proses kerja bagi pengagihan bekalan telah diwujudkan; • Perancangan perolehan bagi bekalan tahun 2013 telah dibuat lebih awal; dan • Surat peringatan telah dikeluarkan kepada pegawai bertanggungjawab bagi urusan perolehan pakaian seragam dan kasut bagi mengelakkan perkara ini berulang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.3.4.b	**Pengesahan Penerimaan Dan Pengagihan Bekalan Tidak Teratur** Bagi meningkatkan kawalan dalaman di peringkat proses penerimaan dan perekodan bekalan, PTJ boleh mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 - Tatacara Pengurusan Stor sebagai panduan utama. Selain itu, PTJ perlu menyediakan senarai agihan bekalan yang lengkap bagi memudahkan semakan semula terhadap agihan yang telah dibuat kepada anggota. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:-	
	i. Pengesahan spesifikasi dan kualiti kain serta kasut sukar dilakukan oleh Pegawai Penerima semasa bekalan tersebut diterima kerana sampel tidak dibekalkan kepada semua PTJ.	Sampel kain diedarkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri sahaja memandangkan sampel tersebut diambil daripada sampel kain yang dikemukakan oleh syarikat sewaktu tender ditutup (hanya 2 meter sahaja). Oleh itu, ianya hanya cukup untuk diedarkan kepada JKN/BKP/Jawatankuasa Spesifikasi bagi memastikan bekalan yang diterima adalah sama seperti yang diluluskan oleh Lembaga Perolehan Kementerian Kesihatan. Sampel tidak dapat dibekalkan kepada kesemua PTJ di bawah KKM memandangkan jumlah PTJ adalah melebihi 400 dan ianya melibatkan kos yang tinggi. Sebagai tindakan penambahbaikan, bagi kontrak yang akan datang, KKM akan memastikan perkara ini tidak berulang lagi. KKM akan membuat penambahan sampel yang dikemukakan oleh syarikat semasa tender ditutup (dalam dokumen spesifikasi) untuk diedarkan kepada PTJ bagi membolehkan pengesahan terhadap spesifikasi dan kualiti kain serta kasut dapat dilakukan di peringkat PTJ.
	ii. Semua PTJ tidak merekodkan kuantiti bekalan diterima dan diagihkan kepada anggota seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 - Tatacara Pengurusan Stor. Selain itu, HBM hanya merekodkan kuantiti bekalan diterima.	Hasil semakan KKM mendapati kebanyakan penerimaan bekalan dan perakuan ini telah dibuat dengan hanya menggunakan Nota Hantaran dan catatan pada rekod permohonan perolehan pakaian seragam dan tidak menggunakan Kew.Ps-4 seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009. Perkara ini berlaku adalah disebabkan pegawai yang menguruskan bekalan pakaian seragam kurang memahami prosedur penerimaan bekalan di mana setiap penerimaan bekalan perlu direkodkan menggunakan Kew.Ps-4. Sebagai tindakan penambahbaikan, semua PTJ yang terlibat telah merekodkan penerimaan dan agihan pakaian seragam

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		dalam Kew.PS-4. Selain itu, KKM juga telah mengeluarkan SOP berkaitan perkara ini dan dijangka diedarkan kepada semua PTJ pada bulan Ogos 2013.
	iii. Stor utama HKJG, PKDHL, HTJS, PKDS, BKP, BPFK, HMAS, PKDMAS, HBM dan PKDSPU serta beberapa stor unit/bahagian tidak mempunyai senarai pengagihan bekalan yang lengkap. iv. Semua PTJ tidak menggunakan format senarai agihan yang seragam kerana terdapat beberapa maklumat tidak dikemaskinikan seperti nama, jawatan, kuantiti bekalan, tarikh agihan dilaksanakan dan tandatangan anggota yang mengambil pakaian seragam. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, sampel kain yang dikemukakan oleh pembekal berukuran 2 meter adalah tidak mencukupi untuk diagihkan kepada semua PTJ. Selain itu, semua PTJ tidak perlu menguji sampel di peringkat penerimaan bekalan kerana memadai pengesahan kualiti kain secara visual dan sentuhan dilaksanakan. Di samping itu, semua PTJ mengakui kuantiti bekalan tidak direkodkan dalam rekod tertentu. Semua PTJ juga mengakui senarai pengagihan bekalan tidak diselenggara dengan lengkap dan format senarai agihan yang diguna pakai oleh PTJ terlibat adalah tidak seragam.* Pada pendapat Audit, kesukaran untuk mengesahkan spesifikasi dan kualiti bekalan yang diterima mengakibatkan anggota menerima bekalan pakaian seragam yang berkualiti rendah dan Kerajaan menanggung kerugian kerana tidak mengutip denda daripada pembekal ke atas penghantaran bekalan yang tidak berkualiti. Maka Kementerian perlulah mengkaji semula kaedah pengagihan sampel kepada PTJ. Selain itu, PTJ perlu memastikan bekalan yang diterima direkodkan dan senarai agihan diselenggara dengan lengkap sebagai salah satu kawalan dalaman yang berkesan.	Hasil semakan mendapati, stor utama dan beberapa stor unit/bahagian telah menyediakan senarai pengagihan bekalan. Namun begitu ianya tidak diselenggara dengan lengkap. Sebagai tindakan penambahbaikan, semua PTJ yang terlibat telah menyelenggarakan senarai pengagihan bekalan dengan lengkap. Selain itu, KKM juga telah mengeluarkan SOP berkaitan perkara ini dan dijangka diedarkan kepada semua PTJ pada bulan Ogos 2013.
12.5.3.4.c	**Pengagihan Bekalan Bagi Anggota Bertukar Masuk/Keluar Dan Bersara** Bagi memastikan bekalan diterima tidak melebihi kuantiti yang ditetapkan khususnya yang melibatkan anggota bertukar masuk atau keluar, Pekeliling Bahagian Kewangan Kementerian Bil. 1 Tahun 1981 menetapkan borang pengesahan pembekalan pakaian seragam dan elaun jahitan diisi dan disahkan oleh pihak pentadbiran serta dihantar ke pejabat di mana anggota itu akan bertukar. Selain itu,	Hasil semakan mendapati, senarai anggota bertukar masuk/keluar sememangnya telah disediakan oleh PTJ yang dilawati oleh pihak audit. Namun begitu, semua PTJ berkenaan telah meggunakan kaedah dan format yang berbeza tidak seperti yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Bahagian

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	senarai anggota yang akan bersara juga perlu disediakan. Semakan Audit mendapati semua PTJ dilawati tidak menggunakan borang yang ditetapkan bagi anggota bertukar masuk/keluar pada tahun 2010 hingga 2012. Selain itu semua PTJ terlibat juga tidak menyediakan senarai anggota bertukar masuk/keluar kecuali HKJG, HTJS, BPP, BPFK, HMAS, PKDMAS dan PKDSPU. Keadaan ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan bilangan anggota yang bertukar masuk/keluar atau bersara dan sama ada seseorang layak untuk menerima kemudahan pakaian seragam di tempat barunya. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, semua PTJ tidak mengguna pakai borang pengesahan pembekalan pakaian seragam dan elaun jahitan berdasarkan pekeliling ditetapkan apabila berlaku pertukaran anggota. PTJ tersebut hanya membuat pengesahan pembekalan pakaian seragam melalui panggilan telefon, catatan rekod sementara dan memo pengesahan bekalan.* Pada pendapat Audit, pemantauan status bekalan pakaian seragam terhadap anggota yang bertukar masuk/keluar dan bersara yang longgar menyukarkan PTJ memastikan semua anggota terlibat memperoleh bekalan berdasarkan kuantiti ditetapkan. Maka pemantauan status bekalan terlibat hendaklah dipertingkatkan selaras dengan Pekeliling Bahagian Kewangan Kementerian Bil. 1 Tahun 1981.	Kewangan Kementerian Bil. 1 Tahun 1981 iaitu menggunakan borang yang telah ditetapkan. Sebagai tindakan penambahbaikan, semua PTJ terlibat telah menggunakan borang pengesahan pembekalan pakaian seragam seperti yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Bahagian Kewangan Kementerian Bil. 1 Tahun 1981. KKM telah mengeluarkan arahan kepada semua PTJ pada 15 Julai 2013 supaya menggunapakai borang pengesahan pembekalan pakaian seragam dan elaun jahitan berdasarkan pekeliling ditetapkan apabila berlaku pertukaran. KKM juga akan memantau dan mengemaskini maklumat pegawai bertukar keluar/masuk di semua PTJ.
12.5.3.5.a	**Bayaran Tuntutan Upah Jahit Dan Pembelian Kasut - Tuntutan Upah Jahit Meragukan** Surat Pekeliling Kementerian bertarikh 18 Mei 2011 bernombor KKM300-75/1/5 Jld.3(3) menetapkan upah jahit yang melebihi kadar maksimum hendaklah ditanggung sendiri oleh penjawat awam. Setiap Ketua PTJ hendaklah mengingatkan semua anggota supaya memperoleh perkhidmatan jahitan pakaian seragam pada harga berpatutan dan munasabah serta berdasarkan kadar pasaran. Semakan Audit mendapati sebanyak 1,014 anggota di 10 PTJ yang dilawati mengemukakan salinan resit yang meragukan kerana melalui lawatan Audit ke premis berkaitan mendapati kedai yang dinyatakan pada resit tuntutan tidak wujud, tiada alamat lengkap atau nombor telefon salah. Selain itu, semakan juga mendapati terdapat perbezaan yang ketara antara tuntutan yang dikemukakan oleh anggota dengan kadar upah jahit yang dikenakan oleh kedai jahit di kawasan berhampiran PTJ terlibat. Anggaran nilai perbezaan tuntutan bagi baju lengan panjang dan seluar panjang adalah antara RM344,325 hingga RM398,765, *overcoat* antara RM8,230 hingga RM9,235 dan baju kurung antara RM1,660 hingga RM2,866.	Tuntutan upah jahit yang dikemukakan telah diperaku oleh pegawai yang membuat tuntutan dan disahkan oleh Penyelia/Ketua Jabatan masing-masing. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes yang meragukan penjelasan akan diminta daripada pengawai yang membuat tuntutan dan jika penjelasan yang diberikan adalah munasabah dan boleh diterima maka pembayaran akan dibuat. Sebagai tindakan penambahbaikan, KKM telah mengedarkan Surat Edaran Bahagian Akaun Bil. 5 Tahun 2013 mengenai Garis Panduan Urusan Pembayaran Balik Upah Jahit Pakaian Seragam/Pembelian Kasut Bagi Penjawat Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia bertujuan untuk memastikan tuntutan upah jahit pakaian seragam dan pembelian kasut dibuat dengan teratur dan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Semua maklumat seperti no resit, tarikh resit, nama pembekal, alamat pembekal dan nombor telefon pembekal perlu dikemukakan dengan lengkap sebelum bayaran boleh dibuat. Beberapa PTJ juga telah mengadakan sesi penerangan/taklimat kepada kakitangan mengenai kadar yang layak untuk dituntut oleh mereka. Pihak PTJ juga akan mewujudkan Buku Kadar Harga bagi Upah Jahit dan Kasut yang merangkumi kadar harga semasa yang diperolehi dari kedai-kedai jahit di daerah mereka untuk dijadikan panduan dan rujukan semasa melaksanakan proses pembayaran tuntutan pegawai dan anggota. Selain itu, PTJ terlibat juga telah mengambil tindakan menuntut balik jumlah tuntutan upah jahit yang meragukan di mana sehingga kini sejumlah RM95,240.00 telah berjaya dikutip semula.
12.5.3.5.b	**Tuntutan Pembelian Kasut** Surat Kementerian no. rujukan KKM100-75/1/5/6 bertarikh 19 Ogos 2011 menetapkan agar salinan asal resit yang dikemukakan perlu mengandungi maklumat nama dan alamat kedai lengkap berserta nombor telefon. Sekiranya terdapat resit meragukan, Ketua Jabatan boleh membuat semakan dengan anggota itu sendiri atau dengan syarikat di mana pembelian itu dibuat. Pengesahan daripada Bahagian Akaun Kementerian menyatakan bahawa dokumen kewangan seperti memo jualan, memo tunai dan *payment voucher* tidak boleh dikemukakan sebagai bukti pembelian. Semakan Audit mendapati seramai 721 anggota di 8 PTJ yang dilawati mengemukakan tuntutan bayaran balik pembelian kasut yang meragukan kerana tiada nombor telefon, tiada nombor siri resit atau bil, tiada kasut kulit dijual di kedai terlibat serta harga belian lebih mahal berbanding dengan pengesahan daripada kedai kasut berkenaan dan lain-lain kedai yang berhampiran dengan PTJ terlibat. Nilai keseluruhan tuntutan yang meragukan adalah antara RM206,723 hingga RM207,293. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, semua PTJ memaklumkan bahawa berlaku kekeliruan mengenai kadar tuntutan maksimum yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011. Selain itu, semua PTJ tidak membuat pengesahan semula terhadap mana-mana tuntutan yang meragukan.*	Bayaran dibuat selepas tuntutan bayaran balik pembelian kasut yang dikemukakan telah diperaku oleh pegawai yang membuat tuntutan dan disahkan oleh Penyelia/Ketua Jabatan masing-masing. Sebagai tindakan penambahbaikan, KKM telah mengedarkan Surat Edaran Bahagian Akaun Bil. 5 Tahun 2013 mengenai Garis Panduan Urusan Pembayaran Balik Upah Jahit Pakaian Seragam/Pembelian Kasut Bagi Penjawat Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia bertujuan untuk memastikan tuntutan upah jahit pakaian seragam dan pembelian kasut dibuat dengan teratur dan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa**.** Semua maklumat seperti no resit, tarikh resit, nama pembekal, alamat pembekal dan nombor telefon pembekal perlu dikemukakan dengan lengkap sebelum bayaran boleh dibuat. Beberapa PTJ juga telah mengadakan sesi penerangan/taklimat kepada kakitangan mengenai kadar yang layak untuk dituntut oleh mereka. Pihak PTJ juga akan mewujudkan Buku Kadar Harga bagi Upah Jahit dan Kasut yang merangkumi kadar harga semasa yang diperolehi dari kedai-kedai jahit di daerah mereka untuk dijadikan panduan dan rujukan semasa melaksanakan proses pembayaran tuntutan pegawai dan anggota.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, semakan terhadap tuntutan upah jahit/pembelian kasut yang longgar serta tiada siasatan terperinci dibuat terhadap tuntutan berkaitan boleh membuka ruang kepada ramai anggota mengemukakan tuntutan yang meragukan. Sekiranya tuntutan yang dikemukakan melebihi harga sebenar atau meragukan, PTJ perlu menuntut balik jumlah perbezaan tersebut serta memastikan bayaran dibuat sewajarnya. Selain itu, Kementerian perlu mengkaji semula kaedah pembekalan pakaian seragam memandangkan terdapat kelemahan wujud terhadap kaedah yang diguna pakai pada masa ini.	Selain itu, PTJ terlibat juga telah mengambil tindakan untuk menyemak semula tuntutan yang meragukan ini dan telah menuntut semula jumlah tuntutan pembelian kasut yang meragukan di mana sehingga kini sejumlah RM7,772.00 telah berjaya dikutip.
12.5.3.5.c	**Rekod Tuntutan Upah Jahit Kain Dan Pembelian Kasut** Setiap anggota hanya dibenarkan menuntut balik upah jahit bagi 3 pasang baju dan harga pembelian bagi 2 pasang kasut setahun. Bagi mengelakkan anggota membuat tuntutan melebihi kadar ditetapkan dan memudahkan semakan, satu daftar atau rekod lengkap mengandungi maklumat nama anggota, tarikh tuntutan, nombor baucar dan amaun perlu disediakan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:-	
	i. BKP, BPP, BPKK, BAP, BPFK, PKDHL, HTJS, PKDS dan HMAS tidak menyenggara rekod bagi tuntutan upah jahit pada tahun 2011 dan 2012 serta pembelian kasut pada tahun 2012.	Semua PTJ yang dilawati telah mempunyai rekod bagi tuntutan upah jahit. Namun begitu, rekod yang disediakan tersebut tidak diselenggara dengan baik. Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan oleh semua PTJ yang terlibat dengan memperkemaskan rekod tuntutan upah jahit kain. PTJ juga telah mengeluarkan arahan supaya rekod maklumat yang disediakan perlu dilengkapkan seperti nama, jawatan, unit, tarikh dan nilai tuntutan bagi upah jahit dan kasut kepada kakitangan yang menguruskan bekalan pakaian seragam agar kesilapan yang sama tidak berulang dimasa hadapan.
	ii. PKDMAS dan HBM ada merekodkan tuntutan upah jahit pada tahun 2011 dan 2012 serta pembelian kasut pada tahun 2012. Bagaimanapun, rekod berkenaan tidak mengandungi maklumat seperti nama anggota, tarikh tuntutan dan nilai tuntutan dikemukakan bagi memastikan tuntutan yang dibuat tidak melebihi kadar ditetapkan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013	Hasil semakan mendapati rekod tuntutan upah jahit dan pembelian kasut ada disediakan tetapi tidak lengkap tanpa mengandungi maklumat seperti nama anggota, tarikh tuntutan dan nilai tuntutan dikemukakan bagi memastikan tuntutan yang dibuat tidak melebihi kadar ditetapkan. Sebagai tindakan penambahbaikan, PTJ yang terlibat telah mengeluarkan arahan supaya rekod maklumat yang disediakan perlu dilengkapkan seperti nama, jawatan, unit, tarikh dan nilai

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Berdasarkan maklum balas, semua PTJ terlibat telah mengeluarkan arahan supaya daftar atau rekod mengenai tuntutan upah jahit dan pembelian kasut diselenggarakan dengan lengkap. Pada pendapat Audit, Kementerian/PTJ juga perlu memastikan tuntutan upah jahit dan pembelian kasut direkodkan bagi menentukan anggota tidak membuat tuntutan melebihi kadar dan kuantiti yang ditetapkan.	tuntutan bagi upah jahit dan kasut kepada kakitangan yang menguruskan bekalan pakaian seragam agar kesilapan yang sama tidak berulang lagi.
12.5.4.1	**Pemakaian - Pemakaian Pakaian Seragam** Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990 menetapkan Ketua Jabatan perlu memastikan anggota yang dibekalkan pakaian seragam memakainya semasa bertugas rasmi. Selain itu Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011 menetapkan Ketua Agensi bertanggungjawab memastikan peraturan berhubung kelayakan, reka bentuk, kuantiti dan warna pakaian seragam dipatuhi sepenuhnya. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:-	
	i. Spesifikasi reka bentuk pakaian *overcoat* tidak ditentukan oleh Jawatankuasa Penentuan Spesifikasi Pakaian Seragam. Oleh itu, reka bentuk pakaian *overcoat* tidak seragam kerana spesifikasi pakaian ini tidak disediakan. Ketidakseragaman pakaian yang dipakai menyebabkan identiti Kementerian terjejas kerana tiada penyelarasan dibuat untuk menyeragamkan tatacara pemakaian di kalangan anggota.	Hasil semakan mendapati terdapat anggota yang memakai pakaian yang tidak seragam kerana kain yang dijahit tidak mengikut spesifikasi yang telah disediakan. Sebagai tindakan penambahbaikan, KKM telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua PTJ pada 18 Januari 2012 mengenai Peraturan Pakaian Bagi Penjawat Awam KKM yang Berpakaian Seragam mengingatkan agar semua penjawat awam beruniform di KKM sentiasa mematuhi arahan memakai pakaian seragam ketika bertugas yang telah ditetapkan.
	ii. Anggota HTJ, HPMAS, BKPG dan BPFK tidak memakai pakaian seragam mengikut reka bentuk dan warna seragam yang ditetapkan.	PTJ terlibat mengakui terdapat sebilangan anggota yang tidak memakai pakaian seragam mengikut reka bentuk dan warna seragam kerana kain yang dijahit tidak mengikut spesifikasi yang telah disediakan. Sebagai tindakan penambahbaikan, teguran telah dibuat kepada anggota yang terlibat bagi memastikan anggota-anggota memakai pakaian seragam mengikut reka bentuk dan warna yang telah ditetapkan dalam peraturan. Penyeliaan dan tindakan kepada anggota yang tidak mematuhi peraturan pemakaian pakaian seragam juga telah dipertingkatkan mulai tahun 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.4.2	**Pemakaian Kasut** Ketua Agensi bertanggungjawab memastikan anggota memakai kasut mengikut spesifikasi ditetapkan sepanjang waktu bertugas rasmi. Berdasarkan spesifikasi kasut ditetapkan oleh Jawatankuasa Spesifikasi, bahagian hadapan kasut anggota lelaki dan perempuan mempunyai reka bentuk *type B* tanpa sebarang jahitan tambahan atau aksesori dan tidak bertali. Semakan Audit mendapati semua anggota di PTJ dilawati tidak memakai kasut mengikut spesifikasi ditetapkan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, semua PTJ telah mengeluarkan surat peringatan berhubung tatacara pemakaian kepada semua anggota.* Pada pendapat Audit, Ketua atau Penyelia Unit perlu memastikan anggota memakai pakaian seragam mengikut spesifikasi yang ditetapkan bagi mematuhi objektif pakaian seragam iaitu dari segi keselamatan.	PTJ terlibat mengakui terdapat sebilangan anggota yang tidak memakai kasut mengikut spesifikasi yang ditetapkan disebabkan ketidakpekaan terhadap arahan atau pekeliling berkaitan pemakaian pakaian seragam oleh anggota/kakitangan dan kekurangan pemantauan oleh penyelia. Sebagai tindakan penambahbaikan, perkara-perkara berikut telah dilaksanakan:- • Sentiasa memberi peringatan kepada penyelia dan semua anggota yang terlibat agar mematuhi arahan untuk memakai pakaian seragam dan kasut mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan melakukan pemantauan; • Membincangkan perkara ini di dalam Majlis Bersama Jabatan; • Mengeluarkan memo telah dikeluarkan kepada semua Ketua Jabatan/Ketua Unit dan sesalinan set gambar-gambar ketidakpatuhan pemakaian pakaian seragam telah diedarkan; dan • Mengedarkan semula Surat KKM berkaitan Kaedah Pembekalan Pakaian Seragam (Kasut) Kementerian Kesihatan Malaysia) ruj. KKM100-75/1/5/6 bertarikh 19.8.2011 kepada semua PTJ.
12.5.5.1	**Kepuasan Anggota Terhadap Pemakaian Pakaian Seragam - Bekalan Kain** Secara puratanya, sebanyak 138 responden (46%) berpuas hati (sangat memuaskan dan memuaskan) dengan kualiti kain yang dibekalkan manakala sebanyak 92 responden (30.7%) tidak berpuas hati (sangat tidak memuaskan dan tidak memuaskan). Antara maklum balas responden adalah kain terlalu nipis, lembut dan jarang. Tinjauan kajian juga melibatkan aspek warna bekalan kain dan didapati secara puratanya, sebanyak 175 responden (58.3%) berpuas hati dengan warna kain dibekalkan. Bagaimanapun, sebanyak 64 responden (21.3%) masih tidak berpuas hati. Sebanyak 232 responden (77.5%) berpuas hati dengan 3 pasang kain yang diterima setiap tahun manakala sebanyak 37 responden (12.3%) tidak berpuas hati kerana 3 pasang kain diterima tidak mencukupi untuk setahun. Antara maklum balas responden terlibat adalah warna kain cepat pudar serta luntur. Sebanyak 159	Untuk makluman, Kain yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan telah lulus penilaian (Kimia & JKPT). KKM mengambil maklum semua maklum balas responden dan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan pakaian seragam yang lebih baik kepada anggota.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	responden (53%) berpuas hati dengan kaedah pengagihan dilaksanakan manakala sebanyak 67 responden (22.3%) tidak berpuas hati kerana urusan kontrak dan pesanan lewat dibuat mengakibatkan bekalan lewat diagihkan. Di samping itu, sebanyak 205 responden (68.3%) berpuas hati dengan kadar upah jahit yang dibayar manakala 37 responden (12.3%) tidak berpuas hati kerana tuntutan upah jahit lewat dibayar.	
12.5.5.2	**Bekalan Tudung Atau *Cap*** Sebanyak 61 responden (30.8%) berpuas hati (sangat memuaskan dan memuaskan) dengan kualiti tudung/cap yang dibekalkan manakala sebanyak 28 responden (14.1%) tidak berpuas hati (sangat tidak memuaskan dan tidak memuaskan). Kebanyakan responden berpendapat jahitan tudung tidak kemas dan tidak dibekalkan mengikut saiz yang diperlukan oleh anggota. Tinjauan kajian juga mendapati sebanyak 67 responden (33.8%) berpuas hati dengan warna kain tudung kerana tidak mudah luntur selepas dicuci manakala sebanyak 10 responden (5.1%) tidak berpuas hati dengannya. Selain itu, sebanyak 45 responden (22.7%) berpuas hati dengan kuantiti tudung/cap yang dibekalkan untuk setahun manakala sebanyak 51 responden (25.8%) berpendapat bekalan tersebut tidak mencukupi kerana ia perlu ditambah daripada 2 helai kepada 3 helai setahun. Sementara itu, sebanyak 58 responden (29.3%) berpuas hati dengan masa pengagihan manakala sebanyak 35 responden (17.6%) tidak berpuas hati dan berpendapat tudung perlu diagihkan pada awal tahun. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, Kementerian akan memastikan anggota memperoleh kemudahan pakaian seragam yang lebih baik.* Pada pendapat Audit secara keseluruhannya, tahap kepuasan anggota terhadap kemudahan pakaian seragam adalah memuaskan. Bagaimanapun bagi memperbaiki mutu bekalan pakaian seragam, Kementerian juga perlu mengambil kira pandangan atau cadangan pegawai terlibat.	KKM mengambil maklum mengenai respon anggota mengenai bekalan pakaian seragam yang telah dibekalkan. Isu-isu berbangkit mengenai bekalan pakaian sergam termasuk isu berkaitan kualiti bekalan kain dan tudung atau *cap* sentiasa dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan serta Mesyuarat Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) bersama Timbalan Pengarah (Pengurusan) Jabatan Kesihatan Negeri dan lain-lain forum yang berkaitan. KKM sentiasa memastikan kualiti dan tudung atau *cap* dibekalkan mengikut kontrak serta agihan bekalan dilaksanakan pada tepat masanya.
12.5.6	**Pemantauan Bekalan Kain Dan Kasut** Mengikut Lampiran A kepada kontrak, syarikat yang dilantik hendaklah mengemukakan laporan pembekalan kain dan kasut setiap 3 bulan kepada BP&P. Selain itu, syarikat tidak boleh menerima pesanan atau membuat pembekalan melebihi kuantiti yang ditetapkan. Syarikat juga hendaklah memaklumkan kepada BP&P jika kuantiti pesanan atau pembekalan menghampiri 70% daripada kuantiti	KKM mengambil maklum akan cadangan pihak audit dan akan membuat penambahbaikan selaras dengan teguran audit. Sebagai tindakan penambahbaikan, pemantauan telah dibuat ke atas laporan pembekalan yang dikemukakan oleh syarikat dan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kontrak. Semakan Audit mendapati BP&P tidak menguatkuasakan syarat kontrak dan tidak memantau serta menganalisis laporan yang dikemukakan oleh syarikat. Pihak Audit mendapati laporan yang dikemukakan oleh syarikat hanya disimpan di dalam fail perolehan pakaian seragam. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, pemantauan dibuat ke atas laporan pembekalan yang dikemukakan oleh syarikat dilantik atau melalui Jabatan Kesihatan Negeri.* Pada pendapat Audit, ketiadaan pemantauan dibuat oleh BP&P berhubung laporan pembekalan kain dan kasut yang dikemukakan oleh syarikat menyukarkan penyediaan maklumat perbelanjaan bekalan bagi semua PTJ serta analisis dibuat untuk mengetahui sama ada kuantiti dibekalkan melebihi anggaran yang ditetapkan dalam kontrak. Justeru itu, Kementerian perlu mengkaji semula kaedah pemantauan laporan pembekalan yang dikemukakan oleh syarikat.	juga Jabatan Kesihatan Negeri.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Perenggan 13 : Pengurusan Program Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS)

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.1.2.b	**Pencapaian Fizikal** Bagi 7 projek yang dilaksanakan di 3 negeri yang dilawati, pihak Audit mendapati pencapaian projek bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 telah mencapai/melebihi sasaran yang ditetapkan, kecuali bagi TTSR/TT, sambungan paip PBAN dan SPSP yang tidak dapat mencapai 100% bagi tahun tertentu di Kedah dan Kelantan. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *Pihak JKN terlibat telah mengambil tindakan untuk menyiapkan semua projek-projek yang tidak dapat disiapkan pada tahun berikutnya. Pihak JKN juga akan membuat kajian semula sasaran setengah tahun bagi memastikan semua projek dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan.* Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek secara keseluruhannya adalah baik kerana sebahagian besar sasaran yang ditetapkan telah dapat dicapai.	Pencapaian projek Sistem Telaga Sambungan ke Rumah dan Sistem Telaga Terkawal tidak mencapai sasaran di Kedah pada tahun 2010 iaitu hanya 54.6% daripada sasaran kerana keadaan mesin gerudi, kompresor dan lori yang digunakan untuk menunda/menarik mesin gerudi dan kompresor tersebut yang sering rosak serta sudah uzur (hampir 30 tahun). Walau bagaimanapun, kesemua 10 projek telaga tersebut telah berjaya dibina pada tahun 2011. Projek Sistem Pelupusan Sisa Pepejal tidak mencapai sasaran yang ditetapkan di Kelantan pada tahun 2010 kerana terdapat 1 projek di daerah Tumpat yang tidak dapat disiapkan pada tahun berkenaan disebabkan kekurangan tenaga anggota BAKAS kerana tumpuan diberikan sepenuhnya untuk menyiapkan 50 projek tandas yang dilaksanakan secara gotong-royong sepenuhnya. Walau bagaimanapun, projek ini telah dimasukkan dalam senarai projek 2011 dan telah disiapkan pada tahun 2011. Untuk makluman, 16 projek Sistem Telaga Sambungan ke Rumah dan Sistem Telaga Terkawal yang masih belum disiapkan pada tahun 2012 adalah melibatkan projek telaga berkelompok di Permatang Sungkai, Pasir Puteh, Kelantan. Projek ini dijalankan secara gotong-royong sepenuhnya oleh penduduk kampung. Projek tidak dapat disiapkan adalah disebabkan:- • Kurang penglibatan masyarakat kampung kerana majoriti ketua isi rumah adalah warga tua yang berumur di antara 45 – 64 tahun; dan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		• Kekurangan tenaga anggota BAKAS memandangkan PKA kawasan terbabit perlu menyelia 60 rumah bagi projek AKSB dan 38 rumah projek telaga terkawal pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, projek ini telah dapat disiapkan sepenuhnya secara gotong-royong oleh anggota KKM dengan kerjasama penduduk kampung pada bulan Jun 2013. Bagi projek Sambungan Paip Pihak Berkuasa Air Negeri, 96 buah rumah yang tidak dapat disiapkan adalah melibatkan 5 sebutharga di daerah Pasir Puteh, Kelantan. Projek-projek ini tidak dapat disiapkan berpunca dari kelewatan kontraktor mendapatkan bekalan tiang tangki dari jenis *Galvanised Iron* dan *standmeter*. Bayaran telah dibuat berdasarkan kemajuan kerja bagi setiap rumah dan denda lewat telah dikenakan terhadap kontraktor bagi kelima-lima sebutharga tersebut. Senarai rumah yang tidak disiapkan pada tahun 2012 telah dimasukkan ke dalam senarai penerima tahun 2013 dan dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada bulan November 2013. Bagi semua projek-projek yang tidak dapat disiapkan, pihak JKN terlibat telah mengambil tindakan untuk menyiapkannya pada tahun berikutnya seperti dinyatakan di atas. Pihak JKN juga akan membuat kajian semula sasaran setengah tahun bagi memastikan semua projek dapat dicapai mengikut sasaran yang telah ditetapkan.
13.5.1.3	**Keberkesanan Projek** Objektif utama Program BAKAS adalah untuk membantu mengawal dan mengurangkan penyakit bawaan air dan makanan melalui penyediaan kemudahan asas bekalan air dan sanitasi kepada penduduk luar bandar. Antara penyakit bawaan air adalah tifoid, disenteri, keracunan makanan, *leptospirosis*, kolera, Hepatitis A dan C. Berdasarkan statistik di 5 PKD/PKK yang dilawati, didapati 3 penyakit iaitu tifoid, kolera dan *leptospirosis* menunjukkan peningkatan pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Keadaan ini berbeza dengan kes yang dilaporkan pada tahun 2012 di mana didapati kecuali keracunan makanan dan Hepatitis C, penyakit-penyakit lain telah menunjukkan trend penurunan berbanding tahun 2011. Semakan lanjut mendapati keracunan makanan yang dilaporkan pada tahun 2012 sebahagian besarnya berlaku di daerah Baling dan Bachok manakala daerah-daerah lain telah menunjukkan penurunan/tiada kes dilaporkan.	Peningkatan tifoid, kolera dan *leptospirosis* di 5 PKD/PKK yang dilawati pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah disebabkan perkara berikut:- • Kejadian kes disentri di PKD Bandar Baharu pada tahun 2011 yang berpunca dari tabiat pemakanan di kedai makan di merata-rata tempat serta amalan kebersihan diri dan peralatan semasa menyediakan susu; • Kes tifoid di PKD Bandar Baharu pada tahun 2011 disebabkan oleh pekerja asing yang mempunyai sejarah dari negara asal. Kes tersebut tidak melibatkan jangkitan di

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *Peningkatan kes tifoid, kolera dan leptospirosis di 5 PKD/PKK yang dilawati pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah disebabkan pengendalian makanan; pekerja asing yang mempunyai penyakit dari negara asal; sejarah pekerjaan; kebersihan diri dan bekalan air tidak mencukupi. Manakala peningkatan kes keracunan makanan disebabkan makanan tercemar dan bukan berpunca dari bekalan air yang digunakan. Selain meningkatkan jumlah projek BAKAS, aktiviti pendidikan kesihatan juga telah dipertingkatkan di semua peringkat komuniti seperti di sekolah, kawasan-kawasan berisiko, pejabat-pejabat kerajaan, agensi swasta dan lain-lain. Pelbagai aktiviti promosi kesihatan dijalankan seperti ceramah, pameran, kempen cuci tangan untuk meningkatkan kesedaran orang awam terhadap pencegahan penyakit bawaan air dan makanan.* Pada pendapat Audit, Program BAKAS secara umumnya telah membantu mengurangkan penyakit bawaan air dan makanan berdasarkan bilangan kes yang dilaporkan pada tahun 2012. Bagaimanapun, pelaksanaan projek sedia ada perlu dipertingkatkan bagi memastikan penyakit bawaan air dan makanan dapat dikurangkan secara berterusan selaras dengan objektif program iaitu mencegah dan mengawal penyakit bawaan air dan makanan.	kawasan setempat; • Kebanyakan kes leptospirosis berkaitan dengan sejarah pekerjaan sebagai penoreh getah, pekebun kelapa sawit dan aktiviti pertanian, termasuk satu insiden kes *leptospirosis* yang telah membawa kematian pada tahun 2010 di daerah Bandar Baharu; • Sebanyak 2 episod wabak kolera telah berlaku dan melibatkan sejumlah 7 lokaliti di PKD Kota Belud di sebabkan oleh kebersihan diri yang kurang dan bekalan air yang tidak mencukupi semasa musim kemarau; dan • Sebanyak 4 episod wabak kolera telah berlaku dan melibatkan sejumlah 27 lokaliti pada tahun 2011 di PKD Tuaran disebabkan kurang kebersihan diri, pengendalian makanan yang kurang memuaskan dan tabiat memakan makanan di luar. Manakala terdapat peningkatan keracunan makanan yang dilaporkan pada tahun 2012 di daerah Baling dan Bachok adalah berpunca daripada makanan tercemar. Kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan makanan, kes keracunan makanan dan diesentri berpunca dari faktor-faktor di atas dan bukannya berpunca dari bekalan air. Sebagai tindakan penambahbaikan, selain daripada meningkatkan jumlah projek BAKAS, aktiviti pendidikan kesihatan juga telah dipertingkatkan di semua peringkat komuniti seperti di sekolah, kawasan-kawasan berisiko, pejabat-pejabat kerajaan, agensi swasta dan lain-lain. Pelbagai aktiviti promosi kesihatan dijalankan seperti ceramah, pameran, kempen cuci tangan untuk meningkatkan kesedaran orang awam terhadap pencegahan penyakit bawaan air dan makanan.
13.5.2.1.a	**Pengurusan Projek - Permohonan Dan Kelulusan Projek** Kementerian telah mengeluarkan Manual Program BAKAS untuk dijadikan rujukan di setiap peringkat yang terlibat. Manual ini antara lainnya telah menyediakan format borang permohonan dan borang siasatan bagi projek bekalan air masyarakat dan projek sanitasi. Berdasarkan sampel borang yang disemak, pihak Audit mendapati kecuali PKK Tuaran, kesemua PKD yang dilawati menggunakan borang permohonan	Pahun 2010 dan 2011 tiada borang yang seragam digunakan di mana borang permohonan yang digunakan adalah berbeza mengikut pengurusan PKD masing-masing dan terdapat maklumat-maklumat yang tidak disertakan dalam borang-borang tersebut. Walau bagaimanapun, maklumat-maklumat penting

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan siasatan yang berbeza daripada yang ditetapkan dalam Manual. Setiap PKD menyediakan borang mengikut format masing-masing. Bagaimanapun, borang yang digunakan didapati tidak lengkap kerana tiada ruangan disediakan untuk butiran penting seperti pendapatan pemohon; tarikh dan pengesahan Penghulu; tarikh, tandatangan dan cop Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan serta tarikh, tandatangan dan cop kelulusan Pegawai Kesihatan Daerah.	yang menjadi asas kelulusan masih perlu diisi dalam borang yang lama tersebut. Sebagai tindakan penambahbaikan, KKM telah mengeluarkan Manual Program BAKAS Jilid 1 dan 2 di mana semua PTJ yang menjalankan projek BAKAS telah menggunapakai manual ini di mana semua permohonan dan siasatan dibuat menggunakan borang baru yang seragam seperti yang terdapat dalam manual tersebut.
13.5.2.1.b	Antara syarat yang ditetapkan untuk memohon bantuan di bawah Program BAKAS ialah pemohon mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) atau Pejabat Tanah Dan Daerah. Semakan Audit mendapati PGK yang ditetapkan oleh UPEN di PKD Bandar Baharu ialah RM720. Bagaimanapun, seramai 13 pemohon yang telah diluluskan bantuan mempunyai pendapatan yang melebihi PGK antara RM80 hingga RM780.	Permohonan yang diluluskan bukan hanya bergantung kepada Paras Garis Kemiskinan (PGK) RM720.00. Faktor-faktor lain juga turut dinilai untuk kelulusan iaitu:- • Pendapatan seisi keluarga; • Risiko berlaku wabak; • Siasatan di lapangan; • Jarak jaringan paip utama bekalan air awam ke rumah; • Projek secara berkelompok; dan • Kategori pemohon seperti warga emas, OKU dll. Unit Perancang Ekonomi Negeri pada tahun 2007 telah menyatakan bahawa, PGK perkapita adalah RM180. Walaupun pendapatan pemohon melebihi PGK iaitu RM720.00, pemohon mempunyai tanggungan yang ramai dan KKM berpendapat pemohon wajar diberi bantuan berdasarkan PGK perkapita di bawah RM180.00. Seramai enam daripada 13 orang pemohon yang disenaraikan oleh pihak audit telah diluluskan bantuan selepas PGK perkapita dikira di mana semuanya mempunyai PGK perkapita di bawah RM180.00 Manakala baki tujuh pemohon yang lain, kelulusan diberi atas faktor-faktor seperti berikut:- • Faktor risiko guna GFS, jarak jaringan paip; • Faktor warga emas; • Faktor risiko, tandas tidak sempurna; • Faktor risiko, tandas tidak sempurna; dan • Foktor risiko, pelupusan sampah tidak sempurna.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.1.c	Semakan Audit selanjutnya mendapati tempoh kelulusan bagi projek BAKAS di PKK Tuaran; PKD Tumpat dan Baling adalah tidak munasabah iaitu antara 68 hingga 1,098 hari dari tarikh permohonan diterima. Keadaan ini berlaku antaranya disebabkan norma masa bagi meluluskan permohonan tidak ditetapkan dalam Manual Program BAKAS yang dikeluarkan oleh Kementerian.	Dua faktor utama yang diberi perhatian untuk mempertimbangkan sesuatu permohonan ialah dari segi kepentingan projek dan peruntukan yang sedia ada. Projek-projek yang lewat diluluskan ini, kebanyakannya disebabkan perkara berikut:- • Projek dirasakan tidak begitu berkepentingan pada masa itu dan terdapat projek lain yang perlu diutamakan dan peruntukan tidak mencukupi untuk dilaksanakan pada tahun tersebut. • Projek merupakan projek tambahan yang biasanya memerlukan tempoh lebih lama untuk kelulusan selepas kelulusan untuk projek-projek baru lain yang lebih penting. • Keutamaan diberikan kepada projek-projek di kawasan yang berlaku wabak dan berisiko untuk berlakunya wabak. Sebagai tindakan penambahbaikan, KKM telah mengeluarkan arahan pada 10 Mei 2013 kepada semua negeri mengenai tatacara prosedur pengurusan permohonan dengan menyelaraskan tempoh permohonan untuk dilaksanakan bermula Mei 2013.
13.5.2.1.d	Daftar permohonan perlu diselenggara bagi merekodkan permohonan yang diterima. Setiap mukim/jajahan/kawasan dikehendaki menyelenggarakan daftar permohonan bagi memudahkan Pegawai Kesihatan Awam (PKA) yang bertanggungjawab memantau projek dengan berkesan. Antara maklumat yang perlu direkodkan dalam daftar tersebut ialah nama dan alamat pemohon, tarikh permohonan, tarikh siasatan dan status permohonan. Pihak Audit tidak menemui bukti yang menunjukkan daftar permohonan diselenggarakan di PKD Bachok dan PKK Tuaran kerana dokumen tidak dikemukakan untuk semakan. Di PKD Bandar Baharu, daftar permohonan bagi tahun 2010 tidak diselenggarakan manakala daftar permohonan bagi tahun 2011 hanya merekodkan permohonan untuk projek tandas curah. PKD Tumpat pula ada menyelenggarakan daftar permohonan, namun tidak lengkap kerana ruangan tarikh permohonan, tarikh siasatan dan kelulusan tidak disediakan. Selanjutnya di PKD Baling, daftar permohonan ada diselenggarakan mengikut mukim, namun ruangan tarikh siasatan tidak disediakan. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada 25 permohonan yang direkodkan dalam daftar berkenaan sejak tahun 2009 telah diluluskan atau ditolak kerana status permohonan tidak dicatatkan. Pada pendapat Audit, masih terdapat kelemahan dalam proses permohonan dan	Setiap PKD yang menjalankan program BAKAS telah mewujudkan satu fail bagi setiap kampung di bawah seliaan masing-masing. Fail tersebut yang lebih dikenali sebagai 'profail kampung', mempunyai segala maklumat berkaitan pelaksanaan program BAKAS untuk kampung tersebut termasuk permohonan-permohonan kemudahan yang dikemukakan oleh penduduk-penduduk terbabit. Namun begitu, tiada daftar khusus diselenggara bagi merekodkan semua permohonan yang diterima di PKD Bachok kerana hanya sedikit permohonan yang diterima. Oleh itu, pihak PKD tidak menyediakan daftar dan beranggapan ianya adalah memadai penyelenggaraan dibuat menggunakan fail sahaja. Manakala itu PKK Tuaran juga tidak menyediakan daftar kerana pemantauan permohonan projek dibuat dengan menggunakan LAMPIRAN B - Ringkasan Permohonan Projek BAKAS Daerah yang dihantar setiap tahun.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kelulusan yang boleh menjejaskan pelaksanaan Program BAKAS. Sehubungan itu, Kementerian perlu mengambil tindakan segera dengan menetapkan norma masa meluluskan projek serta memastikan Manual Program BAKAS digunakan di setiap peringkat. Selain itu, PKD perlu memantau permohonan projek dan memastikan daftar permohonan dikemas kini supaya pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *Pada tahun 2010 dan 2011, tiada borang yang seragam digunakan. Borang permohonan yang digunakan pula adalah berbeza mengikut pengurusan PKD masing-masing. Terdapat maklumat-maklumat yang tidak terdapat dalam borang tersebut. Walau bagaimanapun, maklumat-maklumat penting yang menjadi asas kelulusan masih perlu diisi dalam borang yang lama tersebut. UPEN pada tahun 2007 telah menyatakan bahawa, PGK perkapita adalah RM180. Walaupun pendapatan pemohon melebihi PGK iaitu RM720, pemohon mempunyai tanggungan yang ramai dan KKM berpendapat pemohon wajar diberi bantuan berdasarkan PGK perkapita di bawah RM180. Dua faktor utama yang diberi perhatian untuk mempertimbangkan sesuatu permohonan ialah dari segi kepentingan projek dan peruntukan yang sedia ada. Bagi projek-projek yang lewat diluluskan, kebanyakannya adalah disebabkan projek tidak begitu berkepentingan pada masa itu; projek merupakan projek tambahan dan keutamaan kepada projek di kawasan berlaku wabak atau berisiko. Bagi menyelaras dan memperkemaskan lagi pengurusan permohonan, Kementerian telah mengeluarkan arahan pada 10 Mei 2013 kepada semua JKN mengenai tatacara prosedur sepatutnya. Semua PTJ yang terlibat telah mengambil tindakan untuk menyediakan dan mengemas kini Buku Daftar Permohonan bagi tujuan pemantauan. KKM telah mengeluarkan arahan penggunaan format daftar permohonan yang seragam pada 10 Mei 2013 kepada semua negeri untuk dilaksanakan bermula Mei 2013.*	Bagi 25 permohonan yang tidak dapat dipastikan status kelulusan di PKD Baling, pihak PKD mengakui status permohonan tidak dicatatkan dalam daftar permohonan yang disediakan. Sebagai tindakan penambahbaikan, semua PTJ yang terlibat telah mengambil tindakan untuk menyediakan dan mengemaskini Buku Daftar Permohonan dengan memasukkan maklumat lengkap seperti nama dan alamat pemohon, tarikh permohonan, tarikh siasatan dan status permohonan bagi tujuan pemantauan. Bagi memperkemaskan pengurusan permohonan kemudahan BAKAS daripada penduduk kampung, KKM telah mengeluarkan arahan penggunaan format daftar permohonan yang seragam pada 10 Mei 2013 kepada semua negeri untuk dilaksanakan bermula Mei 2013.
13.5.2.2.a	**Pengurusan Perolehan - Perolehan Secara Sebut Harga** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 telah menetapkan penilaian teknikal dan harga hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat dan pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga (Jawatankuasa Penilaian Harga dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal) dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/ Bahagian yang menguruskan sebut harga. Selain itu, laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua ahli Jawatankuasa. Semakan Audit di PKD Bandar Baharu mendapati tiada bukti Jawatankuasa Penilaian Dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga bagi perolehan tahun 2010 hingga 2012 dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan. Manakala di	Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga di PKD Bandar Baharu bagi perolehan tahun 2010 hingga 2012 sebenarnya telah dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan. Namun begitu, surat lantikan tidak difailkan dengan betul semasa semakan audit. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga dan laporan penilaian berkaitan di PKK Tuaran juga sebenarnya ada disediakan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	PKD Tuaran, didapati tiada bukti keputusan Jawatankuasa Sebut Harga dan laporan penilaian disediakan bagi satu sebut harga yang berkaitan dengan bekalan peralatan BAKAS. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga bagi perolehan tahun 2010 hingga 2012 di PKD Bandar Baharu sebenarnya telah dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan. Namun begitu, surat lantikan tidak difailkan dengan betul semasa semakan Audit. Manakala keputusan Jawatankuasa Sebut Harga dan laporan penilaian berkaitan sebenarnya ada disediakan. PTJ terlibat akan memastikan dokumen berkaitan difailkan secara teratur dan dikemukakan kepada pihak Audit apabila diminta. Selain itu, pelantikan Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga bagi sebutharga akan datang dilaksanakan mengikut tatacara pengurusan perolehan yang sebenar.*	Sebagai tindakan penambahbaikan, PTJ terlibat akan memastikan dokumen berkaitan difailkan secara teratur dan dikemukakan kepada pihak audit apabila diminta. Selain itu, pelantikan Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga bagi sebutharga akan datang dilaksanakan mengikut tatacara pengurusan perolehan yang sebenar.
13.5.2.2.b.i	**Perolehan Melalui Sistem Panel** Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP) Bil. 8 Tahun 2010 mengenai Sistem Panel Bagi Perolehan Bekalan Dan Pengiriman *High Density Polyethylene (HDPE) Pipe* di Seluruh Malaysia menetapkan agensi Kerajaan hendaklah memperoleh paip HDPE hanya di kalangan panel pembekal yang dilantik. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan syarat berhubung keperluan kontraktor mendapatkan paip HDPE daripada panel pembekal yang dilantik dimasukkan dalam *Bill of Quantities* dan dokumen perjanjian. Bagi memastikan peraturan tersebut dipatuhi, kontraktor perlu mengemukakan salinan nota penghantaran semasa membuat tuntutan bayaran kemajuan. Semakan Audit mendapati paip HDPE telah digunakan bagi 3 projek GFS dan 13 projek sambungan paip PBAN bernilai RM1.98 juta di PKD Baling, PKD Bandar Baharu, PKD Bachok dan PKD Tumpat. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan paip HDPE tersebut telah dibekalkan oleh panel pembekal yang dilantik oleh Kementerian Kewangan kerana tiada salinan nota penghantaran dikemukakan oleh kontraktor semasa tuntutan bayaran kemajuan dibuat.	Hasil semakan mendapati kontraktor yang dilantik oleh PKD-PKD yang terlibat telah membuat pembelian paip HDPE bukan daripada panel pembekal yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia kerana tidak menyedari pembelian oleh kontraktor juga perlu dibuat daripada panel pembekal yang dilantik. Sebagai tindakan penambahbaikan, PKD yang terlibat telah mengambil mengambil tindakan untuk memastikan pembelian paip HDPE yang berikutnya dibuat daripada panel pembekal yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia dengan memasukkan keperluan ini di dalam Dokumen Tawaran Kerja Untuk Tahun 2013. KKM juga telah mengeluarkan peringatan mengenai keperluan daripada panel pembekal ini pada 10 Mei 2013 kepada semua pelaksana program BAKAS bagi memastikan pembelian dibuat selaras dengan Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2010.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.2.b.ii	PKP Bil. 8 Tahun 2010 menetapkan kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM50,000 selaras dengan Arahan Perbendaharaan 176.1. Semakan Audit mendapati tiada kontrak formal disediakan bagi 4 perolehan paip HDPE yang bernilai melebihi RM50,000 di PKK Tuaran. Pada pendapat Audit, PKD perlu memasukkan syarat bahawa kontraktor mesti mendapatkan bekalan paip HDPE daripada pembekal yang disenaraikan sebagai panel pembekal yang sah bagi menjamin kualiti barang yang digunakan menepati standard yang ditetapkan. Selain itu, kontrak formal perlu diwujudkan sejajar dengan kehendak pekeliling berkaitan bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *Kementerian telah mengeluarkan peringatan mengenai keperluan daripada panel pembekal ini pada 10 Mei 2013 kepada semua pelaksana program BAKAS bagi memastikan pembelian dibuat selaras dengan Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2010. Selain itu, pihak PKK akan menggunakan kontrak formal seperti yang telah ditetapkan dalam Pekeliling yang berkuat kuasa. Kementerian juga telah mengeluarkan arahan pada 10 Mei 2013 kepada semua PTJ agar mematuhi Pekeliling yang berkuat kuasa semasa melaksanakan perolehan di atas.*	Kontrak tidak diwujudkan kerana beranggapan perolehan paip dibuat daripada panel kontrak pusat dan tidak memerlukan kontrak formal. Sebagai tindakan penambahbaikan pihak PKK akan menggunakan kontrak formal seperti yang telah ditetapkan dalam Pekeliling yang berkuatkuasa. KKM juga telah mengeluarkan arahan pada 10 Mei 2013 kepada semua PTJ agar mematuhi Pekeliling yang berkuatkuasa semasa melaksanakan perolehan di atas.
13.5.2.2.c	**Harga Perolehan Tidak Munasabah** Manual Program BAKAS mengenai *Gravity Feeds System* dan Sambungan Paip Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) menetapkan dokumentasi dalam bentuk gambar/video perlu disediakan sebelum, semasa dan selepas projek selesai sebagai rujukan dan bukti pelaksanaan. Semakan Audit di PKD Baling mendapati dokumentasi bergambar telah dimasukkan sebagai salah satu spesifikasi kerja dalam sebut harga bagi projek GFS dengan harga seunit/set antara RM12.90 hingga RM21.41. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati harga yang ditetapkan dalam spesifikasi bagi dokumen bergambar yang menggunakan kertas A4 adalah tinggi berbanding harga pasaran dengan perbezaan antara RM11.90 hingga RM17.41 (antara 4.4 hingga 11.9 kali lebih tinggi). Pada pendapat Audit, harga yang ditetapkan bagi dokumentasi bergambar adalah tidak munasabah kerana jauh lebih tinggi berbanding harga pasaran. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *KKM pada 10 Mei 2013 telah mengarahkan agar penyediaan gambar-gambar yang*	Keperluan dokumen bergambar untuk dijadikan sebagai spesifikasi kerja merupakan syarat KKLW di mana peruntukan pembangunan bagi pelaksanaan BAKAS diterima daripada KKLW. Penggunaan gambar merupakan salah satu dokumen pengesahan yang digunakan untuk menunjukkan pelaksanaan sesuatu projek. Pemilihan kontraktor dibuat berdasarkan harga (*lump sum*) yang termurah. Sebagai tindakan penambahbaikan, KKM pada 10 Mei 2013 telah mengarahkan supaya penyediaan gambar-gambar bagi projek-projek yang seterusnya hendaklah diambil dan disediakan oleh anggota PKD sendiri menggunakan kemera Jabatan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	seterusnya bagi tujuan dokumentasi pelaksanaan projek kepada KKLW hendaklah diambil dan disediakan oleh anggota PKD sendiri menggunakan kemera Jabatan.	
13.5.2.2.d.i	**Harga Berbeza Bagi Bekalan/Kerja Yang Sama** Semakan Audit di PKD Bandar Baharu mendapati 3 projek tandas curah telah dilaksanakan oleh kontraktor yang sama iaitu Oman Enterprise secara pembelian terus. Projek berkenaan telah dibayar melalui 3 baucar bayaran iaitu C1580 (RM8,840), C0932 (RM5,700) dan C0578 (RM3,202). Semakan Audit selanjutnya mendapati 11 item dengan spesifikasi yang sama telah dibekalkan dengan harga yang berbeza. Perbezaan harga seunit mengikut jenis item berbanding harga terendah adalah antara 20.9% hingga 35.4%.	Harga berbeza disebabkan oleh faktor kos pengangkutan dan jarak, lokasi, kesukaran penghantaran peralatan serta bulan perlaksanaan yang berlainan. Bagi baucar bertarikh 25.05.2010, projek yang dilaksanakan adalah melibatkan tempat yang berbeza iaitu di Serdang (1), Selama (1), Bandar Baharu (3). Manakala bagi baucar bertarikh 22.7.2010, projek yang terlibat adalah di Selama (5), Sg Batu (1), Rantau Panjang (1), Bandar Baharu (1), Serdang (2) dan bagi baucar bertarikh 15.11.2010 projek yang terlibat adalah Sg Batu (2), Rantau Panjang (3), Bandar Baharu (5), Relau (2) dan Sg Taka (1). Sebagai tindakan penambahbaikan, KKM akan menjadikan rekod perolehan terdahulu sebagai rujukan agar perolehan berikutnya dapat dibuat dengan lebih berkesan.
13.5.2.2.d.ii	Di PKK Tuaran, pembekalan peralatan projek GFS telah dilaksanakan oleh Weidasar Sdn. Bhd. melalui 17 baucar bayaran bagi tahun 2011 dan 2012. Semakan Audit mendapati 9 item dengan spesifikasi yang sama telah dibekalkan dengan harga yang berbeza. Perbezaan harga seunit mengikut jenis item berbanding harga terendah adalah antara 20% hingga 575%.	Harga berbeza disebabkan oleh faktor kos pengangkutan dan jarak/lokasi/kesukaran penghantaran peralatan serta tahun/bulan pelaksanaan yang berlainan. Oleh kerana jarak dan tahap kesukaran penghantaran peralatan ke lokasi projek adalah berbeza maka harga barang juga berbeza-beza walaupun dari pembekal yang sama. Sebagai tindakan penambakbaikan, KKM akan menjadikan rekod perolehan terdahulu sebagai rujukan agar perolehan berikutnya dapat dibuat dengan lebih berkesan.
13.5.2.2.d.iii	Di PKK Tuaran, peralatan bagi satu projek telaga terkawal telah dibekalkan oleh Syarikat Weidasar Sdn. Bhd. secara sebut harga melalui baucar bayaran B1300 berjumlah RM46,306. Manakala peralatan bagi 2 projek GFS telah dibekalkan oleh Syarikat AG Enterprise secara pembelian terus melalui baucar bayaran B3829 dan B3830 masing-masing berjumlah RM15,841 dan RM15,109. Semakan Audit mendapati 23 item dengan spesifikasi yang sama telah dibekalkan oleh 2 syarikat tersebut dengan harga yang berbeza.	Untuk makluman, kajian pasaran telah dibuat dengan mendapat tiga sebut harga dari pembekal yang berlainan sebelum perolehan dibuat di mana PKK Tuaran telah memilih secara *lump sum* harga terendah dari sebutharga tersebut. Sebagai tindakan penambakbaikan, KKM akan menjadikan rekod perolehan terdahulu sebagai rujukan agar perolehan berikutnya dapat dibuat dengan lebih berkesan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.2.d.iv	Semakan Audit telah dijalankan terhadap satu baucar bayaran di PKD Baling dan 3 baucar bayaran di PKD Bandar Baharu bagi kerja pembinaan tandas curah. Berdasarkan semakan, pihak Audit mendapati kontraktor terlibat telah menggunakan bahan binaan dari jenis yang berbeza. Bahan binaan yang digunakan untuk 3 projek tandas curah di bawah seliaan PKD Bandar Baharu didapati lebih berkualiti berbanding bahan binaan bagi satu projek di bawah seliaan PKD Baling. Namun begitu, harga seunit tandas bagi PKD Bandar Baharu didapati lebih rendah antara RM120 hingga RM266 berbanding harga di PKD Baling. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *Harga berbeza bagi bekalan/kerja yang sama di PKD Bandar Baharu disebabkan oleh faktor kos pengangkutan dan jarak, lokasi, kesukaran penghantaran peralatan serta bulan pelaksanaan yang berlainan. Selain itu, harga berbeza di PKK Tuaran disebabkan oleh faktor pembekal berbeza, tempat dan masa/bulan penghantaran yang berlainan. Kajian pasaran telah dibuat dengan mendapat tiga sebut harga dari pembekal yang berlainan dan PKK Tuaran telah memilih secara lump sum harga terendah dari sebutharga tersebut. Untuk penambahbaikan, rekod perolehan terdahulu akan dijadikan rujukan perolehan agar kajian pasaran yang lebih berkesan dapat dibuat. Projek tandas curah di PKD Bandar Baharu dapat dilaksanakan dengan harga yang lebih rendah kerana melibatkan pembelian bahan binaan sahaja dan tiada kos upah kerana ianya dilaksanakan secara gotong-royong. Manakala projek tandas curah di PKD Baling melibatkan harga yang lebih tinggi kerana dilaksanakan secara outsource/kontrak dengan melantik kontraktor. Kos projek melibatkan kos bekalan bahan binaan dan upah pembinaan menjadikan kos lebih tinggi. Mulai tahun 2013, semua projek tandas akan dilaksanakan secara gotong royong.* Pihak Audit berpendapat, kos projek dapat dikurangkan sekiranya projek dilaksanakan secara bergotong-royong berbanding pelaksanaan secara *outsource*.	Projek tandas di PKD Bandar Baharu dapat dilaksanakan dengan harga yang lebih rendah kerana melibatkan pembelian bahan binaan sahaja. Tiada kos upah terlibat kerana ianya dilaksanakan secara gotong-royong. Manakala projek tandas di PKD Baling melibatkan harga yang lebih tinggi kerana dilaksanakan secara *outsource*/kontrak dengan melantik kontraktor. Kos projek melibatkan kos bekalan bahan binaan dan upah pembinaan menjadikan kos adalah lebih tinggi. Sebagai tindakan penambahbaikan, mulai tahun 2013, semua projek tandas akan dilaksanakan secara gotong royong.
13.5.2.2.e	**Penyediaan Insurans** Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 mengenai Syarat-syarat Sebut Harga Untuk Kerja, kontraktor dikehendaki mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja atas nama Kerajaan bagi tempoh pelaksanaan kerja. Polisi insurans tersebut perlu dikemukakan sebelum kerja dimulakan. Semakan Audit mendapati PKD Baling telah mengambil kira keperluan penyediaan insurans oleh kontraktor di dalam spesifikasi kerja yang disediakan. PKD Baling telah menetapkan supaya kontraktor yang dilantik menyediakan polisi insurans pampasan kerja dan tanggungan awam bagi 3 sebut harga iaitu 3/2012, 4/2012 dan 6/2012 dengan	PKD Baling telah mengambil kira keperluan penyediaan insurans oleh kontraktor di dalam spesifikasi kerja yang disediakan, namun begitu pihak PKD telah terlepas pandang untuk memantau Nota Liputan (*Coverage Note*) dan resit bayaran premium supaya dikemukakan oleh kontraktor. Hasil semakan semula oleh PKD mendapati kontraktor telah menyediakan insurans seperti dikehendaki tetapi tidak mengemukakannya sebelum kerja tersebut dimulakan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bayaran premium masing-masing berjumlah RM3,750, RM3,000 dan RM500. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan Nota Liputan (Coverage Note) dan resit bayaran premium dikemukakan kepada pihak PKD sebelum projek dilaksanakan. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada polisi insurans telah disediakan oleh kontraktor selaras dengan kehendak spesifikasi kerja tersebut. Bagi PKK Tuaran, PKD Bachok dan PKD Tumpat, pihak Audit mendapati syarat mengenai pengambilan insurans tidak dinyatakan dalam dokumen sebut harga atau surat tawaran kepada kontraktor bagi 15 projek bernilai RM1.65 juta yang dilaksanakan secara sebut harga. Pada pendapat Audit, kegagalan PKD memastikan kontraktor menyediakan polisi insurans dengan sewajarnya boleh menyebabkan Kerajaan menanggung risiko sekiranya berlaku kemalangan di tapak projek. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *Pihak PKD Baling telah mengambil kira keperluan penyediaan insurans oleh kontraktor di dalam spesifikasi kerja yang disediakan namun telah terlepas pandang untuk memantau Nota Liputan (Coverage Note) dan resit bayaran premium dikemukakan oleh kontraktor. Hasil semakan semula oleh PKD mendapati kontraktor telah menyediakan insurans seperti dikehendaki tetapi tidak mengemukakannya sebelum kerja tersebut dimulakan. Pihak PKK Tuaran, PKD Bachok dan PKD Tumpat mengakui akan kesilapan ini dan keperluan insurans akan dimasukkan dalam senarai semak dokumen sebutharga atau surat tawaran kepada kontraktor.*	Manakala PKK Tuaran, PKD Bachok dan PKD Tumpat mengakui akan kesilapan tidak memasukkan keperluan insurans dalam senarai semak dokumen sebutharga atau surat tawaran kepada kontraktor. Namun begitu, pihak PKD telah menetapkan syarat supaya kontraktor memantau projek selama 6 bulan selepas penyerahan projek termasuk pembaikan bagi menjamin kepentingan Kerajaan dipelihara. Sebagai tindakan penambahbaikan, PKD Baling akan memastikan kontraktor bagi setiap projek yang mempunyai kos insurans mengemukakan Nota Liputan (*Coverage Note*) sebelum projek dilaksanakan. Bagi PKK Tuaran, PKD Bachok dan PKD Tumpat, tindakan telah diambil untuk memastikan keperluan menyediakan insurans dinyatakan dalam dokumen sebut harga atau surat tawaran kepada kontraktor bagi projek tahun 2012. Pihak PKD juga telah meminta supaya pihak kontraktor mengemukakan dokumen perlindungan insurans bagi kontrak-kontrak yang telah ditandatangani. Selain itu, pihak PKD juga akan menyenaraihitamkan kontraktor yang gagal mengemukakan Nota Liputan (*Coverage Note*) seperti yang dikehendaki.
13.5.2.3.a.i	**Pengurusan Pembayaran - Perakuan Siap Kerja** Arahan Perbendaharaan 99 (e) (ii) mengenai perakuan kesempurnaan bekalan, perkhidmatan atau kerja menetapkan bayaran kemajuan hendaklah diperakukan mengikut nilai kerja setakat mana ia telah dilaksanakan atau nilai sebenar bahan yang dibekalkan. Mengikut Manual Program BAKAS, sebaik sahaja projek bekalan air disiapkan, pegawai yang bertanggungjawab perlu mengesah dan memperakui kerja tersebut dengan melengkapkan Borang Pengesahan Penerimaan Sementara Projek (Borang BALB 2/2011). Tanggungjawab ini biasanya dilakukan oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29. Semakan Audit mendapati PKD Baling telah membayar sejumlah RM180,000 kepada kontraktor untuk projek GFS melalui baucar bayaran B0757 bertarikh 27 Jun 2012 dan perakuan siap kerja seperti dicatatkan dalam Pesanan Rasmi Kerajaan telah dibuat pada 16 Jun 2012. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Borang BALB 2/2011 hanya diperakukan pada 23 Julai 2012. Ini adalah bertentangan dengan peraturan kewangan di mana pembayaran tersebut telah dibuat 37 hari lebih awal berbanding tarikh sebenar	Pihak PKD telah membayar sejumlah RM180,000.00 kepada kontraktor pada 27 Jun 2012 untuk projek GFS setelah projek berkenaan siap dan dibayar berdasarkan perincian kerja seperti yang ditetapkan di mana perakuan kerja siap telah dibuat di Pesanan Rasmi Kerajaan pada 16 Jun 2012. Walau bagaimanapun, pihak PKD telah memulangkan semula gambar-gambar yang dihantar kontraktor kerana tidak berpuashati dengan kualiti gambar yang telah dikemukakan berkenaan. Borang BALB 2/2011 hanya diperaku pada 23 Julai 2012 iaitu selepas gambar baru dikemukakan semula. Walaupun perakuan pada Borang BALB 2/2011 lewat dibuat, projek sebenarnya telah siap semasa bayaran dibuat. Sebagai tindakan penambahbaikan, penyediaan perincian kerja

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	projek berkenaan siap sepenuhnya.	penyediaan gambar di dalam sebutharga tidak akan dimasukkan dalam projek berikutnya. Gambar sebelum, semasa dan selepas projek akan diambil oleh PPKP (BAKAS).
13.5.2.3.a.ii	Semakan Audit di PKD Bandar Baharu dan PKK Tuaran mendapati tarikh bekalan/perakuan siap kerja tidak dicatatkan dalam Pesanan Rasmi Kerajaan melibatkan 21 baucar bayaran berjumlah RM228,379. Bagi PKD Bandar Baharu, projek GFS dilaksanakan secara gotong royong dan Pesanan Rasmi Kerajaan dikeluarkan secara berasingan bagi perolehan bekalan/kerja yang diperlukan. Ketiadaan tarikh bekalan/perakuan siap kerja dalam Pesanan Rasmi Kerajaan menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada bekalan/perolehan telah disempurnakan sebelum bayaran dibuat. Bagi 5 projek GFS di PKK Tuaran, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh siap sebenar kerja kerana selain perakuan siap kerja yang tidak dicatatkan dalam Pesanan Rasmi Kerajaan, Borang BALB 2/2011 juga tidak diguna pakai. Pada pendapat Audit, PKD perlu memastikan pembayaran yang dibuat kepada kontraktor adalah setara dengan nilai kemajuan kerja yang dilaksanakan bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *Pihak PKD Baling telah membayar sejumlah RM180,000 kepada kontraktor pada 27 Jun 2012 untuk projek GFS setelah projek berkenaan siap dan dibayar berdasarkan perincian kerja yang ditetapkan dan perakuan kerja siap telah dibuat di Pesanan Rasmi Kerajaan pada 16 Jun 2012. Walau bagaimanapun, pihak PKD telah memulangkan semula gambar-gambar yang dihantar oleh kontraktor kerana tidak berpuas hati dengan kualiti gambar yang telah dikemukakan berkenaan. Borang BALB 2/2011 hanya diperaku pada 23 Julai 2012 iaitu selepas gambar baru dikemukakan semula. PKD Bandar Baharu dan PKK Tuaran mengakui bahawa tarikh perakuan siap kerja tidak dicatatkan pada Pesanan Rasmi Kerajaan tersebut. Pembayaran dibuat berdasarkan kepada Delivery Order yang diterima daripada pihak pembekal.*	PTJ terlibat mengakui bahawa tarikh perakuan siap kerja tidak dicatatkan pada Pesanan Rasmi Kerajaan tersebut. Pembayaran dibuat berdasarkan kepada *Delivery Order* (DO) yang diterima daripada pihak pembekal. Pembayaran dibuat berdasarkan tarikh pada DO. Sebagai tindakan penambahbaikan, PTJ terlibat akan memastikan tarikh perakuan siap kerja dicatatkan pada Pesanan Rasmi Kerajaan.
13.5.2.4.a.i	**Pelaksanaan Projek - Projek Lewat Siap** Pesanan Rasmi Kerajaan merupakan dokumen yang mengandungi maklumat penting perolehan dan digunakan sebagai arahan rasmi kepada kontraktor untuk melaksanakan pembekalan/kerja. Antara maklumat yang terkandung dalam Pesanan Rasmi Kerajaan ialah skop kerja; spesifikasi kerja; tempoh siap kerja; kuantiti item; harga/kos dan nama kontraktor. Semakan Audit mendapati 2 projek sambungan paip	Kelewatan adalah disebabkan masalah stok besi untuk tangki air yang kurang kerana projek BAKAS telah dijalankan serentak di semua daerah di negeri Kelantan dan masalah permit tebuk jalan yang lewat diterima oleh kontraktor daripada Jabatan Kerja Raya. Kedua-dua kontraktor tersebut telah menghantar surat

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	PBAN di PKD Tumpat telah lewat disiapkan antara 16 hingga 41 hari dari tarikh penyiapan yang ditetapkan dalam Pesanan Rasmi Kerajaan. PKD Tumpat didapati telah menetapkan syarat berhubung denda lewat yang boleh dikenakan kepada kontraktor dalam surat tawaran yang dikeluarkan iaitu pada kadar 0.066% atau bersamaan RM20.60 sehari. Bagaimanapun, pihak Audit tidak menemui bukti yang menunjukkan denda telah dikenakan dan dikutip daripada kontraktor atas kelewatan tersebut.	permohonan pelanjutan tempoh siap projek. Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga PKD Tumpat telah bersetuju untuk melanjut tempoh siapkerja memandangkan perkara tersebut di luar kawalan kontraktor. Perkara ini hanya dimaklumkan kepada kontraktor melalui telefon.
13.5.2.4.a.ii	Di PKD Baling, PKD Bandar Baharu dan PKK Tuaran, pihak Audit mendapati 1 projek GFS, sebanyak 5 projek sambungan paip PBAN dan satu projek STAH telah lewat disiapkan antara 20 hingga 194 hari dari tarikh yang ditetapkan. Bagaimanapun, tiada syarat/klausa berhubung denda dimasukkan di dalam dokumen sebut harga atau surat tawaran kepada kontraktor. Keadaan ini menyebabkan denda tidak dapat dikenakan kepada kontraktor atas kelewatan mereka menyiapkan projek. Pada pendapat Audit, denda kelewatan perlu dikenakan sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Tindakan penyeragaman perlu diambil untuk memastikan setiap PKD/PKK memasukkan syarat/klausa denda ini di dalam spesifikasi/surat tawaran kepada kontraktor. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *Kelewatan ini disebabkan masalah stok besi untuk tangki air yang kurang disebabkan oleh projek BAKAS yang dijalankan serentak di semua daerah di negeri Kelantan dan masalah permit tebuk jalan yang lewat diterima oleh kontraktor daripada Jabatan Kerja Raya. Kedua-dua kontraktor tersebut telah menghantar surat permohonan pelanjutan tempoh siap projek. Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga PKD Tumpat telah bersetuju untuk melanjut tempoh siapkerja memandangkan perkara tersebut di luar kawalan kontraktor. Perkara ini telah dimaklumkan kepada kontraktor melalui telefon. PKK Tuaran, PKD Bandar Baharu dan Baling tidak mengenakan denda di atas kelewatan kerana syarat denda tidak dinyatakan dalam surat tawaran. Merujuk kepada SPP Bil. 5/2009, tidak dinyatakan prosedur yang seragam dan tetap tentang denda kelewatan kepada kontraktor di atas kegagalan menyiapkan kerja dalam tempoh ditetapkan. Semua PKD/PKK akan menambahkan klausa denda dalam dokumen sebutharga/surat tawaran.*	Pihak PKD tidak mengenakan sebarang denda ke atas kelewatan projek kerana perkara ini tidak dicatatkan di dalam dokumen sebut harga atau surat tawaran kepada kontraktor. Merujuk kepada SPP 5/2009, tidak dinyatakan prosedur yang seragam dan tetap tentang denda kelewatan kepada kontraktor di atas kegagalan menyiapkan kerja dalam tempoh ditetapkan. (bagi projek yang dilaksanakan secara sebut harga). Sebagai tindakan penambahbaikan, PTJ terlibat akan menambahkan klausa denda di dalam dokumen surat tawaran dan dokumen sebutharga kepada kontraktor.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.4.b.i	**Kualiti Kerja** Jabatan Kesihatan Negeri telah membuat perolehan pam air elektrik PEDROLLO Model CP 158c/w 0.75kw (1HP) bernilai RM895 seunit melalui baucar bayaran B0883 bertarikh 26 April 2012 untuk kegunaan projek TTSR. Projek ini dibuat secara gotong-royong dan pihak PKD Baling hanya membekalkan bahan binaan bagi projek tersebut. Bagaimanapun, semakan lanjut terhadap 2 projek TTSR mendapati tiada bumbung/penutup khas dibina oleh pihak PKD Baling untuk melindungi pam air elektrik daripada terdedah kepada cuaca. Pihak Audit dimaklumkan keperluan penyediaan bumbung/ penutup berkenaan tidak dimasukkan sebagai sebahagian daripada projek kerana penyediaan bumbung adalah tanggungjawab penerima bantuan. Bagaimanapun di PKD Bachok dan Tumpat, pihak Audit mendapati pam air elektrik yang dibeli telah dilengkapi dengan penutup. Selain itu, didapati air bertakung di apron tangki simpanan air di Kampung Teluk Sanau, Baling bagi projek GFS yang dilaksanakan.	Bagi projek telaga terkawal, kos yang diluluskan adalah RM1,500 untuk sebuah projek telaga melibatkan pam elektrik, *stand pam, casing, apron, foot valve* dan paip. Pembinaan rumah pam boleh menyebabkan kos melebihi norma yang ditetapkan. Oleh itu, pihak PKD telah menyaran penerima telaga untuk membina rumah pam untuk melindungi pam. Bagi projek GFS Teluk Sanau, kewujudan air bertakung disebabkan hujan di sebelah malam sebelum lawatan audit. Untuk makluman, lubang resapan bagi tujuan resapan air hujan juga telah dibina pada apron tangki simpanan air.
13.5.2.4.b.ii	Manual Program BAKAS mengenai Kemudahan Bekalan Air - Sambungan Paip menetapkan *stand meter slab* perlu dibina bagi memperkukuhkan kedudukan meter air dan saiz yang dicadangkan untuk *slab* ialah 2' x 1'. Hasil pemeriksaan Audit di Kg. Bukit Tok Gula, Bandar Baharu mendapati *slab* meter air bagi projek sambungan paip tidak dibuat dengan sempurna menyebabkan meter air berkenaan condong. Di PKD Bachok, terdapat 6 *stand meter* yang tidak disediakan *slab* atau tapak konkrit seperti yang ditetapkan dalam spesifikasi kerja. Manakala di PKD Tumpat, didapati *slab* tidak dimasukkan di dalam skop kerja sambungan paip bagi tahun 2010 dan 2011. Selanjutnya di Kg. Sangkir, Kota Belud, Tuaran, pihak Audit mendapati *elbow* tidak dipasang pada saluran air bagi projek STAH. Manakala di PKD Tumpat, didapati tangki simpanan air berkapasiti 150 gelen yang disediakan bagi projek TTSR di Kg. Raja Geting telah melendut.	Meter air seperti yang ditegur oleh pihak audit condong disebabkan tidak terdapat spesifikasi kerja untuk membina *slab* atau tapak konkrit pada meter air pada tahun 2011. Manual BAKAS yang diedarkan pada tahun 2011 telah menetapkan agar *slab* bagi *standmeter* dimasukkan dalam skop kerja projek sambungan itu. Sehubungan itu, pada tahun 2012, skop berkenaan telah dimasukkan ke dalam sebutharga. Bagi projek sebelum tahun 2012 yang telah dilawati oleh audit, skop kerja membekal dan memasang pelapik kayu tidak dimasukkan ke dalam sebutharga kerana Manual BAKAS belum diedarkan. Ini menyebabkan tangki simpanan air berkapasiti 150 gelen yang disediakan bagi projek TTSR di Kampung Raja Geting telah melendut. Walau bagaimanapun, bermula tahun 2012 kontraktor dikehendaki memasang pelapik kayu bagi ke semua projek sambungan AKSB. Sebagai tindakan penambahbaikan, semua projek sambungan paip pada tahun 2012 telah dipertingkatkan kualiti. Penyediaan *slab* telah dimasukkan ke dalam spesifikasi kerja. Semua sambungan paip yang dijalankan oleh kontraktor mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Tindakan juga telah diambil di mana *elbow* telah dipasang pada saluran air bagi projek STAH Kampung Sangkir, Kota Belud,

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Tuaran. Selain itu, kesemua projek yang yang dibangkitkan di PKD Bachok telah dilawat semula dan didapati kesemua 6 projek telah dipasang/dibina *slab* bagi *standmeter* air projek sambungan Air AKSB.
13.5.2.4.b.iii	Manual Program BAKAS mengenai pembinaan tandas curah menetapkan lubang tandas hendaklah digali dengan ukuran garis pusat 0.75 meter x 2.7 meter tinggi yang menggunakan gegelung konkrit berserta penutup. Lawatan Audit mendapati lubang najis/gegelung konkrit berserta penutup bagi projek tandas curah di Kg. Dudar Laut, Kota Belud tidak disediakan kerana item berkenaan tidak dimasukkan di dalam spesifikasi kerja. Pada pendapat Audit, PKD/PKK perlu menjalankan pemantauan semasa pelaksanaan projek supaya kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor berkualiti. Selain itu, setiap PKD juga perlu memasukkan keperluan untuk membekalkan pam air elektrik yang dilengkapi bumbung khas/penutup pam air elektrik bagi memastikan jangka hayat pam yang lebih lama. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *Bagi projek GFS Teluk Sanau, kewujudan air bertakung disebabkan hujan di sebelah malam sebelum lawatan audit. Lubang resapan bagi tujuan resapan air hujan juga telah dibina pada apron tangki simpanan air. Bagi projek telaga terkawal, kelulusan kos diberikan adalah RM1,500 untuk sebuah projek telaga melibatkan pam elektrik, stand pam, casing, apron, foot valve dan paip. Pembinaan rumah pam boleh menyebabkan kos melebihi norma yang ditetapkan. Pihak PKD juga telah menyarankan penerima telaga untuk membina rumah pam bagi melindungi pam. Meter air yang ditegur oleh pihak Audit condong disebabkan tidak terdapat spesifikasi kerja untuk membina slab atau tapak konkrit pada meter air pada tahun 2011, namun pada tahun 2012, skop kerja berkenaan telah dimasukkan ke dalam sebutharga. Kesemua projek yang dibangkitkan di PKD Bachok telah dilawat semula dan didapati kesemua 6 projek telah dipasang/dibina slab bagi stand meter air Projek Sambungan Paip PBAN [Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB)]. Bagi projek sebelum tahun 2012 yang telah dilawati oleh Audit sebelum ini, skop kerja membekal dan memasang pelapik kayu tidak dimasukkan ke dalam sebutharga kerana Manual BAKAS belum diedarkan. Ini menyebabkan tangki simpanan air berkapasiti 150 gelen yang disediakan bagi projek TTSR di Kg. Raja Geting telah melendut. Bagaimanapun bermula tahun 2012, kontraktor dikehendaki memasang pelapik kayu bagi kesemua projek sambungan paip AKSB. Pihak PKK Tuaran memaklumkan elbow bagi projek STAH dan penutup najis telah dipasang.*	Gegelung konkrit berserta penutup bagi projek tandas curah di Kampung Dudar Laut, Kota Belud tidak disediakan kerana item berkenaan tidak dimasukkan di dalam spesifikasi kerja. Tindakan telah diambil di mana penutup najis telah dipasang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.4.c	**Sistem Simpanan Tangki Bawah** Pihak Berkuasa Air Negeri Kelantan iaitu Air Kelantan Sdn. Bhd. telah menasihatkan supaya sistem simpanan tangki bawah disediakan bagi mengelakkan masalah bekalan air terputus kepada penerima bantuan sambungan paip air. Sehubungan itu, JKN Kelantan telah meluluskan spesifikasi yang mengambil kira keperluan sistem simpanan tangki bawah yang berkapasiti 150 gelen. Lawatan fizikal terhadap projek sambungan paip seliaan PKD Bachok dan PKD Tumpat mendapati 7 gegelung konkrit yang ditutup dengan simen mortar telah digunakan untuk membina sistem simpanan tangki bawah bagi tahun 2010. Bagaimanapun bagi tahun 2011 dan 2012, kerangka sistem simpanan tangki bawah telah dibina dengan menggunakan *galvanized iron (G.I) pipe 1 ½" Class B* dan tapak konkrit. Pihak Audit mendapati *bolts, nuts*, tiang, pelapik tangki dan tapak kerangka sistem simpanan tangki bawah dari jenis *G.I pipe 1 ½" Class B* telah berkarat. Antara punca karat ialah lokasi rumah penerima bantuan yang berdekatan dengan laut. Pada pendapat Audit, penggunaan kerangka bagi sistem simpanan tangki bawah perlu mengambil kira faktor muka bumi di mana penggunaan besi tidak sesuai di tempat yang berdekatan dengan laut kerana ia akan menyebabkan besi cepat berkarat. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *Bermula tahun 2012, pihak PKD telah menukar spesifikasi tiang tangki ke jenis Class B Galvanised Iron yang mana ianya tahan karat. Bagi kes di Kg. Pulau Belongan, tiang yang berkarat telah dicat semula dengan cat antikarat warna hitam di samping semburan minyak antikarat.*	Projek-projek sambungan AKSB sebelum tahun 2012 telah menggunakan tiang tangki dari jenis *Blackpipe* yang mana ianya memang kurang sesuai di kawasan berdekatan pantai menyebabkan besi berkenaan cepat berkarat. Untuk makluman, semasa penyerahan projek, setiap penerima telah dimaklumkan untuk menyapu cat antikarat apabila tiang tangki berkarat. Sebagai tindakan penambahbaikan, PKD Tumpat telah menukar spesifikasi tiang tangki ke jenis *Class B Galvanised Iron* yang mana ianya tahan karat bermula pada tahun 2012. Bagi kes di Kg. Pulau Belongan, tiang yang berkarat telah dicat semula dengan cat antikarat warna hitam di samping semburan minyak antikarat.
13.5.2.4.d.i	**Ujian Kualiti Air** Manual Program BAKAS mengenai Senarai Semak Pelaksanaan Projek Telaga Terkawal (TT)/Telaga Terkawal Sambungan Ke Rumah (TTSR) menetapkan tinjauan awal perlu dilakukan dengan menjalankan penyiasatan di tapak mengenai jenis tanah, risiko pencemaran, cadangan lokasi perigi dan bekalan elektrik. Ujian kuantiti dan kualiti air perlu dibuat semasa projek dilaksanakan manakala persampelan air dibuat 2 kali setahun bagi memantau kualiti air yang digunakan. Selain itu, pihak Audit juga dimaklumkan bahawa ujian kualiti air dibuat selepas berlakunya banjir. Berdasarkan sampel yang disemak, pihak Audit mendapati ujian kualiti air tidak dijalankan sepertimana kehendak Manual Program BAKAS. Butirannya seperti berikut:	Tiada ujian kualiti air dijalankan terhadap sumber air sebelum projek dilaksanakan kerana projek TTSR di Kampung Tepus ini melibatkan pembinaan telaga tiub yang merupakan satu punca air baru. Setelah telaga berkenaan siap barulah ujian kualiti air dapat dibuat daripada air telaga tersebut. Sekiranya ujian kualiti air dibuat sebelum projek dilaksanakan, sampel perlu diambil dari punca air yang lain yang tidak mewakili projek TTSR tersebut. Di PKD Tumpat, persampelan air akan dibuat berdasarkan keutamaan semasa sama ada kawasan berkenaan merupakan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Di PKD Bachok, ujian kualiti air bagi projek TTSR di Kg. Tepus telah dibuat pada 24 November 2011 iaitu setelah projek dilaksanakan. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan ujian kualiti air dijalankan terhadap sumber air yang digunakan oleh penerima sebelum projek dilaksanakan;	kawasan wabak, kawasan berisiko wabak atau rumah kes/pengendali makanan berisiko. Persampelan air bagi telaga di Kampung Tujoh dan Kampung Raja Geting telah diambil pada 9 Mei 2013 dan dihantar ke MKA Perol untuk dianalisa. Manakala itu, PKD Baling telah menetapkan lokasi telaga yang berlainan untuk diuji persampelan air telaga setiap tahun. Bagi ujian persampelan air selepas berlakunya banjir, ianya tidak dilaksanakan kerana kawasan telaga terkawal yang terdapat di daerah ini tidak pernah terlibat dengan kejadian banjir.
13.5.2.4.d.ii	Tiada bukti menunjukkan ujian kualiti air dijalankan di PKD Tumpat dan PKD Baling masing-masing melibatkan 2 kampung, sebelum dan selepas projek TTSR dilaksanakan.	
13.5.2.4.d.iii	Tiada bukti ujian kualiti air selepas berlakunya kejadian banjir dilaksanakan di PKD Bachok, PKD Tumpat dan PKD Baling. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *Tiada ujian kualiti air dijalankan terhadap sumber air sebelum projek dilaksanakan kerana projek TTSR di Kg. Tepus ini melibatkan pembinaan telaga tiub yang merupakan satu punca air baru. Setelah telaga berkenaan siap barulah ujian kualiti air dapat dibuat daripada air telaga tersebut. Sekiranya ujian kualiti air dibuat sebelum projek dilaksanakan, sampel perlu diambil dari punca air yang lain yang tidak mewakili projek TTSR tersebut. Persampelan air di PKD Tumpat bagi telaga di Kg. Tujoh dan Kg. Raja Geting telah diambil pada 9 Mei 2013 dan dihantar ke MKA Perol untuk dianalisis. PKD Baling pula telah menetapkan lokasi telaga yang berlainan untuk diuji persampelan air telaga setiap tahun. Bagi ujian persampelan air selepas berlakunya banjir, ianya tidak dilaksanakan kerana kawasan telaga terkawal yang terdapat di daerah ini tidak pernah terlibat dengan kejadian banjir.* Pada pendapat Audit, ujian kualiti air perlu dibuat sebagai salah satu kaedah pengukuran risiko pencemaran. Ujian kualiti air perlu dibuat sebelum dan selepas projek dilaksanakan serta secara berkala khususnya selepas berlakunya banjir bagi menentukan objektif program BAKAS iaitu mencegah dan mengawal penyakit berjangkit bawaan air dapat dicapai. Maklumat mengenai ujian tersebut hendaklah direkodkan dengan sempurna untuk rujukan.	
13.5.2.5.a	**Pengurusan Stor** Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menetapkan peraturan berhubung pengurusan stor. Antaranya ialah barangan yang mahal dan boleh dibeli di pasaran tempatan tidak perlu di stok (disimpan) kecuali jika terdesak; kad petak disimpan bersama stok; stor mempunyai susun atur yang sistematik dan praktik untuk membolehkan aktiviti pengurusan stor berjalan dengan lancar; ruang simpanan digunakan secara optimum dan stor disusun dengan teratur supaya tidak	PKD Tumpat telah membeli 62 unit pam air tersebut untuk dijadikan stok sekiranya berlaku kes atau kejadian wabak yang berkaitan dengan air. Namun begitu, tiada projek TTSR yang dilaksanakan pada tahun 2012 dan baki pam yang ada di Unit BAKAS ini akan digunakan untuk Projek TTSR (Telaga Tiub Sambungan Rumah) yang dirancang sebanyak 30 projek pada

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	menghalang kerja pemunggahan oleh kakitangan. Mulai bulan Ogos 2012, semua stor BAKAS telah dikelaskan sebagai Stor Utama. Semakan Audit terhadap pengurusan stor BAKAS mendapati perkara seperti berikut:- PKD Tumpat membuat perolehan 62 unit pam air elektrik Panasonic model A-125 berjumlah RM23,560. Bekalan telah diterima pada 14 Jun 2011 dan bayaran dibuat melalui baucar bayaran B1282 bertarikh 27 Jun 2011. Berdasarkan pemeriksaan fizikal pada 30 Januari 2013, didapati 20 unit pam air masih belum digunakan walaupun tempoh jaminan telah tamat pada 13 Jun 2012. Pihak Audit juga tidak menemui bukti yang menunjukkan pemeriksaan tahunan stor dilakukan dan Laporan Kedudukan Stok (KEW.PS-13) disediakan bagi tahun 2012 kerana tiada laporan dikemukakan untuk semakan Audit. Selain itu, didapati barang stor seperti *pipe fittings* tidak disimpan dengan sempurna dan tiada bukti ia direkodkan dalam KEW 314 atau KEW.PS-4.	tahun ini. Manakala baki pam air terkurang sebanyak 3 unit berbanding baki di KEW 314 adalah disebabkan rekod keluar bagi 3 unit pam air berkenaan iaitu pada (07.01.2013), (11.01.2013) dan (15.01.2013) untuk gantian bagi projek TTSR tidak direkodkan. Namun begitu, ianya telah telah direkodkan ke dalam KEW 314. Sebagai tindakan penambahbaikan, pihak PKD telah menghantar surat permohonan untuk melanjutkan tempoh jaminan kepada pembekal bagi baki 20 unit pam air elektrik Panasonic model A-125 yang masih belum digunakan. Pihak PKD juga telah mengambil tindakan mengemaskini rekod KEW 314. Selain itu, pegawai yang terlibat menguruskan stor juga telah menghadiri Kursus Pengurusan Stor di JKN Kelantan pada bulan April 2013. Bagi *Pipe fittings* yang tidak disimpan dengan sempurna dan berselerak, ianya telah dikira semula dan dialih ke bahagian lain.
13.5.2.5.b.i	Lawatan Audit pada 28 Februari 2013 di stor BAKAS PKD Bachok mendapati stor ini mempunyai 80 item pelbagai alat bernilai RM115,416. Pemeriksaan lanjut mendapati perkara seperti berikut:- *Poly tank 150 gallon* berserta penutup dan paip HDPE diletakkan di luar bilik stor dan tidak disimpan dengan teratur. Manakala baki *poly tank 150 gallon* berserta penutup di KEW.314 berbeza dengan baki fizikal masing-masing sebanyak 11 dan 23 unit.	Baki *poly tank 150 gallon* berbeza dengan baki fizikal disebabkan tangki-tangki yang diedarkan untuk kegunaan KK dan KD seluruh Bachok semasa berlaku krisis air pada tahun 2011 dan awal 2012 telah dipulangkan kembali. Ianya telah diletakkan berasingan dengan tempat penyimpanan tangki utama. Namun begitu, semasa kehadiran pihak audit, bilangan ini telah dikira bersama stok asal. 11 buah tangki *poly tank* ini akan digunakan dalam projek TTSR tahun 2013. Bagi isu beberapa item stok lambat atau tidak bergerak, perkara ini berlaku disebabkan lebihan stok *fitting* dari jenis G.I. di dalam stor. Pembelian stok baru pada tahun 2009 tidak mengambil kira pertukaran penggunaan paip G.I. kepada penggunaan *poly pipe* atau HDPE yang digunakan dalam pembinaan projek tambahan tahun 2010, 2011 dan 2012 menyebabkan stok paip dan *fitting* dari jenis G.I. yang dibeli langsung tidak digunakan. Sebagai tindakan penambahbaikan, pihak PKD telah mengambil tindakan di mana stor yang tidak kemas dan tidak teratur, bersawang dan di serang anai-anai telah dibersihkan dan disusun dengan kemas.
13.5.2.5.b.ii	Keadaan bilik stor tersebut tidak kemas dan tidak teratur. Sebagai contoh, *pipe fittings* dibiarkan berselerak dan bertaburan. Selain itu, stor tersebut juga diserang anai-anai.	
13.5.2.5.b.iii	Verifikasi stok telah dilaksanakan pada 27 November 2012 dan didapati 35 item stok yang bernilai RM24,046 tidak bergerak sejak tahun 2002. Pada pendapat Audit, pihak pengurusan/Ketua Jabatan di setiap PKD perlu menjalankan pemeriksaan stor secara berkala bagi memastikan tatacara penyimpanan stok dipatuhi dan menjamin keselamatan stor. Bagi stok yang telah lama tidak bergerak, tindakan sewajarnya perlu diambil sama ada menggunakannya atau mengagihkannya kepada jabatan lain yang memerlukan atau melupuskannya.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013 *PKD Tumpat telah membeli pam air elektrik untuk dijadikan stok sekiranya berlaku kes atau kejadian wabak yang berkaitan dengan air. Namun begitu, tiada projek TTSR yang dilaksanakan pada tahun 2012 dan baki enjin yang ada di Unit BAKAS ini akan digunakan untuk Projek TTSR pada tahun ini yang dirancang sebanyak 30 projek. Pihak PKD telah menghantar surat permohonan untuk melanjutkan tempoh jaminan kepada pembekal. Bagi pipe fittings yang tidak disimpan dengan sempurna dan berselerak, ianya telah dikira semula dan dialih ke bahagian lain. Baki poly tank 150 gallon yang berbeza dengan baki fizikal adalah disebabkan tangki-tangki yang diedarkan untuk kegunaan Klinik Kesihatan dan Klinik Desa seluruh Bachok semasa berlaku krisis air pada tahun 2011 dan awal tahun 2012 telah dipulangkan kembali serta diletakkan berasingan dengan tempat penyimpanan tangki utama. Kesemua tangki poly tank berkenaan akan digunakan dalam projek TTSR tahun 2013. Stok tidak bergerak berlaku kerana pembelian stok baru 2009 tidak mengambil kira pertukaran penggunaan paip G.I. kepada penggunaan poly pipe atau HDPE di mana poly pipe atau HDPE telah digunakan dalam pembinaan projek tambahan tahun 2010, 2011 dan 2012. Ini menyebabkan stok paip dan fitting dari jenis G.I. yang dibeli langsung tidak digunakan. Pihak PKD Bachok juga akan membuat pengiraan semula serta penyusunan stok barang dalam stor dan mengenalpasti item yang tidak akan digunakan lagi untuk ditawarkan ke daerah lain yang memerlukan.*	Selain itu, stok *fitting* dari jenis G.I yang tidak bergerak akan dimasukkan dalam projek TTSR tahun 2013 yang dilaksanakan secara gotong-royong. Pihak PKD juga telah membuat pemeriksaan semula serta penyusunan stok barang-barang dalam stor dan mengenalpasti item-item yang tidak akan digunakan lagi pada 29 Mei 2013. Item-item yang tidak dapat digunakan ini akan ditawarkan ke daerah yang memerlukan untuk projek-projek BAKAS. Pemeriksaan semula stok tersebut mendapati *poly tank 150 gallon* berserta penutup berbaki 95 unit pada 29 Mei 2013 sama seperti baki di dalam Kad Kew-PS-4. KKM juga semasa sesi lawatan kepada semua negeri dan daerah sentiasa menekankan mengenai Tatacara Pengurusan Stor. Satu taklimat khas berkenaan perkara ini telah diberikan dan diterangkan kepada semua anggota BAKAS semasa sesi lawatan tersebut.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Perenggan 14 : Pengurusan Aktiviti Pendidikan Kesihatan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.4.1.3.a	**Keberkesanan Aktiviti** Bagi memastikan keberkesanan program pendidikan kesihatan, pihak KKM atau melalui syarikat yang dilantik telah menjalankan kaji selidik terhadap golongan sasar. Daripada empat kempen kesedaran yang diaudit penilaian keberkesanan kempen telah dijalankan terhadap 2 kempen iaitu Anti Merokok dan Program Sihat Tanpa AIDS Untuk Remaja (PROSTAR). Selain bertanggung jawab menyediakan bahan kempen media Tak Nak Merokok, Syarikat Spencer Azizul Sdn. Bhd. yang dilantik secara rundingan terus juga bertanggung jawab membuat penilaian keberkesanan kempen tersebut. Borang soal selidik berkaitan telah diedarkan kepada seramai 1,926 golongan sasar yang terdiri daripada perokok dan bukan perokok. Mengikut laporan bertarikh 28 Mac 2011 yang dikeluarkan oleh syarikat berkenaan didapati objektif keseluruhan kempen telah dicapai berdasarkan sub-objektif yang ditentukan.	Kejadian penyakit tidak berjangkit atau *Non Communicable Diseases* (NCD) terus meningkat disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut: • Pengetahuan; • Kepercayaan; • Persekitaran; • Amalan gaya hidup; • Keturunan; • Sosio ekonomi; • Pengaruh keluarga; dan • Budaya masyarakat. Inisiatif mendidik masyarakat melalui aktiviti pendidikan kesihatan perlu diteruskan bagi mengurangkan kadar peningkatan NCD. Kadar peningkatan akan menjadi lebih besar jika tiada langsung usaha-usaha pendidikan kesihatan dilaksanakan dalam menangani NCD. Oleh itu, kempen media mendidik masyarakat masih perlu diteruskan bagi tujuan:- • Advokasi – supaya rakyat sedar tentang penyakit tidak berjangkit dan amalan gaya hidup sihat adalah penting. Perkara ini sentiasa diberi penekanan oleh kerajaan; • Memberikan visibiliti akan usaha kerajaan; • Peringatan berterusan supaya rakyat sentiasa sedar, berwaspada dan mengambil tindakan sewajarnya; • Pemerkasaan rakyat untuk kesihatan; dan • Kesungguhan kerajaan membina generasi sihat di masa hadapan.
14.4.1.3.b	Bagi Program PROSTAR, KKM pada tahun 2012 telah menjalankan tinjauan pengetahuan asas berkaitan AIDS/HIV kepada golongan remaja berumur antara 15 hingga 24 tahun. Berdasarkan hasil tinjauan tersebut didapati pencapaian pengetahuan asas golongan remaja melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 26.8% berbanding sasaran 24.6%.	
14.4.1.3.c	Mengikut *Health Indicators* Pusat Informatik Kesihatan KKM, bilangan pesakit NCD discaj daripada hospital kerajaan menunjukkan pola yang meningkat iaitu daripada 189,740 pesakit pada tahun 2010 kepada 202,258 pesakit pada tahun 2011 atau 6.6%. Pada pendapat Audit, KKM perlu mengkaji semula keberkesanan program pendidikan kesihatan yang dijalankan kerana peningkatan yang berterusan pesakit NCD. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013 *KKM dalam maklum balas menyatakan kejadian penyakit NCD terus meningkat*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	akibat pelbagai faktor. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada kejadian penyakit ini ialah pengetahuan, kepercayaan, persekitaran, amalan gaya hidup, keturunan, sosio-ekonomi, pengaruh keluarga, budaya, norma masyarakat dan dasar-dasar yang berkaitan. Inisiatif mendidik masyarakat melalui aktiviti pendidikan kesihatan perlu diteruskan bagi mengurangkan kadar peningkatan NCD. Kadar peningkatan akan menjadi lebih besar jika tiada langsung usaha-usaha pendidikan kesihatan dilaksanakan. Bahagian Pendidikan Kesihatan telah membuat penambahbaikan terhadap kempen seperti menggunakan pendekatan yang boleh membangkitkan emosi yang seterusnya mencetuskan minat untuk bertindak; menggunakan gabungan media baru dan media konvensional; menyediakan infoline berhenti merokok, pusat membina kemahiran; penglibatan secara langsung kumpulan sasar melalui program outreach seperti carnival; dan portal interaktif dan media sosial dapat menembusi kumpulan sasar dengan cepat dan personal.	Bagi menilai keberkesanan kempen media, indikator yang sesuai lebih sesuai digunakan adalah:- • *Exposure* - Peratus kumpulan yang terdedah kepada mesej; • *Recall* - Peratus kumpulan sasar dapat mengingat semula mesej kempen; • *Comprehension* - Peratus kumpulan yang memahami mesej; dan • *Intention* - Peratus kumpulan sasar yang berhasrat telah mengambil tindakan yang disarankan. *Prevalen* penyakit dan kemasukan hospital bukanlah indikator terbaik untuk menilai keberkesanan kempen media. Beberapa tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti pendidikan kesihatan iaitu:- • Pendekatan – Menggunakan pendekatan yang boleh membangkitkan emosi yang seterusnya mencetuskan minat untuk bertindak • Saluran – menggunakan gabungan media baru dan media konvensional. • Perkhidmatan – Menyediakan infoline berhenti merokok, pusat membina kemahiran • Strategi – penglibatan secara langsung kumpulan sasar melalui program outreach seperti karnival • ICT – Portal interaktif dan media sosial dapat menembusi kumpulan sasar dengan cepat dan *personal*.
14.4.2	**Perjawatan** Sehingga Disember 2012 sebanyak 234 jawatan Pegawai Penerangan (Pendidikan Kesihatan) telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut 179 telah diisi dan 55 jawatan (23.5%) masih kosong. Sementara itu daripada jumlah yang belum diisi, 51 jawatan adalah gred S41. Selain itu, daripada 105 PKD hanya 29 sahaja yang mempunyai Unit Pendidikan Kesihatan manakala daripada 136 hospital, 43 sahaja mempunyai unit tersebut. Di peringkat JKN, PKD dan hospital yang dilawati didapati pegawai Gred U32, U29 dan U17 ditempatkan di Unit Promosi Kesihatan. Penempatan pegawai berkenaan adalah secara pentadbiran bagi membantu menjalankan aktiviti promosi/pendidikan kesihatan. Tiada perjawatan khusus seperti diluluskan dalam waran perjawatan bagi gred-gred jawatan berkenaan.	Pada tahun 2012 pengisian tidak dapat dilakukan kerana terdapat 48 jawatan Pegawai Penerangan (Pelajaran Kesihatan) S41 yang telah diperaku mansuh. Tetapi setelah perakuan mansuh dibatalkan pada 11 April 2013, KKM telah memohon kepada SPA untuk mengisi kekosongan jawatan ini melalui *e-pengisian*. Sehingga kini, sebanyak 13 daripada 48 jawatan tersebut telah diisi. KKM sedang berusaha untuk mengisi baki sejumlah 35 kekosongan jawatan berkenaan di mana pihak SPA

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti pendidikan kesihatan, usaha untuk mengisi kekosongan jawatan khususnya gred S41 hendaklah dipergiatkan. Selain itu KKM hendaklah mengkaji keperluan mewujudkan unit pendidikan kesihatan di semua PKD dan hospital. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013 *KKM dalam maklum balas menyatakan Bahagian Sumber Manusia sedang mengusahakan untuk mengisi baki kekosongan jawatan. Ia dijangka akan diisi pada Julai 2013 setelah SPA selesai menguruskan proses pengambilan. Surat kepada Pengarah JKN bagi memohon pindah butiran bagi jawatan U32, U29 dan U17 ke Unit Pendidikan Kesihatan di JKN, PKD dan Hospital.*	menjangkakan pengisian perjawatan ini akan dibuat pada awal tahun 2014. Pada masa ini, setiap PKD dan hospital memang telah mempunyai Unit Pendidikan Kesihatan masing-masing. Namun begitu kebanyakan PKD dan hospital tidak mempunyai perjawatan Pegawai Penerangan (Pelajaran Kesihatan) dan anggota sokongan bagi mengoperasikan perkhidmatan.
14.4.3.1.a	**Promosi Melalui Media - Kontrak Formal Penerbitan Bahan Kempen** Penerbitan bahan kempen media TV dan radio melibatkan cadangan konsep, skrip, papan cerita (story board) dan *voice over* dan kerja-kerja *pre* dan *post production* seperti kesan khas animasi, grafik, muzik latar belakang, *music score* dan artis yang memerlukan kelulusan KKM, manakala pembuatan kempen melalui media cetak seperti akhbar dan majalah melibatkan idea, konsep, ilustrasi, gambar, *layout*/susun atur dan *copywriting*. Bahan kempen media dan *Finished Artwork* media cetak adalah menjadi hak milik harta intelek KKM. Semakan Audit mendapati tiada kontrak formal diikat bagi penerbitan bahan kempen media TV pencegahan Denggi berjudul 'Tindakan Masyarakat' dan 'Sikap Tidak Peduli Masyarakat', Kempen Pencegahan Penyakit Kardiovaskular, Diabetes dan Kanser Paru-paru, Intervensi Faktor Risiko Penyakit NCD dan Kempen HPV dengan kos penerbitan berjumlah RM1.92 juta. Ketiadaan kontrak formal menyebabkan klausa perlindungan hak milik harta intelek tidak dapat dinyatakan. Pada pendapat Audit, kontrak formal bagi penghasilan/penerbitan bahan kempen hendaklah disediakan supaya klausa mengenai perlindungan hak milik harta intelek dapat dinyatakan. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013 *KKM dalam maklum balas menyatakan kontrak formal penerbitan bahan tidak disediakan pada tahun 2010 disebabkan pegawai beranggapan urusan penyediaan kontrak hanya melibatkan urusan perolehan secara Tender yang pernah diuruskan sebelum ini. Kontrak formal telah dibuat bermula pada tahun 2012 sebagai suatu*	Merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2009 (Perubahan Had Nilai dan Tatacara Pengurusan Perolehan Secara Sebut Harga), para 12.2 telah menyatakan bahawa bagi bekalan/perkhidmatan/kerja di mana kontrak formal tidak sesuai, memadai pesanan Kerajaan atau inden kerja saja dikeluarkan. Oleh itu, memandangkan kerja-kerja penerbitan bahan kempen ini merupakan kerja *one-off,* maka kontrak formal tidak disediakan. Walaupun kontrak formal tidak disediakan, tetapi klausa mengenai perlindungan hak milik harta intelek ada dinyatakan dalam spesifikasi kerja yang telah dibuat oleh KKM. Sebagai tindakan penambahbaikan, kontrak formal telah disediakan pada tahun 2012.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mekanisme kawalan dalaman.	
14.4.3.1.b.i	**Kontrak Perjanjian Kempen Media - Kontrak Lewat Ditandatangani** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (SPP Bil. 5/2007) menghendaki kontrak ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak selewat-lewatnya dalam tempoh 4 bulan dari Surat Setuju Terima dikeluarkan. Semakan Audit mendapati 6 kontrak perjanjian kempen media bernilai RM10.42 juta lewat ditandatangani melebihi 40 hari.	Hasil semakan KKM mendapati, kontrak lewat ditandatangani adalah disebabkan perkara-perkara berikut:- • Kontraktor yang lewat mengembalikan kontrak yang telah mereka tandatangani walaupun peringatan telah dibuat; • Kontraktor lewat menyerahkan Bon Pelaksanaan; dan • Kontraktor tidak bersetuju dengan klausa perjanjian telah menyebabkan kontrak lambat ditandatangani. KKM telah mengambil inisiatif lebih awal iaitu dengan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan untuk membenarkan KKM terus menandatangani kontrak sementara menunggu pengesahan daripada pihak bank.
14.4.3.1.b.ii	**Dokumen Kontrak Perjanjian Tidak Lengkap** Mengikut perjanjian, kontraktor hendaklah menerbitkan bahan kempen pendidikan kesihatan berdasarkan spesifikasi yang diperincikan dalam Lampiran A kepada kontrak. Semakan Audit mendapati 9 kontrak perjanjian bernilai RM7.89 juta tidak disertakan dengan Lampiran A yang dimaksudkan. Kegagalan mendokumentasikan lampiran berkaitan boleh menjejaskan ikatan antara Kerajaan dan kontraktor sekiranya berlaku kemungkiran kontrak.	KKM mengakui bahawa dokumen kontrak Perjanjian adalah tidak lengkap. Tindakan telah diambil bagi memastikan Lampiran A disertakan sekali bersama kontrak.
14.4.3.1.b.iii	**Bon Pelaksanaan Tiada Pengesahan Institusi Kewangan** Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, agensi hendaklah menyemak dengan Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans yang berkenaan tentang kesahihan Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh kontraktor. Semakan terhadap sebahagian kontrak tahun 2010 dan 2011 mendapati tiada bukti menunjukkan pengesahan daripada bank atau institusi kewangan terhadap bon pelaksanaan bernilai RM1.06 juta telah dibuat.	Pengesahan bank tentang kesahihan Bon Pelaksanaan tidak dilakukan kerana pada waktu itu KKM dalam usaha untuk mempercepatkan proses tandatangan kontrak dan pelaksanaan perkhidmatan yang melibatkan 20 syarikat. KKM akan memastikan bahawa semua Bon Pelaksanaan dihantar untuk pengesahan Institusi Kewangan.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td>14.4.3.1.b.iv</td><td>Bon Pelaksanaan Lewat Dikemukakan

Menurut Surat Setuju Terima (SST), syarikat yang dilantik bagi perolehan kempen pendidikan kesihatan hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan selewat-lewatnya dalam masa 14 hari selepas tarikh SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati 8 kes bon pelaksanaan lewat dikemukakan antara 41 hingga 154 hari dari tarikh SST dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, KKM hendaklah memperkemas pengurusan dokumen kontrak selaras dengan kehendak SPP Bil. 5/2007 serta memastikan pematuhan terhadap klausa kontrak.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013

KKM akan berusaha mematuhi kehendak SPP Bil. 5/2007 serta memastikan pematuhan terhadap klausa kontrak.</td><td>Kelewatan Bon Pelaksanaan adalah atas sebab-sebab berikut:-

• Terdapat masalah komunikasi di antara pihak pemasaran dan kewangan/akaun dalam syarikat tersebut sehingga membawa kepada kelewatan penyerahan Bon Pelaksanaan;
• Pihak syarikat lewat menerima Bon Pelaksanaan daripada Institusi Kewangan; dan
• Pihak syarikat telah memohon lanjutan serahan Bon Pelaksanaan kerana permohonan Bon Pelaksanaan masih di peringkat Bank.

KKM akan bertindak dengan lebih tegas selaras dengan SPP Bil. 5 Tahun 2007 di mana kesemua syarikat yang mendapat tawaran dimestikan mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh SST.</td></tr>
<tr><td>14.4.3.2.a</td><td>Pemberian Bantuan Kewangan Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisation-NGO) Bagi Program Communication for Behavioural Impact (COMBI) Denggi

Daripada sebanyak 27 NGO di Selangor dan 33 NGO di Johor yang menerima bantuan hanya lima (5) dan empat (4) masing-masing mengemukakan laporan perbelanjaan manakala kesemua 14 NGO di Kelantan tidak mengemukakan laporan perbelanjaan. Laporan perbelanjaan 5 NGO di Selangor tidak disahkan oleh PKD dan 4 NGO di Johor yang mengemukakan laporan aktiviti/perbelanjaan, 2 tidak disahkan oleh PKD yang berkaitan. Pihak Audit difahamkan PKD menghadapi kesukaran mengesan NGO yang telah menerima bantuan.</td><td>Bantuan Kewangan kepada NGO telah diputuskan melalui Mesyuarat Pasca Kabinet pada 6 Oktober 2010 bertujuan untuk menjalankan program COMBI komuniti setempat. Bagi setiap NGO yang diberi bantuan kewangan, NGO berkenaan perlu bertanggungjawab melakukan aktiviti seperti yang ditetapkan dan juga dikehendaki mengemukakan Laporan Perbelanjaan dan Aktiviti dalam format yang disediakan ke KKM.

KKM telah menerima laporan aktiviti/perbelanjaan daripada semua NGO yang terlibat.</td></tr>
<tr><td>14.4.3.2.b</td><td>Daripada 211 NGO yang menerima bantuan kewangan 42 (19.9%) didapati tidak berdaftar dengan JPPM melibatkan bantuan berjumlah RM0.42 juta, manakala 7 NGO (RM0.07 juta) dan 5 (RM0.05 juta) masing-masing berdaftar dengan Pendaftar Belia dan Pesuruhjaya Sukan.

Pada pendapat Audit, satu mekanisme pemantauan yang berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan pemberian bantuan kepada NGO mencapai matlamat yang ditetapkan. Bantuan sepatutnya hanya diberi kepada NGO yang memenuhi kriteria sahaja. NGO yang gagal mengemukakan maklum balas perlulah disusul dan</td><td>Semakan ke atas 54 daripada 211 NGO yang dilaporkan oleh Audit, mendapati kesemua NGO telah berdaftar dengan Pihak Berkuasa tertentu mengikut Akta yang berkaitan, seperti berikut:-

<table><tr><th>Berdaftar Dengan</th><th>Bilangan NGO</th></tr><tr><td>Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)</td><td>3</td></tr><tr><td>Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007</td><td>33</td></tr></table></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td></td>
<td>tindakan sewajarnya diambil.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013

KKM dalam maklum balas menyatakan tindakan susulan secara berterusan melalui surat-surat peringatan kepada NGO yang belum mengemukakan laporan perbelanjaan dan aktiviti supaya mengemukakan laporan perbelanjaan berkenaan serta memberi amaran tiada bantuan baru akan diberikan sehingga laporan perbelanjaan dikemukakan. Seterusnya KKM telah memohon kepada Perbendaharaan supaya NGO yang berdaftar dengan pihak berkuasa selain daripada JPPM untuk dimasukkan sebagai NGO yang layak menerima bantuan kewangan daripada KKM. Ini selaras dengan perkembangan semasa seperti Akta Pertubuhan Belia 2007 dan Akta Pembangunan Sukan 1997 yang mensyaratkan supaya semua Persatuan Belia dan Persatuan Sukan di Malaysia tidak lagi didaftarkan di bawah JPPM.</td>
<td>
<table>
<tr><td>Akta Pembangunan Sukan 1997</td><td>12</td></tr>
<tr><td>Jabatan Pendidikan Negeri</td><td>2</td></tr>
<tr><td>Akta Perbadanan St. John Malaysia 1952, Akta 74 ‘Laws of Malaysia’</td><td>2</td></tr>
<tr><td>Jabatan Penerangan</td><td>1</td></tr>
<tr><td>Trustees Incorporation Act 1952</td><td>1</td></tr>
<tr><td>JUMLAH</td><td>54</td></tr>
</table>
KKM telah memohon kepada Kementerian Kewangan supaya NGO yang berdaftar dengan pihak berkuasa selain daripada JPPM untuk dimasukkan sebagai NGO yang layak menerima bantuan kewangan daripada KKM. Ini selaras dengan perkembangan semasa seperti Akta Pertubuhan Belia 2007 dan Akta Pembangunan Sukan 1997 yang mensyaratkan supaya semua Persatuan Belia dan Persatuan Sukan di Malaysia tidak lagi didaftarkan di bawah JPPM.

Kementerian Kewangan pada 11 Jun 2013 menjelaskan bahawa garis panduan bagi pemberian bantuan kerajaan kepada NGO telah dikeluarkan pada 1997 dan masih terpakai sebagai rujukan untuk maksud pemberian bantuan kewangan iaitu pemberian hendaklah diberikan kepada NGO yang berdaftar dengan mana-mana Pendaftar atau kuasa Undang-Undang Negara.

Oleh kerana kesemua 54 NGO ini berdaftar dengan Pendaftar atau Pihak Berkuasa Undang-Undang, maka kesemua NGO ini adalah layak menerima bantuan kewangan.
</td>
</tr>
<tr>
<td>14.4.3.3.a</td>
<td>Hebahan Melalui Rangkaian Sosial (Social Networking) - Perbezaan Harga

Skop kerja Kempen Intervensi Penyakit Tidak Berjangkit dan Tak Nak Merokok antara lain ialah mencipta, mereka, customise dan membentuk akaun serta mengemas kini kandungan maklumat dalam akaun berkenaan sepanjang tempoh kontrak. Kos Kempen Tak Nak Merokok oleh syarikat Eficaz Media Sdn. Bhd. melibatkan akaun Facebook berjumlah RM199,068 manakala Kempen Intervensi Penyakit Tidak Berjangkit melalui akaun Facebook dan Twitter oleh Astonish View Sdn. Bhd. berjumlah RM120,500. Semakan Audit mendapati skop kerja yang dilaksanakan oleh kedua-dua kontrak tersebut adalah hampir sama. Bagaimanapun harga yang ditawarkan iaitu RM120,500 dan RM199,068 adalah berbeza sebanyak RM78,568 (65%).</td>
<td>Perbezaan harga adalah disebabkan perbezaan aktiviti di antara kedua-dua laman page Kempen TakNak Merokok dan Intervensi Penyakit Tidak Berjangkit (NCD). Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk kedua-dua laman page tersebut:-</td>
</tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini

Laman Page TakNak	Laman Page NCD
Merekacipta *layout page* Facebook, serta mengemaskini kandungan maklumat mengenai Tak Nak Merokok sepanjang tempoh kempen.	Merekacipta *layout page* Facebook, serta mengemaskini kandungan maklumat mengenai NCD sepanjang tempoh kempen.
Membangun 3 aplikasi Facebook untuk pertandingan.	Membangun 2 aplikasi Facebook untuk pertandingan.
Penganjuran 3 jenis pertandingan yang menawarkan hadiah: a) Pertandingan Fotografi - Udara Segar Tanpa Asap Rokok b) Pertandingan Fotografi - Aspirasikan Diri Anda c) Pertandingan Video Kreatif	Penganjuran Pertandingan Berbalas Pantun bersama selebriti Zaidi Omar.
Penganjuran Aktiviti bersama Facebook f*ollowers* sebanyak dua kali. i) Penyampaian hadiah pemenang pertandingan fotografi ii) Majlis makan malam dan penyampaian hadiah	Tiada
Penggunaan selebriti untuk menyampaikan komen/maklumbalas.	Tiada
Melaksanakan aktiviti bersama masyarakat untuk mempromosikan laman *page* Facebook TakNak	Tiada

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<table><tr><td>Membekalkan *rollup* bunting berkaitan kempen untuk mempromosikan laman *page*</td><td>Tiada</td></tr><tr><td>Menyedia dan menyiarkan *online banner* untuk mempromosikan laman *page*</td><td>Tiada</td></tr><tr><td>Membuat liputan aktiviti-aktiviti KKM yang berkaitan kempen</td><td>Tiada</td></tr><tr><td>Membekalkan *take home health promotion materials*</td><td>Tiada</td></tr></table> KKM akan mengemaskini spesifikasi kerja dalam sebutharga supaya lebih jelas dan spesifik bagi kontrak akan datang.
14.4.3.3.b	***Facebook* Tak Nak Merokok** Syarikat Eficaz Media Sdn. Bhd. telah dilantik bagi menyediakan perkhidmatan Intervensi Kempen Tak Nak Merokok melalui media sosial *Facebook* dengan kos berjumlah RM199,068 bagi tempoh Julai hingga Disember 2011. Bayaran penuh dibuat berdasarkan bilangan *like/fans* sebanyak 100,000 *like/fans*. Semakan Audit mendapati sehingga 30 Julai 2012 bilangan *like/fans* di *Facebook* telah menurun kepada 96,540 iaitu penurunan sebanyak 3,460 (3.58%). Selepas kontrak tamat didapati kandungan dalam laman sosial ini tidak dikemaskinikan oleh KKM. Pada pendapat Audit, KKM seharusnya menimbangkan kewajaran kedua-dua sebut harga bagi kempen melalui laman sosial *Facebook* dan *Twitter* kerana terdapat persamaan maklumat dalam sebut harga tersebut dan memastikan laman sosial berkenaan sentiasa relevan dan kemas kini. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013 *Melalui maklum balas yang dikemukakan, KKM akan mengemas kini spesifikasi kerja dalam sebut harga supaya lebih jelas dan spesifik dan akan melakukan langkah-langkah penambahbaikan iaitu update Laman Facebook yang sedia ada untuk memastikan Like terus meningkat.*	Berdasarkan statistik Facebook secara umumnya, penurunan jumlah *Like* sebanyak 1% setiap bulan adalah normal.Dalam konteks ini, penurunan 1% adalah bersamaan dengan 1,000 *Like*. Oleh itu penurunan sebanyak 3,460 untuk tempoh 7 bulan selepas tamat tempoh adalah kecil. Kebanyakan pengunjung ke laman *page* TakNak *like* laman *page* tersebut disebabkan perkara-perkara berikut:- • Pelbagai peraduan yang menawarkan hadiah menarik; • Pengemaskinian status semasa yang kerap; • *Design* dan *layout* yang dipamerkan; • Penggunaan selebriti untuk menyampaikan komen; dan • Pengunjung juga biasanya akan tertarik untuk *like page* jika rakan mereka *like* page yang sama. Selepas tamat tempoh kontrak, aktiviti-aktiviti tersebut tidak lagi dilaksanakan menjadikan jumlah *like* berkurangan akibat kurang daya penarik. Selain itu, KKM juga berpandangan kedua-dua sebutharga ini adalah wajar kerana:-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		• Penggunaan media sosial merupakan trend semasa dalam kalangan masyarakat khususnya remaja. Oleh itu, KKM perlu mengikut trend ini untuk mendapat perhatian kumpulan sasar; • *Subject matter* perlu berfokus kepada satu topik sahaja pada satu-satu masa; • Facebook *Page* ini adalah sebahagian daripada kempen media. Ia perlu sampai kepada kumpulan sasar secara besar-besaran (mass). Dalam perkara ini, 100,000 *likes* disasar kan bagi setiap *Page* Facebook; • Promosi Tak Nak Merokok melalui Facebook perlu dilaksanakan memandangkan peratusan remaja merokok di Malaysia masih tinggi iaitu 18.2% (GYTS, 2009); • Kes Penyakit Tidak Berjangkit meningkat setiap tahun. Oleh itu, pelbagai saluran media perlu digunakan termasuk media sosial di samping media arus perdana; dan • Penggunaan media sosial juga adalah relevan berdasarkan laporan yang telah diperolehi melalui kajian keberkesanan promosi kesihatan yang telah dibuat oleh UPUM pada 2011 Bagi memastikan laman *Page* Facebook ini relevan, KKM sentiasa mengemas kini dan menambah baik maklumat pada *Page* tersebut.
14.4.3.4.a	**Pemasangan Papan Iklan - Papan Iklan Ditanggalkan** JKN Johor telah menguruskan perolehan mencetak dan memasang papan iklan kempen Denggi berukuran 10 kaki lebar x 20 kaki panjang di 10 lokasi pekarangan premis di sekitar Johor Bahru bernilai RM30,000 oleh syarikat Retech Print Shoppe Sdn. Bhd. Kerja percetakan dan pemasangan telah diperakukan siap pada 6 Jun 2011 dan pembayaran telah dibuat pada 15 Jun 2011. Semasa pemeriksaan fizikal dijalankan pada 13 September 2012 didapati semua papan iklan tersebut telah tiada walaupun tidak sampai setahun didirikan. Berdasarkan laporan JKN Negeri Johor semua papan iklan tersebut telah musnah akibat struktur binaan yang lemah dan tidak stabil. Pihak Audit juga dimaklumkan spesifikasi teknikal pemasangan papan iklan tidak dirujuk kepada Unit Teknikal, KKM.	Pemasangan papan iklan ini bertujuan untuk menunjukkan *visibility* terhadap kempen denggi di kawasan wabak di mana hasi tinjauan yang dibuat masyarakat tidak mengetahui kawasan mereka merupakan kawasan wabak. Perolehan dibuat menggunakan spesifikasi kerja yang bersesuaian dengan peruntukan sediada dan mengambilkira kos yang murah tetapi dalam kuantiti yang banyak. Memastikan spesifikasi dirujuk kepada Unit Teknikal untuk mendapatkan spesifikasi kerja yang lebih bersesuaian dan mengambilkira faktor lokasi yang bersesuaian dengan cuaca seperti angin, ribut dan hujan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.4.3.4.b	**Kerangka Papan Iklan Reput Dan Lusuh** Lawatan telah dibuat di empat lokasi iaitu Kolej Kejururawatan Kubang Kerian, Klinik Kesihatan Wakaf Baru, Klinik Kesihatan Kubang Kerian dan Klinik Kesihatan Kedai Lalat. Hasil pemeriksaan mendapati besi kerangka papan iklan kempen HIV/AIDS yang dipasang sejak 10 tahun lalu telah mereput dan keadaan seperti klip penyokong papan iklan kempen Denggi telah tertanggal dari tiang utama akibat reputan. Paparan maklumat pada papan iklan (visual) yang lusuh dan usang di Klinik Kesihatan Kubang Kerian.	Sebagai tindakan penambahbaikan kepada permasalahan ini, tindakan-tindakan berikut telah dilaksanakan oleh KKM:- • Menyediakan satu garis panduan penyediaan papan iklan (meliputi spesifikasi teknikal, rekabentuk visual, penyelenggaraan dan pelupusan) yang dijangka akan disiapkan dan diedarkan pada bulan Disember 2013 ini; • Pemeriksaan telah dibuat terhadap struktur papan iklan tersebut dan dicadangkan untuk dilupuskan; dan • Papan iklan yang masih boleh diguna akan dibaikpulih dan visual akan diganti. • Pemantauan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.
14.4.3.4.c	**Pemasangan Papan Iklan Tidak Mengikut Spesifikasi** Pemasangan 30 unit papan iklan kempen Denggi di lokaliti *Hot Spot* Denggi sekitar Lembah Kelang telah dibuat melalui sebut harga dengan nilai perolehan berjumlah RM494,000 oleh kontraktor Tunggal Bintang Sdn. Bhd. Antara spesifikasi yang ditetapkan ialah dua batang *G.I Hollow* berukuran 1½" x 1½" sepanjang 8' yang mempunyai petak ruang mengikut ukuran hendaklah membentuk kerangka papan iklan. Pemeriksaan Audit di 16 lokasi di sekitar Kajang dan Ampang mendapati *G.I Hollow* berukuran 1½" x 1½" sepanjang 8' seperti yang ditetapkan dalam spesifikasi sebut harga tidak dipasang. Ketiadaan kerangka (frame) menyebabkan papan iklan tersebut kurang kukuh dan mudah bengkok.	KKM mengakui pemeriksaan hanya dibuat oleh KKM bagi aspek visual, saiz dan lokasi pemasangan papan iklan sahaja. Sebagai tindakan penambahbaikan, KKM sedang menyediakan satu garis panduan penyediaan papan iklan (meliputi spesifikasi teknikal, rekabentuk visual, penyelenggaraan dan pelupusan) yang dijangka akan disiapkan dan diedarkan pada bulan Disember 2013.
14.4.3.4.d	**Rekod Papan Iklan/*Billboard*** Papan iklan/Billboard merupakan struktur kekal yang ditempatkan di lokasi-lokasi dipilih yang mempunyai jangka hayat tertentu dan pembinaannya melibatkan kos yang tinggi. Penyampaian mesej/maklumat mengikut tema kempen hanya melibatkan penukaran paparan visual namun masih menggunakan papan iklan yang sama. Semakan Audit mendapati semua papan iklan yang dibina tidak direkodkan sebagai inventori atau tiada daftar khusus diselenggara mengenainya. Pihak Audit berpendapat pemasangan papan iklan tanpa spesifikasi atau tidak mengikut spesifikasi adalah tidak wajar kerana ia menjejaskan ketahanannya selain boleh memudaratkan pihak awam dan menyebabkan kerugian kepada kerajaan. Pemeriksaan menyeluruh terhadap papan iklan sedia ada bagi mengenal pasti keadaannya perlu diambil dan KKM juga dicadangkan menyelenggara daftar papan iklan yang dimiliki.	Satu surat arahan telah dikeluarkan kepada semua UPK Negeri untuk menyenaraikan semua papan iklan dalam negeri dan membuat pemeriksaan menyeluruh terhadap setiap papan iklan. Senarai papan iklan bagi kempen denggi bagi semua negeri telah dikumpulkan. Manakala laporan penyelenggaraan keseluruhan papan iklan sedang dikumpulkan dan dijangka selesai pada Oktober 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013 *KKM dalam maklum balas menyatakan pemasangan papan iklan akan dirujuk kepada Unit Teknikal untuk mendapatkan spesifikasi kerja yang lebih bersesuaian dan mengambil kira faktor lokasi yang bersesuaian dengan cuaca seperti angin, ribut dan hujan. Pemasangan papan iklan tidak mengikut spesifikasi disebabkan pemeriksaan untuk perakuan dibuat selepas pemasangan billboard hanya meliputi aspek visual, saiz dan lokasi pemasangan. KKM telah menyediakan garis panduan menyediakan papan iklan akan disediakan meliputi spesifikasi teknikal, reka bentuk visual, penyelenggaraan dan pelupusan.*	
14.4.3.5.a	**Pengurusan Stor Barangan Promosi, Poster Dan Risalah - Stok Poster Dan Risalah** Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menetapkan semua stok yang diterima hendaklah direkodkan dalam Kad Petak (KEW.PS-4) dan kad tersebut hendaklah ditempatkan bersama stok. Semakan Audit mendapati di stor PKD Johor Bahru, Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggarakan. Keadaan stor juga didapati tidak terurus dan terdapat poster dan risalah yang telah lusuh, usang dan terbiar. Manakala di stor JKN Selangor Kad Petak juga tidak diselenggarakan.	Stor ini menempatkan bahan-bahan bercetak promosi kesihatan untuk kegunaan dan edaran ke seluruh negeri Selangor. Keadaan stor akan menjadi sesak/penuh apabila banyak bahan pendidikan diterima dalam tempoh yang sama kerana ruang stor UPK JKN Selangor amat terhad. Ketika pihak audit menjalankan pemeriksaan, bahan-bahan pendidikan baru diterima daripada KKM. Sebagai tindakan penambahbaikan, tindakan-tindakan berikut telah dilaksanakan:- • Menyusun atur bahan-bahan pendidikan kesihatan mengikut tajuk khusus; • Rak ‘pigeon hole’ telah dibekalkan dan pengemaskinian tajuk khusus telah dilakukan; • Mengemaskini rekod keluar masuk bahan promosi agar lebih terurus; • Kad petak (KEW.PS-4) telah disediakan; dan • Kad petak diletakkan bersama bahan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.4.3.5.b	**Perekodan Bahan Promosi** Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menggariskan, aset dan inventori yang diperoleh hendaklah direkodkan dan dikawal dengan sempurna. Pemeriksaan di stor Ibu Pejabat Bahagian Pendidikan Kesihatan mendapati pembelian 10 Set Pameran Remaja dan Rokok berjumlah RM19,000 dan *Omron Pedometer* 349 unit *Omron Pedometer* tidak direkodkan sebagai harta modal atau inventori. Manakala di stor *Collateral*, Bahagian Pendidikan Kesihatan KKM bahan promosi dan cenderahati seperti beg galas, beg kertas, *non woven* bag, buku nota dan permainan tidak direkodkan dalam kad petak (KEW.PS-4). Pada pendapat Audit, KKM hendaklah memperkemaskan pengurusan stor bahan promosi, poster dan risalah bagi mengelakkan pembaziran dan menjadi usang. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013 *Melalui maklum balas yang dikemukakan, KKM mengakui isu yang dibangkitkan dan telah mengambil tindakan serta merta untuk mengatasinya.*	Untuk makluman, 349 unit *Omron Pedometer* merupakan barang pakai habis dan item berkenaan telah direkod dalam kad petak sahaja. Sebagai tindakan penambahbaikan, tindakan-tindakan berikut telah dilaksanakan:- • Bahan Pameran Remaja dan Rokok telah didaftarakan sebagai harta modal; • *Omron Pedometer* 349 telah direkod dalam KEW.PS 4; • Penstrukturan semula pengurusan stor Kesihatan Awam secara berpusat bermula 15 Mac 2013; dan • Pemantapan sistem perekodan bahan promosi telah dibuat dengan menyediakan kad petak (KEW.PS-4).
14.4.3.6.a	**Penggunaan Bahasa Pada Bahan Promosi Risalah - Penggunaan Perkataan Yang Kurang Sesuai** Selain menyediakan bahan untuk promosi/pendidikan kesihatan dalam bentuk penerbitan seperti risalah, poster, bunting dan sebagainya, KKM juga memperluaskan kempen melalui pengagihan barangan dalam bentuk *gift* seperti beg galas dan penanda nota bermesej. Pemeriksaan Audit mendapati 300 unit beg galas bernilai RM19,500 dan 3,500 unit penanda nota bermesej berjumlah RM19,250 untuk Kempen Anti-Merokok tidak diagihkan kepada golongan sasar disebabkan penggunaan perkataan yang kurang sesuai. Bag galas dan pelekat penanda yang memaparkan slogan '*Smoking, A Stupid Habit For Stupid People'* tidak sesuai diagihkan kepada golongan sasar.	KKM mengakui bahawa perkataan yang kurang sesuai telah digunakan ke atas bahan kempen seperti beg galas dan penanda nota. Sebagai tindakan penambahbaikan, tindakan-tindakan berikut telah dilaksanakan:- • Bahan-bahan pendidikan kesihatan telah direkodkan dan telah diedarkan kepada kumpulan sasar; dan • Memastikan bahasa yang akan digunakan pada masa hadapan untuk sebarang bahan promosi akan lebih kepada kesantunan budaya timur.
14.4.3.6.b	**Penggunaan Laras Bahasa Dan Ejaan** Sesuai dengan peranan menyampaikan mesej pendidikan kesihatan kepada orang awam penggunaan laras bahasa dan ejaan yang betul hendaklah diutamakan selari dengan imej yang didokong oleh agensi kerajaan. Pihak Audit mendapati poster dan risalah di mana *finished artwork* disediakan secara dalaman dan cetakan dibuat oleh syarikat percetakan mengandungi beberapa kesalahan penggunaan laras bahasa	KKM mengakui bahawa terdapat beberapa kesalahan penggunaan laras bahasa dan ejaan dalam poster dan risalah yang dibuat oleh syarikat. Sebagai tindakan penambahbaikan, tindakan-tindakan berikut telah dilaksanakan:-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan ejaan. Sebagai contoh, poster cetakan dalaman oleh JKN Johor berjodol Tips Azam Tahun Baharu siri 1 hingga 6 tidak menggunakan perkataan yang tepat. Poster tersebut berjudul 'Tips Azam Tahun Baru', sepatutnya perkataan 'Baru' ditulis sebagai 'Baharu'. Begitu juga dengan risalah berjudul 'Hanya 10' Setiap Minggu' perkataan 'memutuskan' ditulis sebagai 'memutuska' yang mana sebanyak 25,000 keping telah dicetak. Bagi risalah berjudul 'Kemarau', 'Chikugunya' dan 'Cegah Denggi Di musim Kemarau' didapati nama khas tidak dicetak dengan huruf besar melibatkan 38,000 keping risalah. Kesilapan penggunaan laras bahasa dan ejaan ini melibatkan kos melebihi RM31,200.	• Surat pelantikan kepada pasukan editorial telah dibuat bagi memastikan isi kandungan setiap bahan promosi yang dikeluarkan dibuat semakan dengan teliti dari segi laras bahasa dan ejaan; dan • Merujuk kepada pakar bahasa dari Dewan Bahasa dan Pustaka.
14.4.3.6.c	**Kesesuaian Ayat Yang Dipaparkan** Penggunaan Bahasa Melayu secara dinamik adalah salah satu usaha ke arah memartabatkan bahasa tersebut. Bagaimanapun penggunaan bait perkataan perlulah disesuaikan supaya mesej dapat disampaikan kepada golongan sasar. Pemeriksaan Audit di Klinik Kesihatan Kedai Lalat, Kelantan mendapati papan iklan kempen HIV/AIDS memaparkan mesej yang sukar difahami oleh penduduk setempat iaitu 'KE ARAH ELIMINASI TRANSMISI VERTIKAL', dan ini boleh menjejaskan tujuan mesej berkenaan dipaparkan. Pada pendapat Audit, KKM hendaklah menekankan penggunaan laras bahasa, ejaan yang betul dan penyampaian mesej yang mudah difahami. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013 *Dalam maklum balas yang dikemukakan, KKM telah mewujudkan pasukan editorial untuk semakan isi kandungan setiap bahan promosi yang akan dikeluarkan dan merujuk kepada pakar bahasa dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Penggunaan tema akan dirujuk kepada Institut Terjemahan Negara. KKM juga akan memastikan bahasa yang digunakan pada masa hadapan untuk sebarang bahan promosi akan lebih kepada kesantunan budaya timur.*	Mesej Ke Arah Eliminasi Tranmisi Vertikal merupakan tema sambutan Hari AIDS Sedunia tahun 2012. Ia merupakan terjemahan terus daripada tema Bahasa Inggeris iaitu *Getting to Zero: Zero New HIV Infections, Zero Deaths from AIDS-Related Illness. Zero Discrimination*. Ia juga merupakan satu slogan dalam logo rasmi sambutan Hari AIDS Sedunia yang dikeluarkan oleh WHO. Sebagai tindakan penambahbaikan, tindakan-tindakan berikut akan dilaksanakan:- • Penggunaan tema pada masa datang akan dirujuk kepada Institut Terjemahan Negara; dan • Menjalankan *pre-test* bagi setiap mesej bahan pendidikan kesihatan

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

Perenggan 15 : Pengurusan Loji Insinerator

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.1.1.b	**Prestasi Projek Pembinaan Loji Insinerator - Pencapaian Fizikal Projek** Semakan Audit mendapati kerja-kerja penambahbaikan TOP di Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan Labuan telah ditamatkan kerana masalah timbang tara yang belum selesai dengan kontraktor asal. Empat projek pembinaan loji insinerator yang lain telah diberi kelulusan lanjutan masa sebanyak 2 atau 3 kali daripada tarikh siap asal. Adalah didapati hanya Loji Insinerator Cameron Highlands yang dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa. Projek pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor masing-masing disiapkan 104 hari dan 46 hari selepas tempoh lanjutan masa yang diluluskan. Akibat kelewatan ini pihak kontraktor telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (Liquidated and Ascertained Damages - LAD) berjumlah RM1.31 juta dan RM173,068 masing-masingnya. Sehingga 6 Mei 2013, Loji Insinerator Pulau Tioman masih belum disiapkan walaupun tempoh lanjutan masa yang diluluskan telah tamat pada 10 Jun 2012 iaitu kelewatan selama 330 hari. Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Pihak KPKT telah mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) kepada kontraktor pada 18 Jun 2012 bagi projek Loji Insinerator Pulau Tioman dan mengenakan LAD berjumlah RM1.39 juta selama 330 hari bagi tempoh 11 Jun 2012 hingga 9 Mei 2013. Tempoh LAD masih berjalan sehingga kini.*	Maklum balas KPKT dikekalkan seperti di para 15.5.1.1.b.
15.5.1.1.c	Semakan Audit selanjutnya mendapati setakat 31 Disember 2012, sebanyak 3 loji insinerator yang telah disiapkan mengalami kelewatan beroperasi di antara 223 hari sehingga 642 hari. Loji Insinerator Pulau Pangkor hanya mula beroperasi setelah 642 hari siap dibina. Manakala Loji Insinerator Pulau Langkawi dan Cameron Highlands masih belum beroperasi walaupun *Certificate of Practical Completion* (CPC) telah dikeluarkan dengan masing-masing mengalami tempoh kelewatan beroperasi selama 223 hari dan 518 hari setakat 31 Disember 2012.	<u>Pulau Pangkor:-</u> Kelewatan adalah berpunca daripada ketiadaan pengalaman dan maklumat mengenai pengoperasian loji mengakibatkan kelewatan dalam memuktamadkan rundingan harga, dan kelewatan pihak kontraktor dalam menyenaraikan alat gantian dan jadual penyelenggaraan yang lengkap.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<u>Loji Insinerator Pulau Langkawi:-</u> Kelewatan operasi bergantung kepada beberapa faktor seperti berikut:- i) tempoh rundingan harga yang panjang kerana dilaksanakan beberapa kali dan maklumat terperinci daripada XCNT dikemukakan lewat; dan ii) kelewatan dalam memperoleh kelulusan Kementerian Kewangan bagi pelantikan operator. KPKT telah mengemukakan perakuan kepada Kementerian Kewangan untuk pelantikan operator pada 14 Mac 2013 dan menerima kelulusan pada 30 Julai 2013. <u>Loji Insinerator Cameron Highlands:-</u> Kelewatan operasi bergantung kepada beberapa faktor seperti berikut:- i) Kelulusan Kementerian Kewangan dalam melantik kontraktor tidak dapat dilaksanakan segera kerana terdapat perubahan dalam pelantikan operator daripada Syarikat XCNT kepada Sumur Mutiara; ii) Sehubungan itu, perkara ini mengakibatkan rundingan harga tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang; dan iii) Proses rundingan harga mengambil masa yang panjang kerana memerlukan maklumat-maklumat mengenai perkakasan dan perolehan.
15.5.1.1.d	Keputusan supaya pembinaan loji insinerator dibuat secara serentak di 4 lokasi iaitu Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Tioman dan Cameron Highlands walaupun teknologi yang dibangunkan adalah baru dan belum dinilai keupayaannya telah mengakibatkan kelewatan dalam kemajuan kerja kontrak serta kelewatan loji beroperasi. Pemeriksaan Audit mendapati kelewatan loji insinerator beroperasi telah menyebabkan antaranya perkara seperti berikut:- i. Sisa pepejal masih dilupuskan di *landfill* sedia ada yang terhad dan masalah pengurusan sisa pepejal masih belum dapat diselesaikan di semua lokasi loji insinerator;	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ii. Pihak Berkuasa Tempatan perlu menanggung kos tambahan untuk menguruskan sisa pepejal. Antaranya seperti berikut: • Lembaga Pembangunan Tioman (TDA), Pahang telah melantik kontraktor untuk melupuskan sisa pepejal ke tanah besar di Rompin dan setakat bulan September 2012, TDA telah membayar sejumlah RM475,000; dan • Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH), Pahang telah membelanjakan kos tambahan berjumlah RM436,000 untuk menguruskan sisa pepejal yang masih tidak dapat dilupuskan di loji insinerator.	Tidak terdapat sebarang kos tambahan sekiranya inisinerator tidak dapat dioperasi mengikut jadual kerana pihak PBT berkenaan sememangnya menguruskan pelupusan sisa pepejal mereka sendiri dengan menggunakan peruntukan sedia ada mereka.
	iii. Berlaku kecurian dan pencerobohan di tapak Loji Insinerator Cameron Highlands; dan	Bagi memastikan keselamatan di Loji Insinerator Cameron Highlands, JPSPN telahpun melantik syarikat kawalan keselamatan di Loji tersebut sejak 1 Julai 2012.
	iv. Kualiti komponen dan kemudahan yang disediakan terjejas dan kos tambahan diperlukan untuk membaik pulih kecacatan dan kerosakan sebelum loji insinerator boleh beroperasi.	Tiada kos tambahan dikenakan ke atas Kerajaan atas kerosakan peralatan loji yang bukan diakibatkan oleh *wear and tear* kerana masih dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP)
	Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *Antara punca kelewatan projek siap adalah disebabkan oleh keadaan tapak bina merupakan tanah tebus guna dengan sisa pepejal, oleh yang demikian reka bentuk asal berdasarkan keadaan biasa terpaksa dipinda mengikut keadaan semasa. Kelewatan juga berlaku kerana keperluan untuk mematuhi peraturan teknikal oleh agensi berkaitan seperti JAS, PBT dan Tenaga Nasional Berhad. Bagi kerosakan yang berlaku, pembaikan telah dibuat oleh kontraktor berkaitan.* Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek adalah kurang memuaskan kerana projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan loji insinerator yang siap dibina tidak beroperasi dengan segera. Kelemahan pihak KPKT merancang pembinaan projek loji insinerator secara berperingkat telah mengakibatkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* dalam tempoh yang ditetapkan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.1.2	**Prestasi Kewangan Projek** JPSPN telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM337.45 juta bagi melaksanakan projek pembinaan loji insinerator di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Tioman, Cameron Highlands dan WP Labuan. Analisis lanjut mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012, JPSPN telah membelanjakan sejumlah RM199.09 juta (59%) daripada keseluruhan peruntukan yang diterima. Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *Antara punca peruntukan tidak dapat dibelanjakan pada tahun semasa adalah disebabkan berlaku kelewatan dalam pelaksanaan projek.* Pada pendapat Audit, kelewatan dalam pelaksanaan projek telah mengakibatkan peruntukan tidak dapat dibelanjakan dalam tempoh yang ditetapkan.	Maklum balas KPKT adalah sama seperti di para 15.5.1.2.
15.5.1.3.a	**Pencapaian Operasi Loji Insinerator - Loji Insinerator Tidak Dapat Beroperasi Secara *Autogenous*** Semakan Audit terhadap laporan T&C Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati loji insinerator tidak dapat beroperasi secara *autogenous* secara berterusan dan suhu *primary chamber* tidak dapat dikekalkan pada suhu operasi minimum 850°C walaupun kualiti sisa pepejal mematuhi parameter yang ditetapkan. Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *Berdasarkan reka bentuk dan keupayaan teknologi yang digunakan, CV hendaklah sekurang-kurangnya 1,300kcal/kg dan moisture content sampah tidak melebihi 60% untuk mencapai autogeneous seperti dinyatakan dalam kontrak. Dalam konteks sistem insinerator, pembakaran autogenous akan berlaku apabila semua parameter kualiti sampah dapat dipenuhi.* Pada pendapat Audit Loji Insinerator Pulau Pangkor seharusnya berupaya beroperasi secara *autogenous* kerana kualiti sisa pepejal mematuhi parameter yang ditetapkan semasa T&C dijalankan.	Tidak bersetuju dengan kenyataan “walaupun kualiti sisa pepejal mematuhi parameter yang ditetapkan” kerana semasa T&C, kualiti sisa pepejal tidak mematuhi syarat CV dan *moisture content.* Kedua-dua syarat ini diperlukan untuk mencapai suhu pembakaran 850°C. Jika hanya salah satu kualiti sisa pepejal ini dicapai, pembakaran pada suhu 850°C tidak akan berlaku malah dalam kes ini kedua-dua syarat tidak tercapai.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td>15.5.1.3.b.i</td><td>Loji Insinerator Tidak Mencapai Suhu Yang Ditetapkan

Semakan Audit terhadap laporan siasatan penguatkuasaan yang dijalankan pada 12 Julai 2012 oleh JAS Negeri Perak terhadap operasi Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati ia telah gagal mematuhi syarat EIA untuk beroperasi pada julat suhu yang ditetapkan dan hanya beroperasi pada suhu 650°C.</td><td rowspan="2">Pengendalian operasi loji telah bertambah baik di mana suhu purata pengoperasian loji telah melebihi 850°C seperti yang ditetapkan dalam syarat DEIA seperti berikut:-

<table><tr><th>Bulan</th><th>Purata Suhu Primary (◦C)</th></tr><tr><td>Februari 2013</td><td>950</td></tr><tr><td>Mac 2013</td><td>937</td></tr><tr><td>April 2013</td><td>899</td></tr><tr><td>Mei 2013</td><td>877</td></tr><tr><td>Jun 2013</td><td>878</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>15.5.1.3.b.ii</td><td>Analisis Audit terhadap laporan bulanan operasi Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati purata suhu di primary chamber hanya di antara 806°C hingga 931°C.

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Perkara ini berlaku kerana kakitangan loji masih belum cekap mengendalikan operasi loji insinerator. Sekiranya kerja-kerja pengasingan sisa pepejal dibuat dengan lebih cekap dan prinsip-prinsip pembakaran difahami, maka suhu boleh dikekalkan pada tahap yang lebih tinggi.

Pada pendapat Audit, Loji Insinerator Pulau Pangkor tidak dapat beroperasi pada julat suhu operasi yang ditetapkan serta kakitangan loji masih belum mahir dalam mengendalikan operasi loji.</td></tr>
<tr><td>15.5.1.3.c.i</td><td>Semakan Audit terhadap Waste Characteristic Study bagi 4 lokasi iaitu Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan Pulau Tioman mendapati tempoh kajian pengelasan sisa pepejal dibuat bagi tempoh 7 hari sahaja.</td><td rowspan="2">Bagi projek yang akan datang, pihak Kementerian akan memastikan bahawa kajian pengelasan sisa pepejal akan dibuat bagi tempoh 1 tahun sebelum projek dimulakan.

Tempoh 12 bulan dijangka akan dapat menunjukkan nilai cv dan waste pattern yang menggambarkan ciri- ciri sisa di Malaysia.</td></tr>
<tr><td>15.5.1.3.c.ii</td><td>Analisis Audit mendapati terdapat perbezaan ketara terhadap nilai calorific value (cv) di antara Waste Characteristic Study dengan nilai cv yang dilaporkan semasa sesi T&C dijalankan bagi loji insinerator di Pulau Langkawi dan Cameron Highlands. Penyediaan Waste Characteristic Study yang tidak terperinci dan menyeluruh menyebabkan hasil kajian tidak dapat melambangkan ciri-ciri sisa pepejal sebenar di lokasi yang terlibat. Ia akan memberi kesan kepada operasi loji insinerator dan boleh mengakibatkan ia tidak dapat beroperasi seperti mana direka bentuk.

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>Bagi Projek yang akan datang, pihak KPKT akan memastikan bahawa waste characteristic study akan dibuat bagi tempoh satu tahun sebelum projek dimulakan. Tempoh tersebut dijangka akan dapat menunjukkan nilai cv dan waste pattern yang lebih tepat.

Pada pendapat Audit, tempoh masa yang diambil untuk membuat Waste Characteristic Study adalah singkat daripada amalan terbaik dan hasil kajian tidak melambangkan ciri-ciri sisa pepejal sebenar di lokasi yang terlibat. Selain itu, nilai cv yang digunakan dalam reka bentuk loji insinerator iaitu 1,300kcal/kg tidak melambangkan nilai cv dalam Waste Characteristic Study dan kualiti sisa pepejal sebenar semasa T&C.</td><td></td></tr>
<tr><td>15.5.1.3.d</td><td>Loji Insinerator Tidak Menghasilkan Output Pada Kadar Yang Ditetapkan

Semakan Audit terhadap laporan bulanan operasi Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati proses pembakaran tidak berjaya menghasilkan output (bottom ash) pada kadar 6% (mengurangkan berat sisa pepejal sehingga 94%) daripada nilai input (sisa pepejal). Sebaliknya proses pembakaran hanya dapat menghasilkan antara 19% hingga 33% output di mana melebihi 216.1% hingga 446.9% daripada sasaran asal. Penghasilan output yang tidak mencapai sasaran boleh menyebabkan kesan jangka panjang terhadap kapasiti ruang tapak pelupusan sanitari.

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Pihak kontraktor mengakui bahawa kadar penghasilan bottom ash sebanyak 6% tidak dapat dicapai. Bagaimanapun, penghasilan bottom ash daripada loji insinerator ini telah mematuhi standard antarabangsa semasa iaitu 15% hingga 25%.

Pada pendapat Audit, cadangan XCNT untuk menghasilkan bottom ash sebanyak 6% seperti dinyatakan dalam syarat kontrak tidak tercapai.</td><td>Standard antarabangsa 15% hingga 25% merujuk kepada berat output tidak termasuk air. Penambahan maklumat output loji insinerator bulan Januari hingga Jun 2013 adalah seperti berikut:-
<table>
<tr><th>Bulan</th><th>Berat sisa pepejal dibakar
(a)</th><th>Output sebenar termasuk air
(b)</th><th>Anggaran berat air
(c)=(b) x 25%</th><th>Output tanpa air
(d)=(b)-(c)</th><th>% termasuk air
(b)/(a) x 100</th><th>% tidak termasuk air
(d)/(a) x 100</th></tr>
<tr><td>Jan</td><td>288,020.00</td><td>60,520.00</td><td>15,130.00</td><td>45,390.00</td><td>21%</td><td>16%</td></tr>
<tr><td>Feb</td><td>191,180.00</td><td>39,530.00</td><td>9,882.50</td><td>29,647.50</td><td>21%</td><td>16%</td></tr>
<tr><td>Mac</td><td>241,790.00</td><td>66,920.00</td><td>16,730.00</td><td>50,190.00</td><td>28%</td><td>21%</td></tr>
<tr><td>Apr</td><td>174,834.00</td><td>49,870.00</td><td>12,467.50</td><td>37,402.50</td><td>29%</td><td>21%</td></tr>
<tr><td>Mei</td><td>244,430.00</td><td>65,200.00</td><td>16,300.00</td><td>48,900.00</td><td>27%</td><td>20%</td></tr>
<tr><td>Jun</td><td>237,121.00</td><td>68,180.00</td><td>17,045.00</td><td>51,135.00</td><td>29%</td><td>22%</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.2.1.a	**Kontrak Operasi Loji Insinerator - Dokumen Kontrak Operasi Loji Insinerator Lewat Dimuktamadkan** Semakan Audit mendapati operasi Loji Insinerator Pulau Pangkor telah diserahkan kepada XCNT dan mula beroperasi secara rasmi pada 4 April 2012. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 18 Julai 2012 mendapati dokumen kontrak operasi masih belum dimuktamadkan. Kelewatan menandatangani kontrak operasi boleh menyebabkan antaranya JPSPN berisiko untuk menanggung sebarang kerosakan yang berlaku terhadap komponen loji. JPSPN juga terdedah kepada tindakan perundangan sekiranya operator tidak mematuhi peraturan berkaitan alam sekitar serta peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *Kontrak operasi dan penyenggaraan telah ditandatangani pada 19 Disember 2012. Kontrak ini lewat dimuktamadkan kerana dibuat berasingan daripada kontrak pembinaan serta ia merupakan kontrak pertama yang seumpamanya dan tiada kontrak lain yang boleh digunakan untuk rujukan.*	Maklum balas KPKT dikekalkan seperti di para 15.5.2.1.a.
15.5.2.1.b	**Kelemahan Dalam Syarat Kontrak Operasi Dan Penyenggaraan** Semakan Audit terhadap Kontrak Operasi dan Penyenggaraan Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati perkara seperti berikut:- i. pembayaran kos operasi tidak berdasarkan kepada pencapaian *KPI* yang ditetapkan; dan ii. perincian terhadap penentuan kos penyenggaraan tidak dinyatakan. Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Pembayaran kos operasi sememangnya tidak berdasarkan kepada pencapaian KPI tetapi ia berdasarkan kepada komponen seperti kos gaji pekerja, spare parts dan penyelenggaraan, kos utiliti, kos penggunaan bahan kimia dan bahan pakai buang, kos pelupusan serta kos pematuhan kepada pihak ketiga. KPKT telah memohon kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan berkenaan kos penyelenggaraan loji melalui surat bertarikh*	Kelulusan Khas dari Kementerian Kewangan berkenaan kos tambahan bagi perolehan alat ganti loji telah diperolehi pada 27 Jun 2013. KPKT telah meminta perincian kos penyenggaraan daripada pihak kontraktor dan perincian tersebut akan diperolehi pada pertengahan bulan Ogos 2013. Seterusnya rundingan harga dijangka diadakan pada bulan September 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	23 Mei 2013.	
15.5.2.1.c	**Manual Operasi Dan Penyenggaraan Loji Belum Disediakan** Manual Operasi dan Penyenggaraan Loji yang lengkap dan menyeluruh yang menunjukkan kaedah pengendalian operasi dan penyenggaraan bagi keseluruhan operasi loji insinerator masih belum disediakan oleh pihak JPSPN mahupun operator iaitu XCNT. Pemeriksaan Audit mendapati manual operasi dan penyenggaraan yang disediakan adalah secara berasingan mengikut komponen oleh syarikat pembekal komponen-komponen yang terlibat.	Manual operasi dan penyelenggaraan telah disediakan secara berasingan hanya mengikut komponen-komponen, bagaimanapun SOP bagi maksud operasi dan penyelenggaraan telah pun disediakan oleh pihak kontraktor dan telah dikemukakan pada 23 Julai 2013.
15.5.2.1.d	**Bayaran Operasi Dan Penyenggaraan Loji Tidak Teratur** Semakan Audit mendapati pada 5 September 2012, JPSPN telah membuat bayaran berjumlah RM0.66 juta melalui baucar bayaran B5927 kepada XCNT dengan kelulusan khas Kementerian Kewangan kerana dokumen kontrak masih belum dimuktamadkan. Bagaimanapun, analisis Audit terhadap butiran tuntutan baucar bayaran dan dokumen sokongan yang dikemukakan sebagai asas pembayaran mendapati berlaku lebihan bayaran bagi tuntutan bulan Mac 2012 sehingga Jun 2012 berjumlah RM31,714 berbanding dengan jadual pengiraan yang disediakan oleh JPSPN berjumlah RM0.63 juta. Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *JPSPN memperakui terdapat lebihan bayaran yang dibuat bagi tuntutan bulan Mac 2012 sehingga Jun 2012.* Pada pendapat Audit, pengurusan Kontrak Operasi dan Penyenggaraan Loji Insinerator adalah tidak memuaskan kerana kontrak lewat dimuktamadkan; terdapat kelemahan dalam syarat kontrak; Manual Operasi dan Penyenggaraan keseluruhan loji insinerator masih belum disediakan; dan berlaku pembayaran tidak teratur.	Bayaran lebihan tidak berlaku kerana bayaran interim adalah bersifat tidak muktamad (*non conclusive*) sehingga bayaran perakuan muktamad dikeluarkan. Penyelarasan sebanyak RM31,713.77 telah pun dibuat dan dituntut semula daripada kontraktor pada 27 Disember 2012. Jumlah pembayaran bagi penggunaan elektrik, diesel dan bahan kimia serta penyenggaraan tahunan dibuat berdasarkan kadar yang telah dipersetujui (had *cap*) di dalam Jawatankuasa Rundingan Harga pada 27 Oktober 2012. Jawatankuasa Rundingan Harga tersebut dianggotai oleh PPSPPA, JKR, UKAS dan KPKT.
15.5.2.2.d	**Projek Penambahbaikan TOP Wilayah Persekutuan Labuan** Projek *Thermal Oxidation Plant* (TOP) di Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan oleh Chain Cycle Sdn. Bhd. (CCSB) mulai 16 April 2001 hingga 15 Julai 2002 melibatkan kos berjumlah RM21.90 juta. Sebanyak 22 Arahan Perubahan Kerja telah diluluskan berjumlah RM6.59 juta dan ini mengakibatkan sebanyak dua Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa telah dikeluarkan. Bagaimanapun kontrak ini telah ditamatkan pada	Jawatankuasa Kabinet mengenai Pengurusan Sisa Pepejal dan Alam Sekitar yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri pada 21 Ogos 2006 telah memutuskan supaya penambahbaikan loji TOP dibuka kepada syarikat-syarikat tempatan yang berminat dan berkelayakan. Lanjutan daripada keputusan tersebut pihak XCNT telah bersetuju untuk melaksanakan projek tersebut.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	23 Februari 2005 selepas bayaran berjumlah RM25.77 juta dibuat kerana kontraktor tidak mematuhi spesifikasi kontrak. Kes ini masih dalam proses timbang tara sejak Ogos 2006 sehingga bulan Mei 2013.	Jabatan Peguam Negara berpandangan bahawa proses Timbang Tara yang sedang berjalan tidak menganggu projek penambahbaikan tersebut dan ianya boleh diteruskan namun kontraktor harus dimaklumkan mengenai perobohan loji sedia ada tersebut dan perlu diberikan satu tempoh masa yang munasabah jika mereka perlu membawa pakar ke loji tersebut bagi tujuan penyediaan satu laporan pakar bagi menyokong tuntutan mereka (kontraktor). Kenyataan "Walaupun projek TOP masih dalam proses timbang tara, KPKT telah melantik XCNT untuk melaksanakan kerja penambahbaikan TOP secara rundingan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM34 juta pada 3 Oktober 2008" dipinda kepada "Walaupun projek TOP masih dalam proses timbang tara, KPKT telah melantik XCNT dengan kelulusan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal dan Alam Sekitar bil.2/2006 pada 21 Ogos 2006, untuk melaksanakan kerja penambahbaikan TOP secara rundingan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM34 juta pada 3 Oktober 2008".
15.5.2.2.e	Walaupun projek TOP masih dalam proses timbang tara, KPKT telah melantik XCNT untuk melaksanakan kerja penambahbaikan TOP secara rundingan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM34 juta pada 3 Oktober 2008.	
15.5.2.2.f	Semakan Audit mendapati sehingga bulan Julai 2009, sebanyak 4 bayaran kemajuan berjumlah RM7.23 juta telah dibayar kepada XCNT. Pada 9 Jun 2009, KPKT telah membayar sejumlah RM5.17 juta bagi interim ketiga kepada XCNT namun tiada bukti pihak kontraktor ada mengemukakan resit atau dokumen sokongan kepada KPKT sebagai bukti pembayaran *material off-site* berjumlah RM5.07 juta yang telah dibuat kepada syarikat pembekal Clean Earth Technology Sdn. Bhd. Selain itu, tiada bukti pengesahan fizikal ke atas *material off-site* ada dilaksanakan sebelum bayaran dibuat. Semakan lanjut terhadap surat KPKT, (12)KPKT/CPPP/UB/640/10 Jld.5 bertarikh 4 Disember 2012, mendapati pengesahan fizikal terhadap *material off-site* tidak dibuat kerana ia baru di peringkat *purchase order* dan kerja-kerja pembuatan belum dimulakan oleh pembekal.	
15.5.2.2.g	Pada 26 Mei 2010, KPKT telah mengeluarkan Arahan Penangguhan Kerja kepada XCNT kerana proses timbang tara dengan kontraktor asal masih belum selesai. Semasa Mesyuarat Penyediaan Bayaran Akhir dan Penamatan Secara Persetujuan Bersama Untuk Projek Penambahbaikan Thermal Oxidation Plant (TOP) Wilayah Persekutuan Labuan pada 17 Januari 2012, KPKT telah mencadangkan kontrak ditamatkan secara persetujuan bersama tanpa sebarang tuntutan selanjutnya dan dipersetujui oleh XCNT pada 20 Mac 2012.	
15.5.2.2.h	Oleh kerana projek penambahbaikan TOP telah ditamatkan, pada 30 Mac 2012 KPKT telah mengeluarkan surat niat kepada XCNT untuk membina projek loji insinerator di lokasi baru iaitu di Bukit Kalam, Wilayah Persekutuan Labuan dengan kapasiti 100 tan sehari dengan anggaran harga berjumlah RM90 juta selepas mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada 25 November 2011. Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Pembayaran material off-site adalah berdasarkan Design Basis Calculation*	Maklum balas KPKT dikekalkan seperti di para 15.5.2.2.h.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bagi Projek Penambahbaikan TOP, Wilayah Persekutuan Labuan daripada XCNT pada 27 Disember 2012. Tuntutan bayaran hanya memerlukan pengesahan purchase order mengikut Jadual Bayaran yang ditetapkan sebagaimana surat yang dikeluarkan oleh Pengarah Projek bertarikh 10 Julai 2009. Kaedah bayaran ini adalah seragam bagi semua projek loji insinerator bermula dari Projek Loji Insinerator Pulau Langkawi setelah mengambil kira kemampuan kewangan kontraktor yang melaksanakan projek-projek ini secara serentak atau berturutan. Bagi projek pembinaan loji insinerator di Bukit Kalam, Wilayah Persekutuan Labuan, Kementerian Kewangan telah membatalkan rundingan terus kepada XCNT pada 25 Januari 2013 dan mengarahkan perolehan dibuat secara tender terbuka. Bagaimanapun KPKT masih belum membuat tender terbuka kerana masih menunggu hasil rayuan daripada Kementerian Kewangan untuk meneruskan kaedah rundingan terus dengan pihak XCNT. Pada pendapat Audit, pembinaan dan penambahbaikan projek TOP di Wilayah Persekutuan Labuan tidak dapat mencapai objektif yang ditetapkan dan sejumlah RM33 juta yang telah dibelanjakan tidak dapat dimanfaatkan oleh Kerajaan. Selain itu, pihak Audit berpendapat pembayaran yang dibuat ke atas *material off-site* adalah tidak teratur kerana asas bayaran yang digunakan tidak dinyatakan dalam dokumen kontrak selain jadual kaedah bayaran yang disediakan hanyalah selepas pembayaran interim dibuat. Pihak Audit berpendapat pembatalan rundingan terus oleh Kementerian Kewangan bagi projek baru di Bukit Kalam, Wilayah Persekutuan Labuan kepada XCNT adalah wajar.	
15.5.3.1.b	**Kualiti Pembinaan Loji Insinerator - Kelemahan Dalam Pemilihan Reka Bentuk Loji Insinerator** Semakan Audit mendapati loji insinerator di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Tioman dan Cameron Highlands direka bentuk dan dibina menggunakan *double operation line.* Bagaimanapun, semasa beroperasi ia menggunakan satu *operation line* sahaja manakala satu *operation line* lagi dijadikan *standby*. Berdasarkan lawatan sambil belajar pasukan Audit dan wakil KPKT ke loji insinerator di Singapura mendapati semua *line* yang dibina dalam loji insinerator iaitu 6 *operation line* dan 2 *operation line* berupaya untuk beroperasi secara serentak dan setiap satu *line* hanya diberhentikan sekali setahun selama sebulan untuk tujuan penyenggaraan. Jurutera pengendali operasi 2 loji insinerator di Singapura berpendapat sekiranya teknologi dan reka bentuk insinerator adalah tepat serta bersesuaian, penggunaan *standby* line tidak diperlukan kerana tidak digunakan secara optimum.	Kenyataan "Berdasarkan lawatan Audit ke loji insinerator di Singapura mendapati semua line yang dibina dalam loji insinerator iaitu 6 *operation line* dan 2 *operation line* berupaya untuk beroperasi secara serentak dan setiap satu line hanya diberhentikan sekali setahun selama sebulan untuk tujuan penyenggaraan. Jurutera pengendali operasi 2 loji insinerator di Singapura berpendapat sekiranya teknologi dan reka bentuk insinerator adalah tepat serta bersesuaian, penggunaan standby line tidak diperlukan kerana tidak digunakan secara optimum" adalah tidak tepat kerana:- (i) Perbandingan dibuat adalah tidak tepat kerana loji insinerator di Singapura adalah jenis stoker manakala loji yang dibina oleh XCNT adalah jenis rotary klin (tempatan);

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Insinerator di Singapura adalah dari jenis stoker serta telah terbukti teknologinya dan tidak memerlukan standby line. Manakala Insinerator rotary kiln rekaan XCNT merupakan teknologi tempatan yang baru walaupun secara teorinya mampu untuk melupuskan sisa pepejal tetapi masih belum terbukti secara fizikal. Kementerian memutuskan adalah wajar pendekatan membina double operation line diambil dengan satu line sebagai standby bagi menangani sebarang kemungkinan berlaku kegagalan pada line yang sedang beroperasi.

Pada pendapat Audit penggunaan double operation line secara gantian adalah tidak optimum. Sekiranya pembinaan loji insinerator dibuat secara berperingkat, kelemahan ini boleh diatasi bagi pembinaan loji insinerator yang berikutnya.</td><td>(ii) Insinerator jenis stoker adalah telah terbukti teknologinya di mana tidak perlu lagi disediakan satu stand by line manakala rotary klin rekaan tempatan ini sungguh pun secara teorinya mampu untuk melupuskan sisa pepejal tetapi masih belum terbukti secara fizikal; dan

(iii) Keempat-empat insinerator tersebut adalah terletak di tanah tinggi dan pulau-pulau peranginan di mana sekiranya insinerator tersebut tidak dapat beroperasi akan menjejaskan pengurusan sisa pepejal di tempat tersebut.</td></tr>
<tr><td>15.5.3.2</td><td>Syarat Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) Tidak Dipatuhi

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mensyaratkan supaya sebelum projek loji insinerator dibina, Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling Terperinci (DEIA) perlu disediakan dan diluluskan oleh JAS terlebih dahulu. Berdasarkan hasil kajian DEIA, JAS akan mengeluarkan syarat EIA yang perlu dipatuhi serta langkah pencegahan yang boleh diambil. Semakan Audit mendapati syarat EIA yang telah ditetapkan tidak dipatuhi oleh XCNT.

Pada pendapat Audit, KPKT dan JPSPN tidak mematuhi syarat EIA yang telah ditetapkan oleh JAS kerana pemantauan terhadap pelepasan gas secara real time masih belum dapat dilaksanakan dengan sempurna; pelupusan bottom ash di tapak pelupusan bersebelahan tidak mematuhi peraturan kerana hasil ujian TCLP mendapati bottom ash dikategorikan sebagai buangan terjadual dan perlu dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS.</td><td>
<table>
<tr><th>Syarat EIA</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td>Pemasangan Continous Emission Monitoring System (CEMS)</td><td>(Continous Emission Monitoring System (CEMS) telah dipasang dan telah disambungkan ke JAS Negeri Perak seperti yang dikehendaki oleh JAS dan peralatan tersebut berfungsi dengan baik.

(Surat Makluman Pematuhan bertarikh 30 Mei 2013)</td></tr>
<tr><td>Sistem Kawalan Pengaliran Leachate</td><td>Penambahbaikan telah dilaksanakan oleh kontraktor pada 26 Februari 2013.</td></tr>
<tr><td>Seni Landskap Berciri Estetik bagi mengurangkan Impak Visual</td><td>Kerja-kerja penanaman pokok bagi kerja-kerja landskap di loji insinerator telah siap dilaksanakan oleh pihak kontraktor 6 Jun 2013.</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Ujian *Toxicity Characteristic Leaching Procedure* (TCLP): XCNT dalam proses membuat permohonan di bawah Peraturan 7, Buangan Terjadual 2005 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Ujian TCLP bagi *bottom ash* dan *fly ash* telah dijalankan dan Permohonan Untuk Pengurusan Khas Bahan Buangan Terjadual di Bawah Peraturan 7 telah dikemukakan ke JAS pada 20 Mac 2013 dan masih berada dalam tindakan JAS. (Surat JAS bertarikh 3 Mei 2013)
15.5.3.3.a	**Pengujian Dan Pentauliahan (T&C) Tidak Diuruskan Dengan Teratur - Tempoh Pelaksanaan Pengujian Dan Pentauliahan Tidak Mencukupi** Pada 21 April 2010, KPKT telah memaklumkan kepada pihak kontraktor bahawa pihak KPKT hanya akan menghadiri sesi T&C Loji Insinerator Pulau Pangkor selama 5 hari sahaja. Bagaimanapun, untuk menepati tempoh T&C tidak kurang 23 hari seperti dalam kontrak, tempoh selebihnya akan dilaksanakan sendiri oleh pihak kontraktor dan diperakui oleh perunding. Semakan Audit mendapati laporan T&C yang disediakan hanya untuk tempoh 5 hari sahaja yang dihadiri oleh pihak KPKT dan tiada bukti kontraktor telah menjalankan baki tempoh T&C seperti yang telah diarahkan.	Berdasarkan syarat-syarat Kontrak Reka dan Bina Edisi 2002 Klausa 47 (m/s 44), tempoh pelaksanaan T&C tidak dinyatakan. Tempoh 23 hari yang dinyatakan dalam *Critical Path Method* sebagai perancangan kontraktor dalam melaksanakan projek dan bukan sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.
15.5.3.3.b	**Kelulusan Pengujian Dan Pentauliahan Tidak Teratur** Berdasarkan kepada klausa 47 kontrak, kontraktor perlu membuktikan peralatan telah dipasang dengan sempurna dan keseluruhan sistem mampu berfungsi seperti yang telah ditetapkan. Kontraktor harus membaiki atau mengganti kerosakan yang berlaku semasa T&C. Semakan Audit terhadap laporan T&C bagi 3 projek iaitu Loji Insinerator Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Cameron Highlands mendapati berlaku beberapa ketidakpatuhan namun T&C diluluskan dan tiada bukti menunjukkan T&C secara keseluruhan dilakukan sekali lagi bagi membuktikan keseluruhan sistem mampu berfungsi seperti yang ditetapkan sebelum CPC dikeluarkan. Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Antara perkara yang tidak dipatuhi adalah julat suhu, peratus bottom ash yang dihasilkan dan jumlah sisa pepejal yang sepatutnya dibakar dalam tempoh*	Maklum balas KPKT dikekalkan seperti di para 15.5.3.3.b.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	yang ditetapkan. Bagaimanapun, bagi peratus bottom ash ia masih mematuhi standard yang diguna pakai di peringkat antarabangsa. Pada pendapat Audit, T&C tidak diuruskan dengan teratur kerana tiada bukti tempoh pelaksanaan T&C dipatuhi sepenuhnya dan T&C diluluskan walaupun terdapat ketidakpatuhan yang ketara. Pihak Audit juga berpendapat objektif T&C untuk memastikan semua spesifikasi kerja dipatuhi dan keseluruhan sistem dapat berfungsi dengan sempurna tidak dicapai sepenuhnya.	
15.5.3.4	**Kualiti Pembinaan Kurang Memuaskan** Pembinaan yang dibuat dan kemudahan yang disediakan perlulah berkualiti seperti mana yang dinyatakan dalam spesifikasi kontrak. Pemeriksaan Audit di tapak projek Loji Insinerator Pulau Pangkor dan Loji Insinerator Cameron Highlands mendapati beberapa komponen, kemudahan dan struktur telah berkarat, rosak dan tidak berfungsi seperti mana yang sepatutnya. Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *Flexible seal di kedua-dua hujung rotary kiln memerlukan pergerakan bebas. Regangan berkenaan telah menyebabkan bottom ash terkeluar daripada rotary kiln. Kerja-kerja pembersihan perlu dilakukan dari masa ke semasa secara manual. Sebagai penambahbaikan, collection hopper digunakan.* Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *Kerosakan terhadap peralatan telah diperbaiki. Bagi isu keretakan, KPKT sedia maklum bahawa pemendapan akan berlaku disebabkan oleh tapak projek merupakan bekas tapak pelupusan yang mengandungi sisa pepejal sedalam 4 hingga 9 meter melebihi paras tanah. Bagi mengelakkan keadaan ini, kontraktor telah mencadangkan penggunaan cerucuk dengan anggaran kos RM1.98 juta. Namun Mesyuarat Penyelarasan Projek-projek Pembinaan Insinerator tidak bersetuju untuk menggunakan cerucuk kerana kos baik pulih struktur dijangka lebih murah.* Pada pendapat Audit, kualiti pembinaan insinerator adalah kurang memuaskan kerana terdapat kerosakan pada struktur bangunan serta komponen loji yang	Maklum balas KPKTdikekalkan seperti di para 15.5.3.4.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	baru dibina telah rosak dan berkarat walaupun hanya berusia antara 1 hingga 2 tahun. Sehubungan itu, pihak kontraktor seharusnya mereka bentuk projek dengan mengambil kira tapak projek yang merupakan bekas tapak pelupusan sisa pepejal.	
15.5.4.2	**Fasiliti/Peralatan Tidak Digunakan Di Loji Insinerator Yang Siap Dibina** Semakan Audit mendapati sejumlah RM0.55 juta telah dibayar bagi *treatment and bagging facilities* untuk 4 loji insinerator. Lawatan Audit ke semua loji insinerator mendapati sebanyak 41 *ash storage bin* yang merupakan sebahagian daripada komponen *treatment and bagging facilities* telah dibekalkan. Semasa lawatan di Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati *ash storage bin* tidak digunakan dan hanya disimpan serta telah berkarat. Kos sebenar *ash storage bin* tidak dapat ditentukan kerana kosnya dinyatakan secara *lump sum* di *treatment and bagging facilities* dalam kontrak. *Fly ash* yang terhasil terus dikumpulkan ke dalam *giant bag* dan pihak Audit dimaklumkan kaedah ini akan digunakan di semua loji. Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013 *Pihak operator iaitu XCNT mendapati penggunaan ash storage bin adalah tidak praktikal kerana menyukarkan kerja pengendalian fly ash terutama semasa kerja mengangkat dan memunggah. Bagi memudahkan pengendalian pengumpulan fly ash, pihak XCNT telah membuat pengubahsuaian terhadap reka bentuk ash storage bin.* Pada pendapat Audit, reka bentuk asal *ash storage bin* adalah tidak praktikal untuk digunakan dan tindakan ubah suai yang dibuat oleh XCNT adalah wajar bagi memastikan tidak berlaku pembaziran terhadap perolehan *ash storage bin* tersebut.	Maklum balas KPKTdikekalkan seperti di para 15.5.4.2.
15.5.5.1	**Pematuhan Terhadap Undang-undang Yang Berkaitan - Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) Tidak Dipatuhi** Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) menetapkan setiap tuan punya premis wajib untuk memastikan keselamatan di sekitar premis. JPSPN sebagai pemilik loji adalah bertanggungjawab untuk memastikan aspek keselamatan di dalam loji insinerator adalah terkawal sepanjang masa. Pemeriksaan Audit serta maklum balas yang diterima daripada laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan	*Hazard Identification Risk Assessment and Risk Control (HIRARC) dan Prosedur Kerja Selamat (SOP) juga telah disediakan* pada bulan Mac 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pekerjaan (JKKP) pada 31 Oktober 2012 mendapati masih ada beberapa kelemahan pengurusan dan penjagaan aspek keselamatan di loji insinerator. Antaranya adalah tiada dasar keselamatan pekerjaan dirangka oleh operator mahupun JPSPN; tiada kaedah yang praktikal diwujudkan oleh operator atau JPSPN untuk mengurangkan kesan suhu yang tinggi kepada pekerja; penaksiran risiko bahan kimia kepada kesihatan tidak dibuat; *Emergency Response Plan* tidak dibuat; pakaian dan peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai tidak disediakan kepada pekerja; tiada bukti latihan yang bersesuaian telah diberikan kepada pekerja; dan tiada bukti Prosedur Kerja Selamat ada disediakan. Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *Dasar keselamatan pekerjaan telah diwujudkan oleh operator dan telah dipaparkan dalam bangunan loji insinerator. Bagi mengurangkan kesan suhu yang tinggi kepada pekerja, kawasan zon panas telah ditandakan (buffer). Selain itu, pihak operator telah melantik perunding bagi menjalankan Hazard Identification Risk Assessment and Risk Control (HIRARC) dan Prosedur Kerja Selamat (SOP) juga telah disediakan.*	
15.5.5.2	**Akta Kilang Dan Jentera 1967 (Akta 139) Tidak Dipatuhi** Akta Kilang Dan Jentera 1967 telah menetapkan tanggungjawab pemilik premis untuk menyediakan kawalan berhubung dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang di dalamnya serta memastikan pendaftaran dan pemeriksaan ke atas jentera dibuat oleh pihak JKKP. Pemeriksaan Audit serta maklum balas yang diterima daripada laporan yang dikeluarkan oleh JKKP pada 31 Oktober 2012 mendapati kebenaran pengendalian jentera serta sijil perakuan kelayakan bagi menggunakan jentera masih belum diperolehi bagi 3 daripada 4 loji iaitu loji insinerator di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Cameron Highlands. Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *Kebenaran pengendalian jentera serta sijil perakuan kelayakan bagi Loji Insinerator Pulau Pangkor telah diperolehi oleh operator daripada JKKP pada 25 Mac 2013. Bagaimanapun bagi lokasi yang lain, kebenaran akan diperolehi apabila loji beroperasi.*	Maklum balas KPKT dikekalkan seperti di para 15.5.5.2.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit pihak kontraktor telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mematuhi peraturan berkaitan pengurusan keselamatan loji serta kesihatan pekerjaan walaupun tindakan yang diambil lewat daripada sepatutnya.	

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Jabatan Belia Sukan

Perenggan 16 : Pengurusan Program Pemberian Bantuan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.1.1	**Prestasi Program - Pencapaian *Output* Program** Bagi memastikan program ini dapat dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan setiap bahagian yang terlibat dikehendaki menyediakan sasaran output. Semakan Audit mendapati bahagian terlibat tidak menyediakan sasaran output tahunan. Bagaimanapun, berdasarkan rekod, Bahagian Pembangunan Sukan menjalankan aktiviti paling banyak bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012 iaitu sebanyak 1,865 aktiviti (49%). Ini diikuti oleh Bahagian Pembangunan Belia dengan aktiviti sebanyak 1,059 aktiviti (27.8%) dan Bahagian Pembangunan Rakan Muda dengan aktiviti sebanyak 813 aktiviti (21.5%). Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 13 Mei 2013 *Output tahunan tidak ditetapkan kerana kelulusan pemberian bantuan berdasarkan peruntukan tahunan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan kelayakan NGO yang memohon.*	Output tahunan tidak ditetapkan kerana kelulusan pemberian bantuan berdasarkan peruntukan tahunan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan kelayakan NGO yang memohon. Walaubagaimanapun sasaran keseluruhan output yang dirancang oleh Bahagian Pembangunan Sukan, Belia dan Rakan Muda yang telah ditetapkan di dalam Laporan Bajet Tahunan Kementerian.
16.5.2.1	**Pengurusan Program - Pejabat Operasi NGO/Persatuan/Pertubuhan** GPPB JBSN menetapkan bahawa pemberian bantuan adalah disasarkan kepada NGO/Persatuan/Pertubuhan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia/Pesuruhjaya Sukan atau Sekretariat Rakan Muda. Pejabat operasi NGO/Persatuan/Pertubuhan tersebut seharusnya disenggara dengan baik bagi memastikan pelaksanaan aktiviti dibuat selaras dengan objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, lawatan Audit ke 12 pejabat operasi NGO/Persatuan/Pertubuhan mendapati kesemua pejabat tidak menyimpan dokumen Program Pemberian Bantuan secara teratur dan lengkap. Keadaan ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan perincian butiran penerimaan dan pembayaran bagi aktiviti di bawah program tersebut. Selain itu didapati keadaan 10 daripadanya tidak kondusif/sesuai.	JBSN telah mengarahkan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia; Pesuruhjaya Sukan dan Majlis Belia Malaysia untuk mengambil langkah sewajarnya ke atas pejabat operasi NGO yang berdaftar tersebut. Selain itu, JBSN turut menetapkan agar penerima bantuan memastikan dokumentasi berkaitan pemberian bantuan disimpan secara sistematik di dalam Prosedur Pengendalian Standard yang baru dikeluarkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013 *JBSN telah mengarahkan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia; Pesuruhjaya Sukan dan Majlis Belia Malaysia untuk mengambil langkah sewajarnya ke atas pejabat operasi NGO yang berdaftar tersebut. Selain itu, JBSN turut menetapkan agar penerima bantuan memastikan dokumentasi berkaitan pemberian bantuan disimpan secara sistematik di dalam Prosedur Pengendalian Standard yang baru dikeluarkan.* Pada pendapat Audit, keadaan pejabat operasi NGO/persatuan/pertubuhan perlulah kondusif/sesuai supaya NGO/Persatuan/Pertubuhan dapat merancang dan melaksanakan program/aktiviti dengan sempurna serta dapat menyimpan maklumat program dengan teratur dan selamat.	
16.5.2.2.a.i	**Permohonan Dan Kelulusan Program - Kelulusan Tidak Mematuhi Syarat Yang Ditetapkan** Jawatankuasa Pemberian Bantuan di Peringkat Negeri telah diberikan mandat untuk meluluskan permohonan yang tidak melebihi RM10,000. Bagaimanapun, sebanyak 73 permohonan yang keseluruhannya bernilai RM2.12 juta telah diluluskan oleh Jawatankuasa Bantuan Peringkat Negeri Sarawak pada tahun 2011. Nilai permohonan bagi setiap program berkenaan adalah antara RM20,000 hingga RM29,000. Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *Penurunan kuasa kepada Pengarah JBS Negeri Sarawak telah dibuat bagi had amaun tidak melebihi RM30,000.*	Penurunan kuasa kepada Pengarah JBS Negeri Sarawak telah dibuat bagi had amaun tidak melebihi RM30,000. Tiada lagi isu yang sama berulang di dalam permohonan pemberian bantuan selaras dengan Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB) Tahun 2013 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013.
16.5.2.2.a.ii	Semakan Audit selanjutnya di 3 negeri yang dilawati (Johor, Sarawak dan Pahang) mendapati 29 program yang nilai keseluruhan permohonannya berjumlah melebihi RM10,000 setiap satu telah diluluskan di Peringkat Negeri secara pecah kecil, di mana setiap program telah dipecah kecilkan antara 2 kali hingga 4 kali permohonan dengan nilai setiap transaksi pecah kecil antara RM1,500 hingga RM10,000. Pecah kecil ini berlaku bagi mengelakkan program tersebut dirujuk kepada Jawatankuasa Pelulus yang lebih tinggi iaitu di Peringkat Jabatan dan Kementerian. Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 13 Mei 2013	Surat Peringatan telah dikeluarkan kepada semua Pengarah JBS Negeri bagi mematuhi had kelulusan yang ditetapkan sebelum meluluskan sesuatu bantuan. Penambahbaikan telah dibuat di dalam Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB) Tahun 2013 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013. Mana-mana permohonan yang melebihi had kuasa Pengarah JBS Negeri akan dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa Permohonan Pemberian Bantuan di peringkat Jabatan dan Kementerian.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Surat Peringatan telah dikeluarkan kepada semua Pengarah JBS Negeri bagi mematuhi had kelulusan yang ditetapkan sebelum meluluskan sesuatu bantuan. Pada pendapat Audit, kelulusan pemberian bantuan oleh Jawatankuasa Pemberian Bantuan perlu dilaksanakan selaras dengan had yang ditetapkan.	
16.5.2.3.b.i	**Perwujudan Cawangan Perhubungan Strategik dan Aktiviti Kendaliannya - Bilik Gerakan Transformasi Belia** Program Bilik Gerakan Transformasi Belia merupakan *'command centre'* yang bertindak merangka strategi dalam mendekati dan meningkatkan penglibatan generasi muda secara terus di peringkat akar umbi serta dalam usaha mengenal pasti trend dan pola penglibatan golongan belia masa kini melalui pengumpulan data tertentu. Peruntukan sejumlah RM80,000 telah diluluskan bagi tahun 2012 untuk projek tersebut. Lawatan Audit di Kompleks Belia Dan Sukan, Kuching, Sarawak mendapati Bilik Gerakan Transformasi Belia telah diwujudkan di Aras G kompleks tersebut. Berdasarkan maklum balas pegawai JBS Cawangan Kuching, perancangan asal bilik gerakan tersebut adalah bilik gimnasium untuk kegunaan umum. Kesannya, peralatan gimnasium terpaksa ditempatkan di ruang legar pintu masuk Aras G kompleks tersebut yang terdedah kepada risiko kehilangan dan kecurian. Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *JBSN telah mengambil tindakan menempatkan peralatan tersebut di Bilik Gimnasium yang pada asalnya merupakan Bilik Komputer yang tidak digunakan.*	JBSN telah mengambil tindakan menempatkan peralatan tersebut di Bilik Gimnasium yang pada asalnya merupakan Bilik Komputer yang tidak digunakan. Tiada lagi isu yang sama berulang di dalam permohonan pemberian bantuan selaras dengan Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB) Tahun 2013 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013.
16.5.2.4.a	**Skop Program/Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan – Lawatan** Adalah didapati Jawatankuasa Pemberian Bantuan JBSN telah meluluskan 4 program pemberian bantuan yang berunsurkan lawatan dengan kos RM0.59 juta. Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *Program tersebut bukan program lawatan sebaliknya merupakan program pembangunan belia dan sukan. Ia bertujuan untuk menjalinkan hubungan antarabangsa dengan negara luar, memperkukuhkan jaringan hubungan antara keseluruhan belia Malaysia di luar negara dan membentuk serta menjalin hubungan dua hala di antara pelajar dan pemimpin. Selain itu, program tersebut turut*	Program tersebut bukan program lawatan sebaliknya merupakan program pembangunan belia dan sukan. Ia bertujuan untuk menjalinkan hubungan antarabangsa dengan negara luar, memperkukuhkan jaringan hubungan antara keseluruhan belia Malaysia di luar negara dan membentuk serta menjalin hubungan dua hala di antara pelajar dan pemimpin. Selain itu, program tersebut turut mendedahkan para belia kepada idea baru yang sesuai untuk diterapkan dalam pelaksanaan program belia di Malaysia. Jabatan mengambil maklum penggunaan tajuk lawatan dalam

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mendedahkan para belia kepada idea baru yang sesuai untuk diterapkan dalam pelaksanaan program belia di Malaysia.	pemilihan program dan pindaan kepada GPPB telah diambil dengan menetapkan kelulusan permohonan bantuan boleh dipertimbangkan sekiranya melibatkan program pertukaran belia yang berfaedah kepada pembangunan belia dan sukan. 4 program adalah seperti berikut:- 1)Misi Lawatan Pemimpin – pemimpin Belia Negeri P.Pinang ke Negara Vietnam. Program ini adalah sebagai titik permulaan kepada Majlis Belia Negeri Pulai Pinang menjalinkan hubungan antarabangsa dengan negara luar. 2)Program Integrasi Belia Serumpun Malaysia dan Indonesia. Matlamat program ini adalah untuk memperkukuhkan jaringan hubungan antara keseluruhan belia Malaysia yang tinggal di Indonesia terutamanya kalangan pelajar yang sedang menuntut di pelbagai wilayah di negara tersebut. Program ini juga dikenali sebagai *Bandung Games.* Pengisian program adalah berbentuk aktiviti kesukanan. 3)Program Sembang – sembang Mesra Belia Luar Negara di Rusia dan Jepun. Program ini bertujuan membentuk dan menjalin hubungan dua hala di antara pelajar dan pemimpin negara selain usaha promosi program Rakan Muda Luar Negara. Di antara pengisian program adalah mesyuarat dan dialog di antara para pelajar, NGO dan pemimpin. 4)Program Pertukaran Malaysia China 2012. Program ini merupakan persetujuan bersama YB Perdana Menteri semasa lawatan ke China. Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Kerajaan Negara China dan mewujudkan jaringan hubungan dengan pertubuhan – pertubuhan belia bukan kerajaan di peringkat antarabangsa.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.2.4.b	**Pembelian Aset** Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pemberian Bantuan di peringkat Kementerian telah meluluskan permohonan bantuan bagi tujuan pembelian aset. Pada tahun 2011, pembelian aset melibatkan Pembangunan Sistem Profil Belia (Malaysia Register Voters Information System - MARVIS) berjumlah RM400,000 yang disalurkan melalui Majlis Belia Felda Malaysia. Selain itu semakan Audit turut mendapati, sebahagian bantuan aktiviti yang telah diluluskan digunakan bagi tujuan pembelian aset. Ini melibatkan perbelanjaan berjumlah RM2.34 juta.	JBSN mengambil perhatian perkara ini dan surat peringatan berkaitan larangan pembelian aset menggunakan peruntukan pemberian bantuan telah dikeluarkan pada 22 Februari 2013 kepada NGO/Persatuan/ Pertubuhan. Tiada lagi pembelian aset di dalam permohonan pemberian bantuan selaras dengan Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB) Tahun 2013 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013.
16.5.2.4.c	**Pembinaan/Pembaikan Bangunan/Pejabat** Adalah didapati peruntukan pemberian bantuan telah digunakan bagi tujuan pembinaan/pembaikan bangunan/pejabat berjumlah RM0.28 juta. Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *JBSN mengambil perhatian perkara ini dan surat peringatan berkaitan larangan pembelian aset menggunakan peruntukan pemberian bantuan telah dikeluarkan pada 22 Februari 2013 kepada NGO/Persatuan/ Pertubuhan.*	
16.5.2.4.d	**Program Kendalian Kementerian/Jabatan** Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 antaranya menetapkan agar setiap Kementerian/Jabatan menyediakan peruntukan tahunan bersamaan sekurang-kurangnya satu peratus (1%) daripada peruntukan emolumen bagi tujuan latihan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati peruntukan pemberian bantuan berjumlah RM18,000 turut digunakan untuk menampung sebahagian kos program latihan kepada pegawai Kementerian/Jabatan.	Surat Pekeliling Ketua Pengarah JBSN Bil. 1 Tahun 2013 telah dikeluarkan sebagai peringatan agar peruntukan pemberian bantuan tidak digunakan bagi tujuan perbelanjaan pegawai. Bagi perbelanjaan di bawah program sembang-sembang Belia 1 Sarawak dan Karnival Mesra Belia 1 Sarawak, ianya dibuat atas faktor program dilaksanakan di 71 lokasi berbanding jumlah tenaga kerja, kenderaan serta peralatan yang terhad di JBS Sarawak. Tiada lagi isu yang sama berulang di dalam permohonan pemberian bantuan selaras dengan Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB) Tahun 2013 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013.
16.5.2.4.e	**Perbelanjaan Pegawai** Hasil semakan Audit mendapati sejumlah RM43,495 telah digunakan bagi menampung kos penginapan urus setia yang merupakan pegawai JBSN/JBS Negeri dari Semenanjung Malaysia yang terlibat untuk Program Sembang-sembang Belia 1 Sarawak dan Karnival Mesra Belia 1 Sarawak bagi bulan Februari hingga April 2011. Selain itu, sejumlah RM105,700 dan RM29,000 telah digunakan bagi menampung kos sewaan kenderaan dan peralatan bagi kegunaan pegawai tersebut. Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013 dan 4 Mac 2013	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Surat Pekeliling Ketua Pengarah JBSN Bil. 1 Tahun 2013 telah dikeluarkan sebagai peringatan agar peruntukan pemberian bantuan tidak digunakan bagi tujuan perbelanjaan pegawai. Bagi perbelanjaan di bawah program sembang-sembang Belia 1 Sarawak dan Karnival Mesra Belia 1 Sarawak, ianya dibuat atas faktor program dilaksanakan di 71 lokasi berbanding jumlah tenaga kerja, kenderaan serta peralatan yang terhad di JBS Sarawak. Pada pendapat Audit, JBSN hendaklah menjalankan pemantauan terhadap perbelanjaan yang dibuat oleh NGO/Persatuan/Pertubuhan bagi memastikan segala perbelanjaan yang dibuat selaras dengan objektif pemberian bantuan dan garis panduan yang dikeluarkan. Selain itu, penggunaan peruntukan di bawah program pemberian bantuan kepada NGO/Persatuan/Pertubuhan bagi program yang diadakan untuk pegawai Kementerian/Jabatan adalah tidak selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan.	
16.5.2.5.a	**Pembayaran Projek - Pembayaran Atas Nama/Melalui Pegawai JBSN** Arahan Perbendaharaan 99(b) menyatakan bahawa nama seseorang pegawai Kerajaan tidak boleh dicatat sebagai penerima bayaran pada sesuatu baucar kecuali berkenaan dengan gaji, pendahuluan dan pinjaman atau tuntutan persendirian yang lain. Hasil semakan Audit mendapati 29 pembayaran berjumlah RM1.26 juta yang dibuat atas nama/melalui 19 pegawai Kementerian/JBSN untuk pelaksanaan pelbagai aktiviti/program NGO/Persatuan/Pertubuhan. Setiap pembayaran tersebut adalah antara RM280 hingga RM332,473. Baucar bayaran yang disediakan oleh NGO/Persatuan/Pertubuhan menunjukkan penerimaan oleh pegawai Kerajaan daripada JBSN dan JBS Negeri. Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 dan 13 Mei 2013 *JBSN mengambil perhatian serius berkaitan perkara ini. Surat Peringatan daripada Pegawai Pengawal kepada pegawai yang terlibat telah dikeluarkan. Selain itu, penambahbaikan di dalam GPPB JBSN telah dibuat di mana ianya telah disediakan, disemak dan dipersetujui bersama pegawai dari Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM).* Pada pendapat Audit, penyerahan/pengambilan wang pemberian bantuan kepada/oleh pegawai Kementerian/JBSN boleh mendedahkan kepada risiko penyelewengan terutamanya jika tiada kawalan dan pemantauan yang rapi dibuat. Sekiranya perlu, ia hendaklah dibuat selaras dengan Arahan Perbendaharaan 96.	JBSN mengambil perhatian serius berkaitan perkara ini. Surat Peringatan daripada Pegawai Pengawal kepada pegawai yang terlibat telah dikeluarkan. Selain itu, penambahbaikan di dalam GPPB JBSN telah dibuat di mana ianya telah disediakan, disemak dan dipersetujui bersama pegawai dari Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM). Tiada lagi isu yang sama berulang di dalam permohonan pemberian bantuan selaras dengan Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB) Tahun 2013 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.2.5.b	**Penyimpanan Wang Bantuan** GPPB 5 November 1997 menetapkan bahawa penyaluran wang bantuan kepada NGO/persatuan/pertubuhan perlu dibuat ke dalam akaun berasingan bagi tujuan kawalan. Selain itu, Surat Setuju Terima yang ditandatangani oleh NGO/Persatuan/Pertubuhan antaranya menetapkan agar NGO/ Persatuan/Pertubuhan menyimpan wang bantuan yang diterima di dalam akaun berasingan. Semakan Audit terhadap sampel yang dipilih mendapati kesemua NGO/Persatuan/Pertubuhan yang menerima bantuan tidak menyimpan wang bantuan di dalam akaun yang berasingan, sebaliknya di dalam akaun NGO/Persatuan/Pertubuhan tersebut. Perkara ini bagaimanapun tidak pernah dibangkitkan oleh JBSN sama ada di peringkat Ibu Pejabat mahupun JBS Negeri. Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013 *JBSN akan menasihatkan NGO/Persatuan/Pertubuhan supaya menyimpan wang pemberian bantuan di dalam lejar yang berasingan bagi memudahkan kawalan dan pengurusan wang berkenaan selaras dengan GPPB JBSN/2012.* Pada pendapat Audit, penyimpanan wang pemberian bantuan perlu dibuat selaras dengan ketetapan. Ini kerana tindakan tersebut memudahkan NGO/ Persatuan/Pertubuhan bagi tujuan perekodan dan pengesanan memandangkan NGO/Persatuan/Pertubuhan turut menerima sumber kewangan daripada pelbagai punca.	JBSN akan menasihatkan NGO/Persatuan/Pertubuhan supaya menyimpan wang pemberian bantuan di dalam lejar yang berasingan bagi memudahkan kawalan dan pengurusan wang berkenaan selaras dengan GPPB JBSN/2012. Tiada lagi isu yang sama berulang di dalam permohonan pemberian bantuan selaras dengan Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB) Tahun 2013 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013.
16.5.2.5.c	**Pengembalian Lebihan Peruntukan** GPPB JBSN tidak menyatakan dengan jelas tindakan yang perlu dibuat terhadap lebihan peruntukan setelah perbelanjaan dibuat oleh NGO/ Persatuan/Pertubuhan bagi sesuatu program/aktiviti. Isu lebihan peruntukan ini juga tidak pernah dibangkitkan di dalam mesyuarat jawatankuasa sama ada di peringkat Kementerian/JBSN/Negeri. Berdasarkan semakan yang dibuat, didapati lebihan peruntukan tidak pernah dikutip atau diserahkan kembali kepada JBSN. Sebagai contoh, lebihan peruntukan bagi 3 program yang disemak di MBM adalah berjumlah RM1.55 juta atau antara 31.2% hingga 97.8%. Pada pendapat Audit, proses susulan terhadap lebihan peruntukan perlu dijelaskan dengan terperinci dalam peraturan mengenai pengurusan pemberian bantuan JBSN bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap program yang dibiayainya.	JBSN mengambil maklum dan akan memastikan perkara ini dilaksanakan di semua peringkat Jabatan. Selain itu, Garis Panduan Pemberian Bantuan dan Prosedur Pengendalian Standard (SOP) JBSN dan NGO telah ditambah baik bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.2.5.d	**Tuntutan Dan Bayaran Berulang** Semakan Audit terhadap pembayaran yang telah dibuat oleh Majlis Belia Malaysia mendapati 6 tuntutan pembayaran terhadap kerja yang sama dilakukan oleh kontraktor sebanyak 2 hingga 3 kali, di mana nilai setiap tuntutan adalah antara RM26,500 hingga RM41,000. Semakan Audit selanjutnya mendapati MBM telah membuat pembayaran terhadap setiap tuntutan tersebut menyebabkan pembayaran terhadap kerja yang sama dibuat berulang kali dan nilai keseluruhan adalah berjumlah RM0.43 juta. Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 dan 13 Mei 2013 *JBSN telah menghantar surat kepada pihak MBM untuk mengutip lebihan bayaran berjumlah RM220,900 melibatkan Syarikat M&S Event & Resources dengan jumlah RM186,300 dan Syarikat Khaliff Enterprise dengan jumlah RM34,600 dan kutipan lebihan bayaran sedang dibuat oleh MBM. Surat Peringatan kepada MBM mengenai perkara ini juga telah dikeluarkan. Selain itu, Jawatankuasa Siasatan telah dibentuk untuk menyiasat perkara ini dan penambahbaikan telah dibuat ke atas GPPB JBSN.* Pada pendapat Audit, pembayaran terhadap kerja yang sama sebanyak 2 hingga 3 kali menunjukkan berlakunya *improper payment*. Jawatankuasa siasatan hendaklah ditubuhkan bagi menyiasat perkara tersebut dengan lebih lanjut.	Perkara ini telah pun selesai.
16.5.2.5.e	**Pembayaran Menggunakan Baucar Bayaran Jabatan** Semakan Audit terhadap pembayaran bagi Program Sembang-sembang Belia Sarawak 2011 mendapati pembayaran berjumlah RM1.53 juta tidak menggunakan baucar bayaran MBM. Berdasarkan temu bual bersama pegawai di MBM, beliau memaklumkan bahawa baucar bayaran tersebut merupakan baucar bayaran yang dikeluarkan oleh pihak JBSN. Bagaimanapun, baucar tersebut merupakan baucar cetakan komputer yang tidak mempunyai nombor siri berturutan dan bukan baucar bayaran rasmi Kerajaan (KEW. 304E - Pin. 1/09). Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan kesahihan bayaran tersebut. Pada pendapat Audit, perbelanjaan yang dilakukan menunjukkan berlakunya *improper payment*. Jawatankuasa siasatan hendaklah ditubuhkan bagi menyiasat perkara tersebut dengan lebih lanjut dan memastikan tiada unsur penyelewengan berlaku.	Jawatankuasa Siasatan telah melaporkan bahawa tiada unsur-unsur penyelewengan di dalam isu ini. Tiada lagi isu yang sama berulang di dalam permohonan pemberian bantuan selaras dengan Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB) Tahun 2013 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 13 Mei 2013 *Jawatankuasa siasatan telah ditubuhkan mulai 3 Mei 2013 dan perkara ini masih dalam proses siasatan.*	
16.5.2.5.f	**Bayaran Bagi Menampung Perbelanjaan Hari Belia Negara** Hari Belia Negara (HBN) merupakan antara program terpenting di bawah kendalian Kementerian Belia dan Sukan. Semakan Audit mendapati peruntukan Program Pemberian Bantuan yang masing-masingnya berjumlah RM18.25 juta dan RM12.61 juta digunakan bagi menampung perbelanjaan Hari Belia Negara pada tahun 2011 dan 2012. Peruntukan tersebut disalurkan melalui beberapa NGO/Persatuan/Pertubuhan, di mana MBM merupakan penerima peruntukan terbesar. Pada tahun 2011 dan 2012, peruntukan Program Pemberian Bantuan bagi menampung perbelanjaan HBN melalui MBM adalah masing-masingnya berjumlah RM8.40 juta (46%) dan RM7.92 juta (62.8%) berbanding keseluruhan peruntukan. Peruntukan yang disalurkan melalui beberapa NGO/Persatuan/Pertubuhan bagi membiayai program tersebut menyebabkan jumlah perbelanjaan sebenar HBN yang dilaporkan oleh Kementerian terkurang nyata.	
16.5.2.5.g	**Perbelanjaan Tidak Berhemat** Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008 menetapkan agar perjalanan dalam negeri dihadkan kepada perjalanan yang benar-benar perlu sahaja dengan bilangan pegawai yang minimum dan cara perjalanan yang menjimatkan, tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan. Selain itu, penganjuran acara majlis keraian hendaklah dibuat secara sederhana dan dihadkan kepada perkara yang penting yang tidak melibatkan perbelanjaan besar seperti sambutan besar-besaran dan pertunjukan pentas. Manakala Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 turut menyatakan bahawa majlis dan upacara keraian seperti pembukaan pejabat/persidangan/mesyuarat, penyampaian hadiah, perasmian bengkel/ kursus hendaklah dihadkan. Sekiranya perlu diadakan, Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan hendaklah memastikan ia dibuat pada tahap yang sederhana dan tidak melibatkan perbelanjaan besar dan membazir. Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 17 Disember 2009 pula menyatakan kepentingan amalan perbelanjaan berhemat oleh Pegawai Pengawal dengan lebih tegas iaitu menghentikan amalan hidangan secara besar-besaran dan menghentikan pemberian *door gift* sebagai langkah penjimatan. Semakan Audit bagaimanapun mendapati terdapat perbelanjaan yang dilakukan secara tidak berhemat.	Selaras dengan Perkeliling ini, majlis keraian iaitu Majlis Penghargaan Petugas-petugas Hari Belia Negara Tahun 2013 tidak diadakan seperti tahun-tahun terdahulu. Majlis tersebut diganti dengan menghantar surat penghargaan kepada pihak yang terlibat sahaja

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.2.5.g.i	**Program Rakan Muda Sekolah** JBSN telah mengadakan program Gerak Gempur Rakan Muda Sekolah pada tahun 2009. Pada peringkat awal, JBSN telah memperuntukkan sejumlah RM10.92 juta bagi tujuan pelaksanaan program ini di mana ia melibatkan sebanyak 2,183 buah sekolah dengan penyertaan seramai 419,116 orang pelajar. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sejumlah RM2.70 juta telah dibelanjakan bagi tujuan Majlis Pelancaran Program menyebabkan peruntukan keseluruhan program mencecah sejumlah RM13.62 juta (peningkatan sebanyak 24.7%). Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *Kos pelancaran Program Rakan Muda Sekolah termasuk perbelanjaan penyediaan logistik, promosi, makan minum dan pengangkutan pelajar di samping membiayai aktiviti sampingan semasa pelancaran seperti pameran dan aktiviti sukan.*	Kos pelancaran Program Rakan Muda Sekolah termasuk perbelanjaan penyediaan logistik, promosi, makan minum dan pengangkutan pelajar di samping membiayai aktiviti sampingan semasa pelancaran seperti pameran dan aktiviti sukan. Tiada lagi isu yang sama berulang di dalam permohonan pemberian bantuan selaras dengan Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB) Tahun 2013 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013
16.5.2.5.g.ii	**Hari Belia Negara** Adalah didapati beberapa perbelanjaan bagi Hari Belia Negara yang menggunakan peruntukan Program Pemberian Bantuan tidak dibuat dengan berhemat seperti berikut:- • Sejumlah RM42,500 telah digunakan bagi tujuan pembekalan 17 unit papan tanda robot untuk pejalan kaki yang bernilai RM2,500 seunit. • Sejumlah RM2.94 juta didapati digunakan untuk perbelanjaan semasa Hari Belia Negara 2012. • Sejumlah RM179,080 didapati telah digunakan untuk perbelanjaan Majlis Makan Malam Petugas HBN 2012, di mana terdapat peningkatan perbelanjaan sebanyak 80.2% berbanding sejumlah RM99,365 yang telah dibelanjakan untuk majlis yang sama pada tahun sebelumnya. Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013 *Papan tanda robot yang digunakan adalah mahal disebabkan faktor saiz dan ciri inovasi.*	Papan tanda robot yang digunakan adalah mahal disebabkan faktor saiz dan ciri inovasi. Harga robot tersebut adalah berpadanan dengan nilai reka cipta robot tersebut. Selain itu, perkhidmatan 14 buah bas '*charter service'* adalah bagi tujuan membawa peserta HBN. Secara keseluruhan peningkatan kos perbelanjaan Majlis Makan Malam HBN 2012 masih dalam kadar penjimatan. Ini berpandukan jumlah petugas yang meningkat berikutan peningkatan jumlah acara dan pengunjung sepanjang program iaitu sebanyak 520 acara pada tahun 2012 berbanding 200 acara pada tahun 2011 dan peningkatan pengunjung daripada 1 juta orang pada tahun 2011 kepada 2.5 juta pengunjung pada tahun 2012. Berpandukan kenaikan ini Kementerian hanyalah berbelanja sebanyak 80% walaupun peningkatan jumlah acara sebanyak 160%. Manakala Majlis Penghargaan Petugas-petugas Hari Belia Negara Tahun 2013 tidak diadakan seperti tahun-tahun terdahulu. Majlis tersebut diganti dengan menghantar surat penghargaan kepada pihak yang terlibat sahaja.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.2.5.g.iii	**Kad Keahlian Rakan Muda** Program Kad Keahlian Rakan Muda bertujuan menggalakkan/ mempromosikan penglibatan belia dalam aktiviti/program Rakan Muda. Ia juga adalah sebagai satu mekanisme bagi mengukur tahap penglibatan belia remaja yang berusia 15 hingga 25 tahun dalam aktiviti dan program Rakan Muda. Pemegang kad boleh menggunakan kad ini dengan melariknya *(swipe)* di terminal dan mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus melalui pembelian di premis perniagaan yang mengambil bahagian dalam program tersebut. Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani antara JBSN dan Majlis Leisure Dan Rekreasi Malaysia (MAFIRMA) untuk menjayakan program ini bagi tempoh 3 tahun dari tarikh MOU ditandatangani iaitu pada 6 Disember 2007. Selanjutnya MAFIRMA telah melantik Idea Kiosk Sdn. Bhd. (IKSB) bagi tujuan pelaksanaan program secara pakej dengan jumlah perbelanjaan berjumlah RM3.32 juta. Sungguhpun demikian, JBSN didapati telah membelanjakan sejumlah RM4.45 juta bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, iaitu peningkatan sejumlah RM1.13 juta (34%). Sungguhpun pelaksanaan program telah melibatkan perbelanjaan yang besar, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program seperti berikut:- • Berdasarkan MOU, MAFIMA perlu membekalkan kepada JBSN 1,000,000 kad plastik bercetak jalur magnet yang terdiri daripada 750,000 Kad Klasik; 200,000 Kad Emas dan 50,000 Kad Platinum. MAFIMA juga dipertanggungjawabkan dalam urusan kemasukan data ahli ke dalam sistem berkomputer yang disimpan di dalam server pusat berdasarkan borang permohonan yang diterima. Bagaimanapun sehingga Ogos 2012, hanya 750,000 keping Kad Klasik telah diagihkan kepada belia. Daripada jumlah tersebut hanya seramai 270,505 (36.1%) belia telah didaftarkan sebagai pemegang Kad Rakan Muda dan boleh menggunakan kemudahan tersebut. Sementara itu, adalah didapati seramai 479,495 belia tidak dapat didaftarkan sebagai pemegang Kad Rakan Muda kerana seramai 390,138 (52%) belia tidak mengisi borang permohonan dengan lengkap dan seramai 89,357 (11.9%) belia tidak mengembalikan borang permohonan keahlian. Ini menyebabkan kemudahan kad tidak boleh digunakan. • Berbanding keseluruhan ahli yang berdaftar, hanya seramai 27,823 orang (10.3%) yang dapat menggunakan kemudahan terminal tersebut. Berdasarkan maklum balas pegawai di Bahagian Pembangunan Rakan Muda, keadaan ini berlaku berikutan maklumat ahli pada pangkalan data tidak lengkap, mesin terminal yang diletakkan di kedai rakan niaga mengalami kerosakan dan mesin tidak diletakkan di kawasan terbuka menyebabkan sukar diakses oleh pemegang kad.	Kad Platinum dan Kad Emas yang tidak diagihkan telah disimpan oleh IKSB kerana tiada ruang simpanan di JBSN dan IKSB telah mengenakan caj penyimpanan. Bagaimanapun program ini telah ditamatkan pada bulan Julai 2012 kerana tempoh kontrak telah berakhir dan terdapat masalah pelaksanaan. JBSN telah mengambil semula lebihan kad dan meletakkannya di stor Bahagian Rakan Muda. Tiada lagi isu yang sama berulang di dalam permohonan pemberian bantuan selaras dengan Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB) Tahun 2013 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• Semakan selanjutnya mendapati, tiada Kad Emas dan Platinum diagihkan. Ini disebabkan tiada pemegang kad klasik yang mempunyai mata ganjaran yang mencukupi untuk melayakkannya mendapat kad emas atau platinum. Pada pendapat Audit program kad keahlian rakan muda ini amat merugikan Kerajaan. JBSN hendaklah menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak yang terlibat. Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013 *Kad Platinum dan Kad Emas yang tidak diagihkan telah disimpan oleh IKSB kerana tiada ruang simpanan di JBSN dan IKSB telah mengenakan caj penyimpanan. Bagaimanapun program ini telah ditamatkan pada bulan Julai 2012 kerana tempoh kontrak telah berakhir dan terdapat masalah pelaksanaan. JBSN telah mengambil semula lebihan kad dan meletakkannya di stor Bahagian Rakan Muda.*	
16.5.2.5.h	**Sumbangan Kepada Persatuan** GPPB JBSN tidak menyatakan dengan jelas sama ada sumbangan kepada persatuan sebagai caj pengurusan (*management fee)* bagi menjalankan aktiviti program Kementerian/Jabatan adalah dibenarkan atau sebaliknya. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012, semakan Audit mendapati terdapat sejumlah antara RM7,000 hingga RM20,000 pembayaran telah dibuat sebagai sumbangan kepada pengurusan bagi 4 persatuan kerana menjalankan program JBSN dengan jumlah keseluruhan RM47,000. Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 *Bayaran ini adalah bayaran pengurusan pelaksanaan program oleh NGO/ Persatuan/Pertubuhan.*	Bayaran ini adalah bayaran pengurusan pelaksanaan program oleh NGO/ Persatuan/Pertubuhan. Tiada lagi isu yang sama berulang di dalam permohonan pemberian bantuan selaras dengan Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB) Tahun 2013 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013.
16.5.2.5.I	**Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan/Perincian Yang Lengkap** Arahan Perbendaharaan 99(a) menetapkan agar semua baucar atau baucar elektronik disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap mengenai tiap-tiap satu perkhidmatan, bekalan atau kerja seperti tarikh, nombor, kuantiti dan kadar bagi membolehkan ia disemak tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain daripada yang disertakan. Bagaimanapun, semakan terhadap Laporan Pelaksanaan Program pada umumnya mendapati laporan yang disediakan tidak disertakan dengan	JBSN telah membuat penambahbaikan berkaitan hal ini di dalam Prosedur Pengendalian Standard yang baru dikeluarkan. Tiada lagi isu yang sama berulang di dalam permohonan pemberian bantuan selaras dengan Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB) Tahun 2013 yang mula berkuatkuasa pada

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bukti/dokumen pembayaran yang lengkap dan terperinci. Selain itu didapati juga baucar bayaran yang disediakan di kedua-dua peringkat pembayaran iaitu pembayaran oleh JBSN kepada NGO/Persatuan/Pertubuhan dan pembayaran oleh NGO/Persatuan/ Pertubuhan kepada pembekal pada umumnya tidak disertakan dokumen sokongan yang lengkap. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pembayaran telah dibuat dengan teratur kepada penerima dan bagi tujuan yang telah ditetapkan. Butirannya adalah seperti berikut:- i. Dokumen sokongan yang disertakan bersama Laporan Pelaksanaan Program didapati tidak disediakan/lengkap. Contohnya adalah seperti berikut:- • Laporan yang disediakan bagi Program Sembang-sembang Belia Peringkat Negeri Pahang yang pelaksanaannya meliputi beberapa lokasi tidak disertakan dengan resit pembayaran yang berkaitan. Selain itu, gambar yang dilampirkan bersama laporan tersebut bagi beberapa lokasi yang berbeza adalah sama. • Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) yang menerima peruntukan berjumlah RM8.50 juta dan RM0.75 juta pada tahun 2011 dan 2012 (sehingga Julai 2012) didapati tidak menyediakan laporan kewangan bagi setiap programnya. • Bagi Program Sembang-sembang Belia Sarawak, didapati senarai nama dan surat lantikan bagi pegawai yang terlibat iaitu Jawatankuasa Pemantau tidak disertakan. ii. Baucar bayaran oleh NGO/Persatuan/Pertubuhan yang disertakan tidak dilengkapkan dengan maklumat seperti tarikh pembayaran, butiran dan perincian perbelanjaan, pengesahan penerimaan, kaedah pembayaran (tunai/cek) serta nombor baucar atau rujukan pada baucar bayaran. Selain itu, terdapat juga baucar yang tidak mempunyai kepala surat rasmi pembayar. Sebagai contoh, nama penerima bayaran tidak dicatatkan di ruang yang disediakan di baucar bayaran bagi Program Karnival Kebudayaan Belia 1 Sarawak yang disalurkan kepada Majlis Belia Malaysia. iii. Baucar bayaran tidak disertakan dengan dokumen sokongan. Sebagai contoh, tiada invois disertakan bagi pembayaran terhadap Program Karnival Mesra Belia 1Malaysia LTDL 2012 berjumlah RM383,800 oleh Majlis Belia Malaysia, sebaliknya pembayaran yang dibuat adalah berdasarkan kepada sebut harga yang telah dipinda dan surat tuntutan dari persatuan/pembekal. iv. Sebahagian Surat Akuan Penerimaan yang disediakan didapati tidak dilengkapkan dengan butiran penerima seperti nama, nombor Kad Pengenalan dan jumlah penerimaan.	1 Julai 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013 *JBSN telah membuat penambahbaikan berkaitan hal ini di dalam Prosedur Pengendalian Standard yang baru dikeluarkan.* Pada pendapat Audit, penyediaan dokumen sokongan yang lengkap adalah penting bagi membolehkan proses pembayaran dilakukan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 99(a). Ketiadaan maklumat lengkap bagi perbelanjaan yang dibuat menunjukkan kawalan kewangan yang lemah dan boleh menyebabkan wang yang disalurkan terdedah kepada risiko salah guna dan penyelewengan.	
16.5.3.1	**Pemantauan** Garis Panduan untuk Pertimbangan Pemberian Bantuan Kepada Kerajaan Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (GPPB 5 November 1997) menetapkan agar Pegawai Pengawal mengemukakan Laporan Tahunan kepada Perbendaharaan Malaysia pada setiap hujung tahun dan sebelum 31 Januari tahun berikutnya yang mengandungi senarai NGO/Persatuan/Pertubuhan yang telah diberi bantuan, jumlah bantuan serta kegiatannya. Hasil semakan dan temu bual dengan pegawai terlibat, pihak Audit dimaklumkan bahawa laporan ini tidak pernah disediakan dan dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia. Juga didapati perkara ini tidak pernah ditegur oleh Perbendaharaan Malaysia.	JBSN mengambil maklum dan akan memastikan perkara ini dilaksanakan di semua peringkat Jabatan. Selain itu, GPPB JBSN turut ditambah baik bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.
16.5.3.2	Perenggan 8.6 GPPB JBSN menetapkan setiap NGO/Persatuan/ Pertubuhan perlu mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program dalam tempoh 30 hari selepas tarikh pelaksanaan program/aktiviti. Surat Persetujuan Penerimaan Bantuan di Perenggan (ii) juga telah menetapkan bahawa Laporan Pelaksanaan Program perlu dikemukakan dalam tempoh 14 hari selepas dari tarikh pelaksanaan program/aktiviti. Kegagalan dalam mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program dalam tempoh yang telah ditetapkan akan menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan pada masa akan datang. Semakan Audit yang dijalankan di peringkat Ibu Pejabat JBSN dan JBS Negeri mendapati secara umumnya kebanyakan Laporan Pelaksanaan Program/Aktiviti tidak dibuat/dihantar oleh NGO/persatuan/ pertubuhan yang terlibat. Bagaimanapun adalah didapati NGO/persatuan/ pertubuhan terlibat tidak disenaraihitamkan oleh JBSN dari terus menerima bantuan dan penyaluran bantuan masih lagi dibuat kepada NGO/Persatuan/ Pertubuhan tersebut. Pihak Audit turut mendapati perkara ini tidak pernah dibangkitkan/diberi perhatian yang serius oleh Jabatan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013 *JBSN mengambil maklum dan akan memastikan perkara ini dilaksanakan di semua peringkat Jabatan. Selain itu, GPPB JBSN turut ditambah baik bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.* Pada pendapat Audit, bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin pihak urus setia bantuan hendaklah memastikan Laporan Pelaksanaan Program/Aktiviti disediakan dan dihantar oleh NGO/Persatuan/Pertubuhan yang berkaitan. Laporan ini hendaklah disemak dan diteliti pelaksanaan dan perbelanjaannya agar selaras dengan objektif pemberian bantuan sebelum meluluskan permohonan seterusnya. Selain itu, tindakan tegas hendaklah diambil ke atas NGO/Persatuan/Pertubuhan yang tidak menghantar laporan tersebut mengikut ketetapan. Kementerian juga hendaklah memastikan Laporan Tahunan dihantar kepada Perbendaharaan seperti yang ditetapkan.	

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Perenggan 17 : Projek *Malaysian Emergency Response Services* (MERS) 999

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.1.2.a	**Prestasi Fizikal/Output** Tarikh siap projek CAPEX Fasa 1 yang melibatkan pembangunan 41 tapak ditetapkan pada 15 Disember 2010. Ia melibatkan pembangunan naik taraf 3 pusat panggilan kecemasan *Response Centre* (RC) Kuala Lumpur, RC Melaka dan RC Kuching serta 32 pusat panggilan agensi *Dispatch Centre* (DC) di Kawasan Tengah iaitu Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya. Pembangunan tapak adalah meliputi pembangunan sistem. Selain itu, pembangunan juga meliputi 6 Pusat Sokongan *Support Centre* (SC) iaitu 3 di Kuala Lumpur, 2 di Putrajaya dan satu di Cyberjaya. Projek CAPEX Fasa 1 telah siap dan beroperasi dalam tempoh yang ditetapkan.	Daripada jumlah tapak yang dinyatakan lewat jadual daripada garis masa (Pada masa tersebut), 9 tapak hanya menunggu kesediaan agensi untuk migrasi dan meneruskan pemasangan peralatan *Mobile CAD* (tidak melibatkan *connectivity*) sementara 2 tapak PDRM adalah ditangguhkan pelaksanaan serta 5 tapak lagi yang melibatkan KKM adalah melibatkan migrasi sepertimana berikut:- • 2 tapak iaitu IPD Sentul dan IPD Sg Buloh ditangguhkan pelaksanaannya oleh PDRM dan Kementerian pada Disember 2012 dan digantikan dengan skop tambahan sepertimana termasuk dalam persetujuan proses timbal balik antara Kementerian dengan TM dan; • 5 tapak (KKM) memerlukan kestabilan dan pemerhatian bagi proses migrasi bagi HKL terlebih dahulu sebelum migrasi lain – lain lokasi diteruskan. Walau bagaimanapun, status terkini semua tapak di bawah CAPEX Fasa 2 telah disiapkan dan sistem MERS 999 telah ditauliahkan sepenuhnya di kesemua lokasi. Selain itu, 34 buah tapak yang lewat beroperasi disebabkan oleh penentuan tarikh operasi yang perlu dipersetujui secara bersama oleh kesemua agensi kecemasan. Merujuk kepada *Schedule 4 Scope of Work*, Table D: *Project Management Plan*, di Perkara 7 *Project Implementation Timeline* (m/s 44) pada Kontrak CAPEX Fasa 2, perancangan garis masa pembangunan tapak agensi adalah berdasarkan perancangan awal yang dicadangkan oleh pihak TM. Walau bagaimanapun, perancangan ini juga tertakluk kepada perubahan yang berlaku apabila:
17.5.1.2.b	Tarikh siap projek CAPEX Fasa 2 pula ditetapkan pada 31 Disember 2012. CAPEX Fasa 2 ini, melibatkan pembangunan tambahan sebanyak 426 tapak. Pelaksanaannya turut melibatkan pertambahan kuantiti peralatan *Mobile CAD* sebanyak 20 unit pada kenderaan PDRM di Johor dan Kuala Lumpur.	
17.5.1.2.c	Laporan Kemajuan Kerja TM setakat bulan November 2012 melaporkan sebanyak 227 tapak (50.9%) telah disiapkan. Baki 219 tapak (49.1%) lagi masih di peringkat pembangunan.	
17.5.1.2.d	Analisis Audit terhadap 219 tapak dalam pembangunan menunjukkan 16 tapak telah melebihi tempoh siap yang di tetapkan antara 2 hingga 6 bulan.	
17.5.1.2.e	Analisis Audit terhadap 227 tapak yang telah siap mendapati sebanyak 34 tapak lewat beroperasi. Tempoh kelewatan adalah antara 2 hingga 6 bulan. Lawatan Audit pada 18 hingga 20 September 2012 di Pusat Panggilan Kecemasan Agensi PDRM, JBPM, KKM dan JPAM Negeri Pahang mendapati 6 DC masih belum beroperasi sejak 30 Julai 2012 kerana kakitangan belum menjalani latihan. Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Bagi kelewatan pembinaan tapak, kontrak pelaksanaan bagi tahun 2011-2012 hanya bermula pada 30 September 2011 dan kelewatan selama 9 bulan bagi memulakan kerja disebabkan oleh kelewatan kelulusan diperolehi daripada Agensi Pusat. Maka perubahan tempoh siap tapak terpaksa dipinda berdasarkan tempoh permulaan kerja. *Bagi kelewatan tapak beroperasi, kelewatan memulakan operasi bergantung pada justifikasi sistem perlu menjalani User Acceptance Test (UAT) oleh Master Of Trainer (MOT) dan pegawai di agensi telah diberi latihan. Pada masa yang sama keputusan untuk penetapan tarikh operasi ditentukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja MERS 999 bersama agensi terlibat. Oleh itu Kementerian tidak dapat menyeragamkan masa operasi kerana ia bergantung pada kesesuaian masa agensi.* Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan fizikal projek adalah tidak memuaskan kerana terdapat 16 tapak lewat disiapkan antara 2 hingga 6 bulan. Sebanyak 34 tapak telah siap tetapi lewat beroperasi antara 2 hingga 6 bulan dari tempoh yang ditetapkan. Kelewatan ini boleh menjejaskan objektif serta prestasi projek.	• terdapat permohonan perubahan skop kerja, tambahan lokasi dan pemindahan tapak; • Mesyuarat Jawatankuasa Kerja MERS 999 bersama Agensi terlibat tidak menetapkan tarikh operasi bagi agensi tersebut; dan • kesediaan *Master Of Trainer* (MOT) untuk memberikan latihan kepada petugas dan melaksanakan *User Acceptance Test* (UAT) merupakan salah satu punca kelewatan yang dikenalpasti. Status terkini semu tapak di bawah CAPEX Fasa 2 telah <u>beroperasi sepenuhnya dan telah ditauliahkan untuk penggunaan</u>. Pihak Agensi Kecemasan serta pihak TM telah diingatkan untuk memastikan perkara seumpama ini tidak akan berulang lagi di bawah kontrak perluasan tahun 2013-2014. Sebagai penambahbaikan, Pihak TM telah mengadakan bengkel kepada *Master of Trainer (MOT)* bagi menghasilkan Takwim Latihan MERS 999 Tahun 2013-2014. Takwim ini membolehkan program latihan dibuat dengan terancang sekaligus membantu dalam memastikan proses UAT dijalankan seperti perancangan asal. KKMM dan TM telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan Agensi Kecemasan terlibat bagi memastikan kerja-kerja boleh dilaksanakan mengikut perancangan.
17.5.1.3.a.iii	**Pencapaian *Outcome* Projek - Peringkat Pusat Panggilan Kecemasan (RC)** Panggilan palsu, panggilan yang diputuskan pemanggil, panggilan senyap dan panggilan tidak berkaitan kecemasan telah dikategorikan sebagai panggilan bukan kecemasan. Analisis Audit mendapati jumlah panggilan bukan kecemasan terus meningkat sebanyak 0.82 juta (4.9%) dari tahun 2010 hingga 2011 walaupun promosi dan kempen kesedaran kepada orang awam telah dilaksanakan. Pada pendapat Audit, objektif sistem MERS 999 untuk menapis panggilan palsu di agensi kecemasan telah tercapai. Ini dapat membantu agensi kecemasan mencapai KPI masing-masing dalam memberikan bantuan kecemasan kepada orang awam. Tindakan perlu diambil bagi menyelesaikan masalah panggilan bukan kecemasan.	KKMM telah mengenalpasti antara punca kepada masalah ini adalah disebabkan oleh program promosi yang kurang berkesan terhadap penggunaan talian kecemasan 999 dengan lebih berhemah. Oleh itu, Kajian Persepsi telah dilaksanakan pada Disember 2012 bagi mengkaji persepsi rakyat terhadap projek ini di empat (4) buah negeri yang telahpun dilengkapi dengan sistem MERS 999. Hasil kajian membolehkan KKMM membuat perancangan bagi menghasilkan *Blueprint* Program Promosi dan Kesedaran untuk Tahun 2013-2014. Susulan daripada teguran Jabatan Audit Negara (JAN), KKMM

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		telah mengarahkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk mengadakan mesyuarat bersama pihak Telco dan TM serta pihak Samsung bagi mendapatkan jalan penyelesaian kepada isu ini. Tindakan berterusan bagi mengenalpasi masalah dan jalan penyelesaian kepada isu ini sedang dilaksanakan.
17.5.1.4.a	**Pencapaian Kualiti Perkhidmatan** Sistem MERS 999 menjamin semua panggilan akan dijawab dan tiada panggilan tertinggal (zero drop call) kerana mempunyai keupayaan *automatic routing system* (ARS). ARS membolehkan jika talian sibuk, maka panggilan akan dijawab oleh mana-mana Pusat Panggilan MERS 999. Statistik bagi tempoh Januari hingga Ogos 2012 menunjukkan terdapat sejumlah 23.6 juta panggilan masuk di 3 RC. Semakan Audit mendapati daripada jumlah tersebut, sebanyak 7.65 juta (32.4%) merupakan panggilan tidak dijawab (*drop call*) berbanding dengan 15.95 juta jumlah panggilan yang dijawab oleh Pegawai Eksekutif Panggilan (*Professional Executive Officer* - PEO). Pada pendapat Audit, kualiti perkhidmatan menjawab panggilan kecemasan yang dikendalikan oleh TM tidak memuaskan kerana terdapat sebanyak 7.65 juta (32.4%) panggilan masuk yang tidak dijawab. Oleh yang demikian, objektif pelaksanaan Projek MERS 999 untuk mengatasi masalah *drop calls* masih belum tercapai.	Takrifan *drop call* bagi projek MERS 999 adalah panggilan yang telah pun dijawab oleh PEO tetapi telah terputus oleh 2 jenis senario:- • diputuskan oleh pemanggil sebelum sempat PEO siap mengendalikan panggilan tersebut; dan • terputus kerana masalah rangkaian pembekal-pembekal perkhidmatan telekomunikasi. Sehubungan itu, *Drop Call* adalah termasuk dalam statistik panggilan yang berjawab. Panggilan masuk 23.6 juta adalah jumlah panggilan yang masuk (*Call Offered*) dalam Rangkaian MERS 999 manakala 7.65 juta merupakan panggilan *abandon call* (pemanggil telah memutuskan panggilan sebelum sempat dijawab oleh PEO). *Abandon call* mengikut takrifan MERS 999 adalah panggilan masuk yang terputus sebelum sempat dijawab oleh PEO disebabkan oleh sikap pemanggil yang di luar kawalan RC. Untuk makluman, sistem MERS 999 di konfigurasikan untuk menjawab panggilan secara automatik (*automatic answer based on available PEO*). Untuk penambahbaikan, KKMM telah memasukkan takrifan '*MERS 999 Drop Call'* dan klausa berkaitan penalti dan rebet di dalam kontrak Pengurusan Operasi dan Penyelenggaraan MERS 999 tahun 2013 – 2015. Selain itu, pihak SKMM, selaku Regulator mempunyai *Mandatory Standard* untuk mengawalselia operasi RC. Di bawah piawaian ini, SKMM boleh mengenakan denda kepada TM sebanyak RM300,000 sekiranya gagal mematuhi piawaian yang telah ditetapkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.2.1.a	**Pengurusan Projek - Pengurusan Perolehan** Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) bertarikh 26 Mac 2008 menetapkan Surat Setuju Terima (SST) hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor dalam tempoh satu hari selepas surat kelulusan Kementerian Kewangan. Seterusnya, Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 pula menghendaki kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST bagi 3 kontrak lewat dikeluarkan antara 12 hingga 54 hari dari tarikh kelulusan. Selain itu, 2 kontrak iaitu *CAPEX* Fasa 2 dan *OPEX* (2011-2012) hanya ditandatangani selepas 8 hingga 10 bulan dari tarikh SST.	KKMM mengambil maklum akan ketetapan SAP bertarikh 26 Mac 2008 dan SPP Bil.5 Tahun 2007. KKMM telah mengemukakan permohonan perolehan secara rundingan terus kepada Kementerian Kewangan pada 8 Februari 2011 dan telah diluluskan pada 16 Jun 2011. Mesyuarat Rundingan Harga telah diadakan pada 15 Julai 2011 dan telah dimuktamadkan oleh Lembaga Perolehan A pada 19 Julai 2011. Kelewatan SST tidak dapat dielakkan memandangkan kuasa untuk menandatangani kontrak ini adalah di bawah bidang kuasa YB Menteri KPKK selaras dengan Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Semakan 1973) yang mana nilai kontrak melebihi RM100juta adalah di bawah bidang kuasa YB Menteri.
17.5.2.1.b	Bagi projek *CAPEX* Fasa 1 sejumlah RM26.4 juta telah dibayar berdasarkan keputusan mesyuarat antara KTAK dengan TM bertarikh 28 Mei 2007 sebelum Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. SST merupakan satu dokumen perundangan sah yang mengesahkan penerimaan tawaran berasaskan kepada syarat yang telah ditetapkan. KTAK tidak mematuhi syarat SPP Bil. 10 Tahun 1995 yang menetapkan SST perlu dikeluarkan sebelum bayaran kemajuan boleh dibayar sekiranya kontrak belum ditandatangani. Semakan Audit juga mendapati TM menerima bayaran di antara 2 hingga 17 bulan selepas memulakan kerja.	Sebagaimana pihak Audit sedia maklum, bayaran berjumlah RM26.4 juta tersebut telah diuruskan pembayarannya sewaktu di bawah seliaan pihak KTAK. KKMM ini tidak dapat memberi ulasan lanjut memandangkan tiada lagi wakil pegawai dari KTAK yang terlibat dengan projek ini untuk dihubungi. KKMM hanya mula melaksanakan pembayaran bagi kontrak ini mulai bulan Oktober 2009 iaitu setelah penggabungan kementerian. Untuk makluman pihak Audit juga, SST bagi kontrak ini telah dikeluarkan pada 14 Januari 2009.
17.5.2.1.c	SPP Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan tempoh sah laku jaminan bon pelaksanaan hendaklah dari tarikh jaminan dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak. Semakan Audit mendapati tempoh sah laku jaminan bon pelaksanaan bagi 3 kontrak tidak meliputi tempoh jaminan 12 bulan selepas kontrak berakhir. Nilai bon pelaksanaan yang terlibat adalah berjumlah RM9.95 juta. Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013 *Bagi pembayaran interim sebelum SST, Bahagian Kemudahan telah mengemukakan inbois daripada TM yang telah melaksanakan perkhidmatan dengan memuaskan kepada Bahagian Kewangan Kementerian untuk tindakan selanjutnya.* *Bagi kelewatan kontrak ditandatangani, Kementerian memaklumkan draf perjanjian telah dikemukakan oleh Bahagian Kemudahan kepada Penasihat Undang-undang (PUU), Kementerian pada 30 Januari 2012 untuk semakan. Namun disebabkan*	KKMM berpandangan bahawa pembayaran telah dibuat berdasarkan kepada dokumen perundangan yang sah. Pembayaran ini adalah berdasarkan kepada STK yang telah ditandatangani oleh pihak syarikat pada 3 Oktober 2011. Berdasarkan kepada Perkara 45, SPP Bil. 5 Tahun 2007, SST/STK adalah merupakan salah satu dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak. Satu ikatan kontrak telah wujud di antara kedua-dua pihak setelah Surat Setuju Terima ditandatangani dan diserahkan kepada Kementerian. Perenggan 2.4 Surat Tawaran Kerajaan, rujukan KPKK/CPP/(S)1410/209 (29) bertarikh 30 September 2011 menjelaskan kaedah bayaran bagi perolehan ini. Bagi kelewatan kontrak ditandatangani, Bahagian Kemudahan KKMM telah mengemukakan draf perjanjian kepada Penasihat

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	beban tugas yang tinggi di pejabat PUU maka terdapat kelewatan dalam memuktamadkan kontrak tersebut. Perkara ini telah dibawa ke dalam beberapa siri mesyuarat bersama Ketua Setiausaha agar kontrak boleh dimuktamadkan segera. Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan bagi projek ini tidak memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan kewangan berkaitan syarat pelaksanaan kontrak. Pembayaran dibuat tanpa dokumen perundangan yang sah sebelum ikatan kontrak rasmi dan kontrak lewat ditandatangani menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin.	Undang-undang (PUU) pada 30 Januari 2012 untuk semakan dan beberapa notis peringatan telah diberikan sebagai susulan atau peringatan supaya semakan ini disegerakan.
17.5.2.2.a	**Pentadbiran Perunding - Tatacara Pelantikan Perunding** i. Pelantikan perunding perlu mematuhi peraturan SPP Bil. 2 Tahun 2011 seperti berikut:- • perunding perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan; • mempunyai terma rujukan yang jelas dan bersesuaian dengan keperluan projek; dan • mempunyai cadangan teknikal dan cadangan kewangan bagi kos perunding. Bagi projek CAPEX Fasa 1, sejumlah RM44.29 juta telah dibayar kepada TM bagi perkhidmatan perunding. Ia meliputi perkhidmatan pengurusan projek (Project Management Consultancy - PMC) berjumlah RM21.74 juta dan perkhidmatan perunding kejuruteraan berjumlah RM22.55 juta. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan Kementerian telah mematuhi kesemua syarat yang ditetapkan kerana dokumen berkaitan seperti bilangan perunding, tempoh perkhidmatan, skop kerja yang dilaksanakan, gaji dan faktor perkalian (multiplying factor) serta kos imbuhan balik jika berkenaan tidak dapat dikemukakan. ii. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi pelantikan perunding asing adalah seperti berikut:- • perkhidmatan perunding asing hanya boleh dilantik jika tiada kepakaran tempatan dan penetapan yuran perunding adalah berdasarkan kaedah bayaran input masa berasaskan *charge rate;* • kelulusan pelantikan perunding asing adalah di peringkat Pihak Kuasa Melulus asal yang meluluskan projek; • juru perunding asing hendaklah berdaftar secara sementara dengan Lembaga/Badan Profesional di Malaysia; dan • juru perunding hendaklah melalui tapisan keselamatan yang ditetapkan oleh	Pelantikan perunding bagi pelaksanaan projek MERS 999 telah dilaksanakan pada tahun 2007 sebelum kontrak dimeterai pada April 2009. Kementerian akur dengan teguran pihak Audit mengenai kadar perunding yang tidak mengikut peraturan kewangan. TM menggunakan kadar yang telah dipersetujui dengan pembekal di mana caj *manday rate* ini berdasarkan harga pasaran semasa pada masa tersebut dan tiada kajian pasaran dilakukan bagi menentukan yuran perkhidmatan perunding asing. Kementerian turut berpandangan pihak TM bebas untuk menggunakan kadar yang ditentukan berdasarkan persetujuan pihak TM dengan sub kontraktor yang telah dilantik. Justeru, ia tidak bersandar kepada Pekeliling/Peraturan Kerajaan yang berkuatkuasa. Ini adalah kerana perlantikan perunding dibuat sendiri oleh pihak TM sepenuhnya dan bukannya oleh Kementerian. Sebagai penambahbaikan, KKMM telahpun memasukkan <u>klausa yang menyatakan bahawa pihak TM adalah tertakluk kepada sebarang peraturan/pekeliling Kerajaan</u> yang berkuatkuasa di dalam kontrak Pengurusan Operasi dan Penyelenggaraan MERS 999 Tahun 2013 – 2015 dan kontrak Penambahbaikan dan Perluasan MERS 999 Tahun 2013 – 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Majlis Keselamatan Negara. Bagi projek CAPEX Fasa 1, di bawah skop kerja *Program Management & Consultancy (PMC)* seramai 9 orang perunding asing dilantik dengan kos berjumlah RM6.08 juta selama 8 bulan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan Kementerian telah mematuhi kesemua syarat-syarat yang ditetapkan bagi pelantikan perunding asing kerana dokumen sokongan tidak dapat dikemukakan.	
17.5.2.2.b	**Kos Perkhidmatan Perunding** i. SPP Bil. 2 Tahun 2011 menyatakan penetapan yuran perunding perlu mengikut kaedah bayaran input masa. Kementerian hendaklah merundingkan kadar tersebut ke tahap yang paling minimum. Bagi *CAPEX* Fasa 1, TM telah menggunakan perkhidmatan perunding tempatan dan perunding asing. Yuran perkhidmatan perunding tempatan berjumlah RM9.97 juta yang dikenakan kepada Kerajaan tidak mengikut input masa yang ditetapkan. Mengikut perkiraan Audit, jumlah yuran perkhidmatan maksima yang dibenarkan adalah berjumlah RM8.05 juta. Perbezaan kos yang tidak mengikut pekeliling adalah berjumlah RM1.92 juta. ii. Kaedah penetapan yuran perunding secara input masa menggunakan kaedah *mandays* hanya untuk projek yang tidak melebihi satu bulan. Kementerian telah meluluskan kaedah penetapan yuran perunding asing untuk tempoh 8 bulan secara *mandays* bagi yuran perkhidmatan berjumlah RM6.08 juta. Semasa rundingan harga, kelulusan dibuat tanpa merujuk kepada peraturan kewangan yang berkuat kuasa. iii. Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 (MPPPE 2011) oleh Kementerian Kewangan Malaysia menyatakan yuran perkhidmatan perunding tidak dibenarkan dibuat secara *lump sum basis.* Semakan Audit mendapati bagi kontrak *CAPEX* Fasa 1, Kementerian telah meluluskan bayaran perkhidmatan perunding secara *lump sum* berjumlah RM25.88 juta. iv. MPPPE 2011 juga menetapkan kos selain yuran perunding hendaklah dibuat secara imbuhan balik. Ini termasuk kos pengangkutan/perjalanan yang meliputi tiket penerbangan, tuntutan perjalanan, tambang teksi, sewa kenderaan dan lain-lain yang berkaitan perjalanan. Semakan Audit mendapati Kementerian telah meluluskan caj berjumlah RM0.48 juta bagi perbelanjaan dokumentasi dan pengangkutan secara *lump sum basis.* Kos ini melibatkan 4 orang perunding di bawah skop kerja PMC selama 5 bulan. Maklumat terperinci seperti resit dan bil mengenai perbelanjaan berkenaan tidak dikemukakan untuk pengesahan Audit.	Pelantikan perunding bagi pelaksanaan projek MERS 999 Fasa 1 telah dibuat pada tahun 2007 sebelum kontrak dimeterai pada April 2009. Kementerian akur dengan teguran pihak Audit mengenai kadar perunding yang tidak mengikut pekeliling. TM menggunakan kadar yang telah dipersetujui dengan sub kontraktor yang dilantik di mana caj *manday rate* ini berdasarkan harga pasaran semasa pada masa tersebut. Semua ketetapan adalah diputuskan di dalam Mesyuarat Pemantauan dan Penambaikan Perkhidmatan Talian Kecemasan 999 yang dipengerusikan oleh KSN dan diurusetia oleh MAMPU. Pada masa yang sama, memandangkan pelaksanaan projek MERS 999 Fasa 1 pada tahun 2007 – 2010 telah pun dimulakan sebelum kontrak dimeterai pada April 2009, maka pelaksanaan projek tidak diperincikan di dalam kontrak. Kadar peratusan yang berbeza ke atas perkhidmatan kejuruteraan berdasarkan faktor-faktor berikut :- • Kerumitan (*Complexity*) sistem secara keseluruhan; • Tahap kepakaran (*Subject Matter Expert*) –tempatan dan luar Negara; dan • Jangkamasa pemasangan, konfigurasi, pengujian dan *fine tuning*. Yuran perkhidmatan perunding yang dikenakan secara *lump sum* berjumlah RM2.98 juta adalah berdasarkan percentage sebanyak 2.11% daripada jumlah harga perkakasan, perisian dan latihan.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td></td>
<td>
v. Skop kerja perkhidmatan perunding Program Management di bawah kontrak CAPEX Fasa 2 dimuktamadkan pada 19 Januari 2011. TM telah mengenakan yuran pengurusan projek sejumlah RM7.08 juta bermula 1 Januari 2011 sehingga 31 Disember 2011. TM telah terlebih caj selama 19 hari bagi tempoh skop kerja belum dimuktamadkan mulai 1 hingga 19 Januari 2011. Selepas perkara ini dibangkitkan oleh pihak Audit, TM telah bersetuju untuk memulangkan sejumlah RM295,036 bagi tempoh terlebih caj tersebut. Kementerian perlu mengambil tindakan untuk mengutip semula bayaran tersebut.

Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013

Bagi pelantikan perunding, Kementerian memaklumkan perkara ini adalah di luar kawalan Kementerian (KTAK) kerana semua ketetapan diputuskan oleh Jawatankuasa di peringkat MAMPU. Pelaksanaan projek MERS 999 Fasa 1 telah pun dimulakan pada Mei 2007 iaitu sebelum kontrak dimeterai pada April 2009 menyebabkan jumlah keseluruhan bilangan perunding tempatan dan asing tidak diperincikan dalam kontrak. Selain itu juga, tiada perincian bagi yuran perunding, tempoh masa perkhidmatan diberi, skop kerja yang dilaksanakan, gaji dan perkalian (multiplying factor) serta kos imbuhan balik.

Bagi caj perkhidmatan yuran perunding yang tidak mematuhi kadar yang ditetapkan Kementerian memaklumkan pihak TM menggunakan kadar Manday Rate yang dipersetujui dengan pembekal MTSB iaitu berdasarkan harga semasa pada masa tersebut. Yuran perkhidmatan di bawah skop PMC dibuat berdasarkan “percentage” sebanyak 2.11% daripada nilai perkakasan, perisian dan latihan serta berdasarkan harga pasaran semasa pada tempoh tersebut.

Pada pendapat Audit, pentadbiran perunding bagi projek ini tidak memuaskan kerana pelantikan perunding tidak mematuhi peraturan menyebabkan bayaran yang tidak munasabah berjumlah RM1.92 juta. Selain itu terdapat yuran pengurusan projek bagi CAPEX Fasa 2 berjumlah RM295,036 yang terlebih bayar. Terdapat juga bayaran secara lump sum berjumlah RM25.88 juta yang tidak dapat disahkan telah diluluskan oleh Kementerian.
</td>
<td>
<table>
<tr><th>BUTIRAN</th><th>HARGA (RM)</th></tr>
<tr><td>Perkakasan</td><td>48,517,955.00</td></tr>
<tr><td>Perisian</td><td>77,845,017.00</td></tr>
<tr><td>Latihan</td><td>14,957,641.00</td></tr>
<tr><td>Jumlah</td><td>141,320,613.00</td></tr>
<tr><td>Percentage yuran perunding</td><td>2.11%</td></tr>
<tr><td>Caj perkhidmatan perunding</td><td>2,985,937.00</td></tr>
</table>

Memandangkan ini merupakan projek perintis di Malaysia maka adalah sukar untuk mendapatkan kepakaran tempatan bagi memastikan projek berjalan sepertimana yang dirancang. Pihak TM selaku perunding Kerajaan telah mengambil inisiatif melantik pakar-pakar ICT dari Kanada yang berpengalaman luas untuk membantu membangunkan sistem seumpamanya di Malaysia.

Sebagai penambahbaikan, KKMM telah memastikan pihak TM dan MTSB mematuhi segala peraturan dan pekeliling Kerajaan yang berkuatkuasa untuk pelaksanan perluasan di bawah kontrak Tahun 2013-2014.
</td>
</tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.2.3.a.i	**Latihan, *Transfer Of Technology And Workshop* - Pengurusan Bengkel/Wokshop** Syarat kontrak *CAPEX* Fasa 1 dan Fasa 2 menetapkan TM hendaklah mengadakan 27 sesi bengkel/*workshop* dengan wakil agensi keselamatan. Semakan Audit mendapati kesemua bengkel di bawah Fasa 1 telah selesai dilaksanakan, manakala setakat Oktober 2012 masih terdapat 2 bengkel dalam *CAPEX* Fasa 2 yang belum dilaksanakan.	
17.5.2.3.a.ii	Arahan Perbendaharaan 169 menghendaki pegawai yang menguruskan perolehan membuat kajian pasaran supaya perolehan yang dibuat adalah yang paling sesuai dan menguntungkan Kerajaan. Semakan Audit mendapati tiada bukti Kementerian telah membuat kajian pasaran sewajarnya sebelum meluluskan perbelanjaan bengkel yang dikendalikan oleh TM. Perkiraan Audit terhadap 15 sampel bengkel yang dilaksanakan menunjukkan sejumlah RM2.03 juta telah melebihi kadar pasaran. Kajian harga pasaran yang dibuat adalah termasuk kos penginapan seorang satu bilik hotel, sewaan dewan latihan, makan dan minum, sewaan peralatan seminar dan komputer, nota seminar, elaun penceramah dan perbelanjaan pelbagai sebanyak 10% daripada kos bengkel.	Kadar 15 bengkel yang dilaksanakan oleh pihak TM tidak hanya merujuk kepada kadar hotel sebaliknya merupakan gabungan caj melibatkan pakej bengkel yang meliputi pembangunan kandungan bengkel, kepakaran proses kerja, perkhidmatan pengurusan bengkel, dokumentasi dan laporan, kemudahan bengkel, Fasilitator, Sekretariat, Perkhidmatan *Subject Matter Expert (SME)* tempatan dan luar negara. SME luar negara merupakan Pegawai Keselamatan Awam, Polis, Bomba dan anggota Paramedik dari Kanada yang dijemput khas untuk berkongsi pengalaman dan memberi tunjuk ajar berkaitan pelaksanaan pengurusan panggilan kecemasan sebagai garis panduan di dalam pelaksanaan projek MERS 999 Fasa 1.
17.5.2.3.a.iii	Arahan Perbendaharaan 99(a) menghendaki semua baucar disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap mengenai setiap perkhidmatan, bekalan atau kerja seperti tarikh, nombor, kuantiti, kiraan jaraknya dan kadar untuk membolehkan ianya disemak tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain daripada yang dikembarkan padanya. Analisis Audit mendapati tuntutan TM berjumlah RM3.43 juta (Jadual 20) dibayar secara *lump sum* tanpa dokumen sokongan. Maklumat mengenai kelayakan/kepakaran tenaga pengajar dan fasilitator kursus, kos penginapan, makan dan minum, sewaan bilik/dewan mesyuarat, nota/bahan pembelajaran dan laporan latihan tidak dilampirkan.	KKMM akur dengan teguran Audit dan akan memastikan perkara seumpama ini tidak akan berulang di dalam kontrak di bawah projek MERS 999 akan datang. Pada masa yang sama KKMM telah membuat peringatan kepada pihak TM bahawa setiap tuntutan perlu dikemukakan bersama perincian perbelanjaan serta dokumen sokongan yang berkaitan sepertimana ketetapan di dalam peraturan serta pekeliling Kerajaan.
17.5.2.3.a.iv	SPP Bil.2 Tahun 2011 menetapkan kos pengendalian bengkel/seminar bagi kakitangan kontraktor tidak boleh dicajkan kepada Kerajaan. Analisis Audit mendapati daripada 1,180 peserta bengkel/seminar, 429 (36%) daripadanya adalah kakitangan kontraktor atau kakitangan subkontraktor yang melibatkan kos berjumlah RM3.04 juta dan telah dikenakan kepada Kerajaan. Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang	KKMM mengambil maklum akan teguran pihak Audit namun berpandangan tiada keperluan untuk membuat tuntutan balik memandangkan pegawai TM yang menghadiri latihan ini memberikan komitmen sepenuh masa didalam pemantauan operasi dan rangkaian MERS 999. Ini adalah kerana TM telah mewujudkan satu struktur organisasi khas sumber manusia di dalam TM iaitu Bahagian MERS 999 yang bertugas sepenuh masa hanya untuk Projek MERS 999. Pada masa yang sama,

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Diterima Pada 26 April 2013 *Bagi pengurusan bengkel, Kementerian akur dengan teguran pihak Audit. Kementerian telah mencuba untuk mendapatkan maklumat terperinci daripada pihak TM namun pihak TM berdasarkan polisi dalaman tidak boleh mendedahkan maklumat perincian berkenaan. Tidak semua pegawai TM yang menghadiri bengkel/ seminar dibiayai daripada peruntukan MERS 999. Ini kerana terdapat beberapa program disertai oleh kakitangan TM sebagai penyelaras dan pemudah cara di bengkel terlibat. Kementerian akan memastikan perkara seumpamanya tidak berulang dalam kontrak fasa seterusnya bagi tahun 2013-2014.* Pada pendapat Audit, pengurusan bengkel oleh Kementerian tidak memuaskan kerana Kerajaan telah menanggung caj bengkel yang tidak munasabah berjumlah RM2.03 juta berbanding dengan harga pasaran. Selain itu terdapat perbelanjaan bengkel/seminar bagi kakitangan kontraktor yang tidak wajar ditanggung Kerajaan berjumlah RM3.04 juta. Kementerian perlu mengutip semula perbelanjaan tersebut dari kontraktor.	pegawai TM berkenaan turut bertindak sebagai moderator dan S*ubject Matter Expert* untuk rujukan Agensi Kecemasan. Segala aktiviti yang dilakukan adalah untuk kepentingan Projek MERS 999 dan dipantau oleh Kementerian. Memandangkan kekurangan anggota penjawat awam yang boleh ditugaskan untuk melaksanakan tugasan oleh pihak TM ini maka Kementerian turut berpendapat pihak TM wajar menghadiri latihan, bengkel dan kursus MERS 999 demi memastikan projek ini berjalan lancar. Malahan pihak TM komited di dalam memastikan perkhidmatan MERS 999 tidak terganggu dengan menyediakan pegawai yang terlatih Kesemua kakitangan TM yang menghadiri kursus ini masih terus berkhidmat di MERS 999 dan memanfaatkan ilmu yang didapati dari kursus tersebut untuk Kerajaan. Sesetengah dari kakitangan TM ini membantu Kerajaan dan menjadi rujukan dalam aspek *Liaison* dan juga keperluan pengguna, seperti berikut: • *Liaison* PDRM - Noor Azmi Mohd Kassim; • *Liaison* JPAM dan APMM - Rahimah Mardzuki: • *Liaison* KKM - Normalina Ramli: dan • *Liaison* JBPM - Hasrudi Mohd Noor.
17.5.2.3.b.i	**Pengurusan Kursus** Syarat kontrak *CAPEX* Fasa 1 dan Fasa 2 menghendaki TM memberikan 139 siri kursus kepada wakil agensi keselamatan iaitu PDRM, JBPM, KKM, dan JPAM dengan peruntukan berjumlah RM25.94 juta. Semakan Audit mendapati kesemua kursus yang dirancang di bawah *CAPEX* Fasa 1 telah selesai dilaksanakan, manakala setakat Oktober 2012 masih terdapat 55 siri latihan dalam *CAPEX* Fasa 2 yang belum dilaksanakan.	Sehingga Disember 2012 kesemua sesi latihan yang telah diperuntukkan di bawah kontrak CAPEX Fasa 2 telah disiapkan sepenuhnya. Jumlah peserta yang perlu dilatih sepertimana di dalam kontrak adalah sebanyak 1,070 sahaja. Namun jumlah sebenar yang menjalani sesi latihan adalah 1,165, iaitu melebihi daripada jumlah sebenar yang ditetapkan di dalam kontrak.
17.5.2.3.b.ii	SPP Bil. 2 Tahun 2011 menetapkan kos pengendalian bengkel/seminar bagi kakitangan kontraktor tidak boleh dicajkan kepada Kerajaan. Bagaimanapun Klausa *Schedule* 4, Perenggan 8 kontrak *CAPEX* Fasa 1 telah menetapkan kursus/latihan perlu diberikan antaranya kepada pasukan projek TM yang mengendalikan sistem MERS 999. Semakan Audit mendapati TM telah menghantar kakitangannya untuk menghadiri latihan perisian *Hewlett Packard* (HP) di bawah skop kerja *System Monitoring and Network Management System* (SMNMS) berjumlah RM228,000 yang telah dibayar oleh Kerajaan.	KKMM mengambil maklum akan teguran pihak Audit namun berpandangan tiada keperluan untuk membuat tuntutan balik memandangkan pegawai TM yang menghadiri latihan ini memberikan komitmen sepenuh masa didalam pemantauan operasi dan rangkaian MERS 999. Ini adalah kerana TM telah mewujudkan satu struktur organisasi khas sumber manusia di dalam TM iaitu Bahagian MERS 999 yang bertugas sepenuh masa hanya untuk Projek MERS 999. Pada masa yang sama, pegawai TM berkenaan turut bertindak sebagai moderator dan S*ubject Matter Expert* untuk rujukan Agensi Kecemasan. Segala

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		aktiviti yang dilakukan adalah untuk kepentingan Projek MERS 999 dan dipantau oleh Kementerian. Memandangkan kekurangan anggota penjawat awam yang boleh ditugaskan untuk melaksanakan tugasan oleh pihak TM ini maka Kementerian turut berpendapat pihak TM wajar menghadiri latihan, bengkel dan kursus MERS 999 demi memastikan projek ini berjalan lancar. Malahan pihak TM komited di dalam memastikan perkhidmatan MERS 999 tidak terganggu dengan menyediakan pegawai yang terlatih Kesemua kakitangan TM yang menghadiri kursus ini masih terus berkhidmat di MERS 999 dan memanfaatkan ilmu yang didapati dari kursus tersebut untuk Kerajaan.
17.5.2.3.b.iii	Bagi 7 kursus kepada PED berjumlah RM1.9 juta yang dianjurkan oleh pihak TM telah diadakan di Pusat Latihan TM, Taman Desa. Kos sewaan Pusat Latihan TM telah diambil kira di dalam kontrak OPEX bagi tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun, TM telah mengenakan caj sewaan terhadap premis yang sama di bawah kos pengendalian kursus tersebut secara pakej. Tuntutan telah dibayar sepenuhnya tanpa dokumen sokongan.	Pihak TM telahpun mengemukakan butiran perincian bagi tuntutan 7 kursus tersebut berjumlah RM1.9 juta meliputi kos-kos pengurusan kursus yang tidak dinyatakan secara terperinci di dalam tuntutan yang dikemukakan, sebelum ini.
17.5.2.3.b.iv	Klausa 15.4 kontrak *CAPEX* Fasa 1 menyatakan, TM perlu memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan dengan menyediakan semua maklumat yang diperlukan yang berkaitan dengan sistem MERS 999. Bagaimanapun maklumat mengenai perincian perbelanjaan kursus yang dikendalikan oleh TM bagi projek MERS 999 ini tidak dikemukakan ke Kementerian. Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013 *Bagi pengurusan kursus, Kementerian mengambil maklum akan teguran Audit namun berpandangan tiada keperluan untuk membuat tuntutan balik kerana kakitangan kontraktor yang menghadiri latihan terlibat di dalam pemantauan operasi rangkaian MERS 999. Kementerian telah cuba mendapatkan maklumat terperinci daripada pihak TM berkaitan bayaran sewa tempat kursus di caj 2 kali tetapi kerana polisi dalaman TM tidak boleh mendedahkan maklumat berkenaan.* Pada pendapat Audit, pengurusan kursus bagi Projek MERS 999 tidak teratur kerana terdapat bayaran yang tidak mengikut peraturan. Kementerian perlu mengutip semula kos latihan System Monitoring And Networking Management System (SMNMS) kepada TM berjumlah RM228,000 dan sewaan tempat kursus di Pusat Latihan TM, Taman Desa yang di caj 2 kali.	KKMM telah membuat peringatan kepada pihak TM bahawa setiap tuntutan perlu dikemukakan bersama perincian perbelanjaan serta dokumen sokongan yang berkaitan sepertimana ketetapan di dalam peraturan serta pekeliling Kerajaan. KKMM berpandangan tiada keperluan untuk kutipan balik sepertimana penjelasan di perkara 17.5.2.3.b.ii dan 17.5.2.3.b.iii di atas.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.2.3.c.i	**Lawatan Ke Luar Negara** Syarat kontrak *CAPEX* Fasa 1 dan kontrak Fasa 2 menghendaki TM melaksanakan 10 seminar/lawatan ke luar negara dengan peruntukan kos berjumlah RM4.54 juta sepanjang tempoh kontrak. Semakan Audit mendapati 9 seminar/lawatan ke luar negara telah dilaksanakan dengan perbelanjaan berjumlah RM3.34 juta.	
17.5.2.3.c.ii	Klausa 1.1 Kontrak CAPEX Fasa 1 menyatakan sebarang pindaan, perubahan dan penambahan terhadap perjanjian hendaklah dipersetujui secara bertulis antara kedua-dua pihak. Kontrak telah menetapkan satu *Navigator Conference 2010 In US* (IAED Conference) di bawah skop *Protocol System-Engineering Services* (PS-ES) hendaklah dilaksanakan. Lawatan ini tidak dilaksanakan dan digantikan dengan Bengkel Penambahbaikan dan Perluasan Projek MERS 999 di Kota Kinabalu, Sabah. Bagaimanapun surat persetujuan penggantian lawatan tersebut tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh seramai 43 orang peserta dari Kuala Lumpur, seorang dari Sarawak dan seorang lagi dari Sabah. Selanjutnya bengkel ini bertujuan untuk membincangkan pelan cadangan TM bagi projek penambahbaikan dan perluasan sistem MERS 999 di luar kawasan tengah yang sepatutnya ditanggung oleh kontraktor.	KKMM mengambil maklum akan teguran pihak Audit dan tiada surat persetujuan bertulis daripada kerajaan bagi penggantian lawatan *Navigator Conference 2010 in US (IAED Conference)* di bawah skop *Protocol System – Engineering Services* (PS – ES) yang digantikan dengan Bengkel Penambahbaikan dan Perluasan Projek MERS 999 di Kota Kinabalu, Sabah. Namun, bengkel tersebut telahpun dilaksanakan bagi tujuan untuk membuat perancangan di bawah penambahbaikan dan perluasan projek MERS 999 tahun 2011 – 2012.
17.5.2.3.c.iii	Selain itu, bagi perbelanjaan lawatan ke luar negara terdapat tuntutan yang dibuat oleh TM pada kadar yang tidak munasabah. Pembayaran kos lawatan pembelajaran ke luar negara seorang pegawai kanan Kementerian selama 4 hari ke Geneva, Switzerland telah dikenakan caj sejumlah RM303,813. Perkiraan Audit terhadap perbelanjaan bagi lawatan tersebut dengan menggunakan kadar maksima bagi setiap item tuntutan adalah hanya RM50,000 sahaja. Anggaran ini termasuklah tiket penerbangan pergi dan balik kelas pertama, penginapan, makan dan minum, elaun pakaian panas dan perbelanjaan pelbagai.	Pihak TM mengakui kesilapan di dalam meletakkan tuntutan bagi perkara tuntutan perjalanan melibatkan Pegawai Kementerian. Sepatutnya tuntutan bagi penyediaan ruang pameran (booth*)* dan mengadakan pameran di ITU Geneva, pengurusan pameran, insuran, *Freight Charges*, *booth setup*, *Creative Art & Brochures*, item promosi, penginapan, pengangkutan dan yuran persidangan (Conference) dimasukkan di bawah kos *Transfer of Technology (TOT)* dan bukannya di bawah tuntutan perjalanan Kementerian. Kesilapan ini menyebabkan kadar lawatan pegawai Kementerian dilihat sangat tidak munasabah.
17.5.2.3.c.iv	Klausa 9.1 kontrak Fasa 1 menetapkan "*TM shall submit the relevant invoices and all related documents to the Government for the purpose of payment"*. Tuntutan TM bagi kesemua perbelanjaan seminar/lawatan ke luar negara berjumlah RM3.34 juta telah dibuat secara *lump sum basis* tanpa perincian perbelanjaan dan dokumen sokongan tidak dikemukakan kepada pihak Kementerian. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada tuntutan tersebut bagi perkhidmatan yang sebenar-benarnya telah dilaksanakan. Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013 *Kementerian mengakui terdapat kelemahan dalam urusan pemantauan bayaran*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	lawatan ke luar negara kerana bergantung sepenuhnya kepada maklum balas TM serta persetujuan Jawatankuasa Pemantauan Dan Penilaian Projek MERS 999. Kementerian akan memastikan perkara seumpamanya tidak akan berulang lagi dalam kontrak akan datang. Pada pendapat Audit, pengurusan seminar/lawatan ke luar negara tidak sempurna kerana tidak mematuhi terma kontrak dan terdapat bayaran yang tidak munasabah. Pihak Kementerian perlu mengutip semula dari kontraktor bagi perbelanjaan yang berjumlah RM253,813 kerana tidak munasabah.	Sehubungan itu, KKMM berpandangan tiada keperluan untuk kutipan semula berdasarkan penjelasan di 17.5.2.3.c.ii dan 17.5.2.3.c.iii di atas.
17.5.2.4.a	**Pengurusan Promosi Dan Publisiti** Program promosi dan publisiti mengenai sistem MERS 999 bagi tempoh kontrak mulai Mei 2007 hingga Disember 2010 dengan peruntukan berjumlah RM6.7 juta di sekolah-sekolah telah dibatalkan oleh pihak Kementerian melalui suratnya bertarikh 22 Oktober 2008. Bagaimanapun pihak TM tetap mengenakan tuntutan kepada Kerajaan berjumlah RM3.19 juta bagi Program *School Children*/S*tudent Kit*s sejumlah RM2.97 juta dan *News Paper Coverage* sejumlah RM224,686 yang tidak dilaksanakan.	Jumlah RM3.19 juta telah termasuk di dalam persetujuan proses timbal balik antara Kementerian dengan TM bagi tuntutan gantian untuk Program *School Children/Student Kits* dan *Newspaper Coverage.* Walau bagaimanapun, status terkini KKMM di dalam proses untuk membuat kutipan semula daripada pihak TM berjumlah RM3.19 bagi skop tersebut yang tidak dilaksanakan. KKMM telah mengeluarkan surat kepada pihak TM bertarikh 24 Julai 2013 meminta supaya kutipan balik tersebut dibuat pembayaran melalui cek atas nama KSU,KKMM.
17.5.2.4.b	Selain itu, terdapat 4 program promosi dan publisiti CAPEX Fasa 1, berjumlah RM0.99 juta dibuat secara *lump sum basis*. Bagi kontrak *CAPEX* Fasa 2 pula, pihak Audit tidak dapat mengesahkan butiran perbelanjaan program promosi berjumlah RM1.87 juta kerana dibuat secara *lump sum basis* dan tiada dokumen sokongan. Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013 *Kementerian mengambil maklum tentang kes improper payment melibatkan pembayaran yang telah dibuat terhadap kerja atau perkhidmatan yang tidak diberi berjumlah RM3.19 juta. Jumlah ini telah pun termasuk dalam persetujuan proses timbal balik antara Kementerian dengan TM bagi tuntutan gantian untuk Program School Children/Student Kits dan Newspaper Coverage.* Pada pendapat Audit, pengurusan promosi dan publisiti bagi Projek MERS 999 tidak memuaskan kerana terdapat bayaran sejumlah RM3.19 juta yang telah dibayar kepada TM merupakan *improper payment* dan hendaklah dikutip semula bagi perkhidmatan yang telah dibatalkan. Pegawai Kementerian dan pihak yang terbukti cuai dalam menjalankan kewajipan yang menyebabkan *improper payment* perlu diambil tindakan surcaj dan tatatertib mengikut peraturan kewangan. Kementerian perlu mendapatkan maklumat terperinci dan menyemak semula perbelanjaan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	program promosi berjumlah RM2.86 juta yang telah dibuat.	
17.5.2.5.a	**Pengurusan Operasi Dan Penyenggaraan (OPEX) Di Pusat Panggilan MERS 999** Klausa 7.9.2, kontrak *CAPEX* Fasa 1 menetapkan setiap agensi kecemasan melantik pegawai sebagai *Master Of Trainer* (MOT) untuk membantu pasukan projek TM memberi latihan kepada pegawai panggilan kecemasan agensi terlibat. Insentif hendaklah dibayar kepada MOT dan kosnya ditanggung oleh TM. Pihak Audit mendapati kos bayaran insentif ini telah dimasukkan dalam kontrak *OPEX* Fasa 1 di bawah skop perkhidmatan MERS 999 *Call Management Outsourcing* (CMO) item *Agencies Attachment Officer/Master Of Trainers* (MOT). Maklumat lanjut menunjukkan sejumlah RM295,094 telah dibayar bagi item tersebut. Kementerian perlu menuntut balik bayaran insentif MOT tersebut yang telah dibayar kepada TM.	Peruntukan kos insentif MOT berjumlah RM0.3 juta dalam kontrak OPEX Fasa 1 adalah tidak merujuk kepada MOT sebaliknya merujuk kepada *Agencies Attachment Officer* yang bertanggungjawab memantau pengurusan panggilan kecemasan di DC masing-masing. Nama-nama *attachment officer* tersebut ialah:- • Mohd Fazlein Jaafa : JPAM • Kobalakrishnan A/L Supramaniam : JBPM Skop kerja pegawai terlibat adalah seperti berikut:- • bertanggungjawab sebagai pegawai hubungan antara TM dan agensi kecemasan; • bertindak sebagai penyelia untuk mendapatkan keperluan pengguna (user requirement); • bertindak sebagai pemudah cara antara TM dan agensi sekiranya terdapat perubahan permintaan agensi seperti perubahan proses kerja; dan • mewakili agensi dalam beberapa siri mesyuarat dengan TM.
17.5.2.5.b	Klausa 13.1, kontrak *CAPEX* Fasa 1 menyatakan kos operasi dan penyenggaraan sistem MERS 999 yang ditanggung oleh Kerajaan bermula 7 Mac 2009 hingga 31 Disember 2010 adalah termasuk sewa ruang pejabat di 3 *RC.* Bagaimanapun pihak TM telah mengenakan caj sewaan sejumlah RM2.24 juta bagi tempoh Januari 2009 hingga Disember 2009. Oleh yang demikian, Kerajaan telah terlebih bayar bagi sewaan bulan Januari dan Februari 2009 kerana arahan kontrak menyatakan caj sewaan hanya bermula pada 7 Mac 2009 yang telah diambil kira dalam kontrak *CAPEX* Fasa 1. Ini menyebabkan telah berlakunya terlebih caj oleh TM bagi 2 bulan tersebut sejumlah RM373,312. Pihak Kementerian hendaklah mengutip semula caj sewa ruang pejabat yang telah terlebih bayar kepada TM.	
17.5.2.5.c	Kontrak *CAPEX* Fasa 1 yang melibatkan kerja-kerja pembangunan ANI/ALI telah siap pada Disember 2010 dengan kos berjumlah RM21.8 juta. Semakan Audit mendapati TM telah mengenakan caj *TELCO/CELCO connectivity* (ANI/ALI) sejumlah RM0.9 juta bagi tempoh Mac 2009 hingga Disember 2010 di bawah kontrak *OPEX* Fasa 1. Caj ini tidak sepatutnya dikenakan kepada Kerajaan kerana perbelanjaan tersebut telah termasuk dalam kontrak *CAPEX* Fasa 1. Pihak TM mengakui telah berlaku terlebih tuntut bagi *recurring charge* berjumlah RM0.9 juta. Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013 *Kementerian mendakwa kos insentif dalam kontrak OPEX Fasa 1 tidak merujuk kepada Master of Trainers sebaliknya merujuk kepada Agencies Attachment Officers yang bertanggungjawab memantau pengurusan panggilan kecemasan di Pusat Panggilan melibatkan agensi masing-masing. Kementerian sedar akan kelemahan*	Semasa penyediaan kontrak CAPEX Fasa 1, Kementerian telah meletakkan tarikh sistem mula beroperasi sebagai tarikh permulaan caj sewaan kerana tiada pengalaman melaksanakan projek seumpama ini sebelumnya. Walau bagaimanapun, secara rasionalnya caj sewaan sepatutnya bermula dari tarikh penghantaran peralatan dan pemasangan sistem kerana ruang peralatan telah digunakan bagi menempatkan peralatan tersebut. Oleh itu Kementerian berpendapat tiada keperluan untuk mengutip caj sewaan untuk Januari dan Februari 2009. Kementerian pada dasarnya telahpun bersetuju untuk caj ini dimasukkan di dalam cadangan timbal balik oleh TM kepada Kerajaan. Kerja infrastruktur bagi tujuan *connectivity* ANI/ALI hanya siap pada 15.12.2010 disebabkan oleh kelewatan pihak Telcos/Celcos seperti Maxis, Time dan Digi yang di luar kawalan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	meletakkan tarikh mula beroperasi sebagai tarikh permulaan caj sewaan kerana tiada pengalaman melaksanakan projek seumpama ini sebelumnya. Secara rasionalnya caj sewaan sepatutnya bermula dari tarikh penghantaran peralatan ke lokasi berkenaan. Kementerian telah bersetuju untuk caj sejumlah RM0.9 juta TELCO/CELCO connectivity (ANI/ALI) di masuk dalam cadangan timbal balik oleh TM kepada Kerajaan. Pada pendapat Audit, pengurusan operasi dan penyenggaraan sistem MERS 999 tidak memuaskan kerana terdapat pembayaran yang tidak wajar. Kementerian perlu menuntut semula daripada TM berjumlah RM1.57 juta. Ini melibatkan kos insentif MOT sejumlah RM295,094, bayaran sewa ruang pejabat bagi tempoh 2 bulan sejumlah RM373,312 dan kerja pembangunan ANI/ALI yang terlebih caj sejumlah RM0.9 juta kepada Kerajaan.	pihak Kementerian dan pihak TM. Walau bagaimanapun, KKMM telah mengambil tindakan susulan di dalam membuat kutipan semula daripada pihak TM berkaitan perkara ini berjumlah RM0.9 juta. KKMM telah mengeluarkan surat kepada pihak TM bertarikh 24 Julai 2013 meminta supaya kutipan balik tersebut dibuat pembayaran melalui cek atas nama KSU,KKMM
17.5.3.1.a	**Pengurusan Peralatan Sistem MERS 999 - Pembekalan Perkakasan Dan Perisian** Pihak TM perlu mendapat kelulusan Kementerian terlebih dahulu jika melantik sub-kontraktor bagi pihaknya. Kelulusan ini bagi memastikan syarikat yang dilantik adalah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan. Semakan Audit mendapati terdapat perkakasan dan perisian yang dibekalkan oleh sub-kontraktor dan pihak Kementerian tiada rekod dalam meluluskan sub-kontraktor berkenaan. Tiada maklumat mengenai semua sub-kontraktor lain yang dilantik di bawah projek ini dapat dikemukakan bagi maksud Audit. Bagaimanapun semakan lanjut terhadap inbois pembekalan perkakasan dan perisian mendapati Syarikat Mutiara Technology Sdn. Bhd. (MTSB) telah menjadi pembekal kepada perkakasan, perisian, perkhidmatan juru perunding dan juga perkhidmatan promosi.	Kementerian pada dasarnya telah bersetuju untuk caj RM1.03 juta dimasukkan di dalam cadangan timbal balik oleh TM kepada Kerajaan. Perubahan pembekalan ini terjadi disebabkan oleh perubahan yang dilakukan oleh agensi kecemasan semasa pelaksanaan projek ini seperti perubahan ruang lantai (*floor plan*) yang mana ianya memberi kesan kepada pembekalan peralatan. Walau bagaimanapun, KKMM kini sedang di dalam proses untuk kutipan semula daripada pihak TM berkaitan perkara ini berjumlah RM1.03 juta. KKMM telah mengeluarkan surat kepada pihak TM bertarikh 24 Julai 2013 meminta supaya kutipan balik tersebut dibuat pembayaran melalui cek atas nama KSU,KKMM.
17.5.3.1.b	Syarat kontrak menetapkan TM perlu membekalkan 130 unit perkakasan dan perisian di 3 *Response Centre* (RC) iaitu Kuala Lumpur, Melaka dan Kuching. Sijil Perakuan Penerimaan (COA) bertarikh 5 Mac 2009 menunjukkan Kementerian telah memperakui bahawa semua peralatan telah dibekalkan. Semakan Audit di 3 RC mendapati 74 unit perkakasan dan perisian berjumlah RM1.03 juta tidak dibekalkan dan tidak dapat disahkan lokasinya semasa lawatan tapak. Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013 *Kementerian akur dengan teguran Audit dan mengemukakan maklumat mengenai sub-kontraktor yang dilantik oleh TM. Kementerian telah pun bersetuju kos*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	perkakasan dan perisian yang tidak dibekalkan dimasukkan dalam cadangan timbal balik oleh TM kepada Kerajaan. Kementerian dalam proses mendapat kelulusan khas Kementerian Kewangan berkaitan dengan persetujuan ini. Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan sistem MERS 999 tidak memuaskan kerana terdapat bayaran berjumlah RM1.03 juta bagi peralatan yang tidak dibekalkan telah dibayar kepada TM. Ini merupakan *improper payment* dan hendaklah dikutip semula. Pegawai Kementerian dan pihak yang terbukti cuai dalam menjalankan tanggungjawab hendaklah diambil tindakan tatatertib. Manakala pegawai yang terlibat dengan *improper payment* perlu dikenakan tindakan surcaj mengikut peraturan kewangan.	
17.5.4.1.a	**Tanggungjawab Sosial Mempromosi Kesedaran Kepada Pelajar Sekolah - Pelaksanaan Program Kesedaran** SST *OPEX* Fasa 1 menetapkan TM hendaklah membelanjakan sejumlah RM1.0 juta bagi mempromosikan kesedaran mengenai panggilan palsu yang menggunakan talian kecemasan 999 di 23 buah sekolah. Bagaimanapun tiada apa-apa klausa dimasukkan di dalam kontrak *OPEX* Fasa 1 mengenai obligasi ini. Pihak TM mendakwa telah melaksanakan aktiviti promosi berkenaan kepada seramai 35,822 orang pelajar di 95 buah sekolah di seluruh Malaysia dalam tempoh Januari 2010 hingga Ogos 2012. Analisis Audit terhadap senarai 95 sekolah yang terlibat mengenai pemilihan sekolah menunjukkan aktiviti promosi dibuat di 38 buah sekolah di Sarawak, 23 buah sekolah di Melaka, 5 buah sekolah di Kuala Lumpur dan baki 29 buah sekolah di negeri-negeri lain. Secara keseluruhannya nisbah promosi melibatkan 54 buah sekolah rendah ialah 59.34% berbanding 41 buah sekolah menengah iaitu 40.66%. Butiran terperinci mengenai pengisian aktiviti promosi tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit. Pihak Audit berpendapat kelulusan mengenai pemilihan sekolah dan pengisian promosi perlu diperolehi daripada Kementerian sebelum melaksanakan promosi berkaitan. Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013 *Kementerian akur dengan teguran Audit bahawa tiada klausa berkaitan promosi ini di dalam kontrak OPEX Fasa 1. Kementerian berpandangan TM telah pun melaksanakan aktiviti promosi ini secara bertanggungjawab.* Pada pendapat Audit, tanggungjawab sosial TM mempromosi kesedaran kepada pelajar sekolah adalah memuaskan kerana telah melaksanakan promosi kesedaran di 95 buah sekolah bagi tahun 2010 hingga 2012.	KKMM akur dengan teguran Audit dan akan memastikan perkara seumpama ini tidak akan berulang di dalam kontrak di bawah projek MERS 999 akan datang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.5.1.a	**Pemantauan Terhadap Projek - Pemantauan Oleh Kementerian** Kementerian telah menubuhkan 4 buah jawatankuasa pemantauan yang berperanan khusus untuk memantau pelaksanaan projek mengikut terma rujukan masing-masing. Analisis Audit mendapati Jawatankuasa Pemantauan Dan Penilaian Projek (JPPP) gagal melaksanakan tanggungjawabnya untuk mentadbir kontrak daripada aspek pelaksanaan kerja, pengesahan bayaran, pematuhan spesifikasi dan kuantiti seperti terma kontrak sehingga menyebabkan berlaku *improper payment.* Keahlian JPPP pula melibatkan wakil Unit Audit Dalam (UAD Kementerian) dan ini adalah bertentangan dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 yang melarang UAD terlibat dalam aktiviti operasi Kementerian.	Penubuhan jawatankuasa adalah bertujuan untuk menggembeling kepakaran setiap Agensi Kecemasan termasuk Agensi Pusat seperti MKN, MAMPU, EPU dan SKMM. Kementerian turut membuat perlantikan seorang juru audit dalaman daripada Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian sebagai pemerhati dan penasihat. Kementerian berpandangan jawatankuasa yang telah ditubuhkan adalah memadai namun ia tidak digunakan sepenuhnya. Kementerian telahpun membuat perancangan untuk semua jawatankuasa yang telah ditubuhkan bersidang serta memainkan peranan yang lebih banyak semasa pelaksanaan projek. Usaha ini dilihat boleh membantu Kerajaan memastikan projek MERS 999 dilaksanakan dengan berkesan serta menjaga kepentingan Kerajaan. Manakala pembayaran RM13.0 Juta adalah untuk *Mobilization Fee* dan ianya adalah sebahagian dari jumlah kontrak antara Kementerian dengan TM yang boleh dituntut dengan kadar 15% daripada nilai kontrak setelah LOA dikeluarkan. Status terkini, kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan untuk membuat semakan semula ke atas semua tuntutan dan membuat kutipan balik bagi setiap pembayaran yang meragukan (*improper payments*)
17.5.5.1.b	Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Projek (JPPP) telah mengesahkan pembayaran sejumlah RM1.62 juta berbanding kos dalam *Bill of Quantity* sejumlah RM1.08 juta dan mengakibatkan terlebih bayar berjumlah RM0.54 juta. Selain itu, terdapat pembayaran tidak wajar bagi *Mobilization Fees* CAPEX Fasa 2 berjumlah RM13.0 juta yang dibayar tanpa pengesahan daripada jawatankuasa. Kelemahan jawatankuasa pemantauan projek dan kecuaian pegawai Kementerian telah mengakibatkan *improper payment* berjumlah RM13.54 juta. Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013 *Kementerian berpandangan jawatankuasa yang ditubuhkan adalah memadai namun ia tidak digunakan sepenuhnya. Kementerian telah merancang agar jawatankuasa memainkan peranan yang lebih banyak bagi memastikan projek ini dilaksanakan dengan berkesan dan menjaga kepentingan Kerajaan.* Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan melalui penubuhan 4 jawatankuasa di pelbagai peringkat bagi memantau projek MERS 999 tidak berkesan dalam melaksanakan tanggungjawabnya dan cuai dalam menjaga kepentingan Kerajaan. Kementerian selaku agensi pelaksana, tidak memberi perhatian serius terhadap pengurusan dan pentadbiran kontrak MERS 999. Tindakan sebagaimana Arahan Perbendaharaan 167 perlu diambil terhadap semua ahli jawatankuasa yang gagal melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna.	

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Jabatan Penyiaran Malaysia

Perenggan 18 : Pengurusan Perolehan Dan Penggantian Peralatan Studio Radio Digital

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.1.2	**Prestasi Projek** Petunjuk Prestasi Utama (KPI) menetapkan supaya setiap stesen radio hendaklah memastikan rancangan siaran radio dapat ke udara setiap masa iaitu 99.95% tanpa gangguan. Dengan itu, perancangan perolehan peralatan studio hendaklah dibuat secara menyeluruh dengan mengambil kira elemen penting bagi satu-satu stesen agar perkhidmatan penyiarannya tidak terganggu. Selain itu, peralatan yang sedia ada hendaklah disenggarakan dengan baik supaya ia dapat berfungsi secara berterusan. Sebagai contoh, berlaku gangguan siaran radio KelantanFM pada 30 Mei 2012 selama 3 jam dan pada 15 Disember 2012 selama 10 jam 30 minit disebabkan jana kuasa yang berusia 15 tahun tidak berfungsi. Laporan mengenai gangguan siaran pada 15 Disember 2012 menyatakan jana kuasa adalah uzur, sentiasa berlaku kerosakan dan tidak ekonomik dibaiki. Adalah didapati perolehan jana kuasa adalah salah satu item dalam kontrak perolehan peralatan studio digital di RTM Bintulu. Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013 *Penilaian keperluan peralatan yang berisiko tinggi kepada gangguan siaran sentiasa diambil kira dalam perolehan semasa dan akan datang. RTM Bintulu memerlukan jana kuasa dan telah dibekalkan. Jana kuasa tunggu sedia Kelantan FM masih boleh beroperasi 15 tahun lagi (berdasarkan umur dan bacaan `running hour meter'), kerana itu masih boleh digunakan.* *Pembaikan kerosakan Jana Kuasa Kelantan FM (Bateri, Electronic Board dan Solenoid Switch) telah dijalankan dan Kementerian akan menentukan penyenggaraan jana kuasa dilakukan mengikut jadual.* *Kerja pembaikan telah diselesaikan pada 28 Mac 2013 dan semakan pada 29 Mac 2013 mengesahkan jana kuasa telah beroperasi dengan baik.*	Penilaian keperluan peralatan yang berisiko tinggi kepada gangguan siaran sentiasa diambil kira dalam perolehan semasa dan akan datang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, kelancaran siaran radio secara berterusan adalah penting dan mematuhi KPI yang ditentukan. Perancangan perolehan peralatan yang teliti dan menyeluruh dapat memastikan tiada gangguan siaran. Dengan itu, pihak KPKK hendaklah menilai keperluan peralatan yang berisiko tinggi kepada gangguan siaran diambil kira dalam kontrak akan datang.	
18.5.2.2	**Prestasi Kewangan** Semakan Audit terhadap Penyata Perbelanjaan Pembangunan KPKK Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010 di bawah RMKe-9, mendapati sejumlah RM32.23 juta telah dibelanjakan. Manakala berdasarkan maklumat daripada Bahagian Pembangunan Fasiliti, RTM pula, amaun yang di belanja berdasarkan nilai kontrak adalah berjumlah RM31.85 juta. Dengan itu berlaku perbezaan sejumlah RM0.38 juta dalam pelaporan perbelanjaan di antara KPKK dan RTM bagi projek yang sama. Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013 *Perbezaan di antara perbelanjaan yang dilaporkan oleh Kementerian iaitu RM32,188,332.48 (RM32.2 juta) berbanding nilai kontrak/perbelanjaan menurut maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Pembangunan Fasiliti, RTM berjumlah RM31,849,347.74 (RM31.85 juta) adalah seperti berikut:* *a) Perbelanjaan berjumlah RM32.2 juta melibatkan semua pembayaran yang telah di caj kepada Vot Pembangunan (P47) di bawah kod projek 01000 sepanjang tempoh RMKe-9 (tahun 2006 hingga 2010). Manakala maklumat nilai kontrak/perbelanjaan yang di selenggara oleh pihak RTM hanya melibatkan maklumat pembayaran berdasarkan invois kontraktor serta bayaran bersih kepada syarikat MTO untuk tempoh yang sama.* *b) Terdapat beberapa pembayaran telah dibuat di bawah kod projek 01000 ini tetapi tidak diambil kira oleh pihak RTM sebagai sebahagian daripada nilai kontrak.* *c) Bagi pembayaran kepada MTO, pecahan bagi nilai KWIBK yang di caj kepada akaun amanah 885501 juga tidak diambil kira oleh pihak RTM. Keseluruhan jumlah KWIBK yang tidak diambil kira adalah sebanyak RM132,568.24.* *Oleh itu, perbezaan perbelanjaan yang ditakrifkan sebagai lebihan perbelanjaan berbanding nilai kontrak berjumlah RM338,984.74 (RM206,416.50 + RM132,568.24) adalah merupakan bayaran yang sah dan telah diperakukan tetapi tidak direkodkan*	Untuk maklumat pihak Audit, perbelanjaan yang dicaj kepada kod projek 01000 dalam Penyata Kewangan adalah tepat sepertimana yang dilaporkan. Bagaimanapun, perbezaan sebanyak RM206,416.50 berlaku disebabkan oleh pihak RTM tidak mengambilkira amaun berkenaan dalam rekod bayaran mereka kerana pembayaran tersebut bukan dibuat kepada kontraktor utama projek berkenaan. Pada masa akan datang, Kementerian selaku pihak yang melaksanakan pembayan berdasarkan arahan/pengesahan pemilik projek (RTM) akan memastikan rekod bayaran diselaraskan antara kedua-dua pihak bagi memastikan ia sentiasa menunjukkan kedudukan sebenar prestasi kewangan semasa.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	oleh RTM. Kementerian berpandangan bahawa jumlah ini boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada nilai kontrak di bawah sub-projek/item Lain-lain Perbelanjaan. *Untuk menyeragamkan data/prestasi kewangan projek, Jabatan juga akan menyimpan data/rekod perbelanjaan yang sama dibuat oleh Bahagian Kewangan Kementerian bagi semua projek Jabatan.* Pada pendapat Audit, pelaporan kewangan hendaklah sentiasa tepat supaya keputusan pengurusan dan rumusan yang lebih berkesan dapat dibuat. Pihak Audit mendapati RM206,416.50 adalah perbelanjaan di luar kod projek 01000. Dengan itu, KPKK dan RTM hendaklah membuat pelarasan perbelanjaan ini bagi menunjukkan kedudukan sebenar prestasi kewangan.	
18.5.3.1.b	**Penilaian Harga Tender** Hasil analisis Audit mendapati:- i. dari segi kos keseluruhan bagi 8 daripada 13 peralatan item *miscellaneous*, didapati harga anggaran Jabatan (RM207,800) adalah rendah berbanding dengan harga penender berjaya (RM853,110) iaitu perbezaan 310.5%; dan ii. dari segi kos setiap item pula:- • perbezaan harga penender berjaya adalah lebih/terlalu tinggi berbanding harga anggaran Jabatan iaitu antara 15.7% hingga 7,235%. Sebagai contoh, harga Jabatan bagi *Scanner for A4 size* adalah RM200 seunit berbanding harga penender berjaya adalah RM14,670 seunit iaitu perbezaan sebanyak 7,235%; dan • perbezaan harga penender berjaya adalah lebih rendah berbanding harga anggaran Jabatan iaitu antara 54.2% hingga 87.9%. Sebagai contoh, harga Jabatan bagi *PC Tool Kits* adalah RM16,500 seunit berbanding harga penender berjaya RM2,000 seunit iaitu perbezaan sebanyak 87.9%.	-
18.5.3.1.c	Semakan Audit mendapati nilai keseluruhan kontrak ini berjumlah RM9,291,500 adalah lebih rendah daripada jumlah anggaran harga Jabatan berjumlah RM9,468,900. Perolehan peralatan ini dilaksanakan melalui tender terbuka dan tawaran harga terendah telah dipilih namun terdapat beberapa item dalam kontrak mempunyai nilai kos yang tinggi dan tidak munasabah. Jika kos item ini dikaji semula, maka Kerajaan sememangnya akan memperolehi *value for money* bagi keseluruhan nilai kontrak tersebut. RTM hendaklah menyediakan spesifikasi peralatan yang lebih lengkap dan tepat dengan keperluan sebenar pengguna. Bagaimanapun spesifikasi	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bagi peralatan penyiaran telah disediakan secara spesifik.	
18.5.3.1.d	Jawatankuasa Penilaian Harga (JKPH) perlu bertanggungjawab untuk menganalisis harga yang ditawarkan oleh penender berdasarkan harga terbaik yang munasabah berpandukan harga pasaran terbuka. Namun begitu, JKPH Kementerian hanya mengesyorkan harga keseluruhan yang paling rendah. Jawatankuasa ini sepatutnya juga membuat penilaian harga bagi setiap item. Selain itu, Jawatankuasa Perolehan sebagai jawatankuasa yang membuat keputusan pemilihan penender perlu juga memainkan peranan untuk menilai syor JKPH supaya keputusannya akan membolehkan Kerajaan melakukan perbelanjaan berhemat. Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013 *Anggaran Jabatan pada ketika itu dibuat berdasarkan perbandingan harga beberapa kontrak yang telah dilaksanakan oleh RTM sebelum ini dan dikemas kini mengikut harga pasaran semasa yang mana perbandingan harga ini adalah salah satu mekanisme penetapan anggaran Jabatan.* *Bagi projek ini, penilaian harga yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Harga dibuat berdasarkan kepada prinsip tawaran harga menyeluruh (total cost bid) di kalangan petender-petender yang menyertai tender ini dengan mengambil kira harga barangan, alat ganti, latihan, pentauliahan, pemasangan, jaminan dan penyelenggaraan.* *Lembaga Perolehan KPKK melantik kontraktor berdasarkan tawaran keseluruhan yang mendapat markah penilaian teknikal tertinggi dan tawaran harga terendah yang menguntungkan Kerajaan (Best Value for Money).* *Lembaga Perolehan Kementerian juga mengambil inisiatif sendiri bagi tujuan pertimbangan di mana Lembaga Perolehan akan menyemak melalui internet terhadap tawaran harga oleh syarikat tertentu dan dijadikan perbandingan bagi tawaran harga yang sedang dibincangkan sebelum membuat keputusan.* Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 15 Julai 2013 *Jika Agensi bercadang memilih lebih daripada satu petender, Agensi boleh menetapkan syarat "Kerajaan tidak terikat untuk memilih tawaran terendah atau mana-mana tawaran. Kerajaan juga berhak untuk memilih sebahagian tawaran daripada mana-mana petender. Petender juga dibenarkan menawarkan harga untuk semua item atau sebahagian item".*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, Kerajaan perlulah memperolehi *value for money* ke atas setiap perbelanjaan yang dibuat. Pengurusan perolehan perlulah diuruskan oleh pegawai yang mempunyai pengetahuan serta pengalaman dalam urusan perolehan peralatan studio radio. RTM perlu sentiasa melaksanakan kajian pasaran agar perbelanjaan berhemat dapat diterapkan dalam perolehan Kerajaan.	
18.5.3.2.a.i	**Pematuhan Kepada Syarat-syarat Kontrak - Spesifikasi Pembinaan Dan Kos Tidak Mematuhi Kontrak/Tidak Munasabah** Berdasarkan spesifikasi kontrak dan lukisan lakarnya, COMS dikehendaki membekalkan 3 komponen iaitu jana kuasa 25 KVA, *skid tank* berisi padu 3' x 3' x 3' (berkapasiti 764 liter minyak diesel) dan pondok bata bersaiz 9' x 12' x 10' untuk menempatkan jana kuasa/*skid tank* dan *switch panel*. Jumlah kos yang terlibat bagi perolehan ketiga-tiga komponen ini adalah RM240,000 dan didapati tiada pecahan kos bagi setiap komponen tersebut disenaraikan dalam kontrak. Dengan itu, pihak Audit menggunakan asas perbandingan kos perolehan jana kuasa dengan tenaga yang sama iaitu 25 KVA yang dibeli untuk RTM Keningau iaitu berjumlah RM42,250. Selanjutnya, perkiraan Audit menunjukkan anggaran perbezaan kos sejumlah RM197,750 (RM240,000 - RM42,250) adalah sebenarnya kos yang terlibat bagi pembinaan pondok di RTM Bintulu. Kos anggaran pembinaan pondok bagi menempatkan jana kuasa berjumlah RM197,750 berbanding dengan kos jana kuasa yang merupakan komponen yang paling penting iaitu RM42,250 adalah satu pengurusan kos yang tidak seimbang. Walaupun pondok merupakan komponen yang penting untuk memastikan jana kuasa selamat dan dilindungi dari hujan dan panas namun spesifikasi dan kos pondok hendaklah munasabah dan lebih praktikal.	Kementerian mengambil maklum komen audit yang berkenaan dan akan memastikan pelarasan harga dibuat sekiranya ada pengurangan skop/spesifikasi bagi projek-projek di bawah Kementerian di masa hadapan.
18.5.3.2.a.ii	Semakan Audit selanjutnya mendapati, pondok yang sebenarnya dibina adalah berbeza daripada reka bentuk asal, menggunakan bahan binaan yang *down graded,* saiz lebih kecil iaitu 7' x 13' x 9' dan *skid tank* yang berkapasiti maksimum 276 liter minyak diesel walaupun bayaran masih berasaskan harga kontrak. Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013 *Mengikut kontrak, pihak kontraktor telah membekal pondok, jana kuasa dan tangki minyak seperti yang dikehendaki dalam kontrak. Bagaimanapun, tangki yang dibekalkan tidak menepati spesifikasi proposal dokumen kontrak iaitu berisi padu 796 liter. Tangki yang lebih kecil berkapasiti 276 liter dibekalkan adalah untuk mematuhi keperluan pihak berkuasa tempatan. Dengan kapasiti 276 liter, ianya mampu menampung operasi jana kuasa selama 34 jam tanpa henti.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Terdapat perbezaan harga yang ketara di antara jana kuasa RTM Keningau dan RTM Bintulu kerana jana kuasa yang dibeli untuk RTM Keningau berjenama lain, hanya 25KVA dan tanpa kos pemasangan dan tiada pondok jana kuasa. Sedangkan jana kuasa RTM Bintulu yang dibekalkan sebenarnya berkapasiti 33KVA, jenama lebih baik, termasuk pemasangan, pembinaan pondok jana kuasa, skid tank dan pengujian. Pada pendapat Audit, kerja/pembekalan hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. Maklum balas KPKK tidak mengambil kira perbezaan kos pondok yang dibangkitkan. Jika berlaku keperluan mengurangkan spesifikasi di tapak projek, maka pelarasan harga hendaklah dibuat bagi mengurangkan kos perolehan supaya Kerajaan memperolehi *Value For Money*. Selain itu, spesifikasi kontrak hendaklah diperincikan dari segi kos berdasarkan setiap komponen yang terlibat.	
18.5.4.1.b	**Pengurusan Penerimaan Peralatan - Bayaran Tidak Teratur** Semakan fizikal mendapati peralatan yang bernilai RM23,500 masih belum diterima tetapi bayaran penuh telah dibuat berdasarkan kepada perakuan penerimaan oleh pegawai tapak.	RTM telah menghantar pasukan semakan dalaman ke stesen-stesen RTM Bintulu dan Keningau untuk menyemak dan mengesahkan semua peralatan yang sepatutnya dibekalkan dalam kontrak ini ada 7/7/2013 dan 8/7/2013. Mereka telah memberi pengesahan semua peralatan telah pun dibekalkan dengan sempurna.
18.5.4.1.c	Semakan Audit mendapati bayaran berjumlah RM23,500 telah dibuat oleh Kerajaan bagi peralatan yang tidak diterima. Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013 *Berdasarkan Schedule Of Equipment, semua peralatan telah dibekalkan:-* *<u>Cue Light Indicator</u>* *<u>On Air Studio dan Standby On-Air Studio di RTM Bintulu, RTM Keningau dan RTM Kota Bharu.</u>* *Dokumen spesifikasi menetapkan 2 unit cue light dibekalkan bagi setiap studio. Sebenarnya, kontraktor perlu membekal masing-masing satu unit jenis A dan satu unit jenis B menjadikan jumlah cue light adalah 2 unit.* *Diperakui masing-masing 2 unit jenis A dan 2 unit jenis B telah diterima dan dipasang di On-Air Studio dan Standby On-Air Studio seperti yang dikehendaki mengikut spesifikasi asal. Pemasangan cue light indicator bagi RTM Bintulu telah dibuat pada 24.02.2010, RTM Keningau pada 25.03.2010 dan RTM Kota Bharu pada 22.02.2010.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Ingest Room di RTM Kota Bharu. *Cue light telah dipasangkan dan berfungsi dengan baik. Pemasangan telah dibuat pada 22.02.2010 dan berfungsi sepenuhnya pada 16.05.2013.* *Workstation Table* *RTM Bintulu (1 unit) dan RTM Keningau (1 unit)* *Meja ini telah diterima dan ditempatkan di Bilik Kawalan Pusat (MCR) untuk menempatkan peralatan Logging System dan Administration Workstation. Workstation table bagi RTM Bintulu telah dibekalkan pada 25.05.2012 dan RTM Keningau pada 08.06.2013.* *RTM Kota Bharu (2 unit untuk Edit Room dan 2 unit untuk Ingest Room)* *RTM Kota Bharu mengesahkan keempat-empat meja ini berada di stesen. Workstation ini telah dibekalkan pada 12.05.2010.* *32' SONY Bravia S Series LCD TV c/w mounting* *Spesifikasi hanya menyatakan c/w mounting tetapi tidak menyatakan samada ceiling mounting, wall mounting atau table mounting. Untuk penggunaaan di konti adalah sesuai menggunakan table mounting. Penggunaan wall mounting dan ceiling mounting boleh mengubah parameter akustik konti tersebut. Semua set TV telah dibekalkan dengan table mounting.* *Bahagian Operasi Penyiaran akan menentukan penyediaan spesifikasi dibuat dengan lebih jelas dan fokus kepada keperluan yang optima supaya tidak berlaku kekeliruan semasa pelaksanaan projek.* Pada pendapat Audit, bekalan peralatan hendaklah dibekalkan mengikut tempoh perjanjian dan menepati spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. KPKK perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang memperakukan penerimaan peralatan yang tidak dibekalkan. Ini menyebabkan *improper payment* kerana bayaran dibuat bagi peralatan tidak di bekal dan telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.5.1.a	**Penggunaan Peralatan Tidak Menepati Kegunaan Asal - *Master Clock System* Tidak Berfungsi Sepenuhnya** *Master Clock System* terdiri dari 4 komponen iaitu *Master Clock System Driver, Distribution Driver, Digital/Slave Clock* dan *Global Positioning System* (GPS). Sistem ini perlu berfungsi secara bersepadu bagi tujuan memberi waktu yang tepat berasaskan putaran satelit bagi membantu dalam penyelarasan kerja-kerja penyiaran. Ketepatan masa *Slave Clock* adalah bergantung kepada *Master Clock System Driver* dan *Distribution Clock Driver*. Bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Tender Bil. 7/2009 pada 11 Mac 2009 telah memutuskan agar *Master Clock System* dikeluarkan dari senarai peralatan namun 2 komponen iaitu *Digital/Slave Clock* dan GPS masih disenaraikan dalam kontrak bertarikh 30 November 2009. Semakan Audit di RTM Kelantan, Keningau dan Bintulu mendapati 2 komponen tersebut telah dibekalkan dengan kos berjumlah RM116,220. Ini mengakibatkan *Master Clock System* tidak dapat berfungsi seperti mana tujuan asalnya iaitu memberi waktu yang tepat berasaskan putaran satelit. Dengan itu, *Slave Clock* yang bernilai RM3,810 seunit dengan kos keseluruhan RM76,200 di mana 14 unit yang diperoleh hanya dapat digunakan seperti jam biasa dan 6 unit lagi di RTM Keningau langsung tidak digunakan. Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013 *Master Clock System telah digugurkan selaras dengan keputusan Jawatankuasa Teknikal Tender. Tiada keperluan untuk membekalkan Slave Clock dalam kontrak ini, Jabatan hanya menyenaraikan Branded Wall Clock dengan anggaran kos asal RM100 sahaja. Bagaimanapun, kontraktor telah menawar dan membekalkan Branded Wall Clock yang mengandungi ciri-ciri Slave clock yang bernilai RM3,810.00 (harga pasaran yang telah disemak). Secara tidak langsung RTM mendapat bekalan jam dinding yang bermutu tinggi dan melebihi value for money.* *Peralatan GPS receiver dalam kontrak ini tiada kaitan dengan Master Clock System. Malah perolehan GPS adalah dalam Radio Automation System sepertimana yang terdapat dalam Jadual Peralatan dan Jadual harga tender.* *Peralatan GPS receiver yang dibekalkan akan diagihkan untuk kegunaan stesen RTM lain. Jabatan juga akan memastikan perolehan alat akan datang dibuat dengan lebih teliti mengikut keperluan sebenar. Pengagihan akan dibuat sebelum 30 Jun 2013.* Pada pendapat Audit, keputusan Jawatankuasa Teknikal Tender sepatutnya diambil	Berdasarkan maklumbalas yang telah diberikan, tiada pembaziran dalam pembelian GPS Receiver dan `*Slave Clock'* tersebut. Ini kerana peralatan tersebut kini telah digunakan di RTM negeri yang lain.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kira dalam penyediaan senarai peralatan dalam kontrak. Kecuaian pegawai dalam mengambil tindakan menggugurkan *Master Clock System* dalam senarai perolehan seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Tender telah menyebabkan berlaku pembaziran dalam pembelian *GPS Receiver* dan *Slave Clock* kerana tidak dapat dimanfaatkan.	
18.5.5.1.b	**Peralatan Yang Masih Tidak Digunakan** Lawatan Audit pada bulan Disember 2012 mendapati, peralatan berjumlah RM151,018 masih belum digunakan. Antara peralatan yang tidak digunakan adalah 6 unit GPS yang bernilai RM40,020 tidak digunakan sejak 2 tahun lalu kerana tiada keperluan seperti mana tujuan asalnya, 2 unit *Laser Jet Printer* di RTM Keningau dan 1 unit *Scanner* A4 di RTM Kelantan. Peralatan ini tidak digunakan kerana Pegawai Aset tidak mengetahui akan kewujudannya dan juga tidak diberi latihan. Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013 *Perjawatan tetap stesen ini hanyalah diluluskan pada 2011 selepas kelulusan kertas dasar perjawatan. Manakala penempatan petugas-petugas stesen secara rasmi hanya bermula daripada tarikh tersebut dan pelantikan pegawai aset hanya dicadangkan di akhir 2012. Pegawai aset telah dilantik pada 30 Januari 2013.* *Bahagian Operasi Penyiaran akan menentukan semua pelaksanaan projek-projek di masa hadapan hendaklah mempunyai perancangan yang lebih teliti berdasarkan keperluan sebenar bagi mengelakkan pembaziran wang awam.* *Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan seperti di bawah:-* *RTM Perak* *Samsung 32" LCD TV* *Perpindahan kakitangan ke kompleks baru masih belum selesai sepenuhnya semasa lawatan Audit. Atas alasan ini, LCD TV tidak dapat dipasang dan pemasangan TV ini telah siap pada Januari 2013.* *Scanner for A3 Paper* *Peralatan ini telah dipasang dan digunakan mulai Januari 2013.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	RTM Kelantan *Scanner fo A4 Paper* *Peralatan ini telah dipasang dan digunakan mulai Januari 2013.*	
	GPS Receiver *Peralatan telah diagihkan untuk kegunaan stesen RTM lain pada 8 Julai 2013.*	- GPS Receiver berkenaan kini digunakan di RTM Alor Star, Kedah.
	RTM Keningau *GPS Receiver* *Peralatan telah diagihkan untuk kegunaan stesen RTM lain 8 Julai 2013.*	- GPS Receiver berkenaan kini digunakan di Wisma Radio, Angkasapuri.
	Branded Wall Clock *Peralatan Branded Wall Clock telah dipasang dan digunakan di lokasi.*	
	Portable Digital Codec dan Hand Held Digital Audio Test And Measuring Instrument *Peralatan akan digunakan dan latihan dalaman sepenuhnya akan dilaksanakan.*	
	LaserJet Printer *Peralatan ini telah diagihkan dan dipasang pada 2 Januari 2013.*	
	RTM Bintulu *GPS Receiver* *Peralatan telah diagihkan untuk kegunaan stesen RTM lain 8 Julai 2013.*	
	Jabatan akan mempertingkatkan kefahaman Pengurusan Aset oleh ketua-ketua stesen melalui kursus-kursus berkaitan Pengurusan Aset Alih Kerajaan.	- *GPS Receiver* berkenaan kini digunakan di RTM Melaka**.**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, perancangan yang lebih teliti berdasarkan keperluan sebenar bagi mencapai objektif projek hendaklah dititik beratkan dan mengelakkan pembaziran wang awam. Selain itu, sebagai contoh, tempoh kecacatan satu tahun bagi GPS yang tidak digunakan telah tamat pada 23 November 2011 mengakibatkan tiada jaminan ke atas tahap *functionality*.	Peralatan GPS yang dibekalkan masih boleh digunakan dan dalam keadaan yang memuaskan. Walau bagaimanapun perancangan yang lebih teliti berdasarkan keperluan sebenar akan dilaksanakan dalam perolehan pembelian peralatan pada masa hadapan.
18.5.5.2.a	**Penyediaan Penggunaan Peralatan Dengan Berkesan - *Pre-Delivery Inspection* (PDI)** Mengikut Klausa C10 *Technical Specification* untuk pembekalan peralatan studio radio di RTM Kelantan, Keningau dan Bintulu hendaklah dilaksanakan oleh 3 orang jurutera RTM dan seorang wakil dari KPKK ke atas 3 peralatan utama dalam tender TV/PEM/3/2009 iaitu *Radio Automation System*, *Audio Routing System* dan *Digital Audio Mixers* dengan kos ditanggung oleh Kerajaan Malaysia. Didapati PDI tersebut telah dilaksanakan di Jerman pada 25 hingga 29 Januari 2010 (5 hari) bagi satu peralatan utama sahaja iaitu *Radio Automation System* walaupun 2 lagi peralatan (Audio Routing System dan Digital Audio Mixers) masih belum disiapkan oleh kilang pengeluar. Kos yang ditanggung oleh KPKK untuk PDI ini adalah sejumlah RM66,670 yang kemudiannya diberi diskaun sejumlah RM20,000 oleh COMS (atas alasan 'sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan'). Bagaimanapun, diskaun ini tidak mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa Projek (KSU KPKK). Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013 *Mengikut kontrak, terdapat tiga jenis peralatan perlu dibuat pemeriksaan. Bagaimanapun, pemeriksaan dua peralatan iaitu Audio Routing System dan Digital Audio Mixers jenis Klotz Digital yang dibekalkan diputuskan dibuat dalam negara memandangkan peralatan ini diguna pakai di stesen-stesen RTM lain berdasarkan cadangan dan perincian kos yang dikemukakan oleh kontraktor.* *Oleh itu, pemeriksaan yang dibuat hanyalah untuk peralatan baharu iaitu Zenon Media selama 5 hari dan pihak kontraktor telah melaksanakan pemeriksaan mengikut tempoh yang dipersetujui dalam kontrak.* *Pihak syarikat telah menawarkan pengurangan sebanyak RM20,000 oleh kerana kerja pemeriksaan tidak dapat dilaksanakan untuk peralatan Klotz Digital.* Pada pendapat Audit, syarat *Technical Specification* hendaklah dipatuhi di mana PDI perlu dilaksanakan bagi ketiga-tiga peralatan utama. Pihak KPKK menerima	Kementerian mengambil maklum teguran audit dan akan memastikan sebarang pelarasan harga akan dibawa untuk kelulusan Pegawai Penguasa Projek.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pengurangan RM20,000 daripada COMS tanpa justifikasi yang jelas sedangkan 2 daripada 3 pemeriksaan PDI tidak dilaksanakan. Pelarasan harga yang melibatkan RM20,000 hendaklah mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa Projek seperti kehendak peraturan kewangan.	
18.5.5.2.b	**Modul Latihan Tidak Menyeluruh** Semakan Audit terhadap modul latihan yang dilaksanakan hanya terbatas kepada penggunaan *Mixer* dan Sistem Zenon bagi kegunaan pegawai teknikal dan penerbit rancangan. Modul latihan yang tidak menyeluruh, boleh mengakibatkan peralatan terutamanya peralatan berteknologi tinggi/baharu tidak dapat digunakan secara berkesan dan optimum atau tidak langsung digunakan kerana pegawai tidak mahir dalam mengendalikan peralatan tersebut. Sebagai contoh, di RTM Keningau peralatan *Hand-Held Digital Audio Test And Measuring Instrument* dan *Portable Digital Codec* masih tersimpan di dalam kotak dan tidak digunakan. Pihak Audit dimaklumkan peralatan tersebut tidak digunakan memandangkan tiada pegawai RTM Keningau yang boleh mengendalikan peralatan tersebut. Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013 *Dalam kontrak, latihan hanya terhad bagi peralatan utama dalam sistem automasi radio. Latihan bagi peralatan lain seperti Hand-Held Digital Audio Test And Measuring Instrument dan Portable Digital Codec telah dibuat pada 16 Mei 2013 secara dalaman dengan kepakaran sedia ada.* *Jabatan berpandangan bagi peralatan-peralatan yang telah sedia digunakan dan ada kepakaran dalaman, latihan penggunaan peralatan akan dibuat secara dalaman bagi mencapai maksud value for money. Bagaimanapun, Bahagian Operasi Penyiaran akan menentukan latihan ini dibuat dengan segera semasa pelaksanaan projek untuk mendapatkan nilai optima peralatan yang dibekalkan.*	-
18.5.5.2.c	**Pematuhan Pelaksanaan Latihan Mengikut Kontrak** Mengikut kontrak, pembekal peralatan studio radio hendaklah melatih kakitangan RTM secara *on site training* mengikut modul/sub modul dan telah menetapkan sasaran kehadiran bilangan peserta bagi setiap sub modul. Semakan Audit mendapati, *on site training* telah dilaksanakan mengikut jadual, modul dan bilangan hari yang ditetapkan. Namun begitu berdasarkan analisis yang dibuat terhadap senarai kehadiran peserta, pihak Audit mendapati ada beberapa sub modul di mana peratus bilangan peserta yang tidak hadir adalah tinggi iaitu antara 42.9% hingga 70%.	Kementerian mengambil maklum akan pandangan pihak audit dan proses *knowledge sharing* ini memang telah dilaksanakan terutamanya dalam mencapai KPI Latihan 7 hari bagi setiap petugas. Setiap pegawai yang dihantar berkursus dikehenadaki mengadakan sesi latihan dalam perkhidmatan kepada pegawai-pegawai lain di tempat bertugas.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, penglibatan peserta secara sepenuhnya adalah penting bagi memastikan setiap pegawai yang terlibat didedahkan dengan teknik pengendalian peralatan yang betul. Ini adalah bagi memastikan peralatan dapat digunakan secara optimum dan mengurangkan risiko kerosakan pada peralatan. Selain itu, kos latihan yang terlibat di RTM Perak yang berjumlah RM100,000 dapat dimanfaatkan sepenuhnya supaya tidak berlaku pembaziran wang awam. Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013 *Diakui rekod kehadiran harian peserta tidak menepati keperluan kontrak. Ini adalah kerana terdapat peserta yang hadir tetapi tidak menandatangani daftar kehadiran. Mengambil kira peserta-peserta di stesen bertugas secara giliran, pelaksanaan sesuatu modul dibuat secara bersiri. Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seperti berikut:* *Kontrak TV/PEM/3/2009 Part I* *RTM Kota Bharu* *Modul 1 (5 hari/10 peserta): Seramai 12 orang telah dilatih* *Modul 2 (3 hari/10 peserta): Seramai 20 orang telah dilatih* *RTM Keningau* *Modul 1 (5 hari/10 peserta): Seramai 7 orang telah dilatih* *Modul 2 (3 hari/10 peserta): Seramai 13 orang telah dilatih* *Kontrak KPKK/RTM/PEM/3/2011* *RTM Perak* *Modul 1 (5 hari/7 peserta): Seramai 47 orang telah dilatih* *Modul 2 (3 hari/7 peserta): Seramai 29 orang telah dilatih* *Modul 3 (3 hari/7 peserta): Seramai 31 orang telah dilatih* *Pihak kontraktor telah memberi komitmen untuk mengadakan latihan tambahan tanpa kos bagi menampung kekurangan yang terdapat dalam modul di atas.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Jabatan akan meningkatkan pemantauan pengurusan latihan pengguna dalam kontrak bagi pelaksanaan projek-projek di masa akan datang. Jabatan juga akan menentukan spesifikasi teknikal berkenaan latihan dibuat sesuai dengan bilangan kakitangan yang terdapat di stesen terbabit. Pada pendapat Audit, bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan pegawai, RTM perlu memastikan penglibatan secara langsung bilangan pegawai yang secukupnya dalam semua modul sepertimana yang ditetapkan dalam kontrak. Bagi mereka yang telah menghadiri latihan, adalah juga penting supaya diaturkan sesi *knowledge sharing* secara berterusan kepada lain-lain pegawai yang tidak berpeluang menghadiri modul latihan berkenaan supaya perkhidmatan yang lebih berkesan dapat diberikan.	
18.5.6.1	**Tahap Keselamatan RTM Bintulu** Premis RTM merupakan satu kawasan yang perlu memiliki kawalan keselamatan yang ketat yang perlu diberi perlindungan sepenuhnya dan di warta mengikut Seksyen 5 Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298). Berdasarkan Arahan Keselamatan mengenai keselamatan bangunan Kerajaan, antara langkah-langkah bagi mengelakkan pencerobohan premis tersebut adalah dengan menghadkan jalan keluar masuk, mengadakan kaunter, memperkukuhkan tingkap-tingkap dan pintu-pintu yang dilengkapkan dengan kunci keselamatan dan mewujudkan perkhidmatan kawalan keselamatan. Didapati, kawalan keselamatan di RTM Bintulu adalah kurang memuaskan kerana terletak di bangunan komersial. Selain itu, tiada sebarang papan tanda yang mengisytiharkan RTM Bintulu adalah kawasan terperingkat atau larangan.	Kementerian akan mewartakan RTM Bintulu sebagai tempat larangan dan proses pewartaan akan dibuat selepas sistem SPKB siap ditauliahkan.
18.5.6.2	Semasa lawatan Audit pada 28 Disember 2012 mendapati, lokasi RTM Bintulu terletak di kawasan lot kedai terbuka berdekatan dengan bank, kedai dan sebagainya. RTM Bintulu menggunakan khidmat pegawai keselamatan hanya selama 12 jam sehari iaitu dari jam 7 malam hingga 7 pagi dan bukannya 24 jam. Di samping itu, pintu masuk tidak menggunakan *Time Management System* (TMS) seperti yang dipraktikkan di RTM Perak, Kelantan dan Keningau. Pihak Audit mendapati kawasan ini terdedah kepada risiko pencerobohan/kecurian jika langkah-langkah keselamatan tidak diambil dengan sewajarnya terutama sekali ketika tiada pegawai keselamatan. Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013 *Jabatan bersetuju aspek keselamatan di RTM Bintulu perlu dipertingkatkan.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kementerian maklum perkara ini dan telah memaklumkan Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Penyiaran untuk segera melaksanakan permohonan pengisytiharan tempat larangan bagi Stesen RTM Bintulu dan juga RTM Keningau. *RTM Sarawak telah menempatkan seorang pengawal keselamatan tambahan ke stesen RTM Bintulu. Permohonan tambahan jawatan untuk pengawal keselamatan juga telah dimasukkan dalam penstrukturan semula Jabatan. Selain dari itu, roller shutter telah dipasangkan di pintu utama stesen. Kementerian juga telah mempercepatkan kerja-kerja pemasangan Sistem Pemantauan Keselamatan Bersepadu (SPKB) di RTM Bintulu. Sistem SPKB dijangka siap pada 30 Jun 2013.* Pada pendapat Audit, memandangkan RTM Bintulu menempatkan pelbagai peralatan penyiaran yang bernilai tinggi, aspek keselamatan perlu di pertingkatkan. Langkah mengisytiharkan RTM Bintulu sebagai tempat larangan hendaklah dilakukan segera selaras dengan peruntukan seksyen 5 Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan, Akta 298, Tahun 1959 supaya tahap keselamatan yang sewajarnya dapat dilaksanakan.	
18.5.7	**Kerosakan/Pembaikan Peralatan Tidak Direkodkan Dalam KEW.PA 9** Semakan Audit mendapati RTM Perak, Kelantan, Keningau dan Bintulu tidak menyelenggara rekod KEW.PA 9 bagi merekodkan kerosakan/pembaikan peralatan. Peralatan yang diperolehi dalam projek ini yang telah mengalami kerosakan tetapi tidak di rekod dalam KEW.PA 9. Berdasarkan semakan Audit sejumlah RM75,601 peralatan studio radio yang telah rosak tidak direkodkan ke dalam KEW.PA 9. Bagi peralatan yang tiada rekod kerosakannya, Ketua Jabatan dan Pegawai Aset sukar mengetahui status peralatan yang rosak dan yang masih berfungsi. Selain itu, rekod ini adalah juga penting bagi meningkatkan pengurusan aset yang lebih berkesan dengan cara mengambil tindakan yang sewajarnya supaya peralatan tersebut dapat digunakan dengan kadar segera. Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013 *Borang Kew.PA-9 telah di selenggara. Jabatan akan mempertingkatkan kefahaman Pengurusan Aset oleh ketua-ketua stesen melalui kursus-kursus berkaitan Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan juga semasa mesyuarat JKPAK yang diadakan empat kali setahun.* Pada pendapat Audit, setiap elemen dalam pengurusan aset hendaklah dititik	**-**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	beratkan bagi meningkatkan tahap kebolehgunaan (usability). Dengan itu, peralatan yang rosak perlu direkodkan dengan segera dalam KEW.PA 9 bagi memudahkan pihak pengurusan mengambil tindakan yang sewajarnya.	

KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Balai Seni Visual Negara

Perenggan 19 : Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Dan Projek Penggantian Bumbung

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.1.1.a.i	**Pencapaian Fizikal Projek - Projek Bangunan Tambahan** Syarat kontrak menetapkan tarikh milik tapak projek adalah pada 20 November 2008 dan tarikh siap asal pada 19 Mei 2010. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara berikut:- Pegawai Penguasa Projek telah meluluskan 2 lanjutan masa selama 240 hari iaitu sehingga 14 Januari 2011.	Bagi perkara yang dibangkitkan seperti di Perenggan 19.5.1.1.a.i sehingga 19.5.1.1.a.v mengenai pencapaian fizikal Projek - Projek Bangunan Tambahan dan juga perkara seperti di Perenggan 19.5.1.1.b.i sehingga 19.5.1.1.b.ii mengenai Projek Penggantian Bumbung, pihak Balai Seni Visual Negara (BSVN) mengambil maklum dan bersetuju bahawa berlaku kelewatan dalam pencapaian fizikal projek ini. Walau bagaimanapun, pihak BSVN tidak mempunyai kawalan secara langsung ke atas prestasi pencapaian fizikal bagi kedua-dua projek ini kerana urusan pelaksanaan projek adalah di bawah bidang kuasa Pegawai Penguasa Projek iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR).
19.5.1.1.a.ii	Syarat kontrak reka dan bina menyatakan kontraktor bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan perintah pembangunan atau *Development Order* (D.O) daripada pihak berkuasa tempatan sebelum memulakan kerja pembinaan. Permohonan D.O kepada DBKL oleh kontraktor sepatutnya dibuat pada 20 November 2008 tetapi telah dikemukakan pada 15 Disember 2008 iaitu telah lewat 14 hari. Mengikut jadual pelaksanaan, D.O akan diluluskan oleh DBKL pada 19 Februari 2009 tetapi sebaliknya diluluskan pada 2 Jun 2009. Kelewatan kelulusan D.O adalah disebabkan kontraktor terpaksa menghantar semula lukisan pelan pembangunan setelah lukisan asal tidak memenuhi syarat kelulusan DBKL. Kontraktor telah memohon lanjutan masa selama 175 hari bagi kelewatan ini tetapi diluluskan selama 111 hari sahaja.	
19.5.1.1.a.iii	Kelulusan Telekom perlu diperolehi untuk melaksanakan kerja-kerja pemasangan sistem telefon luaran. Lukisan pemasangan sistem telefon luaran yang diluluskan oleh Telekom pada 8 Disember 2009–menghendaki *tapping point* dalam kontrak dipinda sejauh 0.5km dari lokasi asal. Permohonan lanjutan masa ke-2 selama 161 hari bagi perubahan kerja ini hanya diluluskan 129 hari sahaja.	
19.5.1.1.a.iv	Permohonan kontraktor pada 4 Januari 2011 bagi pelanjutan tempoh kali ke-3 tidak diluluskan kerana Pegawai Penguasa berpendapat 2 lanjutan masa yang diluluskan sebelumnya adalah memadai. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 22 November 2011 lewat selama 10 bulan selepas tamat tarikh lanjutan masa kedua.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.1.1.a.v	BSVN mula menggunakan bangunan tambahan secara rasmi pada 12 Januari 2012. Tempoh tanggungan kecacatan bagi bangunan tambahan adalah selama 24 bulan mulai 22 November 2011 hingga 23 November 2013.	
19.5.1.1.b.i	**Projek Penggantian Bumbung** Syarat kontrak menetapkan tarikh siap asal projek pada 18 September 2012. Semakan Audit mendapati Pegawai Penguasa telah meluluskan satu lanjutan masa selama 48 hari sehingga 5 November 2012. Ini kerana terdapat penambahan kuantiti *aluminium composite panel* bumbung sebanyak 53% daripada kuantiti asal di dalam kontrak.	
19.5.1.1.b.ii	Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa pada 5 November 2012. Projek telah diserahkan secara rasmi kepada BSVN pada 30 Januari 2013. Tempoh tanggungan kecacatan selama 12 bulan telah bermula pada 6 November 2012 hingga 5 November 2013. Maklum balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013 *BSVN bersetuju dengan penemuan Audit berhubung isu kelewatan siap Projek Bangunan Tambahan. Permohonan lanjutan tempoh ke-3 oleh kontraktor tidak diluluskan kerana pihak CKBA JKR berpendapat permohonan pengecualian denda LAD tidak boleh dipertimbangkan di peringkat JKR selaras dengan ketetapan dan penguatkuasaan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 18 Mac 2001 berkaitan Pembatalan Pengecualian Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (Liquidated Ascertained Damages - LAD).* *BSVN juga bersetuju dengan penemuan Audit mengenai Projek Penggantian Bumbung dan semua teguran akan diambil tindakan segera. Pihak JKR telah meluluskan APK iaitu kerja-kerja tambahan membekal dan memasang panel baru yang menyebabkan EOT diberi selama 48 hari bermula 19 September 2012 hingga 5 November 2012.* Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek secara keseluruhannya tidak memuaskan. Projek Bangunan Tambahan lewat disiapkan selepas 10 bulan dari tamat tarikh lanjutan masa kedua, manakala Projek Penggantian Bumbung telah disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.1.2.a.i	**Pencapaian Kewangan Projek - Projek Bangunan Tambahan** Peruntukan pembangunan berjumlah RM25.8 juta telah diluluskan bagi projek ini. Peruntukan meliputi kos asal, arahan perubahan kerja, pelarasan harga kontrak, pembayaran kepada pihak berkuasa tempatan dan utiliti serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:- Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012, KPKK telah menyalurkan peruntukan melalui geran pembangunan kepada BSVN sejumlah RM25.04 juta seterusnya menyalurkan semula kepada pihak JKR berjumlah RM23.8 juta. Ini menjadikan baki geran pembangunan berjumlah RM1.24 juta masih berada dalam simpanan BSVN; dan JKR telah membuat perbelanjaan yang berkaitan dengan projek berjumlah RM22.29 juta (93.7%). Baki dalam simpanan di JKR adalah berjumlah RM1.51 juta.	Pihak Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA), JKR telah mengeluarkan cadangan perbelanjaan bagi Bayaran Perakuan Muktamad selepas *Perakuan Certificate of Making Good Defects*. Tempoh Tanggungan Kecacatan akan berakhir pada 22 November 2013.
19.5.1.2.b	**Projek Penggantian Bumbung** Geran pembangunan berjumlah RM5.5 juta telah diluluskan bagi projek ini. Peruntukan ini meliputi kos asal, arahan perubahan kerja dan pelarasan harga kontrak serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:- i. KPKK telah menyalurkan geran berjumlah RM5.5 juta pada tahun 2011 hingga 2012. BSVN pula seterusnya menyalurkan semula kepada pihak JKR berjumlah RM4.44 juta (80.7%). Ini menjadikan jumlah baki geran yang masih ada dalam simpanan BSVN berjumlah RM1.06 juta (19.3%); dan ii. JKR WPKL telah membelanjakan sejumlah RM4.23 juta (95.3%) dari geran yang diterima bagi projek ini pada tahun 2012. Jumlah baki peruntukan yang masih dalam simpanan JKR WPKL adalah berjumlah RM213,263.	BSVN telah menerima baki peruntukan daripada pihak CKBA, JKR berjumlah RM 63,262.90 pada 28 Jun 2013.
19.5.1.2.c	**Rekod Kewangan Projek** BSVN sepatutnya menyimpan rekod khusus secara terperinci mengenai projek pembangunan bagi memantau prestasi perbelanjaan. Selain itu, di peringkat JKR, laporan terperinci secara berkala sepatutnya dikemukakan oleh CKBA JKR dan JKR WPKL kepada BSVN bagi memastikan kedudukan baki peruntukan kewangan sentiasa mencukupi. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:- i. Tiada akaun khusus dibuka dan penyata bulanan juga tidak disediakan oleh BSVN mengenai kedudukan baki perbelanjaan kedua-dua projek tersebut. Oleh itu, BSVN tidak dapat mengenal pasti baki perbelanjaan di JKR. Mengikut	Status kekal seperti maklum balas yang dikemukakan pada 29 April dan 2 Julai 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	perkiraan Audit, jumlah baki yang terkumpul bagi kedua-dua projek ini berjumlah RM4.02 juta. Ini meliputi baki dalam simpanan di BSVN sejumlah RM2.3 juta dan di JKR pula sejumlah RM1.72 juta; ii. Laporan terperinci secara berkala tidak dikemukakan oleh CKBA JKR dan JKR WPKL kepada BSVN. Berdasarkan minit mesyuarat tapak, prestasi kewangan projek telah dilaporkan secara berkala. Bagaimanapun, laporan kewangan tersebut adalah tidak terperinci; dan iii. Kesan ketiadaan rekod khusus dan laporan terperinci daripada JKR, pihak BSVN tidak dapat menentukan nilai kerja sebenar dalam pembinaan projek. Isu ini juga telah dibangkitkan oleh pihak Audit semasa membuat pengesahan terhadap penyata kewangan BSVN bagi tahun 2010. Maklum balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013 dan 2 Julai 2013 *Pihak CKBA JKR mengesahkan mempunyai baki simpanan berjumlah RM1.5 juta daripada peruntukan Projek Bangunan Tambahan. Baki ini dijangkakan untuk bayaran muktamad.* *Pejabat JKR Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA) Ibu Pejabat, JKR selaku pengurus program mengesahkan telah menerima peruntukan daripada BSVN berjumlah RM4.44 juta bagi Projek Penggantian Bumbung dan telah membelanjakan sejumlah RM4.23 juta daripada peruntukan tersebut. Baki dalam simpanan berjumlah RM213,263 akan dipulangkan kepada BSVN.* *Pihak BSVN memaklumkan bahawa tiada akaun khusus dibuka untuk kedudukan rekod kewangan projek pembangunan kerana difahamkan sektor Kerajaan tidak digalakkan membuka terlalu banyak akaun bank bagi satu-satu agensi. Selain itu, laporan terperinci kewangan projek ada dinyatakan di dalam Sistem Kawal dan Lapor (SKALA) JKR. Laporan berkenaan akan dikemukakan oleh JKR untuk rekod BSVN pada masa akan datang.* *Maklum balas lanjut menyatakan BSVN telah membuka fail khas bagi Projek Penggantian Bumbung pada 14 Januari 2013. Usaha membuka fail ini adalah bagi memastikan agar semua rekod berkenaan prestasi kewangan dan prestasi fizikal projek dapat disimpan dengan terperinci agar membolehkan prestasi projek dipantau dengan lebih efektif.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan bagi Projek Bangunan Tambahan 93.7% dan Projek Penggantian Bumbung 95.3% adalah baik. Namun penyelenggaraan rekod dan laporan perbelanjaan projek oleh BSVN adalah tidak memuaskan kerana menjejaskan pengesahan penyata kewangan BSVN.	
19.5.1.3.a	**Pencapaian Impak Projek - Projek Bangunan Tambahan** Pihak Audit telah mengedar borang soal selidik kepada seramai 35 kakitangan bagi menentukan tahap kepuasan pengguna terhadap bangunan baru. Hasil analisis terhadap soal selidik mendapati 71% pengguna berpuas hati terhadap pembinaan bangunan tersebut. Manakala 29% pengguna tidak berpuas hati dengan alasan tiada kemudahan sukan dan riadah, tiada kesinambungan reka bentuk bangunan tambahan dengan bangunan utama serta kemudahan lif kurang memuaskan.	Status kekal seperti maklum balas yang dikemukakan pada 29 April 2013.
19.5.1.3.b	**Projek Penggantian Bumbung** Kajian kepuasan pengguna tidak dapat dibuat kerana projek baru diserahkan kepada pelanggan pada 30 Januari 2013. Pihak BSVN telah diminta untuk membuat kajian tahap kepuasan pengguna bagi menentukan impak bagi projek ini. Maklum balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013 *BSVN mengambil maklum penemuan Audit berhubung isu pencapaian impak Projek Bangunan Tambahan. Manakala bagi isu pencapaian impak untuk Projek Penggantian Bumbung, kaji selidik tahap kepuasan pelanggan telah dijalankan di peringkat dalaman terhadap 10 orang pegawai dengan keputusan kesemuanya adalah baik.* Pada pendapat Audit, pembinaan bangunan baru telah mencapai objektif iaitu untuk memberi keselesaan kepada kakitangan BSVN. Hasil soal selidik mendapati tahap kepuasan pengguna sebanyak 71.4% adalah memuaskan.	
19.5.2.1.a	**Pelantikan Kontraktor - Projek Bangunan Tambahan** Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil.5 Tahun 2007 menyatakan tender hendaklah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan diputuskan oleh Lembaga Perolehan dalam tempoh sah laku tender. Surat Setuju Terima (SST) hendaklah dikeluarkan dalam tempoh sah laku tender secepat mungkin selepas keputusan Lembaga Perolehan diperolehi. Selanjutnya, kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 19.5.2.1.a.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	i. Bagi projek ini, tempoh sah laku tender ialah 6 bulan bermula pada 21 Januari 2008 dan berakhir pada 28 Julai 2008. Adalah didapati Jawatankuasa Penilaian Teknikal JKR tidak dapat menyelesaikan penilaian dalam tempoh 6 bulan. Ini menyebabkan Lembaga Perolehan JKR meluluskan lanjutan tempoh sah laku tender yang pertama sehingga 26 September 2008. Tender ini telah diputuskan pada 29 Julai 2008 dengan menawarkan projek kepada penender ke-4 terendah; ii. Penender yang berjaya telah menawarkan harga berjumlah RM23.45 juta, iaitu melebihi siling peruntukan berjumlah RM17 juta. JKR telah mendapatkan peruntukan tambahan berjumlah RM25.8 juta yang diluluskan pada 5 September 2008 daripada KPKK. Bagaimanapun, SST yang sepatutnya dikeluarkan setelah mendapat kelulusan peruntukan tambahan hanya dikeluarkan pada 8 Oktober 2008. Ini menyebabkan pelanjutan tempoh sah laku tender kedua dari 27 September 2008 sehingga 26 Disember 2008 diluluskan; dan iii. SST telah dikeluarkan pada 8 Oktober 2008 dan kontrak hendaklah ditandatangani selewat-lewatnya sebelum 8 Februari 2009. Bagaimanapun, kontrak hanya ditandatangani pada 14 Julai 2009 iaitu lewat selama 5 bulan. Kelewatan ini berpunca daripada draf perjanjian yang disediakan oleh kontraktor tidak lengkap dan perlu diperbetulkan sebanyak 3 kali sepanjang tempoh dari bulan Januari hingga Jun 2009 sebelum ditandatangani.	
19.5.2.1.b	**Projek Penggantian Bumbung** Semakan Audit mendapati proses pelantikan kontraktor sehingga kontrak ditandatangani adalah teratur dan mematuhi peraturan kewangan. Maklum balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013 *BSVN memaklumkan kelewatan pelantikan kontraktor untuk Projek Bangunan Tambahan adalah disebabkan oleh 2 perkara berikut yang nyata iaitu:-* *1. JKR perlu membuat Penilaian Teknikal peringkat pertama dan kedua kerana maklumat petender-petender yang mengambil bahagian didapati tidak lengkap untuk tujuan penilaian tender.* *2. Pengesahan siling peruntukan daripada pihak pelanggan diperlukan untuk tujuan pengeluaran SST.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Di masa yang akan datang, JKR akan mengeluarkan SST sepertimana kehendak peraturan yang telah ditetapkan. *Bagi isu kelewatan tandatangan kontrak, JKR bersetuju dengan penemuan Audit dan memaklumkan pemantauan ada dilaksanakan terhadap perkara tersebut. Manakala bagi pelantikan kontraktor untuk Projek Penggantian Bumbung, JKR bersetuju dengan kenyataan penemuan Audit ini.* Pada pendapat Audit, proses pelantikan kontraktor bagi Projek Bangunan Tambahan tidak diurus dengan cekap kerana melampaui masa yang ditetapkan. Manakala bagi Projek Penggantian Bumbung didapati pelantikan kontraktor adalah cekap dan teratur.	
19.5.2.2.a	**Pentadbiran Kontrak - Projek Bangunan Tambahan** i. Syarat kontrak membenarkan Pegawai Penguasa mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja (APK) yang melibatkan perubahan atau pengubahsuaian ke atas reka bentuk, kualiti atau kuantiti kerja yang memberi kesan kepada nilai kontrak. APK hendaklah dikeluarkan dalam tempoh kontrak untuk mengikat kontraktor kepada terma dan syarat kontrak sedia ada. Pihak Telekom menghendaki kontraktor memindahkan *tapping point* sejauh 0.5km dari lokasi asal bagi kerja-kerja pemasangan sistem telefon luaran. Pihak kontraktor pula telah mengemukakan 3 permohonan APK berkaitan kerja tersebut selepas tamat tarikh siap kerja pada 14 Januari 2011. Hanya 2 APK berjumlah RM0.52 juta diluluskan pada 18 November 2012 iaitu 22 bulan selepas tamat tarikh siap kerja. Permohonan APK ke-3 berjumlah RM87,290 masih belum diluluskan oleh pihak Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja. ii. Garis Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi ke-3 menetapkan kontraktor hendaklah dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam kontrak, perubahan kerja wajar diukur dan dinilai serta dibuat pelarasan jumlah harga kontrak secepat mungkin. Semakan Audit mendapati 2 APK yang telah siap diperakui oleh Pegawai Penguasa melalui pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja pada 22 November 2011 masih belum dibayar oleh JKR. iii. Peruntukan yang telah diluluskan bagi projek bangunan tambahan adalah berjumlah RM25.8 juta. Semasa pelaksanaan projek, nilai asal kontrak ialah RM23.45 juta telah meningkat kepada RM23.74 juta (1.22%). Peningkatan ini melibatkan 2 APK yang berjumlah RM0.52 juta telah diluluskan oleh Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja JKR pada 18 November 2012. Selain itu, terdapat pengurangan kos yang melibatkan 2 PHK anggaran JKR berjumlah RM323,210 dan APK ke-3 berjumlah RM87,290 yang masih belum diluluskan	Pihak CKBA, JKR memaklumkan bahawa Arahan Perubahan Kerja (APK) Ke-3 tidak diperakukan kerana keperluan pemasangan kerja-kerja link dari Bangunan Baru ke Bangunan Lama bagi IT dan telefon telah dinyatakan di dalam Dokumen Kontrak (Jilid 2 dan 3, Section D, Electrical Brief, Clause 1.0) dan perkara telah dipersetujui oleh pihak Kontraktor. Pengurangan kos adalah sebanyak RM523,246.40.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	walaupun tarikh siap kerja telah tamat pada 14 Januari 2011.	
	iv. SPP Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) boleh dipulangkan kepada kontraktor sebanyak 50% daripada nilai WJP yang ditahan setelah Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Nilai WJP yang ditahan daripada kontraktor adalah berjumlah RM1.17 juta. Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 22 November 2011 dan kontraktor telah mengemukakan permohonan untuk pelepasan 50% daripada nilai WJP sejumlah RM0.59 juta pada 14 Mei 2012. Bayaran berkenaan masih belum dibuat oleh JKR.	Pelepasan Wang Jaminan Perlaksanaan (WJP) sebanyak 50% telah dibuat kepada pihak kontraktor utama SPAZ iaitu sebanyak RM 586,419.73 pada 18 Jun 2013.
	v. Syarat kontrak Kerajaan telah menetapkan kadar ganti rugi atau *Liquadated And Ascertained Damages* (LAD) sejumlah RM3,800 sehari kepada kontraktor bagi kelewatan menyiapkan projek selepas 17 Januari 2011. Pihak JKR telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap bertarikh 17 Januari 2011 dan mengenakan denda LAD bagi tempoh 15 Januari 2011 sehingga 22 November 2011 yang bersamaan dengan 312 hari berjumlah RM1.19 juta. Denda ini telah diselesaikan melalui bayaran interim kepada kontraktor. Kontraktor telah mengemukakan rayuan pengecualian bayaran LAD tersebut pada 19 April 2012 dan keputusan mengenainya masih belum dibuat.	
	vi. Syarat kontrak menghendaki bayaran terhadap tuntutan kemajuan kerja oleh kontraktor hendaklah dibuat dalam tempoh 45 hari dari tarikh penilaian kerja dilaksanakan. Pembayaran bagi projek ini melibatkan 33 baucar bayaran yang berjumlah RM21.75 juta. Adalah didapati 6 baucar bayaran (18.2%) berjumlah RM7.48 juta (34.4%) telah lewat dibayar antara 6 hingga 155 hari.	
	vii. Terma dan syarat kontrak menyatakan semua bayaran bil utiliti yang berkaitan dengan projek hendaklah ditanggung oleh kontraktor sehingga Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor terlibat tidak membayar bil elektrik berjumlah RM152,105 bagi tempoh 8 bulan walaupun telah diberikan surat peringatan oleh Pegawai Penguasa. Bagi mengelakkan masalah gangguan elektrik, BSVN telah mendahulukan pembayaran tersebut tetapi belum dikutip semula daripada kontraktor.	Pihak CKBA, JKR akan melakukan potongan bil sebanyak RM 152,105.00 daripada pembayaran Perakuan Muktamad kepada kontraktor.
19.5.2.2.b	**Projek Penggantian Bumbung**	
	i. Peruntukan pembangunan bagi projek ini berjumlah RM5.5 juta. Semasa pelaksanaan projek, kontrak asal berjumlah RM2.74 juta telah meningkat kepada RM4.04 juta (47.04%). Peningkatan sejumlah RM1.29 juta adalah disebabkan oleh 2 APK berjumlah RM0.57 juta dan 5 PHK berjumlah RM0.72 juta yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja JKR WPKL di antara bulan Mac 2012 hingga bulan November 2012.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 19.5.2.2.b.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum balas BSVN Yang Diterima Pada 26 April 2013 *JKR memaklumkan lewat mempertimbangkan kelulusan permohonan APK bagi Projek Bangunan Tambahan kerana:-* *i. Proses rayuan pengecualian kerja tambahan luaran bagi Telekom oleh kontraktor.* *ii. Kelulusan perubahan kerja KPK No.2 (tambahan kerja-kerja dalaman bagi Telekom) yang diminta semasa tempoh lanjutan masa (EOT No.2).* *iii. Kontraktor lewat mengemukakan dokumen kelulusan perubahan kerja KPK No.1 dan 2* *JKR memaklumkan 2 PHK yang belum diluluskan adalah melibatkan pengurangan sebanyak RM323,210. Mengenai kelulusan PHK 1 dan 2 pihak JKR telah mengemukakan pengesyoran melalui beberapa siri surat susulan untuk persetujuan kontraktor. Memandangkan kerja yang dilaksanakan kontraktor tidak mematuhi spesifikasi, pengesyoran bayaran adalah untuk sebahagian kerja sahaja. Bagaimanapun, kontraktor tidak bersetuju dengan pengesyoran JKR dan telah membuat rayuan pada 26 Februari 2013. Tuntutan ini dijangka diselesaikan pada bulan Jun 2013 sekiranya mendapat maklum balas daripada kontraktor.* *JKR memaklumkan wang jaminan pelaksanaan masih ditahan kerana pihak kontraktor belum mengemukakan dokumen As Built Drawing bagi kerja berkaitan sivil, elektrik dan mekanikal serta belum mengemukakan laporan lengkap kerja pembaikan kecacatan.* *Bagi isu LAD yang belum selesai, JKR berpendirian rayuan daripada kontraktor tidak dapat dipertimbangkan atas alasan bukan bidang kuasa JKR seperti Arahan Perbendaharaan dalam Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 18 Mac 2011. Selain itu, rayuan ini dikemukakan setelah tempoh kontrak tamat.* *BSVN bersetuju mengenai isu kelewatan bayaran interim. Kelewatan berpunca akibat proses pengesahan dokumen mengambil masa, peruntukan kewangan belum diterima dan keengganan pihak kontraktor membaiki kecacatan yang dikesan dalam NCR. Manakala bagi pembayaran bil utiliti, JKR memaklumkan bayaran bil elektrik sebanyak RM110,000 akan ditolak daripada kontraktor apabila bayaran akhir semasa penyediaan perakuan muktamad.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak terhadap Projek Bangunan Tambahan adalah tidak memuaskan kerana terdapat peraturan kewangan serta syarat kontrak tidak dipatuhi oleh pihak JKR dan kontraktor. Bagaimanapun, pentadbiran kontrak Projek Penggantian Bumbung didapati memuaskan.	
19.5.3.1.a	**Pematuhan Kepada Spesifikasi Kontrak - Projek Bangunan Tambahan** Semakan Audit terhadap rekod Projek Bangunan Tambahan BSVN mendapati perkara seperti berikut:- i. Berdasarkan syarat kontrak klausa 6.2.2 (ii), spesifikasi bagi *Gypsum Plaster Board Partition* yang merupakan dinding sesekat bagi bangunan berkenaan adalah seperti berikut: *"Gypsum plaster board partition shall be of 100mm thick of 12mm thick gypsum board dry system complete with galvanized steel framing studs. Gypsum partition shall be constructed to 1 hour fire rating with 100mm rockwool insulation sandwitched between two 12mm thick gypsum panels. The gypsum board must have water absorption of average 37.2%."* ii. Kontraktor telah memasang dinding sesekat yang tidak mengikut spesifikasi kontrak di mana ketebalannya hanya 75mm sahaja atas alasan tiada bekalan dinding dengan ketebalan 100mm di pasaran. Pegawai Penguasa telah mengeluarkan *Non Compliance Report* (NCR) ke-7 bertarikh 29 September 2010. Antara perkara-perkara yang ditegur dalam NCR dan gambar-gambar spesifikasi dinding sesekat adalah seperti berikut:- • kontraktor tidak mendapatkan kelulusan *Method Statement* daripada Cawangan Arkitek, JKR sebelum pemasangan dinding sesekat dibuat; • kontraktor tidak mengemukakan lukisan pembinaan (Shop Drawing) kepada JKR semasa kerja-kerja pemasangan dinding sesekat dibuat; dan • kontraktor tidak mendapat kelulusan bahan bagi penggunaan *Frame Metal Studs* bagi kerangka dinding sesekat. iii. JKR telah mengarahkan kontraktor untuk mematuhi spesifikasi dinding sesekat yang ditetapkan dalam kontrak. Kontraktor tidak sanggup untuk membuka dan memasang semula dinding sesekat tersebut dan sebaliknya membuat penambahbaikan terhadap dinding sesekat berkenaan. Pegawai Penguasa tidak menerima kerja penambahbaikan oleh kontraktor kerana tidak menyediakan Sijil	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Ketahanan Rintangan Api selama 1 jam, Laporan Serapan Air purata 37.2% dan Laporan Kestabilan Dan Kekukuhan bagi struktur dinding sesekat tersebut. Ini menyebabkan *NCR* berkaitan tidak dapat ditutup. iv. bagaimanapun, pihak KPKK dan BSVN selaku pelanggan telah bersetuju untuk menerima pembaikan tersebut dengan syarat pihak kontraktor memberi jaminan keselamatan sehingga 10 tahun selepas tarikh *CPC* dan tempoh tanggungan kecacatan dilanjutkan daripada satu tahun kepada 2 tahun. JKR telah mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja bagi sebahagian besar daripada kerja pembinaan bangunan tambahan pada 22 November 2011 dan tidak akan mengambil sebarang risiko sekiranya sesuatu musibah berlaku disebabkan oleh pembaikan kepada dinding sesekat yang tidak mematuhi spesifikasi kontrak. Perakuan jaminan 10 tahun telah dikeluarkan oleh kontraktor dalam surat bertarikh 11 Februari 2011. Bagi tempoh tanggungan kecacatan sehingga 2 tahun dari tarikh CPC dikeluarkan telah dinyatakan dalam sijil tersebut; v. pihak kontraktor telah membuat tuntutan sejumlah RM0.52 juta bagi kos dinding sesekat berkenaan. Pelarasan harga kontrak akan dibuat oleh JKR kerana penggunaan dinding sesekat yang tidak mengikut spesifikasi tetapi masih belum dimuktamadkan; dan vi. selain itu, akibat kelewatan penyiapan kerja pembinaan bangunan tambahan ini, kontraktor telah dikenakan LAD berjumlah RM1.19 juta.	Tuntutan pihak kontraktor kepada CKBA, JKR bagi kerja-kerja pemasangan dinding sesekat, adalah berjumlah RM 143,850.00. Walau bagaimanapun, setelah pelarasan harga dilakukan oleh pihak UKKT (Ukur Bahan) hanya sejumlah RM98,500.00 yang dibayar kepada kontraktor. Rayuan pengurangan LAD berjumlah RM1.19 juta oleh pihak kontraktor telah diterima pada 9 Julai 2013. Pada masa ini, pihak CKBA, JKR sedang meneliti rayuan tersebut dan masih dalam pertimbangan UKKT (Ukur Bahan).
19.5.3.1.b	**Projek Penggantian Bumbung** Semakan Audit terhadap rekod Projek Penggantian Bumbung BSVN mendapati perkara-perkara seperti berikut:- i. Cawangan Arkitek, Ibu Pejabat JKR selaku Ketua Pasukan Reka Bentuk (HODT) bagi projek ini, telah membuat teguran terhadap kontraktor kerana tidak mematuhi spesifikasi dan prosedur kerja yang boleh memberi kesan terhadap keteguhan bahan binaan. Butiran lanjut mengenai teguran oleh HODT adalah seperti berikut: • Dokumen kontrak menyatakan spesifikasi ketebalan minima bagi *'Aluminium Composite Panel'* adalah 6mm tebal. Pegawai Penguasa telah memutuskan untuk menukar kepada 4mm tebal kerana bahan berukuran 6mm tebal tiada dalam pasaran dan tempahan boleh meningkatkan kos serta melewatkan projek. • Spesifikasi saiz panel 1.2m x 1.2m seperti di dalam lukisan telah ditukarkan	Dalam Mesyuarat Teknikal No. 4 bertarikh 9 Februari 2012, Cawangan Arkitek Ibu Pejabat JKR bersetuju bahawa ketebalan lapisan aluminium yang terdapat di pasaran hanyalah pada 4mm, tiada bahan dengan ketebalan 6mm ditawarkan. Mesyuarat juga bersetuju atas dasar perubahan ini, tidak akan memberi kesan kepada ketahanan, struktur dan kualiti sistem bumbung. Tambahan itu, ia dapat menjimatkan kos dan masa penyiapan projek.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan dipasang kepada 1.8m x 1.2m. Pihak kontraktor tidak mengemukakan permohonan penukaran reka bentuk untuk kelulusan. • *Method of Statement* yang telah diluluskan tidak termasuk sistem panel pada bumbung. Sistem panel pada bumbung iaitu *Cem Board, Fiber Rock Wool* dan *Plywood* masih belum mendapat kelulusan. • Lukisan pemasangan sistem panel bumbung yang dikemukakan oleh pihak kontraktor juga tidak dipatuhi semasa pembinaan. ii. Pegawai Penguasa telah meluluskan pemasangan tersebut kerana ketiadaan bahan mengikut spesifikasi di pasaran dan bagi mengelakkan kos projek meningkat. Bagaimanapun, Cawangan Arkitek, Ibu Pejabat JKR tidak akan bertanggungjawab di atas semua kelulusan bahan yang telah diluluskan oleh Pegawai Penguasa. iii. Bagi mengatasi kerugian di pihak Kerajaan maka kontraktor bersetuju untuk membuat pelarasan harga. Pelarasan harga kontrak terhadap pengurangan ketebalan *aluminium composite panel* berjumlah RM86,388 telah selesai dikurangkan oleh pihak JKR. Maklum balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013 Dan 2 Julai 2013 *Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui surat bertarikh 24 Mei 2011, telah mengeluarkan SIJIL KELAYAKAN MENDUDUKI ke atas Bangunan Pentadbiran BSVN sebagai mengiktiraf keselamatan bangunan berkenaan.* *Pihak CKBA JKR telah mengambil maklum tentang permohonan pelarasan harga kontrak terhadap pengurangan ketebalan dinding sesekat berjumlah RM0.52 juta yang masih dalam tindakan Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan (CKUB) JKR:* *i. Jumlah yang dituntut oleh kontraktor: RM143,850* *ii. Penilaian semula tuntutan dan syor CKUB: RM57,540* *Baki RM86,000 tidak akan dibayar kepada kontraktor kerana telah melanggar syarat kontrak.* *Bagi isu kualiti pembinaan untuk Projek Penggantian Bumbung, wakil JKR WPKL dan wakil Cawangan Arkitek Ibu Pejabat JKR telah bersetuju bahawa adalah di bawah*	Kontraktor telah membuat tuntutan berjumlah RM 143,850.00 bagi pelarasan harga kontrak terhadap pengurangan ketebalan dinding sesekat. Setelah penelitian dan syor, Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan (CKUB) JKR dibuat, hanya RM98,500.00 akan dibayar kepada kontraktor. Baki RM 48,850.00 tidak akan dibayar kepada kontraktor.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bidang kuasa Pegawai Penguasa (SO) untuk menerima perbezaan spesifikasi dan seterusnya bertanggungjawab terhadap keseluruhan projek. Pihak SO berpendapat perbezaan spesifikasi ketebalan (2mm) tidak akan memberi kesan terhadap keteguhan bahan binaan. Pihak pembekal memaklumkan ketebalan bahan bumbung yang biasa digunakan ialah 4mm dan 5mm dan sekiranya ketebalan 6mm diperlukan maka special order hendaklah dibuat. Proses tempahan bagi spesifikasi 6mm memerlukan jangka masa yang lama iaitu 4 bulan berbanding sebulan bagi spesifikasi ketebalan 4mm dan akan mengganggu perjalanan projek. Pada pendapat Audit, kualiti pembinaan bagi bangunan baru adalah memuaskan kecuali dinding sesekat yang tidak mematuhi spesifikasi. Manakala bagi Projek Penggantian Bumbung pula didapati kualiti pembinaan adalah memuaskan.	
19.5.3.2.a	**Jaminan Kualiti - Projek Bangunan Tambahan** i. Kontraktor adalah dikehendaki melantik juru perundingnya sendiri mengikut skop kerja yang khusus setelah mendapat kelulusan JKR atau Pegawai Penguasa. Pihak Audit mendapati kontraktor telah melantik juru perunding yang bertauliah dengan menandatangani dokumen perjanjian persefahaman dan mendapatkan kelulusan Pegawai Penguasa. ii. Mekanisme jaminan kualiti seterusnya merupakan Laporan Ketidakpatuhan (NCR) yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa. NCR akan dikeluarkan bagi kerja yang tidak memenuhi spesifikasi kontrak atau tidak mematuhi prosedur dan tatacara pembinaan seperti dinyatakan dalam kontrak. NCR ini akan ditutup selepas kerja pembaikan selesai dilaksanakan dan disahkan oleh Pegawai Penguasa. Analisis Audit terhadap Laporan Bulanan Kemajuan Kerja setakat tarikh pengauditan, mendapati 34 (42.5%) daripada 80 NCR yang direkodkan masih berstatus belum ditutup. Maklum balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013 *JKR bersetuju dengan penemuan Audit bagi isu rekod NCR untuk Projek Bangunan Tambahan dan memaklumkan bahawa semua NCR telah ditutup kecuali NCR dinding sesekat.* Pada pendapat Audit, jaminan kualiti bagi projek yang dilaksanakan oleh JKR adalah memuaskan. Bagaimanapun, kelemahan rekod yang tidak kemas kini semasa melaksanakan projek ini perlu diambil tindakan bagi memastikan status kemajuan projek sentiasa kemas kini.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 19.5.3.2.a.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.3.3.a	**Tempoh Tanggungan Kecacatan - Projek Bangunan Tambahan** Tempoh tanggungan kecacatan bagi Projek Bangunan Tambahan adalah selama 2 tahun dari tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor bertanggungjawab untuk melaksanakan pembaikan bagi aduan kerosakan dalam tempoh tersebut. Semakan Audit terhadap rekod kerja-kerja pembaikan mendapati perkara seperti berikut:- i. Statistik mengikut jenis kerosakan bagi tahun 2012 menunjukkan sebanyak 130 aduan kerosakan telah diadukan kepada Cawangan Pembangunan BSVN oleh pengguna. Aduan paling tinggi melibatkan kerosakan pada dinding seperti berlubang, retak dan lain-lain sebanyak 61 aduan (46.9%). Seterusnya kerosakan peralatan dan kelengkapan sebanyak 49 aduan (37.7%), diikuti oleh 8 aduan (6.2%) bagi kerosakan siling manakala 6 aduan (4.6%) bagi kerosakan pada cat dan 6 aduan (4.6%) lagi bagi kemasan soket. ii. BSVN bertanggungjawab menyelenggara rekod aduan kerosakan dan pembaikan bagi semua bangunannya. Adalah didapati tiada rekod khusus yang disediakan oleh BSVN untuk memantau kerja-kerja pembaikan. Pihak Audit mendapati 2 jenis rekod aduan kerosakan iaitu borang aduan kerosakan dan senarai kecacatan telah digunakan oleh Cawangan Pembangunan BSVN. Bagaimanapun, rekod tersebut tidak lengkap dan tidak kemas kini kerana maklumat mengenai butiran tandatangan pemeriksa dan cop pengesahan pembaikan pada borang aduan kerosakan tidak diisi. Analisis Audit terhadap minit-minit mesyuarat mendapati 19 pembaikan (14.6%) daripada 130 aduan telah dibuat oleh kontraktor manakala baki 111 aduan tidak dapat disahkan pembaikannya kerana rekod berkaitan tidak kemas kini. iii. Semakan fizikal terhadap aduan kerosakan bangunan tambahan BSVN bagi bulan November 2012 mendapati pihak kontraktor telah mengambil tindakan terhadap aduan tersebut. Bagaimanapun, rekod BSVN masih menunjukkan status belum selesai walaupun tindakan pembaikan telah dibuat seperti mana syarat kontrak. Maklum balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013 *Pihak BSVN bersetuju dengan penemuan Audit berhubung isu pembaikan dalam tempoh kecacatan. Baki 111 aduan telah pun dilaksanakan oleh pihak kontraktor SPAZ dan telah disahkan oleh pihak BSVN. Bagi bulan November 2012, rekod BSVN mendapati 19 aduan telah dilaporkan, 18 aduan telah diambil tindakan dan hanya 1 aduan sahaja yang masih belum dilaksanakan pada cermin tingkap di bilik mesyuarat*	BSVN mengambil maklum dan bersetuju dengan penemuan audit. Sehingga kini hanya satu aduan bagi penggantian cermin tingkap di bilik mesyuarat utama yang masih belum dilaksanakan. Pihak CKBA, JKR telah mengeluarkan beberapa peringatan susulan kepada pihak kontraktor.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	utama. Pembaikan dijangka selesai pada hujung April 2013. Pada pendapat Audit, kerja pembaikan dalam tempoh tanggungan kecacatan yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah memuaskan. Bagaimanapun, kelemahan penyelenggaraan rekod oleh BSVN perlu diambil tindakan.	
19.5.4.1.a	**Pemantauan Peringkat Agensi Pelaksana - Projek Bangunan Tambahan** i. Pelan Kualiti Pembinaan (C-Plan) JKR bagi memantau pelaksanaan projek pembangunan menetapkan 5 jawatankuasa perlu ditubuhkan di sepanjang tempoh kontrak. Semakan Audit mendapati CKBA JKR telah mematuhi peraturan pemantauan dengan menubuhkan kesemua jawatankuasa berkaitan. ii. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat mengikut kekerapan ditetapkan. Semakan Audit mendapati 3 daripada 5 jawatankuasa pemantauan yang ditubuhkan di peringkat agensi pelaksana tidak memenuhi kekerapan mesyuarat mengikut ketetapan JKR iaitu mesyuarat tapak, mesyuarat teknikal dan mesyuarat audit pembinaan.	-
19.5.4.2.a.i	**Pemantauan Peringkat Agensi Pengguna - Projek Bangunan Tambahan** Cawangan Pembangunan BSVN ditubuhkan untuk memantau projek pembangunan, menyelaras isu berbangkit antara pihak agensi pelaksana dengan Kementerian, memantau rekod dan kerja penyelenggaraan bangunan. Cawangan ini dianggotai oleh 3 orang pegawai teknikal dan 2 orang pegawai bukan teknikal. Terdapat kekosongan jawatan teknikal kanan Gred J36 yang penting dan perlu diisi dengan segera. Cawangan Pembangunan BSVN melaksanakan pemantauan projek dengan menghadiri mesyuarat tapak, teknikal dan audit pembinaan. Maklum balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013 dan 2 Julai 2013 *Pihak JKR memaklumkan walaupun tempoh kontrak dilanjutkan, pemantauan terhadap projek tetap dilaksanakan sehingga tamat tempoh CPC dikeluarkan. Bilangan mesyuarat yang telah dilaksanakan adalah sekali sebulan berdasarkan kepada prosedur pembinaan dan penyeliaan tapak bina (C-Pelan). Semua mesyuarat adalah memenuhi kriteria yang diperlukan. Bilangan mesyuarat berdasarkan tarikh mula dan siap projek asal iaitu 18 bulan bersamaan 18 kali mesyuarat.* *Pihak BSVN bersetuju dengan penemuan Audit dan telah membuat pengisian jawatan terhadap kekosongan tersebut pada 27 Mei 2013.*	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 19.5.4.2.a.i.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, pemantauan projek di peringkat agensi pelaksana adalah memuaskan tetapi kekosongan jawatan di peringkat agensi pengguna perlu di isi dengan segera.	

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Jabatan Pengajian Kolej Komuniti

Perenggan 20 : Pengurusan Menaik Taraf Kolej Komuniti

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.1.1	**Pencapaian Fizikal Projek** Berdasarkan kontrak, tempoh penyiapan bagi 6 projek adalah antara 32 hingga 72 minggu. Semakan Audit terhadap 6 projek tersebut mendapati hanya satu (17%) projek disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan manakala 5 (83%) projek naik taraf mengalami *time overrun* antara 176 hari (25 minggu) hingga 491 hari (70 minggu). Manakala LAD antara RM29,980 hingga RM360,556 telah dikenakan terhadap 3 projek. Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 31 Mei 2013 *Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat perkara ini.*	Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan pada 31 Mei 2013 telah selesai menjalankan siasatan dan laporan telah dikeluarkan pada 1 Ogos 2013.
20.5.1.1.a	**Sijil Lanjutan Masa Lewat Dikeluarkan** Syarat kontrak antaranya menyatakan sekiranya kontraktor menjangkakan akan berlaku kelewatan dalam penyiapan projek atas faktor di luar kawalannya, kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Penguasa notis permohonan Lanjutan Masa (EOT) secara bertulis. Permohonan EOT perlu diluluskan sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan di dalam kontrak. Semakan Audit mendapati terdapat 3 EOT untuk KK Gerik (EOT 2), KK Jelebu dan KK Rompin telah lewat dimohon antara 65 hingga 195 hari dari tarikh tamat tempoh kontrak. Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat EOT yang lewat diluluskan oleh Kementerian antara 83 hingga 320 hari. Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 *Kelewatan kelulusan EOT disebabkan masalah pengumpulan dokumentasi*	Jawatankuasa Siasatan juga mendapati antara faktor-faktor berlaku kelewatan mengeluarkan EOT adalah seperti berikut:- i. Kelewatan penyediaan dan pengumpulan dokumen-dokumen rujukan yang menyokong kepada permohonan lanjutan masa oleh pihak kontraktor kepada perunding. ii. Kelewatan semakan dan penyediaan justifikasi tempoh lanjutan masa yang munasabah oleh pihak perunding kepada Kementerian.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sokongan tidak dapat dikumpulkan dalam tempoh ditetapkan. Kelewatan permohonan daripada kontraktor disebabkan masalah kerja di tapak.	
20.5.1.1.b	**Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap Lewat Dikeluarkan** Mengikut klausa 40 Syarat-syarat Kontrak, pihak kontraktor boleh dikenakan sejumlah wang yang akan dikira atas kadar yang dinyatakan dalam syarat-syarat Kontrak sebagai *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD) bagi sepanjang tempoh yang kerja tidak disiapkan mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Bagi menguatkuasakan LAD, Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) hendaklah dikeluarkan sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati CNC telah lewat dikeluarkan antara 67 hingga 567 hari daripada tarikh tamat EOT berkaitan. Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 *Bahagian Pembangunan Kementerian akan memastikan pemantauan dibuat dengan teliti.*	**-**
20.5.1.1.c.i	**Arahan Perubahan Kerja** Perubahan kerja hendaklah dimohon dan diluluskan dalam tempoh kontrak. Semakan Audit terhadap projek menaik taraf Kolej Komuniti mendapati 5 APK telah lewat diluluskan antara 43 hingga 903 hari.	Pandangan pengurusan EOT, APK dan LAD yang tidak teratur boleh mendedahkan Kerajaan kepada risiko kerugian adalah kurang tepat kerana:- a) EOT yang diberikan kepada kontraktor adalah setelah dipertimbangkan atas sebab-sebab munasabah mengikut tempoh yang layak diberikan kepada pihak kontraktor selaras dengan kontrak. Tidak terdapat ruang di pihak Kerajaan menanggung kerugian atas sebab kelewatan kelulusan EOT kerana tarikh yang dikira adalah berdasarkan tarikh tamat kontrak. b) Perundingan dan pertimbangan sewajarnya dilakukan sebelum kelulusan APK diberikan bagi memastikan skop kerja yang dilaksanakan menepati kehendak pelanggan. c) LAD masih dikenakan kepada pihak kontraktor melalui potongan bayaran interim dan final akaun. Tiada ruang di pihak Kerajaan menanggung kerugian atas sebab kelewatan urusan LAD.
20.5.1.1.c.ii	Semakan seterusnya mendapati tiada APK yang dimohon bagi perubahan kerja yang dilaksanakan bagi KK Segamat 2 dan KK Gerik. Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 *Kelewatan kertas kerja pertimbangan APK adalah disebabkan masalah rundingan kadar harga APK tersebut serta kelewatan dokumen dikemukakan oleh kontraktor dan perunding.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.2.1	**Pentadbiran Kontrak - Perjanjian Kontrak** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Semakan Audit mendapati 4 kontrak lewat ditandatangani antara 29 hingga 176 hari melibatkan projek menaik taraf di KK Gerik, KK Jelebu, KK Masjid Tanah dan KK Segamat 2. Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 *Kontraktor lewat mengemukakan dokumen kontrak yang lengkap kepada Kementerian. Perunding Ukur Bahan sukar mendapat persetujuan kontraktor berkenaan Pelarasan Kadar Harga dalam Bill of Quantities. Surat peringatan dikeluarkan oleh Perunding Ukur Bahan kepada kontraktor bagi KK Gerik.*	-
20.5.2.2	**Perakuan Siap Kerja** Perakuan Siap Kerja akan dikeluarkan oleh Kementerian kepada kontraktor apabila kerja telah siap sepenuhnya dan bangunan boleh digunakan dan memenuhi kriteria sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam kontrak. Selaras dengan syarat kontrak, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis yang menyatakan bahawa kerja di tapak telah disiapkan dengan sempurna kepada Pegawai Penguasa. Pegawai Penguasa hendaklah dalam tempoh 14 hari mengadakan pemeriksaan bersama kontraktor sebelum memperakukannya. Semakan Audit mendapati Kementerian telah mengambil masa tidak munasabah antara 70 hingga 326 hari untuk mengeluarkan Perakuan Siap Kerja kepada kontraktor. Ini menyebabkan tempoh tanggungan kecacatan menjadi lebih singkat antara 39 hingga 295 hari berbanding tempoh setahun dari tarikh siap sebenar seperti ditetapkan dalam kontrak. Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 *Pengemukaan dokumentasi oleh kontraktor dan surat sokongan daripada perunding lewat diterima oleh Kementerian. Perunding dan kontraktor telah mengambil maklum Tarikh Siap Kerja. Permohonan EOT No. 2 bagi KK Rompin masih dalam tempoh perbincangan. Bagi KK Masjid Tanah, tarikh akan diletakkan selepas Superintendant Officer menandatangani CPC. Bahagian Pembangunan Kementerian akan memastikan tarikh diisi bagi projek akan datang.*	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.2.3.a	**Laporan Kerja Membaiki Kecacatan** Kontraktor bertanggungjawab untuk memastikan kecacatan yang dikenal pasti dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan diperbaiki tanpa melibatkan kos tambahan kepada Kerajaan. Kecacatan tersebut perlu direkodkan tarikh dan jenis kerosakan serta dilaporkan kepada pihak kontraktor bagi tujuan pembaikan. Perunding hendaklah menyemak laporan dan status pembaikan kecacatan, penyenggaraan dan aduan pelanggan serta mengesahkan tindakan pembaikan telah dilaksanakan dengan sempurna sebelum Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan. Semakan Audit mendapati terdapat kecacatan telah dilaporkan sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kerja pembaikan telah dibuat oleh kontraktor terhadap kecacatan yang dilaporkan sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi 6 kolej yang dilawati memandangkan tiada Laporan Dan Status Pembaikan Kecacatan, penyenggaraan dan aduan pelanggan disediakan dan disahkan oleh perunding.	Tindakan pembaikan telah/sedang dijalankan. <u>Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka.</u> <u>Kemaskini kemajuan sehingga 26/7/2013:-</u> i. Lampu tanda keluar telah dibaikpulih pada 30 April 2013. ii. Skematik diagram belum diterima daripada pihak kontraktor. iii. *Drypowder* telah dibekalkan pada 20 Mei 2013. iv. *Concrete ramp* yang pecah pada pintu masuk telah dibaikpulih pada 14 Jun 2013. <u>KK Gerik, Perak</u> Pintu tandas telah dibaiki di Asrama Lelaki pada 10 Mei 2013.
20.5.2.3.b	Pemeriksaan Audit seterusnya mendapati terdapat kerosakan/kecacatan yang dilaporkan dalam Laporan Kecacatan tidak dibaiki dalam tempoh yang ditetapkan. Jadual berikut menunjukkan kerosakan/kecacatan yang tidak diambil tindakan oleh kontraktor untuk pembaikan. Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 *Tindakan pembaikan sedang dijalankan oleh pihak Kolej Komuniti.*	
20.5.2.4	**Lukisan Siap Bina** Lukisan Siap Bina hendaklah dikemas kini semasa pelaksanaan projek dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa secara berperingkat menurut aturan kerja. Lukisan Siap Bina yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam tempoh sebulan selepas Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Semakan Audit mendapati Lukisan Siap Bina bagi projek menaik taraf di KK Jelebu telah diterima. Manakala Lukisan Siap Bina bagi KK Gerik, KK Masjid Tanah, KK Segamat 2, KK Rompin dan KK Selandar masih belum dikemukakan/tiada dalam simpanan kolej. Semakan selanjutnya mendapati Lukisan Siap Bina KK Jelebu lewat dikemukakan selama 86 hari. Pada pendapat Audit, ketiadaan Lukisan Siap Bina boleh menyukarkan Kolej Komuniti yang terlibat bagi menjalankan kerja penyenggaraan. Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 Dan	<u>Kemaskini kemajuan sehingga 1/8/2013:-</u> Kementerian sedang dalam tindakan mengumpul semula Lukisan Siap Bina daripada perunding memandangkan dokumen berkenaan didapati tiada dalam simpanan Kementerian. Surat telah dikeluarkan pada 30 Julai 2013 kepada perunding.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	31 Mei 2013 *Lukisan Siap Bina yang lengkap sedang dalam tindakan kontraktor memproses penjilidan bersama dokumen penyerahan lain yang memerlukan perakuan pihak ketiga bagi KK Gerik. Kelewatan kontraktor menyerahkan dokumen kerana semakan perunding mendapati lukisan perlu dibetulkan bagi KK Jelebu. Kementerian telah melaksanakan tindakan untuk mendapatkan Lukisan Siap Bina Kolej berkaitan.*	
20.5.2.5	**Polisi Insurans Kontrak** Polisi insurans hendaklah sentiasa sah dalam tempoh kontrak termasuk dalam tempoh tanggungan kecacatan. Sekiranya terdapat lanjutan masa kontrak, maka polisi insurans perlulah dilanjutkan. Semakan Audit mendapati tempoh sah insurans kerja bagi projek naik taraf di 5 Kolej Komuniti tidak diperbaharui mengikut tarikh siap sebenar projek di mana tempoh yang tidak dilindungi insurans adalah antara 180 hingga 490 hari. Pada pendapat Audit, secara keseluruhan pentadbiran kontrak dalam projek naik taraf boleh dipertingkatkan lagi. Pentadbiran kontrak yang teratur boleh memudahkan penyeliaan, menjimatkan kos serta menjamin kepentingan Kerajaan. Kementerian perlu mengambil tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab sekiranya terdapat unsur kecuaian.	**-**
20.5.3.1	**Pengurusan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) - Perbezaan Harga Perolehan CCTV** Daripada 6 Kolej Komuniti yang telah diaudit, sebanyak 4 Kolej Komuniti (KK Segamat 2, KK Selandar, KK Masjid Tanah dan KK Gerik) adalah terlibat dalam perolehan dan pemasangan CCTV dengan kos antara RM35,350 hingga RM281,249. Kesemua 4 Kolej Komuniti tersebut telah menyediakan *Bill of Quantities* (BQ) bagi perolehan CCTV tersebut. Semakan Audit mendapati ketidakseragaman untuk 4 Kolej Komuniti tersebut kerana BQ ada diperincikan di KK Masjid Tanah dan KK Gerik manakala di KK Segamat 2 dan KK Selandar, BQ di*lumpsum*kan. Perbandingan antara BQ yang tidak di*lumpsum*kan iaitu KK Masjid Tanah dan KK Gerik mendapati perbezaan harga yang ketara. Semakan selanjutnya mendapati kos perolehan bagi seunit DVR 16 *channel* di KK Masjid Tanah adalah RM10,249 berbanding RM85,500 di KK Gerik. Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 Dan 31 Mei 2013	Laporan Jawatankuasa Siasatan telah dikeluarkan pada 1 Ogos 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Perbezaan harga yang ketara disebabkan oleh projek tersebut ditender kepada pelaksana berbeza. Spesifikasi, reka bentuk, faktor pembekal, lokasi dan kaedah pemasangan adalah berbeza. Kemunasabahan harga telah dinilai semasa proses penilaian tender dan secara keseluruhan kos projek. Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat perkara ini.	
20.5.3.2	**Pemasangan dan Penyenggaraan CCTV** Tujuan CCTV adalah untuk menghalang aktiviti yang tidak diingini serta melindungi keselamatan dan harta Kolej Komuniti melalui pengimejan pengawasan yang berkesan. Bagi mencapai tujuan tersebut, CCTV hendaklah dipasang di lokasi yang sesuai dan strategik; sentiasa berfungsi dengan sepenuhnya; dan disenggara secara berkala. Lawatan fizikal Audit ke Kolej Komuniti mendapati antaranya lokasi pemasangan CCTV tidak sesuai dan tidak disenggara seperti berikut: a. Lokasi kamera CCTV yang tidak mempunyai fungsi *zoom* diletakkan di atas tingkat kedua dan jauh dari sasaran rakaman menyebabkan imej yang dirakam tidak jelas di KK Selandar. b. Kamera CCTV dengan pusingan 360° tidak dapat berfungsi dengan sepenuhnya kerana dipasang pada dinding di KK Segamat 2. c. Kamera CCTV tidak disenggara kerana terdapat najis burung menyebabkan imej yang dirakam tidak jelas di KK Selandar. d. Sistem CCTV tidak dapat merakam kerana tidak disenggara (*disk* penuh) dan terdapat kerosakan sistem di KK Selandar. Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan perbelanjaan berhemat sentiasa diterapkan dalam perolehan Kerajaan dan keutamaan perolehan dikaji dari segi keberkesanannya kepada pengguna secara keseluruhan. Selain itu, penyenggaraan CCTV perlu dipertingkatkan supaya perbelanjaan yang dilakukan adalah *value for money*.	<u>Kemaskini kemajuan sehingga 26/7/2013:-</u> a) Lokasi perletakan kamera CCTV ini telah dipersetujui bersama perunding dan pelanggan sewaktu mesyuarat semakan brief projek. b) Lokasi perletakan kamera CCTV ini telah dipersetujui bersama perunding dan pelanggan. c) Kesemua CCTV telah diselenggara setelah menerima peruntukan tambahan di bawah OS28000 dan ia telah diselenggara pada 7 Disember 2012 yang lepas. d) Kerja-kerja pembaikan Digital Video Recorder (DVR) dan penyelenggaraan akan dilaksanakan pada suku tahun ketiga 2013 setelah peruntukan diterima. Kementerian <u>kurang bersetuju dengan syor</u> pihak Audit atas sebab-sebab berikut:- a) Perolehan CCTV bukanlah dibuat secara tender berasingan, tetapi termasuk dalam perolehan kontrak projek. Secara keseluruhan, perolehan tender projek adalah mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa dan KPT telah memilih penender yang menawarkan harga yang munasabah bagi keseluruhan kontrak kerja. b) Bagi tujuan <u>penambahbaikan di dalam pentadbiran kontrak,</u> pihak Kementerian pada masa hadapan perlu merasional/melaras semula harga setiap item dalam kontrak yang lebih murah atau mahal daripada harga pasaran semasa projek masih dilaksanakan tanpa menjejaskan harga keseluruhan kontrak.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.4.1	**Kualiti Kerja Menaik Taraf - Kerja Tidak Berkualiti/Sempurna/Kemas** Kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima. Apabila projek diserahkan, pihak kontraktor dan perunding perlulah memastikan bangunan yang diserahkan tersebut adalah menepati spesifikasi dan kualiti kerja pembinaan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati 29 kerja yang dilaksanakan di 5 Kolej Komuniti yang dilawati adalah tidak berkualiti atau tidak sempurna dan tidak kemas. Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 Dan 31 Mei 2013 *Kerja pembaikan yang berkaitan sedang/telah diambil tindakan oleh kontraktor. Manakala bagi Surau KK Rompin, di dalam As Built Drawing Electrial Works asal, laluan kabel elektrik bawah tanah berada di luar kawasan tapak surau. Keputusan menaikkan aras surau setinggi 1.2m dibuat setelah mengambil kira tempoh masa kerja dan lokasi surau selain faktor keselamatan serta kepentingan Kerajaan dari segi kos tambahan jika dibandingkan dengan cadangan laluan baru kabel elektrik. Ketinggian 1.2m memadai bagi menyenggara kabel. Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) telah diperoleh pada 17 Oktober 2011. Bagi KK Gerik, air bertakung di dalam bilik air tingkat 1 akibat daripada saluran tersumbat telah diperbaiki.*	<u>KK Gerik, Perak</u> Sebahagian kerja untuk membaiki kekurangan tersebut telah pun dilaksanakan dan sehingga 10 Mei 2013, kerja yang telah diselesaikan adalah seperti berikut:- i. Air bertakung di dalam bilik air tingkat 1 akibat daripada saluran tersumbat telah diperbaiki. ii. Jubin (tile) dipasang pada bendul pintu gelongsor (Sliding Door) rumah Warden Perempuan di tingkat. iii. Penutup parit telah dipasang bagi tujuan kemudahan OKU melintas. <u>KK Masjid Tanah, Melaka</u> <u>Kemaskini kemajuan sehingga 26/7/2013:</u> i. Pembetulan pada saluran paip limpahan air yang tergantung bagi tandas lelaki belum dilaksanakan dan dijangka dilaksanakan pada tahun ini juga setelah peruntukan diterima. <u>KK Rompin, Pahang</u> Maklumbalas Kementerian bagi perkara 'Surau dibina di atas laluan kabel utama elektrik' ditambah maklumat seperti berikut: <u>Kemaskini kemajuan sehingga 26/7/2013:</u> i. Penghujung longkang akan ditutup pada September 2013. ii. Pihak Kementerian sedang mendapatkan justifikasi pihak konsultan berhubung dengan isu siling dipasang lebih tinggi daripada beam kerana melibatkan rekabentuk. iii. Pelindung kilat telah disambung dan dibaiki pada Mei 2013. iv. Tindakan membaiki longkang pecah akan dilaksanakan setelah peruntukan diperoleh. v. Tombol pintu yang telah tertanggal dan rosak telah diperbaiki pada Mei 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		vi. Cat berbalam telah diperbaiki pada Mei 2013. <u>Isu Saluran paip limpahan air di KK Jelebu, KK Masjid Tanah dan KK Selandar</u> Kementerian mengambil maklum akan perkara mengenai rekabentuk saluran paip limpahan air, dan tindakan pembetulan akan diambil setelah peruntukan diperoleh. <u>KK Selandar, Melaka</u> Kerja-kerja pembaikan telah/sedang dilaksanakan. <u>Kemaskini kemajuan sehingga 26/7/2013:</u> i. Kerja-kerja pembaikan lantai telah dilaksanakan pada bulan Disember 2012 dan telah siap dalam tempoh dua minggu. ii. Tindakan memperbaiki cat berbalam akan dilaksanakan setelah ada peruntukan. iii. Pada asalnya, terdapat masalah terputus bekalan air sewaktu tempoh DLP. Kontraktor telah cuba memulihkan bekalan air namun tidak berjaya. Kemudiannya menggunakan kaedah mudah iaitu laluan paip atas tanah bagi memulihkan bekalan air. Perkara-perkara lain akan dilaksanakan setelah ada peruntukan.
20.5.4.2	**Kerja Tidak Sesuai/Tidak Praktikal** Adalah didapati 8 kerja tidak sesuai di 4 Kolej Komuniti yang boleh menyebabkan kerja pembaikan terpaksa dijalankan; peralatan yang digunakan rosak; dan kerja tambahan terpaksa dilakukan. Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 Dan 31 Mei 2013 *Bagi KK Gerik, kontraktor dan perunding mengambil maklum dan sedang mengatasi masalah lampu dipasang terlalu dekat dengan beam. Skop kontrak bagi Sistem Pendawaian Telefon meliputi sistem pendawaian dalaman dan tidak termasuk sambungan luar. Bagi KK Segamat 2, reka bentuk asal berdasarkan 2 orang sebilik*	<u>KK Gerik, Perak</u> Maklum balas terkini Kementerian adalah dipinda seperti berikut:- a) Kontraktor dan perunding mengambil maklum dan sedang mengatasi masalah kedudukan lampu dan kipas yang dipasang terlalu dekat dengan beam. b) Skop kontrak bagi Sistem Pendawaian telefon meliputi sistem pendawaian dalaman dan tidak termasuk sambungan luar. Keperluan bagi menyambung ke sistem utama kolej akan dibincang bersama pihak pengguna.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dengan mengambil kira kegunaan ruang bagi katil satu tingkat. Pihak Kolej merancang untuk meningkatkan pengambilan pelajar dan membuat perolehan katil 2 tingkat bagi menyesuaikan kapasiti pelajar yang bertambah. Kipas siling telah diganti dengan kipas auto atas faktor keselamatan. Manakala pembinaan pagar tidak termasuk dalam skop asal projek kerana kekurangan peruntukan. Bagi KK Rompin, tembok tiang tidak ditutup adalah berdasarkan lukisan/reka bentuk perunding.	KK Jelebu, Negeri Sembilan Kemaskini kemajuan sehingga 26/7/2013: Tindakan akan diambil setelah peruntukan diperoleh. KK Segamat 2, Johor Maklum balas terkini Kementerian adalah seperti berikut: a) Rekabentuk asal adalah berdasarkan 2 orang sebilik dengan mengambil kira kegunaan ruang bagi katil 1 tingkat. Walau bagaimanapun, pihak Kolej telah merancang meningkatkan pengambilan pelajar bagi sesi Julai 2013 di mana lebih ramai pelajar akan tinggal di asrama. Sehubungan itu, pihak Kolej telah membuat perolehan katil 2 tingkat bagi menyesuaikan dengan kapasiti pelajar yang bertambah. Kipas siling telah digantikan dengan kipas auto atas faktor keselamatan. b) Pembinaan pagar tidak termasuk skop asal projek akibat daripada kekurangan peruntukan. Pembinaan pagar akan dilaksanakan di bawah peruntukan mengurus. Kemaskini kemajuan sehingga 26/7/2013: Perolehan pembinaan pagar telah dilaksanakan oleh pihak Kolej pada Jun 2013.
20.5.4.3.b	**Kerja Tidak Mengikut Skop/Spesifikasi Kerja** Semakan Audit mendapati 5 kerja naik taraf yang dilaksanakan di 3 Kolej Komuniti yang dilawati tidak mengikut skop/spesifikasi kerja. Kerja naik taraf yang tidak mengikut skop/spesifikasi kerja adalah seperti berikut:- i. berdasarkan kontrak, jubin perlu dipasang di setiap bilik warden asrama. Bagaimanapun pemeriksaan fizikal Audit mendapati jubin tidak dipasang di semua 6 bilik warden di asrama KK Gerik; ii. mengikut lukisan asal, paip air sepatutnya dipasang di rumah sampah asrama KK Gerik tetapi tiada paip dipasang serta tangki HDPE tidak dibekal dan tidak dipasang; dan iii. pemasangan siling di KK Rompin dan KK Jelebu tidak mengikut spesifikasi	**-**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pemasangan yang ditetapkan seperti di dalam kontrak menyebabkan siling melendut dan berisiko untuk runtuh Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 Dan 31 Mei 2013 *Bagi KK Gerik, jubin telah dipasang oleh kontraktor pada 10 Mei 2013 (Gambar 20.50). Manakala untuk rumah sampah, berdasarkan lukisan pembinaan yang dikemukakan menunjukkan beberapa item M&E dikeluarkan dari kontrak, saiz dan lokasi rumah sampah diubah menjadi lebih kecil. Pemasangan standing pipe sedang dalam tindakan kontraktor. Bagi KK Rompin, tindakan pembaikan siling melendut telah diambil. Manakala bagi KK Jelebu, perkara berkenaan siling telah diambil maklum dan kerja pembaikan dalam tindakan kontraktor dan perunding.* Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah mempertingkatkan penyeliaan dan pemantauan bagi memastikan hasil kerja adalah berkualiti dan segala kecacatan diperbaiki dengan segera supaya kemudahan disediakan dapat dimanfaatkan secara optimum. Pandangan dan perakuan Bahagian Pembangunan di Kolej Komuniti perlu diambil kira bagi membantu memastikan kerja yang dilaksanakan lebih berkualiti.	
20.5.5	**Pemantauan Terhadap Kerja Menaik Taraf Kolej Komuniti** Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Bahagian Pembangunan adalah bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek menaik taraf Kolej Komuniti secara keseluruhan. Manakala perunding telah diwakilkuasakan sebagai wakil SO di tapak. Berdasarkan surat pelantikan tugas perunding adalah untuk memberi khidmat perunding dalam bidang Arkitek. Skop perkhidmatan meliputi reka bentuk terperinci; dokumentasi tender dan penilaian; pengurusan kontrak; dan penyeliaan kerja pembinaan sehingga projek siap. Perunding juga bertanggungjawab mengesahkan kerja telah siap dilaksanakan sebelum Bahagian Pembangunan meluluskan bayaran kepada kontraktor. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya pemantauan kerja menaik taraf Kolej Komuniti adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan antaranya isu yang timbul dari segi pentadbiran kontrak, kualiti kerja yang tidak berkualiti dan Arahan Perubahan Kerja diluluskan selepas kontrak tamat. Perunding juga telah gagal untuk memastikan kontraktor menyediakan laporan pembaikan kerosakan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan dan terdapat juga kerja yang perlu dibaiki oleh kontraktor tetapi tiada tindakan. Pada pendapat Audit, Kementerian dan perunding telah menyediakan mekanisme	Kementerian kurang <u>bersetuju dengan kenyataan</u> pihak Audit atas sebab berikut: Perunding telah diwakil kuasakan sebagai wakil SO di tapak termasuk pengesyoran untuk perakuan siap kerja sepertimana di dalam *Term of Reference* (TOR) perunding. Sebagai pihak yang telah ditauliahkan, profesionalisme perunding di dalam pelbagai bidang disiplin dipercayai oleh Kerajaan setelah lantikan dibuat.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pemantauan terhadap projek menaik taraf. Bagaimanapun tahap pemantauan adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat kerosakan dan kecacatan yang tidak diperbaiki/diambil tindakan sebelum penyerahan projek menaik taraf.	

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Perenggan 21 : Projek Pembinaan Kolej Tentera Darat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Port Dickson, Negeri Sembilan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.1.1	**Prestasi Projek Pembinaan - Pencapaian Fizikal Projek** Mengikut kontrak, projek KTD perlu disiapkan dalam tempoh 36 bulan iaitu dari 16 Jun 2008 hingga 15 Jun 2011 dengan kos berjumlah RM175.30 juta. Projek pembinaan KTD ini meliputi Kompleks Pentadbiran, Bangunan Akademik, Auditorium, Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan, Wisma Perwira, Wisma Bintara, Dewan Makan, Rumah Masak, Kafeteria dan lain-lain lagi. Semakan Audit mendapati 2 EOT meliputi 150 hari dan CPC dikeluarkan pada 14 November 2011. Pemeriksaan Pra-Ambil Alih diadakan mulai 14 November sehingga 18 November 2011 serta laporan senarai kecacatan kerja bangunan, infrastruktur, elektrik dan mekanikal telah dikeluarkan pada 16 Disember 2011 dengan jumlah kecacatan sebanyak 1,460 kes. Lembaga Ambil Alih telah bersidang pada 30 November 2011 dan Sijil Penyerahan/Ambil Alih projek pembinaan KTD telah dikeluarkan secara rasmi pada 29 Disember 2011. Pihak KTD tidak dapat mengesahkan bahawa semua kecacatan tersebut telah diambil tindakan pembaikan. Tempoh Membaiki Kecacatan [Defect Liability Period (DLP)] telah ditetapkan selama 18 bulan iaitu sehingga 14 Mei 2013. KTD mula beroperasi pada bulan Januari 2012. Semasa lawatan Audit pada bulan November 2012, didapati pihak kontraktor ada membaiki beberapa kes kecacatan yang disenaraikan tetapi rekodnya tidak dikemas kini. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013 *Tempoh tanggungan kecacatan telah berakhir pada 14 Mei 2013 dan pihak BPKP telah mengeluarkan senarai akhir kecacatan projek kepada kontraktor pada 27 Mei 2013. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu menyelesaikan pembaikan kecacatan dalam masa 3 bulan.* Pada pendapat Audit, pemantauan rapi perlu dijalankan oleh pihak Kementerian bagi memastikan pihak kontraktor mengambil tindakan terhadap senarai akhir kecacatan projek yang dikeluarkan oleh BPKP. Rekod berkaitan hendaklah dikemas kini supaya tindakan sewajarnya boleh diambil sekiranya pembaikan tidak disempurnakan dan mengakibatkan kos tambahan kepada Kerajaan.	Kementerian Pertahanan mengambil maklum teguran yang dibangkitkan pihak Audit. Bagi memastikan setiap kecacatan yang dilaporkan di bawah *Defect Liability Period* (DLP) diambil tindakan pembaikan oleh pihak kontraktor, Kementerian telah melaksanakan pemantauan rapi terhadap status kemajuan pembaikan. Bagi tujuan tersebut, satu mesyuarat pemantauan telah dilaksanakan pada 19 Julai 2013 di Kolej Tentera Darat di antara pihak Kementerian dan pihak kontraktor. Melaui mesyuarat tersebut, adalah disahkan bahawa status terkini kerja-kerja pembaikan kecacatan di bawah DLP adalah seperti berikut:- • Jumlah bilangan kecacatan = 224 kes • Bilangan kecacatan yang telah dilaksanakan pembaikan oleh pihak kontraktor dan sedang menunggu perakuan siap Kementerian = 177 / 224 kes • Bilangan kecacatan yang telah diperakui dan disahkan selesai oleh Kementerian = 60 / 177 kes. • Bilangan kecacatan belum selesai = 47 / 224 kes Dalam memastikan pembaikan kecacatan di bawah DLP siap sepenuhnya dalam masa yang ditetapkan, pihak Kementerian sedang dalam proses mengeluarkan surat gesaan dan peringatan kepada kontraktor.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.1.2.a	**Pencapaian Kewangan Projek** Pada tahun 2003 Kementerian Kewangan telah membatalkan projek ini kerana kekurangan siling di bawah RMKe-8, bagaimanapun telah diluluskan semula dalam RMKe-9 menerusi peruntukan *Private Financing Initiative* (PFI) dengan siling peruntukan sejumlah RM150 juta. Pada bulan Julai 2007, Kementerian telah mendapat kelulusan kos projek berjumlah RM139.50 juta daripada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos (JKPK), UPE. Mesyuarat Rundingan Harga Kementerian dan Kementerian Kewangan telah meluluskan kos projek KTD berjumlah RM175.30 juta.	Kementerian Pertahanan bersetuju dan mengambil maklum perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Oleh yang demikian, dalam memastikan perkara tersebut tidak berulang, pihak Kementerian telah dan akan memastikan nilai setiap kontrak yang dipersetujui dan ditandatangani selepas ini tidak melebihi nilai siling yang diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi (UPE). Selain itu, pihak Kementerian juga telah menetapkan setiap skop dan spesifikasi projek pembangunan yang dilaksanakan adalah berpandukan keputusan dan kelulusan *Value Management Lab* (VML) yang dilaksanakan UPE.
21.5.1.2.b	Sebanyak 3 Pelarasan Harga Kerja (PHK) berjumlah RM15.60 juta telah diluluskan dan mengikut rekod Unit Pengurusan Kewangan di Bahagian Pembangunan, kos projek KTD sehingga bulan Disember 2012 berjumlah RM190.90 juta.	
21.5.1.2.c	Semakan Audit terhadap rekod bayaran interim mendapati perbelanjaan projek KTD sehingga bulan Disember 2012 berjumlah RM175.79 juta yang dibayar melalui 36 bayaran interim. Berdasarkan maklum balas daripada Unit Pengurusan Kewangan di Bahagian Pembangunan, baki peruntukan bagi projek KTD seperti pada 21 Januari 2013 hanya berjumlah RM83.94 sahaja. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013 *Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 11 November 2011 telah bersetuju meluluskan tambahan siling PFI sejumlah RM43 juta menjadikan siling baru berjumlah RM193 juta bagi membiayai projek KTD. Kelulusan ini adalah disebabkan baki siling projek ini tidak mencukupi untuk menampung pembayaran projek KTD. Sehingga 20 Mei 2013, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM192.99 juta daripada peruntukan yang diterima. Baki peruntukan bagi projek KTD sehingga bulan Mei 2013 hanya berjumlah RM83.94 sahaja.* Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya menguruskan peruntukan bagi projek PFI dengan mengawal kos bagi setiap projek yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.1.3.b.i	**Pencapaian *Outcome* Projek - Kepuasan Pengguna** Sebanyak 14% kakitangan pentadbiran berpendapat aspek ruang, kemasan dan operasi/fungsi adalah baik dan 86% adalah memuaskan.	Kementerian Pertahanan mengambil maklum teguran Audit yang telah dibangkitkan. Bagi kes-kes kerosakan dan kecacatan bangunan, perkara ini sedang diambil tindakan pembaikan di bawah DLP oleh pihak kontraktor dan dipantau secara menyeluruh pihak Kementerian melalui Bahagian Perkhidmatan dan Kejuruteraan Pertahanan, Markas ATM dan Bahagian Pembangunan. Bagi lain-lain isu kerosakan dan kebersihan yang dibangkitkan oleh pihak Audit, pihak Kementerian telah mengambil tindakan yang sewajarnya sebagaimana yang telah dilaporkan dan telah dibuktikan pada maklum balas Kementerian kepada Audit Negara melalui surat bilangan KP/BT(D)/0672/5 Jil 13 (13) bertarikh 11 Jun 2013.
21.5.1.3.b.ii	Sebanyak 76% Pegawai Kadet berpendapat kemudahan asrama adalah baik dan 24% pada tahap memuaskan. Manakala 26% berpendapat tahap kemudahan KTD meliputi dewan makan, kelas dan alat bantuan mengajar serta kemudahan latihan fizikal yang disediakan adalah baik dan 54% pada tahap memuaskan. Manakala hanya 20% tidak berpuas hati terhadap tahap kemudahan KTD. Ini disebabkan oleh masalah gangguan bekalan air, penghawa dingin yang sentiasa rosak serta keadaan dewan makan yang kotor dan gangguan lalat. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013 *Masalah gangguan bekalan air adalah berpunca daripada tekanan air daripada paip utama Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) yang rendah. Selain itu, tekanan air yang rendah juga disebabkan pembangunan di sepanjang jalan utama yang turut mendapatkan bekalan air dari punca yang sama. Pihak SAINS perlu melaksanakan kerja peningkatan bekalan air di kawasan tersebut agar masalah gangguan bekalan air dapat diselesaikan.* Pada pendapat Audit, berdasarkan ulasan responden, kemudahan KTD perlu ditambah baik dengan membaiki segera kerosakan, menjalankan penyenggaraan berkala serta memastikan dewan makan sentiasa bersih.	
21.5.2.1	**Pengurusan Pembinaan - Rundingan Harga** Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 26 Mac 2008 menetapkan bahawa rundingan harga perolehan yang diluluskan secara rundingan terus perlu dilaksanakan melalui satu Jawatankuasa Rundingan Harga. Kementerian telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga pada bulan Mac 2008 bagi membincangkan cadangan harga yang dikemukakan oleh STSB berjumlah RM238.81 juta dan penilaian yang dibuat oleh Jurukur Bahan, Jabatanarah Perumahan Dan Pembinaan berjumlah RM173.78 juta. Mesyuarat memutuskan kos projek tersebut berjumlah RM175.30 juta dan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Pada bulan Mei 2008, Kementerian Kewangan telah meluluskan kos projek berjumlah RM175.30 juta. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013	Kementerian Pertahanan mengambil maklum dan bersetuju dengan teguran dan isu yang dibangkitkan pihak Audit. Dalam memastikan kesilapan sama tidak berulang, pihak Kementerian telah mengambil langkah menetapkan setiap skop dan spesifikasi projek pembangunan yang dilaksanakan adalah berpandukan keputusan dan kelulusan *Value Management Lab* (VML) yang dilaksanakan UPE. Ini sekaligus dapat memastikan nilai setiap projek yang hendak dilaksanakan tidak melebihi siling peruntukan yang disediakan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kementerian bersetuju bahawa kos projek asal berjumlah RM175.30 juta adalah melebihi siling peruntukan PFI yang diluluskan dalam RMKe-9 oleh UPE berjumlah RM150 juta. Satu Jawatankuasa Siasatan Dalaman Kementerian telah ditubuhkan pada 4 Mei 2011 dan laporan hasil siasatan jawatankuasa ini telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Antara faktor berlakunya perbelanjaan projek melebihi peruntukan adalah disebabkan tiadanya garis panduan yang dikeluarkan bagi menjelaskan kaedah PFI. Berdasarkan amalan ketika itu, tambahan siling boleh dimohon melalui Kajian Separuh Penggal atau Rancangan Malaysia yang berikutnya sekiranya disambung. Ketiadaan garis panduan yang jelas menyebabkan kekeliruan di pihak pelaksana. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 11 November 2011 telah bersetuju meluluskan tambahan siling PFI sejumlah RM43 juta menjadikan siling baru berjumlah RM193 juta bagi membiayai projek KTD. Pada pendapat Audit, Kementerian perlu merancang keperluan kewangan dengan teliti terutama penentuan kos projek berbanding dengan peruntukan yang telah diluluskan supaya tidak menimbulkan masalah semasa dalam proses pelaksanaannya.	
21.5.2.2	**Perjanjian Kontrak** Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST telah ditandatangani pada 4 Jun 2008. Bagaimanapun dokumen kontrak diterima di Bahagian Pembangunan pada 16 Februari 2009 dan dokumen tersebut hanya ditandatangani pada 2 April 2009 iaitu lewat 6 bulan selepas tamat tempoh SST. Kelewatan menandatangani kontrak menyebabkan bayaran interim ke-3 dan ke-4 tertangguh selama 103 hari. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013 *Kelewatan menandatangani dokumen kontrak berpunca daripada pihak kontraktor kerana pada ketika surat tawaran dikeluarkan, berlaku kenaikan harga bahan binaan yang mendadak dan indeks kenaikan harga bahan ketika itu tidak dapat menampung kos bahan binaan sebenar. Justeru kontraktor menunggu pekeliling baru iaitu SPP Bil. 3 Tahun 2008 bertarikh 6 Ogos 2008 dikeluarkan berkaitan dengan 'variation of price' bagi memastikan pihaknya tidak mengalami kerugian.* Pada pendapat Audit, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam masa yang ditetapkan bagi memastikan suatu kontrak formal diwujudkan dan syarat kontrak dapat dikuatkuasakan untuk menjaga kepentingan Kerajaan serta pelaksanaan	Kementerian Pertahanan mengambil maklum teguran Audit berkenaan. Walau bagaimanapun, ingin ditegaskan di sini bahawa kelewatan menandatangani kontrak terjadi disebabkan oleh kelewatan dan keengganan pihak kontraktor itu sendiri menandatangani dokumen kontrak dengan segera. Berikutan itu, pihak Kementerian telah memastikan tiada bayaran kemajuan dilakukan selagi dokumen kontrak formal tidak diwujudkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	projek berjalan dengan lancar.	
21.5.2.3.a	**Kerja Tambahan Di Luar Skop Kontrak** Pada tahap kemajuan kerja projek KTD mencapai 60%, pihak Markas Latihan Tentera Darat (MK Latihan TD) telah mengemukakan keperluan kerja-kerja ICT dan pembekalan *loose furniture* kepada Markas Tentera Darat (MK TD) dengan anggaran keperluan kewangan asal.	Kementerian Pertahanan mengambil maklum dan bersetuju terhadap teguran yang dikemukakan pihak audit. Bagi menyelesaikan isu tersebut, pihak Kementerian melalui 48 Cawangan Siasatan Jenayah, Markas Tentera Darat (TD) telah menjalankan siasatan awal berhubung pelaksanaan kerja tambahan di luar skop kontrak ini. Tim siasatan TD telah melakukan siasatan mulai Disember 2011 hingga Januari 2012 berhubung isu pembekalan *loose furniture* KTD oleh pihak kontraktor tanpa mengikut prosedur perolehan yang telah ditetapkan. Hasil siasatan dalaman TD telah berjaya mengenal pasti punca kejadian ini berlaku selain mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab atas kecuaian yang berlaku. Berlanjutan itu, staf logistik Markas Latihan TD yang didapati terlibat telah diberi Teguran Rasmi oleh pengurusan atasan TD. Walau bagaimanapun, laporan siasatan tersebut masih lagi di dalam proses penelitian oleh pihak Kementerian bagi memastikan ianya menepati format dan tatacara yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan sebelum ianya dapat dikemukakan sebagaimana arahan Kementerian Kewangan serta teguran pihak Audit.
21.5.2.3.b	Semakan selanjutnya mendapati permohonan ini tidak diluluskan oleh MK TD berikutan peruntukan sedia ada untuk projek pembinaan KTD tidak mencukupi. Bagaimanapun MK Latihan TD meneruskan rundingan dengan STSB bagi membolehkan keperluan ini disediakan. STSB telah mengemukakan permohonan kepada Menteri Pertahanan dan menyatakan tiada halangan sekiranya menguntungkan Kerajaan. Seterusnya Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) juga menyatakan tiada halangan tertakluk kepada peruntukan kewangan serta tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa.	
21.5.2.3.c	STSB diarah untuk berhubung dengan MK TD serta BPKP. Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan pihak STSB ada berhubung dengan Markas TD dan BPKP. Merujuk kepada minit Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Kementerian kepada KSU bertarikh 13 Disember 2011 menjelaskan bahawa Kementerian secara prinsipnya tiada halangan dengan cadangan pihak STSB untuk melaksanakan kerja pembekalan *loose furniture* dan kerja-kerja ICT secara *deffered payment* memandangkan keperluan item berkenaan di KTD. Bagaimanapun, pihak Kementerian tidak mengemukakan sebarang peraturan yang membenarkan pelaksanaan kerja secara *deffered payment* dilaksanakan.	
21.5.2.3.d	Pada bulan Jun 2012, Bahagian Pembangunan telah memohon kelulusan khas serta peruntukan tambahan berjumlah RM7.52 juta daripada Kementerian Kewangan bagi kerja yang selesai dilaksanakan oleh STSB merangkumi pemasangan ICT dan pembekalan *loose furniture*. Pada bulan Ogos 2012, Kementerian Kewangan telah mempertimbangkan permohonan Kementerian dan mendapati skop tambahan tersebut tidak teratur kerana tidak mendapat kelulusannya terlebih dahulu. Kementerian sepatutnya menolak pelaksanaan kerja tersebut di peringkat awal memandangkan tiada peruntukan disediakan untuk membiayai skop kerja tambahan tersebut.	
21.5.2.3.e	Bagaimanapun, Kementerian Kewangan bersetuju meluluskan permohonan Kementerian untuk melantik STSB bagi pembekalan *loose furniture* dan pemasangan ICT bagi projek ini berikutan kerja telah pun dilaksanakan oleh syarikat tersebut dan Kementerian telah pun mengambil alih dan memulakan operasi KTD.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Tiada bukti surat pelantikan bagi tujuan pembekalan *loose furniture* dan pemasangan ICT tersebut dikeluarkan oleh Kementerian. Sehingga bulan Disember 2012, kerja pemasangan ICT telah selesai dilaksanakan dan disahkan oleh MK Latihan TD.	
21.5.2.3.f	Kementerian Kewangan telah mengarahkan Kementerian Pertahanan menyemak semula harga pembekalan *loose furniture* berikutan hanya 44 daripada 75 item, boleh diterima pakai. Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Rundingan Harga yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan untuk membuat rundingan harga bagi *loose furniture* yang dibekalkan oleh STSB. Semasa lawatan Audit, sebahagian *loose furniture* yang dibekalkan oleh STSB telah ditempatkan di KTD sebelum diserahkan kepada pihak KTD dan selebihnya ditempatkan di Kuarter Master tanpa penerimaan rasmi. Kuantiti sebenar pembekalan perabot tersebut tidak dapat disahkan kerana tiada rekod berkaitannya. Pihak Audit mendapati Kementerian telah mengarahkan STSB supaya mengeluarkan sebahagian perabot tersebut tetapi tidak dipatuhi menyebabkan Kuarter Master dipenuhi dengan perabot termasuk perabot yang rosak. Pihak KTD tidak dapat menggunakan perabot tersebut kerana status perabot masih belum dimuktamadkan.	
21.5.2.3.g	menterian Kewangan telah mengarahkan Kementerian Pertahanan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat pelaksanaan skop kerja tambahan yang tidak teratur dan tidak mendapat kelulusannya. Kementerian juga hendaklah mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab dan mengenakan tindakan sewajarnya. Selain itu, Kementerian Kewangan menyatakan bahawa pembiayaan skop kerja tambahan tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada. Semakan Audit mendapati tiada bukti Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan dan sehingga bulan Disember 2012, Kementerian masih belum membayar kos skop kerja tambahan tersebut yang berjumlah RM2.51 juta. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013 *Pada 10 Ogos 2012, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan kelulusan khas Kementerian bagi pembekalan loose furniture dan pemasangan ICT Infrastructure & Networking System. Pada 2 November 2012, Bahagian Pembangunan telah membuat permohonan bagi kelulusan rundingan harga pembekalan loose furniture berjumlah RM0.84 juta daripada Kementerian Kewangan. Selepas kelulusan Kementerian Kewangan diperolehi pada 28 November 2012 pembayaran berjumlah RM0.84 juta telah dibuat kepada STSB menggunakan peruntukan belanja mengurus MK TD pada 9 Januari 2013. Manakala permohonan kelulusan rundingan harga pemasangan ICT berjumlah RM3.18 juta telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 21 Disember 2012 dan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kelulusan diperolehi pada 29 Januari 2013. Bahagian Pembangunan melalui memo bertarikh 4 Mac 2013 telah memajukan permohonan peruntukan tambahan kepada Bahagian Kewangan, Kementerian bagi menampung kos pemasangan ICT tersebut namun sehingga kini tiada maklum balas diterima mengenainya. Pada pendapat Audit, selaras dengan arahan Kementerian Kewangan satu Jawatankuasa Siasatan perlu ditubuhkan dan laporan hasil siasatan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Manakala tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap pihak yang tidak mematuhi peraturan kewangan.	
21.5.3.1	**Pengurusan Pentadbiran Kontrak - Syarat Kontrak Tidak Menjamin Kepentingan Kerajaan** Berdasarkan *Bill Of Quantities* (BQ) di dalam dokumen kontrak, sejumlah RM2.40 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja pembekalan dan pemasangan penghawa dingin di 22 komponen pembinaan KTD. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap senarai terperinci penyediaan dan pemasangan penghawa dingin mendapati hanya Kompleks Pentadbiran dan Auditorium sahaja telah disenaraikan untuk disenggara dalam DLP. Semasa lawatan fizikal Audit, keadaan penghawa dingin yang baru dibekalkan kelihatan lama dan pemasangannya juga didapati kurang sempurna serta tidak sesuai. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013 *Skop kerja senggaraan penghawa dingin untuk kebanyakan bangunan tidak termaktub di dalam kontrak disebabkan Perunding Mekanikal dan Elektrik telah terlepas pandang dengan elemen berkenaan semasa penyediaan dokumen kontrak. Kecacatan dan kerosakan yang dibangkitkan oleh pihak Audit telah diambil tindakan pembaikan oleh kontraktor.* Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menjaga kepentingan Kerajaan dengan memastikan kerja penyenggaraan bagi semua penghawa dingin dimasukkan di dalam klausa kontrak.	Kementerian Pertahanan mengambil maklum dan bersetuju terhadap teguran yang dilakukan Audit. Sehubungan itu, bagi menjaga kepentingan kerajaan serta memastikan semua penghawa dingin di KTD diselenggara mengikut jadual, satu kontrak senggaraan pepasangan mekanikal telah diwujudkan mengikut zon. Melalui kontrak ini, pihak kontraktor yang dilantik bertanggungjawab menyelenggara dan memastikan setiap penghawa dingin beroperasi dengan baik.
21.5.3.2	**Arahan Perubahan Kerja** Arahan Perubahan Kerja (APK) dikeluarkan sekiranya terdapat sebarang perubahan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi atau senarai kuantiti. Projek pembinaan KTD melibatkan 24 APK dengan peningkatan kos berjumlah RM8.53 juta. Berdasarkan semakan Audit terhadap rekod kelulusan APK mendapati sehingga bulan Disember 2012 hanya 3 APK telah diluluskan dengan kos berjumlah	Kementerian Pertahanan mengambil maklum teguran yang dilakukan pihak Audit. Dalam menyegerakan proses kelulusan APK, Jawatankuasaa APK, BPKP telah bersidang secara kerap pada 29 April 2013, 20 Mei 2013 dan pada 15 & 16 Julai 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	RM1.19 juta. Manakala baki 21 APK masih dalam semakan pihak Kementerian dan belum diluluskan walaupun kerja telah selesai dilaksanakan oleh STSB. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013 *Berdasarkan semakan semula dan pecahan perincian 24 APK yang dilaporkan sebelum ini, bilangan APK sebenar ialah sebanyak 65 APK melibatkan kos sejumlah RM8.53 juta. Pihak kontraktor telah mengemukakan tuntutan terperinci item tersebut selepas kontrak siap bersekali dengan pengukuran semula kuantiti sementara. Kelewatan meluluskan APK disebabkan majoriti item dikenal pasti di peringkat akhir tempoh kontrak dan pengiraan terperinci tuntutan telah dibuat oleh Kontraktor selepas kontrak siap. Pihak Perunding memerlukan masa untuk menyemak kuantiti dan kadar harga yang dituntut berdasarkan lukisan dan lain-lain dokumen berkaitan. Kesemua APK telah dibentangkan kepada Jawatankuasa APK, BPKP pada 29 April 2013 dan 20 Mei 2013.* Pada pendapat Audit, APK perlu diperakukan dengan segera bagi memuktamadkan kos sebenar projek KTD selaras dengan Arahan Perbendaharaan 202 dan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 30 November 2011.	Melalui jawatankuasa yang telah bersidang ini, sebanyak 23 daripada 24 APK yang dilaporkan telah disokong untuk kelulusan. Baki 1 APK dijangka akan diselesaikan pada hujung Ogos 2013. APK tersebut telah diangkat untuk sokongan kelulusan Jawatankuasa APK. Walau bagaimanapun proses kelulusannya tertangguh disebabkan beberapa teguran yang memerlukan pelaksanaan pihak kontraktor.
21.5.3.3	**Bayaran Kemajuan Kerja Kontrak - Pengesahan Dan Tempoh Masa Bayaran** Arahan Perbendaharaan 103(a) menghendaki Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat memastikan semua tuntutan dibayar dengan segera tidak lewat dari 14 hari dari tarikh perakuan bayaran yang lengkap dan sempurna diperakukan. Semakan Audit terhadap 36 baucar bayaran interim mendapati 8 pembayaran telah dilakukan melebihi 14 hari iaitu 30 hingga 109 hari dari tarikh diperakukan dengan sempurna dalam Perakuan Bayaran [JKR 66(Pin. 3/1999)]. Semakan Audit berdasarkan memo dari Unit Pengurusan Kewangan, Bahagian Pembangunan kepada BPKP mendapati antara punca kelewatan bayaran adalah disebabkan baki peruntukan projek tidak mencukupi. STSB juga telah memberhentikan sementara kerja di tapak kerana tidak dapat membuat pembayaran kepada sub kontraktor, pembekal dan pekerja kontrak. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013 *Kementerian mengambil maklum teguran ini serta pekeliling yang berkaitan dan akan memastikan bayaran interim diproses serta dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh perakuan interim dikeluarkan menurut peruntukan kontrak.*	Kementerian mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit. Bagi kes KTD ini, segala sebab kelewatan pembayaran terhadap sampel baucer bayaran yang diperiksa telah dimajukan kepada pihak Audit melalui maklum balas Kementerian bilangan KP/BT(D)/0672/5/Jil 13(13) bertarikh 11 Jun 2013. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa memantau dan memandang serius prestasi setiap PTJ dan pusat pembayar dalam menguruskan tempoh pembayaran bagi lain-lain baucer. Surat tunjuk sebab akan dikeluarkan oleh Pegawai Pengawal kepada mana-mana PTJ atau pusat pembayar sekiranya bil-bil dibayar melebihi 14 hari.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya memastikan pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari selaras dengan AP 103(a).	
21.5.3.4.b	**Bayaran Kos Pasukan Perunding Projek** Berdasarkan Laporan Pembayaran Kos Perunding dari Unit Pengurusan Kewangan Bahagian Pembangunan, sejumlah RM7.94 juta (54.2%) daripada kos keseluruhan RM14.64 juta telah dibayar. Bakinya masih belum dibayar kerana perunding belum mengemukakan dokumen tuntutan yang lengkap. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013 *Sehingga bulan Disember 2012 sejumlah RM7.94 juta telah dibayar daripada jumlah kos RM14.64 juta. Amaun pengawasan tapak sejumlah RM3.12 juta tidak dapat dituntut sebagaimana diperuntukkan berikutan bilangan dan tangga gaji kakitangan tapak yang diluluskan oleh Kementerian adalah kurang daripada kakitangan sebenar di tapak. Selain itu amaun kos imbuhan balik juga hanya boleh dituntut mengikut kos sebenar.* Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menghadkan tempoh tuntutan yang boleh dibuat oleh perunding supaya tidak menimbulkan masalah pembayaran sekiranya tuntutan dibuat selepas akaun dimuktamadkan.	Kementerian Pertahanan mengambil maklum teguran pihak Audit. Walau bagaimanapun, berdasarkan pelaksanaan, tuntutan akhir bayaran oleh pihak perunding hanya boleh diputuskan selepas akaun dimuktamadkan. Ini memandangkan jumlah bayaran kepada pihak perunding hanya boleh diketahui dan ditetapkan berdasarkan nilai kontrak sebenar. Bagi kes ini, pembayaran akhir kepada perunding dirancang untuk diselesaikan dalam tempoh 30 hari dari tarikh akaun dimuktamadkan.
21.5.3.5	**Lukisan Siap Bina** Lukisan Siap Bina (as built drawing) hendaklah sentiasa dikemas kini semasa projek pembinaan dilaksanakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa (SO) secara berperingkat mengikut proses kerja. Mengikut buku Panduan Pentadbiran Kontrak yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, satu set lukisan siap bina hendaklah diserahkan kepada SO dalam masa satu bulan dari tarikh pengeluaran CPC untuk rekod dan penyenggaraan kerja tersebut. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2012, kontraktor gagal untuk mengemukakan Lukisan Siap Bina yang muktamad menyebabkan Kementerian tidak dapat memastikan sama ada komponen pembinaan KTD menepati lukisan kontrak. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013 *Lukisan siap bina dan manual operasi telah pun siap disemak serta dipersetujui oleh BPKP dan seterusnya akan diagihkan.*	Kementerian Pertahanan mengambil maklum teguran pihak Audit dan sedang dalam proses menyegerakan pengagihan *as buil drawing* tersebut. Sehingga 2 Ogos 2013, *as built drawing* bagi kerja-kerja arkitek, infra dan mekanikal telah siap dijilid dan diserahkan kepada BPKP. *As built drawing* bagi kerja elektrikal pula sedang dijilid oleh pihak kontraktor dan dijangka siap sepenuhnya pada hujung Ogos 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, Lukisan Siap Bina perlu dimuktamadkan dan diagihkan dengan segera bagi memudahkan Kementerian untuk merancang kerja penyenggaraan KTD.	
21.5.4.1	**Laporan Kerosakan Dan Pembaikan** Klausa 45 syarat kontrak menetapkan DLP bermula 18 bulan dari tarikh siap kerja praktikal yang dinyatakan dalam CPC. Sekiranya berlaku kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau kerosakan, SO hendaklah mengarahkan kontraktor untuk membaiki tanpa melibatkan kos tambahan kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati laporan kecacatan ada disediakan oleh pihak KTD setiap bulan iaitu mulai bulan Januari 2012 hingga Disember 2012. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kerja pembaikan terhadap aduan kerosakan tersebut telah diambil tindakan oleh kontraktor memandangkan rekod kerosakan yang diselenggara oleh pihak KTD tidak lengkap dan kemas kini kerana tiada pengesahan sama ada kerja pembaikan telah dibuat dengan sempurna. Semakan Audit terhadap penyata laporan kerosakan sehingga bulan Disember 2012 mendapati, 203 (70.9%) daripada 286 aduan dilaporkan telah dibaiki manakala selebihnya masih belum diambil tindakan. Kebanyakan kes melibatkan kerosakan pada tombol pintu, paip dan penghawa dingin.	Kementerian mengambil maklum teguran pihak Audit. Bagi isu ini, maklum balas adalah sama seperti seperti maklum balas di para 21.5.1.1.
21.5.4.2.a	**Kecacatan Dan Kerosakan Pembinaan** Lawatan Audit dari 19 hingga 23 November 2012 ke tapak projek mendapati kerja yang dilaksanakan terhadap beberapa komponen pembinaan KTD adalah kurang sempurna, kurang sesuai, kurang selamat dan tidak menyeluruh. Sehingga ke tarikh lawatan Audit, terdapat kecacatan pembinaan yang masih belum diambil tindakan pembaikan disebabkan tiada rekod lengkap mengenai kesemua kecacatan pembinaan. Kesannya pihak KTD terpaksa beroperasi dalam keadaan kurang selesa dan telah menjejaskan imej KTD yang diiktiraf sebagai pusat latihan berprestij tinggi Tentera Darat Malaysia. Butiran lanjut adalah seperti perenggan berikut:- **Kerja Kurang Sempurna** Didapati kerja yang dilaksanakan adalah kurang sempurna dan perlu dibaiki segera. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013	Kementerian Pertahanan mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit. Untuk makluman, semua teguran kecacatan dan kerosakan yang dibangkitkan pihak Audit telah diambil tindakan pembaikan berdasarkan maklum balas Kementerian kepada pihak Audit melalui surat bilangan KP/BT(D)/0672/5 JIL 13(13) bertarikh 11 Jun 2013. Sehingga kini, semakan terkini telah dilakukan dan didapati tiada sebarang masalah kecacatan dan kerosakan baru dikenal pasti dan dilaporkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Secara keseluruhannya terdapat 69 buah bangunan dalam projek ini di mana pemantauan dan pelbagai usaha telah diambil untuk memastikan setiap komponen berada di dalam keadaan yang sempurna dan tanpa kecacatan. Kecacatan yang dilaporkan adalah pada tahap minimum jika dibandingkan dengan jumlah bangunan yang terdapat di dalam projek KTD. Kes pembaikan kebocoran atau ketirisan telah pun diambil tindakan dan baki beberapa kecacatan masih dalam tindakan pihak kontraktor. Bagaimanapun, Kementerian akan memastikan semua kecacatan yang dikenal pasti diselesaikan sebelum CMGD dikeluarkan. Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap kerja pembaikan oleh kontraktor perlu dibuat oleh pihak Kementerian bagi memastikan baki beberapa kecacatan yang masih dalam tindakan pihak kontraktor dibaiki dengan sempurna.	
21.5.4.2.b	**Kerja Yang Dilaksanakan Kurang Selamat** Kerja-kerja elektrikal dan mekanikal perlu dilaksanakan oleh kontraktor selaras dengan ketetapan kontrak serta mematuhi peraturan dan piawaian yang ditetapkan bagi memastikan tahap keselamatannya. Pemeriksaan Audit mendapati kerja elektrikal dan mekanikal yang dilaksanakan adalah kurang selamat dan boleh menjejaskan keselamatan pihak KTD. Tiada pembaikan dilaksanakan sehingga tarikh lawatan Audit. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013 *Sebahagian besar kecacatan dan kerosakan yang dibangkitkan adalah kerja yang akan diperbaiki oleh kontraktor sebelum tamat tempoh kecacatan dan selepas teguran Audit, kerja pembaikan telah pun dilaksanakan terus oleh pihak kontraktor. Bagaimanapun kecacatan melibatkan air memasuki konduit atau sesalur elektrik dan ICT tidak dilaporkan sebelum ini. Tindakan telah diambil dengan mengarahkan kontraktor membuat pembaikan segera kerana berkemungkinan boleh membahayakan pihak KTD.* Pada pendapat Audit, kerja-kerja elektrikal dan mekanikal perlu dipantau dengan teliti bagi memastikan kesempurnaan dan keselamatan pemasangannya. Kerja yang kurang sempurna serta kurang selamat boleh menyebabkan pihak pengguna KTD terdedah kepada bahaya. Kementerian perlu memastikan kecacatan ini telah dibaiki dengan sempurna oleh pihak Kontraktor.	Kementerian Pertahanan mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit. Untuk makluman, semua teguran kecacatan dan kerosakan yang dibangkitkan pihak Audit telah diambil tindakan pembaikan berdasarkan maklum balas Kementerian kepada pihak Audit melalui surat bilangan KP/BT(D)/0672/5 JIL 13(13) bertarikh 11 Jun 2013. Sehingga kini, semakan terkini telah dilakukan dan didapati tiada sebarang masalah kecacatan dan kerosakan baru dikenal pasti dan dilaporkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.4.2.c	**Reka Bentuk Yang Kurang Sesuai** Lawatan Audit pada 19 November 2012 di Pejabat Komandan KTD mendapati, hujan lebat telah menyebabkan sebahagian besar bilik tersebut dimasuki air. Selain itu, didapati juga reka bentuk pembinaan lain di beberapa lokasi seperti di Markas Kolej, Wisma Bintara, Cawangan Jasmani dan lain-lain kurang sesuai walaupun pembinaan ini dibuat mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan boleh menjejaskan keselesaan pihak KTD. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013 *Masalah di Pejabat Komandan berpunca dari ketinggian pintu yang sepatutnya dipasang di bawah paras lantai pejabat. Sebaliknya pihak kontraktor telah memasangnya secara tergantung. Arahan dibuat kepada kontraktor supaya memasang 'plate' atau 'rubber stopper' di bawah pintu berkenaan dan kerja telah selesai dijalankan. Perkara ini tidak diambil tindakan pada peringkat awal kerana ia tidak dilaporkan oleh pihak KTD di dalam senarai kecacatan. Selain itu, bagi lain-lain kecacatan pembinaan, kontraktor telah diarahkan untuk menambah 'spout pipes' untuk mengalirkan tempias air hujan ke bahagian luar.* Pada pendapat Audit, pihak KTD perlu mengenal pasti masalah sama seperti di atas yang masih berlaku di lain-lain komponen pembinaan untuk tindakan segera kontraktor.	Kementerian Pertahanan mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit. Untuk makluman, semua teguran kecacatan dan kerosakan yang dibangkitkan pihak Audit telah diambil tindakan pembaikan berdasarkan maklum balas Kementerian kepada pihak Audit melalui surat bilangan KP/BT(D)/0672/5 JIL 13(13) bertarikh 11 Jun 2013. Sehingga kini, semakan terkini telah dilakukan dan didapati tiada sebarang masalah kecacatan dan kerosakan baru dikenal pasti dan dilaporkan.
21.5.4.2.d	**Kerja Tidak Dilaksanakan Secara Menyeluruh** Lawatan Audit ke tapak projek mendapati, kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak menyeluruh.	Kementerian Pertahanan mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit. Untuk makluman, semua teguran kecacatan dan kerosakan yang dibangkitkan pihak Audit telah diambil tindakan pembaikan berdasarkan maklum balas Kementerian kepada pihak Audit melalui surat bilangan KP/BT(D)/0672/5 JIL 13(13) bertarikh 11 Jun 2013. Sehingga kini, semakan terkini telah dilakukan dan didapati tiada sebarang masalah kecacatan dan kerosakan baru dikenal pasti dan dilaporkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.4.3.a	**Rumah Masak Dan Peralatan** Berdasarkan Spesifikasi Kerja Binaan Bangunan dan *BQ,* sejumlah RM1.30 juta telah ditetapkan di dalam kontrak untuk tujuan penyediaan kemudahan peralatan rumah masak di 6 komponen pembinaan KTD. Daripada jumlah ini, kos bagi membekalkan peralatan rumah masak di Wisma Perwira berjumlah RM259,644 dan Wisma Bintara berjumlah RM191,265. Butiran lanjut seperti berikut:- Lawatan Audit ke Rumah Masak di Wisma Perwira dan Bintara pada bulan November 2012 mendapati keadaan dapur kotor dan tidak terurus.	Kementerian Pertahanan mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit. Untuk makluman, semua peralatan dapur yang rosak telah dibaiki / diganti pihak kontraktor pada 18 Julai 2013 yang lalu. Melalui mesyuarat pemantauan yang dilakukan pada 19 Julai 2013, pihak kontraktor bersetuju untuk memberikan tempoh jaminan tambahan selama 6 bulan terhadap peralatan dapur yang dibaiki / diganti. Pihak kontraktor juga bersetuju untuk memberikan latihan penggunaan kepada pegawai dan staf KTD yang dirancang untuk diadakan pada hujung Ogos 2013.
21.5.4.3.b	Pemeriksaan fizikal di Rumah Masak Wisma Perwira dan Wisma Bintara terhadap jenis, keadaan dan status kemudahan peralatan yang dibekalkan mendapati beberapa peralatan seperti peti sejuk; oven; mesin pencuci pinggan; *chiller* dan *kitchen hood* rosak, berkulat, tidak berfungsi dengan baik dan dibiarkan tanpa pembaikan atau penggantian. Keadaan ini menyebabkan stok bahan makanan tidak dapat disimpan dan tidak segar. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013 *Hampir keseluruhan kecacatan pembinaan dan kerosakan yang dibangkitkan, kerja pembaikannya telah pun dilaksanakan di tapak dan bakinya seperti pembuka paip yang rosak, kitchen hood yang tidak boleh dibuka dan saluran outlet tersumbat masih dalam tindakan pihak kontraktor. Manakala peralatan dapur yang rosak telah pun dibawa keluar oleh pihak kontraktor.* Pada pendapat Audit, aspek kebersihan, keselamatan serta kemudahan peralatan perlu dikekalkan pada tahap yang baik. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mendapat *value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, Kementerian perlu mengarahkan kontraktor menggantikan peralatan dapur yang rosak serta membuat pembaikan dengan segera.	

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Perenggan 22 : Senggaraan Pangkalan Udara Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.1.2	**Prestasi Pelaksanaan Penyenggaraan** Bagi tujuan pemantauan, PUL telah menyelenggara borang aduan kerosakan iaitu BPKP 4, JKR 4, Senggara 4 (untuk kegunaan PUL sahaja) dan daftar aduan kerosakan. Daftar berkenaan mengandungi maklumat seperti nombor kawalan, tarikh aduan, keterangan aduan, agensi pelaksana dan tarikh siap kerja. Semakan Audit mendapati, aduan kerosakan di rekod dalam buku daftar bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, daftar berkenaan tidak lengkap dan kemas kini kerana ruangan tarikh siap kerja dan agensi pelaksana tidak diisi. Pihak Audit dimaklumkan rekod aduan kerosakan yang lengkap telah dibuat secara digital tetapi telah musnah akibat kebakaran yang berlaku pada bulan Oktober 2012. Laporan kerosakan yang dikemukakan kepada Unit Senggara Kompleks melalui borang BPKP 4, JKR 4 dan Senggara 4 bagi tempoh berkenaan masing-masing berjumlah 1,200, 3,071 dan 214 aduan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada tindakan pembaikan telah diambil terhadap laporan tersebut kerana tiada maklumat mengenainya dikemukakan untuk pengauditan. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Walaupun rekod penyenggaraan telah musnah akibat kebakaran, semakan oleh Markas Tentera Udara (MTU) ke atas dokumen fizikal mendapati pembaikan telah dilaksanakan terhadap laporan kerosakan yang dikemukakan kepada Unit Senggara Kompleks seperti laporan BPKP 4 sebanyak 857 berbanding 1,200 dilaporkan; laporan JKR 4 sebanyak 2,987 berbanding 3,071 dilaporkan dan 214 laporan Senggara 4 telah dilaksanakan. Manakala baki kerosakan yang melibatkan kos pembaikan yang besar MTU dalam usaha mendapatkan peruntukan bagi tujuan pembaikan. Pihak TUDM akan meningkatkan pemantauan ke atas proses pembaikan dan mengenal pasti laporan kerosakan yang didapati berulang.* *Bagaimanapun, tiada dokumen sokongan dikemukakan sebagai bukti laporan kerosakan telah diambil tindakan.*	Kementerian Pertahanan mengambil maklum teguran pihak Audit. Dalam memastikan rekod senggaraan yang lengkap, pihak PUL telah mewujudkan buku data senggaraan secara manual dan *hardcopy* sebagai *backup data* di samping rekod-rekod digital yang diwujudkan semula selepas musnah akibat kebakaran.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, pengurusan rekod aduan dan senggaraan adalah kurang memuaskan dan rekod berkenaan perlu di selenggara dengan lebih sempurna bagi mengelakkan berlakunya pertindihan skop kerja senggaraan antara agensi pelaksana.	
22.5.1.3.a	**Perancangan Kerja Senggaraan** Bab 13 Seksyen 7 kepada Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) menetapkan, Pangkalan Udara Labuan perlu merancang kerja senggaraan berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu senggaraan 5 tahun seperti mengganti bumbung, mengecat semula, membaiki longkang besar, landasan lapangan terbang dan pagar; senggaraan setahun seperti kipas rosak, lantai retak; senggaraan kecemasan merupakan senggaraan kerosakan yang perlu diambil tindakan segera dan senggaraan tidak diduga seperti senggaraan akibat bencana alam. Selain itu, wakil BPKP dan JKR perlu menghadiri mesyuarat senggaraan pasukan sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun untuk pelarasan kerja. Mulai tahun 2012, PUL telah melaksanakan sendiri kerja senggaraan kecemasan melalui Unit Senggara Kompleks (UPS). Antara fungsi UPS ialah merancang, menyelia dan menyediakan program senggaraan; mengurus, merekod dan memantau semua kerja senggaraan dalam pangkalan/ unit; memberi taklimat semasa dan mendapatkan kelulusan kepada Ketua Cawangan Tadbir serta Komander Pangkalan/Pegawai Memerintah; berkomunikasi dengan Agensi Pelaksana (JKR dan BPKP), kontraktor dan pengguna. Semakan Audit terhadap perancangan kerja senggaraan di PUL mendapati perkara berikut:- PUL tidak menyediakan perancangan kerja senggaraan 5 tahun seperti yang ditetapkan dalam Bab 13 Seksyen 7 kepada PMAT. Oleh itu, peruntukan yang dimohon oleh PUL hanya mengikut keperluan senggaraan atau pembaikan tahunan serta kecemasan.	Kementerian Pertahanan mengambil maklum isu yang dibangkitkan. Bagi memastikan perancangan kerja senggaraan yang lebih efisyen, pihak PUL telah menganjurkan beberapa siri mesyuarat senggaraan yang melibatkan pihak BPKP dan JKR.
22.5.1.3.b	Tiada bukti UPS mengadakan mesyuarat penyelarasan kerja antara BPKP dan JKR seperti yang ditetapkan. Penyelarasan kerja hanya dibuat antara UPS dan JKR melalui Mesyuarat Senggara TUDM yang diadakan 3 kali pada tahun 2012. Pada pendapat Audit, pengurusan kerja senggaraan di PUL adalah kurang memuaskan kerana perancangan kerja senggaraan 5 tahun tidak disediakan bagi memastikan kerja senggaraan dilaksanakan dengan sewajarnya. Selain itu, pihak UPS perlu memastikan penyelarasan kerja dibuat sejajar dengan kehendak peraturan yang berkuat kuasa.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Pada 20 Jun 2013 MTU telah mengarahkan semua pangkalan menyediakan program senggaraan tahunan termasuk perancangan program 5 tahun dan memajukan kepada MTU untuk permohonan peruntukan. MTU mengakui mesyuarat koordinasi senggaraan tidak dilaksanakan sebagaimana yang telah ditetapkan dan hanya pada tahun 2013, pihak PU Labuan mengadakan Mesyuarat Koordinasi Senggaraan Pangkalan iaitu pada 21 Mac 2013.*	
22.5.1.4.a	**Kerja Senggaraan Di No.14 Skuadron - *Hangar*** *Hangar* No.14 Skuadron dibina untuk menyimpan, menyenggara serta membaiki 4 pesawat C130, JKR menyenggara keseluruhan bangunan termasuk kerja elektrikal dan mekanikal. Semakan Audit mendapati, semua pintu utama *hangar* tidak beroperasi secara mekanikal kerana *hangar door motor* tidak berfungsi dan terpaksa beroperasi secara manual sejak tahun 2008. Pada tahun 2009, JKR telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan kerja menaik taraf salah satu *hangar door motor* berkenaan. Bagaimanapun, kerja menaik taraf tersebut telah menyebabkan berlaku kerosakan terhadap *PVC flat cable* dan *busbar* yang tidak termasuk dalam skop asal. Sehingga bulan Disember 2012 sebanyak 11 kerosakan melibatkan 4 pintu utama *hangar* dilaporkan masih belum dibaiki. Pada pendapat Audit, kegagalan menyerahkan bangunan dan salinan *as-built drawing* bagi *hangar* kepada JKR menyebabkan kerja senggaraan tidak dapat dilaksanakan. Selain itu, Kementerian juga tidak mendapat *value for money* bagi kerja menaik taraf *hangar door motor* kerana ia masih tidak dapat berfungsi dan menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Pemeriksaan terperinci terhadap kerosakan pintu hangar tersebut telah dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, ibu pejabat JKR dan laporan berkenaan cadangan pembaikannya telah dikeluarkan pada 9 Mei 2013 yang melibatkan kos pembaikan keseluruhan bagi 4 buah pintu hangar berjumlah RM800,000. Pihak TUDM juga bersetuju agar pembaikan dilaksanakan terhadap 1 pintu dahulu sebagai percubaan serta telah memajukan salinan as-built drawing kepada pihak JKR Labuan pada 21 Jun 2013.*	Kementerian mengambil maklum isu yang dibangkitkan. Berlanjutan daripada maklum balas Kementerian pada 4 Julai 2013, satu mesyuarat penyelarasan penyelenggaraan dan pembaikan Hangar dan GRE akan dilaksanakan pada 21-23 Ogos 2013 di antara pihak JKR dan PUL sebelum kerja-kerja pembaikan sebenar dilakukan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.1.4.b.i	***Ground Run Up Encloser Bay* (GRE)** Berdasarkan kajian Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Aerospace (PUSPEKA), binaan tambahan perlu dibuat terhadap GRE bagi melindungi pesawat dari tiupan *tail wind* dan *side wind* serta dapat memberi perlindungan pencemaran bunyi akibat daripada aktiviti *GRE* di kawasan berkenaan. Bagaimanapun, PUSPEKA berpendapat kedudukan GRE sedia ada adalah tidak sesuai dan tidak selamat kerana tidak menepati jarak selamat antara ketiga-tiga binaan iaitu GRE, BeLAS dan laluan longkang. Sehubungan itu, pada bulan Julai 2009 PUL telah memohon kerja menaik taraf dan pengubahsuaian GRE kepada Markas Tentera Udara berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh PUSPEKA tersebut. JKR telah diberi tanggungjawab oleh PUL untuk menjalankan kerja menaik taraf dan pengubahsuaian ke atas sistem GRE dengan melaksanakan kerja seperti meroboh 3 unit bangunan utiliti di GRE, pengalihan laluan longkang *Weather Flow Precast Drain* dan penambakan tanah melalui 3 sebut harga yang bernilai RM1.02 juta. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan, GRE tersebut masih belum digunakan walaupun kerja menaik taraf dan pengubahsuaian telah selesai serta bayaran sepenuhnya telah dibuat pada bulan Disember 2012.	Kementerian mengambil maklum isu yang dibangkitkan. Berlanjutan daripada maklum balas Kementerian pada 4 Julai 2013, satu mesyuarat penyelarasan penyelenggaraan dan pembaikan Hangar dan GRE akan dilaksanakan pada 21-23 Ogos 2013 di antara pihak JKR dan PUL sebelum kerja-kerja pembaikan sebenar dilakukan.
22.5.1.4.b.ii	Arahan Perbendaharaan 181 (a) menyatakan kerja bernilai melebihi RM500,000 hendaklah dipelawa secara tender dan Kementerian adalah dilarang memecah kecil nilai kerja bagi mengelakkan pelawaan tender. Semakan Audit terhadap kerja menaik taraf di GRE mendapati surat tawaran kepada 4 kontraktor yang dilantik untuk kerja menaik taraf GRE telah dikeluarkan dengan nilai kerja berjumlah RM1.28 juta. Ini adalah bertentangan dengan peraturan kewangan di mana perolehan kerja melebihi RM500,000 setahun hendaklah dilaksanakan melalui proses tender. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Naik taraf GRE bay melibatkan kesemua 4 skop kerja utama iaitu kerja mengalihkan longkang, meroboh rumah pam dan tangki simpanan (keperluan jarak selamat di depan GRE), penambakan tanah dan pemanjangan dinding bangunan GRE. Hanya 3 skop telah disiapkan dengan kos RM1.02 juta. Skop pemanjangan dinding EGR akan dilaksanakan pada tahun 2013 dengan peruntukan berjumlah RM500,000 telah disalurkan kepada JKR dan dalam proses penyediaan dokumen tender. Pihak JKR menyatakan bahawa pembahagian kerja-kerja kepada 4 kontraktor adalah mengikut kepakaran masing-masing berdasarkan sub-kepala yang disyaratkan dan tidak sepatutnya dianggap sebagai pecah kecil.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, TUDM perlu menyediakan perancangan rapi supaya pelaksanaan aktiviti pembangunan bersesuaian dan memperolehi *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dilakukan.	
22.5.1.4.c	**Bangunan Dan Peralatan *BeLAS*** *BeLAS* merupakan sistem pembersihan pesawat secara automatik. Kawasan Labuan memerlukan sistem tersebut kerana pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) terbang dengan ketinggian rendah dan ini boleh memberi kesan pengaratan kepada badan pesawat tersebut. Setiap pesawat yang selesai menjalani latihan atau operasi perlu dibasuh bagi mengelakkan pengaratan berlaku untuk memanjangkan jangka hayat badan pesawat. Semakan Audit mendapati, bangunan *BeLAS* telah dirobohkan bagi tujuan penambakan tanah untuk kerja menaik taraf/pengubahsuaian GRE dan pengalihan laluan longkang *Weather Flow Precast Drain*. Ini menyebabkan semua peralatan sistem *BeLAS* dibuka dan disimpan di dalam stor No.14 Skuadron dan kawasan sekitarnya. Selain itu, semakan fizikal Audit mendapati komponen *BeLAS* iaitu *water boiler* dan tangki telah berkarat. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada *BeLAS* masih berfungsi atau sebaliknya kerana sistem berkenaan tidak lagi digunakan sejak operasi GRE dihentikan pada bulan Februari 2008. Pada pendapat Audit, peralatan sistem *BeLAS* tidak digunakan secara optimum dan mengakibatkan berlakunya pembaziran. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Bangunan pam Sistem BeLAS dirobohkan bagi memenuhi keperluan ICAO dan keperluan pemanjangan dinding GRE serta tiada ruang lain yang sesuai dan lebih menjimatkan. Sistem BeLAS sedia ada masih boleh digunakan tetapi memerlukan penggantian paip yang sesuai agar tidak berkarat dengan penggunaan detergen selaras dengan pembinaan rumah pam baru dan tangki air yang berisi padu lebih besar bersesuaian dengan saiz pesawat. Anggaran kos pembaikan semula adalah berjumlah RM1.5 juta dan dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2014.*	Kementerian mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit dan maklum balas telah diberikan melalui surat bilangan KP/WANG/INSP/500/003/2 Jil 16e(29) bertarikh 4 Julai 2013.
22.5.1.4.d.i	**Pejabat Pentadbiran** Pejabat pentadbiran di No.14 Skuadron menempatkan anggaran 90 bilik yang dilengkapi dengan sistem penghawa dingin berpusat untuk keselesaan pegawai/anggota yang bertugas. Selain itu, No.14 Skuadron telah menyediakan rancangan senggaraan bangunan pejabat mengikut jenis senggaraan seperti struktur dan binaan; sistem penghawa dingin dan cat dinding yang perlu dilaksanakan antara	Kementerian mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit dan maklum balas telah diberikan melalui surat bilangan KP/WANG/INSP/500/003/2 Jil 16e(29) bertarikh 4 Julai 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	6 bulan hingga 3 tahun sekali. Semakan Audit di pejabat pentadbiran mendapati perkara berikut:- Terdapat 16 bilik mengalami kerosakan sistem penghawa dingin sejak tahun 2006. Sebanyak 8 surat peringatan dikeluarkan oleh No.14 Skuadron sejak tahun 2011 hingga 2012 kepada UPS bagi membaiki kerosakan tersebut, namun tiada bukti tindakan pembaikan dilaksanakan.	
22.5.1.4.d.ii	Adalah didapati siling di 30 lokasi di No.14 Skuadron bocor, pecah, rosak, terbuka dan berkulat. Antara punca kerosakan tersebut adalah disebabkan berlaku resapan air akibat sistem penghawa dingin yang tidak berfungsi dengan sempurna. Mengikut rekod yang dikemukakan oleh UPS, sebanyak 18 aduan kerosakan telah dikemukakan sejak tahun 2009. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan tindakan pembaikan dilaksanakan.	
22.5.1.4.d.iii	Dinding di aras atas bangunan retak dan pecah serta hampir keseluruhan dinding di tangga kecemasan yang dilawati mengalami kerosakan akibat daripada tempias air hujan yang masuk ke dalam tingkat atas bangunan. Bagaimanapun, tiada laporan mengenai kerosakan dinding tersebut dibuat.	
22.5.1.4.d.iv	Terdapat binaan tiang *support* bangunan berada di bilik *Comanding Officer* dan bilik rehat No. 14 Skuadron. Tiang berkenaan kurang sesuai kerana tingkap dan langsir sukar untuk dibuka/ditutup serta menyebabkan ketidakselesaan kepada pengguna.	
22.5.1.4.d.v	Berdasarkan laporan kerosakan sehingga bulan September 2012 tiada bukti pembaikan dilaksanakan terhadap laporan kebocoran bumbung *transparent* di ruang legar. Lawatan fizikal Audit pula mendapati kebocoran tersebut menyebabkan air bertakung dan mengalir ke dinding bangunan sehingga mengakibatkan dinding berkenaan berkulat. Pada pendapat Audit, tindakan segera perlu diambil terhadap kerosakan yang dilaporkan bagi mengelakkan kerosakan yang lebih serius. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Memandangkan kos pembaikan sistem penghawa dingin sedia ada yang tinggi sehingga mencecah RM1.3 juta, pihak PU Labuan tidak bercadang untuk membaikinya dan pemasangan alat hawa dingin jenis unit pisah (split) telah dilaksanakan pada Disember 2012 seperti yang dicadangkan oleh pihak BPKP. Manakala kerosakan siling di 30 lokasi di No.14 Skuadron dirancang untuk dilaksanakan dalam Plan anggaran belanja mengurus 2013 dan beberapa kerosakan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	telah dibaiki dan selebihnya masih dalam proses sebut harga. Pihak TUDM mengambil maklum teguran Audit berkenaan binaan tiang support yang berada di dalam bilik dan memastikan perkara sebegini tidak berulang lagi.	
22.5.2.1	**Pembinaan Pagar Perimeter Di Pangkalan Udara Labuan** Hasil perbincangan antara Asistan Ketua Staf Bahagian Perancangan Pembangunan dan Operasi (BPPO) dengan Pegawai Infra Bina pada 4 Mei 2009, BPPO Infra Bina, Markas Tentera Udara, Pangkalan Udara Kuala Lumpur telah mengeluarkan garis panduan mengenai lukisan dan reka bentuk standard empat jenis pagar untuk kegunaan pangkalan/unit TUDM. Jenis pagar berkenaan ialah pagar *anti cut and anti climb*, pagar hias, pagar tembok batu bata dan pagar *chain link*. Secara amnya, pagar *anti cut and anti climb* perlu dibina di perimeter sekeliling pangkalan/unit TUDM, kawasan larangan atau yang berada di bawah kawalan rapi dalam pangkalan/unit TUDM seperti stor senjata, terminal peluru, *Bulk Fuel Installation* dan yang seumpamanya.	Kementerian mengambil maklum dan bersetuju dengan teguran yang dilakukan Audit. Sehubungan dengan itu, pihak Markas Tentera Udara kini sedang dalam proses merangka perancangan untuk membuat *double fencing* mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan di sekeliling PUL bagi mengetatkan lagi keselamatan terutama selepas berlakunya OPS Daulat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan tersebut tertakluk kepada peruntukan yang disediakan kelak.
22.5.2.2	JKR telah diberi tanggungjawab sebagai pelaksana bagi projek pembinaan pagar perimeter sekeliling Pangkalan Udara Labuan. JKR telah melantik VH General Contruction dengan kontrak bernilai RM1.63 juta, tarikh milik tapak pada bulan Oktober 2011 dan telah siap pada bulan Julai 2012. Catatan Taklimat Kuarter (Q Brief) daripada Markas Tentera Udara (BPPO - Infra Bina) menjelaskan antaranya bangunan pagar terdiri daripada struktur pagar *anti cut and anti climb* dan sistem saliran yang baik bagi melancarkan aliran air di persekitarannya.	
22.5.2.3.a	Pada bulan Julai 2012 JKR telah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja (CPC) bagi kontrak pembinaan pagar tersebut. Tempoh tanggungan kecacatan selama setahun dan akan berakhir pada bulan Julai 2013. Pada bulan Oktober 2012 JKR juga telah menghantar surat kepada Komander Pangkalan Udara Labuan bagi serahan projek tersebut. Bagaimanapun, sehingga kini Pangkalan Udara Labuan belum memberi sebarang maklum balas kerana beberapa kelemahan pembinaan yang belum diselesaikan. Semasa lawatan fizikal Audit antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:- Pagar perimeter di keliling Pangkalan Udara Labuan yang dipasang merupakan pagar *chain link.* Ia bertentangan dengan garis panduan Reka Bentuk Standard Jenis Pagar Untuk Pangkalan Dan Unit-Unit TUDM yang dikeluarkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Infra Bina, Markas Tentera Udara yang menghendaki pagar *anti cut and anti climb* dibina di kawasan tersebut. Infra Bina telah mengeluarkan surat teguran mengenainya pada bulan Mei 2012.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.2.3.b	Pemasangan *beam* kurang sempurna menyebabkan tiang pagar condong terutama di penjuru kerana *beam concrete* yang memegang tiang pagar berkaitan tidak cukup kuat dan sisa pembinaan tidak dibersihkan.	
22.5.2.3.c	Pintu pagar yang dipasang oleh kontraktor tidak boleh ditutup dengan sempurna dan dikunci sebaliknya terpaksa menggunakan rantai dan mangga untuk menguncinya. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Pihak TUDM telah memajukan teguran Audit dan tidak akan menerima infra tersebut selagi pembaikan tidak dibuat menepati spesifikasi dalam kontrak. Manakala pihak JKR telah memberi maklum balas bahawa kerja-kerja pembinaan pagar di PU Labuan dibuat berdasarkan piawaian dan kos yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi untuk semua kawasan yang diwartakan sebagai kawasan keselamatan. Spesifikasi yang ditetapkan adalah pagar 4 meter tinggi, kawat berduri jenis Y.* Pada pendapat Audit, pembinaan pagar perimeter tersebut tidak menepati garis panduan dan reka bentuk standard yang ditetapkan serta tidak menjamin keselamatan serta tidak menjamin keselamatan Pangkalan Udara Labuan.	
22.5.3.2.a	**Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT)** Sebanyak 151 unit RKAT Membedai tidak diduduki kerana mengalami kerosakan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kerosakan mengenainya kerana tiada laporan kerosakan lengkap dikemukakan.	Kementerian mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit. Bagi memastikan proses pemantauan yang lebih efisyen di peringkat Kementerian, isu ini dirancang untuk dibangkitkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) MinDef agar satu mekanisme pemantauan atau *Standard Operating Procedure* (SOP) dirangka agar pelaporan RKAT yang dikosongkan dapat dilakukan dengan segera oleh Markas / Kem / Pangkalan sebelum tindakan segera diambil bagi menyelesaikan masalah seperti ini.
22.5.3.2.b	JKR telah memaklumkan kepada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri pada bulan Februari 2010 mengenai RKAT TUDM Batu Arang yang mengalami rekahan yang semakin serius, besi tetulang berkarat serta dinding pecah dan runtuh. JKR juga telah memohon khidmat nasihat teknikal daripada Bahagian Forensik, Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan serta mengadakan lawatan tapak dan kajian pada bulan Januari 2010. Bahagian tersebut berpendapat bangunan rumah Kerajaan tersebut tidak selamat diduduki dan tidak ekonomik untuk dibaiki. Bagaimanapun, RKAT berkenaan masih lagi digunakan kerana kekurangan kuarters pada masa tersebut dan pihak Audit dimaklumkan pada bulan Januari 2012 RKAT berkenaan telah dikosongkan sepenuhnya. Semakan lanjut mendapati tiada keputusan muktamad daripada Kementerian mengenai tindakan perlu diambil mengenainya menyebabkan kuarters berkenaan tidak terurus serta ditumbuhi semak samun.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Sebanyak 24 Unit RKAT Membedai telah diperbaiki dan telah digunakan sebagai penempatan transit anggota serta baki sebanyak 127 unit akan dinaiktaraf dengan kos pembaikan berjumlah RM6 juta yang akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2014. Kementerian memutuskan untuk tidak membaik pulih RKAT TUDM Batu Arang memandangkan ianya tidak ekonomik untuk dibaiki. Justeru, Kementerian sedang dalam pertimbangan untuk memajukan kawasan tersebut secara penswastaan (landswap).* Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memantau RKAT yang telah dikosongkan dan mengambil tindakan sepatutnya dengan segera bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.	
22.5.4	**Pembinaan Parkir Berbumbung** Mengubahsuai atau membina sesuatu yang bukan sedia ada dikategorikan sebagai perkhidmatan *'work service'* manakala pengubahsuaian kecil merupakan sebahagian dari kerja senggaraan. Selain itu, Agensi Pelaksana perlu melaksanakan kerja berdasarkan butiran kerja yang dinyatakan dalam borang senggara yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati PUL telah mengeluarkan 3 Pesanan Rasmi Kerajaan berjumlah RM51,737 bagi kerja senggaraan parkir di RKAT dan Skuadron 340. Semakan lanjut mendapati, kerja senggaraan tersebut merupakan pembinaan parkir kenderaan/motor berbumbung dan bukannya senggaraan parkir kenderaan. Perbelanjaan tersebut telah dibuat dengan menggunakan kod objek sebagai (OS) 28101 oleh PTJ Pangkalan TUDM Labuan walaupun perbelanjaan pembinaan sepatutnya di caj bawah OS 32199 sehingga menyebabkan perbelanjaan senggaraan terlebih caj berjumlah RM51,737. Pada pendapat Audit, kesilapan koding ini akan menyebabkan prestasi perbelanjaan bagi kerja senggaraan tidak menggambarkan keadaan sebenar. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Pihak TUDM akan memastikan PU Labuan menggunakan kod peruntukan yang sesuai di masa akan datang untuk semua kerja peningkatan dan ubahsuai. Peringatan berterusan akan terus diberikan.*	Kementerian mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit dan maklum balas telah diberikan melalui surat bilangan KP/WANG/INSP/500/003/2 Jil 16e(29) bertarikh 4 Julai 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.5.1	**Perjawatan Di Unit Senggara Kompleks Dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan** Unit Senggara Kompleks yang bertanggungjawab sebagai unit yang memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor/pelaksana. Semakan Audit mendapati, hanya seorang pegawai; 5 anggota lain-lain pangkat (LLP) dan 9 penjawat awam telah diluluskan untuk memenuhi keperluan di unit tersebut. Bagaimanapun, 2 perjawatan bagi LLP dan 2 jawatan bagi kakitangan awam tidak diisi. Bilangan perjawatan ini tidak memadai bagi memantau kerja senggaraan ke atas 564 bangunan dan fasiliti di Pangkalan Udara Labuan yang dilaksanakan sama ada oleh BPKP, JKR atau pihak Pangkalan sendiri. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *TUDM bersetuju dengan teguran Audit dan akan memastikan perjawatan di PU Labuan mengikut perjawatan yang diluluskan apabila terdapat calon yang bersesuaian kelak.*	Kementerian mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit dan maklum balas telah diberikan melalui surat bilangan KP/WANG/INSP/500/003/2 Jil 16e(29) bertarikh 4 Julai 2013.
22.5.5.2	Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) bertanggungjawab sebagai Agensi Pelaksana bagi projek yang telah ditetapkan di dalam skop kontrak dan projek kecemasan. BPKP telah melantik Kamiru Enterprise melalui kontrak bermasa untuk pelaksanaan kerja awam di Pangkalan Udara Labuan yang bertanggungjawab melaksanakan kerja senggaraan secara berkala dan pencegahan. Semakan Audit mendapati, carta organisasi perjawatan unit BPKP tidak menyatakan bilangan anggota yang perlu ditempatkan di Pangkalan Udara Labuan tetapi semasa pengauditan dijalankan didapati hanya seorang anggota berpangkat Sarjan telah ditempatkan di Pangkalan Udara Labuan bagi memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan dipantau oleh seorang pegawai berpangkat Mejar yang berkhidmat secara hakiki di BPKP Sabah. Penempatan Sarjan tersebut adalah berdasarkan kelulusan dalaman unit bagi tujuan memantau kerja yang telah diamanahkan. Memandangkan beban kerja yang dicatatkan adalah tinggi antara 293 hingga 492 aduan kerosakan (bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012), keupayaan seorang anggota untuk mengendalikan tugas tersebut adalah terhad kerana anggota tersebut juga perlu melaksanakan tugas lain yang diarahkan, berkursus atau bercuti. Keadaan berkaitan boleh menjejaskan tugas pemantauan terhadap kerja senggaraan. Pada pendapat Audit, memandangkan bebanan tugas senggaraan bangunan dan fasiliti yang banyak, Unit Senggara Kompleks perlu di struktur semula dengan menambah perjawatan menggunakan perjawatan daripada unit yang telah terlebih diisi.	Kementerian mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit dan maklum balas telah diberikan melalui surat bilangan KP/WANG/INSP/500/003/2 Jil 16e(29) bertarikh 4 Julai 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Melalui perancangan jangka pendek pihak BPKP akan menambah seorang anggota LLP di PU Labuan bagi membantu staf sedia ada. Perancangan jangka panjang pula BPKP akan menambah perjawatan Tim Labuan dengan menempatkan seorang Pegawai berpangkat Kapten dan 10 anggota LLP. Kertas cadangan penstrukturan semula BPKP kini masih dalam peringkat perbincangan dengan Markas Angkatan Tentera Malaysia, Bahagian Perancangan Pertahanan.*	
22.5.6	**Latihan** Penempatan Pegawai dan Anggota LLP Angkatan Tentera Malaysia berdasarkan kepada bidang/kepakaran yang diperolehi semasa latihan. Setiap Pegawai dan Anggota LLP perlu menghadiri latihan yang bersesuaian mengikut jawatan dan bidang kerja yang dipertanggungjawabkan semasa dalam perkhidmatan bagi memastikan mereka berpengetahuan dan berkemahiran dengan tugas yang dilaksanakan. Semakan Audit mendapati, Pegawai Senggara Kompleks tidak mendapat latihan dan kursus mengenai senggaraan bangunan, elektrik dan mekanikal dan hanya menghadiri Kursus Membaca Lukisan Binaan di Infra Bina selama 5 hari sahaja. Bagi anggota LLP pula hanya menghadiri kursus yang melibatkan kerja kerani/pentadbiran sahaja tetapi tidak pernah menjalani kursus yang berkaitan dengan kontrak dan senggaraan. Pada pendapat Audit, pegawai/anggota yang diberi tanggungjawab menyelia/memantau kerja senggaraan perlu mempunyai latihan yang mencukupi bagi memudahkan mereka memantau kerja penyenggaraan yang dilaksanakan. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Pegawai Senggara Kompleks berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (UPNM) dan seorang anggota berpangkat Fsjn telah dihantar untuk menghadiri kursus di UTM SPACE pada tahun ini bermula Mac 13 - Sept 13 dan bakal menerima sijil kompetensi manakala anggota-anggota lain akan dihantar pada masa akan datang.*	Kementerian mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit dan maklum balas telah diberikan melalui surat bilangan KP/WANG/INSP/500/003/2 Jil 16e(29) bertarikh 4 Julai 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.7	**Status Hak Milik Tanah Dan Persempadanan Lapangan Terbang Labuan** Pihak Audit dimaklumkan, kawasan Lapangan Terbang Labuan (LTL) yang digunakan untuk penerbangan awam berada dalam kawasan PUL. Bangunan Kawalan Udara LTL dan peralatannya adalah hak milik TUDM malah pegawai yang melaksanakan tugas kawalan udara dan *aviation* adalah terdiri daripada Pegawai TUDM. Manakala bangunan terminal LTL milik Jabatan Penerbangan Awam (DCA) serta penyenggaraan *runway* diuruskan oleh Malaysia Airport Berhad (MAB). Semakan lanjut mendapati, tiada dokumen rasmi berkaitan penyerahan lapangan terbang tersebut kepada MOT/DCA. Selain itu, tiada dokumen mengenai keluasan, persempadanan dan status tanah lapangan terbang tersebut dikemukakan untuk semakan. Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Mesyuarat di antara PU Labuan dan MAB telah diadakan pada bulan April 2013 bagi menentukan sempadanan kawasan tanggungjawab. Pihak Markas Tentera Udara mengesahkan bahawa Lapangan Terbang Labuan tidak terletak di dalam kawasan PU Labuan seperti yang dinyatakan oleh pihak Audit. Lapangan Terbang Labuan adalah terletak di atas tanah kerajaan Negeri Sabah yang telah diwartakan sebagai 'Aerodrome Reserve' melalui warta Kerajaan Negeri No. S91-52 dan bukan di atas tanah milik persekutuan.* Pada pendapat Audit, penentuan hak milik tanah dan persempadanan adalah penting bagi menentukan tanggungjawab penyenggaraan bangunan/fasiliti yang terlibat.	Kementerian Pertahanan mengambil maklum isu yang dibangkitkan pihak Audit. Sehubungan itu, PU Labuan dan pihak Malaysian Airport Berhad (MAB) telah memulakan rundingan pada bulan April 2013 bagi menentukan persempadanan, skop dan had penyelenggaraan bangunan / fasiliti terlibat. Beberapa perbincangan lanjut dirancang untuk dilaksanakan agar satu penetapan muktamad diperoleh bagi memastikan kelancaran proses penyelenggaraan.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Perenggan 23 : Program Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.1.1.a	**Prestasi Program - Prestasi Pelaksanaan Aktiviti Penguatkuasaan Akta AOAM 2007** Mengikut minit mesyuarat MAPO, prestasi pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan terhadap Akta AOAM 2007 bagi tempoh 28 Februari 2008 hingga 17 Disember 2012 menunjukkan perkara seperti berikut:- i. sebanyak 659 kes telah disiasat di bawah Akta AOAM 2007 melibatkan seramai 3,363 orang mangsa yang diselamatkan dan disiasat di bawah Perintah Perlindungan Sementara/*Interim Protection Order* (IPO) serta seramai 886 orang yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta tersebut telah ditangkap; ii. daripada jumlah mangsa yang diselamatkan dan disiasat di bawah IPO, seramai 1,235 orang (36.7%) selanjutnya disiasat di bawah Perintah Perlindungan/*Protection Order* (PO); iii. sebanyak 503 (76.3%) daripada 659 kes yang disiasat telah didaftarkan di mahkamah untuk tindakan pendakwaan dengan kes yang sedang dibicarakan sebanyak 277 kes (55.1%). Bagi 226 kes (44.9%) yang telah dibicarakan dan diambil tindakan oleh mahkamah, 112 kes (49.6%) disabitkan; 88 kes (38.9%) dilepaskan dan dibebaskan/*acquitted and discharged* (DNA); 26 kes (11.5%) dilepaskan tanpa dibebaskan/*discharged not amounting to acquittal* (DNAA) dan bilangan orang kena tuduh seramai 330 orang; dan iv. bilangan dan peratusan mangsa telah disiasat di bawah IPO dan didapati tiada kes sebelum dibawa ke PO adalah 2,128 (63.3%) daripada 3,363 orang mangsa.	-
23.5.1.1.c	Semakan Audit selanjutnya terhadap statistik melibatkan satu daerah masing-masing di 5 negeri bagi 5 Agensi Penguatkuasaan menunjukkan sebanyak 12, 17 dan 22 fail kertas siasatan bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 masing-masing telah dibuka untuk disiasat di bawah Akta AOAM 2007. Daripada jumlah kertas siasatan yang dibuka tersebut, sebanyak 8, 6 dan 14 kes masing-masing selanjutnya disiasat di bawah Perintah Perlindungan Sementara/*Interim Protection Order* (IPO) manakala	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sebanyak 3 dan 4 kes disiasat di bawah Perintah Perlindungan/*Protection Order* (PO) bagi tahun 2011 dan 2012. Tiada kes disiasat di bawah PO pada tahun 2010. Seterusnya, masing-masing sebanyak satu, 6 dan 3 kes telah didakwa/dituduh pada tahun 2010, 2011 dan 2012 dengan 6 dan 2 kes telah disabitkan kesalahan pada tahun 2011 dan 2012. Tiada kes telah disabitkan kesalahan pada tahun 2010. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 10 Jun 2013 *Arahan telah dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara pada tahun 2010 bahawa semua kes yang melibatkan warga asing hendahlah diberi keutamaan untuk disiasat di bawah Akta AOAM 2007 terlebih dahulu kecuali kes bunuh, rompakan dan dadah. Seterusnya, peruntukan Perintah Perlindungan Sementara (IPO) selama tempoh 14 hari adalah untuk menentukan sama ada orang itu adalah orang yang diperdagangkan di bawah Akta AOAM 2007. Perintah Perlindungan Tetap (PO) akan dikeluarkan selepas pihak Majistret berpuas hati bahawa orang yang dibawa ke hadapannya adalah orang yang diperdagangkan dan memerlukan jagaan serta perlindungan lanjut. PO yang dikeluarkan adalah untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun bagi warga Malaysia dan tempoh tidak melebihi 3 bulan bagi warganegara asing. Oleh yang demikian, inilah yang menjelaskan perbezaan jumlah bilangan IPO dan PO. Bagi kes yang tidak dapat dituduh di bawah Akta AOAM 2007, orang yang disyaki akan dibebaskan atau dituduh melakukan kesalahan di bawah akta lain seperti Akta Kanun Keseksaan (Penal Code), Akta Imigresen 1959/63, Akta Paspot 1966, Akta Kerja 1955 dan sebagainya. Antara cabaran yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan dan pendakwaan adalah dari segi memastikan sabitan kes ialah kesukaran untuk mendapatkan kerjasama mangsa pemerdagangan orang sebagai saksi, maklumat tidak sahih dan tidak mempunyai unsur kesalahan di bawah Akta AOAM 2007.*	
23.5.1.2.a	**Laporan Pemerdagangan Manusia Oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat Terhadap Malaysia** Kegiatan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran merupakan masalah yang kian meningkat bagi rantau Asia Tenggara. Ini kerana negara di rantau tersebut merupakan jalan perantaraan yang paling mudah ditembusi untuk tiba ke negara seperti Australia, Amerika Syarikat dan Eropah. Kesukaran memantau persempadanan negara yang panjang dan kurang berpenghuni telah menyumbang kepada pilihan negara ini sebagai negara transit yang strategik oleh sindiket haram. Walaupun Malaysia lazimnya bukan negara destinasi tetapi kekerapan penggunaan Malaysia sebagai negara transit oleh sindiket pemerdagangan orang dan penyeludupan migran telah mencemarkan nama baik Malaysia. Semakan Audit terhadap Laporan TIP yang disediakan oleh JNAS menunjukkan Malaysia pernah	Malaysia telah diletakkan di Tahap 2 (Pemerhatian) dalam Laporan Tahunan Pemerdagangan Orang Tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat pada 19 Jun 2013. Ini bermakna Malaysia telah diletakkan di tahap sama untuk tempoh empat (4) tahun berturut-turut mulai 2010 – 2013. Susulan daripada laporan tersebut, T.Y.T. Luis CdeBaca, Duta Besar Amerika Syarikat mengenai Pemerdagangan Orang daripada Jabatan Negara Amerika Syarikat telah mengadakan lawatan ke Malaysia pada 29 dan 30 Julai 2013. Semasa di

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mendapat penilaian Tahap 3 pada tahun 2007 dan 2009 serta hanya menduduki Tahap 2 Senarai Pemerhatian pada tahun 2006 dan 2008. Bagi tempoh 3 tahun berturut-turut dari tahun 2010 hingga 2012, Malaysia terus kekal dinilai pada Tahap 2 Senarai Pemerhatian walaupun Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah diwujudkan dan berkuat kuasa pada bulan Februari 2008 bagi menangani masalah pemerdagangan orang di Malaysia.	Malaysia, beliau telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Timbalan Menteri Luar Negeri, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan mengadakan lawatan ke Rumah Perlindungan 5. Beliau turut berkesempatan untuk berinteraksi dengan ahli-ahli MAPO pada 30 Julai 2013 dan mencadangkan perkara-perkara berikut bagi tujuan penambahbaikan:-
23.5.1.2.b	Laporan TIP terkini oleh JNAS pada bulan Jun 2012 melaporkan Kerajaan Malaysia tidak mematuhi sepenuhnya standard minimum untuk membanteras jenayah pemerdagangan manusia. Kerajaan juga dilaporkan tidak menunjukkan peningkatan keseluruhan usaha untuk menangani pemerdagangan manusia berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun, pengecualian telah diberi daripada turun ke kedudukan Tahap 3 kerana Kerajaan mempunyai pelan bertulis yang jika dilaksanakan menunjukkan kesungguhan untuk memenuhi standard minimum membanteras pemerdagangan manusia. Kerajaan Malaysia juga didapati telah memperuntukkan sumber yang mencukupi untuk melaksanakan rancangan itu. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 10 Jun 2013 *Laporan Tahunan Pemerdagangan Orang yang disediakan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat hanya melibatkan penilaian bagi aspek pemerdagangan orang dan tidak menyentuh isu penyeludupan migran. Berdasarkan kepada trend semasa, Malaysia dikategorikan sebagai negara penerima bagi isu jenayah pemerdagangan orang manakala dikategorikan sebagai negara transit bagi jenayah penyeludupan migran. Standard minimum yang diguna pakai oleh JNAS dalam laporan penilaian tahunan pemerdagangan orang adalah berdasarkan kepada Trafficking Victim Protection Act 2000 (TVPA). Walaupun Malaysia mempunyai perundangan yang khusus mengenai jenayah ini, namun ia digubal dengan mengambil kira faktor seperti keselamatan dan ketenteraman awam, persekitaran, kesesuaian budaya termasuk untuk memelihara integriti dan kedaulatan negara. Dalam usaha berterusan untuk mempertingkat inisiatif negara bagi menangani isu ini secara holistif dan kolektif, Malaysia berusaha untuk mencapai tahap amalan terbaik di peringkat antarabangsa. Ini adalah seiring dengan saranan JNAS.*	• Fleksibiliti kepada kemudahan imigresen seperti membolehkan mangsa tinggal lebih lama di negara ini dan kebenaran bekerja melebihi tempoh 90 hari yang dinyatakan di dalam Perintah Perlindungan Tetap. • Mangsa tidak semestinya tinggal di Rumah Perlindungan dan hanya perlu hadir untuk mendapatkan khidmat sokongan seperti kaunseling dan kemudahan perubatan. • Agensi penguatkuasa, pegawai pelindung dan pendakwaraya perlu bekerjasama memberikan khidmat sokongan kepada mangsa bagi meningkatkan jumlah sabitan. • Perlu dipertingkatkan taraf MAPO ke tahap yang lebih tinggi iaitu melibatkan penyertaan Menteri-menteri daripada Kementerian / Agensi berkaitan. • Perlu lebih telus untuk menjelaskan status kes kepada mangsa. • Apa yang telah dilaksanakan oleh Malaysia boleh diperbaiki lagi bagi mencapai dan mengatasi tahap antarabangsa. • Malaysia boleh berkongsi pengalaman dengan Taiwan. • Mempertimbangkan kebenaran bekerja juga kepada mangsa pemerdagangan seksual. • Mewujudkan paradigma baru hubungan di antara Negara dan mangsa. • Penambahbaikan berterusan terhadap undang-undang berkaitan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Semasa sesi tersebut juga, MAPO telah mencadangkan supaya Malaysia dan Amerika Syarikat bekerjasama bagi menangani jenayah ini menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) di bidang jenayah rentas sempadan yang telah ditandatangani oleh kedua Negara pada Julai 2012. Ini secara tidak langsung memperlihatkan komitmen Kerajaan khususnya MAPO ke arah penambahbaikan usaha secara berterusan dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang melalui kerjasama pintar dengan negara-negara strategik seperti Amerika Syarikat. <u>Nota:</u> Terdapat saranan oleh T.Y.T. Luis CdeBaca yang memerlukan penelitian lebih lanjut kerana akan melibatkan pindaan kepada Akta AOAM 2007 seperti membenarkan mangsa pemerdagangan orang tinggal di luar daripada Rumah Perlindungan, membenarkan mangsa tinggal lebih lama di dalam Negara dan memberikan kebenaran bekerja kepada mangsa untuk tempoh melebihi 90 hari selepas tamat Perintah Perlindungan Tetap. Di samping itu, ianya juga melibatkan aspek keselamatan dan ancaman kepada mangsa seperti saranan supaya mangsa pemerdagangan seksual dibenarkan bekerja.
23.5.1.3.b	**Prestasi Kewangan Program** Walaupun program ini telah mula dilaksanakan dengan berkuatkuasanya Akta AOAM 2007 pada awal tahun 2008, semakan Audit mendapati peruntukan kewangan khusus berjumlah RM15.37 juta untuk program hanya diluluskan mulai tahun 2011. Ia diperuntukkan berdasarkan permohonan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi dan NGO yang terlibat. Daripada jumlah itu, sejumlah RM12.37 juta (80.5%) telah dibelanjakan sepanjang tahun 2011. Adalah juga didapati bagi tahun 2011, sejumlah RM8.89 juta diperuntukkan kepada JIM manakala PDRM sejumlah RM0.41 juta. JIM telah membelanjakan sejumlah RM8.57 juta (92.2%) daripada yang diperuntukkan manakala tiada maklumat perbelanjaan diperoleh daripada PDRM. Daripada sejumlah RM8.57 juta yang dibelanjakan oleh JIM, hanya sejumlah RM14,400 (0.2%) dibelanjakan untuk program AOAM. Perbelanjaan selebihnya berjumlah RM8.56 juta (99.9%) telah dilakukan oleh JIM untuk aktiviti/program sedia ada seperti kerja pembaikan di Depot Tahanan Imigresen dan pembekalan makanan PATI di Depot. Manakala JKDM hanya membelanjakan sejumlah RM57,780 (22.2%) daripada yang diperuntukkan berjumlah RM0.27 juta. Bagi tahun 2010 pula, tiada peruntukan khusus disediakan untuk program AOAM dan sebaliknya agensi berkenaan menggunakan peruntukan sedia ada di bawah aktiviti masing-masing. Maklumat perbelanjaan bagi tempoh tersebut juga tidak dapat ditunjukkan oleh semua	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kementerian/Jabatan/Agensi kecuali APMM, KPWKM, JPN dan NGO yang masing-masing melaporkan telah membelanjakan sejumlah RM200,000, RM2.30 juta, RM12,000 dan RM201,201 untuk program AOAM pada tahun 2010.	
23.5.1.3.c	Bagi tahun 2012, Sekretariat MAPO melalui KDN hanya memohon peruntukan program bagi Jabatan dan Agensi di bawah kawalannya seperti PDRM dan JIM, manakala NGO masih menggunakan baki peruntukan tahun 2011. Kementerian/Jabatan/Agensi lain yang terlibat secara langsung dengan program AOAM seperti KPWKM; KSM; Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan; JPN, JKDM dan APMM perlu memohon peruntukan untuk program ini melalui Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing. KPWKM telah mengemukakan permohonan peruntukan dan telah diluluskan. Manakala APMM dan KSM telah membelanjakan sejumlah peruntukan untuk aktiviti program AOAM dengan menggunakan peruntukan sedia ada di bawah agensi masing-masing. Pada pendapat Audit, prestasi program mengenai aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan serta perancangan dan penggunaan peruntukan program adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Selain itu, peruntukan yang diluluskan untuk tujuan membanteras pemerdagangan orang perlu dibelanjakan hanya untuk tujuan tersebut oleh Kementerian/Agensi di bawah Jawatankuasa terlibat yang diluluskan oleh Akta AOAM 2007. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 20 Mac 2013 Dan 10 Jun 2013 *Pada 1 September 2010, Kementerian Kewangan telah menyatakan bahawa setiap Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menangani jenayah pemerdagangan orang hendaklah mendapatkan peruntukan bagi membiayai aktiviti mereka daripada Kementerian/Agensi masing-masing. Oleh itu, Sekretariat MAPO telah mengeluarkan surat bertarikh 6 September 2010 kepada semua jawatankuasa di bawah MAPO bagi memaklumkan perkara tersebut. Setakat ini, hanya KDN dan KPWKM yang diluluskan peruntukan khusus bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang. Pada tahun 2011, Kementerian Kewangan telah menyalurkan peruntukan secara one-off kepada semua agensi penguatkuasaan termasuk kepada KPKK dan Jabatan Peguam Negara (AGC). Bagi tahun 2012 dan berikutnya, agensi penguatkuasaan yang bukan di bawah naungan KDN seperti KDRM, APMM, JTK telah memohon peruntukan di bawah aktiviti penguatkuasaan yang turut merangkumi aktiviti membanteras pemerdagangan orang dan penyeludupan migran daripada Perbendaharaan tetapi tidak mendapat kelulusan. Ini menyebabkan kekangan kepada agensi tersebut untuk melaksanakan tugasan secara efektif kerana hanya menggunakan peruntukan sedia ada jabatan. KPKK dan AGC juga menghadapi*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	masalah yang sama kerana terpaksa menggunakan peruntukan sedia ada kementerian/jabatan bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Ekoran keadaan tersebut juga, KPKK dan agensi di bawahnya terpaksa menggunakan saluran media yang ada seperti melalui siaran televisyen dan radio RTM dan BERNAMA bagi tujuan kempen kesedaran.	
23.5.2.2.a	**Pelaksanaan Mekanisme Perundangan** Walaupun Kerajaan Malaysia ada mendakwa dan menghukum pesalah pemerdagangan seks namun ia tidak menunjukkan kemajuan dalam usaha untuk menghukum mereka yang mengeksploitasi orang lain sebagai buruh paksa.	Jabatan Peguam Negara melalui suratnya bertarikh 23 Julai 2013 berpandangan bahawa mangsa-mangsa pemerdagangan dalam kategori kerja paksa (forced labour) yang menjurus kepada kes-kes pertikaian berkenaan tiada bayaran gaji oleh majikan dan tidak melibatkan kecederaan fizikal terhadap mangsa wajar diberikan kebenaran bekerja. Namun begitu, mereka adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkaitan seperti Akta Kerja 1955, Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966. Dalam melaksanakan keputusan ini, rundingan lanjut dengan semua pihak yang berkaitan perlu diadakan. Semakan telah dibuat dengan Kementerian Sumber Manusia di mana pendaftaran oleh Syarikat-syarikat Outsourcing di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta (APS) 1981 boleh dilaksanakan tanpa memerlukan pindaan kepada Akta sedia ada.
23.5.2.2.b	Banyak kes pendakwaan yang tertangguh dengan proses pendakwaan sehingga membawa kepada pelepasan dan pembebasan terus kekal tinggi. Rujukan kepada Minit Mesyuarat MAPO mendapati sehingga bulan Disember 2012, sebanyak 277 kes (55.1%) masih di peringkat perbicaraan daripada 503 kes yang didaftarkan untuk pendakwaan/pertuduhan manakala daripada 226 kes yang telah dibicarakan di mahkamah, sebanyak 114 kes (50.4%) telah dilepas dan dibebaskan atau dilepas tanpa dibebaskan (DNA atau DNAA). Perkara ini dikaitkan dengan banyaknya kes untuk disebut dan dibicarakan di mahkamah menyebabkan banyak kes tertangguh sepertimana yang dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Perundangan. Semakan Audit terhadap 423 fail maklumat mangsa di semua Rumah Perlindungan (RP) mendapati terdapat mangsa ditempatkan di RP sehingga selama 665 hari. Manakala melalui surat daripada Jabatan Peguam Negara kepada pihak mahkamah menyebut pihak pendakwaan kadangkala berhadapan dengan kesukaran untuk meneruskan kes di bawah Akta AOAM 2007 kerana berlaku kelemahan di pihak hakim mahkamah/majistret dalam memahami dan mematuhi peruntukan Akta. Ekoran itu, Jawatankuasa Perundangan telah memutuskan supaya mengadakan kursus khas kepada Majistret sebagai satu pendedahan terhadap Akta AOAM untuk mengelak Majistret membuat keputusan yang kurang tepat. Selain itu, dalam mesyuarat Jawatankuasa Perundangan juga memaklumkan tiada *platform* disediakan untuk tujuan perbincangan atau membuat *post mortem* berkenaan kes pemerdagangan orang yang gagal disabitkan di mahkamah.	
23.5.2.2.c	Kurangnya insentif bagi mangsa untuk mengambil bahagian dalam penyiasatan dan pendakwaan juga menyumbang kepada banyak kes tidak dapat disiasat dengan sempurna seterusnya tidak dapat dibawa untuk pertuduhan. Adalah didapati JPN akan memberi arahan untuk membuat pertuduhan sekiranya Agensi Penguatkuasaan memajukan kertas siasatan bersama keterangan. Oleh yang demikian, siasatan kes perlu dibuat dengan mendalam, sempurna dan lengkap bagi memastikan keterangan yang menyeluruh dapat disediakan, dibawa untuk pertuduhan dan pada akhirnya kes disabitkan dan pesalah dihukum.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.2.2.d	Kerajaan telah dikritik kerana masih gagal mengambil tindakan pendakwaan jenayah terhadap 42 syarikat *outsourcing* yang mana lesen mereka hanya digantung kerana terlibat dalam aktiviti pemalsuan dokumen dan menyenaraikan majikan palsu. Pada pendapat Audit, pelaksanaan mekanisme perundangan perlu dipertingkatkan khususnya berhubung kefahaman dan persefahaman di kalangan pegawai penguat kuasa, pegawai penyiasat, pihak pendakwa raya dan pihak mahkamah dalam menguatkuasakan Akta AOAM 2007. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 20 Mac 2013 Dan 10 Jun 2013 *Sejak Akta Antipemerdagangan Orang 2007 mula berkuat kuasa pada 28 Februari 2008, Sekretariat MAPO telah menganjurkan sesi bina upaya seperti kursus, bengkel, sesi dialog, forum di peringkat domestik dan antarabangsa untuk meningkatkan kefahaman dan persefahaman di kalangan pegawai penguat kuasa, pegawai penyiasat, pihak pendakwa raya dan pihak mahkamah. Sebagai contoh, Sekretariat MAPO merancang untuk mengadakan sesi dialog di setiap negeri pada tahun 2013. Satu sesi dialog telah diadakan di Kuantan, Pahang pada 20 Januari 2013.* *Pihak Sekretariat dengan kerjasama pihak Jabatan Peguam Negara juga telah menganjurkan Bengkel Penambahbaikkan Akta AOAM 2007 pada 4 hingga 6 Februari 2013 di Melaka bagi tujuan memperkasakan Akta tersebut dalam menghadapi cabaran/ancaman pada masa kini dan akan datang oleh jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Antara perkara yang telah diberikan perhatian ialah mengenai peluang pekerjaan kepada mangsa pemerdagangan buruh yang tidak memerlukan perlindungan dan penjagaan secara lebih lanjut. Dalam hal ini, mangsa tidak akan ditempatkan di Rumah Perlindungan. Namun begitu, beberapa syarat akan dikenakan. Cadangan mengenai perkara ini sedang diteliti daripada aspek perundangan oleh Jabatan Peguam Negara. Aspek bayaran pampasan kepada mangsa juga akan dilaksanakan di mana ianya boleh diselaraskan dengan Seksyen 426 Kanun Keseksaan.* *Seterusnya, bagi memantapkan aspek penguatkuasaan dan perlindungan, Manual Prosedur Kerja bagi semua agensi penguatkuasaan telah diluluskan oleh Mesyuarat MAPO pada 28 Februari 2013 manakala KPWKM pula akan menganjurkan satu bengkel khas pada bulan Julai 2013 untuk memuktamadkan Peraturan Rumah Perlindungan. Malahan, KPWKM juga telah bekerjasama dengan pihak NGO mengenai pengurusan kes termasuk penyediaan khidmat penterjemahan kepada mangsa warga asing.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Polisi di Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara bagi kes berkaitan dengan Akta AOAM 2007 adalah supaya ianya sentiasa dipantau bagi dipercepatkan prosiding di mahkamah tanpa menjejaskan Orang Kena Tuduh/orang yang diperdagangkan (mangsa). Pihak Pendakwaan tidak dibenarkan untuk memohon penangguhan tanpa alasan yang munasabah. Kebanyakan penangguhan yang berlaku adalah disebabkan oleh pihak peguambela OKT dan ketiadaan jurubahasa selain menunggu tarikh perbicaraan yang ditetapkan oleh pihak mahkamah. Melalui keputusan Mesyuarat MAPO Bil. 10/2011, Mahkamah Khas bagi kes pemerdagangan orang telah diwujudkan. Manakala melalui Mesyuarat MAPO Bil. 12/2011, pihak mahkamah juga telah memperkenalkan kod khas bagi kes AOAM iaitu 61AT dan 62AT supaya perbicaraan kes dapat dipercepatkan. Bagi kes yang melibatkan jumlah mangsa yang ramai pula, hanya beberapa orang mangsa sahaja yang perlu dipanggil untuk dirakam keterangannya di bawah Seksyen 52 Akta AOAM 2007. Ianya bertujuan supaya mangsa tidak perlu berada di Malaysia untuk tempoh masa yang lama sebelum dihantar pulang ke negara asal mereka. *Jabatan Peguam Negara turut terlibat untuk memberikan ceramah berkaitan Akta AOAM 2007 kepada pihak mahkamah dalam usaha berterusan supaya kes berkaitan AOAM dapat difahami secara lebih mendalam dan jelas. Pada 27 September 2011, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan telah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat MAPO Bil. 9/2012 bagi menunjukkan komitmen pihak mahkamah untuk bekerjasama dengan pihak MAPO dalam pengendalian kes yang membabitkan Akta AOAM 2007. Pada 20 September 2012, pihak Jabatan Peguam Negara dan MAPO telah membuat pertemuan dengan pihak mahkamah untuk mengemukakan kesemua masalah yang dihadapi dengan pihak mahkamah. Secara dasarnya, melalui mesyuarat tersebut, adalah dipersetujui bahawa kursus khas kepada pihak mahkamah berkaitan dengan Akta AOAM 2007 akan dilaksanakan pada tahun 2013.* *MAPO juga menyedari mengenai keperluan memberikan lebih insentif kepada mangsa bagi memberikan keterangan/saksi di Mahkamah dan seterusnya dapat meningkatkan sabitan kes. Antara cadangan insentif ialah dengan cara memberi peluang pekerjaan kepada mangsa pemerdagangan buruh serta bayaran pampasan kepada mangsa.* *Pihak Jabatan Peguam Negara juga seterusnya mengambil maklum mengenai keperluan menyediakan platform untuk tujuan perbincangan atau post mortem dan akan mempertimbangkan cadangan ini untuk kes di bawah Akta AOAM 2007 yang gagal disabitkan di masa akan datang. Bagi kegagalan mengambil pendakwaan jenayah terhadap 42 syarikat outsourcing, dimaklumkan sekiranya kes tersebut dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara, pihak pendakwaan akan membuat kajian terhadap kes tersebut. Sekiranya terdapat cukup keterangan dan bukti untuk*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mendakwa syarikat outsourcing berkenaan, tindakan sewajarnya akan diambil. Pada masa ini, permohonan untuk pelantikan syarikat outsourcing yang baru telah dibekukan dan syarikat outsourcing sedia ada tidak lagi dikategorikan sebagai majikan. Manakala Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses membuat pindaan kepada Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (APS 1981) bagi membolehkan syarikat outsourcing diletakkan di bawah APS 1981. Ini adalah bagi membolehkan pemantauan dan kawal selia dilaksanakan ke atas syarikat outsourcing.	
23.5.3.1	**Tindakan Bersepadu Agensi Penguatkuasaan** Tindakan bersepadu di kalangan Agensi Penguatkuasaan terutamanya yang melibatkan pertukaran maklumat, kawalan di pintu masuk negara, pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan adalah perlu bagi memastikan mangsa pemerdagangan orang diberikan perlindungan yang sewajarnya; mereka yang melakukan jenayah ini diberi hukuman setimpal; dan memberi fokus kepada koordinasi semasa melakukan operasi dan aktiviti serbuan rambang. Agensi Penguatkuasaan juga perlu menyediakan sistem yang mudah bagi membolehkan orang ramai membuat laporan tentang jenayah ini dengan cepat. Sistem laporan dan perkhidmatan talian *hotline* perlu bersifat mesra pelanggan dan efisien. Selain itu, data/maklumat yang bersepadu termasuk statistik dan laporan perlu dikemukakan kepada MAPO oleh Agensi Penguatkuasaan. Beberapa perkara yang disemak dan ditemui berhubung Agensi Penguatkuasaan adalah seperti berikut:- a. Jawatankuasa Penguatkuasaan telah ditubuhkan dan diterajui oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dengan ahlinya terdiri daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Semua agensi ini adalah Agensi Penguatkuasaan yang dilantik oleh MAPO melalui mandat dalam Akta AOAM 2007. Jawatankuasa perlu bermesyuarat 2 kali sebulan antara lain sebagai forum untuk membincang dan menyelesaikan permasalahan berbangkit berhubung penguatkuasaan terhadap Akta ini. Mesyuarat ini memberi ruang dan peluang untuk Agensi Penguatkuasaan menyelaraskan aktivitinya; mengemaskini statistik dan perkembangan semasa; mengenal pasti isu dan strategi bagi memperkasakan aktiviti penguatkuasaan; dan berkongsi maklumat, pembelajaran, pengalaman dan permasalahan berhubung penguatkuasaan Akta serta mengusahakan inisiatif penambahbaikan. b. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Penguatkuasaan telah bermesyuarat sebanyak 6 dan 4 kali masing-masing bagi tahun 2010 dan 2011 serta sebanyak 2 kali dalam tahun 2012 iaitu pada 8 Februari dan 24 Disember 2012. c. Statistik penguatkuasaan dan siasatan kes AOAM oleh JTK setakat tarikh	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pengauditan menunjukkan sebanyak 10 kes sahaja disiasat. Manakala sepanjang tempoh tahun 2010 hingga 2012, JKDM pula hanya menyiasat 2 kes AOAM dan tiada pendakwaan terhadap kes yang disiasat. d. Kes buruh tidak banyak dilaporkan walaupun pihak kedutaan Amerika Syarikat banyak menerima aduan mengenai kes eksploitasi perkhidmatan dan kerja paksa. Dikatakan kebanyakan kes tersebut tidak dibawa ke mahkamah dan ini tidak menggambarkan perkara yang sebenar berlaku.	
23.5.3.2	Semakan Audit mendapati antara faktor yang menjejaskan pencapaian prestasi pelaksanaan penguatkuasaan Akta AOAM adalah seperti berikut:- a. Berlaku pertambahan tugas hakiki pegawai penguat kuasa di Agensi Penguatkuasaan dengan berkuatkuasanya Akta AOAM 2007. Pegawai penguat kuasa berkenaan sedia ada dengan tugas hakiki untuk menguatkuasakan Akta di bawah Agensi masing-masing yang perlu dilaksanakan mengikut *key performance indicator* (KPI) yang ditetapkan. Namun, tiada pertambahan perjawatan diluluskan bagi maksud tersebut. Semakan Audit terhadap pencapaian prestasi pelaksanaan aktiviti oleh 5 Agensi Penguatkuasaan bagi 5 negeri yang dilawati mengikut bidang dan di bawah Akta masing-masing adalah jauh lebih tinggi berbanding aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta AOAM 2007. b. Bengkel, seminar dan kursus berkaitan AOAM ada dianjurkan oleh Agensi Penguatkuasaan untuk memberi pendedahan serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepada pegawainya. Pemahaman yang mendalam serta pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam menguatkuasakan Akta boleh membawa kepada penemuan kes pemerdagangan orang dan mangsa sebenar dapat dilindungi. Berdasarkan maklum balas soal selidik yang diterima daripada 679 orang pegawai penguat kuasa dari 5 Agensi Penguatkuasaan melibatkan satu daerah yang dilawati menunjukkan seramai 497 orang (73.2%) faham dan jelas dengan tanggungjawab menguatkuasakan Akta AOAM 2007. Analisis Audit selanjutnya menunjukkan pegawai penguat kuasa di PDRM mempunyai tahap kefahaman yang tinggi iaitu sebanyak 82.4% diikuti dengan JTK sebanyak 79.1%; JIM sebanyak 74.6%; APMM sebanyak 65.9%; dan JKDM sebanyak 62%. Namun, temu bual pihak Audit dengan pegawai penguat kuasa 5 Agensi Penguatkuasaan yang dilawati tersebut menyatakan mereka masih kurang diberi pendedahan berkaitan AOAM dan masalah ini juga kerap dibangkitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa berkaitan. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa berkenaan ada disentuh mengenai pegawai penguat kuasa tidak membuat saringan yang teliti terhadap mangsa semasa operasi penguatkuasaan Akta serta tidak menjalankan siasatan dengan teratur dan lengkap semasa proses penyiasatan. Seterusnya didapati banyak kes digugurkan sama ada di peringkat siasatan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mahupun di peringkat pendakwaan. Daripada 3,363 mangsa yang diselamatkan, seramai 2,128 (63.3%) mangsa dibebaskan manakala sebanyak 114 daripada 226 kes (50.4%) yang dibicarakan, telah dilepas dan dibebaskan (DNA) atau dilepas tanpa dibebaskan (DNAA). Manakala daripada sebanyak 255 kes PO yang disiasat, sebanyak 159 kes (62.4%) tidak mendapat izin Timbalan Pendakwa Raya untuk pendakwaan/pertuduhan kerana bukti kes tidak mencukupi. c. Kekangan peruntukan untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta AOAM 2007 di mana agensi menggunakan peruntukan masing-masing bagi aktiviti sedia ada untuk melaksanakan program AOAM. d. Kekurangan Rumah Perlindungan (RP) dan kedudukan RP di lokasi yang tidak strategik untuk menempatkan dan melindungi mangsa kes pemerdagangan orang. e. Pemahaman yang mendalam dan jelas perlu ada untuk mengendali dan membicarakan kes pemerdagangan orang dan penyeludupan migran supaya mangsa yang sebenar dilindungi manakala penjenayah dapat didakwa dan dihukum sewajarnya.	
23.5.3.3	Berdasarkan Laporan TIP bulan Jun 2012 yang dikeluarkan oleh JNAS, Kerajaan Malaysia telah disarankan untuk meningkatkan tindakan penguatkuasaan Akta AOAM 2007 dengan usaha seperti berikut:- a. membangun dan melaksanakan prosedur untuk mengenal pasti mangsa pemerdagangan buruh; b. meningkatkan latihan untuk pegawai berkenaan pengendalian yang berkesan dalam kes pemerdagangan seks dan buruh; c. meningkatkan latihan untuk mengenal pasti mangsa/*victim identification* pemerdagangan buruh; d. memperbaiki usaha mengenal pasti mangsa pemerdagangan manusia tidak diugut atau dihukum bagi jenayah yang dilakukan akibat diperdagangkan. Pada pendapat Audit, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan khususnya berkenaan tindakan bersepadu di kalangan Agensi Penguatkuasaan; aspek kekerapan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa, pertambahan tugas hakiki pegawai penguat kuasa dengan berkuatkuasanya Akta	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	AOAM 2007 dengan tiada pertambahan perjawatan diluluskan; pendedahan pengetahuan dan kemahiran terhadap pelaksanaan Akta; serta kekangan peruntukan Kementerian/Jabatan/ Agensi berkaitan. Selain itu, pendedahan pengetahuan dan kemahiran terhadap pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta perlu diberikan kepada semua pegawai penguat kuasa di semua agensi penguatkuasaan. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 20 Mac 2013 Dan 10 Jun 2013 *Jawatankuasa Penguatkuasaan di bawah MAPO sentiasa berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan jenayah eksploitasi seks ini dapat dibendung. Ini dapat dibuktikan daripada statistik Jawatankuasa Penguatkuasaan bertarikh sehingga 31 Januari 2013 di mana terdapatnya peningkatan penguatkuasaan untuk kes eksploitasi seks sebanyak 102 kes berbanding dengan 52 kes bagi tahun 2011. Pada masa yang sama, KDN juga telah mengadakan kerjasama di peringkat antarabangsa dengan negara antaranya Republik Rakyat Cina dengan memuktamadkan Perjanjian Dalam Membanteras Jenayah Rentas Sempadan. Elemen kerjasama merangkumi pemerdagangan orang di mana ramai warga Cina yang menyalahgunakan pas lawatan sosial/pas pelajar semasa berada di Malaysia dengan melibatkan diri dalam aktiviti maksiat termasuk pelacuran. PDRM pula yang mengetuai Jawatankuasa Penguatkuasaan telah melaksanakan satu tindakan proaktif dengan menganjurkan Persidangan Agensi Penguatkuasaan bagi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2012 yang melibatkan 5 agensi penguatkuasaan; Unit Pencegah Penyeludupan; Pasukan Polis Marin dan pegawai perhubungan di bawah program AOAM daripada setiap Kontinjen. Ini adalah satu platform untuk berkongsi maklumat dan mewujudkan contact person dalam usaha untuk menjalankan tindakan bersepadu khususnya di kawasan sempadan.* *Jawatankuasa Penguatkuasaan mengambil maklum akan teguran pihak Audit mengenai Mesyuarat Jawatankuasa yang perlu diadakan mengikut ketetapan dan akan mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali setahun bagi membincang dan menyelesaikan sebarang perkara atau permasalahan berbangkit oleh Agensi Penguatkuasaan iaitu pada Mac, Jun, Ogos dan Oktober. Selain itu, PDRM telah melantik 14 orang pegawai pakar mengenai Akta AOAM 2007 pada bulan November 2012 untuk menjadi focal person di peringkat negeri manakala JTK pula telah melantik 57 orang pegawai tenaga kerja mulai bulan Disember 2012 bagi menjadi pakar rujuk bagi kes pemerdagangan buruh di Semenanjung Malaysia. Agensi penguatkuasaan lain di bawah MAPO dicadangkan untuk mengambil langkah yang sama.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Selain itu, Sekretariat MAPO juga telah menganjurkan sesi bina upaya seperti kursus, bengkel, sesi dialog, forum di peringkat domestik dan antarabangsa untuk meningkatkan kefahaman dan persefahaman di kalangan pegawai penguat kuasa namuan ianya tidak melibatkan semua pegawai penguatkuasa di bawah sesuatu agensi dan hanya tertumpu kepada pegawai penguatkuasa yang terlibat dengan tugas penyiasatan dan pendakwaan serta pegawai khas yang menjalankan tugas AOAM di peringkat negeri.	
23.5.4.1	**Kesedaran Awam Melalui Usaha Pencegahan** Salah satu strategi utama untuk mencegah dan membanteras jenayah dalam pemerdagangan orang ialah dengan mengadakan program kesedaran awam bagi mewujudkan masyarakat yang maklum, bertanggungjawab dan responsif terhadap jenayah ini. Program kesedaran awam secara besar-besaran perlu dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai medium komunikasi untuk memberi kesedaran dan mendidik orang ramai mengenai bahaya jenayah pemerdagangan orang termasuk implikasinya kepada hak asasi manusia dan keselamatan negara. Kempen kesedaran awam perlu menyentuh mengenai hak asasi manusia serta perlindungan kepada mangsa dan hukuman kepada penjenayah. Adalah penting program kesedaran dan pencegahan dikoordinasikan bagi memastikan pelaksanaan yang lebih baik dan berkesan.	-
23.5.4.2	Sehubungan itu, Kerajaan melalui MAPO telah menubuhkan Jawatankuasa Media Dan Publisiti yang diterajui oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan. Jawatankuasa ini berfungsi untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan golongan sasaran tentang isu pemerdagangan orang; meningkatkan penyertaan, sokongan dan kerjasama agensi, persatuan, badan-badan bukan Kerajaan dan rakyat Malaysia pada semua peringkat dalam usaha membanteras pemerdagangan orang; serta mencegah dan membanteras penglibatan rakyat dalam aktiviti jenayah pemerdagangan orang. Kaedah komunikasi yang dilaksanakan adalah melalui komunikasi media elektronik, bersemuka, media cetak, visual dan komunikasi media baru.	
23.5.4.3	Adalah didapati Kerajaan memperoleh sokongan kuat daripada NGO yang dilantik oleh MAPO terutamanya daripada National Council Of Women's Organization (NCWO) yang banyak menganjurkan kempen kesedaran kepada orang awam dan Agensi Penguatkuasaan. Analisis Audit terhadap borang soal selidik yang diterima daripada 556 orang awam dalam kempen kesedaran anjuran NCWO di Pahang dan Pulau Pinang menunjukkan seramai 457 orang (82.2%) tahu mengenai isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Bagaimanapun, hanya seramai 106 orang (19.1%) mempunyai pengetahuan berhubung dengan penguatkuasaan Akta AOAM 2007. Analisis Audit selanjutnya menunjukkan medium komunikasi	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	paling berkesan dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap isu ini adalah melalui televisyen [447 orang(80.4%)], pengiklanan di surat khabar [160 orang (28.8%)] dan poster awam [138 orang (24.8%)]. Selain itu, seramai 472 (84.9%) daripada 556 orang menyatakan kempen kesedaran dan publisiti yang dijalankan telah memberi informasi yang berkesan dalam meningkatkan kesedaran awam berhubung isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.	
23.5.4.4	Institut Kajian Malaysia Dan Antarabangsa (IKMAS-UKM) turut terlibat dalam meningkatkan kesedaran para pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Program ini dilaksanakan melalui kempen dan kajian penyelidikan terhadap tahap kesedaran golongan tersebut melalui pengedaran borang soal selidik. Penyertaan dan penglibatan lain-lain NGO seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia (MKKM) dan Coalition To Abolish Modern-Day Slavery In Asia (CAMSA) dalam isu/masalah pemerdagangan orang dan pembentangan kertas kerja oleh pihak berkenaan menunjukkan jalinan kerjasama yang baik antara Kerajaan dan NGO. Selain itu, penglibatan NGO yang tidak dilantik oleh MAPO seperti TENAGANITA dalam mesyuarat Jawatankuasa Perundangan serta Jawatankuasa Perlindungan Dan Pemulihan Mangsa Pemerdagangan Orang juga telah menunjukkan keterbukaan dan kesungguhan Kerajaan Malaysia dalam usaha menangani masalah/isu ini sekaligus menyangkal dakwaan sekatan terhadap NGO yang bukan ahli MAPO untuk turut serta dalam usaha tersebut.	
23.5.4.5	Sebagai langkah mengawal selia pengambilan tenaga kerja asing yang boleh menjurus kepada masalah buruh paksa, Kerajaan telah mengadakan Memorandum of Understanding (MoU) dengan beberapa buah negara sumber iaitu Cambodia, Thailand, Laos, Vietnam, Myanmar, India, China termasuk satu MoU spesifik mengenai pengambilan dan penempatan pembantu rumah dengan Kerajaan Indonesia. Terkini, Kerajaan telah menandatangani MoU dengan Kerajaan Bangladesh. Selain itu, Kerajaan juga telah meminda Akta Kerja 1955 yang mengambil kira kepentingan pekerja di mana bayaran gaji hendaklah dibayar melalui bank yang dibuka atas nama pekerja berkenaan.	
23.5.4.6	Seterusnya, semakan Audit terhadap maklumat pendakwaan dan sabitan berhubung bentuk hukuman untuk 102 kes yang telah disabitkan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 menunjukkan tiada kes telah dikenakan hukuman maksimum seperti yang diperuntukkan di dalam Akta. Sebagai contoh, bagi kesalahan di bawah Seksyen 12, Akta AOAM 2007, hukuman maksimum yang boleh dikenakan adalah penjara selama 15 tahun dan didenda. Adalah didapati sebanyak 22 daripada 31 kes (71%) yang disemak, telah dikenakan hukuman antara 3 hingga 5 tahun penjara iaitu hanya antara 20% hingga 33.3% daripada tempoh hukuman maksimum dan tiada denda dikenakan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, Kerajaan melalui Jawatankuasa Media Dan Publisiti dan juga NGO telah berusaha dengan baik untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang melalui usaha-usaha pencegahan dengan mengadakan program kesedaran awam. Namun, Jawatankuasa Perundangan boleh mempertimbangkan untuk meminda Akta AOAM 2007 supaya pengenaan hukuman mandatory terhadap kesalahan memperdagangkan orang dapat diadakan, juga sebagai satu usaha pencegahan. Maklum Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 10 Jun 2013 *Kempen kesedaran dan promosi yang berkesan akan memberi impak yang positif terhadap usaha Kerajaan untuk membanteras pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Susulan Memorandum of Understanding yang telah ditandatangani dengan Kerajaan Bangladesh, 3 peringkat kemasukan pekerja asing warga Bangladesh menerusi G to G telah dilaksanakan pada bulan April 2013. Manakala keputusan pihak mahkamah adalah budi bicara hakim/majistret mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.*	
23.5.5.3	**Pengurusan Perlindungan Dan Pemulihan Mangsa** Semakan Audit mendapati setakat ini Malaysia hanya mempunyai 4 Rumah Perlindungan (RP) yang diwartakan dengan kapasiti yang agak terhad dan terletak di lokasi yang tidak strategik bagi menempatkan dan melindungi mangsa pemerdagangan yang diselamatkan di seluruh Malaysia. Tiga daripada RP tersebut terletak di bawah tanggungjawab KPWKM manakala satu di bawah KDN.	Rumah Perlindungan baru di Johor telah mula menerima kemasukan pertama seramai 51 mangsa pemerdagangan orang (wanita) pada 29 Julai 2013. Pada masa yang sama, Rumah Perlindungan di Rembau bagi mangsa kanak-kanak akan diwartakan dalam masa terdekat.
23.5.5.4.g	Hanya dua daripada tiga RP mendapat sesi perkhidmatan kaunseling daripada kaunselor berkelayakan di bawah JPW walaupun tidak mematuhi jadual yang ditetapkan. Kaunselor di bawah JKM yang ditugaskan untuk memberikan perkhidmatan kaunseling di RP 2 tidak pernah mengadakan sesi kaunseling di RP berkenaan. Manakala tiada kaunselor ditugaskan di RP 4.	Tarikh pelaksanaan Projek Rintis Rumah Perlindungan oleh NGO telah ditangguhkan ke Oktober 2013. Ini adalah kerana kerja-kerja pengubahsuaian kepada Rumah Perlindungan tersebut yang terletak di Subang, Damansara.
23.5.5.4.h	Perkhidmatan kaunseling adalah penting bagi memulihkan emosi mangsa yang mampu meningkatkan kerjasama mangsa dalam proses penyiasatan dan pendakwaan. Semakan Audit terhadap rekod mangsa yang berstatus PO di empat RP mendapati 39 daripada 86 kes (45.3%); 61 daripada 100 kes (61%); dan 59 daripada 69 kes (85.5%) masing-masing bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 tidak dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya. Ini kerana siasatan terhadap kes berkenaan tidak dapat diteruskan disebabkan oleh ketiadaan/kekurangan bukti untuk mensabitkan pesalah kerana mangsa enggan untuk bekerjasama dalam proses siasatan. Temu bual dengan mangsa di RP Wanita Likas, Sabah juga mendapati	KPWKM telah mengadakan kerjasama dengan sebuah badan bukan kerajaan, CAMSA untuk mengadakan pengurusan kes bagi mangsa-mangsa pemerdagangan orang di RP5 termasuk menyediakan perkhidmatan penterjemah bagi mangsa-mangsa dari Vietnam dan Kemboja. Tempoh kerjasama ini adalah selama enam (6) bulan mulai 2 Mei 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mangsa tidak faham mengenai proses perundangan yang dikenakan terhadap mereka dan telah menjadi penghalang kepada mereka untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa.	
23.5.5.4.I	Mangsa yang diselamatkan dan ditempatkan di RP perlu diperiksa tahap kesihatannya. Semakan Audit di semua RP menunjukkan mangsa tidak dibuat pemeriksaan awal kesihatan kecuali apabila diperlukan. Ini kerana kekangan pegawai perubatan yang perlu disediakan di RP oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pihak RP pula menghadapi masalah untuk membawa mangsa ke pusat kesihatan setiap kali mangsa dimasukkan ke RP kerana kekurangan pegawai pelindung dan kenderaan serta sukar mendapat khidmat polis pengiring. Selain itu, pihaknya juga sukar mendapatkan kerjasama daripada pihak hospital/klinik bagi menyediakan *fastlane* untuk pemeriksaan kesihatan mangsa.	
23.5.5.4.j	Semua RP menyediakan jurubahasa/penterjemah mengikut keperluan. Bagaimanapun, RP menghadapi masalah untuk mendapatkan jurubahasa. Bagi mengatasi masalah ini RP telah mendapatkan jurubahasa/penterjemah melalui kerjasama dengan NGO dan juga pihak kedutaan mangsa. Berdasarkan kepada penemuan Audit di atas, beberapa isu adalah selaras dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak JNAS dalam Laporan TIP terhadap Kerajaan Malaysia berhubung pengurusan perlindungan dan pemulihan mangsa yang meletakkan Malaysia pada Tahap 2 Senarai Pemerhatian bagi tempoh 3 tahun berturut-turut dari tahun 2010 hingga 2012. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 20 Mac 2013 Dan 10 Jun 2013 *Kerajaan sedang dalam usaha untuk melaksanakan Projek Rintis (Pilot Project) bagi rumah perlindungan (RP) yang diuruskan sepenuhnya oleh NGO. Perbincangan awal telah diadakan dan ia dijangka dapat dilaksanakan pada bulan Julai 2013. Kerajaan telah mewartakan satu RP baru di Bukit Senyum, Johor Bahru pada 2 Januari 2013 dan dalam proses untuk pewartaan satu lagi RP di Johor.* *Ciri-ciri keselamatan seperti tembok yang tinggi, kawat berduri dan pagar elektrik yang terdapat di RP merupakan langkah keselamatan yang diambil untuk tujuan melindungi mangsa pemerdagangan orang terutamanya daripada gangguan sindiket jenayah termasuk keselamatan mangsa dan kakitangan RP. KPWKM turut mengambil maklum akan pandangan pihak Audit dan telah mengambil langkah untuk menghijaukan kawasan RP terutamanya di bahagian pagar/tempok tinggi supaya*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dilihat lebih seperti tempat kediaman dari dalam dan luar kawasan. Berdasarkan peruntukan Akta AOAM 2007, mangsa yang ditempatkan di RP memerlukan penjagaan dan perlindungan dengan lebih lanjut. Justeru, segala tindakan yang diambil tidak boleh bercanggah dengan peruntukan seperti yang termaktub di dalam Akta tersebut. Malahan, kebanyakan daripada mangsa pemerdagangan orang adalah warga asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Oleh yang demikian, pergerakan mereka adalah terhad. Susulan daripada Bengkel Penambahbaikkan Akta AOAM 2007 pada 4 hingga 6 Februari 2013 di Melaka, ada cadangan untuk membenarkan mangsa pemerdagangan buruh yang tidak memerlukan perlindungan dan penjagaan secara lebih lanjut untuk bekerja. Dalam hal ini, mangsa tidak akan ditempatkan di RP namun beberapa syarat akan dikenakan. Cadangan mengenai perkara ini sedang diteliti dari aspek perundangan oleh Jabatan Peguam Negara. *Kaunselor yang ditugaskan untuk memberi perkhidmatan di RP pula merupakan kaunselor daripada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang turut mempunyai tugas kaunseling di ibu pejabat. Kekangan kekurangan kaunselor menyebabkan kadangkala perkhidmatan kaunseling di RP tidak mengikut jadual. Perkara ini telah diambil maklum dan bantuan daripada kaunselor NGO turut diperoleh untuk mengatasi masalah ini. Selain itu, KPWKM sedang mengenal pasti kaunselor daripada NGO, universiti dan institusi berkaitan untuk bekerjasama memberikan perkhidmatan kaunseling di RP.* *Selain itu, KPWKM mengambil maklum akan kepentingan membuat saringan kesihatan awal bagi mangsa yang baru diterima di RP. -Bagaimanapun, perkara ini memerlukan kerjasama agensi lain untuk memastikan pemeriksaan ini lebih kerap dilaksanakan memandangkan kekangan pegawai perubatan untuk menjalankan pemeriksaan di RP. Cadangan supaya pihak Kementerian Kesihatan Malaysia memanjangkan penyediaan fastlane bagi tujuan pelaksanan pemeriksaan awal mangsa pemerdagangan orang dan penyeludupan migran adalah sebagai penambahbaikan ke atas usaha memastikan kesejahteraan mangsa sentiasa diberi perhatian. Selain itu, penyelarasan mengenai keperluan mendapatkan pemeriksaan kesihatan berkala ke atas mangsa di RP dengan klinik kesihatan berdekatan telah dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Seterusnya, KPWKM akan melaksanakan satu bengkel pada bulan Julai 2013 bagi memuktamadkan Peraturan RP yang akan turut merangkumi aspek kesihatan mangsa. Saringan mangsa di RP 1/5 telah bermula pada bulan Januari 2013. Saringan kesihatan (HIV/AIDS) akan diteruskan dengan kerjasama Malaysian AIDS Council dan pertubuhan tersebut sedang merencanakan jadual khusus di RP tersebut.* *Dimaklumkan juga JPW mendapatkan khidmat penterjemah daripada NGO seperti CAMSA serta IOM dan juga daripada kakitangan jabatan sendiri. JPW akan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mengeluarkan satu emel kepada NGO dan kakitangan yang berminat untuk menjadi penterjemah. Mulai bulan Januari 2013, pihak CAMSA membantu menyediakan khidmat penterjemah bagi warganegara Cambodia dan Vietnam. Bagaimanapun, usaha terus dijalankan bagi mendapatkan khidmat penterjemah bagi lain-lain bahasa selain Cambodia dan Vietnam. Pada pendapat Audit, Kerajaan melalui Jawatankuasa Perlindungan Dan Pemulihan Mangsa Pemerdagangan Orang telah berusaha untuk menyediakan pelaksanaan pelan tindakan mengenai bantuan dan perlindungan orang yang diperdagangkan. Bagaimanapun, kekangan kewangan untuk menyediakan tempat perlindungan mangsa; kekurangan pegawai dan kakitangan serta terikat dengan dasar dan peraturan tertentu dalam pengurusan perlindungan dan pemulihan mangsa telah menjejaskan keberkesanan pencapaian pelaksanaannya.	
23.5.6.5.b	**Isu Pemerdagangan Buruh** Majoriti mangsa pemerdagangan manusia adalah pekerja asing yang berhijrah ke Malaysia secara sukarela. Sesetengah mereka kemudian bekerja secara paksa atau bekerja kerana terikat dengan hutang kepada majikan, agen pekerjaan atau perekrut pekerja bukan formal. Adalah dilaporkan kebanyakan pekerja asing di ladang, tapak pembinaan, kilang tekstil dan mereka yang bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia disekat pergerakan mereka, ditipu tidak diberi gaji, pasport dirampas atau dipaksa bekerja kerana terikat dengan hutang. Semua isu ini adalah ciri-ciri pemerdagangan manusia. Sesetengah majikan di Malaysia dilaporkan tidak membayar gaji kepada pembantu rumah selama 3 hingga 6 bulan sebagai ganti kepada kos yang dibayar kepada agensi pengambilan pekerja asing. Ini menjadikan pekerja asing mudah terdedah kepada risiko aktiviti pemerdagangan. Setakat bulan September 2012, semakan Audit terhadap data pekerja asing yang diperolehi daripada JIM menunjukkan terdapat sekitar 1.58 juta orang pekerja asing dari semua sektor pekerjaan yang berdaftar di Malaysia dengan anggaran 1.9 juta orang lagi pekerja asing tidak mempunyai dokumen.	-
23.5.6.8.a	Adalah didapati JTK telah menetapkan sasaran pencapaian pelaksanaan pencegahan pemerdagangan buruh dan telah atau hampir mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2010 hingga 2012. Namun, pihak Audit tidak dapat menentukan asas penetapan sasaran tersebut sama ada pemeriksaan berkanun yang dijalankan telah meliputi lokasi sasaran/tempat pekerjaan mengikut kewajaran tertentu. Ini menyebabkan tahap pencapaian objektif JTK bagi mencegah pemerdagangan buruh tidak dapat ditentukan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.6.8.b	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) antara Agensi Penguatkuasaan yang menguatkuasakan Akta AOAM 2007 selain daripada menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/1963 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. JIM mempunyai data/rekod mengenai pekerja asing yang bekerja sebagai Pembantu Rumah. Oleh yang demikian, JIM adalah lebih signifikan dan relevan untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap Akta AOAM 2007 yang menjurus kepada kesalahan pemerdagangan/eksploitasi terhadap Pembantu Rumah Asing (PRA). Semakan Audit terhadap rekod JIM pada tahun 2012 mendapati seramai 184,925 orang PRA telah berdaftar dengan JIM. Memandangkan sebilangan besar PRA berada di negara ini dan mereka ini merupakan kumpulan berisiko tinggi yang terdedah kepada kegiatan pemerdagangan orang, maka Kerajaan Malaysia melalui JIM seharusnya tidak memandang ringan akan kemungkinan golongan ini untuk diperdagangkan/dieksploitasi. Maklum balas yang diterima daripada pihak JIM menyatakan bahawa setakat ini, tiada satu pendekatan khusus disediakan untuk mengesan PRA yang diperdagangkan/dieksploitasi. Bagaimanapun, aduan yang diterima berhubung PRA yang diperdagangkan/dieksploitasi telah dan akan diambil tindakan oleh JIM. Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Pemerdagangan Buruh perlu meningkatkan lagi peranannya untuk mengatasi masalah serta kes yang melibatkan isu perburuhan dan pemerdagangan buruh. Manakala JTK perlu memastikan asas penetapan KPInya lebih realistik dengan mengambil kira bilangan/jumlah lokasi sasaran/tempat pekerjaan yang sewajarnya diliputi. JIM pula perlu merangka dan menyediakan secara jelas pendekatan atau mekanisme untuk melakukan pemeriksaan/semakan terhadap majikan yang mendaftarkan pembantu rumah asing. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 20 Mac 2013 Dan 10 Jun 2013 *Semua pekerja asing termasuk domestic (pembantu rumah) yang masuk ke Malaysia untuk bekerja secara sah adalah dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Kerja 1955 berhubung dengan syarat potongan gaji. Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 24(8) Akta Kerja 1955 mana-mana majikan adalah tidak dibenarkan membuat potongan gaji yang melebihi 50% daripada gaji yang diperoleh setiap pekerja bagi setiap bulan. Sehubungan itu, mana-mana aduan yang dirujuk kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) berhubung pendahuluan dan potongan gaji akan disiasat berdasarkan peruntukan Akta Kerja 1955.* *Jabatan Tenaga Kerja telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan satu Enforcement Team (ET) di Ibu Pejabat JTK Putrajaya pada bulan Disember 2012. ET ini akan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	turut diwujudkan di semua negeri bermula 1 Januari 2013. ET bertanggungjawab dalam mengendalikan kes buruh serta turut menjalankan inspection di premis pekerjaan berdasarkan aduan daripada orang awam/pihak NGO. Bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2012, sebanyak 39 kes telah disiasat dan seramai 80 mangsa telah diselamatkan. Bagi memastikan kelancaran pengambilan pekerja asing serta pada masa yang sama tiada elemen eksploitasi, maka satu Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan Bangladesh mengenai pengambilan pekerja daripada Negara Bangladesh secara G to G telah ditandatangani pada bulan November 2012. Aspek penting MoU ini adalah tiada penyertaan pihak ketiga (agensi pekerjaan) di dalam proses pengambilan yang kerap mengeksploitasi pekerja asing termasuk menyebabkan kos pengambilan pekerja yang tinggi. Mekanisme ini akan diperluaskan bagi pengambilan pekerja dengan negara sumber yang lain. Pada masa yang sama, Malaysia dan Bangladesh turut menandatangani MoU untuk membanteras jenayah rentas sempadan termasuk pemerdagangan orang. Selain itu, taklimat untuk para majikan dan pekerja asing turut dijalankan bagi menerangkan kepada mereka tentang hak mereka sebagai pekerja dan majikan. *Jabatan Tenaga Kerja telah mengambil kira faktor isu semasa, kekerapan lokasi aduan yang diterima dan kadar risiko dalam menentukan sasaran pencapaian pelaksanaan pencegahan pemerdagangan orang. Setiap pegawai tenags kerja yang bertugas telah diberikan sasaran kes yang perlu diselesaikan dalam tempoh masa yang tertentu. Bagaimanapun, aktiviti penyiasatan yang dijalankan oleh JTK adalah bersifat proactive/ preemptive iaitu secara rambang melalui pemeriksaan berkanun seperti mana diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955. Selain itu, ia juga dilakukan secara reactive iaitu berdasarkan aduan yang diterima daripada mangsa atau NGO. KSM/JTK mengambil maklum akan cadangan Audit untuk penetapan KPI yang lebih realistik.*	
23.5.7.3.a	**Pemantauan Program Oleh MAPO** Bagi meningkatkan lagi kredibiliti dan integriti Negara serta dengan harapan dapat menaikkan *ranking*/tahap negara Malaysia kepada yang lebih baik, antara tindakan yang perlu dilaksanakan oleh MAPO adalah seperti berikut:- Terus mengkaji dan menambah baik dasar dan polisi serta peraturan Kerajaan yang telah dan boleh mengekang keberkesanan pelaksanaan program dengan mempelajari amalan terbaik oleh negara lain yang berada pada *ranking*/tahap 1 dalam Laporan TIP oleh JNAS. Sebagai contohnya, program pencegahan yang diusahakan oleh Kerajaan Taiwan dalam menangani masalah pemerdagangan orang seperti mewujudkan pusat perkhidmatan pekerja asing di lapangan terbang. Pekerja asing yang tiba akan diberi program kesedaran dan edaran brosur, diberitahu hak-hak mereka di bawah Akta Kerja dan sekiranya mereka menghadapi masalah,	Semasa pertemuan dengan TYT Luis CdeBaca, Duta Besar Amerika Syarikat mengenai Pemerdagangan Orang, Jabatan Negara Amerika Syarikat pada 30 Julai 2013 di Putrajaya, beliau telah mencadangkan supaya diadakan perbincangan dengan Taiwan mengenai langkah yang diambil oleh negara tersebut dalam memperbaiki tahap ranking Laporan JNAS. KDN akan menyusul perkara ini dengan segera dan melihat kemungkinan mengadakan lawatan kerja ke Taiwan. KDN telah dijemput untuk mengadakan lawatan kerja ke United Kingdom susulan daripada Perbincangan Meja Bulat dengan pakar pemerdagangan orang dari negara tersebut pada

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mereka boleh menyalurkan aduan ke talian bebas tol yang disediakan dan beroperasi selama 24 jam. Operator talian adalah terdiri daripada rakyat asing dari pelbagai negara sumber yang diambil bekerja oleh Kerajaan Taiwan sebagai jurubahasa yang boleh berkomunikasi dalam bahasa ibunda pekerja berkenaan.	29 Ogos 2012 di Putrajaya. Lawatan tersebut dijadualkan pada Oktober/November 2013 dan fokus utama adalah bagi melihat pelaksanaan *National Referral System* di negara tersebut dalam menerima aduan awam mengenai jenayah ini termasuk penentuan status individu yang berkemungkinan menjadi mangsa.
23.5.7.3.b	Keberkesanan mesyuarat MAPO perlu dipertingkatkan lagi bukan sahaja melapor dan mengambil maklum tentang semua aktiviti sekretariat dan jawatankuasanya tetapi juga perlu menyedia, melapor dan membincangkan rumusan berhubung trend pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Mesyuarat juga perlu menyedia dan membincangkan rumusan terhadap corak imigrasi dan emigrasi di Malaysia bagi bukti pemerdagangan; serta penambahbaikan yang perlu terhadap pelaksanaan program berkaitan segala aspek pencegahan serta pembanterasan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.	
23.5.7.3.c	Pengurusan maklumat secara sistematik dan berkesan berkaitan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran perlu diwujudkan bagi memastikan semua agensi berkenaan dapat bertindak secara bersepadu dan holistik. Ia juga bagi membantu negara memantau, membuat rumusan dan seterusnya merangka polisi tertentu bagi mencapai keberkesanan pelaksanaan program. Maklumat yang berkaitan juga dapat disalurkan kepada orang ramai bagi tujuan kesedaran. Oleh itu, MAPO perlu mempertimbangkan untuk menubuhkan Unit Pengumpulan Data Dan Analisis Malaysia bagi tujuan tersebut. Pada pendapat Audit, penyelarasan dan pemantauan MAPO terhadap program adalah memuaskan. Bagaimanapun, MAPO perlu mempertingkatkan peranannya dalam usaha untuk menyelaras dan merumus semua aktiviti pelaksanaan program oleh jawatankuasa dan menubuhkan Unit Pengumpulan Data Dan Analisis Malaysia bagi tujuan pengurusan maklumat secara sistematik dan berkesan berkaitan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 20 Mac 2013 *Sekretariat MAPO mengambil maklum dan mengalu-alukan cadangan Audit tersebut. Kertas Cadangan Penstrukturan Semula Sekretariat MAPO telah dihantar kepada Bahagian Sumber Manusia KDN bagi mempertimbangkan cadangan pengwujudan Unit Pengumpulan Data dan Analisis Malaysia. KDN juga telah bekerjasama dengan Negara-negara strategik bagi membandingkan trend pemerdagangan orang dan penyeludupan migran termasuk trend migrasi. Dalam hal ini, Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Kumpulan Kerja dengan Australia mengenai pemerdagangan orang dan penyeludupan migran sejak bulan Ogos 2012 di mana mesyuarat ke 5 telah diadakan di Kota Kinabalu pada bulan November 2012.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Malaysia juga telah mengadakan bengkel dengan kerjasama pihak United Kingdom mengenai cabaran pemerdagangan orang pada 29 Ogos 2012 di Putrajaya. Dari aspek migrasi, KDN telah mengadakan Mesyuarat Kumpulan Kerja mengenai Imigrasi dengan Australia sejak tahun 2007 lagi dan dengan pihak United Kingdom sejak tahun 2011 di mana trend migrasi serta cabaran telah dibincangkan. Pada 5 hingga 6 Januari 2013, Sekretariat MAPO telah mengadakan bengkel bagi menilai pelaksanaan program/aktiviti Pelan Tindakan 2012/2013 yang merangkumi semua bidang program yang disenaraikan dalam Pelan Tindakan Kebangsaan 2010-2015 dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang. Susulan daripada itu, Sekretariat MAPO juga telah menyediakan Pelan Tindakan 2013/2014 menerusi bengkel yang diadakan pada 13 Mac 2013 di Putrajaya.	

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Polis Diraja Malaysia

Perenggan 24 : Pengurusan Kehilangan Aset

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.1.2	**Prestasi Penyelesaian Siasatan Terhadap Kes Kehilangan Aset** Semakan Audit terhadap laporan statistik kehilangan aset PDRM bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 yang dikemukakan oleh Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK)/Briged/Formasi mendapati sebanyak 32 (43.8%) daripada 73 kes kehilangan aset bagi tahun 2010 dan 8 (17.8%) daripada 45 kes bagi tahun 2011 telah selesai disiasat dan mendapat kelulusan hapus kira oleh Ketua Polis Negara/Timbalan Ketua Polis Negara selaku Kuasa Melulus. Manakala bagi 95 kes kehilangan aset pada tahun 2012, tiada kes yang selesai disiasat kecuali 2 kes yang telah digugurkan kerana aset yang hilang telah dijumpai semula. Nilai perolehan semua aset yang dilaporkan hilang adalah berjumlah RM1.33 juta bagi tempoh 3 tahun berkenaan.	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Kehilangan Aset bagi menyelaras Pengurusan Kehilangan Aset telah diadakan pada 9 Julai 2013. Antara perkara-perkara yang dibincangkan adalah termasuk langkah-langkah untuk mengatasi percanggahan pendaftaran rekod yang timbul. Satu keputusan telah dibuat dimana pendaftaran rekod diselaraskan berdasarkan kepada rekod pendaftaran Unit CE. Bagi tindakan penyelarasan terhadap Percanggahan rekod yang timbul, surat telah dikeluarkan pada 5 Jun 2013 kepada Kontinjen Johor dan Kontinjen Selangor untuk mengemaskini rekod. Tindakan penyelarasan rekod telah diambil. Telah selesai pada 25 Jun 2013.
24.5.1.3	Bagaimanapun, statistik yang diperoleh di Jadual 1 tidak dapat disahkan kesahihannya kerana terdapat percanggahan dengan maklumat laporan kehilangan aset yang disemak oleh pihak Audit bagi Ibu Pejabat PDRM dan 3 IPK. Sebagai contoh, bilangan kes kehilangan dan bilangan kes selesai disiasat dan mendapat kelulusan hapus kira bagi IPK Kuala Lumpur untuk tahun 2010 hingga 2012 masing-masing berjumlah 11 dan 6; 4 dan 0; serta 8 dan 0 mengikut statistik oleh PDRM. Namun, semakan Audit di IPK Kuala Lumpur menunjukkan bilangan kes kehilangan dan bilangan kes selesai disiasat masing-masing berjumlah 12 dan 5; 4 dan 1; serta 7 dan 0.	
24.5.1.4	Laporan statistik kes yang dikenakan tindakan surcaj untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012 yang dikemukakan oleh Jabatan Logistik, Bukit Aman menunjukkan sebanyak 30 kes kehilangan telah diputuskan supaya surcaj berjumlah RM63,346 dikenakan yang melibatkan Ibu Pejabat PDRM dan 3 IPK yang dilawati. Daripada surcaj berjumlah RM63,346 yang boleh dikutip, hanya RM6,879 (10.9%) telah dikutip sehingga akhir tahun 2012. Pada pendapat Audit, pengurusan kehilangan aset PDRM adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat banyak kes kehilangan pada tahun 2010 dan	Surat arahan pembayaran telah dikeluarkan selepas laporan audit ini kepada semua kontinjen yang terlibat untuk membuat kutipan gantirugi/surcaj daripada sabjek dalam tempoh 3 bulan dan sesalinan surat telah dimajukan ke pihak Timb. Ketua Urusetia KPN Intergriti (Tatatertib), PT Kajian Kes (Tatatertib), Timbalan Pengarah II, Jabatan Logistik, KPPJL (Kewangan), KPPJL (Pengurusan & Kepolisan Am) , KPPJL (Pengurusan Aset) dan Urusetia Jabatan Logistik (Unit Pematuhan).

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	2011 yang masih belum diselesaikan serta surcaj yang dikenakan belum dikutip. Di samping itu, maklumat berkenaan kehilangan aset dan status penyiasatan antara rekod di Ibu Pejabat Bukit Aman, Kuala Lumpur dengan rekod di IPK negeri perlu diselaraskan. Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013 Dan 27 Jun 2013 *Polis DiRaja Malaysia (PDRM) akan mewujudkan satu sistem yang membolehkan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman mengetahui berlakunya kehilangan aset Kerajaan selepas laporan polis dibuat di kontinjen/formasi. Sistem ini akan dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Logistik dengan tujuan untuk pemantauan dari segi mengesan kelewatan dalam menyediakan Laporan Awal dan Laporan Akhir. PDRM juga akan mewujudkan satu Jawatankuasa Khas bagi mengenal pasti kelemahan dan memberi cadangan penambahbaikan proses menyiasat kehilangan aset serta hapus kira dilaksanakan mengikut peraturan dan masa yang ditetapkan; mengambil tindakan disiplin/tatatertib terhadap mereka yang gagal mematuhi/melaksanakan arahan dan peraturan yang ditetapkan; dan memastikan semua pegawai polis dan pegawai awam diberi pengetahuan berkenaan tindakan yang perlu dilaksanakan apabila berlaku kehilangan aset Kerajaan dengan kaedah dihantar berkursus secara berkala.* *Terdapat percanggahan statistik kehilangan aset disebabkan tiada urus setia bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kes berkenaan kehilangan dan hapus kira kehilangan aset serta tiada pemantauan di peringkat kontinjen. Pihak yang bertindak sebagai urus setia Jawatankuasa Penyiasat di kontinjen tidak mengemaskinikan maklumat kes kehilangan yang dilaporkan ke Unit Jawatankuasa Siasatan (CE) dari semasa ke semasa. Selain itu, tiada pelarasan pendaftaran kes kehilangan di Unit Jawatankuasa Siasatan (CE), Bukit Aman dan Bahagian Pengurusan Aset, Bukit Aman. Sehubungan itu, arahan melalui surat bertarikh 5 Jun 2013 dikeluarkan kepada Ketua Jabatan Pengurusan Kontinjen Selangor dan Johor untuk mengemaskini rekod kes Jawatankuasa Penyiasat bagi tahun 2010 hingga 2012 manakala semboyan bertarikh 6 Jun 2013 telah dikeluarkan kepada semua kontinjen dan formasi untuk mengemukakan statistik kes Jawatankuasa Penyiasat untuk penyelarasan bagi tahun 2010 hingga 2012. Seterusnya, Mesyuarat Penyelarasan Pendaftaran Bagi Kes CE Dan Kes Kehilangan Aset Alih Kerajaan pada 16 Mei 2013 telah memutuskan supaya penyediaan Standard Operating Procedure (SOP) perlu dibuat bagi menggariskan panduan dan mengurus kes kehilangan aset untuk mengelakkan sebarang kekeliruan antara jabatan/kontinjen. Draf SOP berkaitan sedang dirangka dan tindakan dijangka selesai pada akhir bulan Disember 2013.*	Tindakan dalam tempoh 3 bulan (31 Oktober 2013).

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.2.2	**Kehilangan Aset Lewat Dikesan** Semakan Audit terhadap 88 laporan kes kehilangan aset di Ibu Pejabat PDRM dan 3 IPK mendapati tarikh sebenar kehilangan bagi 15 laporan kes tidak diketahui melibatkan kehilangan 92 unit gari, seunit *Mobile Card Reader* dan seunit *Walkie Talkie*. Nilai perolehan semua aset berkenaan adalah berjumlah RM32,654. Semakan Audit selanjutnya mendapati kehilangan aset berkenaan hanya dikesan semasa pemeriksaan berkala oleh pegawai pemeriksa yang hanya dijalankan bermula pada tahun 2010. Laporan penyiasatan yang disediakan oleh Jawatankuasa Penyiasat menyatakan terdapat aset yang hilang tidak dikemaskinikan di Buku Daftar Pergerakan Aset sejak tahun 1998 lagi iaitu pada tarikh terakhir aset tersebut dikeluarkan daripada simpanan di stor.	Bagi kehilangan aset lewat dikesan, Arahan telah dikeluarkan oleh KPN dalam mesyuarat JPKA pada 31 Julai 2013 kepada semua Ketua Formasi untuk memastikan sendiri pemeriksaan dibuat secara berkala seperti mana arahan TPA Bil. 5 Tahun 2007. Disamping itu, pemeriksaan oleh Bahagian Pengurusan Aset Bukit Aman juga telah dilaksanakan di Bukit Aman,Johor, Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Terengganu dan Pahang sepanjang Januari hingga Jun 2013. Jumlah pemeriksaan adalah melibatkan 32 lokasi (Daerah/Bahagian/Formasi/Briged). Ini adalah bertujuan bagi memastikan semua pendaftaran dan pemeriksaan fizikal aset dibuat mengikut arahan yang ditetapkan. Laporan susulan pemeriksaan telah diedarkan kepada Ketua Formasi masing-masing untuk tindakan. Bagi pendaftaran pergerakan aset, tindakan pemeriksaan telah dibuat kepada Bahagian Pengurusan Aset, Bukit Aman dan mengarahkan semua daerah yang telah diperiksa mengambil tindakan. PDRM sedang mewujudkan satu sistem yang membolehkan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman mengetahui berlakunya kehilangan aset kerajaan selepas lapuran polis dibuat di Kontinjen/Formasi. Sistem ini sedang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Logistik dimana pemantauan dari segi kelewatan Laporan Awal (KEW.PA-28) dan Laporan Akhir (KEW.PA-30) dapat dikesan. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan tindakan ini dimasukkan dalam agenda mesyuarat di peringkat Ketua Formasi masing-masing secara tetap. Tindakan disiplin/tatatertib diambil terhadap mereka yang gagal mematuhi/ melaksanakan arahan dan peraturan yang ditetapkan.
24.5.2.3	Buku Daftar Pergerakan Aset yang tidak dikemaskinikan dan pemeriksaan berkala yang tidak dijalankan mengikut ketetapan menyebabkan kehilangan aset lewat dikesan. Akibatnya, pihak polis lewat mengambil tindakan -menyiasat kes kehilangan aset serta lewat mengambil tindakan terhadap pegawai/anggota polis yang bertanggungjawab. Sebagai contoh, kes kehilangan 36 unit gari bernilai RM6,739 yang diberi kelulusan hapus kira tanpa dikenakan tindakan surcaj terhadap 2 anggota polis yang bertanggungjawab. Kes telah digugurkan kerana seorang anggota polis telah meninggal dunia pada tahun 2009 manakala seorang lagi telah bersara pada tahun 2008. Rekod terakhir di Buku Daftar Pergerakan Aset menunjukkan gari telah diserahkan ke stor antara 22 Mac 2007 hingga 14 Februari 2008 manakala pemeriksaan berkala hanya dijalankan pada bulan Ogos 2010. Pada pendapat Audit, sekiranya pemeriksaan berkala dilaksanakan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia mengikut peraturan ianya dapat mengelakkan kes kehilangan aset lewat dikesan. Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013 Dan 27 Jun 2013 *Arahan menjalankan pemeriksaan berkala telah sedia ada dan arahan tambahan telah dikeluarkan dari semasa ke semasa. Pemeriksaaan berkala ada dijalankan dan kebanyakan kehilangan berlaku selepas pemeriksaan diadakan. Minit Mesyuarat Penyelarasan Penyediaan Maklum Balas bertarikh 15 Mei 2013 menyebut Timbalan Pengarah II Jabatan Logistik telah mengeluarkan arahan kepada semua pegawai terlibat supaya melaksanakan pemeriksaan berkala mengikut Perintah Tetap Ketua Polis Negara dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 dan tindakan adalah berterusan. Pemeriksaan aset termasuk dokumentasi berkaitan juga akan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dilaksanakan dengan lebih kerap oleh pegawai PDRM dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. *Berlaku kehilangan aset lewat dikesan antaranya disebabkan oleh perkara seperti berikut:-* • *kurangnya pengetahuan dan kesedaran pegawai/anggota PDRM mengenai tindakan yang perlu dilakukan apabila berlaku sesuatu kehilangan aset alih Kerajaan;* • *kurangnya pemantauan/pemeriksaan oleh pegawai bertanggungjawab dari semasa ke semasa;* • *usaha mencari dan mengesan kehilangan aset dahulu sebelum laporan polis dibuat;* • *tiada pemeriksaan yang kerap dilaksanakan oleh pegawai. Tiada perjawatan Unit Aset di Kontinjen/Formasi (kekurangan sumber manusia untuk menguruskan pemeriksaan aset Kerajaan); dan* • *kekangan tugas hakiki juga melibatkan penugasan luar jangka.* *Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Logistik; Maktab PDRM Kuala Kubu Baru, Selangor dan Jabatan Pengurusan, Bukit Aman telah menganjurkan kursus berkenaan pengurusan aset untuk mewujudkan kesedaran dan pengetahuan kepada pegawai terlibat khususnya dalam pengendalian kes kehilangan aset. Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan akan diadakan dengan lebih banyak lagi bagi memberi pengetahuan kepada semua pegawai kanan, anggota pangkat rendah dan pegawai awam.*	
24.5.3.1	**Pengurusan Proses Kerja Hapus Kira Kehilangan Aset - Kehilangan Aset Lewat Dilaporkan Kepada Ketua Jabatan** Pegawai yang mengetahui kehilangan hendaklah melaporkannya kepada Ketua Jabatan dengan serta merta. Semakan Audit mendapati terdapat kelewatan dalam membuat laporan kehilangan aset kepada Ketua Jabatan antara 2 hingga 84 hari bagi 9 kes (10.2%) mengambil kira tarikh kehilangan dan tarikh laporan kehilangan dibuat kepada Ketua Jabatan. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti tempoh kelewatan bagi 34 kes (38.7%) kerana ketiadaan maklumat tarikh kehilangan atau tarikh laporan kehilangan dibuat kepada Ketua Jabatan.	Mekanisma kelewatan kehilangan aset dilaporkan Ketua Jabatan, Polis dan penyediaan Laporan Awal (KEW.PA-28) diatasi dengan pengeluaran arahan-arahan pentadbiran PDRM antaranya Surat Arahan Jabatan Pengurusan PDRM Kelewatan Membuat Laporan Polis dan Menyediakan Laporan Awal Kehilangan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) bertarikh 20 Mei 2013, Arahan Jabatan Logistik Bil. 62 Laporan Awal Kehilangan Aset Alih Kerajaan bertarikh 9 Januari 2009.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.3.2	**Ketua Jabatan/Pegawai Yang Berkenaan Lewat Membuat Laporan Kehilangan Aset Kepada Polis** Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab ke atas kehilangan atau yang menjaga aset atau yang mengetahui kehilangan berlaku, hendaklah melaporkan kepada Polis dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan diketahui. Semakan Audit mendapati terdapat kelewatan dalam membuat laporan kehilangan aset kepada Polis oleh Ketua Jabatan/pegawai yang berkenaan antara 2 hingga 241 hari bagi 19 kes (21.6%) mengambil kira tarikh kehilangan dan tarikh laporan Polis dibuat. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti tempoh kelewatan bagi 6 kes (6.8%) kerana ketiadaan maklumat tarikh kehilangan atau tarikh laporan polis dibuat.	Bagi tindakan pemantauan terhadap isu ini, satu arahan telah dikeluarkan oleh KPN dalam mesyuarat JPKA pada 31 Julai 2013 kepada semua Ketua Formasi untuk memastikan sendiri kelewatan/ kelemahan tidak berulang. Arahan-arahan lain yang berkaitan adalah termasuk Arahan Jabatan Logistik Bil. 62, KPN 33/5/12/21 bertarikh 9 Januari 2009; Surat tambahan kepada Arahan Jabatan Logistik Bil 62 bertarikh 15 Januari 2009; Surat Jabatan Logistik bertarikh 25 Mei 2010; Surat Jabatan Pengurusan KPN 42/2 bertarikh 22 Mei 2012; dan Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2007 Bab F – Kehilangan dan Hapus Kira – Tatacara Pengurusan Aset Kerajaan. PDRM sedang mewujudkan satu sistem yang membolehkan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman mengetahui berlakunya kehilangan aset kerajaan selepas lapuran polis dibuat di Kontinjen/Formasi. Sistem ini sedang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Logistik dimana pemantauan dari segi kelewatan Laporan Awal (KEW.PA-28) dan Laporan Akhir (KEW.PA-30) dapat dikesan. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan tindakan ini hendaklah dimasukkan dalam agenda mesyuarat di peringkat Ketua Formasi masing-masing secara tetap. Tindakan disiplin/tatatertib diambil terhadap mereka yang gagal mematuhi/ melaksanakan arahan dan peraturan yang ditetapkan.
24.5.3.3.b	**Ketua Jabatan Lewat Menyediakan Laporan Awal KEW.PA-28** Semakan Audit mendapati Ketua Jabatan lewat menyediakan Laporan Awal KEW.PA-28 iaitu antara 2 hingga 11,154 hari (melebihi 3 tahun) bagi 56 kes (63.6%) mengambil kira tarikh kehilangan dan tarikh laporan Polis dibandingkan dengan tarikh Laporan Awal disediakan oleh Ketua Jabatan. Pihak Audit juga tidak dapat mengenal pasti tempoh kelewatan bagi 16 kes (18.2%) kerana ketiadaan maklumat sama ada tarikh kehilangan, tarikh laporan polis atau tarikh Laporan Awal disediakan oleh Ketua Jabatan. Sebagai contoh adalah bagi kes kehilangan yang berlaku pada 23 Mac 1980 berdasarkan laporan polis melibatkan kehilangan satu unit senjata api berserta 15 butir peluru di IPK Johor membabitkan seorang pegawai polis berpangkat ASP. Laporan Awal hanya disediakan oleh Ketua Jabatan pada 9 Oktober 2010. Berdasarkan dokumen dan maklumat yang disemak oleh pihak Audit, kes ini telah ditutup dan Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan supaya kehilangan dihapus kira dan dilupuskan dengan memberi amaran kepada PDRM supaya menguruskan kes kehilangan aset dengan lebih cepat. Satu kes lagi melibatkan kehilangan satu unit senjata api berserta 5 butir peluru juga di IPK Johor membabitkan seorang anggota polis berpangkat Lans Koperal. Kehilangan berlaku pada 12 Disember 2002 berdasarkan Laporan Polis manakala Laporan Awal hanya disediakan oleh Ketua Jabatan pada 9 Oktober 2010. Kes ini belum mendapat kelulusan hapus kira dari Kuasa Melulus kerana tiada maklumat/rekod kelulusan ditemui dalam fail kes. Jawatankuasa Penyiasat telah mengesyorkan supaya anggota dikenakan tindakan surcaj kerana tidak bertanggungjawab dan berhati-hati dalam menjaga keselamatan harta Kerajaan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.3.4.b	**Jawatankuasa Penyiasat Lewat Dilantik** Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Penyiasat lewat dilantik antara 2 hingga 462 hari bagi 58 kes kehilangan aset (65.9%) mengambil kira tarikh Laporan Awal disediakan dan tarikh pelantikan Jawatankuasa Penyiasat. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti tempoh kelewatan bagi 19 kes kehilangan (21.6%) kerana ketiadaan maklumat tarikh Laporan Awal disediakan atau tarikh pelantikan Jawatankuasa Penyiasat. Manakala Jawatankuasa Penyiasat bagi 11 kes kehilangan (12.5%) langsung belum dilantik pada tarikh pengauditan di mana Laporan Awal kehilangan telah disediakan antara 59 hingga 442 hari iaitu melebihi tempoh 2 minggu yang ditetapkan untuk melantik Jawatankuasa Penyiasat dari tarikh Laporan Awal ditandatangani.	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Kehilangan Aset bagi menyelaras Pengurusan Kehilangan Aset telah diadakan pada 9 Julai 2013. Antara perkara-perkara yang dibincangkan adalah termasuk kelewatan pelantikan Jawatankuasa Penyiasat. Satu keputusan telah dibuat di mana pemantauan berperingkat dibuat oleh Ketua Formasi dan Jabatan Pengurusan (Unit CE) untuk memastikan bahawa kelewatan pelantikan ini tidak berulang. Arahan KPN dalam mesyuarat JPKA pada 31 Julai 2013 juga berkaitan. Arahan PTKPN A122 berkenaan Jawatankuasa Penyiasat dan PTKPN C854 berkenaan Peraturan Mengurus Kes-Kes Kehilangan Dan Menghapuskira Harta Benda Kerajaan hendaklah dipatuhi.
24.5.3.5	**Laporan Akhir KEW.PA-30 Lewat Dikemukakan Kepada Kuasa Melulus** Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dan kemukakan kepada Unit Jawatankuasa Siasatan (CE) selaku Urus Setia Kehilangan Dan Hapus Kira. Laporan Akhir seterusnya hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Logistik juga selaku Urus Setia Kehilangan Dan Hapus Kira untuk syor dan ulasan. Laporan Akhir yang lengkap dengan syor dan ulasan hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Kuasa Melulus. Mengikut peraturan/arahan, Laporan Akhir hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Laporan Awal disediakan. Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan dalam mengemukakan Laporan Akhir KEW.PA-30 kepada Kuasa Melulus antara 2 hingga 833 hari melibatkan 24 kes kehilangan aset (27.3%) mengambil kira tarikh Laporan Awal disediakan dan tarikh Laporan Akhir dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti tempoh kelewatan bagi 35 kes kehilangan aset (39.8%) kerana ketiadaan maklumat tarikh Laporan Awal disediakan atau tarikh Laporan Akhir dikemukakan kepada Kuasa Melulus.	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Kehilangan Aset bagi menyelaras Pengurusan Kehilangan Aset telah diadakan pada 9 Julai 2013. Antara perkara-perkara yang dibincangkan adalah termasuk kelewatan penyediaan Laporan Akhir (KEW.PA-30) dikemukakan kepada kuasa melulus. Tindakan ini adalah berkait rapat dengan para 5.3.1-5.3.2. Satu keputusan telah dibuat di mana pemantauan berperingkat dibuat oleh Ketua Formasi dan Jabatan Pengurusan (Unit CE) untuk bertindak mengatasi isu daripada tidak berulang. Arahan KPN dalam mesyuarat JPKA pada 31 Julai 2013 juga berkaitan. Arahan PTKPN A122 berkenaan Jawatankuasa Penyiasat dan PTKPN C854 berkenaan Peraturan Mengurus Kes-Kes Kehilangan Dan Hapus Kira Harta Benda Kerajaan hendaklah dipatuhi.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.3.6.b	**Penyelesaian Tindakan Menghapus Kira Aset Yang Hilang Kurang Memuaskan** Semakan Audit terhadap 88 laporan kes kehilangan aset bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 di Ibu Pejabat PDRM dan 3 IPK menunjukkan sebanyak 2 laporan kes kehilangan digugurkan kerana aset yang hilang dijumpai semula dan tidak tertakluk kepada proses hapus kira. Selanjutnya hanya 12 (13.9%) daripada 86 laporan kes kehilangan telah mendapat kelulusan hapus kira oleh Kuasa Melulus. Daripada 12 laporan kes kehilangan tersebut, sebanyak 9 kes telah diselesaikan sehingga ke peringkat pengeluaran Sijil Hapus Kira dan penyelarasan rekod di Daftar Aset manakala bagi 3 kes lagi, Sijil Hapus Kira belum dikeluarkan. Ianya sama ada berada dalam tindakan Jabatan Logistik untuk mengemukakan kelulusan hapus kira ke Kontinjen atau Kontinjen belum mengambil tindakan mengeluarkan Sijil Hapus Kira walaupun telah mendapat maklumat kelulusan hapus kira. Seterusnya, Laporan Akhir bagi 42 laporan kes kehilangan telah disediakan oleh Jawatankuasa Penyiasat, namun belum mendapat kelulusan Kuasa Melulus. Ianya sama ada berada dalam tindakan pengesahan oleh Ketua Polis Negeri; dalam tindakan Unit Jawatankuasa Siasatan (CE), Jabatan Pengurusan untuk penilaian; atau dalam tindakan Cawangan Pengurusan Aset, Jabatan Logistik untuk proses kelulusan hapus kira. Laporan Akhir bagi 32 kes kehilangan pula belum disediakan. Ini kerana 21 kes kehilangan masih lagi dalam peringkat siasatan oleh Jawatankuasa Penyiasat yang telah mengambil masa antara 42 hingga 801 hari. Ini menunjukkan tempoh masa satu bulan yang ditetapkan untuk menyediakan Laporan Akhir telah dilewati. Manakala bagi 11 laporan kes kehilangan, Jawatankuasa Penyiasat belum ditubuhkan bagi menyiasat dan menyediakan Laporan Akhir tersebut.	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Kehilangan Aset bagi menyelaras Pengurusan Kehilangan Aset telah diadakan pada 9 Julai 2013. Antara perkara-perkara yang dibincangkan adalah termasuk kelewatan pelantikan Jawatankuasa Penyiasat. Satu keputusan telah dibuat di mana pemantauan berperingkat dibuat oleh Ketua Formasi dan Jabatan Pengurusan (Unit CE) untuk memastikan bahawa kelewatan pelantikan ini tidak berulang. Arahan KPN dalam mesyuarat JPKA pada 31 Julai 2013 juga berkaitan. Status terkini daripada jumlah 88 kes kehilangan aset bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 di Ibu Pejabat PDRM dan 3 IPK seperti yang dilaporkan, sejumlah 49 laporan kes kehilangan selesai sehingga peringkat Hapus Kira. Arahan PTKPN A122 berkenaan Jawatankuasa Penyiasat dan PTKPN C854 berkenaan Peraturan Mengurus Kes-Kes Kehilangan Dan Hapus Kira Harta Benda Kerajaan hendaklah dipatuhi.
24.5.3.6.c	Bagi 12 laporan kes kehilangan yang telah mendapat kelulusan hapus kira, semakan Audit juga mendapati sebanyak 7 kes dikaitkan dengan kecuaian pegawai/anggota dan disyorkan untuk dikenakan tindakan tatatertib dan surcaj berjumlah RM11,484. Tindakan surcaj telah diambil bagi 4 kes dan sejumlah RM4,996 telah dikutip. Bagi 3 kes lagi, tindakan surcaj belum diambil walaupun kelulusan hapus kira telah diperoleh daripada Kuasa Melulus, masing-masing pada 11 Jun 2011; 29 Jun 2011 dan 27 Januari 2012. Adalah didapati Suruhanjaya Perkhidmatan Polis hanya memberi kelulusan tindakan surcaj masing-masing pada 26 Disember 2012; 2 Januari 2013; dan 27 Disember 2012 yang mengambil masa antara 11 hingga 19 bulan. Pada pendapat Audit, pematuhan kepada penetapan norma masa proses kerja hapus kira kehilangan aset adalah penting supaya punca berlaku kehilangan aset dapat dikenal pasti dengan segera dan langkah yang perlu untuk mencegah berulangnya kejadian kehilangan aset dapat diambil terutamanya bagi kehilangan yang melibatkan aset dalam kategori keselamatan seperti senjata api kerana ia boleh mengancam keselamatan awam. Ini juga membolehkan kerugian yang ditanggung	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	oleh Kerajaan akibat kehilangan aset yang berpunca daripada kecurian, penipuan atau kecuaian pegawai dapat dikawal selain membolehkan tindakan surcaj atau tatatertib dikenakan ke atas pegawai/anggota yang bertanggungjawab ke atas kehilangan. Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013 Dan 27 Jun 2013 *PDRM memaklumkan ketidakpatuhan kepada penetapan norma masa proses kerja hapus kira kehilangan aset antaranya disebabkan oleh perkara seperti berikut:-* • *kurangnya pengetahuan dan kesedaran pegawai/anggota PDRM mengenai tindakan yang perlu dilakukan apabila berlaku sesuatu kehilangan aset alih Kerajaan;* • *usaha mencari dan mengesan kehilangan aset alih kerajaan terlebih dahulu dilakukan sebelum laporan polis dibuat;* • *kontinjen/formasi tiada perjawatan sebenar yang menguruskan berkenaan kehilangan dan hapus kira aset kerajaan;* • *pegawai yang dilantik untuk menjalankan siasatan bagi sesuatu kes kehilangan aset alih Kerajaan mempunyai tugas dan tanggungjawab hakiki yang lain; dan* • *dengan kekuatan perjawatan sedia ada di Unit Jawatankuasa Siasatan (CE) tidak dapat menampung beban kerja menguruskan proses bermula daripada pendaftaran hinggalah proses kutipan surcaj dan ganti rugi.* *Bagi mengatasi masalah ini, PDRM telah mengambil tindakan antaranya seperti berikut:-* • *bagi menambah pengetahuan dan kesedaran pegawai/anggota PDRM dan pegawai awam mengenai tindakan yang perlu dilakukan apabila berlaku sesuatu kehilangan aset, latihan dan kursus secara berkala telah dirancang dan diadakan oleh PDRM dari semasa ke semasa;* • *arahan tindakan yang perlu dilaksanakan apabila berlaku kehilangan aset alih Kerajaan telah dikeluarkan melalui surat dan boleh dimuat naik melalui portal PDRM e-Siar;* • *pihak Jawatankuasa Siasatan (CE) telah mengeluarkan surat peringatan kepada*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Jawatankuasa Penyiasat terbabit yang lewat mengemukakan laporan siasatan; • *mewujudkan satu sistem yang membolehkan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman mengetahui berlakunya kehilangan aset Kerajaan selepas laporan polis dibuat di kontinjen/formasi;* • *mewujudkan satu Jawatankuasa Khas bagi mengenal pasti kelemahan dan memberi cadangan penambahbaikan proses menyiasat kehilangan aset serta hapus kira dilaksanakan mengikut peraturan dan masa yang ditetapkan; dan* • *memastikan tindakan disiplin/tatatertib bagi mereka yang gagal melaksanakan arahan dan peraturan yang ditetapkan.*	
24.5.4.1.a	**Langkah Yang Diambil Untuk Mencegah Berulangnya Kejadian Kehilangan** Semakan Audit terhadap 88 Laporan Kehilangan Aset yang disediakan bagi 3 IPK menunjukkan berlaku kehilangan aset antaranya melibatkan 101 unit gari, 13 unit motosikal, 11 unit senjata api, 6 unit *walkie talkie* dan satu unit kereta. Berdasarkan semakan Audit terhadap syor dan ulasan Jawatankuasa Penyiasat bagi 48 kes kehilangan yang selesai disiasat menunjukkan 38 kes kehilangan (79.2%) adalah berpunca daripada kecuaian pegawai/anggota dan disyorkan tindakan surcaj dengan tatatertib atau tindakan surcaj tanpa tatatertib. Dalam laporan siasatan juga menyatakan langkah yang perlu diambil untuk mencegah berulangnya kejadian kehilangan seperti berikut:- Pemeriksaan berkala dibuat ke atas Buku Daftar Pergerakan Aset/Daftar Keluar Dan Masuk Senjata (POL 74C); KEW.PA-6/Buku Daftar Pergerakan *Walkie Talkie* (POL 299); KEW.PA-6/Buku Daftar Pergerakan Gari (POL 298); dan Buku Log Kenderaan bagi memastikan rekod penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Arahan telah dikeluarkan oleh KPN dalam mesyuarat JPKA pada 31 Julai 2013 kepada semua Ketua Formasi untuk memastikan sendiri pemeriksaan dibuat secara berkala seperti mana arahan TPA Bil. 5 Tahun 2007. Sepanjang Jan- Jun 2013, Bahagian Pengurusan Aset Bukit Aman juga telah dilaksanakan di Bukit Aman, Johor, Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Trengganu dan Pahang sepanjang Januari hingga Jun 2013. Jumlah pemeriksaan adalah melibatkan 32 lokasi (Daerah/ Bahagian/ Formasi/ Briged). Ini adalah bertujuan bagi memastikan semua pendaftaran dan pemeriksaan fizikal aset dibuat mengikut arahan yang ditetapkan. Laporan susulan pemeriksaan telah diedarkan kepada Ketua Formasi masing-masing untuk tindakan. Arahan KPN dalam mesyuarat JPKA pada 31 Julai 2013 adalah berkaitan dan berkuatkuasa serta merta. Tindakan pemantauan hendaklah dimasukkan dalam agenda mesyuarat di peringkat Ketua Formasi masing-masing secara tetap.
24.5.4.1.b	Pemeriksaan fizikal kerap dilakukan ke atas semua aset dan sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan semua aset tersebut dalam keadaan baik dan boleh digunakan.	
24.5.4.1.c	Memastikan kenderaan disimpan di tempat letak kenderaan yang bersesuaian dan selamat serta yang dibenarkan sahaja. Jika untuk tugas rasmi di luar pejabat, memastikan kenderaan dikunci dengan kunci tambahan dan mudah diawasi.	
24.5.4.1.d	Tempat meletak kenderaan tertentu dipasang dengan CCTV.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.4.1.e	Mematuhi semua peraturan/arahan berkaitan pengurusan aset.	
24.5.4.2.a.i	**Kelemahan Dalam Penyelenggaraan Buku Daftar Pergerakan Aset Di 2 IPD dan 6 Balai Polis** Semakan Audit terhadap rekod Senarai Senjata-Senjata Dan Peluru (POL. 74D) serta POL. 74C di IPD Ampang Jaya pada 16 Januari 2013 menunjukkan satu unit senjata api jenis Revolver 0.38 S&W SPL 2 inch sepatutnya ada dalam simpanan di stor tetapi tidak dapat dikesan. Semakan Audit selanjutnya mendapati berlaku kesilapan merekod nombor siri senjata api berkenaan di POL. 74C yang dikeluarkan kepada seorang anggota.	Sepanjang Jan- Jun 2013, Bahagian Pengurusan Aset Bukit Aman juga telah dilaksanakan di Bukit Aman, Johor, Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Trengganu dan Pahang sepanjang Januari hingga Jun 2013. Jumlah pemeriksaan adalah melibatkan 32 lokasi (Daerah/ Bahagian/ Formasi/ Briged). Bagi pendaftaran pergerakan aset, tindakan pemeriksaan telah dibuat terhadap buku daftar pergerakan aset KEW.PA-6. Laporan susulan pemeriksaan telah diedarkan kepada Ketua Formasi masing-masing untuk tindakan untuk menyelenggara buku daftar pergerakan aset mengikut arahan yang ditetapkan. Arahan KPN dalam mesyuarat JPKA pada 31 Julai 2013 adalah berkaitan dan berkuatkuasa serta merta. Tindakan pemantauan hendaklah dimasukkan dalam agenda mesyuarat di peringkat Ketua Formasi masing-masing secara tetap.
24.5.4.2.a.ii	PTKPN BHG. C116 menyatakan pegawai/anggota polis perlu mengambil dan menyerahkan semula senjata api mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan dalam Jadual Penugasan (POL. 69A). Tindakan segera perlu diambil oleh anggota yang menjaga stor senjata api terhadap sebarang ketidakpatuhan dengan memastikan status kelewatan memulangkan senjata api di rekod. Namun, semakan Audit terhadap POL. 74C di Balai Polis Johor Jaya, Johor pada 16 Disember 2012 mendapati 2 unit senjata api yang dikeluarkan kepada 2 anggota telah lewat diserah pada waktu yang ditetapkan. Bagaimanapun, tiada sebarang penjelasan terhadap kelewatan tersebut. *Mengikut maklum balas PDRM, perkara ini bukan disengajakan dan bukan perkara luar biasa kerana Balai Polis Johor Jaya mempunyai sektor yang luas dan anggota sering mengadakan perjumpaan dengan penduduk taman. Perkara ini dalam pengetahuan Ketua Polis Balai (KPB) Johor Jaya. Sebarang kelewatan akan dimaklumkan kepada KPB.*	
24.5.4.2.a.iii	Semakan Audit terhadap rekod POL. 299 di Balai Polis Taman Pelangi, Johor pada 20 Disember 2012 mendapati tiada maklumat penyerahan semula bagi pengeluaran *walkie talkie* kepada 5 anggota pada 17 dan 18 Disember 2012. Semakan Audit juga mendapati anggota yang menjaga stor tidak berusaha untuk menghubungi 5 anggota berkenaan untuk menyerahkan *walkie talkie* tersebut pada masa yang ditetapkan atau mendapatkan penjelasan berhubung kelewatan itu.	
24.5.4.2.a.iv	Pemeriksaan Audit di stor senjata Balai Polis Banting, Selangor pada 17 Januari 2013 mendapati 2 unit gari yang dikeluarkan pada 13 November 2010 dan 23 Disember 2010 belum dipulangkan. Satu unit gari lagi telah dipulangkan pada 5 Oktober 2012 tetapi tiada dalam simpanan stor. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan Buku Daftar Pergerakan Aset berkenaan telah disemak. Pihak Balai Polis Banting telah membuat laporan polis pada 7 Februari 2013 berkenaan kehilangan 3 unit gari ini selepas penemuan Audit.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.4.2.a.v	Semakan Audit terhadap rekod di POL 74D di Balai Polis Bukit Puchong, Selangor pada 17 Januari 2013 menunjukkan satu unit gari No. Siri K8752 telah dilaporkan hilang pada tahun 2006. Namun, pemeriksaan Audit mendapati gari tersebut berada dalam simpanan stor manakala mengikut rekod di Buku Daftar pula, satu unit gari No. Siri K8748 yang sepatutnya dalam simpanan stor tidak dapat dikesan. Laporan polis telah dibuat pada 18 Januari 2013 untuk melaporkan gari yang sebenarnya hilang bernombor siri K8748 dan bukannya K8752.	
24.5.4.2.a.vi	Semakan Audit di IPD Dang Wangi, Kuala Lumpur; Balai Polis Johor Jaya dan Senai Jaya, Johor serta Sri Petaling, Selangor mendapati 19 buah Buku Log Kenderaan yang disemak tidak dikemaskinikan seperti ruang nama dan tandatangan pegawai yang memberi kuasa; nama dan tandatangan pegawai yang menggunakan kenderaan serta kiraan kilometer atau perbatuan. Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013 *Bagi Kelemahan Dalam Penyelenggaraan Buku Daftar Pergerakan Aset (Buku Log Kenderaan POL 303) di 2 Ibu Pejabat Polis Daerah dan 6 Balai Polis, Ketua Bahagian Logistik Daerah (KBLD) terbabit telah dimaklumkan dan penambahbaikan/tindakan selanjutnya telah diambil oleh KBLD.*	
24.5.4.2.b.i	**Tempat Simpanan Aset Yang Selamat Tidak Disediakan** Antara mekanisme pencegahan yang perlu difikirkan oleh pihak pengurusan adalah penyediaan tempat simpanan aset yang selamat dan sesuai serta sentiasa berada di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Arahan keselamatan Kerajaan hendaklah sentiasa dipatuhi bagi mengelak berlakunya kerosakan atau kehilangan aset. Aset yang sangat menarik atau bernilai tinggi akan terdedah kepada risiko kehilangan, maka hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:- Di Balai Polis Taman Pelangi, Johor, stor senjata api tidak mempunyai dinding sesekat daripada besi bagi memisahkan kaunter penerimaan dan penyerahan senjata. Oleh itu, pegawai/anggota polis yang hendak mengambil atau menyerahkan senjata api perlu memasuki bilik stor senjata api berkenaan. Pemeriksaan Audit juga mendapati senjata api berserta peluru hanya disusun di atas meja di dalam bilik stor. Oleh kerana senjata api adalah aset yang bersifat amat menarik dan terdedah kepada risiko kehilangan serta mengancam keselamatan awam, maka tempat simpanan senjata api hendaklah sentiasa berada di bawah kawalan yang maksimum seperti mempunyai dinding sesekat daripada besi. Ini dapat mengelakkan semua pegawai/anggota memasuki bilik stor bagi mengambil atau menyerah senjata dan	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Kehilangan Aset bagi menyelaras Pengurusan Kehilangan Aset telah diadakan pada 9 Julai 2013. Antara perkara-perkara yang dibincangkan adalah termasuk langkah-langkah untuk menyediakan tempat simpanan yang selamat dan sesuai untuk mencegah berlakunya kehilangan aset. Satu keputusan telah dibuat untuk merangka SOP melibatkan Jabatan Pengurusan (Unit CE), Bahagian Pengurusan Aset PDRM (Unit Pelupusan), Bahagian Urusetia Jabatan Logistik (Unit Pematuhan) dan Urusetia KPN (Tatatertib). Bagi Kontinjen, formasi dan Briged, Ketua Formasi mengambil tindakan awal untuk membuat pagar dan CCTV kepada simpanan aset yang terdedah kepada risiko kehilangan serta mengancam keselamatan orang awam. Arahan KPN dalam mesyuarat JPKA pada 31 Julai 2013 kepada semua Ketua Formasi untuk memastikan sendiri penyediaan tempat penyimpanan aset yang sesuai dan selamat. Pemeriksaan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	terdedah kepada senjata api tersebut. Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013 *Sebuah bilik pejabat di Balai Polis Taman Pelangi telah dikenal pasti untuk dijadikan bilik simpanan senjata api. Bilik tersebut akan diubah suai dengan memasang jeriji besi/mendirikan tembok batu mengikut spesifikasi cawangan persenjataan dengan anggaran kos pengubahsuaian berjumlah RM10,000 yang dicadangkan oleh KBLD Johor Bahru Selatan. Selain itu, KBLD Johor Bahru Selatan juga memohon peruntukan kewangan daripada IPK Johor untuk pembelian almari besi simpanan senjata api 2 pintu dengan anggaran kos RM3,500 seunit kerana mengikut prosedur keselamatan senjata tidak boleh disimpan di dalam kabinet 4 laci dan mesti disimpan di dalam almari senjata berkunci dan dirantai.*	dibuat secara berkala seperti mana arahan TPA Bil. 5 Tahun 2007. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan tindakan ini hendaklah dimasukkan dalam agenda mesyuarat di peringkat Ketua Formasi masing-masing secara tetap.
24.5.4.2.b.ii	Di Balai Polis Senai, Johor, sebanyak 4 unit *walkie talkie* diletakkan di ruang terbuka dalam kawasan pejabat pentadbiran Balai Polis bersebelahan mesin fotostat dan berhampiran dengan kaunter pertanyaan orang awam. Dimaklumkan *walkie talkie* diletakkan di situ untuk memudahkan pegawai/anggota mengecas bateri alat tersebut. Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013 *Lawatan telah dibuat dan didapati walkie talkie telah ditempatkan di dalam bilik taklimat. Teguran dan nasihat telah diberikan kepada Ketua Polis Balai Senai agar menjaga keselamatan peralatan dan aset PDRM.*	
24.5.4.2.b.iii	Lawatan Audit juga mendapati stor senjata api di IPK Kuala Lumpur dan Selangor, IPD Ampang Jaya dan Balai Polis Trafik Jalan Tun H.S. Lee mempunyai ruang yang begitu terhad/sempit. Terdapat senjata api dari jenis yang sama tetapi terpaksa diletakkan di beberapa tempat penyimpanan kerana rak senjata api yang disediakan tidak mencukupi. Sebagai contoh di IPD Ampang Jaya, semakan Audit terhadap rekod senjata api jenis Revolver 0.38 S&W SPL 2 inch menunjukkan sebanyak 6 unit telah dikeluarkan untuk kegunaan pegawai/anggota dengan baki 48 unit masih ada dalam stor. Semakan Audit juga mendapati senjata api tersebut disimpan di beberapa tempat dalam stor dan melambatkan proses mengumpul dan mengira senjata api. Selain itu, terdapat juga senjata api yang hanya dilonggokkan di atas lantai di laluan anggota yang bertugas di stor. Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Ruang tempat menyimpan senjata api adalah amat terhad. IPD Ampang Jaya bercadang mengubahsuai stor senjata api untuk mendapatkan satu ruangan yang luas bagi meletak rak penyimpanan senjata api. Senjata rifle dan SMG telah disusun di rak berkunci dan dirantai. Manakala senjata pistol dan revolver telah disimpan dalam kabinet berkunci.	
24.5.4.2.b.iv	Lawatan Audit pada 20 Disember 2012 di Balai Polis Taman Pelangi, Johor mendapati Balai Polis tersebut tidak mempunyai tempat yang berpagar bagi meletak 14 unit motosikal dan 2 unit kereta di bawah tanggungjawabnya. Balai Polis itu terletak di kawasan deretan kedai dan tidak mempunyai CCTV. Berlaku kes kehilangan motosikal di Balai Polis itu pada 1 Ogos 2012 melibatkan sebuah motosikal dengan nilai perolehan berjumlah RM10,100. Kehilangan motosikal berlaku semasa diletakkan di depan Balai Polis dalam keadaan berkunci. Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013 *Pihak PDRM Kontinjen Johor memohon untuk mendapatkan bangunan baru bersendirian. Keluasan Balai Polis Taman Pelangi tidak dapat menampung kekuatan pegawai/anggota pangkat rendah yang sedia ada. Ruang dan kawasan yang terhad menimbulkan kurang keselesaan kepada pegawai/anggota pangkat rendah yang bertugas. Pihak kami mencadangkan agar pembinaan balai polis baru dapat diwujudkan bagi mengatasi permasalahan yang timbul. Dengan menyediakan ruang yang secukupnya untuk menempatkan aset PDRM seperti kenderaan, stor senjata api dan peralatan komunikasi, stor bekalan dan kemudahan lain bagi menjamin keselamatan aset Kerajaan. Bagi mengatasi masalah parkir dan menggelakkan kecurian berulang pihak kami mencadangkan semua kenderaan pasukan ditempatkan di Cawangan Pengangkutan IPD Johor Bahru Selatan yang terletak di Balai Polis Larkin.* Pada pendapat Audit, penyimpanan aset yang tidak teratur dan tiada tempat penyimpanan aset yang selamat dan sesuai boleh menyebabkan berlakunya kehilangan aset. Seterusnya, pematuhan kepada prosedur dan peraturan/arahan yang disediakan berhubung pengurusan aset dapat memastikan keselamatan aset serta sebagai pencegahan supaya kes kehilangan aset dapat dikawal. Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013 *Bagi memastikan arahan yang telah dikeluarkan dipatuhi, satu Standard Operating Procedures sedang dirangka bersama antara Jabatan Pengurusan (Unit*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Jawatankuasa Penyiasat) dengan Jabatan Logistik [Urus Setia Jabatan Logistik (Pematuhan) dan Unit Pelupusan Bahagian Pengurusan Aset PDRM)]. Peranan Urus Setia Ketua Polis Negara (Tatatertib) akan dimasukkan sebagai ahli jawatankuasa penyediaan SOP supaya mereka juga memainkan peranan kepada mencegah ketidakpatuhan dari berlaku di masa hadapan.	

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Perenggan 25 : Pengurusan Kad Pintar Pelbagai Guna MyKad

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.1.1.b	**Prestasi Pengurusan MyKad - Prestasi Permohonan Dan Pengeluaran MyKad** Analisis Audit mendapati permohonan dan pengeluaran MyKad yang tertinggi adalah JPN Negeri Selangor yang masing-masing berjumlah 557,761 dan 545,303 pada tahun 2012. Bagi JPN Cawangan yang dilawati, secara keseluruhan prestasi permohonan telah meningkat sebanyak 363,760 (172.3%) iaitu daripada 211,070 permohonan pada tahun 2010 kepada 574,830 permohonan pada tahun 2012. Manakala terdapat Cawangan JPN menunjukkan pencapaian sehingga 99.9% bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Pengeluaran MyKad struktur baharu yang diperkenalkan pada 3 Januari 2012 telah meningkat secara mendadak kerana permintaan yang tinggi berbanding dengan permintaan MyKad lama disebabkan terdapatnya penambahbaikan ciri-ciri keselamatan, reka bentuk dan kualiti MyKad yang dikeluarkan.*	Statistik permohonan MyKad bagi tahun 2013 sehingga 30 Jun 2013 adalah 2,100,474, iaitu peningkatan sebanyak 10.6% dalam tempoh yang sama bagi tahun 2012.
25.5.1.2	**Prestasi Kewangan** Bagi memastikan pengurusan MyKad berjalan lancar, JPN telah memperuntukan sejumlah RM83.67 juta, RM67.31 juta dan RM66.14 juta bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 masing-masing untuk perbelanjaan mengurus. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM83.66 juta (99.9%), RM67.31 juta (100%) dan RM66.14 juta (100%) telah dibelanjakan bagi tempoh yang sama. Bagi perbelanjaan pembangunan, sejumlah RM0.54 juta, RM17.68 juta dan RM9.38 juta diperuntukkan bagi tahun 2010, 2011 dan 2012. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM0.54 juta (100%), RM17.68 juta (100%) dan RM8.58 juta (91.5%) telah dibelanjakan untuk perolehan alat pembaca MyKad, Pencetak Teragih dan *Incoming Quality Check*. Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan JPN bagi tempoh tahun 2010 hingga	Selesai.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	2012 adalah baik. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *JPN sentiasa memastikan aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan dan mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.*	
25.5.1.3	**Kutipan Hasil** Kutipan hasil daripada bayaran proses dan denda kepada pemohon MyKad berjumlah RM142.75 juta (82.2%) merupakan hasil utama daripada kutipan keseluruhan JPN yang berjumlah RM173.74 juta bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Analisis Audit mendapati kutipan hasil Bahagian Kad Pengenalan menurun sejumlah RM0.4 juta (0.9%) pada tahun 2011 berbanding tahun 2010, sebaliknya meningkat sejumlah RM9.81 juta (22.2%) kepada RM53.99 juta pada tahun 2012. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Kutipan hasil Bahagian Kad Pengenalan pada tahun 2011 menurun kerana jumlah permohonan MyKad struktur lama berkurangan sebanyak 15,679 (0.6%) iaitu sebanyak 2,789,393 permohonan MyKad struktur baharu pada tahun 2011 berbanding sebanyak 2,805,072 pada tahun 2010.*	Kutipan hasil bagi tahun 2013 sehingga 30 Jun 2013 adalah berjumlah RM 28,741,908.00 iaitu peningkatan sebanyak 5 % dalam tempoh yang sama bagi tahun 2012.
25.5.2.1.b	**Pengurusan Aktiviti Pengeluaran MyKad - Permohonan MyKad** Sehingga akhir tahun 2012, seramai 7,812,376 pengguna telah menggunakan perkhidmatan atas talian yang disediakan oleh JPN. Semakan Audit mendapati seramai 6,633,156 (84.9%) pelanggan menggunakan perkhidmatan semakan status permohonan MyKad melalui portal JPN. Manakala seramai 1,163,778 (14.9%) pula membuat semakan status permohonan melalui perkhidmatan MySMS. Bagi perkhidmatan permohonan gantian MyKad melalui telefon (MyPhone-In) yang telah dilancarkan pada bulan Ogos 2012, jumlah pengguna adalah seramai 713 orang. Pada pendapat Audit, penambahbaikan perkhidmatan kepada pelanggan melalui kepelbagaian medium perkhidmatan seperti kemudahan portal atau atas talian adalah amat baik dan dapat mengurangkan kesesakan di kaunter dan memberi keselesaan kepada pemohon.	Pembangunan prototaip kiosk layan diri JPN telah bermula pada 24 Julai 2013 dan mengambil masa 5 bulan untuk pembangunan sistem sebelum diuji cuba. Uji cuba kiosk layan diri di Ibu Pejabat Putrajaya dijangka akan dilaksanakan pada bulan Disember 2013. Kajian untuk memperluaskan perkhidmatan *MyPhone-In* di peringkat Ibu Pejabat Negeri di seluruh Negara telah selesai dijalankan pada 31 Julai 2013. Peringkat seterusnya, JPN akan memperluaskan perkhidmatan *MyPhone-In* di semua Ibu Pejabat Negeri dan cawangan dengan mengadakan tempoh uji cuba selama 3 bulan mulai

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *JPN sentiasa berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan dan melakukan penambahbaikan secara berterusan. Inisiatif yang diambil oleh JPN pada masa kini ialah sedang merancang untuk mewujudkan perkhidmatan melalui kiosk layan diri untuk urusniaga gantian kad pengenalan. Perkhidmatan ini akan dimulakan di Ibu Pejabat sebagai projek perintis dan dijangka dapat dilaksanakan sebelum akhir tahun 2013. Di samping itu, satu kajian juga sedang dijalankan untuk memperluaskan perkhidmatan My Phone In ke peringkat Ibu Pejabat Negeri di seluruh negara yang mana pada masa ini hanya dilaksanakan di Ibu Pejabat Putrajaya. Kajian ini mengambil masa 3 bulan dan dijangka selesai pada bulan September 2013.*	1 Ogos 2013 hingga 31 Oktober 2013. Arahan Pelaksanaan berkaitan dengan perluasan perkhidmatan *MyPhone-In* di seluruh negara akan dikeluarkan selepas sistem didapati berfungsi dengan sempurna selepas penilaian uji cuba dilakukan.
25.5.2.2.b	**Tempoh Pengeluaran MyKad Melebihi 24 Jam** Semakan Audit di JPN Cawangan Ayer Keroh, Melaka; Setia Tropika, Johor Bahru; Kuching, Sarawak dan Ibu Pejabat, Putrajaya mendapati 162,694 (28.3%) MyKad daripada 574,830 permohonan mengambil masa melebihi 24 jam untuk diproses. Kelewatan ini berlaku antara bulan Januari hingga Disember 2012. Bagaimanapun selain Ibu Pejabat, Putrajaya didapati ketiga-tiga cawangan berkenaan mencatatkan peratus kelewatan tertinggi antara 73.2% hingga 86.8% bagi bulan April hingga Jun 2012. Ini disebabkan pembekal gagal membekalkan bilangan kad mentah seperti mana yang dinyatakan dalam kontrak. Selain daripada itu, peningkatan pemohon untuk menukar MyKad versi lama kepada MyKad struktur baharu juga menyebabkan MyKad lewat diproses. Pada pendapat Audit, pihak JPN perlu sentiasa memastikan pihak kontraktor membekalkan kad mentah seperti mana yang dinyatakan dalam kontrak serta menimbang penamatan kontrak pada bila-bila masa sekiranya perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor tidak memuaskan. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Kontraktor telah gagal memenuhi jadual penghantaran disebabkan beberapa isu teknikal seperti berikut:-* *i. Kontraktor adalah pembekal baharu yang pertama kali dilantik melalui tender terbuka;* *ii. MyKad struktur baharu yang diperkenalkan adalah melibatkan ciri-ciri keselamatan berteknologi tinggi dan terkini seperti turisan laser, cetakan*	Sistem untuk MyKad Struktur Baru merupakan satu sistem yang kompleks, berteknologi tinggi dan memerlukan tempoh masa untuk kestabilan serta untuk membolehkan pihak kontraktor memastikan sistem yang dibangunkan adalah bersesuaian (*compatible*) dan dapat diintegrasikan dengan sistem dan infrastruktur agensi kerajaan serta pihak swasta seperti bank. Justeru itu, hanya selepas sistem semua pihak berkaitan dapat diintegrasikan dengan harmoni dan stabil, maka barulah pengeluaran kad mentah dapat dimantapkan dan pihak kontraktor berupaya menghantar bekalan kad mentah seperti yang terkandung di dalam kontrak.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	retransfer dan cetakan nombor siri kad yang agak unik; *iii. Sistem pengeluaran MyKad struktur baharu ini merupakan sistem yang pertama kali diperkenalkan di negara ini. Penggunaan sistem ini memerlukan satu tempoh tidak kurang dari 4 bulan untuk mencapai kestabilan bagi pengeluaran MyKad berdasarkan piawaian kualiti yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan* *iv. Mulai bulan April 2012, didapati prestasi kontraktor telah meningkat dan telah dapat memenuhi kuota bekalan serta mencapai piawaian kualiti yang ditetapkan.* *Pembekalan MyKad struktur baharu yang berteknologi tinggi memerlukan kontraktor yang berkeupayaan dan mempunyai kepakaran dalam pengeluaran kad pintar bercip. Sehingga kini tidak banyak syarikat yang mempunyai keupayaan sedemikian dan memerlukan modal yang tinggi. Tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun adalah diperlukan untuk urusan pelantikan kontraktor baharu melalui tender terbuka. Tempoh yang panjang ini meliputi masa panggilan tender yang akan melibatkan proses seperti penilaian, pengujian, pembangunan dan integrasi sistem-sistem di JPN. Berdasarkan faktor yang dinyatakan di atas, adalah diyakini tidak menguntungkan bagi Kerajaan untuk menamatkan kontrak sedia ada. Lebih jauh dari itu, JPN dijangka akan menghadapi risiko kegagalan untuk mengeluarkan MyKad struktur baharu kepada orang ramai secara berterusan. Kegagalan pengeluaran MyKad struktur baharu ini akan menggugat imej Kerajaan.*	
25.5.2.3.a	**Pengurangan Dan Pengecualian Denda Akibat Kehilangan Kad Pengenalan - Borang Pengecualian/Pengurangan Denda Tidak Ditandatangani Pegawai Pelulus** Semakan Audit terhadap 1,200 sampel di Ibu Pejabat JPN dan Cawangan Ayer Keroh, Melaka; Setia Tropika, Johor Bahru dan Kuching, Sarawak mendapati 248 (20.7%) kes kelulusan permohonan tidak ditandatangani oleh pegawai pelulus di JPN Cawangan, manakala tiada kes bagi Ibu Pejabat JPN, Putrajaya. Pada pendapat Audit, JPN perlu mempertimbangkan untuk menetapkan had minima bagi setiap kes pengecualian dan pengurangan. Di samping itu setiap pengecualian dan pengurangan yang diberikan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pegawai yang diberi kuasa. Ini bertujuan mengelakkan berlakunya salah guna kuasa. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013	Arahan Penetapan Had Minima Pengurangan Fi Kehilangan MyKad terpaksa ditangguhkan, walau bagaimanapun arahan tersebut telah dikeluarkan pada 30 Julai 2013 dan berkuatkuasa pada 1 Ogos 2013. Penangguhan ini disebabkan keperluan untuk memantapkan Prosedur Permohonan Gantian Hilang Kad Pengenalan yang telah berbangkit dalam Mesyuarat YB Menteri Dalam Negeri bersama Jabatan Pendaftaran Negara pada 6 Jun 2013. Langkah ini diambil bagi mengatasi jumlah kehilangan kad pengenalan oleh orang awam yang semakin meningkat bagi tempoh 3 tahun dari tahun 2010 hingga April 2013 dengan jumlah 1,394,045. Auditan Kualiti Dalaman tahun 2013 telah pun dilaksanakan dari

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Ketua Pengarah Pendaftaran Negara telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 10 April 2013 kepada Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri dan Ketua Pejabat/Penyelia Daerah mengarahkan semua pegawai/kakitangan yang bertanggungjawab untuk memastikan borang pengecualian perlu mendapat kelulusan dan ditandatangani terlebih dahulu oleh pegawai yang diberi kuasa sebelum pengurangan fi dan pengecualian denda. JPN telah mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:- *i. Sedang menyediakan satu garis panduan penetapan had minima bagi pengurangan bayaran fi kehilangan MyKad yang akan dikuatkuasakan pada 1 Julai 2013;* *ii. Unit ISO telah mengeluarkan surat peringatan pada 15 April 2013 bertujuan untuk memberi peringatan supaya semua Pengarah Bahagian/Negeri dan Ketua Pejabat/Penyelia Daerah mematuhi semua Prosedur Kualiti dan Arahan Jabatan Bil. 10 Tahun 2007. Manakala Pasukan Audit Kualiti Dalaman JPN telah membuat semakan audit ke atas pengurusan MyKad semasa menjalankan Audit Kualiti Dalaman di semua pejabat JPN; dan* *iii. Pada tahun 2014, Audit Kualiti Dalaman dijadualkan akan dilaksanakan di Ibu Pejabat JPN Putrajaya serta 6 buah pejabat JPN Negeri yang terpilih iaitu Pulau Pinang, Perak, Terengganu, Sabah, Kedah dan Perlis termasuk pejabat JPN Daerah/ Cawangan di negeri berkenaan.*	18 Februari hingga 27 Jun 2013 di Ibu Pejabat Putrajaya dan 5 negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, WP Kuala Lumpur dan Sarawak. Laporan Auditan Kualiti Dalaman telah disedia dan dibentangkan kepada semua Pengarah Bahagian Ibu Pejabat dan Pengarah Negeri untuk diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Seterusnya, pengauditan oleh Badan Pensijilan bagi pensijilan semula MS ISO 9001:2008 JPNM telah dijalankan pada 3 Julai hingga 25 Julai 2013 di mana keputusan awal yang diperolehi adalah JPN telah diperakukan untuk diberi pensijilan semula bagi tempoh 23 September 2013 hingga 22 September 2016.
25.5.2.3.b	**Penurunan Kuasa Kepada Pembantu Pendaftaran (Gred KP26 Ke Bawah)** Mesyuarat Pengurusan Ibu Pejabat pada 10 Mac 2011 telah memutuskan supaya kuasa mempertimbangkan pengurangan atau pengecualian fi bagi kes kehilangan kad pengenalan diberikan kepada semua Ketua Pejabat di peringkat Daerah/Daerah Kecil/Cawangan tanpa mengira gred jawatan Ketua Pejabat berkenaan. Semakan Audit di JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru mendapati bahawa surat penurunan kuasa telah diberikan oleh pengarah negeri kepada pegawai Gred KP26 ke bawah yang bukan ketua pejabat peringkat Daerah/Daerah Kecil/Cawangan. Pada pendapat Audit, penurunan kuasa yang diberikan ini adalah bercanggah dengan Arahan Jabatan. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Ketua Pengarah Pendaftaran Negara telah mengeluarkan surat bertarikh 20 Mac 2013 kepada Pengarah Bahagian dan Negeri bagi membatalkan penurunan kuasa*	Pembatalan penurunan kuasa oleh Pengarah Negeri untuk mempertimbangkan rayuan bagi pengurangan dan pengecualian fi kes kehilangan kad pengenalan kepada semua pegawai gred KP26 ke bawah telah dilaksanakan selaras dengan surat arahan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara bertarikh 20 Mac 2013. Hanya Ketua Pejabat diberi penurunan kuasa.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	yang dikeluarkan oleh Pengarah Negeri untuk mempertimbangkan rayuan bagi pengurangan dan pengecualian fi kes kehilangan kad pengenalan kepada semua pegawai gred KP26 ke bawah kecuali Ketua Pejabat Peringkat Daerah/Daerah Kecil/Cawangan.	
25.5.2.4.a	**Prosedur Memasuki Bilik Percetakan/Penyerahan - Kuasa Memasuki Bilik Percetakan/Penyerahan** Bilik percetakan dan serahan MyKad merupakan kawasan larangan dan hanya kakitangan JPN dan individu yang mendapat kebenaran dibenarkan berada di dalam bilik tersebut seperti yang dinyatakan di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) JPN. Pemeriksaan Audit mendapati pegawai yang tidak diberi kuasa telah memasuki bilik percetakan/penyerahan di JPN Cawangan Ayer Keroh, Melaka untuk membantu kerja penyediaan MyKad akibat kekurangan kakitangan dan beban tugas yang bertambah. Pada pendapat Audit, bilik percetakan dan serahan merupakan kawasan larangan yang memerlukan tahap keselamatan yang ketat seperti kehendak Arahan Keselamatan. Oleh yang demikian, pihak JPN Cawangan perlu memastikan pegawai yang dibenarkan sahaja boleh memasuki bilik cetakan dan serahan tersebut. Jika terdapat bebanan tugas yang tinggi dan wujud keperluan kakitangan tambahan, pihak JPN perlu mengeluarkan surat kuasa untuk membenarkan seseorang pegawai bertugas di bilik tersebut. Di samping itu, pemantauan yang lebih kerap perlu dijalankan bagi memastikan peraturan yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Ketua Pengarah Pendaftaran Negara telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 10 April 2013 mengarahkan semua pegawai/kakitangan yang bertanggungjawab memastikan hanya pegawai yang diberi kebenaran secara bertulis oleh Pengarah Bahagian Kad Pengenalan Ibu Pejabat dan Pengarah Negeri sahaja dibenarkan memasuki Bilik Cetak/Serahan MyKad.* *Manakala surat peringatan bertarikh 15 April 2013 telah dikeluarkan mengenai arahan supaya semua Pengarah Bahagian/Negeri dan Ketua Pejabat/Penyelia Daerah mematuhi semua Prosedur Kualiti dan Arahan Jabatan Bil. 10 Tahun 2007 dan senarai nama kakitangan yang dibenarkan masuk ke bilik cetak dan serahan dipamerkan di pintu masuk.*	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 25.5.2.4.a.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.2.4.b	**Etika Berpakaian Di Bilik Percetakan** Perenggan 2, Peraturan dan Tanggungjawab SOP yang dikeluarkan pada 14 Mei 2012 menetapkan pegawai yang bertugas di bilik percetakan diwajibkan memakai pakaian makmal yang dibekalkan ketika mengendalikan proses cetakan. Pemeriksaan Audit di bilik cetakan JPN Cawangan yang dilawati mendapati pakaian makmal tersebut masih belum diterima oleh semua JPN cawangan negeri sehingga tarikh pengauditan dijalankan pada bulan September 2012. Pihak Audit juga telah membuat analisis berhubung dengan jumlah kad *reject* disebabkan oleh faktor kekotoran. Didapati sebanyak 51,689 (28.0%) daripada 184,789 kes kerosakan MyKad struktur baharu adalah disebabkan oleh faktor kekotoran. Pada pendapat Audit, pihak JPN perlu mengambil tindakan proaktif untuk memastikan SOP yang disediakan oleh pihak JPN dipatuhi oleh semua JPN Cawangan dan pakaian makmal dibekalkan pada masa yang tepat. Dengan adanya pakaian makmal tersebut ia dapat mengurangkan risiko masalah kad *reject* disebabkan habuk, rambut dan kekotoran pada persekitaran bilik cetakan. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Ketiga-tiga pejabat berkaitan belum menerima pakaian makmal sewaktu pemeriksaan Audit dijalankan. Pada masa ini pakaian makmal telah pun dibekalkan kepada semua pejabat cawangan. Di samping itu, arahan pemakaian pakaian makmal telah dikeluarkan oleh Pengarah Bahagian Kad Pengenalan pada 7 September 2012. JPN telah mengambil langkah penambahbaikan di mana Ketua Pengarah Pendaftaran Negara telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 10 April 2013 supaya semua pegawai di peringkat negeri mematuhi arahan pemakaian pakaian makmal dan perkara pematuhan etika berpakaian makmal semasa berada di Bilik Cetak MyKad.*	Ibu pejabat JPN telah menyerahkan pakaian makmal kepada 12 Cawangan JPN di seluruh negara mulai dari 30 Ogos 2012 hingga 24 November 2012. Pengarah Bahagian Kad Pengenalan Ibu Pejabat JPN telah mengeluarkan arahan kepada semua Pengarah Negeri pada 7 September 2012 supaya memantau dan memastikan semua petugas di Bilik Cetakan Kad memakai pakaian makmal semasa bertugas. Arahan ini terkandung dalam SOP Proses Cetakan Teragih MyKad.
25.5.2.5.a	**Keselamatan Penyimpanan Kelengkapan/Kemudahan/Peralatan MyKad** Mengikut Perenggan 85, Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan (TPS) barangan berharga dan menarik hendaklah disimpan di tempat yang selamat di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab atau pegawai yang diberi kuasa. Pihak JPN perlu mematuhi arahan tersebut bagi mengelak daripada berlakunya kehilangan atau kerosakan peralatan. Pemeriksaan Audit mendapati kad mentah, bahan habis guna dan MyKad siap telah disimpan di tempat yang sesuai dan teratur di JPN cawangan yang dilawati kecuali JPN Cawangan Johor Bahru dan Kuching, Sarawak yang tidak mempunyai bilik kebal dan tingkap bilik di beberapa lokasi tidak berjeriji.	Tindakan telah diambil/Selesai.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.2.5.b	Pemeriksaan Audit juga mendapati tingkap bilik percetakan MyKad di Unit PC, Ibu Pejabat JPN, Putrajaya dan bilik serahan JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru tidak dikunci dan boleh dibuka dari dalam. Pada pendapat Audit, penyimpanan kelengkapan/kemudahan/peralatan MyKad adalah baik. Bagaimanapun, JPN disarankan untuk mempertingkatkan keselamatan bilik percetakan/penyerahan. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Perkara ini telah diambil perhatian serius bagi memastikan semua Unit Personalisation Centre (PC) dan bilik serahan di negeri mematuhi garis panduan yang ditetapkan di dalam surat Arahan Pegawai Keselamatan Kerajaan. Bagi cawangan yang tidak mempunyai bilik kebal, kad mentah dan bahan habis guna disimpan di dalam kabinet besi berpalang dan berkunci di bilik cetak. Kaedah ini adalah selaras dengan salah satu daripada kaedah keselamatan pejabat yang diperakukan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia iaitu sama ada mengguna pakai dinding batu atau grill yang diapit dengan gipsum board. Manakala pejabat yang tidak mempunyai bilik kebal, MyKad siap disimpan di dalam kabinet besi berkunci yang terletak di dalam bilik berjeriji yang mematuhi ciri-ciri keselamatan. Tindakan mengunci tingkap bilik cetakan MyKad di Unit PC, Ibu Pejabat JPN, Putrajaya telah diambil pada 18 April 2013 dan bilik serahan JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru dikunci pada 22 April 2013.*	
25.5.2.5.c	**Penyimpanan Stok Kad Mentah Versi Lama** Pemeriksaan Audit di Bilik *Vault* 1, Unit PC mendapati sebanyak 128,322 baki kad mentah versi lama masih tersimpan di dalam bilik kebal. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kad mentah versi lama ini tidak boleh digunakan untuk pengeluaran MyKad untuk kategori lain. Kos perolehan untuk sekeping kad mentah versi lama adalah berharga RM18.00. Ini telah menyebabkan JPN terpaksa menanggung kos perolehan kad mentah bernilai RM2.31 juta. Pada pendapat Audit, JPN perlu memutuskan tindakan yang perlu diambil berhubung dengan lebihan kad mentah versi lama yang masih berada dalam simpanan bagi mengelakkan penyalahgunaan. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Peralihan sistem daripada MyKad versi lama kepada MyKad struktur baharu*	JPN telah melantik Syarikat Kualiti Alam pada 2 Julai 2013 untuk tujuan pelupusan stok kad mentah versi lama. Syarikat berkaitan akan memulakan kerja-kerja pelupusan sebaik sahaja pihak DOSH menjalankan pemeriksaan ke atas mesin *incinerator* yang dijadualkan pada 2 Ogos 2013 bagi memastikan kawalan alam sekitar terjamin.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	memerlukan stok simpanan kad versi lama sebagai langkah kontingensi sekiranya berlaku kelewatan/kegagalan dalam masa peralihan sistem versi lama ke MyKad struktur baharu. Keadaan ini tidak membenarkan JPN menangguh atau memberhentikan perkhidmatan pengeluaran kad pengenalan kepada orang awam atas dasar kad pengenalan adalah merupakan dokumen pengenalan diri yang sangat penting dan sangat diperlukan dalam urusan harian. Justeru itu, stok simpanan kad versi lama adalah diperlukan bagi mengelakkan ketiadaan kad mentah versi baharu sekiranya berlaku sebarang masalah dengan pengeluaran MyKad struktur baharu yang mana JPN perlu memastikan semua sistem pengeluaran MyKad struktur baharu berada dalam keadaan stabil supaya perkhidmatan JPN kepada orang awam tidak terjejas. JPN sedang dalam proses mengambil tindakan untuk melupuskan stok kad versi lama tidak lewat dari 31 Julai 2013.	
25.5.2.6.a.i	**Penggantian Kad *Reject*/Kad Rosak - Penggantian Kad *Reject*** Mengikut syarat kontrak, Kerajaan berhak mendapat gantian secara 1:1 bagi kad *reject* kerana tidak menepati spesifikasi dan kualiti kad serta kerosakan semasa proses 'initialisasi' cip yang bukan berpunca daripada kesilapan kendalian. Kerajaan juga boleh mendapat gantian 1:1 bagi kad *reject* di pusat pengeluaran kad yang juga bukan kesilapan kendalian. Had kadar penolakan sebelum syarikat pembekal membuat penggantian kad rosak yang dibenarkan ialah 1% daripada jumlah keseluruhan kad yang perlu dibekalkan.	Kad *reject* yang berjumlah 20,963 telah pun digantikan oleh pihak syarikat pada 25 Jun 2013 seperti di *Delivery Order* M112050055. Seterusnya pada 5 Jun 2013, pihak syarikat telah bersetuju untuk menggantikan kad *reject* yang berjumlah 11,203 pada bulan September 2013.
25.5.2.6.a.ii	Pemeriksaan Audit di Bilik *Vault 1* (bilik kebal), Unit *Personalization*, JPN Putrajaya (Unit PC) mendapati MyKad struktur baharu *reject* daripada Pusat Cetakan Teragih seluruh negara berjumlah 11,203 kad masih belum dikembalikan kepada Datasonic Technologies Sdn. Bhd. untuk penggantian mengikut syarat kontrak. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Ibu Pejabat JPN telah membuat 5 kali tuntutan gantian kad reject sejak 31 Mei 2012 sehingga 6 Jun 2012 bagi 20,963 kad reject di Unit PC Ibu Pejabat. Pihak kontraktor telah bersetuju untuk penggantian kad pada Jun 2013. Seterusnya JPN telah mengeluarkan surat kepada kontraktor pada 15 April 2013 bagi mendapatkan gantian sebanyak 11,203 kad. Dalam perbincangan yang telah dibuat sebelum ini, pihak kontraktor telah menyatakan persetujuannya untuk menggantikan kad reject.* *JPN telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan mengadakan Mesyuarat Kualiti secara berkala bersama kontraktor sekurang-kurangnya sebulan sekali dan menghantar kad-kad reject untuk dianalisa oleh makmal semi konduktor bagi*	Pemantauan sentiasa dijalankan bagi memastikan syarikat membuat gantian bagi semua kad *reject* sepenuhnya sebagaimana perjanjian dalam kontrak.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mengenalpasti punca kerosakan supaya tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan oleh kontraktor. Penggantian kad reject akan diterima mulai bulan Jun 2013 dan gantian seterusnya akan dituntut sebelum tamat kontrak pada 31 Disember 2013.	
25.5.2.6.b.i	**Penggantian MyKad Rosak** Syarikat Iris Technologies Sdn. Bhd. telah membekalkan 6 juta kad untuk pengeluaran MyKad versi lama yang telah diberhentikan pengeluarannya pada Disember 2011. Semakan Audit mendapati 230,602 kad dikembalikan kepada syarikat pembekal untuk tujuan penggantian. Bagaimanapun MyKad rosak yang diganti oleh pihak Iris Technologies (M) Sdn. Bhd. hanya 188,634 (81.8%). Baki 41,968 kad masih belum dibuat penggantian sedangkan kontrak telah tamat.	Sejumlah 5,330 kad rosak yang didapati berpunca dari mesin pencetak telah digantikan oleh pihak syarikat pencetak pada 25 Jun 2013 seperti di *Delivery Order* M112050055. Bagi mengatasi masalah persekitaran yang menyumbang kepada kerosakan kad, JPN sedang mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah debu/habuk seperti berikut:- 1. Semua pegawai yang bertugas di Unit Percetakan diwajibkan memakai *labcoat* dan *fingercoat;* 2. 2 '*Anti-static box'* adalah dicadang untuk digunakan di Ibu Pejabat Putrajaya bagi menguji keberkesanan mengatasi masalah debu/habuk sebelum digunakan di peringkat negeri dan cawangan; dan 3. JPN telah pun mengadakan perbincangan dengan syarikat pembersihan pada 12 Julai 2013 untuk pembersihan debu/habuk secara menyeluruh di bilik percetakan. Susulan daripada itu, lawatan ke tapak telah diadakan pada 12 dan 30 Julai 2013. 4. Pelaksanaan kerja pembersihan debu/habuk di Pusat Percetakan JPN Ibu Pejabat dijangka akan bermula selepas pelantikan syarikat pada pertengahan Ogos 2013.
25.5.2.6.b.ii	Pihak Audit mendapati MyKad struktur baharu yang rosak sebanyak 20,963 telah dikembalikan kepada Syarikat Datasonic Technologies Sdn. Bhd. Bagaimanapun sehingga kini pembekal masih belum membuat sebarang penggantian kerana jumlah MyKad struktur baharu yang rosak masih belum mencapai 1% daripada jumlah kad yang dibekalkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati syarat kontrak tidak menetapkan had masa atau tempoh bekalan kad yang di ambil kira bagi membuat pengiraan 1% tersebut. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Penggantian MyKad oleh Syarikat Iris Technologies sebanyak 188,634 keping adalah bagi kes reject yang sahih berpunca daripada kesilapan pihak kontraktor manakala bagi sejumlah 41,968 keping kad, tidak dapat ditentukan punca sebenar kad reject pada masa itu. JPN telah membuat semakan semula dengan melibatkan pihak kontraktor dan mendapati hanya 5,330 kad daripada sejumlah 41,968 yang perlu diganti oleh kontraktor. Ini berikutan kad tersebut di reject disebabkan oleh debu yang terdapat di dalam bilik cetakan yang sukar dilihat oleh mata kasar. Bagi mengatasi masalah persekitaran yang menyumbang kepada kerosakan kad, JPN telah mengambil langkah untuk mengurangkan masalah debu seperti pemakaian labcoat, fingercoat dan akan melantik syarikat profesional yang akan menjalankan kerja pembersihan bilik percetakan mulai Julai 2013 secara berkala.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.2.6.b.iii	Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh Januari hingga Disember 2012, sebanyak 26,265 MyKad struktur baharu atau 5.5% daripada pengeluaran 477,753 di JPN cawangan yang dilawati dilaporkan mengalami kerosakan cip dan fizikal. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *JPN telah mengambil langkah penambahbaikan dengan mengumpul MyKad rosak daripada semua cawangan teragih dan Ibu Pejabat bagi menentukan bilangan yang perlu dituntut daripada pihak kontraktor (sekiranya melebihi 1%) sebelum tamat kontrak pada 31 Disember 2013.* Pada pendapat Audit, JPN hendaklah memastikan setiap tuntutan penggantian kad hendaklah disempurnakan oleh kontraktor sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak.	Tindakan mengenalpasti dan mengumpul semua MyKad Struktur Baru yang rosak sedang diambil dari semua cawangan untuk tujuan pengesahan dengan data dari *Card Lifecycle Management System (CLMS),* supaya bilangan sebenar dapat diketahui dan dipulangkan kepada pihak kontraktor untuk tuntutan gantian. Sehingga bulan Julai 2013, sejumlah 286,456 MyKad Struktur Baru atau 3.81% daripada bekalan sebanyak 7,515,000 telah dikesan dan dikumpul di Ibu Pejabat Putrajaya untuk ujian analisis kegagalan *(failure analysis)* ke atas kad-kad tersebut bagi mengenalpasti punca kerosakan, samada berpunca daripada pihak kontraktor atau pihak JPN semasa pengendalian proses pengeluaran MyKad, sebelum tuntutan daripada pihak kontraktor boleh dibuat.
25.5.2.7.a	**Pelupusan MyKad - MyKad Versi Lama Yang Telah Dibuat Gantian Tidak Dilupuskan** Pihak Audit mendapati Bahagian Kad Pengenalan, Putrajaya telah melupuskan sebanyak 1.04 juta MyKad versi lama dengan cara pembakaran pada 20 April 2012 di Bukit Pelandok melibatkan kos berjumlah RM40,760. Pemeriksaan Audit selanjutnya di Bilik *Vault* 2, Unit PC mendapati 500,011 keping MyKad versi lama yang telah dibuat gantian dan tidak boleh digunakan lagi masih belum dilupuskan. Pada pendapat Audit, JPN perlu memastikan semua MyKad versi lama yang telah dibuat gantian diambil tindakan pelupusan dengan segera. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Surat arahan bertarikh 3 Mei 2013 telah dihantar kepada JPN Negeri supaya negeri yang mempunyai kad yang hendak dilupuskan perlu dihantar ke Ibu Pejabat selewat-lewatnya pada 26 Jun 2013. Di samping itu, negeri dan cawangan juga dikehendaki menyerahkan kad yang hendak dilupuskan pada setiap 10 haribulan bulan berikutnya kepada Ibu Pejabat. Inisiatif juga telah diambil oleh JPN Ibu Pejabat dan Negeri dengan mengeluarkan surat peringatan kepada pemilik supaya mengutip MyKad yang belum dituntut.*	Tindakan untuk pelupusan telah diambil seperti yang dinyatakan pada para 25.5.2.5.c.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.2.7.b.i	**MyKad Rosak Yang Diserah Balik Pemohon Tidak Ditebuk/Dipotong Dan Dihantar Ke Unit PC, Putrajaya** Arahan Jabatan Pendaftaran Negara Bil. 9 Tahun 2008 mengenai Prosedur Pemulangan Kad Untuk Pelupusan Ke Ibu Pejabat menetapkan MyKad yang diserah balik kepada JPN Cawangan kerana rosak semasa permohonan gantian atau penukaran hendaklah ditebuk atau dipotong di hadapan pemohon sebelum diasingkan dan dikumpul mengikut kategori kerosakan dan seterusnya dihantar ke Unit PC, Bahagian Kad Pengenalan, Putrajaya untuk dilupuskan bersama laporan sekurang-kurangnya sebulan sekali.	Pemantauan dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan peraturan dan garis panduan yang telah disediakan oleh Jabatan dipatuhi.
25.5.2.7.b.ii	Pemeriksaan Audit mendapati JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru tidak menebuk atau memotong MyKad rosak yang telah diserahkan oleh pemohon. Pihak Audit juga mendapati bahawa MyKad yang telah diserahkan kepada JPN oleh pengguna tidak dihantar ke Unit PC untuk dilupuskan serta masih disimpan di Bilik Serahan. Pada pendapat Audit, JPN perlu memastikan Arahan Jabatan yang dikeluarkan dipatuhi oleh semua JPN Cawangan dan tindakan menebuk/memotong MyKad yang rosak/penggantian hendaklah dilakukan bagi mengelakkan daripada berlakunya penyalahgunaan. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Pada tarikh pengauditan dibuat, purata serahan kad pengenalan di JPN Johor adalah sebanyak 1,000 keping kad sehari dan hanya 2 orang kakitangan kaunter yang bertugas di Unit Serahan menyebabkan Arahan JPN Bil. 9 Tahun 2008 tidak dapat dipatuhi sepenuhnya. Ketua Pengarah Pendaftaran Negara telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 10 April 2013 supaya peraturan dan garis panduan yang telah disediakan oleh Jabatan dipatuhi.*	
25.5.3.1	**Pengurusan Kontrak - Kontrak Lewat Ditandatangani** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Pihak Audit mendapati 5 kontrak lewat ditandatangani antara 72 hingga 116 hari. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013	JPN telah membangunkan Sistem Pemantauan Pengurusan Kontrak yang telah dilaksanakan mulai 23 Julai 2013 bagi mengurus dan memantau semua kontrak. Selain daripada membangunkan sistem Pengurusan Pemantauan Kontrak, JPN akan terus berusaha bagi menentukan tindakan segera diambil bagi mengatasi kelewatan penyempurnaan kontrak seperti rundingan kontrak, penyediaan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kelewatan menandatangani kontrak berkenaan adalah disebabkan keperluan meneliti isu berkaitan dengan terma dan syarat kontrak dirunding dan dipersetujui antara kedua-dua pihak demi kepentingan Kerajaan. Kontrak berkaitan merangkumi pelbagai aspek yang kompleks dan rumit meliputi bukan sahaja bekalan kad mentah tetapi juga perubahan sistem dan prasarana yang berkaitan dengan kad pintar dan sistem lain di JPN serta agensi-agensi lain yang berkaitan. Penelitian ke atas sistem, teknologi dan perkakasan termasuk skop dan syarat perkhidmatan kontrak perlu disemak dengan sepenuhnya. Oleh itu, semakan kontrak tersebut perlu mengambil masa yang panjang untuk memenuhi kepentingan semua pihak yang terlibat. JPN sedang mengambil tindakan penambahbaikan dengan membangunkan satu sistem pemantauan pengurusan kontrak JPN secara menyeluruh yang dijangka akan dilaksanakan pada bulan Ogos 2013. Pada pendapat Audit, Jabatan perlu memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi menjaga kepentingan Kerajaan.	kontrak oleh semua pihak yang berkaitan seperti jabatan, kontraktor dan Penasihat-Penasihat Undang-Undang.
25.5.3.2	**Bon Pelaksanaan Lewat Dikemukakan** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan pembekal hendaklah mengemukakan SST yang ditandatangani serta bon pelaksanaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh keluarnya surat berkenaan. Semakan Audit mendapati bon pelaksanaan bagi 2 kontrak telah lewat dikemukakan oleh pembekal antara 35 hingga 92 hari. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Pembekal telah lewat mengemukakan Bon Pelaksanaan kerana terdapat perubahan prosedur bank dalam pengeluaran bon tersebut. Surat peringatan kepada kontraktor akan dikeluarkan sekiranya berlaku kelewatan menyerahkan bon pelaksanaan.* Pada pendapat Audit, Jabatan perlu memastikan kontraktor menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan untuk menjamin kepentingan Kerajaan.	Perkara ini telah diberi perhatian serius serta ditegaskan di setiap Mesyuarat Pengurusan Tertinggi dan Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan di peringkat Jabatan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.3.3.a	**Penyewaan Mesin Pencetak CTP 57** JPN telah memperoleh secara sewa beli 2 unit mesin pencetak CTP 57 melalui kontrak yang ditandatangani dengan sebuah syarikat bermula pada 1 Oktober 2010 dan masih berkuat kuasa sehingga 30 September 2013. Kedua-dua mesin pencetak tersebut telah ditempatkan di JPN Cawangan Kuching, Sarawak. Oleh kerana atas faktor pertukaran MyKad versi lama kepada MyKad struktur baharu, kedua-dua unit mesin tersebut telah diserahkan kepada pihak Ibu Pejabat JPN pada 24 September 2012 kerana ianya tidak boleh digunakan untuk mencetak MyKad struktur baharu.	Sistem utama JPN telah siap diubahsuai pada bulan Jun 2013 bagi membolehkan Mesin Pencetak CTP 57 digunakan untuk mencetak MyKid. Sementara itu, Mesin Pencetak CTP 57 sedang diubahsuai untuk digunakan bagi mencetak MyKid.
25.5.3.3.b	Semakan Audit mendapati bahawa mulai 1 Januari 2012 kedua-dua mesin pencetak tersebut tidak digunakan oleh pihak JPN Cawangan Kuching, Sarawak. Namun demikian, adalah didapati pembayaran sewaan berjumlah RM31,600 sebulan masih diteruskan sehingga hari ini bagi penyewaan mesin tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat klausa yang membenarkan pihak Kerajaan untuk membatalkan kontrak tersebut dengan syarat pihak Kerajaan hendaklah memberikan notis dalam tempoh satu bulan sebelum penamatan. Bagi tempoh bulan Januari 2012 hingga April 2013 (16 bulan), sejumlah RM505,600 telah dibayar bagi penyewaan 2 mesin pencetak yang tidak digunakan. Pada pendapat Audit, pembayaran penyewaan mesin pencetak yang tidak diguna merupakan satu pembaziran. JPN hendaklah mengambil tindakan segera dengan memberikan notis penamatan kontrak kepada syarikat pembekal bagi mengelakkan pembayaran berterusan dilakukan. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Mesin pencetak CTP 57 sebanyak 3 unit pada asalnya telah digunakan untuk mencetak MyKad versi lama di JPN Melaka dan Sarawak sebagai projek perintis untuk pengeluaran MyKad dalam tempoh 24 jam. Ekoran daripada pelaksanaan MyKad struktur baharu yang melibatkan cetakan laser berkuat kuasa mulai bulan Januari 2012, mesin pencetak tersebut terpaksa digantikan dengan mesin pencetak baru jenis LCP9000 bagi memenuhi keperluan cetakan MyKad struktur baharu.* *JPN tidak menamatkan kontrak bagi kedua-dua mesin tersebut kerana ia adalah kontrak sewa beli, di mana mesin tersebut akan menjadi milik Kerajaan setelah tamat sewaan pada bulan September 2013. JPN sedang mengambil tindakan untuk mengubah suai sistem bagi membolehkan mesin tersebut digunakan untuk cetakan MyKid di JPN Cawangan mulai bulan Julai 2013. Pelaksanaan cetakan MyKid ini terpaksa ditangguh pada peringkat awal kerana Jabatan pada ketika itu memberi fokus kepada usaha-usaha pemantapan migrasi sistem kepada MyKad struktur*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	baharu dan roll-out projek percetakan teragih ke seluruh negara.	
25.5.3.4.a	**Pembekalan Kad Mentah Struktur Baharu Tidak Mengikut Kontrak Yang Ditetapkan** Berdasarkan kontrak perjanjian, pihak pembekal iaitu Syarikat Datasonic Technologies Sdn. Bhd. perlu membekalkan kad mentah struktur baharu bermula dari bulan Disember 2011 sehingga bulan Julai 2013.	Sistem untuk MyKad Struktur Baru merupakan satu sistem yang kompleks, berteknologi tinggi dan memerlukan tempoh masa untuk kestabilan serta untuk membolehkan pihak kontraktor memastikan sistem yang dibangunkan adalah bersesuaian (*compatible*) dan dapat diintegrasikan dengan sistem dan infrastruktur agensi kerajaan serta pihak swasta seperti bank. Justeru itu, hanya selepas sistem semua pihak berkaitan dapat diintegrasikan dengan harmoni dan stabil, maka barulah pengeluaran kad mentah dapat dimantapkan dan pihak kontraktor berupaya menghantar bekalan kad mentah seperti yang terkandung di dalam kontrak.
25.5.3.4.b	Semakan Audit mendapati pembekal gagal membekalkan kad mentah seperti yang dinyatakan di dalam kontrak dan kesan daripada kekurangan pembekalan kad mentah telah menyebabkan berlakunya *backlog* yang tinggi ke atas permohonan MyKad struktur baharu. Pada pendapat Audit, pihak JPN perlu memastikan pihak kontraktor sentiasa membekalkan kad mentah mengikut syarat kontrak serta mengambil tindakan dengan menamatkan kontrak pada bila-bila masa sekiranya perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor tidak memuaskan. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Kontraktor telah gagal memenuhi jadual penghantaran disebabkan beberapa isu teknikal. Pembekalan MyKad struktur baharu yang berteknologi tinggi memerlukan kontraktor yang berkeupayaan dan mempunyai kepakaran dalam pengeluaran kad pintar bercip. Sehingga kini tidak banyak syarikat yang mempunyai keupayaan sedemikian dan memerlukan modal yang tinggi. Tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun adalah diperlukan untuk urusan pelantikan kontraktor baharu melalui tender terbuka. Tempoh yang panjang ini meliputi masa panggilan tender yang akan melibatkan proses seperti penilaian, pengujian, pembangunan dan integrasi sistem di JPN. Berdasarkan faktor tersebut, adalah diyakini tidak menguntungkan bagi Kerajaan untuk menamatkan kontrak sedia ada. Kegagalan pengeluaran MyKad struktur baharu ini akan menggugat imej Kerajaan.*	
25.5.4.1	**Aplikasi MyKad Kurang Digunakan** Kemudahan aplikasi yang disediakan pada cip MyKad semenjak dilancarkan pada 5 September 2001 mengandungi aplikasi kad pengenalan; lesen memandu; *Touch n Go*; maklumat imigresen; maklumat kesihatan; dokumen perjalanan dan prasarana kekunci awam.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 25.5.4.3.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.4.2	Semakan Audit mendapati hanya 4 daripada 7 aplikasi utama dimanfaatkan pemegang MyKad iaitu kad pengenalan, lesen memandu, kad transit *Touch n Go* dan maklumat imigresen bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 berbanding penggunaan 3 aplikasi yang lain seperti maklumat kesihatan, dokumen perjalanan dan prasarana kekunci awam yang hanya digunakan pada tahun 2010. Namun demikian, berlaku sedikit peningkatan ke atas penggunaan aplikasi prasarana kekunci awam pada tahun 2012 berbanding pada tahun 2011.	
25.5.4.3	Semakan Audit juga mendapati penggunaan aplikasi *on card* oleh agensi awam lain juga menunjukkan sedikit peningkatan pada tahun 2012 berbanding penggunaannya pada tahun 2010. Pada pendapat Audit, JPN perlu mengadakan aktiviti promosi bagi menggalakkan orang awam menggunakan aplikasi yang disediakan dalam MyKad. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *JPN hanya menyediakan platform dalam cip MyKad untuk menempatkan pelbagai aplikasi. Bagaimanapun, penggunaan aplikasi tersebut bergantung kepada kesediaan agensi yang berkaitan menggunakan aplikasi tersebut. JPN telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan mengadakan pelbagai promosi sejak tahun 2002 melalui Portal JPN, pameran /program turun padang, cetakan promosi di resit urusniaga kad pengenalan, poster/bunting di cawangan-cawangan JPN dan perbincangan serta kerjasama dengan agensi yang berminat untuk menggunapakai MyKad dalam sistem mereka. Salah satu usaha bagi meningkatkan penggunaan aplikasi Touch 'n Go dalam MyKad, projek perintis Kaunter Touch 'n Go telah dibuka di JPN Putrajaya pada 23 Mac 2013.*	
25.5.5.1	**Penggunaan Aset Di Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan (BSPK) - Pembekalan Peralatan Melebihi Keperluan** BSPK Putrajaya dan BSPK JPN negeri telah dibekalkan sejumlah 95 alat pembaca MyKad Axia Phone pada tahun 2007. Bagaimanapun pihak Audit mendapati hanya 42 daripada 65 perjawatan diluluskan telah diisi. Keadaan ini menunjukkan lebihan peralatan yang dibekalkan berbanding perjawatan yang diisi menyebabkan 53 peralatan tidak digunakan. Pihak Audit berpendapat JPN perlu merancang setiap perolehan dan pembelian sesuatu aset bagi memastikan setiap perolehan yang dibuat dapat digunakan dengan cekap untuk mendapatkan *value for money* di atas apa yang dibelanjakan. Selain itu, JPN perlu membuat perancangan yang teratur dari segi pengagihan	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 25.5.5.1.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	peralatan Axia Phone bagi mengelakkan daripada berlakunya pembaziran. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *MyKad Axia Phone adalah alat penting yang digunapakai semasa operasi bagi tujuan membuat pengesahan identiti individu dan ketulenan kad pengenalan, Kad Pengenalan Pemastautin Tetap, Kad Pengenalan Pemastautin Sementara dan sijil lahir secara access online dengan sistem data JPN melalui talian Celcom. Bilangan MyKad Axia Phone dan taliannya adalah perlu dikekalkan bagi menentukan operasi tangkapan dijalankan dengan lancar. Jumlah peralatan adalah mencukupi bagi tujuan penggantian jika berlaku kerosakan peralatan semasa perjalanan operasi.* *Bilangan MyKad Axia Phone sebanyak 94 unit yang disimpan di Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan (BSK) Putrajaya juga digunakan sebagai gantian kepada Axia Phone di JPN Negeri sekiranya mengalami kerosakan dan tambahan untuk operasi jika ada permintaan oleh 224 pejabat JPN untuk memenuhi keperluan operasinya.*	
25.5.5.2.a	**Langganan Talian Celcom Tidak Digunakan Secara Optimum** JPN telah dibekalkan sebanyak 218 peralatan pembaca MyKad mudah alih Axia PDA Phone (Axia Phone) model A108 bernilai RM1.20 juta pada tahun 2007 yang turut dilengkapkan dengan kemudahan talian Celcom bagi membolehkan Axia Phone tersebut berinteraksi dengan pangkalan data JPN.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 25.5.5.2.c.
25.5.5.2.b	Pihak Audit mendapati kebanyakan Axia Phone ini tidak digunakan secara optimum dan JPN hanya membuat bayaran asas di bawah pakej M2M10 bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Ogos 2012.	
25.5.5.2.c	Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak JPN telah membuat bayaran berjumlah RM1,390 sebulan atau RM16,680 setahun bagi perkhidmatan ini, walaupun peralatan Axia Phone tersebut tidak digunakan kerana kekurangan operasi dijalankan dan peralatan melebihi keperluan. Pada pendapat Audit, JPN perlu merancang dan mengenal pasti keperluan penggunaan kemudahan talian Celcom. Jika tiada keperluan atau berlakunya lebihan, pihak JPN perlu menamatkan perkhidmatan talian tersebut bagi mengelakkan daripada berlakunya pembaziran. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	JPN telah mengambil tindakan untuk menamatkan 62 talian Celcom dan mengekalkan 38 talian Celcom untuk kegunaan semasa. Tindakan pengurangan talian telah diambil dengan mengekalkan hanya 38 talian sahaja daripada 100 talian. Surat permohonan penamatan penggunaan talian kepada Celcom telah dibuat pada 20 Mei 2013 dan penamatan talian Celcom telah berkuat kuasa pada 31 Mei 2013.	
25.5.6.1	**Penilaian Tahap Kepuasan Pelanggan** Bahagian Perhubungan Awam, JPN berperanan untuk memantau semua aduan yang diterima daripada pelanggan. Aduan yang diterima adalah melalui pelbagai saluran seperti Biro Pengaduan Awam, akhbar, surat, bersemuka, Sistem Pengurusan Aduan Awam (i-SPAA), SUHAKAM serta melalui panggilan telefon. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, borang maklum balas pelanggan disediakan di kaunter khidmat pelanggan.	JPN sentiasa memberi keutamaan kepada peningkatan tahap kepuasan pelanggan. Sehingga akhir bulan Julai 2013, selain daripada 224 pejabat JPN sedia ada yang merangkumi 4 UTC, 1 Mini UTC dan 3 RTC, operasi pejabat baru juga telah dibuka di UTC Alor Star pada 23 Julai 2013.
25.5.6.2	Semakan Audit terhadap Laporan Pemantauan Aduan Awam serta daftar aduan terhadap kepuasan pelanggan yang diselenggara oleh Ibu Pejabat JPN mendapati semua aduan yang diterima oleh JPN telah selesai dan diambil tindakan dengan segera. Semua tindakan yang diambil oleh JPN telah dimaklumkan kepada pengadu sama ada menerusi panggilan telefon atau secara bertulis.	
25.5.6.3	Berdasarkan borang maklum balas kepuasan pelanggan yang diedarkan oleh Pejabat Perkhidmatan Pelanggan/Tetamu, Ibu Pejabat JPN kepada Bahagian-bahagian di Ibu Pejabat dan negeri mendapati sebanyak 71,068 borang telah diterima pada tahun 2010 dan 85,408 borang telah diterima pada tahun 2011. Analisis Audit terhadap maklum balas borang aduan tersebut menunjukkan kadar kepuasan pelanggan secara keseluruhannya telah meningkat.	
25.5.6.4.a	Jabatan Audit Negara juga telah mengedarkan sebanyak 200 borang soal selidik kepada orang awam di kaunter Bahagian Kad Pengenalan Ibu Pejabat JPN, Cawangan Ayer Keroh, Melaka; Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru; dan Cawangan Kuching, Sarawak untuk mendapatkan maklum balas mengenai tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan, layanan kakitangan, persekitaran dan masa berurusan. Analisis Audit terhadap 200 (100%) maklum balas yang diterima diringkaskan seperti berikut:- Secara keseluruhannya, 84.7% pelanggan berpuas hati terhadap perkhidmatan dan layanan yang diberikan antaranya berkaitan dengan layanan yang menggunakan bahasa yang sopan, berusaha untuk memudahkan pelanggan, memberi layanan yang sama rata kepada semua pelanggan serta kemudahan untuk OKU dan warga emas.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.6.4.b	Seramai 161 (80.5%) daripada 200 respondan telah memberikan penarafan sekadar memuaskan berhubung dengan keadaan ruang menunggu yang sempit dan terhad. Keadaan ini telah menyebabkan rasa kurang selesa di kalangan pelanggan yang sedang berurusan dengan pihak JPN. Pihak Audit dimaklumkan secara purata, permohonan MyKad di negeri yang dilawati dianggarkan berjumlah 400 hingga 700 pelanggan sehari. Keadaan ini berlaku kerana disebabkan minat orang ramai untuk menukar MyKad versi lama kepada MyKad struktur baharu.	
25.5.6.4.c	Sebanyak 82 (41%) daripada 200 responden telah memberikan maklum balas berbentuk aduan dan penambahbaikan untuk perhatian dan tindakan pihak JPN. Antara aduan dan cadangan penambahbaikan adalah seperti ruang menunggu terlalu sempit, menyediakan kaunter OKU dan warga emas untuk serahan kad serta mutu MyKad dan cip perlu dipertingkatkan. Pada pendapat Audit, secara keseluruhan tahap kepuasan pelanggan adalah memuaskan. Bagaimanapun, adalah disarankan supaya JPN mempertimbangkan cadangan penambahbaikan perkhidmatan dan kemudahan yang diterima daripada orang awam. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *JPN sebagai salah sebuah agensi barisan hadapan adalah memberi fokus utama kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Sehubungan itu, pendekatan yang diambil oleh JPN ialah sentiasa berusaha menambahbaik perkhidmatan dan kemudahan kepada orang awam selaras dengan konsep Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan. JPN telah diberi penarafan 5 Bintang Sistem Star Rating bagi agensi barisan hadapan pada tahun 2012 dan JPN akan terus berusaha untuk mengekalkan penarafan 5 bintang.* *JPN menyedari bahawa kepuasan dan keselesaan pelanggan wajar diberi keutamaan. Bagaimanapun, disebabkan kekangan yang ada seperti keluasan pejabat sedia ada adalah terhad dan peruntukan kewangan yang tidak mencukupi maka peluasan ruang pejabat tidak dapat dilakukan.* *Usaha Kerajan mewujudkan Urban Transformation Centre (UTC) dan Rural Transformation Centre dilihat mampu mengurangkan tumpuan orang ramai di satu-satu pejabat JPN yang sedia ada. Menyedari pentingnya pelanggan kepada JPN, Jabatan ini telah menjalankan soal selidik bagi mendapatkan komen dan pandangan orang awam terhadap perkhidmatan JPN pada tahun 2012 untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan JPN. Secara keseluruhannya daripada 4,607 respondan mencatatkan 89.7% pelanggan berpuas hati dengan penyampaian yang disediakan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	JPN di seluruh negara.	
25.5.7.1	**Pemantauan Terhadap Pelaksanaan Percetakan Teragih Dan MyKad Struktur Baharu** Pemantauan dan perancangan yang teratur dapat membantu meningkatkan kecekapan pengurusan percetakan teragih dan MyKad Struktur Baharu. Di peringkat Ibu Pejabat beberapa mesyuarat diadakan untuk memantau aktiviti pengurusan percetakan teragih dan MyKad struktur baharu di seluruh JPN Negeri. Antara mesyuarat yang diadakan oleh Bahagian Kad Pengenalan ialah Mesyuarat Pengurusan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Kad Pengenalan serta diadakan pada setiap bulan. Mesyuarat ini membincangkan pemasalahan berkaitan MyKad untuk diambil tindakan. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat pengurusan mendapati semua isu yang dibangkitkan telah diambil tindakan.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 25.5.7.4.
25.5.7.2	Selain daripada itu, terdapat juga mesyuarat yang diadakan di Ibu Pejabat JPN yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendaftaran Negara serta dihadiri oleh pengarah JPN negeri. Mesyuarat tersebut adalah Mesyuarat Penyelarasan Urusniaga Utama JPN Peringkat Pengarah serta Mesyuarat Pengarah JPNM. Mesyuarat tersebut diwakili oleh setiap pengarah negeri bertujuan untuk memaklumkan sebarang perkembangan dan permasalahan yang berbangkit di peringkat negeri.	
25.5.7.3	Semakan Audit juga mendapati Ibu Pejabat JPN telah menubuhkan satu jawatankuasa bagi tujuan memantau projek percetakan mesin teragih. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada *Project Management Committee* (PMC), *Project Implementation Team* (PIT), *Work Group Site Preparation* (WG1), *Work Group Printers & Implementation* (WG2), *Work Group System & Application Integration* (WG3) dan *Work Group Project Management Office* (PMO) (WG4). Setiap ahli jawatankuasa mempunyai peranan tertentu yang ditetapkan. Mesyuarat jawatankuasa tersebut diadakan dari masa ke semasa mengikut kesesuaian untuk membincangkan sebarang isu dan permasalahan serta status pelaksanaan percetakan teragih dan MyKad struktur baharu.	
25.5.7.4	Bagi 3 negeri yang dilawati, mesyuarat pengurusan telah diadakan di Bahagian Kad Pengenalan yang dipengerusikan oleh Pengarah JPN negeri dan dihadiri oleh wakil bagi setiap daerah. Mesyuarat ini diadakan untuk membincangkan isu dan masalah yang berlaku di JPN negeri serta daerah. Selain itu, pihak Audit mendapati satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan antaranya untuk memantau masalah *backlog* yang berlaku disebabkan masalah kekurangan bekalan kad mentah serta memastikan tidak berlaku lambakan MyKad tidak dituntut melebihi 3 bulan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap aktiviti pengurusan MyKad di peringkat Ibu Pejabat dan JPN Negeri telah dilaksanakan dengan baik. Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013 *Ibu Pejabat JPN sentiasa memantau pelaksanaan percetakan MyKad teragih. Percetakan MyKad teragih telah dijadikan sebagai KPI Menteri Dalam Negeri bagi tahun 2013. Bagi 5 buah UTC, KPI yang ditetapkan ialah 100% percetakan MyKad teragih dalam tempoh 24 jam (1 hari). Bagi Ibu Pejabat JPN Negeri pula, KPI yang ditetapkan ialah 80% percetakan teragih dalam tempoh 24 jam (1 hari). Sehingga 26 Mei 2013, pencapaian KPI bagi UTC adalah 100% dan 99.9% bagi Ibu Pejabat JPN Negeri. Ini menunjukkan bahawa pejabat JPN yang berkenaan telah berjaya melepasi sasaran KPI yang ditetapkan. Pencapaian ini adalah hasil kerjasama semua pihak serta pemantauan yang bersungguh-sungguh oleh pihak pengurusan atasan. Ibu Pejabat JPN sentiasa memantau pelaksanaannya dan dijadikan agenda tetap dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi setiap minggu.* *JPN turut mengambil tindakan penambahbaikan iaitu bagi pejabat yang mencapai sasaran asal, pihak pengurusan mengeluarkan surat penghargaan di atas kejayaan yang dicapai. Bagi JPN Negeri yang tidak menepati KPI pada minggu berkaitan, satu surat tunjuk sebab dikeluarkan kepada Pengarah Negeri bagi menyatakan sebab sebenar ketidakcapaian KPI. Pengarah Negeri juga perlu menyatakan tindakan penyelesaian bagi mengelakkan perkara yang sama berlaku di masa hadapan.* *Kontraktor juga diminta menyediakan jurutera mesin pencetak di semua cawangan teragih untuk melakukan kerja pembaikan segera untuk memastikan proses cetakan MyKad dalam tempoh 24 jam tidak terjejas. Masalah kerosakan mesin perlu diselesaikan dalam hari yang sama, sekiranya kontraktor gagal membaiki kerosakan, maka mesin gantian perlu disediakan. Penalti akan dikenakan kepada kontraktor jika mesin gantian tidak dapat disediakan sebagaimana termaktub di dalam kontrak. Mesyuarat Pemantauan Projek secara berkala setiap dua minggu turut diadakan untuk memastikan isu-isu pelaksanaan projek dapat ditangani segera.*	

(PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN)

Perenggan 27 : Pengurusan Terhadap Prestasi Kewangan Dan Pengawasan Syarikat Kerajaan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
27.4.1.2	**Pendapatan Syarikat** Analisis Audit selanjutnya mendapati pendapatan 20 syarikat (35.1%) daripada 57 syarikat meningkat bagi 3 tahun berturut-turut. Jumlah pendapatan yang diperoleh oleh syarikat ini adalah RM4.303 bilion pada tahun 2009 dan ianya meningkat kepada RM6.835 bilion pada tahun 2010 dan RM7.971 bilion pada tahun 2011. Manakala pendapatan bagi 6 syarikat (10.5%) pula mengalami penurunan bagi 3 tahun berturut-turut di mana jumlah pendapatannya adalah RM0.486 bilion pada tahun 2009, menurun kepada sejumlah RM0.353 bilion pada tahun 2010 dan sejumlah RM0.296 bilion pada tahun 2011.	Bersetuju dengan kenyataan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat MKD bagi tahun 2009, 2010 dan 2011.
27.4.2.1	**Keuntungan Sebelum Cukai** Pada tahun 2011, sebanyak 37 syarikat (65%) daripada 57 syarikat telah memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM102.355 bilion manakala 20 syarikat (35.1%) yang lain mengalami kerugian berjumlah RM2.154 bilion. Secara keseluruhannya, jumlah keuntungan sebelum cukai adalah berjumlah RM100.201 bilion. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM24.499 bilion (36.3%) berbanding keuntungan sebelum cukai sejumlah RM75.702 bilion pada tahun 2010.	Bersetuju dengan kenyataan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat MKD bagi tahun 2009, 2010 dan 2011.
27.4.2.2	Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sektor ekonomi dan sektor teknologi telah mencatat keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut. Manakala sektor infrastruktur telah mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut.	Bersetuju dengan kenyataan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat MKD bagi tahun 2009, 2010 dan 2011.
27.4.2.3	Adalah didapati 27 syarikat (47.4%) daripada 57 syarikat telah memperoleh keuntungan sebelum cukai untuk tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM271.882 bilion. Manakala 12 syarikat (21.1%) mengalami kerugian bagi tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM3.133 bilion.	Bersetuju dengan kenyataan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat MKD bagi tahun 2009, 2010 dan 2011.
27.4.3.2	**Pegangan Aset** Semakan Audit selanjutnya mendapati 17 syarikat (29.8%) daripada 57 syarikat telah menunjukkan peningkatan pegangan aset untuk 3 tahun berturut-turut manakala 12 syarikat (21.1%) mengalami penurunan secara berterusan bagi tempoh yang sama.	Bersetuju dengan kenyataan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat MKD bagi tahun 2009, 2010 dan 2011.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
27.4.4.1	**Liabiliti Syarikat** Liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang syarikat Kerajaan antaranya terdiri daripada overdraf, pemiutang, deposit, pendahuluan dan pinjaman. Adalah didapati liabiliti bagi syarikat Kerajaan secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan sejumlah RM14.701 bilion (4%) menjadi RM379.702 bilion pada tahun 2011 berbanding RM365.002 bilion pada tahun 2010. Pada tahun 2011, syarikat Kerajaan di bawah sektor ekonomi mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM218.212 bilion dan diikuti syarikat di bawah sektor teknologi yang berjumlah RM82.378 bilion.	Bersetuju dengan kenyataan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat MKD bagi tahun 2009, 2010 dan 2011.
27.4.4.2	Semakan Audit selanjutnya mendapati liabiliti bagi 21 syarikat (36.8%) telah meningkat 3 tahun berturut-turut. Sebaliknya 11 syarikat (19.3%) menunjukkan penurunan liabiliti.	Bersetuju dengan kenyataan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat MKD bagi tahun 2009, 2010 dan 2011.
27.4.4.3	Sejumlah besar daripada liabiliti jangka panjang syarikat adalah merupakan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Analisis Audit mendapati dalam tempoh tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 18 syarikat (31.6%) mempunyai pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Baki pinjaman yang melibatkan 18 syarikat itu pada akhir tahun 2011 adalah berjumlah RM13.378 bilion berbanding baki pada akhir tahun 2010 berjumlah RM13.659 bilion iaitu penurunan sejumlah RM0.281 bilion (2.1%). Selain itu, didapati 2 syarikat menunjukkan peningkatan baki pinjaman belum selesai pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Manakala 10 syarikat menunjukkan penurunan baki pinjaman belum selesai pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Baki pinjaman belum selesai bagi 6 syarikat tidak berubah dari tahun 2010 hingga 2011. Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. mempunyai baki pinjaman belum selesai tertinggi pada tahun 2011 iaitu RM3.379 bilion dan diikuti dengan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. yang berjumlah RM1.865 bilion.	Bersetuju dengan kenyataan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat MKD bagi tahun 2009, 2010 dan 2011. i. <u>Perwaja Terengganu Sdn. Bhd</u> PTSB merupakan syarikat dorman dan kewujudannya pada masa ini bertujuan untuk mengutip bayaran penjualan Perwaja Steel Sdn Bhd (PSSB) dan anak-anak syarikat PTSB yang lain daripada MAJU dan membayar pinjaman Kerajaan. Memandangkan jumlah keseluruhan pinjaman Kerajaan oleh PTSB dijangka tidak akan dapat dikutip semula oleh Kerajaan, YAB Menteri Kewangan telah bersetuju supaya pinjaman Kerajaan oleh PTSB dilupuskan secara berperingkat seperti berikut:- a. PTSB membayar balik sebanyak RM170 juta menggunakan baki tunai (setakat ini PTSB telah membayar RM90 juta secara tunai kepada Kerajaan). Baki pinjaman selebihnya akan dibayar secara berkala oleh PTSB sebaik menerima pembayaran daripada MAJU; b. pembayaran pinjaman secara tunai oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) sebagai pemegang saham PTSB sebanyak RM126.5 juta yang dikira berdasarkan kepada nilai semasa pegangan sahamnya di

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		dalam PTSB; dan c. baki pinjaman Kerajaan sebanyak RM2.9 bilion yang dijangka tidak akan dapat dikutip daripada PTSB dilupuskan dengan penyediaan peruntukan hapus kira dalam Belanjawan Kerajaan Persekutuan, dengan amaun sekurang-kurangnya RM100 juta setahun sehingga baki tersebut selesai. ii. <u>Indah Water Konsortium Sdn. Bhd</u> Indah Water Konsortium Sdn Bhd menandatangani Pinjaman Sokongan Kerajaan (PSK) pada tahun 1995 dan 1997 berjumlah RM925 juta. Sehingga akhir tahun 2011, jumlah pinjaman terkumpul meningkat kepada RM1.865 bilion termasuk jumlah faedah yang dikenakan (RM940 juta) dengan kadar 6% & 8% setahun. Tiada sebarang pembayaran balik dibuat memandangkan ketidakupayaan kewangan syarikat berikutan dari kadar tarif pembetungan yang rendah. Pihak Kementerian Kewangan secara dasar telah bersetuju untuk menghapuskira faedah terkumpul dan menstruktur semula jumlah pokok sebanyak RM925 juta dimana ianya akan dijadikan Equity didalam sebuah Syarikat NASCO sebagai pemegang lesen kemudahan dibawah Akta IndustriPerkhidmatan Air. Ini adalah selari dengan keputusan Jemaah Menteri pada November 2011 untuk plan penstrukturan Industri Pembetungan Negara.
27.4.5.1	**Dana Pemegang Saham** Dana Pemegang Saham merupakan modal yang dilaburkan oleh pemegang saham dan keuntungan/kerugian terkumpul syarikat. Prestasi sebuah syarikat dianggap baik sekiranya ia berjaya meningkatkan dana pemegang saham secara berterusan. Berdasarkan analisis, 31 syarikat (54.4%) daripada 57 syarikat menunjukkan peningkatan dana pemegang saham bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 manakala 9 syarikat (15.8%) mengalami penurunan dana secara berterusan.	Bersetuju dengan kenyataan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat MKD bagi tahun 2009, 2010 dan 2011.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
27.4.5.2	Analisis Audit selanjutnya mendapati 7 syarikat (12.3%) telah mengalami ketidakcukupan dana pemegang saham bagi tempoh 3 tahun berturut-turut. Jumlah ketidakcukupan dana bagi syarikat yang terlibat telah meningkat daripada RM5.263 bilion pada tahun 2009 kepada RM5.807 bilion pada tahun 2010 dan RM5.895 bilion pada tahun 2011. Syarikat yang terlibat adalah Piramid Pertama Sdn. Bhd., Perwaja Terengganu Sdn. Bhd., Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd., Malaysia Development Holdings Berhad, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Assets Global Network Sdn. Bhd.	i. <u>Piramid Pertama Sdn. Bhd</u> PPSB adalah syarikat milik penuh MKD yang ditubuhkan pada tahun 2001 untuk membantu proses penjualan saham Pos Malaysia Berhad (PMB). Sejak penubuhannya, PPSB tidak menjalankan sebarang aktiviti dan tidak aktif menyebabkan syarikat mengalami kerugian pada tahun 2009 dan 2010 seperti berikut:- 2009 (RM Juta) : (0.002) 2010 (RM Juta) : (0.012) ii. <u>Perwaja Terengganu Sdn. Bhd</u> PTSB merupakan syarikat dorman dan kewujudannya pada masa ini bertujuan untuk mengutip bayaran penjualan Perwaja Steel Sdn Bhd (PSSB) dan anak-anak syarikat PTSB yang lain daripada MAJU dan membayar pinjaman Kerajaan. Liabiliti terbesar PTSB adalah terdiri daripada pinjaman Kerajaan. YAB Menteri Kewangan telah bersetuju supaya pinjaman Kerajaan oleh PTSB dilupuskan secara berperingkat memandangkan kedudukan PTSB yang dijangka tidak akan dapat membayar keseluruhan pinjaman Kerajaan tersebut. iii. <u>Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd</u> Perkara ini dipengaruhi oleh kerugian yang dicatat oleh anak syarikat Kumpulan Modal Perdana iaitu Symmid Corporation Sdn Bhd yang terbabit di dalam projek pembangunan modal insan yang melibatkan projek merekacipta litar bersepadu dan mikrocip. Setakat ini, pihak Kumpulan Modal Perdana telah membuat ”provision for doubtful debt” sebanyak RM50.1 juta bagi projek ini. Pada tahun 2011, pihak Kumpulan Modal Perdana telah berjaya menarik sebuah syarikat dari Peranchis (Altis Semiconductor Inc.) untuk melabur di dalam Symmid. Sehubungan dengan ini, pihak Kumpulan Modal Perdana menjangkakan kerugian terkumpul akan berkurangan pada mada depan. Pihak syarikat merekodkan keuntungan sebanyak RM2.18 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		iv. Malaysia Development Holdings Berhad Syarikat ini adalah syarikat dorman yang tidak menjalankan sebarang aktiviti dan tidak mencatatkan sebarang pendapatan serta bergantung sepenuhnya kepada dana sedia ada untuk menampung kos operasi *statutory* seperti bayaran Juruaudit, agen cukai dan lain-lain. Oleh yang demikian, dana pemegang saham dan pulangan ke atas ekuiti syarikat menurun secara berterusan. Mulai tahun 2012, syarikat ini dikenali sebagai Malaysia Development Holdings Sdn Bhd dan dijadikan *Special Purpose Vehicle* bagi melaksanakan skim khas pelaburan yang dikenali sebagai SARA 1Malaysia untuk menggalakkan tabungan dan meningkatkan pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah. v. Indah Water Konsortium Sdn. Bhd Dana pemegang saham IWK berkurangan setiap tahun selari dengan prestasi kewangan syarikat. Keadaan ini akan berterusan sehingga satu kadar tarif yang mampan dapat diperkenalkan. Pihak syarikat telah mengemukakan cadangan memperkenalkan kaedah baru tarif pembetungan kepada SPAN dan perbincangan susulan akan dijalankan dalam masa terdekat dengan sasaran kelulusan dari Jemaah Menteri pada akhir tahun 2013. vi. Keretapi Tanah Melayu Berhad Penurunan dana pemegang saham KTMB adalah disebabkan oleh kedudukan kewangan KTMB yang lemah dan terus mencatatkan kerugian bagi tiga tahun berturut-turut. Ini adalah disebabkan oleh kadar tambang keretapi yang rendah menyebabkan pihak KTMB tidak dapat menjana pendapatan yang mencukupi untuk menampung kos operasi dan juga kos modalnya.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		vii. <u>Assets Global Network Sdn. Bhd</u> Penurunan dana pemegang saham disebabkan oleh AGN masih lagi mengalami kerugian daripada perniagaannya serta jumlah keseluruhan pinjaman didapati melebihi pendapatan syarikat. Kerugian AGN 3 tahun berturut-turut adalah disebabkan oleh:- i. AGN tidak mempunyai sebarang aktiviti perniagaan kecuali penyewaan bangunan kepada MAS; ii. Perbelanjaan Susut Nilai Aset Tetap yang tinggi; dan iii. Perbelanjaan Faedah Pinjaman Kewangan yang tinggi.
27.4.6.1	**Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Adalah didapati 25 syarikat (43.9%) menunjukkan nisbah pulangan ke atas ekuiti yang positif 3 tahun berturut-turut, manakala 13 (22.8%) lagi menunjukkan nisbah pulangan ke atas ekuiti yang negatif 3 tahun berturut-turut.	Bersetuju dengan kenyataan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat MKD bagi tahun 2009, 2010 dan 2011
27.4.7	**Nisbah Hutang Ke Atas Ekuiti** Nisbah Hutang Ke Atas Ekuiti adalah perbandingan di antara hutang iaitu liabiliti jangka panjang dengan pegangan ekuiti syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin tinggi kebergantungan kepada hutang bagi menampung perbelanjaan syarikat. Adalah didapati pada tahun 2011, Pembinaan PFI Sdn. Bhd. dan Pengurusan Aset Air Berhad mempunyai nisbah hutang yang paling tinggi iaitu 91,978% dan 2,495.1%. Ini menunjukkan kebergantungan syarikat kepada hutang bagi menanggung operasinya adalah tinggi. Manakala 5 syarikat (8.8%) iaitu Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd., Malaysia Debt Ventures Berhad, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Assets Global Network Sdn. Bhd. mempunyai nisbah hutang ke atas ekuiti yang negatif dalam tempoh 3 tahun berturut-turut. Ini menunjukkan syarikat tidak mempunyai dana pemegang saham yang mencukupi dan bergantung kepada hutang untuk menanggung keseluruhan perbelanjaan operasi/am/pentadbiran syarikat.	Bersetuju dengan kenyataan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat MKD bagi tahun 2009, 2010 dan 2011. i. <u>Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd</u> Jumlah peruntukan kepada pihak Kumpulan Modal Perdana adalah sebanyak RM237.5 juta dimana RM30.0 juta adalah ekuiti dan RM207.5 juta dalam bentuk pinjaman. Setakat ini, pihak Kumpulan Modal Perdana telah membuat bayaran balik kepada pihak Kerajaan sebanyak RM30.0 juta (2010:RM10 juta, 2011:RM10 juta, RM2012:RM10 juta). ii. <u>Malaysia Debt Ventures Berhad</u> Sukacita dimaklumkan bahawa ekuiti negatif MDV telah pun

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		bertukar positif mulai bulan Mac 2013 pada RM5.8 juta. Jumlah liabiliti jangka panjang juga telah menurun sebanyak RM390 juta sejak tahun tahun kewangan 2009. iii. <u>Indah Water Konsortium Sdn. Bhd</u> Liabiliti syarikat semakin meningkat berikutan daripada faedah yang dikenakan pada Pinjaman Sokongan Kerajaan (PSK). Kadar faedah adalah sebanyak 6% dan 8% bersamaan purata RM120juta setahun sehingga pembayaran pinjaman dibuat. Walau bagaimanapun, PSK yang diterima oleh syarikat diguna hanya untuk pembiayaan program kapital. Perbelajaan operasi dan pentadbiran syarikat diperolehi menerusi kutipan hasil pembetungan dan subsidi tahunan yang diterima dari pihak Kerajaan. iv. <u>Keretapi Tanah Melayu Berhad</u> Lebih 50% hutang yang ditanggung adalah terdiri daripada pinjaman Kerajaan yang berjumlah RM880 juta, selebihnya adalah penghutang perdagangan yang belum dapat dilunaskan disebabkan aliran tunai Syarikat yang lemah. v. <u>Assets Global Network Sdn. Bhd</u> Nisbah pulangan ke atas ekuiti yang negatif disebabkan oleh AGN masih lagi mengalami kerugian daripada perniagaannya seperti mana penjelasan di Perenggan 27.4.5
27.4.8.1	**Pembayaran Cukai Kepada Kerajaan** Pada tahun 2011, sebanyak 28 syarikat (49.1%) telah membayar cukai berjumlah RM25.439 bilion kepada Kerajaan. Syarikat daripada sektor ekonomi membayar sejumlah RM24.726 bilion (97.2%) daripada jumlah cukai tersebut. Cukai yang dibayar pada tahun 2011 menurun sebanyak 13% atau sejumlah RM3.816 bilion berbanding RM29.255 bilion pada tahun 2010. Adalah didapati Petroliam Nasional Berhad membayar jumlah cukai terbesar iaitu berjumlah RM80.186 bilion bagi tahun 2009 hingga 2011.	Bersetuju dengan kenyataan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat MKD bagi tahun 2009, 2010 dan 2011.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
27.4.8.2	Analisis seterusnya mendapati hanya 23 syarikat telah membayar cukai 3 tahun berturut-turut kepada Kerajaan. Jumlah cukai yang dibayar bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah berjumlah RM84.684 bilion bagi 3 tahun berturut-turut.	Bersetuju dengan kenyataan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat MKD bagi tahun 2009, 2010 dan 2011.
27.4.9.2	**Pembayaran Dividen Kepada Kerajaan** Semakan lanjut mendapati sebanyak 10 syarikat yang telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tempoh 3 tahun berturut-turut, namun tidak mengisytiharkan/mencadangkan dividen. Bagaimanapun tiada bukti menunjukkan syarikat tersebut telah memberikan justifikasi untuk tidak mengisytiharkan/mencadangkan dividen kepada MKD. Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *BMKD mengambil maklum akan teguran Jabatan Audit Negara berhubung pembayaran dividen oleh syarikat-syarikat MKD. Syarikat Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Pembinaan PFI Sdn Bhd merupakan syarikat Special Purpose Vehicle (SPV) ditubuhkan bagi tujuan mendapatkan pembiayaan untuk melaksanakan projek Kerajaan tertentu. Syarikat SPV tersebut merupakan 100% milik MKD dan dana syarikat SPV ini dikawal selia sepenuhnya oleh MKD tanpa melibatkan mana-mana pihak. Bagi membiayai projek-projek Kerajaan tersebut, syarikat-syarikat berkenaan (kecuali Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.) telah membuat pinjaman dengan jaminan Kerajaan. Ini bermakna sekiranya syarikat berkenaan tidak berupaya membayar hutang berkenaan, pihak Kerajaan perlu menanggung hutang tersebut.* *Sesetengah syarikat MKD pula mencatat keuntungan tetapi tidak mengisytiharkan dividen adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:-* *i. Syarikat memerlukan dana dalaman syarikat (retain profit) bagi menampung perbelanjaan operasi syarikat untuk tahun berikutnya;* *ii. Syarikat tidak mendapat kebenaran daripada 'financier' untuk mengisytiharkan dividen;* *iii. Kebanyakan keuntungan syarikat MKD adalah bukan daripada operasi syarikat tetapi melalui penggunaan geran, penstrukturan semula aset dan liabiliti; dan* *iv. Syarikat perlu menyediakan dana untuk membayar balik hutang kepada 'financier'.* Pada pendapat Audit, pihak MKD hendaklah memastikan syarikat yang memperoleh keuntungan mengemukakan justifikasi yang kukuh untuk tidak	BMKD mengambil maklum akan teguran Jabatan Audit Negara berhubung pembayaran dividen oleh syarikat-syarikat MKD. Syarikat Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Pembinaan PFI Sdn Bhd merupakan syarikat Special Purpose Vehicle (SPV) ditubuhkan bagi tujuan mendapatkan pembiayaan untuk melaksanakan projek Kerajaan tertentu. Syarikat SPV tersebut merupakan 100% milik MKD dan dana syarikat SPV ini dikawal selia sepenuhnya oleh MKD tanpa melibatkan mana-mana pihak. Bagi membiayai projek-projek Kerajaan tersebut, syarikat-syarikat berkenaan (kecuali Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.) telah membuat pinjaman dengan jaminan Kerajaan. Ini bermakna sekiranya syarikat berkenaan tidak berupaya membayar hutang berkenaan, pihak Kerajaan perlu menanggung hutang tersebut. Sesetengah syarikat MKD pula mencatat keuntungan tetapi tidak mengisytiharkan dividen adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:- i. Syarikat memerlukan dana dalaman syarikat (*retain profit*) bagi menampung perbelanjaan operasi syarikat untuk tahun berikutnya; ii. Syarikat tidak mendapat kebenaran daripada '*financier*' untuk mengisytiharkan dividen; iii. Kebanyakan keuntungan syarikat MKD adalah bukan daripada operasi syarikat tetapi melalui penggunaan geran, penstrukturan semula aset dan liabiliti; dan iv. Syarikat perlu menyediakan dana untuk membayar balik hutang kepada '*financier*'. Syarikat-syarikat MKD yang untung tetapi tidak mengisytiharkan dividen akan diminta memberi penjelasan mengenainya. Pihak MKD akan mengeluarkan surat kepada syarikat-syarikat tersebut supaya mengemukakan justifikasi mengenainya dan sekiranya penjelasan yang diberi tidak menepati kriteria atau tidak

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mengisytiharkan/mencadangkan dividen.	memuaskan, pihak MKD mungkin akan meminta supaya pihak syarikat mengisytiharkan dividen khas kepada MKD untuk tahun hadapan.
27.4.10	**Pembayaran Bonus Kepada Kakitangan** Semakan Audit terhadap fail bagi 58 syarikat mendapati 29 syarikat (50%) telah memohon dan diluluskan oleh Menteri Kewangan untuk membayar bonus/imbuhan/*ex-gratia* bagi tahun 2011. Adalah didapati 7 daripada 29 syarikat yang diluluskan tersebut mengalami kerugian. Daripada jumlah tersebut, 5 daripadanya telah membuat pembayaran bonus manakala 2 syarikat lagi telah membayar imbuhan/*ex-gratia*. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada garis panduan/polisi bertulis mengenai pemberian kelulusan pembayaran *ex-gratia*. Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Cadangan dasar baru pembayaran bonus menetapkan pembayaran bonus kepada syarikat MKD dibuat berdasarkan pencapaian prestasi KPI tahunan syarikat yang ditetapkan. Setiap syarikat perlu menetapkan KPI setiap tahun yang merangkumi di antaranya parameter kewangan, obligasi sosial, pembangunan negara dan lain-lain parameter yang wajar mengikut objektif penubuhan syarikat.* *Di samping itu, kebanyakan syarikat-syarikat MKD ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial kepada rakyat serta untuk pembangunan negara, dan bukannya bertujuan untuk mengaut keuntungan. Lanjutan itu, pencapaian kewangan syarikat sama ada mencatat keuntungan atau kerugian merupakan salah satu daripada KPI tahunan yang ditetapkan untuk syarikat MKD.* *Oleh itu, memandangkan pembayaran bonus dibuat kepada syarikat yang mengalami kerugian berdasarkan parameter KPI lain yang dicapai oleh syarikat tersebut, BMKD berpandangan supaya garis panduan bonus tidak perlu meliputi bayaran untuk ex-gratia.*	Cadangan dasar baru pembayaran bonus yang sedang dikemas kini untuk pertimbangan semula Pengurusan Tertinggi Kementerian Kewangan telah menetapkan pembayaran bonus kepada syarikat MKD dibuat berdasarkan pencapaian prestasi KPI tahunan syarikat yang ditetapkan. Setiap syarikat perlu menetapkan KPI setiap tahun yang merangkumi di antaranya parameter kewangan, obligasi sosial, pembangunan negara dan lain-lain parameter yang wajar mengikut objektif penubuhan syarikat. Di samping itu, kebanyakan syarikat-syarikat MKD ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial kepada rakyat serta untuk pembangunan negara, dan bukannya bertujuan untuk mengaut keuntungan. Oleh itu, KPI syarikat MKD bukan sahaja merangkumi prestasi kewangan tetapi meliputi parameter-parameter bukan kewangan yang dianggap lebih penting bagi menilai prestasi syarikat MKD. Sehubungan itu, memandangkan pembayaran bonus dibuat kepada syarikat yang mengalami kerugian berdasarkan parameter KPI lain yang dicapai oleh syarikat tersebut, BMKD berpandangan supaya garis panduan bonus tidak perlu meliputi bayaran untuk ex-gratia.
27.5.2.1	**Peranan Wakil Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah** Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010, MKD memaklumkan bahawa ia sedang memuktamadkan garis panduan baru yang perlu dipatuhi oleh semua wakil Kerajaan dalam syarikat. Namun semakan Audit sehingga 31 Disember 2012 mendapati draf garis panduan tersebut masih lagi dalam pertimbangan pengurusan tertinggi MKD.	Draf Garis Panduan Peranan Dan Tanggungjawab Pegawai Kerajaan Yang Menganggotai Lembaga Pengarah Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan yang telah diangkat untuk pertimbangan pengurusan tertinggi sedang dikemas kini untuk pertimbangan semula. Dasar dan garis panduan ini akan dihimpunkan menjadi handbook untuk diedarkan kepada wakil

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Kerajaan yang dilantik sebagai ALP sebagai panduan.
27.5.2.2	Semakan Audit selanjutnya terhadap fail Laporan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah mendapati ada wakil MKD yang telah menyediakan laporan mesyuarat bagi syarikat yang diwakilinya. Laporan tersebut mempunyai format yang ditetapkan seperti tarikh mesyuarat, isu-isu penting yang dibincangkan, isu berkaitan dengan agensi lain dan perkara/isu yang perlu disampaikan untuk perhatian/pertimbangan YB Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati hanya 11 wakil Kerajaan yang telah menyediakan Laporan Mesyuarat Lembaga Pengarah. Berdasarkan maklum balas pegawai MKD secara lisan, wakil Kerajaan hanya menyediakan laporan mengikut keperluan sesuatu kes. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati terdapat laporan yang telah disediakan bukan berdasarkan keperluan sesuatu kes. Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Garis panduan berkaitan wakil Kerajaan dan Prosedur Pencalonan dan Pelanjutan Pegawai Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat MKD sedang dikemas kini. Garis panduan ini akan dihimpunkan menjadi handbook untuk diedarkan kepada wakil Kerajaan yang dilantik sebagai ALP sebagai panduan.* *Mekanisme bagi menilai prestasi wakil Kerajaan dalam syarikat MKD telah pun dijelaskan dalam Prosedur Pencalonan dan Pelanjutan Pegawai Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat MKD di mana ALP akan dinilai melalui peer rating dan perlu mendapatkan perakuan daripada Lembaga Pengarah syarikat.* Pada pendapat Audit, kewujudan polisi serta peraturan yang jelas mengenai peranan dan tanggungjawab wakil kerajaan akan memudahkan MKD memantau prestasi wakil tersebut secara berkesan.	Garis panduan berkaitan wakil Kerajaan dan Prosedur Pencalonan dan Pelanjutan Pegawai Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat MKD sedang dikemas kini. Garis panduan ini akan dihimpunkan menjadi handbook untuk diedarkan kepada wakil Kerajaan yang dilantik sebagai ALP sebagai panduan. Mekanisme bagi menilai prestasi wakil Kerajaan dalam syarikat MKD telah pun dijelaskan dalam Prosedur Pencalonan dan Pelanjutan Pegawai Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat MKD di mana ALP akan dinilai melalui *peer rating* dan perlu mendapatkan perakuan daripada Lembaga Pengarah syarikat.
27.5.3	**Laporan Portfolio Pelaburan Bahagian MKD** Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 melaporkan MKD telah menyediakan draf rangka kerja pelaporan portfolio pelaburannya namun begitu ianya masih dalam peringkat perbincangan. Semakan Audit pada tahun 2012 mendapati MKD telah menyediakan laporan interim bagi portfolio pelaburan ini berdasarkan akaun pengurusan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Laporan interim ini mengandungi analisis pencapaian syarikat MKD secara keseluruhan dari segi kewangan. Selain itu, MKD juga telah menyediakan laporan portfolio pelaburan berdasarkan Laporan Penyata Kewangan Diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Laporan portfolio	Laporan Portfolio MKD dihasilkan berdasarkan maklumat dari Akaun/Laporan Kewangan yang telah diaudit. Oleh itu, Laporan Portfolio hanya dapat dihasilkan setahun sekali. Namun begitu, untuk tujuan laporan kepada Menteri Kewangan, pihak BMKD melaporkan secara berkala, pencapaian kewangan syarikat dan pencapaian KPI syarikat setiap suku tahun. Pencapaian kewangan syarikat yang dilaporkan secara berkala

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ini merangkumi syarikat yang berasaskan komersil, syarikat berorientasikan sosial, Institusi Pembangunan Kewangan dan juga syarikat yang ditubuhkan untuk pelbagai objektif. Laporan tersebut juga telah dikemukakan kepada Penasihat Kementerian Kewangan pada 2 November 2012. Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Laporan Portfolio MKD dihasilkan berdasarkan maklumat dari Akaun/Laporan Kewangan yang telah diaudit. Oleh itu, Laporan Portfolio hanya dapat dihasilkan setahun sekali.* *Namun begitu, untuk tujuan laporan kepada Menteri Kewangan, pihak BMKD melaporkan secara berkala, pencapaian kewangan syarikat dan pencapaian KPI syarikat setiap suku tahun. Pencapaian kewangan syarikat yang dilaporkan secara berkala ini adalah berdasarkan akaun pengurusan yang belum diaudit dan untuk tahun semasa, berbeza dengan Laporan Portfolio yang melaporkan status pencapaian pelaburan MKD berdasarkan laporan kewangan yang telah diaudit berakhir pada tahun kewangan sebelumnya.* Pada pendapat Audit, penyediaan Laporan Portfolio Tahunan serta Laporan Pencapaian Kewangan Syarikat secara berkala adalah satu langkah penting untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dan ketelusan bahagian Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan (MKD).	ini adalah berdasarkan akaun pengurusan yang belum diaudit dan untuk tahun semasa, berbeza dengan Laporan Portfolio yang melaporkan status pencapaian pelaburan MKD berdasarkan laporan kewangan yang telah diaudit berakhir pada tahun kewangan sebelumnya.
27.5.4.1	**Pemakaian Pekeliling/Arahan Mengenai Syarikat Kerajaan** Laporan Ketua Audit Negara tahun 2010 telah melaporkan tentang kesedaran dan pemakaian pekeliling/arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Pada tahun 2011, pihak Audit mendapati MKD sedang meneliti Dasar dan Garis Panduan Bayaran Bonus Syarikat MKD. Manakala semakan Audit bagi tahun 2012 mendapati Dasar dan Garis Panduan Bayaran Bonus Syarikat MKD dan Garis Panduan baru yang perlu dipatuhi oleh semua wakil Kerajaan masih dalam pertimbangan pengurusan tertinggi MKD. Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Dasar dan Garis Panduan pembayaran Bonus, Dividen, Peranan dan Tanggung jawab Wakil Kerajaan dalam Lembaga Pengarah Syarikat MKD, dan Prosedur Pemilihan dan Pelanjutan Wakil Kerajaan sebagai ALP Syarikat MKD sedang*	Dasar dan Garis Panduan Pembayaran Bonus dan Dividen sedang dikemas kini dengan mengambil kira peranan penting yang akan dimainkan oleh Lembaga Pengarah syarikat MKD pada masa hadapan. Draf tersebut akan dikemukakan kepada pengurusan tertinggi Kementerian Kewangan pada akhir September 2013, untuk pertimbangan semula. Garis Panduan untuk Peranan dan Tanggung jawab Wakil Kerajaan dalam Lembaga Pengarah Syarikat MKD, dan Prosedur Pemilihan dan Pelanjutan Wakil Kerajaan sebagai ALP Syarikat MKD sedang dalam pertimbangan pengurusan tertinggi Kementerian Kewangan. Dasar-dasar garis panduan ini akan dihimpunkan menjadi handbook untuk diedarkan kepada wakil Kerajaan yang dilantik sebagai ALP sebagai panduan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dikemas kini. Dasar-dasar garis panduan ini akan dihimpunkan menjadi handbook untuk diedarkan kepada wakil Kerajaan yang dilantik sebagai ALP sebagai panduan. Pada pendapat Audit, langkah memuktamadkan garis panduan tersebut dengan segera adalah penting agar pemantauan terhadap urusan berkaitan syarikat dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, teratur dan berkesan.	
27.5.4.2	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 telah membangkitkan tentang isu ketiadaan peruntukan dalam Memorandum Dan Artikel (M&A) syarikat mengenai kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan/peraturan. Pada 24 April 2012, MKD telah mengeluarkan surat kepada syarikat milik Kerajaan bagi mendapatkan maklumat awal tentang kewujudan klausa berkenaan di dalam M&A syarikat. Semakan Audit mendapati MKD belum lagi mengeluarkan arahan kepada syarikat MKD untuk meminda M&A syarikat memandangkan kajian mengenainya belum lagi diselesaikan. Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Di bawah Akta Syarikat (Pindaan 2007) Pengarah syarikat perlu melaksanakan fiduciary duties di mana setiap Pengarah perlu bertindak demi kepentingan syarikat dan sebarang campur tangan dari pihak ketiga termasuk pemegang saham dalam proses pembuatan keputusan Lembaga Syarikat adalah tidak selaras dengan amalan tadbir urus baik. Oleh itu, sebarang garis panduan baru yang dikeluarkan pada masa hadapan akan diedarkan kepada wakil MKD supaya dapat dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat sebelum diguna pakai.* Pada pendapat Audit, setiap urusan syarikat sepatutnya selari dengan dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan terutamanya melalui pekeliling/garis panduan yang dikeluarkan oleh MKD. Untuk itu, sekiranya pengedaran pekeliling/garis panduan dibuat melalui wakil Kerajaan, kepentingan untuk memantau peranan wakil Kerajaan adalah lebih tinggi.	Di bawah Akta Syarikat (Pindaan 2007) Pengarah syarikat perlu melaksanakan fiduciary duties di mana setiap Pengarah perlu bertindak demi kepentingan syarikat dan sebarang campur tangan dari pihak ketiga termasuk pemegang saham dalam proses pembuatan keputusan Lembaga Syarikat adalah tidak selaras dengan amalan tadbir urus baik. Oleh itu, sebarang garis panduan baru yang dikeluarkan pada masa hadapan akan diedarkan kepada wakil MKD supaya dapat dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat sebelum diguna pakai.
27.5.5.1	**Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) Syarikat Dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)** Kementerian Kewangan telah mengeluarkan arahan kepada syarikat MKD terpilih untuk mengemukakan KPI syarikat bagi tempoh tahun 2010, 2011 dan 2012. Pada bulan Mac 2011 syarikat yang terpilih diarahkan agar memastikan pencapaian KPI masing-masing bagi tahun 2011 adalah sekurang-kurangnya 80% dan 85% bagi tahun 2012. Hanya 5 syarikat terpilih yang telah ditetapkan sasaran pencapaian KPInya 50% sahaja kerana MKD mendapati syarikat ini agak sukar mencapai KPInya	Hanya dua (2) syarikat iaitu Amanah Raya Berhad (ARB) dan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) tidak berjaya mencapai sasaran 85% yang ditetapkan oleh MKD. Pencapaian prestasi KPI sebenar Composite Technology Research Malaysia Sdn Bhd bagi tahun 2012 adalah 85.21%. Untuk kedua-dua syarikat yang gagal mencapai 85% daripada KPI yang

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berbanding dengan syarikat lain. Berdasarkan perkiraan Audit, pencapaian keseluruhan KPI syarikat MKD yang terpilih bagi tahun 2012 menunjukkan peningkatan iaitu 92.5% berbanding 82% pada tahun sebelumnya.	ditetapkan, surat memohon penjelasan ketidakcapaian sasaran KPI tersebut telah dikeluarkan pada 7 Jun 2013. Pada amnya, KPI syarikat adalah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah syarikat masing-masing, yang mana KPI yang ditetapkan adalah selaras dengan objektif penubuhan syarikat dan sasaran setiap KPI yang ditetapkan oleh syarikat adalah lebih tinggi daripada sasaran pada tahun-tahun sebelumnya. Kedua-dua syarikat telah mengemukakan justifikasi ketidakcapaian KPI pada tahun 2012 dan dalam pada masa yang sama, mengenal pasti kelemahan-kelemahan syarikat bagi mencapai KPI berkenaan. MKD telah mengeluarkan surat mengarahkan kedua-dua syarikat mengemukakan pelan tindakan masing-masing dalam menangani kelemahan-kelemahan ini.
27.5.5.2	Semakan selanjutnya terhadap senarai pencapaian KPI syarikat bagi tahun 2012 mendapati 3 syarikat yang tidak mencapai sasaran KPInya iaitu Amanah Raya Berhad (75.47%) dan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (69.68%). Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada sebarang justifikasi diberikan oleh syarikat berkenaan ketidakcapaian KPI tersebut. Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013 *Untuk kedua-dua syarikat yang gagal mencapai 85% daripada KPI yang ditetapkan, surat memohon penjelasan ketidakcapaian sasaran KPI tersebut telah dikeluarkan pada 7 Jun 2013.* *Pada amnya, KPI syarikat adalah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah syarikat masing-masing, yang mana KPI yang ditetapkan adalah selaras dengan objektif penubuhan syarikat dan sasaran setiap KPI yang ditetapkan oleh syarikat adalah lebih tinggi daripada sasaran pada tahun-tahun sebelumnya. Kedua-dua syarikat telah mengemukakan justifikasi ketidakcapaian KPI pada tahun 2012 dan dalam pada masa yang sama, mengenal pasti kelemahan-kelemahan syarikat bagi mencapai KPI berkenaan. MKD telah mengeluarkan surat mengarahkan kedua-dua syarikat mengemukakan pelan tindakan masing-masing dalam menangani kelemahan-kelemahan ini.* Pada pendapat Audit, adalah penting setiap ketidakcapaian KPI diberi justifikasi yang jelas dan pelan tindakan untuk meningkatkan pencapaiannya.	

Perenggan 28 : Pengurusan Khazanah Nasional Berhad

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
28.5.2.4.a.i	**Prestasi Aktiviti - Prestasi Pelaburan** Prestasi pelaburan Khazanah adalah baik di mana setakat 31 Disember 2012, Nilai Aset Direalisasikan (Realised Assets Value - RAV) syarikat adalah berjumlah RM121.372 bilion. Jumlah ini didapati meningkat sejumlah RM13.177 bilion (12.2%) berbanding RM108.194 bilion yang dicatatkan pada tahun 2011. Bagaimanapun, RAV syarikat didapati mengalami penurunan sejumlah RM4.430 bilion (3.9%) pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 yang mencatatkan RAV berjumlah RM112.624 bilion.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 28.5.2.4.a.iii.
28.5.2.4.a.iii	**Pencapaian Sebenar Pelaburan Berbanding Sasaran** Semakan Audit terhadap prestasi pelaburan Khazanah berbanding sasaran yang ditetapkan mendapati Khazanah berjaya mencapai sasaran bagi aliran masuk penjualan di mana pada tahun 2009 sejumlah RM3.100 bilion aliran masuk penjualan direkodkan berbanding RM1.600 bilion yang disasarkan. Manakala bagi tahun 2010 sejumlah RM4.000 bilion (133.3%) direkodkan berbanding RM3.000 bilion yang disasarkan. Bagi Nilai Aset Direalisasikan (RAV) pula, Khazanah berjaya mencapai sasaran RAV yang ditetapkan pada tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun, pada tahun 2011 pencapaian RAV adalah RM108.200 bilion (92.7%) berbanding RM116.700 bilion yang disasarkan. Khazanah tidak mencapai sasaran pelaburan baru yang ditetapkan bagi tahun 2009 hingga 2011 iaitu hanyalah di antara 49% hingga 65% sahaja. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 26 Jun 2013 *RAV pada tahun 2011 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana dalam tahun 2011, prestasi Kuala Lumpur Composite Index (KLCI) agak lembap, menyebabkan sebahagian besar portfolio pelaburan Khazanah tidak mencapai nilai pasaran yang disasarkan. Bagi pencapaian sasaran pelaburan baru, corak pelaburan Khazanah memerlukannya melabur apabila peluang muncul dan peluang berkenaan hendaklah memenuhi kedua-dua objektif strategik dan kewangan Khazanah. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, jumlah peluang yang akhirnya diluluskan selepas proses penyaringan yang amat ketat adalah rendah. Ini bagi memastikan pelaburan baru*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	adalah berkualiti tinggi.	
28.5.2.6	**Pendapatan Berbanding Sasaran** Khazanah menetapkan sasaran hasil dan perbelanjaan syarikat semasa penyediaan bajet tahunan syarikat. Bajet tahunan ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan akan disemak semula pada setiap pertengahan tahun. Analisis Audit mendapati pendapatan sebenar yang direkodkan pada tahun 2009 dan 2010 adalah melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun bagi tahun 2011, pendapatan sebenar berjumlah RM8.442 bilion hanya mencapai 72.6% daripada anggaran pendapatan yang ditetapkan berjumlah RM11.625 bilion. Walaupun pendapatan yang diperoleh tidak dapat mencapai anggaran yang ditetapkan, namun didapati pendapatan Khazanah telah meningkat dari setahun ke setahun. Bagi perbelanjaan operasi pula, Khazanah didapati berbelanja melebihi bajet yang diluluskan pada tahun 2009 dan 2010. Sejumlah RM425.68 juta telah dibelanjakan pada tahun 2009 berbanding RM405 juta bajet yang diluluskan. Manakala pada tahun 2010, sejumlah RM590.65 juta dibelanjakan berbanding RM449 juta bajet yang diluluskan. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 *Termasuk di dalam perbelanjaan operasi adalah perbelanjaan Management Equity Scheme yang dikategorikan sebagai pengurangan pendapatan semasa penyediaan sasaran. Bagi tahun kewangan 2010 dan 2011, lebihan perbelanjaan faedah adalah disebabkan oleh accelarated amortised costs dan fair value ke atas bon boleh ubah dan embedded derivative berdasarkan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, FRS 139. Peningkatan rosot nilai dalam pelaburan adalah disebabkan oleh pegangan saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia yang berdasarkan pada harga pasaran pelaburan yang sukar untuk dianggarkan.*	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 28.5.2.6.
28.5.2.7.c.i	**Pengurusan Geran Yang Diterima Daripada Kerajaan - Panduan Pengurusan Geran** Bagi memastikan geran yang diterima dari Kementerian Kewangan diuruskan dengan teratur dan sistematik, garis panduan yang lengkap hendaklah disediakan. Garis panduan berkenaan perlu untuk dijadikan panduan kepada semua pihak yang mengurus, memantau dan melaksanakan projek seperti ditetapkan dalam objektif geran. Khazanah telah menyediakan *The Accounting and Monitoring of Government Grants Guidelines* pada 3 April 2009 untuk memastikan akauntabiliti dan pemilikan geran serta memantau penggunaan geran. Semakan Audit mendapati panduan ini adalah tidak menyeluruh dan hanya memberi tumpuan kepada perakaunan dan pemantauan geran. Kemudian pada tahun 2011 Khazanah telah menyediakan *Grant Management Guidance Document* sebagai panduan dalam pengurusan geran.	Seperti yang dibincangkan di dalam Exit Conference pada 17 Jun 2013, pihak Khazanah mengambil perhatian di atas keperluan untuk mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan dan persetujuan Terma dan Syarat. Kementerian Kewangan akan mengadakan satu mesyuarat dengan Khazanah Nasional Berhad mengenai pemantauan ke atas penggunaan geran pada September 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kandungan Garis Panduan berkenaan didapati lengkap dan komprehensif meliputi aspek permohonan geran hinggalah ke peringkat pembayaran geran kepada pelaksana geran. Semakan Audit selanjutnya mendapati, selepas dokumen berkenaan berkuat kuasa, tiada geran baru diterima oleh Khazanah. Adalah didapati aspek pembayaran geran telah dilaksanakan mengikut panduan yang terdapat dalam *Grant Management Guidance Document*. Namun begitu, aspek lain seperti perbincangan dengan pihak Kerajaan (Engagement with Awarding Government Agency) dan Persetujuan Terma dan Syarat (Formalisation of Terms and Condition) tidak dilaksanakan. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 *Khazanah telah mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan untuk geran KKU-Heritage pada bulan Februari 2010. Manakala bagi geran PINTAR perbincangan dibuat pada bulan Julai 2012.*	
28.5.2.7.c.ii	**Surat Pemberian Geran** Geran sepatutnya diserahkan berserta dengan Surat Pemberian (Letter of Award) serta salinan baucar bayaran dari pihak Akauntan Negara Malaysia. Surat Pemberian sepatutnya menyatakan dengan jelas tujuan pemberian geran, tempoh pelaksanaan geran, pemantauan dan keperluan pelaporan kepada Kementerian atau agensi yang berkenaan. Namun begitu semakan Audit terhadap 4 sampel geran yang dipilih mendapati pemberian geran bagi program PINTAR berjumlah RM20 juta tidak disertakan dengan sebarang dokumen daripada Kementerian Kewangan. Pihak Pintar Foundation (agensi pelaksana program PINTAR) dan Khazanah memaklumkan mereka menerima geran berkenaan tanpa sebarang Surat Pemberian. Tanpa surat/dokumen sokongan dari Kementerian Kewangan, pihak Audit tidak dapat mengenal pasti dan mengesahkan tujuan geran dan juga syarat dan terma kepada geran berkenaan. Di samping itu keperluan pemantauan dan pelaporan juga tidak dapat kenal pasti. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013 *Pada 13 Ogos 2012, Pintar Foundation telah menulis surat kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan surat pemberian geran. Surat makluman penyaluran peruntukan bagi dana pelancaran kepada Pintar Foundation telah diterima pada 15 April 2013. Pihak Khazanah akan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk memastikan Surat Pemberian Geran diserahkan bagi setiap geran yang diterima.*	Kementerian Kewangan akan mengadakan satu mesyuarat dengan Khazanah Nasional Berhad mengenai pemantauan ke atas penggunaan geran pada September 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kementerian Kewangan hendaklah memastikan setiap geran yang diterima disertakan bersama surat pemberian bagi memudahkan pengurusan dan pemantauan geran.	
28.5.2.7.c.iii	**Terma Dan Syarat Geran** Pemberian geran hendaklah disokong dengan terma dan syarat geran yang menjelaskan objektif geran, penggunaan geran dan kaedah pemantauan geran. Semakan Audit mendapati 3 daripada 4 geran yang disemak tidak mempunyai terma dan syarat yang jelas dari Kementerian Kewangan. Akibat ketiadaan terma dan syarat geran yang jelas, beberapa kelemahan berikut telah dikenal pasti:- • **Tiada Penetapan Had Dan Jenis Perbelanjaan** Bagi pelaksanaan geran, Khazanah telah menubuhkan anak syarikat yang bertanggungjawab melaksana dan memastikan objektif geran tercapai. Analisis telah dijalankan terhadap perbelanjaan geran sejak penerimaannya sehingga 31 Disember 2011. Hasil analisis Audit mendapati perbelanjaan geran terbahagi kepada 2 kategori iaitu perbelanjaan pentadbiran yang melibatkan kos operasi seperti gaji, elaun, sewa pejabat, yuran audit dan lain-lain. Manakala perbelanjaan program adalah perbelanjaan khusus untuk pelaksanaan program selaras dengan objektif geran seperti kos kursus, kos projek, dan belanja lain yang khusus bagi tujuan program. Hasil analisis menunjukkan 2 geran mempunyai peratus perbelanjaan pentadbiran yang tinggi iaitu antara 50% hingga 75.2% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Perbelanjaan pentadbiran bagi geran KKU-Nursing didapati berjumlah RM1.18 juta yang merangkumi 75.2% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Manakala bagi geran PINTAR, perbelanjaan pentadbiran adalah berjumlah RM3.58 juta (50%) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Antara perbelanjaan yang menyumbangkan kepada perbelanjaan pentadbiran yang tinggi adalah perbelanjaan ubah suai ruang pejabat di Tower A, Menara UOA Bangsar berjumlah RM440,498 dan sewa ruang pejabat Pintar Foundation berjumlah RM11,032. Jumlah sewa yang telah dibayar sepanjang tempoh tahun 2011 dan 2012 berjumlah RM240,272. Semakan lanjut terhadap butiran perbelanjaan pentadbiran mendapati jenis perbelanjaan lain yang dilibatkan adalah pembayaran gaji dan elaun, yuran profesional, perjalanan dalam dan luar negeri serta belanja am pejabat. Peratus perbelanjaan pentadbiran yang terlalu tinggi boleh memberi kesan kepada	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pelaksanaan program utama geran. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013 *Operasi Pintar Foundation ditadbir oleh Memorandum Persatuan Pintar Foundation. Perancangan dan belanjawan PINTAR diluluskan oleh Pemegang Amanah (Board of Trustee). PINTAR juga dipantau oleh Khazanah dengan mengemukakan laporan kewangan bulanan kepada Khazanah. Pihak Lembaga Pengarah AHCoE telah dimaklumkan mengenai perkara ini dan akan sentiasa memantau kos operasi dan kos program.* Pada pendapat Audit, proses kelulusan rancangan dan belanjawan yang dilaksanakan oleh Pintar Foundation adalah baik. Kementerian Kewangan perlu memastikan Khazanah menyediakan polisi/garis panduan yang jelas berhubung perbelanjaan untuk setiap geran sebelum diserahkan kepada agensi pelaksana. Garis panduan ini digunakan sebagai penanda aras oleh agensi pelaksana dalam penyediaan rancangan dan belanjawan tahunan. Polisi mengenai jenis/had perbelanjaan hendaklah ditentukan dengan jelas untuk mengawal perbelanjaan dan memastikan agar pelaksanaan program utama geran tidak terjejas akibat perbelanjaan pentadbiran yang terlalu tinggi.	
28.5.2.7.c.iii	**Tiada Jangkaan Tempoh Penggunaan Geran** Geran yang diberikan mempunyai objektifnya tersendiri dan bagi mencapai objektif tersebut tempoh pelaksanaannya perlu ditetapkan. Semakan Audit mendapati semua 4 sampel geran yang disemak tidak mempunyai tempoh pelaksanaan. Ini mengakibatkan geran KKU-Nursing yang diuruskan oleh Allied Healthcare Centre of Excellence (AHCoE) lewat digunakan. Walaupun peruntukan geran telah diterima pada bulan Februari 2009, AHCoE hanya membelanjakan RM5.89 juta (19.6%) daripada RM30 juta yang diperuntukkan pada 31 Disember 2012. Jika dilihat dari aspek pelaksanaan program, AHCoE ditubuhkan setahun selepas penerimaan geran iaitu pada bulan Mac 2010, dan hanya 3 program berjaya dilaksanakan pada tahun berkenaan. Salah satu sebab kelewatan membelanjakan peruntukan geran adalah kerana tiada penetapan tempoh geran dan pihak Kerajaan sendiri tidak menetapkan tempoh masa sebenar bila dana geran berkenaan perlu digunakan sepenuhnya. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 *Penggunaan geran ini adalah sejajar dengan pelan perniagaan yang dicadangkan dan belanjawan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah AHCOE.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, walaupun pelan perniagaan dan belanjawan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah agensi pelaksana, tempoh penggunaan geran hendaklah selari dengan keputusan Kementerian Kewangan selaku pemberi geran.	
28.5.2.7.c.iii	**Tiada Penetapan Impak Selepas Pelaksanaan Geran** Pemberian geran adalah bagi menyokong sesuatu inisiatif yang selari dengan rancangan Kerajaan untuk membangunkan negara dan juga pelan strategik Khazanah. Sehubungan itu, pemberian geran sepatutnya memberi impak kepada negara dan rakyat. Semakan Audit mendapati, impak daripada pelaksanaan geran tidak ditetapkan. Tanpa penetapan impak, adalah sukar untuk menilai prestasi dan keberkesanan geran berkenaan. Sebagai contoh, pemberian geran KKU-Nursing adalah bagi mewujudkan pusat latihan jururawat tidak bermotifkan keuntungan di Koridor Utara. Bagaimanapun, tiada penetapan impak seperti sejauh mana pusat latihan ini sepatutnya memberi manfaat kepada industri penjagaan kesihatan di Malaysia. Bagi geran PINTAR pula, geran adalah untuk mempromosi kebijaksanaan, memupuk bakat dan pembinaan sahsiah. PINTAR merupakan program sekolah angkat yang diterajui oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di Malaysia untuk mengukuhkan kecemerlangan akademik di kalangan kanak-kanak luar bandar di seluruh negara. Pintar Foundation ada menyediakan KPI dalam pemantauan pencapaian akademik sekolah angkat PINTAR melalui pencapaian UPSR, PMR dan SPM; rekod kedatangan ke sekolah; dan kadar kelulusan LINUS. Bagaimanapun, KPI ini tidak menilai impak program PINTAR secara khusus yang mana indikator yang digunakan hanya merujuk kepada hasil pencapaian akademik sahaja. Terdapat faktor/usaha pihak lain yang menyumbang kepada pencapaian KPI berkenaan. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013 *Khazanah berpandangan semua geran yang diberikan kepada Khazanah adalah dengan mandat dan objektif tertentu. Impak yang diperoleh dari geran kepada masyarakat dan negara perlu dinilai oleh agensi pemberi geran tersebut. Khazanah mengambil maklum atas syor Audit dan bersedia menjalankan perbincangan dan penilaian impak selepas pelaksanaan geran, jika diminta oleh Kementerian Kewangan.* Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 21 Mei 2013 *Kementerian Kewangan mengambil maklum teguran yang dikemukakan oleh*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Jabatan Audit Negara dan akan mengambil tindakan seperti yang dicadangkan bagi tujuan pemantauan dari segi prestasi pengurusan dana, perbelanjaan dan impak pelaksanaan program yang telah dilaksanakan. Pada pendapat Audit, pengurusan geran di peringkat perancangan dan pemantauan adalah kurang memuaskan. Kelemahan dalam perancangan geran mengakibatkan geran diurus mengikut budi bicara pelaksana tanpa panduan yang jelas.	
28.5.2.7.c.iv	**Pemeriksaan Fizikal Aktiviti Geran - KKU-Nursing** Geran KKU-Nursing berjumlah RM30 juta dilaksanakan oleh *Allied Health Centre of Excellence* (AHCoE). AHCoE merupakan sebuah organisasi bukan bermotifkan keuntungan dan diperbadankan sebagai sebuah Syarikat Berhad Dengan Jaminan pada 10 Mac 2010. Antara objektif penubuhan AHCoE adalah sebagai penganjur latihan bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi di dalam industri penjagaan kesihatan. Setakat 20 Disember 2012, AHCoE telah menganjurkan 83 program yang dihadiri oleh 3,334 peserta sekitar Pulau Pinang. Semakan Audit terhadap pelaksanaan program AHCoE adalah teratur. Bagaimanapun, AHCoE didapati tidak menjana pulangan modal dari program yang dianjurkannya. AHCoE mengenakan bayaran bagi semua kursus yang dikendalikannya. Bayaran yang dikenakan adalah berdasarkan kepada jenis dan tempoh kursus yang ditawarkan. Penyertaan dari hospital dan klinik Kerajaan adalah secara percuma. Semakan Audit terhadap Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan setiap program mendapati daripada 43 program yang disemak, hanya 9 program mencatatkan keuntungan atau memberikan pulangan modal. Baki 34 program mencatatkan kerugian antara RM863 hingga RM20,814 bagi setiap program. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 *Pada awal penubuhan AHCoE, organisasi ini perlu menarik minat Komuniti Kesihatan Bersekutu dan pertubuhan berkaitannya. Geran yang digunakan pada tahun 2010 hingga 2013 adalah bertujuan untuk menggalakkan penyertaan yang lebih besar dan mengukur keperluan untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu program. Program pada masa hadapan akan berdasarkan pendekatan cost plus, bila mana peserta akan dikenakan bayaran yang sewajarnya untuk memastikan kelangsungan AHCoE.* Pada pendapat Audit, pengurusan geran KKU-Nursing telah dilaksanakan dengan teratur. Bagaimanapun, pihak AHCoE perlu memberi perhatian kepada pendapatan dari program untuk memastikan kelangsungan AHCoE. Jika setiap program yang dilaksanakan tidak membawa pulangan modal, AHCoE mungkin tidak berjaya	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 28.5.2.7.c.iv.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	meneruskan aktivitinya dan menampung kos operasinya pada masa hadapan.	
28.5.2.7.c.iv	**Projek Belum Diserahkan Kepada Agensi Kerajaan** Surat Pemberian Geran dari Kementerian Kewangan bertarikh 21 Julai 2009 menetapkan komponen projek yang dibiayai oleh Kerajaan hendaklah diserah milik kepada Kerajaan/pihak Kerajaan apabila siap. Pada 29 Jun 2011, satu mesyuarat bagi membincangkan penyerahan semula projek i-SHARP kepada pihak Kerajaan telah diadakan antara wakil Kementerian Kewangan, Jabatan Perikanan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Majlis Daerah Setiu dan Blue Archipelago Berhad. Mesyuarat berkenaan telah memutuskan agar komponen projek diserahkan kepada agensi. Semakan Audit pada bulan Disember 2012 mendapati, komponen jalan masuk utama, tangki air dan sub stesen 33KV telah siap. Komponen sub stesen 33KV telah diserahkan kepada TNB pada bulan Oktober 2011. Manakala bagi komponen tangki air, surat penyerahan telah dihantar kepada Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. pada 18 Disember 2012 selepas Blue Archipelago Berhad mengambil tindakan terhadap semua ulasan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. semasa pemeriksaan bersama pada 21 Mei 2012. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk mengambil alih tangki air berkenaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati komponen jalan masuk utama yang siap pada 2 Disember 2010 masih belum diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR). Tempoh tanggungan kecacatan (Defect Liability Period-DLP) projek telah tamat pada 2 Disember 2011. Semakan terhadap fail projek mendapati tiada usaha diambil oleh Blue Archipelago Berhad untuk menyerahkan komponen ini kepada JKR. Sehubungan dengan itu, sebab projek ini masih belum diserahkan walaupun telah siap dan digunakan selama hampir 2 tahun tidak dapat ditentukan. Kegagalan Blue Archipelago Berhad menyerahkan projek ini kepada JKR telah menyebabkan Blue Archipelago Berhad terpaksa menanggung semua kos penyenggaraan dan pembaikan jalan berkenaan. Semasa banjir melanda Daerah Setiu pada bulan Disember 2012, jalan berkenaan telah ditenggelami air dan mengalami kerosakan yang teruk. Jalan ini telah putus dan menyebabkan ladang ternakan udang tidak dapat diakses menggunakan jalan darat. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013 *Pemeriksaan muktamad telah diadakan pada bulan Mac 2013 di mana pihak Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. telah bersetuju menerima serah milik tangki air. Pada 24 April 2013 pihak Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. menyatakan tiada apa-*	Berhubung penyerahan tangki air yang dijadualkan pada akhir Jun 2013, pihak Blue Archipelago Berhad masih di dalam perbincangan dengan Jabatan Bekalan Air Terengganu dengan menyediakan dokumen berkaitan dan tarikh penyerahan akhir kini ditetapkan sebelum 30 Ogos 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	apa halangan untuk menerima komponen bangunan tersebut secara fizikal. Pihak Blue Archipelago Berhad juga telah berhubung dengan Jabatan Bekalan Air Terengganu dan sedang dalam proses penyediaan Pre Computation Plan untuk sempadan tapak dan mendapatkan persetujuan dari pihak Lembaga Tabung Warisan Anak Negeri Terengganu selaku tuan tanah bagi kelulusan penyerahan. Tindakan penyerahan tangki air adalah pada akhir Jun 2013. Pihak JKR masih belum menerima penyerahan dan mentauliahkan jalan tersebut kerana sebahagian jalan telah rosak disebabkan banjir pada bulan Disember 2011, ini adalah sebelum pemeriksaan akhir bersama JKR dapat dilaksanakan. Kini, pihak Blue Archipelago Berhad sedang dalam proses perbincangan bagi mendapatkan kelulusan dan persetujuan pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran bagi reka bentuk yang memenuhi keperluan semasa. Kerja naik taraf tersebut dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2014.	
28.5.2.7.c.iv	**Projek Gagal Disiapkan** Komponen *Sea Water Intake System* merupakan komponen terbesar yang bernilai RM46 juta. Kontrak pembinaan telah ditawarkan kepada Ranhill Engineers and Constructors Sdn. Bhd. (Ranhill). Semakan Audit mendapati projek ini gagal disiapkan oleh kontraktor dan Notis Bagi Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan pada 16 Ogos 2012. Manakala Notis Penamatan Kontrak telah dikeluarkan pada 3 Disember 2012 dan berkuat kuasa mengikut tarikh notis dikeluarkan. Mengikut tuntutan Ranhill pada 15 November 2011, kemajuan kerja adalah 97.5%. Bagaimanapun, Blue Archipelago Berhad mengesahkan kemajuan kerja setakat 3 Disember 2012 adalah 92.1%. Bayaran interim kepada kontraktor utama setakat tarikh penamatan kontrak adalah berjumlah RM42.21 juta dan Nilai Baki Kerja Yang Belum Disiapkan kontraktor utama berjumlah RM2.19 juta. Berdasarkan penjelasan Blue Archipelago Berhad, kegagalan kontraktor utama menyiapkan kerja adalah disebabkan kekurangan peralatan; kontraktor menghadapi masalah kewangan; kontraktor utama tidak membayar subkontraktor; dan skop kerja memerlukan *specialist sub-contractor*. Pada 8 September 2011, *functional test* yang dijalankan mendapati saluran paip di dasar laut telah pecah. Sehubungan itu, Blue Archipelago Berhad telah memasang struktur sementara bagi pengambilan air laut dapat dipam ke ladang udang untuk ia beroperasi. Sehingga ke tarikh pengauditan ia masih menggunakan struktur sementara tersebut. Semakan Audit juga mendapati, akibat kelewatan menyiapkan projek dan tapak projek ditinggalkan tanpa kawalan keselamatan yang secukupnya telah menyebabkan berlaku kes kecurian kabel di rumah pam dan membahayakan orang awam. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013	Penetapan *Final Accounts* dijangka selesai pada 30 September 2013 kerana pihak konsultan, Sepakat Setia Perunding Sdn Bhd sedang menyemak dokumen tambahan. Kerja-kerja untuk menyiapkan baki kerja, pagar keselamatan di sekeliling projek dan Nearshore Manhole masih sedang giat dijalankan dan telah mencapai tahap 50% lengkap oleh subkontraktor Ranhill dan tarikh masih ditetapkan pada 30 Ogos 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Blue Archipelago Berhad telah melaksanakan hak ke atas Performance Bond pada Disember 2012 berjumlah RM2.3 juta. Tindakan undang-undang terhadap Ranhill bagi breach of contract serta tuntutan Liquidated Ascertained Damages setelah Final Account selesai sedang dilaksanakan dan dijangka selesai pada 30 Jun 2013. Pihak Blue Archipelago Berhad telah melantik subkontraktor Ranhill untuk menyiapkan baki kerja, pagar keselamatan di sekeliling projek dan Nearshore Manhole. Projek dijangka selesai pada 30 Ogos 2013. Blue Archipelago Berhad juga telah menempatkan pengawal keselamatan sepenuh masa dan menambah barbed wire di sekeliling pagar bahagian luar dan dalam pump house dan juga perimeter fencing bagi mengelakkan kecurian.	
28.5.2.7.c.iv	**Arahan Pegawai Penguasa (SOI) Dan Arahan Perubahan Kerja (VO) Belum Dikeluarkan** Pemeriksaan fizikal di rumah pam bagi projek *Sea Water Intake System* mendapati beberapa item dalam *Bill Of Quantity* (BQ) berjumlah RM83,966 tidak dilaksanakan oleh kontraktor. Perunding yang turut serta semasa pemeriksaan Audit menerangkan bahawa item tersebut merupakan Arahan Perubahan Kerja Kurangan (VO omission). Namun begitu semakan Audit terhadap fail projek, tiada bukti Arahan Perubahan Kerja ataupun SOI telah dikeluarkan kepada kontraktor. Semakan terhadap Sijil Bayaran Kemajuan No.24 yang terakhir dikeluarkan pada 4 November 2011 kepada Ranhill mendapati tiada sebarang VO diambil kira dalam bayaran kemajuan berkenaan. Kegagalan mengeluarkan SOI dan VO terhadap komponen yang tidak dibuat boleh membawa risiko ketinggalan dalam membuat pelarasan terhadap harga kontrak dan Blue Archipelago Berhad terlebih bayar kepada kontraktor bagi komponen kerja berkenaan. Tambahan pula Lampiran B kepada senarai baki kerja yang belum siap telah menyatakan komponen rumah pam telah disiapkan 100 peratus. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013 *Pihak Blue Archipelago Berhad dan Ranhill telah memulakan proses untuk menetapkan Final Accounts di mana pemeriksaan bersama di tapak telah diadakan pada 13 Mac 2013 untuk menentukan kuantiti dan amaun akhir kontrak tersebut. Bagi kerja yang belum dilaksanakan oleh Ranhill, Arahan Pegawai Penguasa dan Arahan Perubahan Kerja akan dikeluarkan kepada Ranhill untuk menentukan Final Termination Costs. Final Accounts dijangka selesai pada 30 Jun 2013.* Pada pendapat Audit, objektif pemberian geran iSHARP masih belum tercapai sepenuhnya disebabkan kegagalan menyiapkan komponen *Sea Water Intake*	Penetapan *Final Accounts* dijangka selesai pada 30 September 2013 kerana pihak konsultan, Sepakat Setia Perunding Sdn Bhd sedang menyemak dokumen tambahan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	System yang merupakan komponen utama geran.	
28.5.3.1.a	**Tadbir Urus Korporat - Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan** Pihak Audit mendapati pada umumnya Khazanah telah mematuhi peraturan yang ditetapkan berkenaan tadbir urus korporat iaitu bagi pelantikan Ahli Lembaga Pengarah, kekerapan mesyuarat lembaga pengarah dan pelaksanaan Unit Audit Dalam. Bagaimanapun, keahlian Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan adalah tidak selaras dengan pekeliling berkuat kuasa. Penemuan Audit adalah seperti berikut:- Semakan Audit mendapati Khazanah telah menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Risiko pada 12 Ogos 1994 sebagai *Sub-Committee* di bawah Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah telah melantik 2 orang Pengarah Bukan Eksekutif Khazanah untuk menganggotai Jawatankuasa Audit Dan Risiko seperti yang ditetapkan di dalam *The Audit and Risk Committee Charter* yang dikeluarkan oleh Khazanah pada 1 April 2008. Bagaimanapun, keahlian jawatankuasa adalah tidak selari dengan amalan terbaik yang dicadangkan dalam *Malaysia Code Of Corporate Governance* iaitu Jawatankuasa Audit hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurang 3 ahli yang majoritinya adalah bebas. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 *Berikutan peletakan jawatan salah seorang Ahli Jawatankuasa Audit Dan Risiko pada tahun 2006, bilangan keahlian telah dikurangkan kepada 2 orang dengan kelulusan Lembaga Pengarah pada tahun 2006.* Pada pendapat Audit, Khazanah boleh meminda *The Audit and Risk Committee Charter* yang dikeluarkan olehnya dan melantik seorang individu untuk menganggotai Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan.	Pihak Khazanah telah mendapatkan pandangan daripada ahli jawatankuasa Audit Dan Risiko pada mesyuarat yang telah dijalankan pada 18 Jun 2013 dengan membentangkan laporan cadangan seperti yang disyorkan oleh pihak Audit berhubung pindaan ke atas dokumen *The Audit and Risk Committee Charter.* Seterusnya pihak Khazanah akan mendapatkan pandangan Lembaga Pengarah Khazanah untuk mengambil tindakan sewajarnya pada mesyuarat yang dijadualkan pada bulan September 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
28.5.3.2.a.i	**Pengurusan Kewangan Syarikat - Pengurusan Perolehan - Tiada Kriteria Di Dalam Menentukan Kaedah Perolehan, Penekanan Hanya Pada Kelulusan Perolehan Berdasarkan Kepada LOA** Semakan Audit terhadap Manual Prosedur Perolehan Khazanah mendapati tiada kriteria yang ditetapkan bagi menentukan kaedah perolehan yang perlu digunakan. Berdasarkan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab, kaedah perolehan yang digunakan oleh Bahagian CSS adalah secara *Direct Procurement* dan *Request for Quotation* sahaja untuk semua perolehan sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2012. Analisis terhadap *Internal Purchase Record CSS* mendapati perolehan sejumlah RM33.39 juta telah dilaksanakan dengan kaedah *Direct Procurement* atau *Request For Quotation.* Lingkungan harga perolehan antara RM4.80 hingga RM4.11 juta. Tanpa penentuan kriteria yang jelas, bermakna perolehan boleh dilaksanakan secara terus tanpa mengambil kira nilai perolehan. Walaupun Khazanah telah menetapkan penggunaan kaedah perolehan yang digariskan di dalam *Exhibit 3.2.1, The Red Book: Procurement Guidelines & Best Practices,* namun kaedah *Request For Proposal* yang membolehkan Khazanah mengenal pasti dan menilai pembekal terbaik yang ada di dalam pasaran berdasarkan perspektif kewangan, teknikal dan komersial tidak pernah digunakan sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2012. Semakan Audit selanjutnya terhadap sampel 31 PR bagi tempoh tahun kewangan 2009 hingga 2011 mendapati semua perolehan telah mendapat kelulusan seperti yang ditetapkan di dalam LOA. Dokumen sokongan seperti borang PR, *quotation* dan kertas kerja kelulusan ada dikembarkan pada dokumen perolehan. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 dan 10 Jun 2013 *Khazanah telah mengemas kini Garis Panduan Perolehan yang menggariskan dengan lebih terperinci mengenai kaedah perolehan. Garis panduan baru ini telah diguna pakai oleh Bahagian CSS. Selanjutnya Manual Prosedur Perolehan juga akan dikemas kini setelah disemak oleh Unit Risiko dan pengurusan pada suku ke-3 tahun 2013.* Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan Khazanah masih boleh dipertingkatkan dengan meluaskan penggunaan Garis Panduan Perolehan yang baru kepada semua bahagian di Khazanah.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 28.5.3.2.a.i.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
28.5.3.2.b.i	**Pengurusan Pendahuluan Tunai** Berdasarkan kepada nota komunikasi kewangan terbitan ke-4 pada bulan Mac 2010 dan dikemas kini melalui keluaran ke-4 pada bulan Januari 2012, permohonan pendahuluan tunai boleh dibuat bagi elaun perjalanan harian, penginapan dan perolehan item berpusat. Kakitangan Khazanah adalah dikehendaki untuk mengisytiharkan pendahuluan tunai dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permohonan. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap kakitangan yang gagal untuk mengisytiharkan lebihan daripada pendahuluan berkenaan. Lebihan daripada pendahuluan tunai berkenaan hendaklah dikembalikan kepada Bahagian Kewangan Khazanah dalam tempoh satu bulan daripada tarikh pengisytiharan *Cash Advance Declaration Form.* Semakan Audit terhadap 372 sampel pendahuluan diri mendapati 133 (35.8%) pendahuluan diri berjumlah RM271,366 tidak dibuat pengisytiharan dalam tempoh satu bulan. Tempoh kelewatan adalah di antara 5 hingga 239 hari. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 *Di antara sebab kelewatan membuat pengisytiharan adalah pengisytiharan memerlukan koordinasi di mana kakitangan tersebut perlu mengumpul dokumen sokongan dan tujuan pendahuluan tidak dapat dipenuhi dengan segera. Tindakan pemantauan yang dilakukan adalah melalui jadual berkala pemantauan permohonan pendahuluan tunai dan pengisytiharan serta tindakan susulan melalui telefon, e-mel kepada kakitangan berkenaan dan pegawai atasannya. Khazanah akan mengadakan taklimat berkala bagi menjelaskan tatacara pendahuluan tunai.* Pada pendapat Audit, pengurusan pendahuluan diri masih boleh dipertingkatkan terutama dalam aspek pemantauan. Kegagalan memastikan pendahuluan diri diisytihar dalam tempoh ditetapkan menunjukkan kelemahan kawalan dalaman syarikat dan mewujudkan peluang penyalahgunaan kemudahan pendahuluan tunai.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 28.5.3.2.b.ii.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
28.5.3.2.b.iii	**Pengurusan Kad Kredit Korporat** Terdapat kakitangan yang gagal menghantar/mengisytiharkan perbelanjaan menggunakan kad kredit secara bulanan. Semakan terhadap senarai baki AMEX setakat 31 Disember setiap tahun mendapati terdapat tunggakan baki AMEX yang melebihi satu bulan yang mana setakat 31 Disember 2012 baki tertunggak adalah berjumlah RM1.26 juta. Berdasarkan penjelasan oleh pegawai bertanggungjawab, baki berkenaan merupakan amaun kad kredit yang telah dijelaskan bayarannya oleh Khazanah kepada AMEX tetapi belum diisytiharkan oleh kakitangan. Semakan terhadap amaun tertunggak individu mendapati kakitangan masih boleh menggunakan kad kredit korporat walaupun didapati gagal mengisytihar perbelanjaan kad kredit bagi bulan sebelumnya. Perkara ini menyebabkan ada di antara kakitangan yang mempunyai tunggakan AMEX berjumlah RM206,402 (baki tertunggak selama 4 bulan) setakat 31 Disember 2012. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 dan 10 Jun 2013 *Khazanah telah menjalankan audit dalaman ke atas tuntutan perbelanjaan pekerja pada tahun 2011 dan 2013, isu kegagalan menghantar perbelanjaan menggunakan kad kredit selama sebulan juga telah dibincangkan. Kakitangan masih boleh menggunakan kad kredit korporat walaupun gagal mengisytiharkan perbelanjaan bagi bulan sebelumnya, risiko ini dapat dikurangkan kerana Khazanah mempunyai hak untuk memotong gaji kakitangan untuk mendapatkan balik jumlah yang tertunggak itu. Khazanah akan mengambil tindakan untuk menyekat penggunaan kad kredit korporat bagi kakitangan yang belum mengisytiharkan perbelanjaan selepas tempoh yang dibenarkan.* Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran kad kredit korporat berkenaan pengisytiharan perbelanjaan bulanan dan kutipan balik jumlah tertunggak adalah kurang teratur.	Pihak Khazanah melalui Mesyuarat Pengurusan pada 4 Julai 2013 telah memutuskan pemotongan gaji akan dilakukan bagi menyekat penggunaan kad kredit korporat yang mempunyai jumlah tertunggak yang melebihi 2 bulan daripada tarikh penyata. Ini adalah sebahagian daripada langkah untuk mempertingkatkan pengurusan kad kredit korporat.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
28.5.3.2.c.i	**Pengurusan Aset - Lukisan Yang Dibeli Tidak Disimpan Dengan Teratur** Semakan Audit terhadap senarai *KNB Artwork* setakat 15 Februari 2013 dan *Asset Inventory Listing* setakat 31 Disember 2012 mendapati Khazanah mempunyai 93 lukisan bernilai RM6.40 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 55 lukisan bernilai RM3.05 juta yang ada di antaranya dibeli sejak tahun 2005 tidak dipamerkan dan tidak disimpan dengan teratur. Lukisan ini masih disimpan di dalam bilik tanpa kaedah penyimpanan lukisan yang bersesuaian. Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013 *Khazanah sedang dalam perancangan untuk meletakkan lukisan yang terdapat di dalam bilik tersebut di tingkat 32 dan di pejabat baru Khazanah yang bertempat di luar negara. Khazanah juga sedang dalam perancangan untuk menukar lokasi sesetengah lukisan sedia ada untuk menambah dan mengemas kini hiasan dalaman di semua pejabat. Untuk membolehkan semua lukisan diletakkan di satu tempat dengan lebih teratur, projek pembesaran ruang simpanan lukisan telah diluluskan untuk tahun 2013. Pengubahsuaian dijangka siap pada bulan September 2013.* Pada pendapat Audit, semua aset yang dibeli oleh syarikat perlu digunakan seperti mana justifikasi perolehannya dan disimpan dengan kaedah yang bersesuaian.	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 28.5.3.2.d.i.

Perenggan 29 : Pengurusan Malaysia Debt Ventures Berhad

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
29.5.1.1.b	**Analisis Pendapatan Dan Perbelanjaan** Hasil pendapatan faedah MDV diperoleh daripada pinjaman konvensional, pembiayaan Islam dan faedah dari instrumen pasaran wang konvensional dan Islam. Perbelanjaan operasi pula terdiri daripada belanja kewangan bagi Nota Jangka Sederhana Islam (Islamic Medium Term Notes (IMTN)). Manakala perbelanjaan pentadbiran terdiri daripada perbelanjaan pemasaran, kos staf, perbelanjaan pentadbiran, yuran perundangan, yuran konsultan dan perbelanjaan pentadbiran lain. Analisis Audit mendapati pendapatan melalui faedah pinjaman konvensional telah menurun sejumlah RM6.9 juta (16.1%) pada tahun 2010, RM10.8 juta (30%) pada tahun 2011 dan RM8.26 juta (32.66%) pada tahun 2012. Kos pembiayaan IMTN telah meningkat sejumlah RM12 juta (49.4%) dan RM8.4 juta (22.5%) bagi tempoh 2010 dan 2011. Bagi tempoh 3 tahun, Jumlah Dana Pemegang Saham (Total Shareholder Funds) MDV menunjukkan defisit. MDV masih berkeupayaan meneruskan aktiviti syarikat kerana MOF sebagai pemegang saham utama syarikat akan terus menyediakan bantuan sokongan kewangan kepada MDV. Pada tahun 2012, Jumlah Dana Pemegang Saham MDV telah menunjukkan kedudukan yang positif.	Pendapatan dari faedah pinjaman konvensional secara lazimnya akan berkurang disebabkan pembayaran balik pinjaman dari para-peminjam serta penurunan dana JBIC dari RM1.225 billion (2009) kepada RM489 juta (2012) lanjutan pembayaran balik secara ansuran pinjaman JBIC oleh MDV. Kos pembiayaan IMTN meningkat disebabkan oleh penerbitan IMTN tambahan sebanyak RM500 juta oleh MDV dalam tahun 2010 bagi membiayai aktiviti pembankan berprinsip Syariah. Jumlah Dana Pemegang Saham MDV akan bertambah positif dalam tahun 2013 kerana MDV dijangka mencatat kenaikan keuntungan.
29.5.1.4.a	**Pengurusan Pinjaman / Geran** Semakan Audit mendapati MDV telah menguruskan pinjaman/geran yang diterimanya dengan baik dan teratur kecuali perbezaan amaun bayaran pinjaman JBIC oleh MDV kepada Kementerian Kewangan seperti berikut: JBIC telah menyalurkan pinjaman kepada Kerajaan Malaysia dalam bentuk Japanese Yen sebanyak 15 Tranche berjumlah ¥68 juta bagi tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2002 sehingga 2006. MDV telah menerima dana JBIC berjumlah RM1.587 bilion di mana Tranche 1 diterima pada bulan April 2002 dan terakhir pada bulan Oktober 2006.	Perbezaan amaun bayaran pinjaman JBIC oleh MDV kepada Kementerian Kewangan disebabkan oleh perbezaan penukaran wang asing. Ini timbul kerena perjanjian pinjaman di antara JBIC dan Kerajaan Malaysia dalam nilai matawang Yen manakala perjanjian pinjaman di antara Kerajaan Malaysia dan MDV adalah dalam Ringgit Malaysia. Daripada jumlah RM1.587 billion yang telah diterima oleh MDV melalui pinjaman JBIC, MDV telah membuat bayaran balik kepada Kerajaan Malaysia sejumlah RM1.107 billion setakat tahun 2013. MDV dijangka akan menyelesaikan pinjaman JBIC sepenuhnya dalam tahun 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
29.5.1.4.b	Perjanjian di antara MOF dan MDV menyatakan tempoh bayaran adalah selama 12 tahun di mana 4 tahun diberi sebagai *grace period* dan bayaran akan bermula pada tahun ke-5 hingga ke-12 iaitu dari tahun 2007 hingga 2014. Jumlah bayaran prinsipal tahunan yang perlu dibayar oleh MDV adalah berjumlah RM198.0 juta.	Perbincangan dengan pihak Kementerian Kewangan masih diteruskan dan dijangka selesai pada penghujung tahun 2013.
29.5.1.4.c	Sehingga bulan Februari 2012, MDV telah membuat bayaran kepada MOF berjumlah RM1,107.48 juta. Bilangan bayaran sebanyak 6 kali termasuklah satu bayaran berjumlah RM150.0 juta yang diberi pelupusan hutang (debt waiver) oleh MOF pada tahun 2010. Semakan Audit mendapati wujud perbezaan berjumlah RM83.26 juta di antara amaun yang sepatutnya dibayar dan amaun yang dibayar oleh MDV kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Semakan Audit selanjutnya mendapati berlaku perbezaan pada amaun tuntutan bayaran balik pinjaman oleh JANM dan amaun yang dibayar oleh MDV. Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *Perbezaan dalam ruang (a-c) adalah disebabkan oleh penukaran wang asing di antara Ringgit Malaysia dan Yen Jepun. Ini kerana perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan JBIC adalah dalam mata wang Yen manakala perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan MDV adalah dalam mata wang Ringgit Malaysia. Oleh kerana MDV hanya menerima pinjaman sejumlah RM1,587,647,544 dari Kerajaan Malaysia, maka pembayaran balik (lapan tahun) kepada Kerajaan Malaysia setiap tahun secara ansuran adalah RM198,455,943. Penjelasan ini telah dibuat kepada Pihak Kementerian Kewangan.* *Jumlah bayaran balik pada tahun 2007 dan 2008 adalah berdasarkan jumlah sebenar yang dituntut oleh pihak Jabatan Akauntan Negara. Pelupusan hutang sebanyak RM150 juta pula sepatutnya di selaraskan pada akhir tempoh pinjaman tersebut iaitu pada tahun 2014.* Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Pada 9 Mei 2013 *Kerajaan Persekutuan memberikan pinjaman secara "relending" di mana pihak MDV perlu membuat bayaran balik atas segala pembayaran yang dibuat oleh pihak Kerajaan kepada JBIC. Sehubungan dengan itu Jadual Bayaran Balik kepada JBIC dibuat dalam mata wang Yen, tuntutan bayaran balik dikemukakan kepada MDV berdasarkan Ringgit Malaysia (RM) yang dibayar kepada MDV berdasarkan kadar tukaran Yen kepada RM semasa tarikh bayaran balik matang.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	JANM mengambil maklum berhubung perbezaan kaedah penetapan jumlah bayaran balik oleh MDV dan perkara ini telah dirujuk kepada pihak Perbendaharaan untuk tindakan selanjutnya. Pada pendapat Audit, MDV perlu segera berbincang dengan Kementerian Kewangan bagi mengenal pasti tindakan yang perlu di ambil bagi perbezaan bayaran balik pinjaman.	
29.5.2.1.a	**Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama** MDV telah menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi dijadikan asas penilaian terhadap pencapaian prestasi tahunan. Semakan Audit mendapati, pengurusan MDV telah mewujudkan KPI bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012 berdasarkan kepada 3 elemen iaitu keuntungan, kecekapan dan produktiviti serta pemudahcara pembangunan (development facilitator). Pada umumnya MDV telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2009 sehingga 2011 bagi 2 dari 3 elemen KPI iaitu Kecekapan dan Produktiviti serta Pemudahcara Pembangunan. Bagaimanapun bagi elemen KPI Keuntungan di bawah kriteria Pertumbuhan Pinjaman tidak mencapai sasaran yang ditetapkan untuk tempoh 3 tahun di mana peratusan pencapaian bagi tahun 2010 dan 2011 adalah negatif. Pencapaian bagi kriteria Keuntungan Bersih tahun 2009 juga tidak mencapai sasaran dengan kerugian berjumlah RM58.21 juta. Semakan Audit selanjutnya mendapati dalam Strategi Perniagaan Tahun 2010/2011, MDV Berhad merancang untuk menstruktur semula KPI dengan memfokuskan kepada pendapatan dan *Non Performing Loans* (NPL). Bagaimanapun, didapati tiada elemen NPL yang dimasukkan dalam KPI MDV pada tahun tersebut dan tahun 2011/2012. Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *Dalam Strategi Perniagaan Tahun 2010/2011, MDV telah membuat penstrukturan semula KPI melibatkan semua bahagian di mana pencapaian NPL telah dipertanggungjawabkan kepada bahagian Pemasaran Kredit. Perubahan tersebut tidak dapat dilihat di dalam KPI MDV pada peringkat Syarikat kerana elemen NPL telah diambil kira pada peringkat bahagian serta di dalam elemen KPI Keuntungan pada tahap syarikat.* *Seperti yang disarankan oleh Jabatan Audit Negara, bermula dengan Strategi*	Pencapaian NPL seperti yang disyorkan oleh Audit telah diambilkira dalam elemen KPI keuntungan pada tahap syarikat mulai bulan Jun 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Perniagaan Tahun 2013, Pengurusan MDV telah menilai dan menstruktur semula KPI Syarikat di mana selain daripada Keuntungan Bersih, Kecekapan dan produktiviti serta Pemudahcara Pembangunan, pada tahun 2013 MDV akan memasukkan NPL sebagai satu KPI baru dan juga menggantikan KPI Pertumbuhan Pinjaman dengan KPI Pinjaman bagi Pembiayaan baru yang diluluskan. Perubahan tersebut dibuat untuk memberi lebih fokus kepada NPL dan untuk mencerminkan peranan MDV sebagai pembekal kemudahan pembiayaan kepada syarikat-syarikat teknologi muda yang kurang diberi perhatian oleh bank-bank komersil. Pada pendapat Audit, penilaian semula sasaran KPI yang telah ditetapkan membolehkan MDV merancang strategi terbaik bagi mencapai visi dan misi syarikat.	
29.5.2.1.b	**Kelulusan Pinjaman/Pembiayaan** Bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011, MDV telah menerima sebanyak 244 permohonan pinjaman berjumlah RM1.862 bilion. Bagi tempoh yang sama MDV telah meluluskan pinjaman sejumlah RM1.349 bilion (72.4%) kepada 207 (84.8%) peminjam manakala 37 permohonan pinjaman berjumlah RM513.19 juta telah ditolak. Analisis Audit menunjukkan penurunan jumlah pinjaman yang diluluskan dan bilangan peminjam bagi tempoh 3 tahun berturut-turut. Semakan Audit selanjutnya mendapati bilangan permohonan pinjaman juga berkurangan dari 120 kepada 43 dari tahun 2009 hingga 2011.	Hasil dari pengubahstrukturan semula MDV serta penilaian semula keberkesanan strategi pemasaran, jumlah bilangan permohonan pinjaman yang diluluskan telah meningkat kepada 83 (RM821 juta) di antara April 2012 sehingga Mac 2013.
29.5.2.1.c	**Pengeluaran Pinjaman/Pembiayaan (Disbursement)** Bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011, MDV telah membuat pengeluaran pinjaman/pembiayaan kepada peminjam berjumlah RM2.303 bilion. Jumlah pengeluaran pinjaman/pembiayaan telah menurun sejumlah RM34.33 juta (4.47%) pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 masing-masing berjumlah RM767.63 juta dan RM733.39 juta. Pada tahun 2011 jumlah ini telah meningkat sejumlah RM68.94 juta (9.4%) kepada RM802.24 juta berbanding tahun sebelumnya.	Jumlah pengeluaran pinjaman di antara April 2012 sehingga Mac 2013 telah meningkat kepada RM846 juta.
29.5.2.1.d	**Terimaan Bayaran Balik Pinjaman/Pembiayaan (Repayment)** Bagi tempoh tahun kewangan 2009 hingga 2011, terimaan bayaran balik pinjaman daripada syarikat yang mendapat kemudahan pinjaman/ pembiayaan telah meningkat. Pada tahun 2011, bayaran balik yang diterima berjumlah RM982.97 juta (8.6%) berbanding RM904.98 juta (45.4%) dan RM622.37 juta yang diterima pada tahun 2010 dan 2009.	Jumlah bayaran balik pinjaman di antara April 2012 sehingga Mac 2013 adalah RM818 juta.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
29.5.2.1.e	**Prestasi Penerimaan Pinjaman/Geran** MDV menerima dana pinjaman RMKe-10 berjumlah RM12 juta dari Kementerian Kewangan pada tahun 2011. Dana ini dikenali sebagai *Mudharabah Technology Commercialisation Fund* yang diberi tempoh pinjaman selama 10 tahun. Dana ini bertujuan untuk memberi pembiayaan kepada syarikat tempatan yang terlibat dalam bidang *Information Communications Of Technology* (ICT), *Biotechnology and Green Technology*. Semakan Audit mendapati kesemua status pembiayaan masih aktif dan berada di dalam tempoh *grace period* sebelum pembayaran balik pinjaman. *Biotech and Bio-Industry Development Fund* (B3DF) Pada bulan Disember 2008, MOSTI telah menyalurkan geran berjumlah RM20 juta yang dikenali sebagai *Biotech and Bio-Industry Development Fund* (B3DF). Geran ini bertujuan membantu syarikat Bumiputera berkelayakan yang terlibat dalam sektor pertanian (Agriculture BioTechnology), perindustrian *Industrial BioTechnology* dan Kesihatan (Healthcare Biotechnology) yang masih di peringkat pengkomersialan bagi membiayai keperluan projek seperti infrastruktur, peralatan serta modal kerja. Keutamaan pemberian pinjaman adalah kepada syarikat Bumiputera yang telah memperoleh status BioNexus dan mempunyai modal berbayar minima berjumlah RM100,000. Sehingga bulan Oktober 2012, sejumlah RM17.7 juta (88.5%) dari geran yang diterima telah diluluskan bagi membiayai 7 pinjaman dan sejumlah RM6.7 juta (33%) telah dibayar *(*disbursement). Semakan Audit mendapati 4 daripada 7 pinjaman berjumlah RM7.2 juta telah dikategorikan sebagai NPL kerana mempunyai tunggakan bayaran balik melebihi 6 bulan iaitu di antara 184 hingga 274 hari.	Pembiayaan pinjaman melalui B3DF sememangnya mempunyai unsur risiko tinggi oleh kerana syarikat-syarikat Bumiputera yang dibiayai masih di peringkat pengkomersialan. Pembayaran balik pinjaman bergantung kepada keberkesanan produk-produk syarikat tersebut menembusi pasaran tempatan.
29.5.2.1.f	**Pengurusan *Non Performing Loans* (NPL)** Bagi bayaran pinjaman yang tertangguh melebihi dari 6 bulan, pinjaman tersebut akan diklasifikasikan sebagai NPL. Selanjutnya akan diikuti dengan tindakan Pemulihan Akaun (Rehabilitation) dan Pendakwaan (Litigation). Bagi akaun NPL yang tidak mempunyai peluang untuk dibuat pemulihan, maka akaun ini akan di hapus kira (written-off). Semakan Audit mendapati, sehingga Jun 2012, dari 82 akaun berstatus NPL yang berjumlah RM582.57 juta, sebanyak 9 (11%) akaun berjaya di selesaikan. Manakala 31 (37.8%) akaun berjumlah RM284.2 juta dalam proses penjadualan semula (reschedule), 18 (22%) akaun yang berjumlah RM29.22 juta dalam proses undang-	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 29.5.2.1.f.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	undang sementara 24 (29.3%) akaun yang berjumlah RM269.0 juta telah dihapus kira (*written-off*). Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *Melalui keputusan yang dibuat oleh pihak Lembaga Pengarah MDV pada mesyuarat bertarikh 24 Mei 2012, satu Jabatan baru yang dikenali sebagai Jabatan Pemantauan Portfolio (PMD) telah ditubuhkan. Penubuhan PMD adalah bertujuan untuk meningkatkan aktiviti pemantauan dan penyeliaan portfolio yang masih aktif dan berstatus bukan NPL/NPF ("Non-NPL/NPF").* *Merujuk kepada semakan Audit bagi portfolio MDV setakat Jun 2012, akaun-akaun yang tersenarai telah diklasifikasikan sebagai NPL/NPF sebelum penubuhan PMD. Akaun-akaun ini adalah di bawah pemulihan oleh Bahagian Pengurusan Aset (AMD).* *Penubuhan PMD telah membolehkan aktiviti semakan susulan terhadap pembayaran pinjaman/pembiayaan dapat dilakukan secara berterusan dan konsisten ke atas peminjam/pelanggan. Selain itu, PMD turut membantu mengesan sebarang amaran awal (Early Warning Signal) ataupun sebarang "Red Flag" dan melaporkan secara terus kepada pihak Pengurusan dan Bahagian Perniagaan untuk tindakan lanjut.* Pada pendapat Audit, penubuhan Jabatan Pemantauan Portfolio (PMD) dapat meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap prestasi pinjaman dan kutipan bayaran balik seterusnya mengurangkan risiko pinjaman/pembiayaan menjadi NPL.	
29.5.2.2.a.i	**Pinjaman/Pembiayaan Tidak Mengikut Kriteria Yang Di Tetapkan** Polisi kredit MDV menetapkan beberapa kriteria berhubung kelulusan pinjaman/pembiayaan. Antara kriterianya adalah peminjam perlu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh iaitu mencatatkan keuntungan sekurang-kurangnya bagi 2 daripada 3 tahun kewangan yang dinilai, mempunyai tahap kecairan yang memuaskan sekurang-kurangnya bagi 2 daripada 3 tahun kewangan yang dinilai, *credit history* yang baik di mana tiada tindakan kebankrapan atau undang-undang serta syarikat mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun rekod operasi.	Sila rujuk maklumbalas di perenggan 29.5.2.2.b.iii.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
29.5.2.2.a.ii	Semakan Audit mendapati 24 (60%) daripada 40 pinjaman/pembiayaan berjumlah RM110.92 juta telah diluluskan kepada syarikat yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan di dalam polisi kredit. Antaranya peminjam tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh seperti mencatatkan keuntungan bagi 2 atau 3 tahun kewangan yang dinilai, tidak mempunyai rekod operasi selama 3 tahun, pengarah syarikat yang mempunyai tindakan undang-undang serta tahap kecairan syarikat yang kurang memuaskan. Daripada 24 pinjaman yang diluluskan, 5 (20.8%) peminjam merupakan syarikat yang baru ditubuhkan iaitu kurang dari 2 tahun dan peminjam mencatatkan kerugian pada tahun pertama operasi. Oleh demikian *credit history* peminjam tidak dapat ditentukan memandangkan peminjam merupakan syarikat yang baru. Manakala baki 13 (54.1%) peminjam mengalami kerugian 2 atau 3 tahun berturut-turut dari tahun kewangan yang dinilai. Bagaimanapun 6 daripada 13 peminjam yang mengalami kerugian mempunyai tahap kecairan yang memuaskan. Manakala selebihnya sebanyak 7 peminjam yang rugi mempunyai tahap kecairan yang kurang memuaskan. Semakan Audit selanjutnya pada tahap kecairan (liquidity ratio) di dalam penilaian kewangan mendapati *ratio* yang diperoleh untuk 7 peminjam ini adalah di bawah *ratio* yang ditetapkan oleh MDV.	
29.5.2.2.a.iii	Berdasarkan maklum balas daripada MDV, walaupun peminjam tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, kelulusan telah diberi berasaskan kepada justifikasi tertentu. Antaranya ialah untuk melaksanakan mandat yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu membantu syarikat tempatan yang baru memulakan perniagaan, syarikat kecil atau sederhana tetapi mempunyai potensi projek, membantu syarikat yang tidak berupaya mendapatkan pembiayaan dari bank komersial lain serta jangkaan positif terhadap pemulihan kedudukan kewangan peminjam melalui pinjaman/ pembiayaan yang diluluskan. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Oktober 2012, sebanyak 10 (25%) peminjam dengan baki pinjaman berjumlah RM41.43 juta pinjaman tersebut telah dikategorikan sebagai NPL. Butirannya adalah seperti di jadual berikut: Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Pelulus perlu menetapkan syarat tambahan sekiranya permohonan pinjaman tidak menepati kriteria asas untuk kelulusan pinjaman. Ini adalah untuk menjaga kepentingan MDV pada masa hadapan.	
29.5.2.2.b.i	**Pengecualian Pinjaman/Pembiayaan Polisi Kredit MDV Disandarkan Dengan Sekuriti Mudah Cair/Jaminan Bank** Mengikut polisi kredit MDV, pinjaman/pembiayaan yang diberi akan disandarkan kepada sekuriti bagi menjamin kepentingan MDV sekiranya pinjaman mengalami kegagalan (default) dan mengurangkan risiko kredit. Oleh demikian, peminjam akan menyediakan jaminan bagi pinjaman yang diberikan oleh MDV. Semakan Audit ke atas 40 sampel syarikat mendapati pinjaman/pembiayaan yang diluluskan telah disandarkan dengan sekuriti. Sebanyak 5 daripada 40 syarikat peminjam didapati	Sila rujuk maklumbalas di perenggan 29.5.2.2.b.iii. MDV telah membuat kajian semula polisi kreditnya dan telah mengeluarkan polisi kredit yang baru mulai bulan April 2012. Dalam pada itu, MDV juga dalam proses membuat perubahan terhadap proses penilaian permohonan pinjaman untuk

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	baru beroperasi kurang dari 3 tahun.	membezakan pemohon pinjaman yang berisiko tinggi dan yang berisiko rendah. Ini bertujuan untuk menentukan tahap sekuriti serta kawalan kredit yang diperlukan bergantung kepada kekuatan nilai sekuriti serta kedudukan kewangan pemohon pinjaman. Proses penilaian kredit baru ini dijangka dilaksanakan penghujung tahun 2013.
29.5.2.2.b.ii	Bagaimanapun, sekuriti yang disandarkan bagi 40 pinjaman/jaminan tersebut bukan merupakan sekuriti mudah cair seperti tunai, deposit tetap, bon, saham atau jaminan bank. Sebaliknya sekuriti yang disandarkan adalah seperti jaminan peribadi, jaminan korporat, debentur, dan pulangan daripada projek yang akan di terima. Ini disebabkan polisi kredit MDV tidak menetapkan secara khusus mengenai keperluan menyediakan sekuriti mudah cair bagi pinjaman/pembiayaan yang diluluskan. Sebaliknya polisi tersebut hanya menyenaraikan jenis-jenis sekuriti yang boleh disandarkan kepada pinjaman/pembiayaan. MDV menerima *single* atau kombinasi sekuriti bergantung kepada penilaian risiko terhadap peminjam.	
29.5.2.2.b.iii	Mengikut maklum balas MDV, peminjam tidak diminta mengemukakan sekuriti mudah cair kerana sebahagian daripada mereka baru memulakan perniagaan dan sememangnya tidak mempunyai keupayaan untuk mengemukakan sekuriti tersebut. Selain itu juga, mandat yang diberikan kepada MDV untuk membantu golongan usahawan baru di dalam bidang ICT, Bio Teknologi dan Teknologi Hijau. Semakan Audit mendapati 10 (25%) daripada 40 pinjaman dengan baki pinjaman tertunggak berjumlah RM41.43 juta yang diluluskan dan tidak diminta mengemukakan sekuriti mudah cair telah diklasifikasikan sebagai NPL. Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *Sebahagian besar daripada syarikat-syarikat yang memohon pinjaman daripada MDV adalah syarikat yang tidak mempunyai keupayaan dari segi kecairan kewangan dan syarikat yang baru ditubuhkan. Syarikat-syarikat ini walaupun pengurusannya mempunyai kepakaran dan pengalaman tetapi tidak berjaya untuk mendapatkan pinjaman dari bank-bank komersil. Polisi kredit MDV seperti yang disebutkan di atas adalah polisi yang "ideal" untuk pemberian pinjaman kepada syarikat-syarikat yang memerlukan pinjaman dan berlandaskan kepada polisi yang perlu dipatuhi apabila syarikat ingin membuat pinjaman di bank komersil.* *Pemprosesan MDV juga sebenarnya berlunaskan kepada polisi kredit yang ditetapkan tetapi telah mengambil kira asas penubuhan MDV yang berlandaskan kepada keupayaan sebenar pemegang-pemegang saham syarikat dan pengurusan syarikat peminjam. Di dalam pemprosesan yang dilakukan dan di dalam kertas penilaian, MDV menghuraikan mengenai bahawasanya sesetengah syarikat-syarikat ini tidak menepati kredit polisi MDV. Disebabkan ini, penilaian juga terjurus kepada penilaian yang mementingkan kepada penilaian pengurusan dan teknikal. Sebuah*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	syarikat mungkin baru ditubuhkan kurang dari 2 tahun, tetapi jika penilaian menunjukkan bahawa pengalaman pengurusan adalah bersesuaian dengan kontrak yang diperoleh maka syarikat ini berupaya untuk melaksanakan kontrak yang ditandatangani. *Syarikat yang telah beroperasi melebihi 3 tahun tidak semestinya mempunyai sekuriti cair yang dapat diberikan kepada MDV. Tetapi, di dalam pemprosesan, MDV juga akan meminta syarikat-syarikat memberi sekuriti yang cair jika didapati bahawa projek yang akan dilaksanakan adalah berisiko tinggi. Langkah-langkah yang telah diambil oleh MDV dengan memperketatkan dan penambahan pengambilan sekuriti cair, memastikan syarikat peminjam memberi komitmen mereka dengan penambahan kewangan dari syarikat itu sendiri dan Jabatan Pengurusan Risiko Kawalan MDV akan membantu Jabatan Kredit dalam menjalankan penilaian bebas ke atas peminjam-peminjam.* Pada pendapat Audit, dengan memperketatkan dan menambah pengambilan sekuriti cair, akan membolehkan MDV mendapatkan pinjaman yang tertunggak sekiranya peminjam gagal membayar pinjaman mengikut jadual.	
29.5.2.2.c.i	**Tiada Penilaian Kos Projek Oleh MDV** Berdasarkan kriteria kelulusan margin pinjaman/pembiayaan yang ditetapkan oleh MDV adalah sebanyak 85% dari kontrak/projek atau keseluruhan kos projek, mana-mana yang terendah. Maklumat kos yang dikemukakan oleh peminjam adalah seperti perbelanjaan modal (capital expenditure) bagi perolehan mesin, peralatan, *hardware, software*, pembinaan bangunan dan kos perbelanjaan operasi serta kos lain yang terlibat bagi projek yang berkaitan. Semakan Audit mendapati tidak ada bukti kajian/penilaian dilaksanakan terlebih dahulu oleh MDV terhadap kos yang dikemukakan oleh peminjam. Kelulusan margin pinjaman dibuat berdasarkan maklumat kos yang di kemukakan oleh peminjam. Skop *due deligence* yang dibuat juga tidak melibatkan kajian/penilaian mengenai kos sesuatu projek atau perolehan peralatan/aset. Kesan daripada ketiadaan kajian dan penilaian kos projek menyebabkan pengurusan MDV tidak dapat menentukan sejauh mana pinjaman yang diluluskan merupakan kos yang relevan dan praktikal dengan projek yang akan dilaksanakan.	Sila rujuk maklumbalas di perenggan 29.5.2.2.c.iii. Pihak MDV bersetuju dengan pendapat Audit dan akan melaksanakan pengesyoran Audit.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
29.5.2.2.c.ii	Pemeriksaan Audit pada 3 transaksi berjumlah RM11.17 juta mendapati tiada kajian/penilaian kos di laksanakan bagi perolehan peralatan dan pembinaan bangunan yang melibatkan syarikat subsidiari dan pengarah syarikat yang mempunyai kepentingan di dalam syarikat pembekal juga. Risiko ke atas maklumat kos perbelanjaan yang dikemukakan oleh peminjam adalah tidak tepat.	
29.5.2.2.c.iii	Perbandingan yang telah dilakukan di antara pinjaman yang ditawarkan oleh bank komersial dan MDV bagi perolehan peralatan *Steam Boiler Systems* dan *Fully Automatic Boiler System* mendapati kos perolehan peralatan tersebut adalah lebih tinggi berbanding bank komersial sejumlah RM1.34 juta. Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *Di dalam penilaian pemprosesan kami, MDV akan mengkaji keseluruhan kos untuk melaksanakan satu-satu projek termasuk perbelanjaan modal bagi perolehan mesin, peralatan, hardware, software, pembinaan bangunan dan kos perbelanjaan operasi serta kos lain yang terlibat bagi projek yang berkaitan. MDV tidak akan memberi pinjaman 100% kepada peminjam. MDV akan sentiasa meminta komitmen dari peminjam di dalam melaksanakan projek.* *Kajian pada setiap kos dijalankan dan MDV akan menetapkan pembahagian kos yang akan diberi oleh peminjam serta komitmen dari peminjam. Pihak Divisyen Business Technology and Advisory telah pun melaksanakan satu prosedur bermula bulan September 2012 di mana segala kos-kos projek akan di analisis untuk memastikan bahawa kos pinjaman adalah berpatutan.* Pada pendapat Audit, analisis kos yang dijalankan secara menyeluruh terhadap kos projek yang dikemukakan oleh peminjam, dapat memastikan kos projek adalah berpatutan. Oleh demikian, pengurusan MDV perlu mengkaji semula prosedur penilaian pinjaman dengan mengambil kira elemen penilaian kos projek.	
29.5.2.2.d.i	**Pengeluaran (*Disbursement*) Pinjaman/Pembiayaan Pada Dokumen Yang Tidak Lengkap dan Tempoh Invois Yang Lama** Mengikut *Comprehensive Operations Manual* (COMP) para *4.2.1 Financing Drawdown* menyatakan Portfolio Manager (PM) hendaklah memastikan semua dokumen berkaitan adalah lengkap sebelum pengeluaran pinjaman/pembiayaan. Para 3.2 COMP juga menghendaki CMD memastikan semua syarat-syarat berkaitan	Sila rujuk maklumbalas di perenggan 29.5.2.2.d.ii. Pihak MDV bersetuju dengan pendapat Audit dan akan melaksanakan pengesyoran Audit.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dipatuhi dan dokumen sokongan adalah lengkap.	
29.5.2.2.d.ii	Semakan Audit ke atas 30 sampel dokumen *disbursement* mendapati 1 tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap dan 2 mengemukakan invois pembekal yang lama bagi tujuan *reimbursement* iaitu salinan invois yang melebihi tempoh 12 bulan sebelum tarikh *reimbursement*. Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *MDV mengambil perhatian ke atas perkara yang telah dibangkitkan. Adakalanya terdapat situasi di mana jarak masa di antara permohonan pembiayaan sehingga ianya dapat memenuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan dalam Surat Tawaran mengambil masa yang agak lama. Ini menyebabkan pelanggan terpaksa menggunakan sumber kewangan yang lain untuk memastikan projek mereka tidak tergendala. Oleh yang demikian situasi reimbursement tidak dapat dielakkan sama sekali.* *Walau bagaimanapun, MDV perlu menilai kes tersebut secara berasingan untuk memastikan tiada penyelewengan dan salah guna pembiayaan. Pada dasarnya, semenjak tahun 2011 MDV telah mengetatkan proses pemberian "reimbursement" iaitu pembiayaan kos yang telah dibayar oleh peminjam tidak boleh melebihi tiga (3) bulan kecuali dalam kes tertentu yang disokong dengan sebab-sebab yang kukuh.* Pada pendapat Audit, pengurusan MDV perlu menyiasat perkara ini dan meningkatkan semakan dokumen *disbursement* sebelum diluluskan untuk pembayaran. Ini bagi memastikan kawalan dalaman pembayaran dilaksanakan dan mengesahkan kewajaran pembayaran dibuat.	
29.5.2.2.e.i	**Pengiraan Pembayaran Balik Pinjaman/Pembiayaan** Surat tawaran MDV kepada peminjam menyatakan tempoh bayaran balik pinjaman. Bayaran akan dibuat pada penghujung bulan selepas tamat tempoh *grace period.* Semakan Audit mendapati pengiraan tarikh bayaran balik adalah kurang tepat. Tarikh bayaran pinjaman yang sepatutnya matang sebelum akhir bulan, akan dikira pada hari terakhir di dalam bulan tersebut. Berlaku perbezaan jumlah hari dari 5 hingga 29 hari di antara tarikh bayaran matang yang sebenar dan tarikh pengiraan bayaran oleh bahagian terlibat.	Sila rujuk maklumbalas di perenggan 29.5.2.2.e.ii. Pihak MDV bersetuju dengan pendapat Audit dan akan melaksanakan pengesyoran Audit.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
29.5.2.2.e.ii	Berdasarkan maklum balas MDV, pengiraan kaedah tersebut adalah bagi memudahkan pengiraan *profit/interest,* penentuan dan pemantauan tarikh bayaran pinjaman. Ini disebabkan sistem perekodan dan pengiraan maklumat pinjaman masih dilaksanakan secara manual dengan menggunakan aplikasi *excel.* Sebagai contoh, tempoh bayaran pinjaman adalah selepas 90 hari dari tarikh *disbursement* iaitu pada 10 Januari 2012. Bagaimanapun pengiraan tempoh bayaran pinjaman yang ditetapkan ialah 30 April 2011 berbanding 10 April 2012. Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *MDV mengambil perhatian ke atas pandangan yang diberikan. Walau bagaimanapun, cara pengiraan tersebut memberikan kelebihan dari segi kelonggaran kepada peminjam yang seterusnya dapat memudahkan aliran tunai mereka, di samping menjana pendapatan yang lebih kepada MDV, hasil daripada pinjaman pokok yang dijelaskan pada hari terakhir setiap bulan berbanding sekiranya pinjaman tersebut dijelaskan lebih awal. Seperti yang telah dinyatakan oleh pihak Jabatan Audit Negara, pendekatan di atas dapat ditukar dengan penggunaan sistem "ICFS" yang kini telah berada di tahap akhir untuk disiapkan.* Pada pendapat Audit, kelewatan pengiraan tarikh bayaran balik pinjaman boleh memberi gambaran yang tidak tepat berkaitan status akaun peminjam.	
29.5.2.2.f.ii	**Pemantauan Terhadap Prestasi Peminjam** Berdasarkan pemeriksaan Audit terhadap 34 sampel pinjaman yang dipilih mendapati *annual review* bagi 19 peminjam tidak dijalankan secara *regular* dalam tempoh 12 bulan. Manakala bagi 10 peminjam yang lain, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada *annual review* pernah dilaksanakan kerana tiada bukti mengenainya. Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *MDV mengambil maklum pandangan Jabatan Audit Negara. Untuk melaksanakan annual review sama ada sekali atau dua kali dalam tempoh 12 bulan, syarikat peminjam dikehendaki untuk memberi dokumen seperti akaun yang beraudit dan pengurusan kewangan bulanan dan status projek yang dibiayai oleh MDV. Penyebab utama annual review tidak dapat dijalankan pada masa yang ditetapkan adalah kerana maklumat-maklumat serta dokumen yang dikehendaki tidak diberikan kepada*	Pihak MDV bersetuju dengan pendapat Audit dan akan mempastikan bahawa proses *annual review* dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Pihak MDV juga ingin menyatakan bahawa selain daripada proses *annual review*, Jabatan PMD juga ada membuat pemantauan secara kerap (sekurang kurangnya dua kali setahun) melalui "*site visit*" bagi mempastikan bahawa pelaksanaan projek yang dibiayai MDV berjalan secara lancar. Surat peringatan juga akan dihantar oleh PMD bagi peminjam-peminjam yang tidak menjelaskan bayaran balik pada masa yang ditetapkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	MDV oleh para peminjam dalam tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pemantauan prestasi sentiasa dijalankan seperti pemantauan bulanan untuk pembayaran, pemantauan cagaran, insurans polisi dan sebagainya. *Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi perkara di atas dengan meletakkan annual review sebagai petunjuk prestasi utama kepada pekerja yang dipertanggungjawabkan untuk melakukan annual review serta memastikan maklumat dan dokumen yang diperlukan diperolehi sebelum tarikh untuk annual review.* Pada pendapat Audit, *annual review* perlu dilaksanakan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan di dalam Polisi Kredit MDV sekurang-kurangnya 1 kali dalam tempoh 12 bulan. Kegagalan melaksanakan *annual review* mengikut tempoh yang ditetapkan boleh mengakibatkan pihak pengurusan MDV dan Lembaga Pengarah tidak dapat mengesan status atau prestasi setiap peminjam dengan sewajarnya dan tindakan susulan yang lebih awal tidak dapat diputuskan.	
29.5.2.2.g.i	**Polisi Insurans Bagi Pinjaman/Pembiayaan Oleh MDV - Peminjam Yang Tidak Menamakan MDV Sebagai Benefisiari** Semakan Audit ke atas senarai insurans MDV sehingga 31 Disember 2012 mendapati polisi insurans bagi 8 peminjam berjumlah RM104.85 juta tidak menamakan MDV sebagai benefisiari; hanya nama peminjam dicatatkan di dalam polisi insurans. Ini boleh menyebabkan risiko MDV tidak mempunyai hak tuntutan ganjaran sepenuhnya ke atas aset dan peralatan yang dibiayai sekiranya berlaku sebarang kehilangan/kerosakan. Pegawai bertanggungjawab hendaklah memastikan nama MDV dicatatkan sebagai benefisiari di dalam polisi insurans. Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *MDV mengambil maklum pandangan yang dibuat. Dalam semua keadaan MDV akan memastikan insurans yang diambil perlu menamakan MDV sebagai benefisiari. Namun begitu terdapat juga situasi yang menyukarkan pihak MDV untuk dinamakan sebagai benefisiari seperti apabila terdapat lebih daripada satu institusi kewangan yang terlibat dalam membiayai projek peminjam.*	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 29.5.2.2.g.i.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
29.5.2.2.h.i	***Non Performing Loans* (NPL) - Prestasi NPL MDV** Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi 17 sampel akaun NPL yang dipilih berjumlah RM174.31 juta, 3 akaun (17.7%) NPL telah di hapus kira berjumlah RM127.1 juta, 8 akaun (47.1%) berjumlah RM17.94 juta diambil tindakan undang-undang dan 6 akaun (35.3%) berjumlah RM29.27 juta masih dalam proses perundingan bagi menjadualkan semula bayaran balik hutang kepada MDV. Daripada 17 akaun NPL, 4 (35.3%) daripadanya melibatkan pinjaman MDV dengan syarikat-syarikat tempatan yang membuat pelaburan di luar negara dengan baki hutang berjumlah RM138.71 juta. Tempoh proses pemulihan dan penyelesaian akaun NPL mengambil masa kerana rundingan yang panjang dengan peminjam yang mengemukakan pelbagai pelan perancangan untuk menyelesaikan hutang tertunggak, masalah perundangan yang berbeza bagi projek yang dilaksanakan di luar negara dan proses perundangan yang mengambil masa yang panjang. Pada pendapat Audit, pengurusan MDV perlu menyediakan prosedur spesifik bagi kelulusan pinjaman bagi projek yang dilaksanakan di luar negara kerana risiko pinjaman adalah berbeza dan lebih tinggi berbanding di dalam negara.	Pihak MDV telah memutuskan bahawa tiada pinjaman akan diberi kepada projek yang dilaksanakan di luar negara melainkan sekiranya kedudukan kewangan pemohon pinjaman adalah kuat dan sekuriti pinjaman yang diberi adalah mantap.
29.5.2.2.h.ii	**Pinjaman/Pembiayaan Yang Mempunyai Lebih Daripada Satu Akaun NPL** Semakan Audit mendapati sehingga 31 Oktober 2012, sebanyak 31 peminjam mempunyai lebih daripada 1 akaun pinjaman di antara 2 atau 3 *project line* berjumlah RM301.61 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak 11 (35.5%) peminjam berjumlah RM63.47 juta telah dikelaskan sebagai NPL. Pemeriksaan Audit seterusnya mendapati pada setiap *project line* untuk 10 peminjam telah diklasifikasikan sebagai NPL pada tahun yang sama walaupun setiap *project line* ini diluluskan pada tahun yang berbeza. Semakan lanjut terhadap 11 peminjam NPL di atas, pengurusan MDV telah meluluskan pinjaman baru ketika pinjaman sedia ada masih berstatus aktif. Daripada jumlah bilangan ini, 5 peminjam melaksanakan kontrak/projek daripada *sponsor* yang sama dan baki 6 peminjam lagi daripada *sponsor* yang berbeza. Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *Syarikat yang mempunyai lebih dari satu akaun pinjaman berlaku kerana syarikat ini mempunyai lebih dari satu kontrak atau projek yang sama dari segi skop perlu*	Pihak MDV bersetuju dengan pendapat Audit dan akan melaksanakan pengesyoran Audit.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dilaksanakan. Untuk syarikat yang mempunyai lebih dari satu akaun pinjaman, pihak MDV akan menganalisis setiap pinjaman. Jika kegagalan syarikat kerana tidak dapat melaksanakan projek dilihat kegagalan teknikal atau kerana pengambilan wang terus dan tidak dibayar kepada MDV, maka MDV akan mengklasifikasikan kesemua pinjaman sebagai NPL. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut: - *(a) mesyuarat tentang pengajaran (post-mortem) dari apa yang berlaku terhadap NPL telah dan akan sentiasa disalurkan kepada pekerja-pekerja bahagian kredit dan keseluruhan pekerja yang dipertanggungjawabkan; dan* *(b) Jabatan Pemantauan Portfolio (PMD) telah ditubuhkan. Penubuhan PMD adalah bertujuan untuk meningkatkan aktiviti pemantauan dan penyeliaan portfolio yang masih aktif dan berstatus bukan NPL/NPF ("Non-NPL/NPF").* Pada pendapat Audit, pengurusan MDV perlu mewujudkan mekanisme kawalan tambahan kepada syarikat yang mempunyai lebih dari satu pinjaman untuk memastikan pinjaman/pembiayaan dipantau dengan rapi.	
29.5.2.2.h.iii	**Tindakan Litigasi Selepas Pinjaman Dihapus Kira** Semakan Audit mendapati kelulusan untuk menghapus kira 24 pinjaman tidak berbayar berjumlah RM269 juta telah diperoleh melalui mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagaimanapun semakan Audit selanjutnya mendapati tindakan litigasi terhadap 3 daripada 24 pinjaman yang telah dihapus kira berjumlah RM7.49 juta masih dalam tindakan penguatkuasaan penghakiman. Status terkini tindakan litigasi yang diambil pengurusan MDV adalah di dalam proses melaksanakan penggulungan dan kebankrapan terhadap syarikat dan penjamin. Di samping itu di dapati MDV masih meneruskan usaha-usaha untuk mendapatkan semula hutang tertunggak walaupun pinjaman telah dihapus kira. Semakan Audit di Jabatan Insolvensi Malaysia sehingga 31 Disember 2012 mendapati 5 daripada 24 peminjam yang telah dihapus kira pinjamannya masih belum diisytiharkan bankrap. Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *MDV mengambil maklum pandangan yang diberikan oleh Audit. Walaupun pinjaman-*	Maklum balas adalah sama seperti diperenggan 29.5.2.2.h.iii.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pinjaman yang telah dihapus kira, pihak MDV ingin menyatakan bahawa tindakan undang-undang masih berjalan. MDV bersetuju dengan pendapat Audit untuk memberi lebih perhatian dan mempercepatkan tindakan litigasi terhadap penjamin-penjamin yang masih belum diisytiharkan bankrap tetapi ini juga adalah tertakluk kepada jangka masa pihak mahkamah yang menetapkan tarikh kes-kes ini untuk dibicarakan. Pada pendapat Audit, pengurusan MDV perlu mempercepatkan tindakan litigasi terhadap semua pinjaman yang telah dihapus kira bagi memastikan peminjam dikenakan tindakan sewajarnya seperti yang ditetapkan oleh mahkamah.	
29.5.2.2.h.iv	**Pinjaman Menjadi NPL Kurang Dari 1 Tahun Dari Tarikh *Disbursement* Pertama** Semakan Audit mendapati sehingga 31 Oktober 2012 sebanyak 9 pinjaman berjumlah RM22.82 juta telah diklasifikasikan menjadi NPL kurang 12 bulan dari tarikh *disbursement* pertama. Bagi tahun 2008, 1 pinjaman berjumlah RM0.7 juta telah menjadi NPL dalam tempoh 8 bulan dari tarikh *disbursement* pertama. Ini merupakan tempoh paling singkat pinjaman diklasifikasikan sebagai NPL. Seterusnya bagi tahun 2009 dan 2010, masing-masing mempunyai sebanyak 3 dan 4 akaun pinjaman yang menjadi NPL dengan jumlah RM18.96 juta dan RM3.03 juta serta 1 akaun pinjaman berjumlah RM0.13 juta pada tahun 2011. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, tempoh akaun pinjaman menjadi NPL adalah di antara 10 hingga 12 bulan dari tarikh *disbursement* pertama. Berdasarkan maklum balas MDV, NPL yang berlaku dalam tempoh kurang dari 12 bulan adalah disebabkan hasil kontrak tidak dibayar terus kepada MDV tetapi telah diguna pakai oleh peminjam, Kontrak yang tidak dapat dilaksanakan kerana perubahan pada spesifikasi oleh penaja projek dan Syarikat peminjam tidak dapat memberi komitmen mereka untuk menampung kenaikan kos yang tinggi. Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *MDV sentiasa mengadakan mesyuarat bagi mengkaji sebab-sebab berlakunya NPL dalam tempoh 12 bulan dan akan memastikan pengajaran yang dapat dipelajari tidak diulangi. Pemantauan prestasi yang berterusan dijalankan oleh bahagian pemantauan projek untuk melihat dan menganalisis status projek.* Pada pendapat Audit, sebaik sahaja pinjaman ini menjadi NPL, pengurusan MDV hendaklah memberi keutamaan untuk mengkaji sebab pinjaman dikelaskan menjadi NPL di dalam masa yang singkat iaitu dalam tempoh 12 bulan dari tarikh *disbursement* pertama. Perkara ini membolehkan pengurusan MDV mengambil	Pihak MDV bersetuju dengan pendapat Audit dan ingin menyatakan bahawa proses "*post mortem*" terhadap akaun-akaun NPL biasanya akan dijalankan setiap enam bulan bagi mengurangkan risiko kerugian MDV pada masa akan datang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tindakan sewajarnya dengan lebih awal dan boleh mengurangkan risiko kerugian kepada MDV pada masa akan datang.	
29.5.2.2.I	**Penubuhan Jawatankuasa Syariah MDV** Semakan Audit mendapati panel syariah BPMB telah menerima cadangan di atas. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan, tiada langkah susulan di ambil oleh MDV untuk melantik pegawai Syariah sepertimana kelulusan Jawatankuasa Audit pada 23 November 2010. Berdasarkan maklum balas, pengurusan MDV telah menggunakan perkhidmatan daripada Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) sebagai konsultan bagi memantau dan memberi nasihat pembiayaan serta membuat penyemakan dokumen-dokumen pembiayaan. Bagaimanapun kekerapan semakan dokumen-dokumen dibuat sekali dalam tempoh 1 tahun. Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *MDV sentiasa mengikuti prinsip-prinsip dalam Garis Panduan Bank Negara Malaysia sebagai amalan "best practice." Rangka kerja tadbir urus Syariah yang diamalkan oleh MDV adalah untuk menggunakan perkhidmatan daripada Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) sebagai konsultan bagi memantau dan memberi nasihat pembiayaan berasaskan prinsip Syariah serta membuat penyemakan dokumen-dokumen pembiayaan.* *MDV telah menggunakan penasihat Syariah yang berpengalaman dan terkenal di dalam pasaran. Mesyuarat Rancangan Tahunan MDV 2011/2012, MDV telah memutuskan untuk menangguhkan cadangan pelantikan pegawai Syariah dan justeru itu kerjasama dengan BPMB kerana pada masa itu rangka kerja sedia ada merupakan lebih Value For Money.* Pada pendapat Audit, penubuhan panel Syariah akan dapat mewujudkan tadbir urus Syariah yang lebih kukuh dan pematuhan Syariah dalam operasi organisasi.	Pihak MDV akan terus menggunakan IBFIM sebagai penasihat Syariah secara "*outsource*" oleh kerana produk dan liputan industry MDV yang terhad dan tidak serumit seperti bank-bank tempatan yang lain.
29.5.2.2.j.ii	**Sistem Maklumat Berkomputer - *Integrated Core Financing Solution* (ICFS)** Mengikut perjanjian, tarikh projek sepatutnya disiapkan pada April 2011. Bagaimanapun, terpaksa ditangguhkan kepada bulan Julai 2011. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2012, sistem ICFS masih belum digunakan oleh MDV. Berdasarkan maklum balas MDV, kelewatan ini disebabkan oleh terdapat permintaan pindaan (Change Request) pada program pengiraan *interest in-suspense*	Sila rujuk maklumbalas di perenggan 29.5.2.2.j.iv. MDV akan menjalankan latihan menggunakan ICFS untuk pekerja-pekerja yang berkenaan sebelum penghujung tahun 2013 dan dijangka akan menggunakan sepenuhnya man-days

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	oleh pihak MDV untuk mengambil kira jumlah *interest/profit* bagi akaun-akaun yang telah *non performing* berdasarkan FRS 139 yang baru diguna pakai dan masalah teknikal di dalam proses pemindahan data.	yang telah diperuntukkan di bawah AMS.
29.5.2.2.j.iii	Semakan Audit terhadap bayaran kemajuan mendapati sehingga 31 Disember 2012, MDV telah membayar sejumlah RM3.11 juta (90.9%) daripada keseluruhan kos projek bernilai RM3.42 juta. Baki bayaran projek berjumlah RM0.31 juta (0.9%) bagi item *'Systems Administrator & Technical Manual, Project Closure Reports and Other Documentation'* masih di tahan memandangkan sistem ICFS belum dapat digunakan sepenuhnya.	
29.5.2.2.j.iv	Pada bulan Mac 2012, MDV telah menandatangani satu perjanjian baru dengan pihak vendor berjumlah RM0.3 juta bagi tempoh 2 tahun. Perjanjian ini di namakan sebagai *Provision of Application Management Services* (AMS) *for MDV's ICFS.* Perjanjian ini adalah bagi menyediakan latihan ICFS kepada pegawai/kakitangan MDV selama 100 hari setahun, penambahan sub-modul baru dan kerja penyenggaraan terhadap modul-modul yang terdapat di dalam sistem ICFS. Tempoh kontrak bermula pada tarikh perjanjian di tandatangani dan akan diperbaharui selepas tempoh 2 tahun sekiranya perkhidmatan vendor masih diperlukan. Semakan Audit mendapati perjanjian tersebut tidak menyatakan dengan jelas klausa tindakan yang boleh diambil oleh MDV sekiranya tempoh latihan pegawai/kakitangan tidak dapat digunakan sepenuhnya selama 100 hari setahun. Selain itu, tempoh latihan dan kerja penyelenggaraan bagi tempoh setahun telah bermula pada tarikh perjanjian di tandatangani dan akan tamat pada bulan Mac 2013 walaupun sistem ini masih belum di gunakan. Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei dan 27 Jun 2013 *Pihak MDV telah mengenal pasti faktor utama sistem ICFS tidak dapat digunakan lagi kerana pemindahan data atau "data migration" dari sistem legasi belum lagi siap dijalankan. Proses pemindahan data ini telah mengambil masa yang agak lama kerana kerumitan dari segi kuantiti data transaksi yang banyak, dahulunya dari Excel spreadsheet. Ini menyebabkan proses pemindahan yang terpaksa dilakukan secara manual.* *Walau bagaimanapun, dengan pemantauan yang lebih dekat oleh pihak pengurusan MDV, proses pemindahan data ini telah dapat dipercepatkan dengan proses re-migration baru (berciri balances uploading) yang kini sudah lebih 50% siap sejak dimulakan pada 13 Mei 2013. Proses ini dijangka 100% siap pada akhir Jun 2013.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Berkenaan perjanjian AMS, vendor bersetuju untuk membawa peruntukan man-days yang tertakluk di dalam kontrak AMS yang mana tidak digunakan pada tahun 2012 kepada tahun 2013. Peruntukan di bawah perjanjian AMS bagi tahun 2011/2012 masih lagi boleh diguna pakai dan tiada kerugian kerana pihak MDV masih lagi tidak membuat apa-apa bayaran di bawah perjanjian tersebut. Pada pendapat Audit, penggunaan ICFS dapat meningkatkan kecekapan pengurusan pinjaman. Oleh itu, pengurusan MDV perlu memantau rapi proses *re-migration* untuk memastikan sistem dapat digunakan secara optimum dalam masa terdekat. Bagi latihan di bawah AMS dilaksanakan sepenuhnya, pengurusan MDV perlu mengadakan klausa melalui satu perjanjian tentang tindakan yang boleh di ambil sekiranya latihan tersebut tidak dilaksanakan sepenuhnya akibat kegagalan sistem ICFS berfungsi.	

(AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN)

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

Perenggan 2 : Pengurusan Skim Diesel Bersubsidi

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.1.3	**Prestasi Pengurusan Skim Diesel Bersubsidi - Penilaian *Outcome* Tidak Dilaksanakan** Semakan Audit mendapati LKIM tidak menjalankan penilaian *outcome* bagi Skim Diesel Bersubsidi. Sehubungan itu, LKIM tidak dapat mengukur pencapaian objektif program yang telah ditetapkan. Pada pendapat Audit, penilaian *outcome* terhadap Skim Diesel Bersubsidi adalah penting untuk menentukan objektif program tercapai. Penilaian *outcome* ini dapat digunakan untuk menangani kelemahan dan menambah baik Skim Diesel Bersubsidi. Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013. *LKIM akan melaksanakan penilaian outcome bagi Skim Diesel Bersubsidi pada tahun 2013 bagi menilai pencapaian objektif Skim Diesel Bersubsidi serta mengenal pasti dan menambahbaik pelaksanaan program.*	LKIM akan membuat penilaian *outcome* mulai Oktober 2013 dan laporan siap dijangka dapat disediakan pada awal Tahun 2014.
2.4.2.2	**Penjualan Diesel Super Subsidi Kepada Vesel Zon C2** Analisis Audit terhadap Sistem e-NSMS dengan menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) mendapati 2,002 transaksi jualan diesel yang sepatutnya dijual pada harga RM1.80 per liter kepada vesel Zon C2 telah dijual pada harga Diesel Super Subsidi iaitu RM1.25 per liter. Analisis Audit selanjutnya mendapati sebanyak 14.81 juta liter telah dijual pada harga RM1.25 per liter yang menyebabkan kerugian kepada Kerajaan berjumlah RM8.14 juta. Perkara ini disebabkan pemantauan yang kurang berkesan oleh LKIM terhadap penjualan diesel bersubsidi. Pada pendapat Audit, LKIM hendaklah memastikan pusat jualan menjual Diesel Super Subsidi kepada pemilik vesel Zon C2 mengikut harga yang ditetapkan. LKIM perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pusat jualan yang telah menjual Diesel Super Subsidi kepada pemilik vesel Zon C2.	Semakan yang telah dibuat oleh LKIM mendapati tiada sebarang kerugian kepada kerajaan kerana 2,002 transaksi jualan tersebut adalah pada harga sebenar *Subsidy Diesel i*aitu RM 1.80 per liter bagi vesel Zon C2 dan bukannya harga *Super Subsidy* RM 1.25 per liter. Kesalahan pada transaksi jualan berlaku ketika pelarasan harga *Super Subsidy* kepada *Subsidy* dibuat. Tindakan pembetulan yang melibatkan kesalahan pendaftaran zon vesel dan pelarasan semula zon tangkapan telah dibuat melalui sistem *e-NSMS.*

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum balas daripada LKIM diterima pada 22 Mei 2013. *LKIM memaklumkan 1,012 transaksi dijual oleh Pusat Jualan Vesel Zon C2 pada harga sebenar RM1.80/liter tetapi telah direkodkan pada harga RM1.25/liter dalam Sistem e-NSMS. Baki sebanyak 990 transaksi lagi adalah antaranya disebabkan kesalahan pendaftaran zon vesel; pelarasan semula zon; kesalahan memasukkan transaksi secara manual/PDA rosak dan kekeliruan terhadap perubahan harga.*	LKIM akan memastikan perkara ini tidak berulang.
2.4.3.2	**Penjualan Diesel Bersubsidi Melebihi Kapasiti Tangki Vesel** Semakan Audit mendapati penjualan diesel bersubsidi kepada 43 vesel telah melebihi kapasiti tangki antara 600 sehingga 10,500 liter. Ini disebabkan PDA tidak memaparkan kapasiti tangki bagi tujuan mengawal penjualan diesel bersubsidi. Bagaimanapun, PDA tersebut hanya memaparkan nombor vesel, nama pemilik, tarikh luput kad e-Diesel, zon, harga seunit, had kuota dan baki kuota. Semakan lanjut mendapati PDA yang telah digunakan mulai 1 Disember 2012 juga tidak memaparkan had kapasiti tangki. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 dan masih berulang. Pada pendapat Audit, penjualan diesel bersubsidi melebihi kapasiti tangki boleh memberi ruang kepada penyalahgunaan diesel bersubsidi. LKIM hendaklah memastikan PDA memaparkan maklumat kapasiti tangki vesel supaya penjualan diesel bersubsidi dapat dikawal dan tidak melebihi kapasiti tangki vesel. Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013. *LKIM memaklumkan melalui Mesyuarat Isu Perikanan bersama Jabatan Perikanan Malaysia, LKIM telah meminta Jabatan Perikanan Malaysia memasukkan maklumat kapasiti tangki dalam lesen vesel perikanan supaya boleh dijadikan panduan dalam menentukan kelayakan sebenar nelayan untuk mengisi diesel.*	LKIM telah memastikan penjualan diesel bersubsidi adalah mengikut zon dan kuota yang telah diluluskan berpandukan keputusan Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel/Petrol Nelayan. Maklumat kapasiti tangki vesel tidak termasuk dalam kelulusan permohonan subsidi diesel nelayan.
2.4.4	**Penjualan Diesel Bersubsidi Melebihi Kuota** Semakan Audit terhadap Senarai Vesel Kegunaan Diesel Bulanan e-NSMS yang melebihi kuota 1,000 liter bagi bulan April sehingga Disember 2012 mendapati 55 transaksi jualan diesel di 8 PNK telah melebihi kuota yang ditetapkan iaitu sebanyak 165,474 liter**.** Ini disebabkan transaksi jualan secara manual lewat dimasukkan ke dalam Sistem e-NSMS menyebabkan baki kuota tidak dikemas kini yang boleh mengakibatkan penyalahgunaan diesel bersubsidi berlaku. Perkara ini juga telah	Semakan terhadap 55 transaksi mendapati 33 transaksi membuat pembelian melebihi kuota yang telah ditetapkan dan tindakan penangguhan telah dibuat kepada pemilik vesel tersebut. Manakala 22 transaksi adalah kemasukan transaksi berganda.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 dan masih berulang. Pada pendapat Audit, penjualan diesel bersubsidi melebihi kuota boleh menyumbang kepada penyalahgunaan terhadap diesel bersubsidi. Sehubungan itu, LKIM hendaklah memastikan PNK memasukkan maklumat jualan secara manual dengan segera ke dalam sistem e-NSMS supaya baki kuota dikemas kini dan penjualan diesel bersubsidi dapat dikawal. Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013. *LKIM telah membuat semakan terhadap 55 vesel mendapati 33 vesel membuat pembelian melebihi kuota yang telah ditetapkan dan tindakan penangguhan telah dibuat kepada pemilik vesel tersebut. Selain itu, baki sebanyak 22 vesel pula didapati membuat kemasukan transaksi berganda yang menyebabkan jumlah pembelian diesel bersubsidi melebihi kuota yang ditetapkan. Tindakan menyelaras semula maklumat transaksi jualan telah diambil bagi mengemas kini maklumat. Terdapat kelemahan pada sistem e-NSMS untuk mengambil kira transaksi pembelian secara manual semasa PDA offline. Ini menyebabkan berlakunya lebihan pembelian kuota kerana pembelian yang dibuat pada akhir bulan akan direkodkan pada awal bulan berikutnya.* *LKIM juga akan melaksanakan tindakan penangguhan terhadap vesel yang terlibat membeli diesel bersubsidi melebihi kuota. Bagaimanapun, hanya 2 pegawai yang mengurus skim ini berbanding sebanyak 17,000 vesel yang melibatkan purata 3,500 transaksi sehari yang menyebabkan pemilik vesel terlepas daripada tindakan seperti penangguhan dan disenaraihitamkan. Selain itu, Bahagian Audit Dalam LKIM sentiasa membuat pengauditan berkala terhadap semua PNK yang melaksanakan skim ini dan memberi teguran berkaitan perkara ini.*	Tindakan menyelaras semula maklumat transaksi jualan telah diambil bagi mengemas kini dan memperbetul maklumat supaya penjualan diesel bersubsidi melebihi kuota tidak berulang.
2.4.5.1	**Kawalan Stok Diesel Bersubsidi - Alat Pengukur Stok Diesel Dalam *Skid Tank*** Pemeriksaan stok diesel dalam *skid tank* hendaklah menggunakan alat pengukur yang boleh memberi bacaan stok diesel dengan tepat. Pemeriksaan Audit mendapati 16 daripada 87 pusat jualan atau 18.4% tidak mempunyai alat pengukur manakala 13 pusat jualan atau 14.9% menggunakan alat pengukur seperti kayu, dahan pokok dan pita pengukur untuk menentukan bacaan stok diesel dalam *skid tank*. Perkara ini berlaku disebabkan pusat jualan tersebut telah beroperasi sebelum pelaksanaan Skim Diesel Bersubsidi dan pemilik pusat jualan persendirian tidak menitikberatkan penggunaan alat pengukur bagi mengambil bacaan fizikal stok diesel di *skid tank.* Ini boleh meningkatkan kos operasi kepada pemilik pusat jualan persendirian sekiranya membeli alat pengukur yang baru. Sehubungan itu, bacaan yang diperolehi tidak	Alat pengukur stok diesel dalam *skid tank* adalah dibekalkan oleh pemborong/pembekal mengikut kepada peralatan yang telah ditetapkan mengikut *standard* oleh syarikat-syarikat minyak. LKIM tiada kuasa untuk menentukan dan mengubah alat pengukur tersebut. LKIM akan memastikan pihak pembekal mematuhi dan menggantikan alat pengukur stok diesel dalam *skid tank.*

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tepat kerana bacaan stok diesel berdasarkan anggaran oleh pemilik pusat jualan. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 dan masih berulang. Pada pendapat Audit, penggunaan alat pengukur yang sesuai adalah penting bagi memastikan ketepatan bacaan di *skid tank* bagi memperolehi baki sebenar stok diesel di pusat jualan. Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013. *LKIM memaklumkan skid tank yang digunakan oleh PNK telah dibekalkan oleh pemborong iaitu NEKMAT, PENESA dan KO-NELAYAN atau syarikat pembekal diesel. Sehubungan itu, pemborong atau syarikat pembekal diesel disaran untuk membuat perbincangan dengan PNK untuk membekalkan alat pengukur yang sesuai bagi memastikan ketepatan baki sebenar stok diesel.*	
2.4.5.2	**Perbezaan Antara Baki Stok Fizikal Dalam *Skid Tank* Dengan Baki Buku Stok Diesel Bersubsidi** Lawatan Audit dari bulan November 2012 sehingga Februari 2013 mendapati wujud perbezaan antara baki stok fizikal dan baki Buku Stok Diesel Bersubsidi di 21 pusat jualan. Semakan lanjut mendapati perbezaan lebihan stok fizikal yang direkodkan adalah sebanyak 63,544 liter manakala perbezaan kurangan stok pula adalah sebanyak 8,816 liter. Perbezaan bagi lebihan dan kurangan stok fizikal dalam *skid tank* adalah selepas mengambil kira 5% pemeluwapan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pengambilan bacaan stok fizikal di *skid tank* tidak dilakukan secara harian dan tiada alat pengukur yang tepat. Ini boleh memberi ruang kepada penyalahgunaan dan penyelewengan diesel bersubsidi. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 dan masih berulang. Pada pendapat Audit, LKIM hendaklah memastikan pemeriksaan dibuat dengan serta-merta terhadap perbezaan antara baki stok fizikal dengan baki di Buku Stok Diesel Bersubsidi. Laporan lengkap perbezaan stok ini hendaklah dikemukakan kepada Pengarah LKIM Negeri untuk tujuan rekod dan siasatan. Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013. *LKIM memaklumkan NEKMAT, PENESA, KO-NELAYAN dan PNK adalah diminta untuk mematuhi syarat dan peraturan kawalan stok diesel bersubsidi yang ditetapkan bagi mengelakkan perkara yang sama berulang. LKIM telah meminta pemborong*	LKIM akan mengarah dan sentiasa memastikan NEKMAT, PENESA, KO-NELAYAN dan PNK supaya mematuhi syarat dan peraturan kawalan stok diesel bersubsidi yang ditetapkan bagi mengelakkan perbezaan antara baki stok fizikal dalam *skid tank* dan baki buku stok diesel bersubsidi tidak berulang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	iaitu NEKMAT, PENESA dan KO-NELAYAN memastikan semua pusat jualan baru dilengkapi dengan skid tank yang mempunyai bacaan meter. Selain itu, NEKMAT dengan kerjasama syarikat pembekal seperti PETRONAS, BHP dan SHELL telah mengadakan kursus kepada PNK dalam mengurus pusat jualan diesel yang merangkumi aspek penerimaan diesel dan kawalan stok.	
2.4.5.3	**Pemeriksaan Stok Fizikal Diesel Bersubsidi Dalam *Skid Tank* Tidak Dijalankan** Semakan Audit mendapati 24 daripada 87 pusat jualan atau 27.6% tidak menjalankan pemeriksaan stok fizikal dalam *skid tank* untuk direkodkan dalam Buku Stok Diesel Bersubsidi. Ini menyebabkan baki stok diesel sebenar dalam *skid tank* tidak dapat ditentukan sama ada bersamaan dengan baki dalam Buku Stok Diesel Bersubsidi yang mana boleh memberi ruang kepada penyelewengan. Perkara ini berlaku kerana kurang pemantauan dari penyelia pusat jualan. Pada pendapat Audit bagi meningkatkan akauntabiliti, LKIM hendaklah memastikan PNK membuat pemeriksaan stok fizikal diesel bersubsidi untuk mengesahkan ketepatan jumlah baki dalam *skid tank* dan jumlah yang direkodkan dalam Buku Stok Diesel Bersubsidi. Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013. *LKIM telah mengeluarkan beberapa pekeliling untuk dijadikan panduan oleh PNK dalam mengurus dan mengawal selia stok diesel bersubsidi. Pekelling ini perlu diikuti oleh semua Pengurus PNK bagi memastikan rekod stok diesel bersubsidi sentiasa dikemas kini, mengelakkan ketirisan dan seterusnya kerugian kepada PNK. LKIM memaklumkan bagi mengelakkan perkara yang sama berulang maka NEKMAT, PENESA, KO-NELAYAN dan PNK adalah diminta mematuhi syarat dan peraturan kawalan stok diesel bersubsidi yang ditetapkan.*	LKIM sentiasa mengeluarkan pekeliling untuk dijadikan panduan oleh PNK dalam pengurusan dan kawal selia stok diesel bersubsidi. LKIM akan memastikan pemeriksaan stok fizikal diesel bersubsidi dalam *skid tank* sentiasa dijalankan.
2.4.6.a	**Pengisytiharan Hasil Tangkapan** Kod peniaga lain yang berdaftar dalam sistem e-Pengisytiharan diguna untuk mengisytiharkan hasil tangkapan bagi nelayan yang menjual sendiri atau menjual hasil tangkapan kepada peniaga yang tidak berdaftar dengan LKIM.	LKIM memaklumkan kes yang dibangkitkan oleh pihak Audit adalah sukar untuk dikenal pasti. Setakat ini, LKIM tidak berupaya untuk menyemak semua dokumen terbabit kerana kekurangan pegawai. Bagaimanapun, LKIM akan mengambil tindakan teguran secara bersurat dan secara lisan kepada juru isytihar yang terbabit bagi kes yang telah dikenal pasti oleh pihak Audit.
2.4.6.b	Sebanyak 30 Borang Pengisytiharan Pendaratan Ikan Untuk Belian Diesel Bersubsidi di Pusat Pengisytiharan Tawau dan Semporna, Sabah tidak lengkap kerana ruangan Kod Peniaga tidak direkodkan. Perkara ini disebabkan oleh kurangnya pemantauan oleh LKIM terhadap Pusat Pengisytiharan dan kelonggaran mekanisme sistem e-Pengisytiharan. Ini memberi ruang kepada penyalahgunaan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Skim Diesel Bersubsidi kerana boleh menyebabkan nelayan yang tidak turun ke laut untuk menangkap ikan tetapi masih layak menerima skim tersebut. Pada pendapat Audit, pengisytiharan hasil tangkapan sendiri oleh nelayan dan jualan kepada peniaga yang tidak berdaftar dengan LKIM dengan menggunakan kod peniaga lain boleh menyebabkan penyelewengan Skim Diesel Bersubsidi. LKIM hendaklah mengkaji dengan teliti Sistem e-Pengisytiharan bagi menambahbaik Skim Diesel Bersubsidi. Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013. *LKIM memaklumkan kes yang dibangkitkan oleh pihak Audit adalah sukar untuk dikenal pasti. Setakat ini, LKIM tidak berupaya untuk menyemak semua dokumen terbabit kerana kekurangan pegawai. Bagaimanapun, LKIM akan mengambil tindakan teguran secara bersurat dan secara lisan kepada juruisytihar yang terbabit bagi kes yang telah dikenal pasti oleh pihak Audit.*	
2.4.7.1	**Keselamatan Kemudahan Di Pusat Jualan - *Skid Tank* Tidak Berpagar** Lawatan Audit pada 6 November 2012 ke Pusat Jualan PNK Sungai Besar, Selangor dan pada 15 dan 16 Januari 2013 di PNK Matang dan Kerian, Perak mendapati *skid tank* ditempatkan di kawasan yang tidak berpagar. Ini disebabkan jeti persendirian yang disewa oleh PNK telah beroperasi sebelum pelaksanaan Skim Diesel Bersubsidi. Ini boleh menyebabkan berlakunya pencerobohan dan kecurian diesel bersubsidi.	LKIM telah mengambil tindakan secara berperingkat dengan mengurangkan bilangan pusat jualan yang tidak sesuai daripada aspek keselamatan yang melibatkan kecurian dan kebakaran. Sebanyak 6 pusat jualan di PNK Matang dan 5 pusat jualan di PNK Hilir Perak telah diarah tutup atas sebab keselamatan dan tidak mematuhi syarat. LKIM dalam proses pembinaan jeti bagi menggantikan beberapa pusat jualan yang tidak sesuai dan tidak selamat di PNK Kerian, Perak. Program pemusatan dan pembinaan akan diteruskan di Negeri Selangor, Pahang dan Wilayah Persekutuan Labuan apabila kompleks/jeti nelayan siap sepenuhnya.
2.4.7.2	***Skid Tank* Ditempatkan Dalam Premis Kediaman** Lawatan Audit pada 15 Januari 2013 di 2 Pusat Jualan di Jalan Pantai, Kuala Kurau, PNK Kerian, Perak mendapati *skid tank* telah ditempatkan dalam premis kediaman pemilik pusat jualan. Pusat jualan ini telah wujud sebelum pelaksanaan Skim Diesel Bersubsidi. Sekiranya berlaku kebakaran, ia boleh mengakibatkan kemusnahan di sekitar kawasan kediaman berkenaan. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 dan masih berulang.	
2.4.7.3	**Jeti Jualan Yang Usang** Lawatan Audit pada 22 Januari 2013 ke Pusat Jualan Bagan Pasir Laut, PNK Hilir Perak dan 6 November 2012 ke Pusat Jualan Sungai Burung, PNK Sungai Besar, Selangor mendapati 3 pam minyak diesel ditempatkan di jeti jualan yang usang. Jeti jualan ini dimiliki oleh pihak persendirian dan segala penyenggaraan adalah di	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bawah tanggungjawab pemilik jeti tersebut. Sehubungan itu, keadaan ini boleh memberi kesan terhadap keselamatan pam dan jurupam sekiranya perkara yang tidak diingini berlaku.	
2.4.7.4	**Keadaan *Skid Tank* Yang Usang Dan Bocor** Lawatan Audit pada 6 November 2012 di Pusat Jualan Sungai Burung dan Bagan Sekinchan, Selangor mendapati *skid tank* berada dalam keadaan usang dan bocor. Oleh itu, *skid tank* hanya boleh diisi dengan satu pertiga diesel daripada kapasitinya. Selain itu, lawatan Audit pada 17 Januari 2013 dan 19 Februari 2013 mendapati pam di Pusat Jualan Sungai Tinggi, Perak; Tanjung Dawai, Kedah dan Kompleks Perikanan LKIM Geting, Kelantan pula mengalami kebocoran pada penyambung hos penyaluran diesel ke vesel nelayan dan kerosakan pada meter pam. Perkara ini disebabkan pemilik jeti tidak membuat penyenggaraan terhadap hos dan pam tersebut. Ini boleh mengakibatkan ketirisan diesel bersubsidi dan seterusnya kerugian kepada Kerajaan. Pada pendapat Audit, LKIM tidak menitikberatkan keselamatan kemudahan di pusat jualan sehingga berlaku *skid tank* dan jeti jualan yang usang serta kebocoran kepada penyambung hos dan pam. Maklum balas daripada LKIM diterima pada 22 Mei 2013. *LKIM telah mengambil tindakan secara berperingkat dengan mengurangkan bilangan pusat jualan yang tidak sesuai daripada aspek keselamatan. Sebanyak 6 pusat jualan di PNK Matang dan 5 pusat jualan di PNK Hilir Perak telah diarah tutup atas sebab keselamatan dan tidak mematuhi syarat. LKIM dalam proses pembinaan jeti dan dibeberapa pusat jualan di PNK Kerian, Perak yang tidak sesuai dan tidak selamat. Program pemusatan dan pembinaan akan diteruskan di Negeri Selangor, Pahang dan Wilayah Persekutuan Labuan apabila kompleks/jeti siap sepenuhnya.*	
2.4.8	**KO-NELAYAN Sebagai Peruncit Diesel Bersubsidi Tanpa Lesen** Semakan Audit mendapati KO-NELAYAN menjalankan urusan sebagai pemborong dan peruncit diesel bersubsidi pada masa yang sama. Bagaimanapun, KO-NELAYAN tidak mempunyai Lesen Berniaga Runcit daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk berniaga diesel bersubsidi secara runcit. Perkara ini disebabkan oleh KPDNKK hanya mengeluarkan lesen berniaga runcit atas nama PNK sahaja. Oleh itu, KO-NELAYAN telah menjalankan fungsi sebagai peruncit diesel bersubsidi tanpa lesen. Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan telah	LKIM telah menasihatkan KO-NELAYAN untuk mendapatkan lesen berniaga runcit diesel bersubsdi. KO-NELAYAN telah mengemukakan permohonan lesen berniaga runcit kepada KPDNKK pada 12 September 2012 dan masih menunggu kelulusan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	membincangkan mengenai peranan KO-NELAYAN sebagai pemborong dan peruncit. Pada pendapat Audit, KO-NELAYAN telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana menjual diesel subsidi secara runcit tanpa lesen. Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013. *LKIM memaklumkan perkara ini telah dipanjangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel Dan Petrol Nelayan. Bagaimanapun, perkara ini akan dirujuk kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi memastikan bekalan diesel bersubsidi kepada nelayan berjalan lancar. Semua pusat jualan KO-NELAYAN telah mempunyai lesen Petroleum Development Act 1974 yang sah. KO-NELAYAN juga telah mengemukakan permohonan lesen runcit kepada KPDNKK pada 12 September 2012.*	
2.4.9	**Bekalan Diesel Bersubsidi Tidak Mencukupi** NEKMAT bertanggungjawab membuat pengagihan kuota diesel bersubsidi berdasarkan bilangan vesel yang berdaftar di setiap PNK. PNK Hilir Perak mempunyai 873 vesel yang berdaftar dengan anggaran 15.83 juta liter sebulan tetapi NEKMAT hanya meluluskan kuota sebanyak 9 juta liter sebulan. Lawatan Audit pada 21 Januari 2013 di Pusat Jualan Diesel Sungai Burung 1 dan Sungai Burung 2 di PNK Hilir Perak mendapati transaksi jualan pada 15 dan 18 Januari 2013 merupakan transaksi terakhir jualan kepada pemilik vesel kerana ketiadaan bekalan diesel di pusat jualan tersebut. Di samping itu, pertambahan sebanyak 62 vesel yang berpindah daripada pusat jualan lain ke PNK Hilir Perak telah menyebabkan permintaan bekalan diesel bersubsidi semakin bertambah. Perkara ini mengakibatkan kekurangan bekalan diesel bersubsidi bagi Zon A, B dan C di PNK Hilir Perak. Pada pendapat Audit, LKIM perlu peka terhadap permintaan sebenar diesel bersubsidi oleh nelayan di PNK Hilir Perak supaya bekalan diesel bersubsidi mencukupi dan tidak menjejaskan aktiviti penangkapan ikan di kawasan tersebut. Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013. *LKIM memaklumkan keperluan kuota adalah berdasarkan musim ikan, keadaan cuaca dan faktor lain. Oleh itu, kuota yang tidak digunakan di sesuatu kawasan akan dipindahkan kepada kawasan yang memerlukan pada masa itu.*	Keperluan kuota diesel bersubsidi adalah berdasarkan musim ikan, keadaan cuaca dan faktor-faktor lain. Oleh itu, kuota yang tidak digunakan di sesuatu kawasan akan dipindahkan kepada kawasan yang memerlukan diesel bersubsidi bagi memastikan bekalan diesel bersubsidi mencukupi.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.10	**Penerimaan Diesel Bersubsidi Kurang Berbanding Kuantiti Yang Dipesan** Semakan Audit terhadap transaksi pesanan dan penerimaan diesel bersubsidi di PNK Sungai Tinggi, Perak pada 1 hingga 7 Januari 2013 mendapati bekalan diesel bersubsidi yang diterima kurang berbanding kuantiti yang dipesan daripada NEKMAT iaitu sejumlah 281,190 liter. Ini menyebabkan nelayan tidak mendapat bekalan diesel yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan. Pada pendapat Audit, LKIM hendaklah memastikan pemborong membekalkan diesel bersubsidi seperti yang dipesan oleh PNK supaya bekalan diesel bersubsidi sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan nelayan. Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013. *LKIM memaklumkan NEKMAT, PENESA dan KO-NELAYAN perlu memastikan bekalan diesel dapat disalurkan sehingga hujung bulan dan langkah catuan perlu dilaksanakan di peringkat PNK. Jumlah kuota diesel yang diluluskan hanya 100 juta liter sebulan berbanding kuota sebenar sebanyak 128.37 juta liter sebulan. Sehubungan itu, pemborong terpaksa menyelaras anggaran keperluan kuota bagi setiap PNK manakala PNK pula perlu memastikan vesel diberikan had kuantiti berdasarkan keperluan sebenar untuk satu trip operasi sahaja. PNK yang memerlukan tambahan diesel bersubsidi boleh mendapatkan bekalan diesel bersubsidi daripada pemborong yang masih mempunyai bekalan diesel.*	Pembekalan diesel bersubsidi kepada nelayan dibuat mengikut penggunaan sebenar vesel berdasarkan kepada jumlah kuota yang diluluskan iaitu 100 juta liter sebulan oleh Kerajaan. Oleh itu, penerimaan diesel bersubsidi tidak mengikut kuantiti yang dipesan tetapi mengikut penggunaan sebenar vesel.
2.4.11	**Pemantauan Pengisytiharan Pendaratan** Semakan Audit mendapati pemantauan pengisytiharan pendaratan bagi Zon A, B dan C tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, pemantauan pengisytiharan pendaratan hasil tangkapan hanya dibuat bagi vesel Zon C2 oleh pegawai LKIM bersama wakil Jabatan Perikanan. Ini disebabkan oleh kekurangan pegawai LKIM yang ditempatkan di pusat pengisytiharan dan pendaratan hasil tangkapan yang tidak berpusat menyukarkan kerja pemantauan. Sehubungan itu, pengesahan hasil tangkapan tidak dapat disahkan secara fizikal dan hanya berdasarkan resit jualan atau Borang Perakuan Jualan Oleh Nelayan. Pada pendapat Audit, pemantauan pengisytiharan pendaratan yang dilaksanakan adalah kurang berkesan kerana pendaratan tidak dapat disahkan di Zon A, B dan C. Ini menyebabkan kuota pengagihan diesel subsidi tidak dapat dibuat secara adil dan tepat kerana tiada maklumat pemantauan yang menyeluruh.	LKIM sentiasa membuat pemantauan berterusan tetapi kekangan daripada bilangan pegawai menyebabkan pemantauan pengisytiharan pendaratan secara menyeluruh tidak dapat dilaksanakan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013. *LKIM akan mengeluarkan pekeliling baru yang mewajibkan semua Urus Setia Pemasaran melakukan pemantauan secara persampelan sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Satu mesyuarat khas bagi membincangkan masalah ketirisan pemberian Insentif Hasil Tangkapan Ikan, Subsidi Minyak dan Elaun Sara Hidup akan dibuat.*	
2.4.12	**Halangan Ke Lokasi Pusat Jualan** Lawatan Audit pada 30 November 2012 di Kompleks LKIM Bintulu, Sarawak mendapati laluan vesel ke pusat jualan adalah cetek dan sempit disebabkan oleh pembinaan benteng kayu yang menghalang laluan vesel nelayan ke Kompleks berkenaan. Oleh itu, nelayan perlu menunggu air pasang untuk membolehkan pembelian diesel bersubsidi dilakukan. Pada pendapat Audit, LKIM hendaklah mengkaji semula kesesuaian lokasi Kompleks LKIM Bintulu, Sarawak untuk memudahkan nelayan membeli diesel bersubsidi. Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 22 Mei 2013. *LKIM memaklumkan PNK Bintulu, Sarawak mempunyai 2 pusat jualan untuk memenuhi keperluan nelayan setempat iaitu di Kompleks LKIM Bintulu dan pusat jualan diesel bersubsidi di Lot 2006, Kampung Sebuan Besar, Bintulu. LKIM juga memaklumkan setakat ini tiada rungutan daripada nelayan bagi membeli diesel bersubsidi di Kompleks LKIM Bintulu. Bagaimanapun, terdapat cadangan daripada pengurusan PNK Bintulu untuk mencari tapak bagi menggantikan kawasan sedia ada.*	LKIM memaklumkan PNK Bintulu, Sarawak mempunyai dua (2) pusat jualan diesel bersubsidi untuk memenuhi keperluan nelayan setempat iaitu di Kompleks LKIM Bintulu dan pusat jualan diesel bersubsidi di Lot 2006, Kampung Sebuan Besar, Bintulu. Sehingga kini tiada rungutan daripada nelayan bagi mendapatkan diesel bersubsidi di Kompleks LKIM Bintulu.
2.5.1	**Pemantauan - Peringkat Kementerian** Pemantauan Skim Diesel Bersubsidi telah dijalankan di peringkat Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel Dan Petrol Nelayan. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2010 hingga 2012 jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 4 hingga 5 kali setahun.	Kekangan peruntukan mengurus menyebabkan LKIM tidak dapat melaksanakan pemantauan secara menyeluruh bagi aktiviti pengurusan Skim Diesel Bersubsidi ini. Walau bagaimanapun LKIM tetap meneruskan tindakan pemantauan dengan bantuan dan kerjasama daripada jabatan/agensi lain yang berkaitan.
2.5.2	**Peringkat Ibu Pejabat LKIM** Pemantauan di peringkat Ibu Pejabat LKIM dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Pemantauan Diesel dan Petrol Bersubsidi. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekali pada tahun 2012 dan sebanyak 3 kali pada tahun 2010 dan 2011. Semakan lanjut mendapati LKIM tidak mempunyai garis	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	panduan atau prosedur mengenai mekanisme pemantauan secara khusus terhadap pusat jualan yang dikendalikan oleh PNK.	
2.5.3	**Peringkat LKIM Negeri** Pemantauan di peringkat LKIM Negeri dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Pemantauan Diesel dan Petrol Bersubsidi Peringkat LKIM Negeri. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa telah bermesyuarat dan membincangkan kes yang dilaporkan seperti Kad e-Diesel, e-Pengisytiharan, tindakan pemantauan dan penguatkuasaan. Pada pendapat Audit, pemantauan pengurusan Skim Diesel Bersubsidi adalah kurang memuaskan di Ibu Pejabat LKIM. LKIM hendaklah memastikan Jawatankuasa *Task Force* Pemantauan Diesel dan Petrol Bersubsidi di peringkat Ibu Pejabat bermesyuarat dengan lebih kerap untuk menangani isu yang dibangkitkan. LKIM juga hendaklah menyediakan prosedur mengenai mekanisme pemantauan secara khusus supaya pemantauan berkesan dapat dilakukan terhadap pusat jualan diesel bersubsidi yang dikendalikan oleh PNK.	

PERBADANAN LABUAN (PLABUAN)

Perenggan 3 : Pengurusan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas Dan Teksi

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.1.2.a	**Prestasi Projek - Projek Timbus Tanah** Projek Timbus Tanah dilaksanakan oleh syarikat AS Supply Sdn. Berhad untuk menyediakan tapak bagi Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas dan Teksi. Mengikut perjanjian, nilai kontrak adalah sejumlah RM4.74 juta dengan tempoh kontrak selama 8 bulan bermula daripada 23 November 2004 hingga 4 Julai 2005 dan Tempoh Tanggungan Kecacatan selama 15 bulan. Perbadanan Labuan telah meluluskan satu Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM0.47 juta menjadikan kos Projek Timbus Tanah berjumlah RM5.21 juta. Perbadanan Labuan juga telah meluluskan 5 lanjutan masa kepada kontraktor bagi menyiapkan Projek Timbus Tanah.	Projek timbus tanah telah siap pada 18 Mac 2008. Pada masa ini tapak tersebut sedang dibangunkan Projek Pembinaan Pasar Baru dan Stesen Teksi dan Bas Labuan. Stesen Teksi dan Bas tersebut telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 17 April 2013.
3.4.1.2.b	Sehingga tempoh lanjutan masa tamat pada 2 Ogos 2007, kontraktor gagal menyiapkan projek. Sijil Perakuan Siap Kerja bagi Projek Timbus Tanah dikeluarkan pada 18 Mac 2008 dengan kelewatan siap kerja selama 7 bulan. Oleh itu, Perbadanan Labuan telah mengenakan denda ganti rugi kepada kontraktor sejumlah RM236,726. Projek Timbus Tanah gagal disiapkan mengikut jadual kerana penangguhan kerja timbus tanah selama 8 bulan bagi penyediaan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar, kelewatan memperoleh permit mengambil pasir laut daripada Jabatan Tanah dan Galian serta kelewatan memperoleh kelulusan penggunaan *sea wall* daripada Perbadanan Labuan. Pada pendapat Audit pengurusan Projek Timbus Tanah adalah tidak memuaskan kerana projek yang sepatutnya siap dalam tempoh 8 bulan telah mengambil masa selama 40 bulan. Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013. *Perbadanan Labuan memaklumkan bahawa Projek Timbus Tanah ini mengambil masa selama 40 bulan disebabkan kerja di tapak dihentikan buat sementara untuk penyediaan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar atas arahan Jawatankuasa Exco Tanah Wilayah Persekutuan Labuan. Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar tidak perlu disediakan pada awalnya kerana keluasan tapak hanya 11 ekar. Selain itu,*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berlaku kelewatan mendapat permit pasir daripada Jabatan Tanah, kelewatan menerima perakuan reka bentuk untuk Seawall Type 2, kerosakan hakisan pada Bund Seawall Type 1 dan hujan.	
3.4.1.3.a	**Projek Pembinaan Pasar** Projek Pembinaan Pasar dilaksanakan oleh Labindo Engineering Sdn. Berhad secara tender terbuka. Nilai kontrak adalah sejumlah RM24.89 juta dan projek dijangka siap pada 17 Januari 2010. Semakan Audit mendapati pada 26 November 2009, kemajuan kerja projek hanya mencapai 22.2% iaitu kelewatan sebanyak 73.8%. Oleh itu, Perbadanan Labuan telah mengeluarkan Notis Penamatan Kontrak pada 7 Januari 2010. Setakat bulan Disember 2012, sejumlah RM8.55 juta telah dibayar kepada Labindo Engineering Sdn. Berhad. Projek ini gagal disiapkan kerana kontraktor menghadapi masalah kekurangan simen, penambahan kerja cerucuk, perubahan reka bentuk struktur bangunan dan lain-lain.	Kemajuan Kerja bagi Projek Pembinaan Pasar Baru sehingga 28 Julai 2013 ialah:- Sebenar : 61% Jadual : 64.5% Status : Lewat (-3.5%)
3.4.1.3.b	Lanjutan daripada penamatan kontrak ini, Infolada Engineering (M) Sdn. Berhad dilantik pada 19 Julai 2010 melalui proses tender terhad bagi tujuan membina semula pasar dengan nilai kontrak berjumlah RM30.08 juta. Bagaimanapun, setelah Arahan Perubahan Kerja dan pelarasan harga kontrak, kos projek berjumlah RM33.54 juta dan projek dijangka siap pada 16 Julai 2012.	
3.4.1.3.d	Semakan Audit mendapati Projek Pembinaan Pasar tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Perbadanan Labuan telah meluluskan satu lanjutan masa selama 397 hari kerana kelewatan menerima arahan dan maklumat berhubung kerja sivil dan struktur daripada perunding.	
3.4.1.3.e	Lawatan susulan Audit pada 5 Julai 2013 mendapati pembinaan pasar masih belum siap dan tahap kemajuan kerja adalah 60% sahaja. Projek ini dijangka siap pada 27 April 2014. Pada pendapat Audit, pengurusan Projek Pembinaan Pasar tidak memuaskan kerana projek yang sepatutnya siap pada 17 Januari 2010 gagal disiapkan. Selain itu, peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh berjumlah RM56.50 juta tidak dapat dimanfaatkan untuk pembinaan pasar bagi menambah baik kemudahan awam di Wilayah Persekutuan Labuan. Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013. *Perbadanan Labuan memaklumkan Laporan Prestasi Projek Pembinaan Pasar telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit Kementerian*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar. Surat Amaran Kemungkiran Kontraktor No. 1 telah dikeluarkan pada 8 Mac 2013 bagi mengingatkan kontraktor mengenai kelewatan projek. Perbadanan Labuan beranggapan projek ini mampu disiapkan dan tidak wajar sekiranya ianya ditamatkan kerana akan lebih meningkatkan kos. Perbadanan Labuan juga telah menerima semua peruntukan daripada Unit Perancangan Ekonomi dan tiada peruntukan tambahan akan diberi lagi sekiranya tender dibuka semula.	
3.4.1.4.d	**Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi** Lawatan susulan Audit pada 5 Julai 2013 mendapati Stesen Bas dan Teksi telah siap dibina dan mula beroperasi pada 15 Mac 2013. Bagaimana pun semasa lawatan audit pada tarikh tersebut mendapati stesen bas digunakan tetapi tidak ada teksi di stesen teksi dan stesen tersebut digunakan untuk letak kereta awam. Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan Projek Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi menyebabkan peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh berjumlah RM11.30 juta tidak dapat dimanfaatkan bagi menambah baik kemudahan awam di Wilayah Persekutuan Labuan. Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013. *Perbadanan Labuan memaklumkan bahawa Projek Pembinaan Stesen Teksi Dan Bas telah siap dan mula beroperasi pada 15 Mac 2013.*	Mesyuarat / perbincangan bersama Persatuan Pemandu Teksi dan Persatuan Pemandu Bas telah diadakan pada:- i - 14 Disember 2012 ii - 31 Januari 2013 iii - 4 Mac 2013 iv - 11 Mac 2013 Stesen bas telah beroperasi sepenuhnya sejak 15 Mac 2013, manakala stesen teksi pada masa ini digunakan pada waktu malam sahaja bagi memberikan perkhidmatan kepada pengunjung pusat hiburan berhampiran. Stesen teksi akan digunakan sepenuhnya apabila pasar baharu siap. Pada masa ini Perbadanan Labuan telah menukarkan petak parkir yang dikhaskan untuk parkir teksi sebelum ini kepada parkir awam. Pihak penguatkuasa Perbadanan Labuan akan mengenakan kompaun sekiranya pemandu teksi masih memakir / meletakkan teksinya di petak parkir awam tersebut dan PL sedang berusaha untuk memastikan pemandu teksi menggunakan Stesen Teksi yang telah disediakan tersebut.
3.4.2.1.c	**Pengurusan Pembinaan - Pemilihan Kontraktor Asal Projek Pembinaan Pasar** Kontraktor telah mengalami kerugian sejumlah RM792,951 pada tahun 2007 dan mempunyai liabiliti semasa melebihi aset semasa sejumlah RM177,634. Selain itu, keupayaan kewangannya bergantung kepada kemudahan overdraf bank sejumlah RM7.20 juta. Kontraktor juga tidak mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2008 hingga 2011 kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Oleh itu, prestasi kewangannya bagi tempoh tersebut tidak dapat ditentukan.	Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan tidak terlibat dengan proses penilaian tender dan beliau juga bukan merupakan ahli Lembaga Perolehan Kementerian Wilayah Persekutuan. Proses penilaian dan pemilihan kontraktor adalah terletak di bawah bidang kuasa Lembaga Perolehan A, Kementerian Wilayah Persekutuan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.2.1.d	Semakan selanjutnya mendapati Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan bagi tempoh 1 Jun 2011 hingga 31 Mei 2012 mempunyai kepentingan dalam Labindo Engineering Services Sdn. Berhad. Beliau merupakan pemilik syarikat dengan pegangan saham sebanyak 99.9%. Beliau adalah Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan bagi tempoh 10 Oktober 2005 hingga 31 Mei 2011 iaitu semasa pelantikan kontraktor dibuat. Pada pendapat Audit, justifikasi pemilihan kontraktor hendaklah dibuat dengan menitikberatkan keupayaan teknikal dan kewangan bagi memastikan kontraktor yang dilantik dapat menyiapkan projek mengikut jadual dan mengelakkan peningkatan kos. Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013. *Perbadanan Labuan memaklumkan bahawa analisis Jawatankuasa Penilaian Tender Perbadanan Labuan adalah berdasarkan kriteria dan syarat yang berpatutan dari segi kemampuan kewangan dan teknikal (kakitangan dan alatan), pengalaman kerja dan bebanan kerja semasa. Selain itu, kos tawaran dan tempoh siap yang munasabah serta tidak bergantung kepada harga terendah. Bagaimanapun, keputusan Penilaian Lembaga Perolehan A adalah muktamad berdasarkan harga terendah dan kontraktor bumiputera tempatan.*	Lembaga Perolehan A Kementerian Wilayah Persekutuan pada ketika itu telah memilih Labindo Engineering Services Sdn. Bhd. berdasarkan harga terendah dan syarikat merupakan kontraktor bumiputra tempatan.
3.4.2.2.a	**Kelewatan Penamatan Kerja Kontraktor Asal Projek Pembinaan Pasar** Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2006, kontrak kerja pembinaan perlu ditamatkan sekiranya projek dikategorikan sebagai projek sakit iaitu kemajuan kerja projek mengalami kelewatan melebihi 3 bulan atau sebanyak 30%. Selanjutnya mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2009, projek dikategorikan sebagai projek sakit apabila kemajuan kerja projek mengalami kelewatan melebihi 2 bulan atau 20% yang berkuat kuasa pada 1 September 2009. Mengikut klausa 51 dalam dokumen kontrak, Pegawai Penguasa boleh menamatkan kontrak sekiranya kontraktor gagal melaksanakan kerja mengikut kontrak atau cuai menunaikan obligasinya di bawah kontrak tersebut.	Perbadanan Labuan sentiasa berusaha memastikan projek-projek pembangunan di WP Labuan dilaksanakan mengikut jadual. Bagaimanapun masih terdapat projek yang lewat dilaksanakan mengikut jadual. Tindakan-tindakan yang diambil bagi menangani projek yang lewat adalah seperti berikut:- 1. Mengeluarkan Surat Amaran Bagi Kemungkiran Kontraktor. 2. Mengadakan Mesyuarat Tapak (sekurang-kurangnya 2 – 3 minggu sekali). 3. Mengadakan Mesyuarat Teknikal (Perunding & Kontraktor). 4. Melaporkan ke Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit (JKPS), peringkat KWP jika projek dikategorikan sebagai projek sakit.
3.4.2.2.b	Semakan Audit mendapati kemajuan kerja Projek Pembinaan Pasar telah mengalami kelewatan melebihi 30% mulai bulan Julai 2009 dan tiada peningkatan kemajuan kerja bagi tempoh Julai hingga September 2009. Selain itu, kerja pembinaan telah berhenti setakat 26 November 2009. Perbadanan Labuan telah mengeluarkan 2 surat peringatan kepada kontraktor pada 19 Mac 2009 dan 11 September 2009. Notis Penamatan Kerja Kontraktor dikeluarkan pada 7 Januari 2010 iaitu lewat selama 5 bulan selepas projek dikategorikan sebagai projek sakit pada bulan Julai	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	2009. Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu mengambil tindakan segera apabila projek mengalami kelewatan melebihi 20% daripada jadual sebenar. Ini bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan pelantikan kontraktor penyiap dapat dibuat dengan segera. Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013. *Perbadanan Labuan memaklumkan laporan projek telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada bulan Ogos 2009. Penamatan kontrak lewat dibuat kerana memberi peluang kepada kontraktor untuk memperbaiki prestasi kerja projek tersebut. Akibat dari kelewatan yang ketara dan berterusan, Perbadanan Labuan telah mendapat nasihat daripada ahli Jawatankuasa Projek Sakit yang terdiri dari pegawai Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kewangan serta Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri untuk menamatkan kontrak. Selain itu, Perbadanan Labuan juga telah diberikan senarai kontraktor penyiap untuk membuat tawaran tender.*	5. Melaporkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan KWP setiap bulan. 6. Mesyuarat Pemantauan Projek PL. 7. Lawatan Tapak. 8. Menyelesaikan masalah yang berlaku di tapak. 9. Memastikan pembayaran kepada kontraktor dibuat dalam tempoh 14 hari dan bayaran terus kepada sub-kontraktor / pembekal jika diperlukan melalui *Deeds Of Assignment* (DoA). Selain itu juga, PL menggalakkan kontraktor mengemukakan tuntutan bayaran setiap 2 minggu sekali. 10. Pasukan penyelia tapak dilantik untuk menyelia pembinaan dan perlu melaporkan kepada PL setiap minggu. 11. Menghubungi terus pembekal / sub-kontraktor (contoh: pembekal *premix*, pembekal konkrit, operator perkhidmatan feri kenderaan) bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi dan tidak bermasalah. 12. Membentang laporan prestasi projek kepada Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan setiap suku tahun. Pada masa ini Projek Pembinaan Pasar Baru diteruskan oleh kontaktor penyelamat iaitu Infolada Engineering (M) Sdn. Bhd.
3.4.2.3.b	**Peningkatan Kos Projek Pembinaan Pasar** Semakan Audit mendapati jumlah sebenar kos projek setelah dibuat Arahan Perubahan Kerja dan pelarasan harga kontrak adalah berjumlah RM33.54 juta iaitu peningkatan sejumlah RM8.65 juta atau 34.8% daripada kos asal projek yang berjumlah RM24.89 juta. Peningkatan kos projek antaranya disebabkan peningkatan harga kontrak bagi kerja pembinaan bangunan utama serta kerja mekanikal dan elektrik. Selain itu, peningkatan kos projek juga disebabkan Arahan Perubahan Kerja untuk merobohkan dan membina semula cerucuk, lantai serta rasuk yang telah dibina kerana kerja kontraktor asal yang tidak mengikut spesifikasi serta kos tambahan kerja yang lain.	Perbadanan Labuan sedang mengambil tindakan timbangtara bagi menuntut kerugian akibat penamatan kontraktor asal bagi projek pembinaan pasar. Pendengaran (*hearing*) timbangtara akan diadakan pada 7 hingga 11 Oktober 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, projek pembinaan pasar yang gagal disiapkan mengikut jadual menyebabkan Perbadanan Labuan menanggung kenaikan kos projek sejumlah RM8.65 juta. Ini mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan kerana perlu menyalurkan peruntukan tambahan kepada Perbadanan Labuan bagi menampung kenaikan kos projek. Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013. *Perbadanan Labuan memaklumkan bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan, Perbadanan Labuan telah mengambil tindakan tuntutan perundangan melalui proses timbang tara bagi menuntut semula bayaran balik sejumlah RM21.10 juta termasuk wang pendahuluan, kos tambahan untuk menyiapkan pembinaan, kos tambahan perunding dan kos lain yang berkaitan akibat daripada penamatan kerja kontraktor asal.*	
3.4.2.4.b	**Tuntutan Wang Pendahuluan Projek Pembinaan Pasar** Semakan Audit mendapati Perbadanan Labuan telah membayar wang pendahuluan sejumlah RM3.60 juta kepada Labindo Engineering Services Sdn. Berhad pada 27 Februari 2008 untuk memulakan kerja pembinaan pasar. Syarikat ini telah mengemukakan jaminan bank bernilai RM3.60 juta kepada Perbadanan Labuan untuk pendahuluan tersebut. Semakan lanjut mendapati tarikh luput jaminan bank tersebut adalah pada 7 Oktober 2009 iaitu sebelum tarikh kontrak tamat pada 17 Januari 2010. Bagaimanapun, kontrak tersebut telah ditamatkan oleh Perbadanan Labuan pada 7 Januari 2010. Pada 18 Januari 2010, Perbadanan Labuan telah menuntut semula wang pendahuluan tersebut melalui jaminan bank tetapi tidak berjaya kerana tempoh jaminan bank telah luput pada 7 Oktober 2009. Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu memastikan jaminan bank yang dikemukakan oleh kontraktor meliputi tempoh kontrak atau tempoh pelanjutan masa yang diluluskan bagi menjaga kepentingan Perbadanan Labuan. Wang pendahuluan yang tidak dapat dituntut semula menyebabkan Perbadanan Labuan menanggung kerugian sejumlah RM3.60 juta. Pegawai yang gagal memantau dan memastikan jaminan bank dilanjutkan tempoh boleh dikenakan surcaj kerana cuai. Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013. *Penundaan tarikh milik tapak adalah antara faktor menyebabkan berlakunya kekeliruan dan terlepas pandang mengenai tarikh tamat jaminan bank pada 7 Oktober 2009. Perbadanan Labuan melalui surat bertarikh 24 April 2008 telah*	Perbadanan Labuan pada masa ini telah bersetuju untuk melantik seorang pegawai (juruukur bahan) bagi memantau tempoh sah laku semua jaminan bank untuk projek-projek pembangunan. Sebelum ini perkara tersebut tidak dinyatakan secara spesifik.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	meminta kontraktor untuk mengambil tindakan berkaitan pertukaran tarikh milik tapak ini tetapi ianya tidak dilaksanakan oleh kontraktor.	
3.4.2.5.b	**Perakuan Muktamad Projek Timbus Tanah Belum Disediakan** Semakan Audit mendapati sehingga bulan September 2012, Perbadanan Labuan belum menyediakan Perakuan Muktamad bagi Projek Timbus Tanah yang telah siap pada 18 Mac 2008 dan tempoh tanggungan kecacatan yang telah tamat pada 18 Jun 2009. Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan hendaklah menyediakan Perakuan Muktamad bagi memastikan bayaran dapat diselesaikan dengan segera dan tiada lebihan bayaran kepada kontraktor. Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013. *Perbadanan Labuan memaklumkan pihaknya akan menyediakan Perakuan Muktamad dan memastikan tiada lebihan bayaran kepada kontraktor.*	Perbadanan Labuan akan mengambil tindakan untuk membuat Perakuan Muktamad sebaik sahaja Jabatan Insolvensi Malaysia menyelesaikan kes ini. Latihan kepada pegawai yang bertanggungjawab kepada projek sentiasa diberikan untuk memastikan mereka lebih berpengalaman dan peka kepada isu-isu pemantauan projek.
3.4.2.6.a.i	**Tuntutan Kerugian Kerajaan** Mengikut Klausa 51 (c) (v) dalam dokumen kontrak, kontraktor hendaklah membayar sebarang kerugian kepada Kerajaan kerana penamatan kerja kontraktor di bawah kontrak tersebut. Semakan Audit mendapati Perbadanan Labuan telah mengemukakan tuntutan kerugian Kerajaan terhadap Labindo Engineering Services Sdn. Berhad berjumlah RM21.10 juta pada 7 Januari 2010 bagi menanggung kerugian Kerajaan kerana penamatan kontrak kerja pembinaan pasar. Tuntutan sejumlah RM2.72 juta juga dibuat terhadap AS Supply Sdn. Berhad akibat penamatan kontrak kerja pembinaan stesen bas dan teksi. Semakan lanjut mendapati perkara berikut: Perbadanan Labuan telah mengambil tindakan undang-undang terhadap Labindo Engineering Services Sdn. Berhad dan sehingga bulan September 2012, tuntutan kerugian tersebut masih dalam proses tindakan mahkamah.	Pendengaran (*hearing*) timbangtara bagi kes Labindo Engineering Services Sdn. Bhd. akan diadakan pada 7 hingga 11 Oktober 2013. Jabatan Insolvensi Malaysia sedang dalam tindakan untuk menyediakan notis kepada pemiutang-pemiutang berhubung niat pegawai penerima untuk memohon pelepasan ke mahkamah seterusnya membubarkan syarikat AS Supply Sdn. Bhd.
3.4.2.6.a.ii	Perbadanan Labuan juga telah mengambil tindakan undang-undang terhadap AS Supply Sdn. Berhad. Bagaimanapun, Jabatan Insolvensi Malaysia telah memaklumkan kepada Perbadanan Labuan bahawa AS Supply Sdn. Berhad telah diisytiharkan bankrap pada 14 Oktober 2010. Sehingga bulan September 2012, tindakan undang-undang tidak dapat diteruskan dan Perbadanan Labuan masih menunggu keputusan daripada Mahkamah Tinggi mengenai tuntutan kerugian	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kerajaan tersebut. Pada pendapat Audit, Perbadanan perlu memantau proses tindakan undang-undang terhadap kontraktor tersebut bagi memastikan Perbadanan Labuan mendapat tuntutan berjumlah RM23.82 juta kerana penamatan kontrak kerja akibat kegagalan kontraktor menyiapkan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas dan Teksi. Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013. *Perbadanan Labuan memaklumkan Statement of Claim telah dikemukakan kepada penimbang tara pada 28 Februari 2013 untuk tuntutan terhadap Labindo Engineering Services Sdn. Berhad. Oleh itu, pihak kontraktor perlu memfailkan Statement of Defend pada atau sebelum 1 April 2013. Tentative first hearing telah diatur oleh pihak penimbang tara dan dijangka akan diadakan pada bulan September 2013. Selain itu, Prove of Debt telah difailkan pada 14 November 2012 di pejabat Jabatan Insolvensi Malaysia untuk tuntutan terhadap AS Supply Sdn. Berhad. Perbadanan Labuan masih menunggu panggilan mesyuarat pertama pemiutang yang akan ditetapkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.*	
3.4.2.7.b.i	**Pelantikan Perunding - Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan dan Struktur** Perunding perlu menghadiri semua mesyuarat tapak projek bagi mengenalpasti dan menyelesaikan masalah teknikal yang berkaitan kejuruteraan awam. Semakan Audit mendapati perunding YM Consulting Engineering tidak hadir mesyuarat tapak projek sebanyak 2 kali pada tahun 2009 dan sebanyak 6 kali berturut-turut bagi tempoh 10 November 2010 hingga 3 Mac 2011.	Status YM Consulting Engineer pada masa ini adalah tidak aktif. Aduan telah dibuat kepada Lembaga Jurutera Malaysia, Kementerian Kewangan dan IEM pada 5 Oktober 2012. Perbadanan Labuan mencadangkan supaya pekeliling sedia ada berkaitan perlantikan perunding disemak semula oleh agensi pusat yang berkaitan agar klausa tindakan terhadap perunding yang bermasalah dinyatakan dengan jelas.
3.4.2.7.b.ii	Perbadanan Labuan telah memberi surat peringatan bertarikh 11 Januari 2010 kepada YM Consulting Engineering kerana tidak hadir dalam mesyuarat tapak dan surat pelepasan perkhidmatan perunding pada 9 Mac 2010. YM Consulting Engineering telah menarik diri daripada menjalankan perkhidmatan perundingan pada 23 Mac 2011 kerana perunding utama mengalami masalah kesihatan. Tindakan denda/penalti tidak dikenakan terhadap perunding oleh kerana tidak ada klausa dalam perjanjian. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan pada 31 Mei 2011 telah melantik perunding Era Daya Sdn. Berhad sebagai perunding ganti dengan nilai kontrak berjumlah RM806,840. Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu memastikan perunding Kejuruteraan dan Struktur melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian pelantikan perunding. Kegagalan perunding Kejuruteraan dan Struktur untuk hadir dalam mesyuarat tapak menyebabkan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tindakan segera tidak dapat diambil bagi menyelesaikan masalah teknikal yang berkaitan dengan kejuruteraan awam. Selain itu, Perbadanan Labuan perlu melaporkan ketidakcekapan perunding kepada Kementerian Kewangan supaya syarikat tersebut boleh disenaraihitamkan. Laporan kepada Badan Profesional juga perlu dibuat supaya tindakan tatatertib boleh diambil terhadap perunding tersebut. Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013. *Perbadanan Labuan juga akan memastikan perunding ganti iaitu Perunding Era Daya Sdn. Berhad melaksanakan tugas dan tanggungjawab di tapak supaya masalah teknikal yang berkaitan dengan kejuruteraan awam dan struktur dapat diselesaikan segera. Surat tunjuk sebab akan dikeluarkan kepada perunding yang gagal hadir pada Mesyuarat Tapak.*	
3.4.2.7.c.ii	**Kesilapan Lukisan Reka Bentuk** Semakan Audit mendapati perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur yang baru iaitu Era Daya Sdn. Berhad telah membuat semakan lukisan reka bentuk yang disediakan oleh perunding YM Consulting Engineering. Berdasarkan Laporan Awalan Pengumpulan Data, Semakan dan Cadangan Pembetulan yang disediakan oleh Era Daya Sdn. Berhad pada bulan Ogos 2011, terdapat kesilapan pada lukisan reka bentuk Projek Pembinaan Pasar seperti berikut:- • Kekurangan bilangan cerucuk dan besi tetulang pada bahagian asas. • Rasuk tidak dapat menampung beban di Grid line B3A/11-12 dan H/44-45. • Reka bentuk bahagian kerangka tidak menepati pengiraan Perunding Era Daya di Bahagian Truss C Grid Line 7, Truss A Grid Line 3 serta Truss L Grid Line 34 dan 45.	Aduan telah dibuat kepada Lembaga Jurutera Malaysia, Kementerian Kewangan dan IEM pada 5 Oktober 2012. Perbadanan Labuan telah mendapat maklumbalas daripada Lembaga Jurutera Malaysia dan meminta pihak PL agar mengemukakan bukti berkaitan. Pada masa ini, PL sedang dalam peringkat akhir mengumpulkan bukti-bukti seperti yang dikehendaki dan perkara ini akan dikemukakan semula kepada Lembaga Jurutera Malaysia pada September 2013.
3.4.2.7.c.iii	Pihak Audit juga mendapati berdasarkan Laporan Masalah Teknikal yang disediakan oleh kontraktor penyiap, lukisan pembinaan *apron* dan lukisan terperinci untuk tangga, *ramp* serta kekuda tidak disediakan. Selain itu, terdapat perbezaan antara Lukisan Jurutera dan Lukisan Arkitek mengenai ketinggian kekuda. Pihak Audit berpendapat, pemantauan yang berterusan oleh Perbadanan Labuan perlu dilaksanakan untuk memastikan perunding menjalankan tugas dan tanggungjawabnya mengikut perjanjian yang ditetapkan supaya pelaksanaan Projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas dan Teksi dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013. *Perbadanan Labuan mengambil maklum mengenai perkara ini dan berusaha untuk memastikan perunding berkompetensi dan memberikan komitmen penuh dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian perlantikan perunding. Aduan akan dikemukakan kepada Board of Engineers Malaysia atas kegagalan perunding untuk membuat kiraan dengan betul dan tepat. Jurutera tapak telah diminta untuk mengemukakan laporan mingguan kepada Perbadanan Labuan.*	
3.4.5.a	**Kualiti Kerja Kontraktor Penyelamat Projek Pembinaan Stesen Teksi dan Bas** Lawatan fizikal Audit pada 29 April 2013 di tapak Projek Pembinaan Stesen Teksi Dan Bas mendapati kualiti kerja pembinaan kontraktor penyelamat adalah tidak memuaskan.	Kerja pembaikan telah selesai untuk Projek Pasar Baru. Manakala untuk Projek Stesen Teksi dan Bas, ia masih berada dalam Tempoh Memperbaiki Kecacatan (*Defects Liability Period*) dan pembaikan ke atas kecacatan telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor.
3.4.5.b	Lawatan susulan Audit pada 5 Julai 2013 di tapak Projek Pembinaan Pasar mendapati kualiti kerja pembinaan kontraktor penyelamat yang tidak memuaskan telah diambil tindakan pembaikan.	
3.4.5.c	Perbadanan Labuan memaklumkan pihak kontraktor penyiap telah membaiki kecacatan dan kerosakan berdasarkan syor daripada pihak perunding antaranya menutup jurang di bahagian tiang dan membaiki keretakan pada *groud beam* dengan menggunakan bahan sika bagi mengelakkan pengaratan besi yang terdedah kepada tanah pasir. Pada pendapat Audit, pemantauan rapi dan berterusan perlu dilaksanakan untuk memastikan kerja pembaikan adalah berkualiti. Perbadanan Labuan juga perlu memastikan kerja pembinaan adalah berkualiti dan mengikut spesifikasi bagi kerja pembinaan yang masih dalam pelaksanaan kontraktor penyiap. Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013. *Perbadanan Labuan memaklumkan pihaknya tidak mengabaikan elemen kualiti ini malah ianya diberi keutamaan dan selalu dibincangkan dalam mesyuarat yang berkaitan. Jurutera Tapak perlu memastikan kualiti pembinaan mengikut spesifikasi dan lukisan pembinaan. Mesyuarat Teknikal dibuat antara kontraktor dan perunding setiap bulan. Teguran telah dibuat oleh Jurutera Tapak berulang kali tetapi ianya tidak dilaksanakan oleh Labindo Engineering Sdn. Berhad dan sebahagian kerja telah ditolak.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.6.b	**Pemantauan** Semakan Audit mendapati prestasi projek dan masalah yang dihadapi bagi projek Pembinaan Pasar, Stesen Bas dan Teksi ada dibentangkan kepada Lembaga Pengarah sejak tahun 2003. Bagaimanapun, sejak tahun 2007 prestasi projek dan masalah yang dihadapi bagi projek Pembinaan Pasar, Stesen Teksi dan Bas tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Selain itu, semakan Audit mendapati mesyuarat tapak yang diadakan pada tahun 2008 hingga tahun 2009 tidak membincangkan masalah yang dihadapi secara terperinci berbanding mesyuarat tapak semasa kontraktor penyiap pada tahun 2010. Ini menyebabkan kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh kontraktor dan perunding pada peringkat awal projek pembinaan tidak dapat dikenal pasti. Pihak Audit berpendapat Perbadanan Labuan perlu membentangkan prestasi dan masalah projek kepada Lembaga Pengarah secara berkala serta membincangkan masalah yang dihadapi secara terperinci di dalam mesyuarat tapak supaya tindakan penyelesaian dapat diambil dengan segera. Maklum Balas Daripada Perbadanan Labuan Diterima Pada 15 Mac 2013. *Perbadanan Labuan mengambil maklum cadangan pihak Audit. Perbadanan Labuan daripada semasa ke semasa akan memaklumkan prestasi projek kepada Lembaga Pengarah dan ianya telah dibuat pada setiap tahun mulai tahun 2011, 2012 dan bagi tahun 2013 ianya telah dibentangkan pada Mesyuarat Perbadanan Labuan pada 6 Mac 2013.*	Perbadanan Labuan sentiasa mematuhi pekeliling dan Arahan No. 1 berkaitan dengan pemantauan projek-projek kerajaan.Walau bagaimanapun, bagi memastikan pemantauan yang lebih berkesan, PL juga telah memaklumkan prestasi pelaksanaan projek kepada Lembaga Pengarah bermula tahun 2011.

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)

Perenggan 4 : Pengurusan Geran Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara / Skim Insentif Pengeluaran Padi

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td>4.4.1.2</td>
<td>Prestasi Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2010 hingga 2012, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani ada melaporkan pengeluaran hasil padi bagi setiap tahun berbanding keluasan bertanam padi berdasarkan data yang disediakan oleh Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian (JP). Bagaimanapun, tiada perbandingan dibuat antara keluasan bertanam padi dengan peruntukan yang dibelanjakan. Berdasarkan data yang diperoleh dari Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian mendapati peningkatan pengeluaran padi bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah selaras dengan pertambahan keluasan bertanam padi. Peningkatan keluasan bertanam padi bagi tahun 2011 adalah sebanyak 9,632 hektar atau 1.4% berbanding tahun 2010. Peningkatan keluasan bertanam padi bagi tahun 2012 pula adalah sebanyak 4,824 hektar atau 0.7% berbanding tahun 2011.</td>
<td>DJBM lebih menumpukan kepada peningkatan hasil keluaran padi. Jadual di bawah menunjukkan peruntukan yang telah dibelanjakan berbanding keluasan bertanam mengikut tahun.
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Tahun</th><th>Perbelanjaan (RM)</th><th>Keluasan Bertanam CCS (Ha)</th><th>Purata Hasil Padi (kg/ha)</th></tr>
<tr><td>1</td><td>2009</td><td>419,339,353.31</td><td>674,928.00</td><td>3.72</td></tr>
<tr><td>2</td><td>2010</td><td>425,810,995.82</td><td>677,884.00</td><td>3.64</td></tr>
<tr><td>3</td><td>2011</td><td>426,641,041.21</td><td>687,490.00</td><td>3.74</td></tr>
<tr><td>4</td><td>2012</td><td>403,830,229.70</td><td colspan="2">Data dalam proses pengumpulan maklumat</td></tr>
</table>
Maklumat di atas adalah berdasarkan Laporan Penyelidikan Hasil Padi Jabatan Pertanian Malaysia. Adalah didapati, sejak DJBM diperkenalkan pada September 2008 yang bertujuan untuk menangani krisis makanan dengan penambahan keluasan tanaman padi telah berjaya mencapai objektifnya.

* Maklumat CCS Jabatan Pertanian
* Data Perbelanjaan LPP</td>
</tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.1.4	LPP tidak menilai peningkatan pengeluaran padi daripada pesawah yang diberi bantuan kerana ia cuma bertindak sebagai agensi pelaksana. Bagaimanapun, LPP memberi bantuan input pertanian kepada pesawah berdasarkan keluasan bertanam padi yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penapis di peringkat PPK. Analisis Audit mendapati anggaran keluasan bertanam padi oleh LPP adalah melebihi keluasan yang direkodkan oleh Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian iaitu sejumlah 2,436 hektar bagi tahun 2012. Pada pendapat Audit, tanpa penilaian *outcome* terhadap program yang dilaksanakan, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani serta LPP tidak dapat menilai pencapaian sebenar program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013. *LPP memaklumkan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah bersetuju supaya kajian "outcome" keseluruhan bantuan DJBM/SIPP dipanjangkan ke mesyuarat pengurusan Kementerian untuk dilaksanakan. Perbezaan keluasan bertananam padi yang berdaftar di bawah LPP berbanding Jabatan Pertanian adalah sebanyak 0.35%. Perbezaan ini disebabkan LPP menggunakan keluasan yang dicatatkan pada geran tanah/resit hasil setiap pesawah manakala keluasan Jabatan Pertanian mengunapakai kaedah "Crop Cutting Survey" (CCS) Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani akan membawa perkara ini untuk diputuskan di peringkat Jawatankuasa Dasar Kementerian bagi menentukan asas penentu keluasan tanaman padi seluruh negara.*	Satu kertas dasar akan dikemukakan pada Oktober 2013 (selepas diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyeliaan dan Perlaksanaan Kerajaan Kepada Industri Padi) oleh LPP kepada MOA bagi memutuskan asas penentu keluasan tanaman padi yang standard. Kajian '*outcome*' secara rasmi Program DJBM/SIPP akan dilaksanakan bermula September 2013 dan dijangka akan siap pada 30 November 2013.
4.4.2.2	**Keberkesanan Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi** Analisis Audit terhadap soal selidik ini mendapati secara keseluruhan kesemua pesawah menyatakan kepuasan terhadap pelaksanaan program ini. Bagaimanapun, terdapat beberapa masalah berkaitan penanaman padi iaitu sebanyak 30 pesawah atau 58.8% menyatakan tanaman padi diancam makhluk perosak seperti siput gondang, burung pipit dan tikus. Sebanyak 19 pesawah atau 37.3% pula menghadapi masalah dengan sistem pengairan manakala 2 pesawah atau 3.9% tiada kemudahan jentera/peralatan yang membantu mempercepatkan proses penanaman padi.	Peruntukan DJBM sebenarnya tidak dapat memenuhi keseluruhan keperluan penanam-penanam padi. Walau bagaimanapun, bagi menangani masalah makhluk perosak, Kementerian dan LPP telah menambah produk racun dari 32 item (2008 - 2011) kepada 42 item (2012) dan seterusnya yang terkini kepada 58 item (2013) termasuk produk untuk kawalan siput gondang dan tikus. Item-item ini merangkumi produk yang telah diperbaharui formulasinya bagi meningkatkan keberkesanan dan mengatasi masalah imuniti atau kekebalan makhluk perosak . LPP melalui Pertubuhan Peladang Negeri (Jentera)

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		mensasarkan perkhidmatan kejenteraan sebanyak 40% (market share) bagi keseluruhan kawasan padi seluruh Negara di bawah DJBM/SIPP. Sehingga kini purata perkhidmatan yang telah diberikan adalah di sekitar 30%. Bagi kawasan yang tidak diliputi oleh perkhidmatan kejenteraan, pesawah boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut dari pihak swasta.
4.4.2.3	Selain itu, terdapat 69 cadangan yang diberikan oleh pesawah bagi menambahbaik program. Pada pendapat Audit, Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara/Skim Insentif Pengeluaran Padi telah diterima baik oleh pesawah tetapi Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan LPP perlu memberi perhatian terhadap masalah yang dihadapi serta mempertimbangkan cadangan yang dikemukakan oleh pesawah bagi meningkatkan keberkesanan program ini.	Kementerian dan LPP sentiasa mengambil perhatian serius dan memantau aduan dan masalah yang dihadapi oleh pesawah. Bantuan-bantuan berbentuk baja, racun,kapur, khidmat perataan tanah dan jentera serta khidmat nasihat dari semasa ke semasa telah diberikan untuk meningkatkan keberkesanan program ini.
4.4.3.2	**Prestasi Kewangan Program** Analisis Audit mendapati perbelanjaan DJBM/SIPP adalah melebihi peruntukan yang diluluskan iaitu sejumlah RM26.64 juta bagi tahun 2011 dan sejumlah RM3.31 juta bagi tahun 2012. Perkara ini berlaku setiap tahun kerana perbelanjaan DJBM/SIPP adalah berdasarkan perjanjian yang telah dibuat dengan pembekal manakala peruntukan sebenar yang diterima kurang daripada nilai perjanjian. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perbelanjaan tahunan DJBM/SIPP adalah tidak melebihi nilai perjanjian. Pada setiap tahun, LPP akan memohon peruntukan tambahan daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani bagi menampung kekurangan ini.	Bagi peruntukan tahun 2012, Kementerian telah menyalurkan keseluruhan peruntukan. Peruntukan tahun semasa yang disediakan sebenarnya tidak mencukupi, namun Kementerian sentiasa memohon keperluan peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan terutama untuk memenuhi keperluan luar jangka.
4.4.3.3	Semakan lanjut mendapati peruntukan sejumlah RM175.60 juta bagi perbelanjaan tahun 2010 hanya diterima secara berperingkat pada tahun 2011 mulai bulan Januari hingga Disember 2011. Peruntukan sejumlah RM210 juta bagi perbelanjaan tahun 2011 pula hanya diterima oleh LPP pada tahun 2012 iaitu mulai Januari hingga September 2012. Walaupun peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan bagi tahun 2012 adalah sejumlah RM403.86 juta, tetapi sehingga 31 Disember 2012, peruntukan yang telah diterima hanyalah sejumlah RM259.87 juta manakala baki sejumlah RM143.99 juta masih belum diterima oleh LPP.	Semua peruntukan tahun 2012 telah diterima sepenuhnya oleh LPP dan telah mula dibayar kepada pembekal berdasarkan tuntutan. Ianya dijangka akan diselesaikan sepenuhnya pada 30 Oktober 2013
4.4.3.4	Penyaluran peruntukan tahunan geran DJBM/SIPP yang tidak mencukupi menyebabkan kelewatan pembayaran kepada pembekal sehingga melebihi tahun kewangan semasa. Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu memohon kelulusan dari Kementerian Kewangan bagi menjelaskan tuntutan pembekalan tahun sebelum dengan menggunakan peruntukan tahun semasa.	Bagi tender pembekalan tahun 2013, LPP telah memohon penyaluran peruntukan tahun 2013 bagi tempoh enam bulan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berjumlah RM175,550,393.85.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, penggunaan peruntukan semasa oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani bagi pembayaran perbelanjaan tahun sebelum akan menjejaskan peruntukan semasa yang telah dirancang untuk program lain. Kementerian sepatutnya memohon peruntukan tambahan setiap tahun untuk mengatasi masalah ini kerana perbelanjaan sebenar adalah berdasarkan keluasan sawah. Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013. *LPP memaklumkan perbelanjaan input pertanian bagi tahun 2011 dan 2012 masing-masing berjumlah RM421.8 juta dan RM407 juta adalah tidak melebihi nilai perjanjian masing-masing iaitu sejumlah RM462.6 juta dan RM409 juta. Bagaimanapun, ianya tidak selari dengan peruntukan tunai yang diterima dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Sehubungan itu, LPP telah memohon secara berperingkat tambahan peruntukan bagi menjelaskan kekurangan tersebut mengikut jumlah pembekalan yang tidak melebihi siling kontrak. Kementerian juga sedang dalam tindakan bagi menyalurkan baki peruntukan untuk membayar tuntutan keseluruhan pembekalan tahun 2012.*	Kementerian sentiasa memohon peruntukan kepada Kementerian Kewangan untuk menampung kekurangan yang ada.
4.4.4.1.b	**Pengurusan Pembayaran - Kelewatan Pembayaran Input Pertanian Kepada Pembekal** Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2012, tuntutan sejumlah RM10.07 juta bagi tahun 2011 dan sejumlah RM58.87 juta bagi tahun 2012 masih belum dibayar oleh LPP kepada pembekal dengan tempoh kelewatan antara 7 hingga 507 hari. Sehubungan itu, pembekal perlu menggunakan kemudahan bank seperti *overdraft bank* untuk dijadikan sebagai pusingan modal perniagaan dan menanggung faedah atas kemudahan yang digunakan.	Kelewatan disebabkan masalah pembekal yang gagal mengemukakan tuntutan yang lengkap bagi tujuan bayaran. Dokumen-dokumen tuntutan telah dikembalikan untuk tindakan pembekal. Sehingga kini, semua tuntutan tahun 2011 telah selesai dibayar, sementara bagi tuntutan tahun 2012 dijangka selesai Oktober 2013 mengikut tuntutan pembekal.
4.4.4.1.c	Semakan lanjut mendapati permohonan baki peruntukan tahun 2011 sejumlah RM11.80 juta oleh LPP kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani hanya dibuat pada 18 Disember 2012. Permohonan baki tersebut adalah termasuk bayaran perkhidmatan sejumlah RM1.73 juta.	Lembaga Pertubuhan Peladang telah pun menjelaskan keseluruhan tuntutan tahun 2011 kepada pembekal.
4.4.4.1.d	Dokumen perjanjian tahunan untuk input pertanian di antara Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan pembekal bagi pembekalan baja NPK Tambahan, racun makhluk perosak dan pengapuran bagi tahun 2011 serta 2012 hanya siap ditandatangani dan disetem serta dikemukakan ke Kementerian pada 27 Disember	Kelewatan penyediaan perjanjian ini adalah disebabkan pindaan-pindaan yang dibuat ke atas dokumen perjanjian yang perlu mendapat kelulusan daripada Penasihat Undang-Undang bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	2011 dan 18 Oktober 2012. Kelewatan penyediaan perjanjian bagi tahun 2011 dan 2012 telah memberi kesan terhadap proses bayaran pembekalan tahun semasa kepada pembekal. Ini disebabkan perjanjian perlu disertakan bersama dengan dokumen sokongan yang lain bagi tujuan pembayaran.	
4.4.4.2	**Baki Tuntutan Yang Belum Dikemukakan Oleh Pembekal** Semakan Audit mendapati sehingga 22 Januari 2013, anggaran baki tuntutan pembekalan input pertanian dan pengapuran yang belum dikemukakan oleh pembekal kepada LPP adalah sejumlah RM195.23 juta. Kelewatan tuntutan bayaran ini adalah disebabkan nota hantaran tidak dikemukakan sepenuhnya oleh PPK kepada pembekal. Pada pendapat Audit, kelemahan urusan tuntutan bayaran telah menyebabkan kelewatan pembayaran dan perbelanjaan tersebut dibayar menggunakan peruntukan tahun semasa. Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013. *LPP memaklumkan tuntutan sejumlah RM0.50 juta pada tahun 2011 telah lewat dibayar disebabkan pembekal diarah untuk membuat pembetulan terhadap tuntutan yang tidak lengkap selepas semakan lanjut oleh LPP. Selain itu, peruntukan yang diterima LPP juga adalah tidak mencukupi. Sehubungan itu, LPP mengutamakan tuntutan yang bernilai besar untuk dijelaskan terlebih dahulu. LPP telah menerima peruntukan untuk bayaran tersebut pada 10 Januari 2013. Kesemua tunggakan telah dibayar kecuali baki RM6 juta kerana pembekal baru mengembalikan tuntutan yang tidak lengkap pada 9 Mei 2013 untuk tujuan pembayaran. LPP juga memaklumkan kelewatan penyediaan perjanjian ini adalah disebabkan tapisan yang perlu dibuat di peringkat Kementerian Kewangan sebelum diperhalusi oleh Pegawai Undang-undang Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Selain itu, terdapat klausa perjanjian baru yang diminta oleh Kementerian Kewangan untuk dimasukkan dalam perjanjian serta proses rundingan harga di antara pembekal dengan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani mengambil masa yang lama.* *Pembekal telah membuat tuntutan bayaran baja bagi perjanjian pembekalan berakhir 31 Disember 2012. Baki tuntutan racun berjumlah RM17.87 juta pula masih dalam tindakan pembekal kerana proses dokumentasi yang belum lengkap. Pembekal juga masih dalam tindakan untuk membuat tuntutan kapur berjumlah RM127,652 dan dijangka siap pada 31 Mei 2013. Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah mengambil tindakan dengan menyalurkan peruntukan kepada LPP bagi tempoh setengah tahun 2013. LPP telah diminta untuk mengemukakan*	LPP sentiasa memantau supaya pembekal membuat tuntutan dengan segera agar bayaran dapat dibuat mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	permohonan peruntukan bagi tempoh tersebut kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.	
4.4.5.1.b.i	**Pengurusan Perkhidmatan Jentera Dan Mekanisasi Ladang - Penyerahan Jentera Kepada Syarikat Swasta** Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara untuk Negeri Sarawak yang diadakan pada 22 Februari 2011 memutuskan semua jentera/peralatan yang dibekalkan hanya boleh digunakan oleh PPN dan PPK bagi memberi khidmat kejenteraan kepada pesawah. PPN dan PPK tidak dibenarkan untuk menyewa/menyerahkan aset Kerajaan kepada pihak ketiga/swasta. Lawatan Audit pada 11 Disember 2012 mendapati perkara berikut:- JPS/PPNS telah menyerahkan jentera/peralatan mekanisasi ladang sejumlah RM3.28 juta kepada Syarikat Ceria Agriculture Sdn. Berhad (CASB) tanpa kebenaran Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara untuk Negeri Sarawak.	Bagi memastikan perkhidmatan kepada pesawah dapat diberikan dengan kadar segera maka pihak Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) telah melantik syarikat berkenaan bagi menyediakan perkhidmatan jentera/peralatan kepada pesawah memandangkan PPN Sarawak tidak mempunyai keupayaan untuk melaksanakan aktiviti tersebut.
4.4.5.1.b.ii	Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan kekerapan penggunaan jentera/peralatan pertanian tersebut memandangkan ia digunakan oleh syarikat swasta. Pada pendapat Audit, penyerahan/penyewaan jentera/peralatan kepada syarikat swasta adalah bercanggah dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Dan Pemantauan Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara untuk Negeri Sarawak. Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013. *JPS memaklumkan sebelum PPNS dilantik sebagai agen pelaksana pada bulan November 2011, JPS telah memanfaatkan jentera LPP terhadap pemohonan syarikat untuk tujuan aktiviti pertanian perusahaan padi di Negeri Sarawak.*	JPS akan memastikan syarikat yang dilantik tersebut menyediakan perkhidmatan kepada para pesawah berdasarkan kepada perjanjian yang telah disediakan. JPS juga sentiasa memantau perkhidmatan yang disediakan syarikat ini agar tidak berlaku penyalahgunaan.
4.4.5.2.b	**Pembekalan New Portable Paddy Thresher Lewat Disempurnakan** Surat setuju terima tawaran telah ditandatangani pada 6 September 2010 dan tarikh bekalan perlu disempurnakan adalah pada 17 Disember 2010. Semakan Audit mendapati pembekal telah mengemukakan permohonan bagi lanjutan tempoh pembekalan kepada LPP pada 1 Disember 2010 dan lanjutan tempoh pembekalan tersebut telah diluluskan sehingga 10 April 2011. Bagaimanapun, surat kelulusan bagi permohonan lanjutan tersebut hanya dikeluarkan pada 5 Ogos 2011 iaitu	Kelewatan ini adalah disebabkan Mesyuarat Lembaga Perolehan LPP tidak dapat diadakan mengikut perancangan. LPP mengambil perhatian serius berkaitan perkara ini dan akan memastikan ianya tidak akan berulang. Dalam masa yang sama, sebagai peringatan kepada pembekal,

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	selepas 117 hari daripada tarikh lanjutan tempoh pembekalan.	LPP juga telah mengeluarkan surat memaklumkan tiada lagi pelanjutan tempoh akan diberikan dan pembekal akan dikenakan denda sekiranya gagal membekalkan mengikut tarikh yang diluluskan.
4.4.5.2.c	Semakan lanjut mendapati sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 111 daripada 211 unit *new portable power paddy thresher* berjumlah RM941,280 masih belum diterima daripada pembekal dengan tempoh kelewatan selama 631 hari dari tarikh lanjutan tempoh pembekalan. Pada pendapat Audit, kelewatan membekal *new portable power paddy trasher* telah menyebabkan pesawah tidak dapat menggunakan kemudahan yang diberi oleh Kerajaan mengikut perancangan. Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013. *LPP memaklumkan bencana tsunami di Jepun telah menyebabkan kelewatan mendapatkan 'parts' dan menyebabkan pembekal lewat menghantar mesin berkenaan. Pada 18 Oktober 2012, wakil syarikat pembekal telah dijemput untuk berbincang mengenai perancangan dan tarikh jangkaan bekalan dihantar ke JPS. LPP turut mengeluarkan surat peringatan kepada pembekal bertarikh 5 Ogos 2011 bagi memastikan penghantaran segera dibuat kepada JPS. Baki 111 unit new portable power paddy thresher telah selesai dibekalkan kepada JPS secara berperingkat sebanyak 8 kali penghantaran. Peringkat terakhir pembekalan adalah sebanyak 33 unit iaitu pada 22 Mac 2013.*	Pihak pembekal tidak dapat membuat penghantaran jentera tersebut berikutan dari bencana tsunami yang melanda di Jepun pada ketika itu. Bagi mengatasi masalah kelewatan ini, pembekal telah membangunkan jentera ini sendiri di Malaysia dengan mendapatkan beberapa komponen dari luar. Ia menyebabkan jadual penghantaran jentera terjejas.
4.4.5.3.b	**Jentera Tidak Digunakan Secara Optimum** Lawatan Audit pada 17 dan 19 Oktober 2012 di Pertubuhan Peladang Negeri Jentera (PPNJ), Perak Utara mendapati sebanyak 7 buah traktor dengan kos perolehan berjumlah RM528,300 hanya digunakan dalam tempoh 10 bulan hingga 1 tahun 7 bulan sahaja. Tarikh akhir kesemua traktor tersebut digunakan adalah antara bulan Disember 2009 hingga bulan Ogos 2010. Semakan lanjut mendapati sebuah daripada traktor tersebut telah rosak sejak bulan Ogos 2010 dan tiada tindakan pembaikan diambil. Perkara ini berlaku disebabkan tiada permintaan bagi menggunakan traktor tersebut oleh pesawah di kawasan berkenaan. Pada pendapat Audit, traktor yang tidak digunakan secara optimum bagi membantu aktiviti penanaman padi adalah satu pembaziran.	Traktor-traktor yang terlibat sememangnya telah digunakan secara maksima terutama beroperasi di kawasan yang dalam dan ini telah mengakibatkan kerosakan. Memandangkan kepada kekurangan peruntukan diperingkat PPN Perak maka berlaku kelewatan untuk membaiki jentera-jentera tersebut. Sehingga kini, ke semua traktor tersebut telah dibaiki dan akan beroperasi mulai musim 2/2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013. *LPP memaklumkan* kesemua *7 traktor berkapasiti 68 hp ini, pada asalnya dicadangkan untuk operasi di sawah yang dalam (kawasan Kerian) khusus untuk pembajakan pusingan kedua dan ketiga sahaja. Kerja pembajakan pusingan pertama akan menggunakan traktor berkapasiti lebih tinggi beserta peralatan `Heavy Duty'. Permintaan pembajakan sawah oleh petani cuma tertumpu kepada pembajakan pertama dan sedikit pembajakan kedua. Sebagai usaha meluaskan penggunaan 6 buah traktor tersebut, pihak PPN akan berusaha mengadakan peruntukan bagi mengubahsuainya. Traktor tersebut akan diubahsuai kepada sistem roda separa berantai, yang akan membolehkannya beroperasi mulai pusingan pertama di sawah yang bermasalah. Sebuah traktor Kubota M82 yang telah mengalami kerosakan perlu dibaikpulih dengan anggaran kos sejumlah RM20,000. Pihak PPN Perak akan berusaha untuk membaiki traktor ini selepas mendapat peruntukan yang akan diluluskan oleh Lembaga Pengarah PPN.*	
4.4.5.4.a.i	**Kelewatan Pengagihan Jentera Ke Pusat Gunasama Kejenteraan Ladang** Pemeriksaan Audit di Bengkel Pusat Bahagian Kejuruteraan Pertanian dan Stor Sementara, Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) pada 29 Oktober 2012 dan 1 November 2012, mendapati jentera/peralatan yang telah diterima masih belum diagihkan ke PGK yang berkenaan. Butiran lanjut jentera/peralatan yang belum diagihkan ke PGK adalah seperti berikut:- Sebanyak 100 unit *new portable power paddy thresher* yang bernilai RM848,000 telah diterima secara berperingkat pada bulan Jun dan Julai 2012 dengan tempoh kelewatan di antara 436 hingga 474 hari dari tarikh lanjutan pembekalan. Bagaimanapun, mesin ini masih belum diagihkan kepada Pusat Gunasama Kejenteraan Ladang (PGK) yang berkenaan dan ditempatkan di Bengkel Pusat, Bahagian Kejuruteraan Pertanian, JPS. Semakan lanjut mendapati jentera tersebut masih dalam proses pemasangan oleh pihak pembekal.	Sehingga kini, JPS memaklumkan bahawa ke semua jentera dan mesin telah diterima keseluruhannya dari pembekal dan telah diagihkan kepada semua PGK di Negeri Sarawak. Bagi 3 unit jentuai dan 1 unit traktor di bengkel pusat juga telah diagihkan ke PGK.
4.4.5.4.a.ii	Sebanyak 12 unit *self propelled paddy thresher*, 8 unit *ripper binder*, 19 unit *power tiller* dan 14 unit *power sprayer* berjumlah RM955,750 juga masih belum diagihkan kepada PGK dengan tempoh kelewatan pengagihan di antara 659 hingga 671 hari.	
4.4.5.4.a.iii	Sebanyak 3 unit jentuai dan 1 unit traktor berjumlah RM423,080 masih belum diambil oleh pihak PPNS dan ditempatkan di Bengkel Pusat, Bahagian Kejuruteraan Pertanian, JPS sejak bulan Oktober 2009. Ini menyebabkan tempoh waranti tidak dapat digunakan sepenuhnya. Pada pendapat Audit, kelewatan pengagihan jentera/peralatan pertanian adalah satu	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pembaziran kerana tidak dapat dimanfaatkan oleh pesawah. Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013. *LPP memaklumkan sebanyak 100 unit new portable power paddy thresher yang telah diterima secara berperingkat pada bulan Jun dan Julai 2012 telah diagihkan kepada PGK masing-masing oleh JPS. Sebanyak 78 unit daripada 111 unit yang baru diterima pada bulan Mac 2013 dijangka siap diagih ke PGK masing-masing pada 30 April 2013. Ke semua 12 unit self propelled paddy thresher, 8 unit ripper binder, 19 unit power tiller dan 14 unit power sprayer telah selesai diagihkan kepada PGK yang berkenaan. Pihak PPNS akan menuntut jentera ini sebelum bulan Jun 2013, yang mana ia hanya disimpan sementara di Bengkel Pusat, Bahagian Kejuruteraan Pertanian, Jabatan Pertanian Sarawak.*	
4.4.6	**Kelewatan Pembinaan Pusat Perkhidmatan Kejenteraan Ladang** Pemberian perkhidmatan kejenteraan kepada pesawah di kawasan utama penanaman padi di Sarawak adalah melalui Pusat Perkhidmatan Kejenteraan Ladang (PKL). Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) telah mendapat peruntukan DJBM sejumlah RM1.05 juta pada 26 Januari 2010 untuk pembinaan 2 unit PKL di Stumbin dan Daro. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2012, pembinaan 2 unit PKL ini masih di peringkat reka bentuk oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan dijangka akan dimulakan pada bulan Januari 2013. Perkara ini disebabkan oleh kelemahan perancangan dan kelewatan mengambil tindakan oleh pihak JPS dan JKR. Sehubungan itu, PKL masih tidak dapat berfungsi sepertimana yang dirancang. Semakan lanjut juga mendapati tiada perancangan perjawatan diwujudkan oleh PPNS bagi mengendalikan 2 unit PKL tersebut. Pada pendapat Audit, kelewatan pembinaan PKL telah menyebabkan jentera/peralatan yang diterima tidak dapat diagihkan ke PKL dan perkhidmatan kejenteraan tidak dapat diberikan kepada pesawah di kawasan yang berkenaan sepertimana yang dirancang. Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013. *LPP memaklumkan pihak Jabatan Pertanian Sarawak mengakui berlaku kelewatan dalam pembinaan PKL (Daro & Stumbin) kerana lokasinya yang jauh di pendalaman. Bagaimanapun, peruntukan sebanyak RM700,000 untuk pembinaan 2 PKL tersebut telah disalurkan kepada pengarah JKR sejak 26 Ogos 2011. Menurut pihak JKR, projek PKL Stumbin dan Daro telah ditawarkan kepada kontraktor pada bulan*	Menurut pihak JKR, projek PKL Stumbin telah ditawarkan kepada kontraktor pada bulan November 2012 dan dijangka siap pada September 2013. Kerja-kerja pembinaan telah mencapai 77%. PKL Daro telah ditawarkan kepada kontraktor pada bulan March 2013 dan dijangka siap pada Januari 2014. Kerja-kerja pembinaan telah mencapai 25%.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	November 2012 dan kini dalam fasa pembinaan. Kedua-dua projek ini dijangka siap pada bulan September 2013.	
4.4.7.1	**Pengurusan Pesanan Baja NPK Tambahan Dan Racun Makhluk Perosak - Pesanan Baja NPK Tambahan Melebihi Jumlah Yang Diluluskan** Sebanyak 5 daripada 14 PPK yang dilawati di Changlun, Merbok, Gerak Maju, Semangat Baru di Kedah dan di Tanjung Piandang, Perak telah membuat pesanan baja NPK Tambahan melebihi jumlah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penapis di SBPKP2. Lebihan pesanan baja NPK Tambahan yang tertinggi adalah di PPK Changlun iaitu sebanyak 1,864 beg berjumlah RM111,840 bagi musim 1/2012. Lebihan pesanan baja NPK Tambahan disebabkan oleh PPK tidak mematuhi peraturan ditetapkan berkaitan pengurusan pesanan input pertanian. Sekiranya masalah ini berterusan, ia boleh menyebabkan jumlah pembekalan melebihi nilai perjanjian dan tidak mengikut jumlah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penapis serta PPK terlibat akan menyimpan stok melebihi jumlah yang dibenarkan.	LPP/MADA telah mengarahkan supaya PPK membuat pesanan mengikut keperluan sebenar dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Penapis berdasarkan jumlah keluasan daftar pesawah. Pihak PPK sentiasa diarahkan memastikan peratus baki stok tidak melebihi 5% seperti yang dibenarkan dalam SOP (*Standard Operating Procedure*).
4.4.7.2	**Pesanan Baja NPK Tambahan dan Racun Tanpa Kelulusan** Lawatan Audit pada 5 November 2012 di PPK Merbok, Kedah mendapati pesanan baja NPK Tambahan sebanyak 25,000 beg berjumlah RM1.50 juta dan racun makhluk perosak sejumlah RM1.50 juta bagi musim 2/2012 telah dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Penapis. Perkara ini disebabkan Mesyuarat Jawatankuasa Penapis bagi musim 2/2012 masih belum diadakan walaupun penanaman padi bagi musim 2/2012 telah bermula pada bulan Oktober 2012.	Sebagai langkah penambahbaikan, Mesyuarat Jawatankuasa Penyeliaan dan Pelaksanaan (JPP) Bil. 1 Tahun 2013 bertarikh 25 April 2013 bantuan kerajaan kepada industri padi telah memutuskan agar penurunan kuasa diberikan kepada Timbalan Pengarah LPP Negeri, Pegawai Penyelia Daerah (PPD), Ketua Cawangan Perniagaan Tani LPP Negeri dan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi mempengerusikan mesyuarat agar mesyuarat dijalankan mengikut tempoh masa ditetapkan sebelum musim bermula. Bagi memastikan perkara ini tidak berulang pemantauan akan dibuat dari semasa ke semasa.
4.4.7.3.a.i	**Kelewatan Pesanan Baja NPK Tambahan** Sebanyak 65 borang pesanan baja NPK Tambahan bagi tahun 2011 dan 2012 di 14 PPK telah dikemukakan kepada pembekal dalam tempoh kurang daripada 30 hari dari tarikh keperluan sebenar bekalan iaitu antara 8 hingga 29 hari. Sehubungan itu, baja tidak dapat dibekalkan oleh pembekal ke PPK berkenaan mengikut tempoh dikehendaki seperti yang dinyatakan di borang pesanan. Tempoh kelewatan pembekalan adalah di antara 1 hingga 58 hari.	Kelewatan pesanan adalah disebabkan oleh kapasiti stor yang terhad. Walau bagaimanapun, tindakan telah diambil dengan memastikan Mesyuarat Jawatankuasa Penapis dan Pendaftaran Pengesahan Pesawah dibuat lebih awal supaya pesanan baja NPK boleh juga di buat lebih awal dan tempoh pengedaran lebih panjang. Selain daripada itu, sistem aplikasi bersepadu secara '*online*' (E-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.7.3.a.ii	Pembekalan baja NPK Tambahan bagi 119 borang pesanan telah lewat diterima dari tarikh keperluan sebenar, walaupun borang pesanan tersebut dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Tempoh kelewatan bekalan diterima adalah antara 1 hingga 126 hari. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menyemak jumlah denda yang dikenakan sehingga 31 Disember 2012 kerana rekod denda masih belum dikemas kini oleh LPP. Pada pendapat Audit, pengurusan pesanan baja NPK tambahan adalah kurang memuaskan kerana tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan. Selain itu, kegagalan mengemaskini rekod denda menyebabkan LPP tidak dapat mengenakan denda kepada pembekal. Kelemahan ini telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan. Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013. *LPP memaklumkan PPK akan mengambilkira lebihan pesanan tersebut untuk kegunaan musim berikutnya. Didapati pegawai di PPK masih kurang kesedaran terhadap prosedur kadar baja mengikut sifir seperti di manual. LPP Kedah akan memastikan prosedur sebenar dilaksanakan pada musim 2/2013. Penurunan kuasa telah diberi kepada Timbalan Pengarah LPP Negeri, Pegawai Penyelia Daerah dan Ketua Cawangan Perniagaantani LPP Negeri untuk mempengerusikan mesyuarat supaya ia dapat dijalankan mengikut tempoh. Sistem Aplikasi Bersepadu (E-PADI) secara online akan digunakan di PPK mulai bulan Jun 2013 untuk menyelesaikan masalah mengemukakan borang pesanan kurang 30 hari daripada tarikh keperluan. Antara sebab kelewatan penghantaran bekalan ke PPK adalah kerana kemampuan stor PPK yang terhad. Sehubungan itu, pembekal telah menyediakan peruntukan geran berjumlah RM3.26 juta bagi menaiktaraf stor di 196 PPK. Selain itu, Bahagian Perniagaantani akan menempatkan seorang pegawai kontrak di Bahagian Kewangan bagi melaksanakan pengiraan denda lewat.*	PADI) yang dibangunkan oleh NAFAS akan digunakan di PPK bagi menambah baik kaedah pesanan. Sistem ini telah siap dibangunkan dan kini dalam proses uji lari di Negeri Perlis. Bagi kiraan denda lewat, pengurusan LPP telah menempatkan seorang anggota bagi melaksanakan tugasan tersebut.
4.4.8.2	**Kelewatan Pengedaran Baja NPK Tambahan Dan Racun** Lawatan Audit pada 8 November 2012, di PPK Gerak Maju, Alor Senibong, Kedah mendapati sebanyak 30 jenis racun berjumlah RM221,769 bagi musim 1/2011 dan 2/2011 masih belum diedarkan kepada pesawah. Semakan lanjut mendapati ada antara stok racun tersebut yang mana kotak bungkusannya telah terkoyak dan botol racun telah kemek. Tempoh kelewatan pengedaran kepada pesawah tidak dapat dikenal pasti kerana sistem tidak merekodkan tarikh bekalan diterima. Bagaimanapun, mengikut anggaran Audit stok tersebut telah disimpan melebihi 1 tahun berdasarkan musim ia dibekalkan iaitu bagi musim 1/2011 dan 2/2011. Pada pendapat Audit, kelewatan mengedar baja NPK Tambahan dan racun dalam	Kelewatan pengedaran racun kepada pesawah adalah disebabkan oleh masalah tanah jerlus seluas 1,250 hektar (38% dari keluasan keseluruhan kendalian PPK) di PPK Gerak Maju. Ini menyebabkan pesawah tidak dapat menanam padi pada musim tersebut. Bekalan racun diambil sendiri oleh pesawah. Sehingga kini, pihak PPK terlibat telah selesai mengedarkan baki stok racun tersebut kepada pesawah yang berkenaan. Tarikh akhir edaran racun bagi musim 1/2011 adalah pada 27 November 2012 manakala musim 2/2011 adalah pada 2 Jun 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tempoh yang ditetapkan menyebabkan kerosakkan dan tamat tempoh penggunaannya dan mengakibatkan pembaziran kepada Kerajaan. Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013. *LPP memaklumkan pihak PPK terlibat telah selesai mengedarkan baki stok racun tersebut kepada pesawah yang berkenaan. Tarikh akhir edaran racun bagi musim 1/2011 adalah pada 27 November 2012 manakala musim 2/2011 adalah pada 2 Jun 2013.*	
4.4.9	**Pelupusan Baja Yang Rosak** Semakan Audit mendapati ada longgokan baja yang sudah rosak dan tidak digunakan tetapi masih disimpan serta belum dilupuskan di 3 daripada 15 stor PPK yang dilawati iaitu PPK Tanjung Piandang di Perak, PPK Gerak Maju, Alor Senibong di Kedah dan PPK Siburan di Sarawak. Perkara ini menyebabkan stor menjadi sempit dan tidak tersusun. Pada pendapat Audit, kelewatan pelupusan baja NPK tambahan yang tamat tempoh menyebabkan ruang penyimpanan menjadi terhad. Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013. *LPP memaklumkan telah menerima tatacara baru proses pelupusan daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan akan mengarahkan PPK membuat permohonan semula untuk pelupusan.*	Semakan terkini mendapati longgokan baja yang terdapat di PPK Tanjung Piandang merupakan bantuan yang telah diserahkan kepada petani yang masih belum dituntut. Oleh itu, baja tersebut tidak boleh dilupuskan. Sehingga kini, pesawah berkenaan telah mengambil baja tersebut. PPK Gerak Maju telah mengemukakan permohonan pelupusan pada 13 Jun 2013 dan kini dalam proses kelulusan. PPK Siburan di Sarawak, tindakan permohonan pelupusan telah dikemukakan pada 12 Disember 2012 dan kini dalam proses kelulusan.
4.4.10.1.a	**Penyelenggaraan Rekod** Buku stok baja dan racun tidak disahkan secara mingguan oleh Pengurus Besar PPK seperti yang ditetapkan dalam Manual SBPKP di kesemua 14 PPK yang dilawati.	LPP telah mengeluarkan surat amaran kepada 14 PPK pada 19 Julai 2013 agar PPK mematuhi manual pelaksanaan SBPKP/SIPP supaya menyelenggara rekod stok baja dan racun. Tindakan pemantauan secara berkala oleh LPP/MADA/JPS akan sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa.
4.4.10.1.b	Buku stok baja dan racun di PPK Changlun, Kedah tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Buku stok baja NPK tambahan bagi musim 2/2012, tidak merekodkan tarikh, jumlah pengedaran dan baki stok. Selain itu, rekod penerimaan dan pengedaran racun musim 1/2012 ada diselenggara tetapi hanya secara ringkas manakala bagi musim 2/2012 tiada rekod diselenggara. Rekod ini sepatutnya diselenggarakan secara harian berdasarkan penerimaan dan pengedaran stok yang dibuat kepada pesawah.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.10.1.c	Pemeriksaan Audit pada 31 Oktober 2012 di PPK Siburan, Kuching mendapati buku stok racun dikemas kini tetapi terdapat perbezaan baki stok racun yang direkodkan dalam buku stok berbanding dengan pengiraan yang dibuat bersama oleh pihak Audit dan pegawai PPK Siburan. Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya penyelenggaraan rekod di semua PPK yang dilawati adalah kurang memuaskan. Maklum Balas Daripada LPP Diterima Pada 13 Mei 2013. *LPP memaklumkan Bahagian Perniagaantani merancang mengadakan bengkel bagi mendedahkan anggota terutama yang baru dilantik dari segi kefahaman dalam pengurusan rekod. PPK Changlun telah menggunakan sistem I-Racun (Sis-Jadi). Bagaimanapun terdapat kelemahan dalam sistem, di mana rekod pengedaran tidak dapat dijana. PPK Changlun telah diarah supaya menaik taraf sistem atau menggunakan cara manual sepenuhnya pada musim 2/2013.*	

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)

Perenggan 5 : Pengurusan Tanah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.1.2	**Kelewatan Proses Susulan Permohonan Hak Milik Tanah** Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan proses susulan permohonan hak milik terhadap 4 lot tanah. Permohonan hak milik tanah bagi 4 lot tersebut dibuat antara tahun 1991 dan 2002 manakala susulan terakhir dibuat pada tahun 2001 dan 2005.	Berdasarkan rekod, tindakan susulan terhadap 4 lot tanah tersebut telah dibuat pada tahun 1991, 2001, 2002, 2005, 2011, 2012 dan 2013. Berikut adalah status terkini bagi permohonan tanah tersebut:-
5.4.1.3	Berdasarkan laporan Unit Audit Dalam LLM pada bulan Januari 2011, tindakan susulan selanjutnya terhadap permohonan hak milik tanah masih lewat dibuat oleh LLM. Pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara pada bulan Disember 2012 mendapati kelewatan membuat tindakan susulan adalah antara 16 hingga 23 bulan. Bagaimanapun, tindakan susulan bagi permohonan Plot 1, Mukim Derga Daerah Kota Setar telah dibuat pada 20 Mac 2013. Pada pendapat Audit, pihak LLM perlu membuat tindakan susulan terhadap status permohonan hak milik kepada PTD dan KPTG Negeri supaya tidak berlaku kelewatan untuk mendapat hak milik tanah. Selain itu, pihak Audit mencadangkan supaya bayaran Notis 5A bagi lot tanah di Mukim Derga diselesaikan supaya tanah diletak di bawah nama PTP. Ini membolehkan LLM memohon pajakan daripada KPTG serta memajak kecil kepada pihak ketiga dan seterusnya mendapatkan hasil pajakan ke atas tanah tersebut. Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013. *LLM memaklumkan telah menarik balik permohonan hak milik terhadap tanah Petak B dan D Mukim Dengkil Daerah Sepang memandangkan tanah telah menjadi Right of Way (R.O.W) Lebuh Raya SILK. LLM juga telah menghantar surat kepada pihak berkaitan bagi 2 lagi lot tanah untuk mendapatkan status terkini permohonan hak milik tanah.*	1. Petak B dan D, Mukim Dengkil, Daerah Sepang Sebagaimana yang dimaklumi, pihak LLM telah menarik balik permohonan tanah ini kerana ia telah menjadi *Right Of Way (R.O.W)* Lebuh Raya SILK. 2. PLOT 1, Mukim Bentong, Daerah Bentong Pihak LLM telah membuat susulan bagi permohonan tanah ini pada 3 Mei 2013. Pada masa kini, permohonan ini masih dalam pertimbangan JKPTG Negeri Pahang. 3. PLOT 1, Mukim Derga, Daerah Kota Setar Pihak LLM telah mengemukakan surat memohon untuk melanjutkan tempoh Notis 5A kepada PTG Kedah bagi permohonan tanah ini pada 20 Mac 2013. Sehingga kini jawapannya masih belum diterima. 4. PLOT 1 hingga 4, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan Pihak LLM telah membuat susulan bagi permohonan tanah ini pada 26 April 2013 dan 19 Julai 2013. Pada masa kini, permohonan ini masih dalam pertimbangan JKPTG Negeri Pahang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.2.1.a	**Tanah Dan Bangunan Tidak Disenggara - Bangunan Pejabat dan Makmal Tidak Disenggara Dan Diceroboh** Lawatan Audit pada 8 November 2012 telah dibuat ke tanah milik LLM seluas 1.89 ekar di Lot PT 17372 HSM 4894 Mukim Bentong, Genting Sempah, Pahang mendapati 3 bangunan pejabat dan satu bangunan makmal tidak digunakan, terbiar dan dipenuhi semak samun. Bangunan pejabat dan makmal yang tidak disenggara menyebabkan kerosakan terhadap siling, dinding dan peralatan makmal.	LLM telah menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Bangunan Usang Milik LLM untuk menilai kesesuaian bangunan-bangunan tersebut samada dibaikpulih atau sebaliknya. Dalam masa yang sama, LLM sedang dalam proses penyiapan dokumen tawaran sebut harga untuk melantik kontraktor membersihkan kawasan sekitar bangunan di Lot PT 17372 HSM 4894 Mukim Bentong, Genting Sempah. Manakala sebutharga pembersihan di Lot 8895 HSD 34158 Mukim Durian Tunggal, Ayer Keroh, Melaka telah dipanggil semula dan telah ditutup pada 17 Julai 2013. Pada masa ini ianya sedang dalam proses penilaian. LLM telah memberi kebenaran kepada syarikat MTD Prime Sdn. Berhad untuk menduduki 2 buah bangunan sebagai pejabat operasi dan penginapan pekerja pada 22 Mac 2011.
5.4.2.1.b	Selain itu, syarikat MTD Prime Sdn. Berhad telah menduduki 2 buah bangunan pejabat tersebut sejak tahun 2010 sebagai pejabat operasi dan penginapan pekerja tanpa kelulusan LLM. Semakan lanjut mendapati syarikat tersebut telah memohon untuk menyewa lot tanah pejabat tetapi sehingga pengauditan dijalankan perjanjian masih belum dimuktamadkan. Pemeriksaan Audit mendapati bangunan pejabat yang dijadikan penginapan pekerja berada dalam keadaan kotor dan rosak manakala bahan penyenggaraan diletakkan dalam kawasan LLM.	
5.4.2.2.a.i	**Tanah Tidak Disenggara** LLM mempunyai satu lot tanah di Lot 8895 HSD 34158 Mukim Durian Tunggal, Ayer Keroh, Melaka seluas 20.77 ekar terdiri daripada sebuah bangunan pejabat, sebuah depoh penyenggaraan dan sebuah kabin yang digunakan sebagai pejabat sementara. Tanah tersebut sebelum ini telah digunakan sebagai Pejabat Wilayah Selatan. Bagaimanapun, tanah dan bangunan pejabat tersebut telah terbiar semenjak tahun 2008 setelah penamatan sewaan akibat kegagalan penyewa menjelaskan sewaan kepada LLM**.** Lawatan Audit pada 14 November 2012 mendapati tanah tersebut tidak disenggara menyebabkan ia dipenuhi semak samun. Lawatan Audit pada 14 November 2012 juga mendapati bangunan pejabat dan Depoh Penyenggaraan Kenderaan LLM terbiar, usang dan tidak digunakan menyebabkan berlakunya kerosakan pada struktur bangunan, siling pecah dan kerosakan kelengkapan dalaman bangunan.	
5.4.2.2.a.ii	Pemeriksaan Audit yang telah dijalankan pada 14 November 2012 mendapati berlaku pencerobohan oleh pihak tidak bertanggungjawab yang memecah masuk untuk mencuri kabel dan besi tingkap mengakibatkan kerosakan teruk kepada bangunan LLM. Pada pendapat Audit, kawasan persekitaran tanah dan bangunan yang tidak disenggara menyebabkan keutuhan struktur bangunan dan kebersihan kawasan sekitar terjejas. Persekitaran tanah yang tidak disenggara dan ditumbuhi semak samun memudahkan pihak luar mencerobohi bangunan dan tanah LLM. Tanah LLM	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan tanah yang masih dalam permohonan hak milik termasuk rizab lebuh raya hendaklah dipantau dengan lebih kerap oleh pihak pengurusan di Ibu Pejabat serta Pejabat Wilayah yang berkenaan. Ini bagi memastikan tanah tidak diceroboh oleh pihak luar dan LLM mendapat pulangan hasil sewaan atau pajakan yang sepatutnya. Selain itu, kerosakan yang dilakukan oleh penceroboh terhadap bangunan di atas tanah LLM mengakibatkan kerugian kerana memerlukan kos yang tinggi untuk pembaikan. Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013. *LLM memaklumkan kertas cadangan Pembangunan Tanah-Tanah Milik LLM berdasarkan Pelan Strategik Pembangunan Tanah Milik LLM telah dibentang dan diluluskan oleh mesyuarat Lembaga Pengarah LLM pada 9 April 2013. LLM memaklumkan perjanjian penyewaan dengan Syarikat MTD Prime Sdn. Berhad bagi tanah di Genting Sempah, Pahang telah pun ditandatangani pada 1 April 2013. LLM juga memaklumkan tawaran sebut harga kerja pembersihan di Ayer Keroh, Melaka telah dibuat pada 7 Mac 2013. Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga yang dijalankan pada 11 April 2013 telah memutuskan untuk bermesyuarat semula pada 16 atau 17 Mei 2013 kerana tawaran harga yang dibuat oleh penyebut harga adalah sangat tinggi.*	
5.4.3.2	**Pembangunan Institut Latihan Dan Pengurusan Lembaga Lebuhraya Malaysia, Wilayah Timur, Kuantan, Pahang** Semakan Audit mendapati pembangunan Institut Latihan Dan Pengurusan LLM tidak dapat dilaksanakan kerana tanah tersebut masih belum ditamatkan sebagai Kawasan Penempatan Berkelompok walaupun Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang telah bersetuju untuk menamatkan status kawasan tersebut mengikut Seksyen 44 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Surat daripada Pejabat Tanah Daerah Kuantan pada 15 April 2011 menyatakan masih tiada pengesahan daripada pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Negeri (JKPTG) berkaitan status penamatan Kawasan Penempatan Berkelompok. Sehingga bulan Disember 2012, LLM tidak membuat susulan terhadap status tanah tersebut. Pada pendapat Audit, LLM hendaklah membuat susulan berterusan bagi memperoleh hak milik tanah berkenaan dan perlu merujuk kepada JKPTG bagi mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri yang membolehkan JKPTG melaksanakan urusan penamatan Kawasan Penempatan Berkelompok.	LLM telah mengemukakan surat kepada JKPTG Pahang pada 26 April 2013 bagi mendapatkan maklum balas terkini permohonan tanah tersebut bagaimanapun sehingga kini masih belum menerima sebarang maklumbalas daripada JKPTG Pahang.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013. *LLM memaklumkan Kementerian Kerja Raya sedang membangunkan Pusat Kecemerlangan Kerja Raya dan kemudahan di pusat berkenaan akan diguna sama oleh Kementerian dan agensi di bawahnya termasuk LLM. Selain itu, LLM telah mengemukakan surat bertarikh 26 April 2013 kepada JKPTG Pahang bagi mendapatkan maklum balas terkini permohonan tanah terbiar.*	
5.4.4.1.a	**Pengurusan Penyewaan/Pajakan Tanah Milik LLM - Kadar Sewaan/Pajakan Yang Rendah Kepada Koperasi LLM Berhad - Pajakan Tanah Di Batu Uban, Pulau Pinang** LLM telah memberi pajakan kepada Koperasi bagi Lot PT 2553 HSM 3085 Mukim 13, Daerah Timur Laut, Batu Uban, Pulau Pinang. Perjanjian ini ditandatangani pada 12 Januari 2002 bagi tempoh 30 tahun dengan kadar sewa sejumlah RM10 setahun. Kadar pajakan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah LLM pada bulan Julai 2001. Semakan Audit mendapati Koperasi telah memajakkan tanah tersebut bagi tempoh 30 tahun kepada Shell Trading Malaysia Sdn. Berhad berjumlah RM2.70 juta dengan perbezaan berjumlah RM2,699,700 atau 9,000% berbanding sewaan oleh LLM kepada Koperasi yang hanya berjumlah RM300.	Pengurusan LLM telah mendapatkan penilaian kadar sewaan daripada JPPH pada 26 April 2013 bagi Lot PT 17371 HSM 4893, Mukim Bentong, Daerah Bentong, Pahang dan seterusnya telah memperbaharui perjanjian dengan pihak Koperasi LLM Bhd. Kadar sewaan baru adalah lebih tinggi iaitu RM150.00 seunit sebulan mulai September 2013. Ianya telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Bil. 3/2013 pada 18 Jun 2013. Permohonan untuk mendapatkan penilaian kadar sewaan/pajakan daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) bagi Lot PT HSM 3085 Mukim 13, Daerah Timur Laut, Batu Uban, Pulau Pinang telah dibuat pada 30 April 2013 tetapi masih belum menerima maklumbalas.
5.4.4.1.b	**Pajakan Tanah Di Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor** LLM telah memberi pajakan kepada Koperasi bagi Lot 44116 Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor dengan keluasan 35,000 kaki persegi. Perjanjian ditandatangani pada 11 Ogos 2010 bagi tempoh 30 tahun dengan kadar RM800,000. Semakan Audit mendapati Koperasi telah memajakkan tanah tersebut bagi tempoh 30 tahun kepada sebuah syarikat berjumlah RM1.35 juta dengan perbezaan RM550,000 berbanding pajakan oleh LLM kepada Koperasi.	
5.4.4.1.c	**Sewaan Kuarters Di Genting Sempah** LLM telah menyewakan 11 unit kuarters di Lot PT 17371 HSM 4893 Mukim Bentong, Daerah Bentong, Pahang kepada Koperasi pada bulan September 2010 hingga 31 Ogos 2013. Semakan Audit mendapati LLM telah menyewakan kuarters tersebut dengan kadar yang rendah berbanding kadar yang disewakan oleh Koperasi kepada pihak ketiga. Kadar sewaan bagi satu unit kuarters oleh Koperasi kepada pihak ketiga sejumlah RM330 sebulan berbanding kadar sewa kepada Koperasi sejumlah RM30 sebulan bagi tempoh 36 bulan. Hasil penyewaan yang diperoleh oleh Koperasi berjumlah RM130,680 berbanding hasil sewaan LLM kepada Koperasi berjumlah RM11,880 dengan perbezaan sejumlah RM118,800. Penetapan kadar yang rendah ini dibuat tanpa penilaian oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta atau	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	penilai swasta untuk menentukan kadar sewaan mengikut harga pasaran.	
5.4.4.1.d.ii	**Kadar Sewaan Tanah Tidak Dikaji Semula** Semakan Audit mendapati LLM tidak membuat kajian semula terhadap kadar sewaan kuarters dan pajakan tanah miliknya yang rendah seperti sewaan kuarters di Lot PT 17371 HSM 4893 Mukim Bentong, Daerah Bentong, Pahang dan pajakan tanah di Lot PT 2553 HSM 3085 Mukim 13, Daerah Timur Laut, Batu Uban, Pulau Pinang. Kadar sewa perlu dikaji semula untuk memastikan ia mengikut kadar pasaran semasa. Penetapan kadar sewa yang rendah menyebabkan hasil sewaan semakin menurun setiap tahun serta menunjukkan ketidakcekapan dalam pengurusan aset. Pada pendapat Audit, penyewaan/pajakan tanah kepada Koperasi LLM pada kadar yang rendah adalah bertentangan dengan tadbir urus yang baik dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan. Selain itu, kajian semula terhadap kadar sewaan yang sedia ada perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut nilai pasaran semasa bagi memastikan kadar yang ditetapkan memberi pulangan yang setimpal kepada LLM. Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013. *LLM memaklumkan laporan penilaian kadar sewaan kuarters telah diperoleh daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pada 22 April 2013. Perjanjian sewaan kuarters semasa akan tamat pada 31 Ogos 2013 dan kadar baru akan diguna pakai bagi perjanjian penyewaan kuarters yang baru mulai bulan September 2013. LLM mengambil maklum saranan Audit dan akan mengkaji semula kadar sewaan/pajakan yang telah ditetapkan. LLM juga telah memohon kepada JPPH untuk membuat penilaian bagi menentukan kadar sewaan/pajakan tanah.*	
5.4.4.2.b	**Sewaan/Pajakan Kepada Koperasi Tidak Mengikut Prosedur** Semakan Audit mendapati 3 lot tanah milik LLM telah disewakan kepada Koperasi dengan jumlah RM812,180 tanpa melalui prosedur tender yang berkuat kuasa. Semakan lanjut mendapati Pengerusi Koperasi yang merupakan Pengarah Bahagian Ukur Bahan LLM adalah juga Ahli Jawatankuasa Tender dan Sebut Harga. Pada pendapat Audit, LLM hendaklah mematuhi prosedur yang berkuat kuasa supaya nilai yang disewa/dipajakkan adalah realistik dan tidak merugikan LLM. Ini bagi memastikan kepentingan kerajaan dijamin dan LLM memperoleh keuntungan yang sepatutnya berdasarkan penilaian semasa. Perkara ini juga boleh mengelakkan percanggahan kepentingan kerana ahli Lembaga Koperasi merupakan pegawai	Permohonan untuk mendapatkan penilaian kadar sewaan/pajakan semasa daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) telah dibuat bagi Lot PT 2553 HSM 3085 Mukim 13, Daerah Timur Laut, Batu Uban, Pulau Pinang pada 30 April 2013 dan Lot 44116 Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor pada 16 April 2013 tetapi masih belum menerima maklumbalas. LLM telah menyediakan Garis Panduan Penyenggaraan dan Pemantauan Tanah pada 22 Mei 2013 bagi memastikan tanah-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kanan di LLM. Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013 *Pemilihan penyewa/pemajak diputuskan oleh mesyuarat Lembaga LLM. Kesemua ahli Lembaga Koperasi LLM Berhad bukan ahli Lembaga LLM atau urus setia kepada mesyuarat Lembaga LLM. Oleh itu, pegawai berkenaan tidak terlibat dalam membuat keputusan bagi pemilihan penyewa/pemajak. LLM juga akan mengkaji semula kadar sewaan yang telah ditetapkan.*	tanah milik LLM diselenggara dengan lebih berkesan. Dalam pada itu, LLM telah menerima surat permohonan daripada Koperasi LLM Berhad untuk membatalkan pajakan tanah bagi Lot PT 2553 HSM 3085 Mukim 13, Daerah Timur Laut, Batu Uban, Pulau Pinang tanpa sebarang tuntutan.
5.4.4.3.a	**Penyewaan/Pajakan Tanah Tidak Sah** Semakan Audit mendapati LLM telah memajak tanah rizab lebuhraya seluas 14.55 ekar yang bukan miliknya di Plot 1, Mukim Derga Daerah Kota Setar, Kedah kepada individu dan Koperasi LLM Berhad seperti berikut:- Surat setuju terima oleh seorang penyewa telah ditandatangani pada 10 Mei 2002 bagi tempoh sewaan selama 12 bulan dengan kadar RM1,500 sebulan. Bagaimanapun, perjanjian telah ditamatkan lebih awal iaitu pada bulan Disember 2002 kerana penyewa gagal membayar sewa bulanan. Sehingga 31 Disember 2012, tunggakan hasil sewaan termasuk faedah adalah berjumlah RM48,220.	Pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) telah memberi maklumbalas bertarikh 28 Jun 2013 bahawa pihak PTP mempunyai kepentingan ke atas tanah-tanah pengambilan melalui APT 1960 (Borang K). Sehubungan itu, sebarang permohonan penyewaan atau pemajakan tanah-tanah berkenaan hendaklah mendapat kelulusan PTP dan hasilnya akan dimasukkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Yang Disatukan. Justeru, permohonan LLM adalah tidak dipertimbangkan.
5.4.4.3.b	LLM juga telah memajak tanah yang sama kepada Koperasi LLM Berhad mulai tahun 2007 bagi tempoh 60 bulan dengan kadar sejumlah RM1,000 sebulan melalui surat kelulusan Ketua Pengarah LLM kepada Pengerusi Koperasi. Semakan lanjut mendapati perkara berikut:- i. Pajakan kecil antara LLM dan Koperasi pada tahun 2007 adalah tidak sah kerana tidak mematuhi Seksyen 63 Kanun Tanah Negara 1965; ii. LLM tidak mempunyai hak untuk memberi pajakan kecil tersebut kepada Koperasi kerana tanah tersebut masih di bawah kuasa Pihak Berkuasa Negeri. LLM juga masih belum menjelaskan bayaran Notis 5A untuk proses pelupusan tanah secara perizaban di bawah hak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP); iii. Koperasi telah menyewakan tanah tersebut kepada pihak ketiga pada tahun 2007; iv. Koperasi tidak membuat bayaran sewa kepada LLM sejak tahun 2007 berjumlah RM36,000 bagi tempoh 3 tahun mulai 2007 hingga 2010; dan v. LLM telah membatalkan kelulusan penyewaan tersebut pada bulan Februari 2010 kerana menyedari pihaknya tidak mempunyai hak untuk memberi	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pajakan kecil tanah tersebut. Pada pendapat Audit, LLM perlu memastikan pemberian pajakan oleh PTP dan Kerajaan Negeri diselesaikan terlebih dahulu sebelum perjanjian ditandatangani untuk mengelakkan pajakan tanah yang tidak sah. LLM perlu membuat bayaran Notis 5A kepada Pejabat Tanah Daerah untuk membolehkan pemberimilikan status tanah atas nama PTP seterusnya memohon pajakan terhadap tanah tersebut dan memajak kecil kepada Koperasi LLM. Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013. *LLM telah mengeluarkan surat bertarikh 8 Mei 2013 kepada pihak JKPTG bagi memohon JKPTG membenarkan wang kutipan sewaan disimpan di dalam akaun milik LLM. Sekiranya pihak JKPTG tidak bersetuju, LLM akan memulangkan wang sewaan tersebut kepada pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Selain itu, LLM juga telah memohon kebenaran JKPTG bagi membolehkan LLM memberi sewaan tanah kepada pihak ketiga dan hasil sewaan dimasukkan ke akaun LLM.*	
5.4.5.2	**Keperluan Kewangan** Semakan Audit mendapati LLM hanya menyediakan peruntukan bagi bayaran cukai tanah berjumlah RM120,000 bagi tahun 2010 dan 2011 manakala sejumlah RM143,840 bagi tahun 2012. Perbelanjaan sebenar bayaran cukai tanah pada tahun 2010 berjumlah RM122,639, tahun 2011 berjumlah RM120,062 dan tahun 2012 berjumlah RM118,895. Pihak Audit juga mendapati LLM tidak menyediakan peruntukan bagi pembangunan tanah miliknya walaupun terdapat kos pengambilan tanah untuk pembinaan Institut Latihan LLM berjumlah RM5.68 juta dengan menggunakan peruntukan mengurusnya. Pada pendapat Audit, LLM perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi memastikan aktiviti pengurusan tanah dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mengikut jadual yang ditetapkan. Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013. *LLM mengambil maklum teguran Audit dan keperluan bagi penyenggaraan tanah disediakan dalam Belanjawan Mengurus tahun 2014 dan 2015.*	Keperluan bagi penyenggaraan tanah telah dimasukkan dalam Belanjawan Mengurus 2013 dan LLM akan memastikan pada masa akan datang peruntukan mencukupi disediakan bagi membiayai kos penyenggaraan tanah.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.6	**Penyelenggaraan Rekod** Semakan Audit mendapati LLM tidak menyelenggarakan rekod yang lengkap seperti perjanjian sewaan/pajakan, fail surat-menyurat tidak mengikut turutan dan salinan surat-menyurat berkaitan tidak difailkan secara sistematik. Selain itu, geran asal hak milik tanah tiada dalam simpanan LLM bagi dua lot tanah di Lot PT 2553 Batu Uban, Pulau Pinang dan Lot PT 44116 Mukim Dengkil, Selangor. Pada pendapat Audit, LLM hendaklah menyelenggarakan daftar rekod perjanjian sewaan/pajakan dan surat-menyurat dengan teratur dan kemas kini. Selain itu, geran asal hak milik tanah perlu disimpan dengan selamat bagi mengelakkan kehilangan dan kecurian kerana ia merupakan dokumen penting. Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 27 Mac 2013. *LLM memaklumkan daftar perjanjian sewaan/pajakan telah diwujudkan. LLM juga telah mewujudkan fail individu bagi setiap lot tanah bagi memastikan urusan surat-menyurat diselenggara dengan teratur. Kesemua surat hak milik tanah atas nama LLM berada dalam simpanan LLM.*	LLM telah mewujudkan daftar perjanjian sewaan/pajakan tanah dan satu pangkalan data bagi 7 lot tanah tersebut juga telah dibangunkan. Di samping itu juga LLM akan memastikan urusan surat menyurat diselenggara dengan teratur.
5.4.7.2	**Pemantauan** Semakan Audit mendapati Bahagian Pengurusan Tanah tidak pernah membuat pemantauan terhadap tanah milik LLM. Tiada pemantauan secara berkala dibuat dan tiada laporan keadaan tanah dilaporkan kepada pihak Pengurusan LLM. Bagaimanapun, pemantauan secara berkala telah dijalankan 2 kali setahun setelah pengurusan tanah milik diambil alih oleh Bahagian Kewangan Dan Pengurusan Aset pada tahun 2010. Laporan pemantauan dilaporkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan Jabatan tetapi keputusan mesyuarat tidak dikemukakan kepada Kementerian Kerja Raya. Pada pendapat Audit, laporan pemantauan tanah LLM perlu dikemukakan kepada Kementerian Kerja Raya supaya perhatian dan tindakan segera dapat diambil terhadap tanah LLM seperti di Lot 8895 Mukim Durian Tunggal, Melaka dan Lot PT 17372, Mukim Bentong, Pahang. Ini bagi mengelakkan tanah dari dicerobohi dan tiada hasil yang dapat dikutip oleh agensi bagi satu tempoh yang lama. Maklum Balas Daripada LLM Diterima Pada 14 Mei 2013. *LLM telah menyediakan Garis Panduan Penyelenggaraan Dan Pemantauan Tanah*	LLM telah mengemukakan laporan pemantauan tanah kepada KKR pada 1 Ogos 2013 sebagai langkah penambahbaikkan selaras dengan amalan tadbir urus terbaik.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pada 2 Mei 2013 sebagai panduan bagi memastikan tanah dan bangunan berada dalam keadaan baik dan tidak dicerobohi oleh pihak luar.	

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)

Perenggan 6 : Pengurusan Projek Pembinaan Kampus Tetap UNIMAP

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.1.1.a	**Prestasi Projek Pembinaan Kampus Tetap UniMAP - Prestasi Fizikal Projek** Di bawah Pakej 3B, hanya 3 projek dilaksanakan berbanding 8 projek yang dirancang manakala bagi Pakej 4 hanya 2 projek dilaksanakan berbanding 3 projek yang diluluskan. Projek ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut *master plan* yang ditetapkan kerana permohonan peruntukan kewangan telah ditolak oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE).	5 projek Pakej 3B dan 1 projek Pakej 4 tidak dapat dilaksanakan disebabkan peningkatan kos projek keseluruhan meningkat dan melebihi peruntukan siling sediada. Skop projek dikeluarkan berikutan Surat Kementerian Kewangan bertarikh 10 Mac 2009 Ruj. S/K.KEW/PK/BN(927)/810100176/655 Jld. 2SJ. 4(10).
6.4.1.1.b	Mengikut syarat kontrak, Pakej 3B perlu siap pada 27 Mac 2011 dan Pakej 4 pada 16 Ogos 2011. Bagaimanapun, sehingga tarikh akhir projek ini patut disiapkan kemajuan kerja bagi Pakej 3B adalah 76.1% manakala bagi Pakej 4 pula adalah 93.9% dan telah diluluskan lanjutan masa melibatkan tempoh sebanyak 215 hari dan 217 hari. Pakej 3B telah disiapkan pada 9 November 2011 iaitu kelewatan sebanyak 11 hari manakala Pakej 4 telah disiapkan pada 1 Mac 2012 iaitu 19 hari lebih awal dari tarikh akhir lanjutan masa. Pada pendapat Audit, pengurusan Projek Pembinaan Kampus Tetap UniMAP adalah kurang memuaskan kerana projek lewat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Unit Projek Khas Kampus Tetap UniMAP bagi Pakej 3B dan JKR bagi Pakej 4 perlu memantau kemajuan projek dengan lebih cekap dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kontraktor yang gagal menunjukkan prestasi yang baik. Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013. *UniMAP memaklumkan antara punca kelewatan bagi Pakej 3B adalah kerana banjir yang melanda negeri Perlis pada bulan November 2010 menyebabkan penghantaran bahan binaan ke tapak terjejas, kesukaran mendapat bekalan cerucuk spun dan kerja-kerja tambahan paip pembentungan di Zon Utara. Bagaimanapun, UniMAP telah memberi notis peringatan kepada kontraktor sebanyak 5 kali sepanjang tempoh kontrak.* *Selain itu, kelewatan bagi Pakej 4 adalah kerana kelewatan mendapat kelulusan*	Tempoh kontrak asal pakej 3B adalah 18 bulan yang merupakan agak singkat bagi skop kerja yang ditawarkan. Pihak UniMAP akan mengambilkira tempoh yang bersesuaian bagi projek-projek akan datang dengan mempertimbangkan proses perancangan dan juga pembinaan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	terkini kehendak pihak TNB, kelulusan pelanggan berkenaan rekabentuk Built In Furniture dan kelulusan bagi kerja Provisional Item 'Built in & Loose Furniture'. Perakuan Pendudukan Separa (CPO) telah dikeluarkan bagi 4 blok PPK Mikroelektronik yang telah disiapkan pada 10 November 2011. Tarikh Siap Semasa selepas EOT ke-2 ialah pada 20 Mac 2012 dan kontraktor telah berjaya menyiapkan projek pada 1 Mac 2012.	
6.4.1.3.b	**Kelewatan Permohonan dan Kelulusan Lanjutan Masa** Semakan Audit mendapati permohonan lanjutan masa ke-2 bagi pakej 3B telah dikemukakan lewat 40 hari dari tarikh tamat EOT pertama. Permohonan lanjutan masa ke-3 bagi pakej yang sama juga lewat dikemukakan iaitu 95 hari dari tarikh tamat EOT kedua. Selain itu, permohonan lanjutan masa ke-2 dan ke-3 lewat diluluskan oleh UniMAP iaitu masing-masing 52 hari dan 277 hari. Kelulusan bagi lanjutan masa ke-3 juga hanya diberikan setelah Perakuan Siap Kerja Praktikal (CPC) dikeluarkan pada 9 November 2011.	Sepatutnya pengiraan tempoh kelulusan dikira dari tarikh permohonan kontraktor yang lengkap. Tempoh kelulusan yang diberi ialah masing-masing 12 hari dan 180 hari bagi Lanjutan Masa 2 dan 3 dari tarikh permohonan kontraktor. Kelewatan proses kelulusan Lanjutan Masa adalah disebabkan kelewatan pihak kontraktor sendiri mengemukakan permohonan dan atas dasar ke arah penyiapan segera dan keperluan mendesak UniMAP. Pihak UniMAP telah mempertimbangkan dengan sewajarnya.
6.4.1.3.c	Klausa 42 syarat kontrak bagi Pakej 3B menetapkan UniMAP boleh mengenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM25,245 sehari sekiranya pihak kontraktor lewat menyiapkan projek. Berdasarkan klausa ini, UniMAP boleh mengenakan LAD berjumlah RM631,149 atau sebanyak 25 hari atas kelewatan kepada kontraktor. Bagaimanapun, LAD yang dikenakan adalah berjumlah RM277,705 atau 11 hari kerana kelulusan lanjutan masa ke-3 telah diberikan kepada kontraktor. Pada pendapat Audit, kelewatan permohonan lanjutan masa menunjukkan kontraktor tidak peka terhadap syarat kontrak yang ditandatangani. Selain itu, tindakan UniMAP meluluskan lanjutan masa ke-3 menyebabkan UniMAP tidak dapat menuntut LAD sepenuhnya. Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013. *UniMAP memaklumkan peringatan telah diberikan kepada kontraktor pada 25 Ogos 2011 supaya mempercepatkan kemajuan kerja bagi mengelakkan kelewatan dan dikenakan denda LAD. Bagaimanapun tiada permohonan dibuat oleh kontrakor. Sehubungan itu, UniMAP telah mengeluarkan surat pemberitahuan kuat kuasa LAD bermula pada 24 September 2011. Lanjutan masa ke-3 adalah lanjutan daripada permohonan asal EOT ke-2 sebanyak 120 hari berbanding kelulusan yang diberikan sebanyak 21 hari sahaja. Mesyuarat dengan pengurusan UniMAP mencadangkan supaya dipertimbangkan EOT No. 3 dengan merujuk kepada klausa 42 & 45 syarat-syarat kontrak DB/T 2002. Bagaimanapun keputusan muktamad*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tertakluk kepada Pengarah Projek.	
6.4.1.4.a.ii	**Dokumentasi Perjanjian - Kontrak Perunding Pengurus Projek Lewat Ditandatangani** Semakan Audit mendapati kontrak antara UniMAP dan PMC telah ditandatangani pada bulan September 2009 iaitu kelewatan selama 16 bulan daripada kelulusan kos perunding pada 9 April 2008 oleh Kementerian Kewangan. Selain itu, kontrak tersebut juga ditandatangani setelah perkhidmatan PMC ditamatkan. Sebanyak 2 bayaran telah dibuat kepada PMC mulai tahun 2003 berjumlah RM2.51 juta walaupun kontrak belum ditandatangani. Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani perjanjian ini menyebabkan UniMAP tidak dapat mengambil sebarang tindakan sekiranya PMC gagal melaksanakan tanggungjawabnya dan kepentingan UniMAP tidak dapat dilindungi. Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013. *UniMAP memaklumkan Perunding Pengurusan Projek (PMC) telah dilantik oleh UniMAP (KUKUM) berdasarkan surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Pihak Pengurusan Tertinggi UniMAP pada masa tersebut masih belum mempunyai kakitangan teknikal yang boleh memberikan nasihat berkaitan penyediaan perjanjian/kontrak yang formal antara PMC dan UniMAP. Surat Setuju Terima sahaja yang ada dan diguna pakai sebagai asas perjanjian dan skop kerja. Proses perbincangan telah diadakan dengan PMC bersama wakil KPT. Oleh kerana persetujuan berkaitan dengan PMC tidak dapat dicapai maka kes tersebut dirujuk kepada Kementerian Kewangan yang akhirnya dimuktamadkan pada 9 April 2008. Selepas itu perjanjian kontrak formal disediakan dan ditandatangani.*	**-**
6.4.1.4.b.ii	**Surat Setuju Terima Lewat Dikeluarkan** Semakan Audit mendapati rundingan dengan kontraktor mengenai skop kerja, reka bentuk, harga dan tempoh siap bagi Pakej 3B dan Pakej 4 telah lewat dimuktamadkan. Ini menyebabkan SST telah lewat dikeluarkan selama 20 bulan dan 14 bulan dari tarikh Surat Niat.	Kelewatan ini disebabkan kesukaran mendapat persetujuan bersama dan kos projek melebihi siling dan perlu dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.1.1.c	**Tarikh Tandatangan Tiada Dalam Kontrak** Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1995, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST bagi Pakej 3B telah dikeluarkan pada bulan September 2009. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tempoh kelewatan kontrak ditandatangani kerana tarikh dokumen kontrak tidak dicatat. Pada pendapat Audit, dokumentasi kontrak adalah kurang memuaskan kerana rundingan dengan kontraktor lewat dimuktamadkan dan tidak ada tarikh kontrak ditandatangani. Dokumen kontrak adalah penting bagi memastikan kontraktor mematuhi semua kontrak yang ditetapkan bagi menjaga kepentingan UniMAP. Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013. *UniMAP memaklumkan proses mengemukakan semula tender, penilaian dan juga proses runding harga semula telah menyebabkan kontrak ini mengambil masa untuk dimuktamadkan. Seterusnya penyediaan kontrak dokumen juga lewat disediakan berikutan kelewatan memuktamadkan kontrak.*	Pihak UniMAP akan memastikan perkara ini tidak akan berlaku pada projek-projek akan datang.
6.4.1.5.a.i	**Kerja Pembinaan - Kualiti Pembinaan Tidak Memuaskan** Lawatan Audit pada 16 dan 17 Oktober 2012 di Kampus Tetap UniMAP mendapati kualiti kerja kontraktor adalah tidak memuaskan kerana kurang sempurna dan kurang kemas seperti terdapat resapan air di lantai, siling koridor tertanggal dan cat pudar. Pihak Audit juga mendapati pembinaan yang tidak sesuai dan praktikal untuk digunakan seperti pembinaan lurang di kawasan parkir dan pembinaan *scupper drain* yang tiada aras kedalaman. Pada pendapat Audit, kualiti kerja kontraktor yang tidak sempurna dan tidak kemas disebabkan kurang pemantauan di tapak pembinaan. UniMAP hendaklah memastikan kontraktor mengambil tindakan pembaikan dengan segera bagi memastikan tahap keselamatan pengguna terjamin. Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013. *UniMAP memaklumkan antara tindakan yang akan diambil adalah keretakan dinding Dewan Kuliah 6 akan dibaiki dan takungan air di gelanggang Futsal akan dibaiki dalam tempoh kecacatan. Di PPK Mikroelektronik, UniMAP telah mengecat sebahagian bangunan yang cat telah pudar dan tidak kemas dan JKR sedang*	Pemantauan akan terus dilaksanakan dan memastikan sebarang kecacatan sekiranya ada, akan diperbaiki oleh kontraktor sebelum tempoh tanggung kecacatan berakhir pada 9 November 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	memastikan pihak kontraktor membaiki kesan air di dinding dan lantai bangunan semasa dalam tempoh kecacatan. Selain itu, di Pusat Kejuruteraan JKR sedang memastikan pihak kontraktor membaiki semua kecacatan semasa dalam tempoh kecacatan.	
6.4.1.5.b.i	**Peralatan Rosak dan Berbahaya** Setiap peralatan yang dibekalkan oleh kontraktor mestilah sesuai, praktikal dan memenuhi keperluan pengguna. Pemeriksaan Audit pada 16 dan 17 Oktober 2012 terhadap peralatan yang dibekalkan untuk kegunaan Pakej 3B dan Pakej 4 mendapati 2 peralatan telah rosak dan berbahaya untuk digunakan. Tambahan pula beberapa kebakaran telah berlaku di bangunan tersebut. Pada pendapat Audit, peralatan yang dibekalkan oleh kontraktor adalah tidak berkualiti dan boleh menjejaskan keselesaan serta membahayakan pengguna. Sehubungan itu, kontraktor perlu menukar atau membaiki peralatan yang rosak dengan kadar segera. Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013. *UniMAP memaklumkan tindakan pembaikkan chiller masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya dan Peringatan Pertama dan Kedua telah dikeluarkan kepada kontraktor. Manakala semua kapasitor bagi lampu jenama Davis telah ditukar oleh pembekal Davis dan siap sepenuhnya pada bulan Mac 2013.*	Peralatan yang dipasang iaitu chiller tidak dikategorikan sebagai rosak kerana berfungsi dengan baik semasa pengujian dilakukan sebelum pengeluaran CPC. Walaubagaimanapun, peralatan tidak dapat disesuaikan dengan sistem perpaipan sedia ada disebabkan oleh *water balancing*. Namun demikian, kerja-kerja pembaikan sedang dilakukan oleh pihak kontraktor sebanyak 2 kali iaitu pada 20 April 2013 dan 5 Jun 2013. *Chiller* ini masih di peringkat pengujian oleh pihak kontraktor.
6.4.1.6.d	**Pembinaan Kampus Tetap Tidak Mengikut *Master Plan*** Semakan Audit mendapati UniMAP telah menanggung kos sewaan bangunan dan sewaan bas dari tahun 2002 hingga bulan September 2012 berjumlah RM138.40 juta. Kos sewaan bangunan meningkat setiap tahun kecuali pada tahun 2010 manakala kos sewaan bas juga meningkat setiap tahun kecuali pada tahun 2008. UniMAP juga terpaksa menggunakan peruntukan sedia ada disebabkan kos penempatan dan pengangkutan pelajar tidak diambil kira sebagai kos yang akan ditanggung di dalam harga kontrak. Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan Kampus Tetap UniMAP telah menyebabkan kos penyewaan kemudahan yang tinggi dibayar oleh UniMAP. Pembinaan kampus tetap ini penting disiapkan dengan cepat supaya pelajar mendapat kemudahan yang sepatutnya dan seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013. *UniMAP memaklumkan pembinaan kampus induk UniMAP tidak dapat disiapkan sepenuhnya kerana peruntukan yang diterima secara berperingkat-peringkat mengikut Rancangan Malaysia. Peruntukan yang diterima pula mengikut agihan UPE dan tidak mencukupi untuk menyiapkan keseluruhan Kampus sekaligus. Skop asal dimohon oleh Crimson Network Sdn. Bhd. selaku Project Management Consultant berjumlah RM1.4 bilion pada tahun 2005. Bagaimanapun nilai peruntukan diperolehi adalah secara berperingkat sehingga bulan Jun 2013 berjumlah RM476.75 juta iaitu hanya 20% dari jumlah asal dimohon.*	
6.4.1.7	**Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan** Kontraktor hendaklah mendapatkan Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan (CCC) daripada pihak berkuasa tempatan sebelum sesuatu bangunan dapat diduduki. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Oktober 2012, CCC masih belum diperoleh walaupun bangunan telah diduduki di Pakej 3B dan Pakej 4. Pakej 3B telah mengalami tempoh kelewatan mendapatkan CCC selama 9 bulan dan Pakej 4 selama 5 bulan. Pihak Audit berpendapat kelewatan kontraktor mendapat Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan boleh menjejaskan keselamatan pengguna terutamanya para pelajar. Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013. *UniMAP memaklumkan semua kelulusan telah diperolehi kecuali kelulusan dari IWK. Pemeriksaan oleh IWK telah diadakan pada 11 Mac 2013 untuk kelulusan. Kelulusan gagal diperoleh kerana kerja-kerja sambungan paip pembetung oleh projek bangunan ICT. Perunding projek ICT sedang menyiapkan laporan ujian untuk diserahkan kepada IWK. Pemeriksaan untuk kelulusan IWK boleh dibuat semula selepas itu.*	CCC telah dipohon dan kelulusan dijangkakan diperolehi pada November 2013. Walau bagaimanapun kelulusan Bomba telah diperolehi.
6.4.1.8.b	**Soal Selidik Kepuasan Pelajar Mengenai Kemudahan dan Perkhidmatan di Kampus Tetap** Hasil analisis terhadap 200 responden mendapati secara purata 55.6% pelajar berpendapat bahawa kemudahan dan perkhidmatan di Kampus Tetap UniMAP adalah tidak memuaskan, 31% pelajar berpendapat kemudahan dan perkhidmatan adalah baik dan 13.4% pelajar berpendapat ia sangat baik.	Kriteria penilaian perlulah mengambilkira tempoh penilaian oleh responden dan bilangan responden. Kriteria keperluan soket adalah mengikut keperluan penggunaan sesuatu ruang. Walau bagaimanapun UniMAP akan memastikan kemudahan para pelajar dipertingkatkan dari masa ke semasa bergantung kepada

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.1.8.c	Berdasarkan kriteria penilaian yang digunakan hanya satu kriteria penilaian yang baik iaitu kemudahan internet/rangkaian di Perpustakaan manakala 8 kriteria penilaian menunjukkan tidak memuaskan. Secara keseluruhannya, sebanyak 86.6% atau lebih separuh responden tidak berpuas hati terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di kampus tetap UniMAP. Pada pendapat Audit, maklum balas daripada pengguna amat penting bagi menganalisis tahap kepuasan pengguna UniMAP. Selain itu, UniMAP boleh mengenal pasti segala kelemahan dan mengambil tindakan untuk memperbaikinya. Pemantauan secara berterusan perlu dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan dapat diguna dengan sepenuhnya. Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013. *UniMAP memaklumkan Pusat Pembangunan Korporat Dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK) telah membuat kajian tahap kepuasan mahasiswa pada tahun 2012 yang lalu. Ianya dilaksanakan melalui portal UniMAP dan dibuka selama 2 minggu. Hasil kajian mendapati sebanyak 73.9% para pelajar berpuas hati dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Kampus UniMAP. Bilangan responden adalah 984 orang.*	peruntukan yang ada.
6.4.1.9	**Pemantauan** Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaikannya. Pihak Audit mendapati UniMAP telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap projek pembinaan kampus tetap UniMAP di pelbagai peringkat. Kemajuan pelaksanaan projek dan masalahnya dibincangkan di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, Lembaga Pengarah Universiti dan pihak pengurusan UniMAP. Di samping itu, pemantauan melalui mesyuarat tapak, laporan mingguan pengurusan projek, buku harian tapak dan lawatan fizikal juga ada dibuat semasa projek dalam pelaksanaan. Bagaimanapun, kelemahan pelaksanaan dan tindakan terhadap pemantauan menyebabkan projek lewat disiapkan. Kualiti kerja kontraktor adalah tidak memuaskan, tidak sempurna dan tidak kemas. Peralatan yang dibekalkan juga rosak dan tidak selamat untuk digunakan. Maklum Balas Daripada UniMAP Diterima Pada 28 Jun 2013.	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	UniMAP memaklumkan Projek Pakej 3B dan pakej 4 merupakan projek design & build secara rundingan terus yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dimana pemantauan dan pengawasan projek dilakukan oleh perunding-perunding yang dilantik oleh pihak kontraktor. Pemantauan di tapak, kelulusan bahan dan kemajuan kerja dan kualiti kerja kontraktor adalah di bawah tanggungjawab pihak perunding yang telah dilantik oleh kontraktor. Pihak UniMAP selaku pelanggan dan pengurusan projek berperanan untuk membuat pemantauan dan pengauditan projek dengan mengeluarkan audit-audit pemantauan dan NCR projek di mana perunding perlu memastikan ianya dilaksana dengan baik.	

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

Perenggan 7 : Pengurusan Projek Pembangunan Feldajaya

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.1.2	**Kajian Kemungkinan Dijalankan Selepas Projek Pembinaan Dimulakan** Semakan Audit mendapati projek pembinaan FELDAjaya Mempaga telah dimulakan pada bulan Mei 2003 manakala FELDAjaya Raja Alias dan Trolak pada bulan Julai 2003. Bagaimanapun, kajian kemungkinan hanya dijalankan pada bulan Jun 2004 iaitu lewat masing-masing 14 dan 12 bulan.	Pembangunan FELDAjaya merupakan projek jangka panjang yang objektif utamanya adalah sebagai memenuhi tanggung jawab sosial (CSR) FELDA kepada warga FELDA terutama generasi peneroka menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik di samping menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Komponen pembangunan FELDAjaya yang terdiri dari rumah kediaman jenis banglo, rumah kedai, medan selera, pasar awam dan hentian bas adalah diperuntukkan kepada generasi peneroka sebagai usaha menggalakkan generasi peneroka yang berpotensi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan moden memiliki premis kediaman dan perniagaan yang disediakan. <u>Penambahbaikan</u> Walaupun Pembangunan FELDAjaya bukan berorientasikan keuntungan, FELDA mengambil maklum teguran audit. Pembangunan Fasa 2 akan lebih terancang (bagi melengkapkan komponen Fasa 1) dengan aktiviti ekonomi seperti pembinaan stesen minyak, klinik 1Malaysia, *hypermarket*, perumahan, institusi perbankan, kawasan rehat dan rawat (R&R) dan lain-lain. Dengan demikian, pembangunan FELDAjaya akan lebih maju dan tersusun. <u>Tempoh Jangkaan Selesai</u> Pembangunan FELDAjaya Fasa 2 dijangka dilaksanakan pada tahun 2014. Penyelarasan komponen pembangunan akan dilakukan bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi di FELDAjaya.
7.4.1.3	Semakan Audit selanjutnya terhadap kajian kemungkinan yang dijalankan di FELDAjaya Raja Alias dan Trolak mendapati projek tersebut adalah tidak berdaya maju. Ini disebabkan tiada faktor pemangkin kepada pembangunan seperti pembinaan institut penyelidikan berkaitan pertanian dan perubatan, institusi pendidikan dan pembangunan pelancongan. Selain itu, kajian yang dijalankan di FELDAjaya Trolak mendapati permintaan pasaran sedia ada kurang berbanding pembangunan yang dirancang manakala sehingga kini, FELDA masih belum mengemukakan kajian kemungkinan bagi FELDAjaya Mempaga. Pada pendapat Audit, kajian kemungkinan hendaklah dijalankan sebelum projek dimulakan supaya FELDA boleh membuat keputusan yang lebih tepat sebelum memulakan projek untuk mengelakkan projek yang tidak berdaya maju dibangunkan dan memastikan objektif yang ditetapkan dapat dicapai. *Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 11 Julai 2013.* *FELDA memaklumkan pembinaan MRSM FELDA Trolak menyumbang kemajuan pembangunan di FELDAjaya tersebut. Lokasi FELDAjaya Raja Alias adalah sangat strategik kerana terletak di kawasan Majlis Daerah Jempol. Sementara di FELDAjaya Mempaga pula, terdapat pembangunan tambahan 48 unit kuarters kakitangan FELDA dan pembinaan serta pembukaan Kompleks Penjara Mempaga dan Sekolah Berasrama Penuh Berintergrasi Mempaga.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.2.2	**Kemudahan Yang Disediakan Tiada Penyewa** Semakan Audit mendapati kesemua 80 lot pasar awam dan 16 lot hentian bas di FELDAjaya Raja Alias dan Trolak dibina dengan kos sejumlah RM2.22 juta serta 10 lot medan selera di semua FELDAjaya tidak mempunyai penyewa. Bagaimanapun, 7 lot hentian bas di FELDAjaya Mempaga telah disewakan walaupun selain daripada pengusaha bas.	Pada peringkat awal pembinaan FELDAjaya Raja Alias, jalan masuk utama yang strategik dicadang dibina berhampiran simpang empat /bersebelahan jalan utama tetapi cadangan tersebut telah tidak diluluskan oleh JKR atas faktor keselamatan pengguna jalan raya.
7.4.2.3	Lawatan Audit ke FELDAjaya Raja Alias dan FELDAjaya Trolak mendapati pasar awam, hentian bas dan medan selera yang dibina tidak mempunyai penyewa.	<u>Penambahbaikan</u> Pada masa ini, ketiga-tiga FELDAjaya menjadi laluan alternatif bagi laluan utama lebuh raya. FELDAjaya Trolak (Perak) adalah alternatif bagi Lebuhraya PLUS, FELDAjaya Mempaga, (Pahang) adalah alternatif bagi laluan ke Kelantan dan FELDAjaya Raja Alias (Negeri Sembilan) adalah alternatif ke Negeri Pahang dan Johor (Segamat). Bagi menarik orang ramai ke FELDAjaya, Majlis Daerah Jempol (MDJ) pada 8 Ogos 2012, telah meluluskan cadangan FELDA untuk menaiktaraf jalan masuk yang lebih strategik bagi memudahkan orang ramai ke FELDAjaya Raja Alias/medan selera. Berbagai inisiatif lain akan dilaksanakan dari masa ke semasa bagi menggalakkan proses urbanisasi/ pertumbuhan ekonomi pada masa akan datang.
7.4.2.4	Semakan selanjutnya mendapati hanya satu daripada 10 lot medan selera di FELDAjaya Raja Alias yang disewakan. Ini disebabkan kedudukannya yang tidak strategik iaitu bertentangan dengan medan selera sedia ada yang lebih mudah diakses dan bersebelahan dengan jalan utama. Pada pendapat Audit, kemudahan awam yang tidak digunakan sepenuhnya menyebabkan pembaziran dan kerugian hasil kepada FELDA. *Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 11 Julai 2013.* *FELDA memaklumkan pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh FESSB untuk mendapatkan penyewa seperti menawarkan sewa percuma selama 3 bulan dan menganjurkan program seperti karnival jualan, karnival belia dan program gerbang malam (uptown) bagi menjemput peniaga berpotensi untuk berniaga dan menarik orang ramai ke tempat tersebut. Bagaimanapun ia hanya dianjurkan secara berkala dan tidak menjamin penyewaan secara berterusan. FELDA juga bercadang untuk membina stesen minyak dan Kompleks Transformasi Luar Bandar.*	<u>Tempoh Jangkaan Selesai</u> Kerja-kerja menaik taraf jalan masuk yang baru dicadang dilaksanakan bersekali dengan pembangunan FELDAjaya Fasa 2 yang di rancang dilaksanakan mulai 2014. Sebagai langkah untuk memajukan FELDAjaya untuk tempoh jangka panjang, beberapa cadangan pembangunan dirancang seperti pembukaan stesen minyak, Klinik 1Malaysia, kemudahan bank, pejabat pos, kedai telekomunikasi, kedai runcit, restoran makanan segera 24 jam dan Kompleks Transformasi Luar Bandar (UTC).

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.3.2	**Prestasi Kutipan Sewa Bulanan** Mengikut perjanjian, ejen bertanggungjawab mengutip bayaran sewaan dan senggaraan rumah banglo, rumah kedai, medan selera dan hentian bas secara bulanan pada atau sebelum hari ketujuh setiap bulan. Sekiranya pembeli gagal membuat bayaran bulanan selepas 14 hari daripada tempoh yang ditetapkan, ejen boleh memberi tempoh satu bulan notis kepada pembeli untuk mengosongkan premis tersebut dan berhak melupuskan bayaran deposit. Sehingga 31 Disember 2012, jumlah keseluruhan tunggakan bagi FELDAjaya adalah RM1.31 juta.	i. <u>Kutipan Bulanan Rumah Banglo</u> Hasil daripada semakan, tunggakan sewa bulanan banglo adalah melibatkan pembeli daripada kategori peneroka yang telah diluluskan untuk menerima pembiayaan melalui DANA FELDA. Walaubagaimanapun, pemotongan *paysheet* bulanan untuk pembayaran rumah masih belum dilaksanakan oleh pihak FELDA. <u>Penambahbaikan</u> Kertas cadangan potongan bayaran bulanan telah disediakan dan sedang ditelliti oleh Bahagian Perundangan FELDA. Segala bayaran sewa yang telah diterima akan dikira sebagai sebahagian harga jualan rumah dan baki bayaran akan dibiayai melalui pinjaman FELDA. ii. <u>Tunggakan Kutipan Bulanan Rumah Kedai</u> Usaha telah dilakukan untuk menyelesaikan isu ini dengan mengadakan perbincangan di antara FESSB, FELDA Wilayah dan penyewa. Faktor utama penyewa tidak dapat menjelaskan sewa bulanan adalah disebabkan pendapatan yang diperoleh tidak mencukupi untuk membayar kadar sewa yang ditetapkan. Penyewa merupakan usahawan di bawah Program Tunas Mekar FELDA dan *masih di bawah bantuan dan bimbingan FELDA*. Walau bagaimanapun, sehingga kini terdapat penurunan sewa tertunggak kerana penyewa memberi komitmen untuk menyelesaikan sewa yang tertunggak. <u>Penambahbaikan</u> Rumah kedai akan diletakkan di bawah pengurusan FELDA memandangkan program (Program Tunas Mekar FELDA) dan peserta adalah di bawah seliaan FELDA. iii. <u>Tunggakan Kutipan Bulanan Medan Selera dan Sewaan Hentian Bas</u> Semua penyewa yang terlibat dengan hutang tertunggak adalah
7.4.3.3.a	**Kutipan Bulanan Rumah Banglo** Semakan Audit mendapati jumlah tunggakan kutipan bulanan rumah banglo bagi kesemua FELDAjaya sejak diduduki sehingga 31 Disember 2012 adalah RM1.23 juta bagi sewaan atau 45.9% daripada sepatutnya diterima dan RM39,010 atau 28.6% bagi senggaraan.	
7.4.3.3.b	Analisis pengumuran terhadap tunggakan kutipan sewaan bulanan menunjukkan tempoh tunggakan tertinggi adalah melebihi 37 bulan iaitu sejumlah RM908,750. FELDAjaya Mempaga mencatatkan jumlah tunggakan sewaan tertinggi berjumlah RM764,715 berbanding FELDAjaya lain. Ini disebabkan tiada pemantauan kutipan bulanan dibuat oleh FPROP dan tiada tindakan penguatkuasaan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian sewa.	
7.4.3.4.b	**Tunggakan Kutipan Bulanan Rumah Kedai** Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2012, tunggakan kutipan bulanan rumah kedai di semua FELDAjaya berjumlah RM28,050 atau 29.4% berbanding kutipan yang sepatutnya diterima. Semakan selanjutnya mendapati penyewa rumah kedai di FELDAjaya Mempaga tidak membuat bayaran sewaan selama 28 bulan dari bulan September 2010 sehingga Disember 2012. Bagaimanapun, FESSB tidak mengeluarkan notis pengosongan rumah kedai sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian sewa.	
7.4.3.5.b	**Tunggakan Kutipan Bulanan Medan Selera** Semakan Audit mendapati tunggakan kutipan bulanan medan selera bagi kesemua FELDAjaya berjumlah RM16,125 dengan tunggakan tertinggi sejumlah RM9,900 oleh penyewa medan selera di FELDAjaya Mempaga.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.3.6.a	**Tunggakan Sewaan Hentian Bas** Perjanjian sewaan menetapkan bayaran sewaan sejumlah RM100 sebulan bagi setiap lot hentian bas. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2012, FELDAjaya Mempaga mempunyai tunggakan sewaan sejumlah RM1,900 bagi 7 lot hentian bas. Pada pendapat Audit, FELDA tidak memantau dengan berkesan prestasi kutipan sewaan oleh ejen yang dilantiknya dan telah menyebabkan tunggakan sewaan yang tinggi. *Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 11 Julai 2013.* *FELDA memaklumkan telah mengadakan perbincangan bersama antara FESSB, FELDA Wilayah dan penyewa bagi mengutip sewa yang tertunggak. Penyewa rumah kedai tidak dapat menjelaskan sewa bulanan berikutan lebihan pendapatan mereka tidak mencukupi untuk menjelaskan kadar sewa. Sehingga kini, terdapat penurunan tunggakan sewa kerana penyewa telah memberi komitmen untuk membayar balik tunggakan tersebut. FELDA juga memaklumkan kertas cadangan potongan bayaran bulanan telah disediakan dan draf perjanjian pinjaman sedang disemak oleh Bahagian Perundangan FELDA.*	terdiri dari kalangan anak-anak peneroka. Oleh yang demikian, cadangan kutipan bayaran sewa melalui potongan *paysheet* peneroka telah dimajukan kepada FELDA. <u>Penambahbaikan</u> Kertas cadangan potongan bayaran secara bulanan melalui *paysheet* peneroka sedang diteliti oleh Bahagian Perundangan FELDA. <u>Tempoh Jangkaan Selesai</u> Potongan hutang melalui *paysheet* peneroka dijangka dilaksanakan sebelum akhir tahun 2013 sebaik kertas cadangan potongan bayaran bulanan dimuktamadkan oleh Bahagian Perundangan FELDA.
7.4.4.1.a	**Perjanjian Kediaman Rumah Banglo Tidak Dipatuhi - Ubahsuai Luaran Rumah Tanpa Kelulusan** Mengikut Perjanjian Kediaman FELDAjaya, pembeli rumah banglo dilarang membuat sebarang ubahsuai di bahagian luar rumah termasuk membina pagar kekal, pondok atau garaj tanpa kebenaran daripada FELDA. Hasil lawatan Audit di kesemua FELDAjaya mendapati 40 rumah banglo telah diubahsuai tanpa kebenaran FELDA.	Perjanjian kediaman yang ditandatangani antara pembeli dengan FELDA adalah untuk mengikat pembeli supaya mematuhi keseragaman dan persekitaran sepertimana ditetapkan oleh pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Penguatkuasaan ke atas pembeli yang melanggar peraturan PBT adalah di bawah bidang kuasa PBT. Walau bagaimana pun, FELDA telah mengambil tindakan secara pentadbiran dengan mengeluarkan surat notis peringatan/amaran kepada pembeli bahawa ubah suai rumah banglo/ menjadikan rumah banglo sebagai premis perniagaan adalah melanggar peraturan PBT. Mereka juga diberi peringatan supaya mendapatkan kelulusan PBT terlebih dahulu sebelum kerja-kerja ubah-suai dilakukan.
7.4.4.2.a	**Rumah Banglo Dijadikan Premis Perniagaan** Semakan Audit mendapati 21 unit rumah banglo telah dijadikan *homestay* iaitu sebanyak 6 unit di FELDAjaya Mempaga, 5 di FELDAjaya Raja Alias dan 10 di FELDAjaya Trolak. Selain itu, sebuah rumah banglo di FELDAjaya Mempaga telah dijadikan pusat rawatan kecantikan. Pada pendapat Audit, FELDA tidak menguatkuasakan Perjanjian Kediaman terhadap pembeli yang mengubahsuai rumah banglo tanpa kelulusan FELDA selain menjadikan kediaman sebagai premis perniagaan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 11 Julai 2013. *FELDA memaklumkan perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan akan diadakan bagi membolehkan penguatkuasaan dilaksanakan.*	Penambahbaikan FELDA akan meneruskan mengeluarkan surat peringatan kepada semua pemilik rumah banglo supaya mematuhi peraturan PBT. FELDA juga akan mengadakan perbincangan bersama PBT pada September 2013 bagi tujuan penyelarasan dan pelaksanaan penguatkuasaan.
7.4.5.2	**Permohonan Pertukaran Status Tanah FELDAjaya Trolak Belum Diluluskan** Semakan Audit mendapati FELDAjaya Trolak dibangunkan di atas tanah milik FELDA yang masih berstatus tanah pertanian. FELDA telah mengemukakan permohonan pertukaran status tanah pertanian kepada tanah pembangunan kepada Majlis Daerah Tapah (MDT). Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan status permohonan tersebut. Berdasarkan perkiraan Audit, FELDA boleh dikenakan denda sejumlah RM353,300 oleh MDT iaitu bermula 2 Mei 2003 sehingga 31 Disember 2012.	Kebenaran Merancang berdasarkan cadangan awal telah diluluskan pada 24 Oktober 2005 manakala pindaan Kebenaran Merancang diluluskan pada 21 Mei 2013. Permohonan Serah balik dan Kurnia Semula telah dimajukan ke Pejabat Daerah & Tanah Batang Padang pada 7 April 2010. Penambahbaikan FELDA telah mengemukakan pelan *pre-comp* pada 27 Jun 2013 untuk kelulusan sebelum notis 5A (kelulusan tukar syarat tanah) dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah. Sehingga kini, semua kelulusan daripada PBT telah diperoleh.
7.4.5.3	Kelewatan kelulusan menukar status tanah di FELDAjaya Trolak menyebabkan FELDA terpaksa menyediakan kemudahan kepada 28 pembeli rumah banglo untuk membuat bayaran secara sewa beli sejumlah RM400 sebulan. Ini disebabkan pembeli rumah banglo tidak berjaya membuat pinjaman perumahan daripada institusi kewangan kerana status tanah yang masih belum ditukar kepada tanah pembangunan. Berdasarkan perkiraan Audit, FELDA sepatutnya menerima RM5.13 juta sekiranya kesemua pembeli dapat membuat pembiayaan daripada institusi kewangan. Pada pendapat Audit, FELDA perlu mendapatkan kelulusan pertukaran status tanah daripada MDT terlebih dahulu sebelum pembangunan FELDAjaya Trolak bagi mematuhi Seksyen 115 Kanun Tanah Negara 1965.	
7.4.6.2	**Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Dan Penyenggaraan Tidak Ditandatangani** Semakan Audit mendapati setelah tamat tempoh perjanjian antara FELDA dengan FPROP, FELDA telah menyerahkan kerja perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan kepada FESSB. Bagaimanapun, tiada perjanjian baharu ditandatangani antara kedua belah pihak. Semakan lanjut mendapati FESSB telah menjalankan kerja penyenggaraan sejak bulan Jun 2010.	Perjanjian perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan FELDAjaya dimeterai antara FELDA bersama anak syarikat FELDA iaitu FELDA Properties (FPROP) selama 2 tahun dan tamat pada 31 Disember 2010.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.6.3	Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2012, FESSB telah membuat tuntutan berjumlah RM737,819 bagi perkhidmatan yang dijalankan sejak tahun 2011 dan FELDA telah membuat pembayaran sejumlah RM406,895. Jumlah tuntutan FESSB adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam perjanjian antara FELDA dengan FPROP. Bagaimanapun, jumlah tuntutan dan pembayaran ini tidak dapat disahkan kerana tiada perjanjian dimeterai antara FELDA dan FESSB. Pada pendapat Audit, tuntutan dan bayaran perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan kepada FESSB telah dibuat tanpa sebarang perjanjian ditandatangani antara FELDA dan FESSB. Tanpa perjanjian yang sah, hak dan tanggungjawab FELDA tidak dilindungi sekiranya berlaku percanggahan kepentingan. *Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 11 Julai 2013.* *FELDA memaklumkan draf Perjanjian Perkhidmatan dan Pengurusan sedang disemak oleh Bahagian Perundangan FELDA. Perjanjian ini dijangka akan dimuktamadkan pada bulan Ogos 2013 bagi mengesahkan peranan FESSB sebagai agen pengurusan.*	Kerja perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan seterusnya diserahkan kepada FESSB, anak syarikat FELDA, menjalankan kerja pengurusan dan penyenggaraan terlebih dahulu sementara Perjanjian Perkhidmatan dan Pengurusan disediakan dan dimuktamadkan oleh Bahagian Perundangan FELDA. <u>Penambahbaikan/ Tempoh Jangkaan Selesai</u> Bahagian Perundangan FELDA akan memuktamadkan draf perjanjian berkenaan pada pertengahan bulan September 2013 bagi mengesahkan peranan FESSB sebagai agen pengurusan. Seterusnya, FELDA akan mengeluarkan surat arahan kerja kepada FESSB.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

Perenggan 8 : Pengurusan Projek Pembinaan Fakulti, Kemudahan Awam Dan Sukan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.1.3	Sehingga bulan September 2012, semua projek telah siap dilaksanakan kecuali pembinaan Kolam Renang yang hanya mencapai status kemajuan 85.6% manakala Blok Pentadbiran telah diserahkan kepada UTHM pada 16 Februari 2012. Bayaran sejumlah RM33.06 juta telah dibuat kepada kontraktor bagi Projek Masjid Dan Pusat Islam dengan lebihan peruntukan berjumlah RM4.06 juta ditampung melalui rizab dalaman UTHM. Selain itu, bayaran yang telah dibuat bagi projek pembinaan FPTP berjumlah RM36.15 juta atau 86.1% dan untuk projek pembinaan Kolam Renang dan Blok Pentadbiran adalah sejumlah RM14.11 juta atau 70.6%.	Sehingga 17 Julai 2013 Projek Pembinaan Kolam Renang prestasi kerja di tapak telah mencapai 93%. Berdasarkan mesyuarat tapak kali ke-52 pada 18 Julai 2013, projek ini dijangka boleh disiapkan pada 18 Ogos 2013. Mesyuarat pemantauan projek oleh UTHM dan KPM akan diadakan lebih kerap bagi memastikan tarikh penyiapan projek dipatuhi oleh kontraktor. Lebihan perbelanjaan sebanyak RM1.9juta bagi projek Masjid & Pusat Islam adalah bagi menampung kerja-kerja tambahan yang mana ianya menggunakan peruntukan dalaman serta sumbangan daripada staf, manakala baki berjumlah RM2.16 juta adalah termasuk dalam kos projek PFI. UTHM telah mendapat perakuan dari KPT notis perubahan siling bagi projek Masjid & Pusat Islam dari siling RM29 juta kepada RM32.5 juta sementara projek FPTP dipinda daripada siling RM42 juta kepada RM38.5 juta. Perubahan siling projek berkenaan adalah tidak melebihi keseluruhan siling PFI sebanyak RM91 juta. Pihak UTHM dan Bahagian Pembangunan KPM akan membuat pemantauan secara berkala bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan. UTHM akan memastikan notis perubahan siling diluluskan sebelum arahan kerja dikeluarkan kepada kontraktor. Bagi projek kolam renang, tarikh projek dijangka disiapkan pada 18 Ogos 2013 (berdasarkan mesyuarat tapak kali ke-52 pada 18 Julai 2013).

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td>8.4.1.1</td><td>Prestasi Projek

Projek pembinaan Masjid Dan Pusat Islam, FPTP serta Kolam Renang dan Blok Pentadbiran dilaksanakan di bawah dana Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) yang berjumlah RM91 juta. Bagaimanapun, nilai projek yang ditawarkan kepada kontraktor berjumlah RM78.48 juta dan perbelanjaan sebenar sehingga bulan Disember 2012 berjumlah RM83.32 juta. Pelantikan kontraktor bagi semua projek dilaksanakan melalui tender terbuka.</td><td>Jumlah nilai kontrak sebanyak RM78.48 juta adalah untuk kontrak kerja manakala tambahan sebanyak RM4.84 juta adalah untuk pembayaran kepada perkhidmatan perunding menjadikan jumlah perbelanjaan sebanyak RM83.32 juta. Perincian perbelanjaan adalah seperti di bawah:-</td></tr>
<tr><td>8.4.1.2</td><td>Semakan Audit mendapati semua projek telah lewat disiapkan. Projek pembinaan Masjid Dan Pusat Islam hanya siap pada 20 Oktober 2011 dengan kelewatan selama 547 hari. Projek pembinaan FPTP pula hanya siap pada 29 April 2011 dengan kelewatan selama 175 hari. Selain itu, projek pembinaan Blok Pentadbiran siap pada 16 Februari 2012 dengan kelewatan selama 484 hari tetapi kolam renang masih belum siap sehingga tempoh lanjutan masa (EOT) tamat.</td><td>
<table>
<tr><th>Projek</th><th>FPTP</th><th>Masjid & Pusat Islam</th><th>Kolam Renang</th><th>Jumlah</th></tr>
<tr><td></td><td>RMjuta</td><td>RMjuta</td><td>RMjuta</td><td>RMjuta</td></tr>
<tr><td>Harga Kontrak Kerja</td><td>30.73</td><td>25.95</td><td>21.80</td><td>78.48</td></tr>
<tr><td>Perundingan</td><td>1.90</td><td>1.60</td><td>1.34</td><td>4.84</td></tr>
</table>

Tempoh kelewatan sebenar selepas mengambil tempoh lanjutan masa yang diberikan mengikut klausa 51 Syarat-Syarat Kontrak adalah seperti berikut:-

<table>
<tr><th>Nama Projek</th><th>Masjid</th><th>FPTP</th><th>Kolam Renang</th></tr>
<tr><td>Tarikh Milik Tapak</td><td>09.10.2008</td><td>02.06.2009</td><td>09.04.2009</td></tr>
<tr><td>Tarikh Patut Siap</td><td>21.04.2010</td><td>25.01.2011</td><td>20.10.2010</td></tr>
<tr><td>Lanjutan Masa Diluluskan</td><td>01.03.2011</td><td>11.07.2011</td><td>03.09.2012</td></tr>
<tr><td>Tarikh Siap Sebenar</td><td>20.10.2011</td><td>19.07.2011</td><td>16.02.2012</td></tr>
<tr><td>Tempoh Kelewatan</td><td>547 hari</td><td>175 hari</td><td>484 hari</td></tr>
<tr><td>Tempoh Kelewatan Sebenar Selepas EOT (yang dikenakan LAD)</td><td>233 hari</td><td>8 hari</td><td>262 hari</td></tr>
<tr><td>Nilai LAD/sehari</td><td>RM4,799.61</td><td>RM4,673.08</td><td>RM2,566.32</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Tempoh kelewatan projek diatas telah dikenakan LAD dan ianya telah ditolak daripada bayaran kepada kontraktor yang berkaitan. Penambahbaikan yang telah dibuat oleh UTHM adalah:- i. Kontraktor hendaklah membuat permohonan lanjutan masa dengan dokumen lengkap tiga (3) bulan lebih awal sebelum tempoh masa sebenar tamat selaras dengan syarat-syarat kontrak ii. Perunding dan pegawai tapak hendaklah memastikan semua dokumen sokongan permohonan lanjutan masa dilampirkan bagi memudahkan Jawatankuasa Lanjutan Masa membuat keputusan.
8.4.1.3	Kemajuan kerja kontraktor MBN Consortium Sdn. Berhad bagi projek pembinaan Masjid Dan Pusat Islam pada tarikh asal projek siap hanya 45%. Berdasarkan Laporan Prestasi Kontraktor Terhadap Projek Yang Sudah Siap, UTHM mendapati prestasi kemajuan kerja kontraktor adalah tidak memuaskan. Pada 7 Jun 2010, UTHM telah mengemukakan Surat Amaran bahawa Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap akan dikeluarkan kepada kontraktor jika gagal menyiapkan kerja mengikut syarat-syarat kontrak. Kelewatan menyiapkan projek Masjid Dan Pusat Islam menyebabkan ia tidak dapat digunakan oleh pelajar dan orang awam serta tarikh pembukaan ditunda ke bulan Oktober 2011 berbanding tarikh asal pada bulan April 2010.	Ulasan seperti 8.4.1.2
8.4.1.4	Kemajuan kerja kontraktor Kosmo Setegas Sdn. Berhad bagi projek pembinaan Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan (FPTP) pada tarikh siap asal adalah sebanyak 71%. UTHM telah mengemukakan Surat Amaran kepada kontraktor pada 26 Oktober 2010 untuk mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap jika gagal menyiapkan kerja mengikut syarat kontrak.	Ulasan seperti 8.4.1.2
8.4.1.5	Setakat pemeriksaan Audit pada bulan September 2012, kemajuan kerja pembinaan Kolam Renang adalah 85.6% walaupun telah diberi 2 lanjutan masa (EOT) iaitu sehingga 18 Julai 2011 dan 31 Disember 2011. UTHM telah mengeluarkan Surat Amaran pada 25 Ogos 2011 kepada kontraktor kerana gagal menyiapkan kerja mengikut syarat-syarat kontrak. Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 17 Januari 2012 setelah EOT kedua tamat pada 31 Disember 2011. Bagaimanapun, projek tersebut masih tidak dapat disiapkan dan kontraktor telah memohon EOT ketiga pada 15 Mac 2012 tetapi EOT tersebut hanya diluluskan pada 19 Mac 2013 oleh Jawatankuasa Lanjutan Masa.	Ulasan seperti 8.4.1.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.4.1.6	Semakan Audit mendapati antara sebab utama kelewatan projek adalah masalah teknikal, perubahan kerja, reka bentuk dan struktur, kelewatan kelulusan bahan binaan, pengurusan kontrak yang lemah dan pemantauan di tapak kurang memuaskan.	UTHM mengambil maklum dengan teguran yang dikemukakan oleh pihak audit berhubung kelewatan projek. Pada mulanya UTHM telah membuat penyeliaan tapak secara dalaman walaubagaimanapun disebabkan jumlah projek yang banyak dan kekangan staf teknikal, UTHM telah menyerahkan skop perkhidmatan penyeliaan tapak bina di bawah tanggungjawab perunding sepenuhnya.
8.4.1.7	Semakan lanjut mendapati EOT telah dikeluarkan 2 kali kepada kontraktor Masjid Dan Pusat Islam serta FPTP dan 3 kali untuk Kolam Renang dan Blok Pentadbiran. Pembinaan bagi Masjid Dan Pusat Islam lewat disiapkan sebanyak 231 hari selepas tamat tempoh EOT kedua pada 1 Mac 2011 dan kontraktor telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM1.11 juta. Pembinaan FPTP lewat disiapkan 8 hari selepas tamat tempoh EOT kedua pada 10 Julai 2011 dan kontraktor telah dikenakan LAD sejumlah RM37,385. Pembinaan Kolam Renang pula masih belum siap dibina sehingga tarikh tamat EOT kedua pada 31 Disember 2011 dan Blok Pentadbiran telah lewat diserahkan sebanyak 47 hari. Pembinaan Kolam Renang dan Blok Pentadbiran juga telah dikenakan LAD berjumlah RM1 juta bagi kelewatan sebanyak 376 hari sehingga bulan Januari 2013. Pada pendapat Audit, prestasi projek pembinaan UTHM adalah kurang memuaskan kerana tiada perancangan yang teliti menyebabkan percanggahan lukisan seni bina dan struktur serta projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 29 Mac 2013. *UTHM akan memastikan kontraktor dan perunding menyediakan kakitangan teknikal yang kompeten selain menyemak lukisan seni bina dan struktur sebelum memulakan kerja di tapak bina bagi mengelakkan sebarang percanggahan lukisan struktur dan arkitek. UTHM juga telah melibatkan pelanggan daripada peringkat perancangan lagi dan akan mendapatkan persetujuan dan pengesahan daripada pemohon semasa peringkat Service Oriented Architecture (SOA) serta akan memastikan Sub Kontraktor Dinamakan dan kontraktor pakar dilantik lebih awal.*	Ulasan seperti 8.4.1.2
8.4.2.1.a	**Pengurusan Pembinaan - Pelantikan Kontraktor - Tiada Penilaian Terperinci Bagi Pemilihan Kontraktor Masjid Dan Pusat Islam** UTHM telah membuat pemilihan kontraktor secara tender terbuka dan penilaian awal petender dinilai dari segi kesempurnaan tender dan kecukupan dokumen. Penilaian terperinci dibuat kepada petender yang melepasi peringkat penilaian awal	Pemilihan kontraktor adalah dibuat dalam mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' berdasarkan kepada syor yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Harga. Sesi

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berdasarkan harga, analisis keupayaan sumber kewangan dan analisis keupayaan kakitangan teknikal syarikat. Selain itu, mempunyai pengalaman dalam kerja yang serupa dan pemilihan petender ini akan diputuskan oleh Lembaga Perolehan A. Pihak Audit mendapati penilaian terhadap kontraktor Masjid Dan Pusat Islam hanya dibuat melalui prosedur temu bual. Semakan lanjut mendapati beberapa kelemahan adalah seperti berikut:- Tawaran tender pembinaan Masjid Dan Pusat Islam telah dibuat pada 1 Julai 2008 hingga 14 Julai 2008 dan ditutup pada 21 Julai 2008. Semakan Audit mendapati MBN Consortium Sdn. Berhad telah tersenarai dan dipilih dalam penilaian peringkat awal yang menawarkan harga yang munasabah. Bagaimanapun, kontraktor ini gagal melepasi analisis peringkat awal kerana pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah tamat tempoh pada 6 Disember 2007. Semakan lanjut mendapati kontraktor ini telah memperbaharui pendaftaran dengan CIDB di mana tempoh sah laku dari 7 Disember 2007 hingga 6 Disember 2010. Penilaian dan pemilihan kontraktor telah dibuat tanpa analisis keupayaan kewangan petender, pengalaman dan keupayaan teknikal. Kontraktor ini juga tidak tersenarai dalam jadual keputusan penilaian terperinci tender. Bagaimanapun, kontraktor ini dicadangkan kerana mempunyai peralatan pembinaan sendiri, pekerja yang mencukupi, pengalaman pembinaan dan menawarkan harga yang berpatutan.	temubual yang diadakan hanyalah merupakan satu mekanisma tambahan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai keupayaan petender dalam melaksanakan kerja. Penilaian tender yang dibuat oleh Perunding tidak menyenaraikan MBN Consortium Sdn Bhd sebagai petender yang boleh dinilai kerana gagal peringkat pertama berdasarkan pendaftaran CIDB yang telah tamat tempoh. Namun demikian, semasa semakan UTHM mendapati pendaftaran CIDB telah diperbaharuhi dan sepatutnya layak dinilai. Oleh sebab itu petender ini disenaraikan untuk dipertimbangkan.
8.4.2.1.b	**Prestasi Kontraktor Masjid Dan Pusat Islam** Berdasarkan Laporan Projek Sakit yang disediakan oleh UTHM pada 12 Ogos 2010 mendapati kelewatan penyiapan projek adalah kerana faktor berikut: i. Kelemahan pengurusan tapak. ii. Kekurangan pekerja dan pekerja kurang mahir. iii. Kontraktor gagal melaksanakan arahan walaupun persetujuan dan kelulusan telah diberikan kerana tiada pegawai teknikal yang berpengalaman dapat memberikan arahan dan mengawal kerja di tapak bina. Semakan lanjut mendapati UTHM telah memberi kelulusan tambahan kos perkhidmatan penyeliaan tapak kepada perunding sejumlah RM96,875 bagi tempoh 12 bulan. Selain itu, UTHM telah melantik sub kontraktor lain bagi menyiapkan skop kerja pembinaan yang tidak dapat disiapkan oleh kontraktor utama berjumlah RM0.20 juta. Pada pendapat Audit pemilihan kontraktor yang tidak dibuat secara teliti mengakibatkan pemilihan kontraktor boleh dipertikaikan.	UTHM mengambil maklum dengan teguran yang dikemukakan oleh pihak audit berhubung kelewatan projek. Pada mulanya UTHM telah membuat penyeliaan tapak secara dalaman walau bagaimanapun disebabkan jumlah projek yang banyak dan kekangan staf teknikal, UTHM telah menyerahkan skop perkhidmatan penyeliaan tapak bina di bawah tanggungjawab perunding sepenuhnya. Perlantikan sub kontraktor lain bagi menyiapkan skop kerja pembinaan adalah sejajar dengan Syarat-Syarat Kontrak (klausa 5 dan 48) setelah kontraktor utama diberi amaran dan notis yang mencukupi. Perlantikan sub kontraktor tersebut telah dibuat melalui proses perolehan biasa mengikut nilai perolehan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 29 Mac 2013. *UTHM akan memastikan semua prosedur pemilihan kontraktor dipatuhi selain menambah baik proses penilaian kontraktor selaras dengan peraturan Kerajaan.*	
8.4.2.2.a	**Kelewatan Permohonan Dan Kelulusan EOT** Berdasarkan kepada klausa 43 dalam Perjanjian, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada Pegawai Penguasa bagi memohon EOT sekiranya terdapat kelewatan dalam kemajuan kerja. Pegawai Penguasa pula hendaklah meluluskan permohonan tersebut sebelum tarikh siap atau tarikh EOT yang ditetapkan tamat. Semakan Audit mendapati kontraktor lewat mengemukakan permohonan EOT antara 18 hingga 75 hari bagi projek pembinaan Masjid Dan Pusat Islam serta Kolam Renang dan Blok Pentadbiran.	Penambahbaikan yang telah dibuat oleh UTHM adalah:- i. Kontraktor hendaklah membuat permohonan lanjutan masa dengan dokumen lengkap tiga (3) bulan lebih awal sebelum tempoh masa sebenar tamat selaras dengan syarat-syarat kontrak ii. Perunding dan pegawai tapak hendaklah memastikan semua dokumen sokongan permohonan lanjutan masa dilampirkan bagi memudahkan Jawatankuasa Lanjutan Masa membuat keputusan.
8.4.2.2.b	Semakan lanjut mendapati UTHM telah lewat memberi kelulusan lanjutan masa antara 37 hingga 414 hari daripada tarikh tamat EOT sebelumnya.	Permohonan yang dikemukakan oleh pihak kontraktor lewat dan tidak lengkap menyebabkan permohonan tidak dapat dibawa kepada Jawatankuasa Lanjutan Masa untuk kelulusan.
8.4.2.2.c	EOT ketiga yang dipohon oleh kontraktor terhadap Kolam Renang dan Blok Pentadbiran hanya diluluskan oleh UTHM pada 19 Mac 2013 walaupun EOT kedua telah tamat pada 31 Disember 2011. EOT yang dikemukakan oleh kontraktor adalah kerana kelewatan penerimaan pembayaran interim dan kelewatan kelulusan *pool deck.* Pihak perunding melalui surat bertarikh 4 April 2012 menyatakan alasan kelewatan menerima bayaran interim tidak boleh dipertimbangkan kerana tidak terdapat dalam syarat kontrak. Selain itu, alasan kelewatan kelulusan *pool deck* ditolak kerana ia adalah di bawah skop kerja asal kontraktor utama dan telah mendapat kelulusan di bawah EOT pertama. Pada pendapat Audit, sebarang alasan kelewatan pembinaan oleh kontraktor yang tidak munasabah tidak boleh diberi kelulusan EOT dan ganti rugi (LAD) perlu dikenakan. Kontraktor yang terlibat juga gagal mematuhi syarat kontrak yang menetapkan permohonan EOT perlu dibuat dengan segera. Kelewatan ini menunjukkan kontraktor tidak peka terhadap syarat kontrak yang ditandatangani. Selain itu, UTHM perlu memastikan Perakuan EOT dikeluarkan sebelum tempoh	Permohonan yang dikemukakan oleh pihak kontraktor lewat dan tidak lengkap menyebabkan permohonan tidak dapat dibawa kepada Jawatankuasa Lanjutan Masa untuk kelulusan. Kontraktor mengemukakan permohonan EOT pada 7 September 2012 namun permohonannya tidak lengkap untuk dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa Lanjutan Masa. UTHM menerima syor daripada perunding ke atas permohonan tersebut pada 5 Mac 2013 dan dibawa ke mesyuarat pada 19 Mac 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	EOT yang sebelumnya tamat supaya pelaksanaan projek dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 29 Mac 2013. *UTHM memaklumkan telah mengambil tindakan di mana kontraktor perlu membuat permohonan EOT dengan dokumen lengkap dalam tempoh 3 bulan sebelum tempoh masa sebenar tamat selaras dengan syarat-syarat kontrak. Selain itu, perunding dan pegawai tapak perlu memastikan semua dokumen sokongan permohonan EOT dilampirkan bagi memudahkan Jawatankuasa Lanjutan Masa membuat keputusan.*	
8.4.2.3	**Kelewatan Mengemukakan Insurans** Sebelum memulakan kerja, kontraktor perlu mengemukakan Polisi Insurans Tanggungan Awam dan Polisi Insurans Kerja yang berkuat kuasa dalam tempoh kontrak. Sekiranya kontraktor diberi EOT, insurans perlu diperbaharui dan meliputi tempoh kontrak yang baru. Ke semua kontraktor telah mempunyai Polisi Insurans Tanggungan Awam dan Polisi Insurans Kerja yang berkuat kuasa dalam tempoh kontrak. Semakan Audit mendapati kontraktor Kolam Renang dan Blok Pentadbiran hanya mengemukakan insurans bagi EOT pertama kepada UTHM selepas 82 hari dari tarikh Sijil Perakuan EOT. Pada pendapat Audit, kelewatan kontraktor memperbaharui dan mengemukakan insurans kepada UTHM sebelum tempoh EOT bermula telah menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dilindungi sepanjang tempoh EOT tersebut. Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 29 Mac 2013. *UTHM akan memastikan Kontraktor telah memperbaharui dan mengemukakan insurans sebelum tempoh asal insurans tamat.*	UTHM telah memberi peringatan kepada kontraktor dalam mesyuarat tapak untuk memperbaharui tempoh insuran kerja meliputi tempoh siap kerja baru yang telah diluluskan.
8.4.2.4.b	**Perubahan Kerja Dilaksanakan Sebelum Kelulusan** Semakan Audit mendapati APK telah diluluskan oleh Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja secara edaran yang terdiri daripada Pengerusi dan 2 Ahli Jawatankuasa. Semakan lanjut mendapati sebanyak 3 APK diluluskan selepas tamat tempoh kontrak, 3 APK tidak dapat disahkan kerana tiada maklumat perakuan bayaran interim yang menyokong perubahan kerja tersebut dan 6 APK tidak dinyatakan tarikh kelulusan Jawatankuasa. Selain itu, kelulusan 16 APK masih belum diperoleh daripada Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja.	UTHM mengambil maklum terhadap teguran audit di mana Mesyuarat Jawatankuasa Perubahan Kerja dilaksanakan secara berkala.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.4.2.4.c	Semakan lanjut mendapati kos ketiga-tiga projek pembinaan telah meningkat sejumlah RM6.96 juta atau 8.9% daripada RM78.49 juta kepada RM85.45juta. Jumlah sebenar kos projek bagi Masjid Dan Pusat Islam setelah dibuat APK dan pelarasan harga kontrak adalah berjumlah RM29.41 juta iaitu peningkatan sejumlah RM3.46 juta atau 13.3% daripada kos asal projek yang berjumlah RM25.95 juta. Kos pembinaan FPTP adalah berjumlah RM33.74 juta meningkat sejumlah RM3.0 juta atau 9.8% daripada kos asal projek yang berjumlah RM30.74 juta. Kos pembinaan Kolam Renang dan Blok Pentadbiran pula adalah berjumlah RM22.31 juta meningkat sejumlah RM0.50 juta atau 2.3% daripada kos asal projek yang berjumlah RM21.81 juta. Pada pendapat Audit, perancangan pembinaan UTHM adalah kurang memuaskan kerana berlaku banyak perubahan kerja dilaksanakan oleh kontraktor dan menyebabkan peningkatan kos. Selain itu perubahan kerja dibuat sebelum Arahan Perubahan Kerja yang diluluskan boleh menyebabkan penilaian pelarasan harga kontrak kurang tepat. Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 29 Mac 2013. *UTHM akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perubahan Kerja secara berkala bagi menilai permohonan kelulusan APK. UTHM juga akan memastikan semua keputusan perubahan kerja dibuat melalui mesyuarat jawatankuasa dan direkodkan dengan betul sebelum diedarkan.*	Ulasan seperti 8.4.1.1
8.4.3.1	**Kualiti Pembinaan - Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan** Sehingga tarikh pengauditan, projek yang telah siap iaitu Masjid Dan Pusat Islam serta FPTP telah mendapat CPC pada 2 Mei 2012 dan 17 Oktober 2011. Lawatan Audit pada 16 hingga 18 Oktober 2012 di tapak pembinaan mendapati kualiti pembinaan bagi Masjid Dan Pusat Islam, FPTP serta Kolam Renang dan Blok Pentadbiran masih kurang memuaskan dan perlu diambil tindakan segera.	UTHM mengambil maklum dengan teguran yang dikemukakan oleh pihak audit. UTHM telah mengambil tindakan dengan membaiki semua kerosakan dan kecacatan seperti di laporan audit. UTHM juga telah melantik pihak ketiga untuk membaiki kecacatan dan kerosakan yang gagal dibaiki oleh kontraktor utama dan semua tuntutan bayaran yang berkaitan akan ditolak daripada Wang Jaminan Perlaksanaan kontraktor utama. Kerja-kerja pembaikan dijangka selesai pada Oktober 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.4.3.1.a.i	**Masjid Dan Pusat Islam** Lawatan Audit ke Masjid Dan Pusat Islam pada 16 Oktober 2012 mendapati kualiti pembinaan kurang memuaskan.	Ulasan seperti 8.4.3.1
8.4.3.1.a.ii	Terdapat sisa bahan binaan yang masih belum dibawa keluar daripada Masjid Dan Pusat Islam walaupun ia telah siap dibina dan diserahkan pada 20 Oktober 2011.	Ulasan seperti 8.4.3.1
8.4.3.1.b	**Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan** Lawatan Audit ke FPTP pada 17 Oktober 2012 mendapati kualiti pembinaan kurang memuaskan dan tindakan pembetulan masih belum diambil.	Ulasan seperti 8.4.3.1
8.4.3.1.c	**Kolam Renang Dan Blok Pentadbiran** Lawatan Audit ke blok Kolam Renang dan Blok Pentadbiran pada 18 Oktober 2012 mendapati kualiti pembinaan kurang memuaskan. Selepas teguran Audit tindakan pembetulan telah diambil. Pada pendapat Audit, pemeriksaan menyeluruh tidak dibuat oleh UTHM dan ini menyebabkan semua kecacatan belum dibaiki dengan segera bagi memastikan ia dapat digunakan selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.	Ulasan seperti 8.4.3.1
8.4.3.2	**Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi** Kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak dan perubahan kerja yang diluluskan dari semasa ke semasa. Lawatan Audit pada 16 hingga 18 Oktober 2012 mendapati kerja pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.	Ulasan seperti 8.4.3.1
8.4.3.3	**Reka Bentuk Dan Spesifikasi Yang Tidak Memenuhi Keperluan Pengguna** Setiap reka bentuk bagi struktur pembinaan hendaklah mengikut spesifikasi yang sesuai, praktikal dan memenuhi keperluan pengguna. Lawatan Audit pada 16 hingga 18 Oktober 2012 mendapati kerja pembinaan yang tidak praktikal, tidak sesuai dan tidak memenuhi keperluan pengguna.	Ulasan seperti 8.4.3.1
8.4.3.4	**Tahap Keselamatan** Lawatan Audit pada 16 hingga 18 Oktober 2012 di tapak pembinaan mendapati tahap keselamatan kurang diberi perhatian di mana kerja mekanikal dan elektrikal yang dijalankan adalah kurang memuaskan oleh pihak yang dilantik. Antara	Ulasan seperti 8.4.3.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	penemuan adalah *trunking* elektrik tidak ditutup sepenuhnya, bilik suis tidak dilengkapi dengan alat pengesan kebakaran, bilik suis dijadikan stor barang dan penyambungan pada *earth electrode* tidak menggunakan kaedah *exothermic welding*.	
8.4.3.5	**Kontraktor Belum Membaiki Kecacatan** Semakan Audit terhadap Laporan Kecacatan dan Kerosakan mendapati semua kecacatan telah dilaporkan bagi Projek Pembinaan Masjid Dan Pusat Islam, FPTP serta Blok Pentadbiran. Semakan lanjut mendapati sehingga akhir tempoh tanggungan kecacatan (DLP), sebanyak 107 daripada 210 kecacatan yang dilaporkan belum diambil tindakan. Pihak Audit mendapati sejumlah RM1.30 juta wang jaminan pelaksanaan bagi Pembinaan Masjid Dan Pusat Islam masih dipegang untuk menanggung kos pembaikan kecacatan. Bagaimanapun, nilai keseluruhan kecacatan tidak dapat disahkan kerana anggaran kos pembaikan kecacatan tidak dibuat oleh UTHM. Pada pendapat Audit, kerja pembinaan yang tidak menepati spesifikasi dan kualiti yang sempurna serta kegagalan kontraktor membaiki kecacatan dengan segera telah menjejaskan keselesaan dan keselamatan pengguna. Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 29 Mac 2013. *UTHM akan memastikan kontraktor dan perunding menyediakan kakitangan teknikal yang kompeten bagi menentukan kualiti kerja, prosedur dan peraturan kerja di tapak dipatuhi. UTHM juga memaklumkan sebahagian besar kerosakan dan kerja tidak mengikut spesifikasi adalah termasuk dalam senarai kecacatan kontraktor. UTHM akan melantik pihak ketiga jika kontraktor sedia ada gagal membaiki kerosakan dan kecacatan yang dilaporkan.*	Ulasan seperti 8.4.3.1

LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA (MYSIHAT)

Perenggan 9 : Pengurusan Geran Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.4.1.6	**Prestasi Pengurusan Geran Kepada NGO** Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan yang menetapkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan membuat penilaian *outcome* dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Penilaian tersebut adalah penting untuk mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasar. Semakan Audit mendapati MySihat belum menjalankan kajian impak terhadap setiap kategori geran yang diberi walaupun geran telah dibayar kepada NGO melebihi 95% bagi tahun 2010 dan 2011. Pada pendapat Audit, MySihat telah menyalurkan geran kepada NGO untuk melaksanakan aktiviti mengikut perancangan. Bagaimanapun, MySihat tidak dapat menilai *outcome* terhadap geran yang telah diberi kepada NGO berkenaan kerana kajian impak secara keseluruhan terhadap setiap kategori geran belum dijalankan. Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 17 Jun 2013. *MySihat memaklumkan masih belum melaksanakan kajian impak terhadap setiap kategori geran. Bagaimanapun, MySihat telah melaksanakan beberapa kajian seperti kajian formatif, kajian penilaian ekonomi, kajian impak terhadap Program Melaka Bebas Asap Rokok dan penilaian atas talian iaitu MySihat Online Evaluation System. MySihat juga akan mengkaji semula proses kerja pengurusan geran. Kertas cadangan penambahbaikan akan dikemukakan kepada Mesyuarat Ahli Lembaga pada bulan Ogos 2013.*	MySihat belum menjalankan kajian impak terhadap setiap kategori geran kerana lebih menumpukan kepada pelaksanaan sesuatu projek yang telah ditetapkan oleh KKM contohnya seperti Kawalan dan Pencegahan Penggunaan Tembakau, Penyakit Tidak berjangkit (*Non Communicable Diseases - NCD*) dan Pencegahan Obesiti (kegemukan). Namun begitu, MySihat telah menjalankan beberapa kajian berdasarkan projek-projek yang telah dilaksanakan seperti berikut:- • Analisis Penilaian Formatif; • Kajian Penilaian Ekonomi Program Promosi Kesihatan; • Kajian impak ke atas Program Melaka Bebas Asap Rokok; dan • Penilaian dalam talian iaitu *MySihat Online Evaluation System* – MOVeS. Sebagai tindakan penambahbaikan, MySihat akan mengemukakan Kertas Cadangan Penambahbaikan bagi kajian impak terhadap setiap kategori geran dalam Mesyuarat Ahli Lembaga pada program *retreat* Ahli Lembaga yang dijangkakan pada bulan September 2013 ini. Selain itu, Kertas Cadangan penambahbaikan proses kerja pengurusan geran juga akan dikemukakan kepada Mesyuarat Ahli Lembaga di dalam mesyuarat sama yang antaranya meliputi:- • Memperhalusi proses kerja pengurusan geran; • Memastikan semua permohonan geran yang akan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		diluluskan menepati hasrat MySihat, mempunyai objektif yang boleh dinilai dan melaksanakan program/ aktiviti ke arah pencapaian objektif yang ditetapkan; dan • Memperkemaskan sistem penilaian.
9.4.2.1.a	**Pelaksanaan Aktiviti Tidak Mengikut Perancangan - Kelab Sukan Dan Rekreasi Kumpulan NSTP (M) Berhad** MySihat telah membayar sejumlah RM500,000 atau 50% geran yang diluluskan kepada NGO tersebut bagi peringkat pertama dan kedua pada 17 Oktober 2011. Peruntukan sejumlah RM400,000 atau 40% pula dibayar pada 16 Julai 2012 untuk melaksanakan Program 10,000 Langkah Sehari di 14 lokasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, program tersebut dilaksanakan di 3 lokasi sahaja. Lokasi yang terlibat adalah di Putrajaya pada 23 Julai 2011 dengan penyertaan seramai 3,500 orang, di Bentong, Pahang pada 15 Oktober 2011 dengan penyertaan seramai 5,000 orang dan di Papar, Sabah pada 11 Disember 2011 dengan penyertaan seramai 7,000 orang.	MySihat telah memantau pelaksanaan projek ini dan mendapati beberapa kelemahan dari segi perancangan projek. Oleh itu, MySihat telahpun memberi teguran kepada Kelab Sukan Dan Rekreasi Kumpulan NSTP (M) Berhad supaya memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Surat Tawaran Geran Ex-Gratia. Sehingga kini, pihak kelab telah melaksanakan baki program di 11 lokasi seperti yang telah disyaratkan dan laporan akhir juga telah dikemukakan oleh mereka. Laporan Akhir Projek telah diterima dan Mesyuarat Pemantauan Dan Penilaian Projek Geran Terbuka Bilangan 7 Tahun 2013 bertarikh 17 Jun 2013 telah bersetuju bahawa bayaran akhir sebanyak 10% (RM100,000) tidak diluluskan dan kelab tersebut akan disenarai hitam daripada permohonan akan datang dan Mysihat turut bercadang untuk melaporkan kelab tersebut ke Pihak Berkuasa tertentu mengikut Akta NGO berkenaan ditubuhkan.
9.4.2.1.c	Analisis Audit terhadap perbelanjaan berjumlah RM822,019 bagi 3 lokasi mendapati 84.7% daripada perbelanjaan tersebut adalah untuk peralatan, cenderahati dan persembahan artis serta juruacara. Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 3 Jun 2013. *MySihat memaklumkan pelaksanaan projek ini telah dipantau dan mendapati beberapa kelemahan dari segi perancangan projek. Bagaimanapun, MySihat telah memberi teguran supaya NGO memenuhi syarat yang telah ditetapkan dalam Surat Tawaran Geran Ex-Gratia. Sehingga kini, NGO telah melaksanakan program pada skala kecil di 11 lokasi yang telah ditetapkan dan Laporan Akhir Projek masih dalam semakan Bahagian Perancangan dan Penilaian MySihat.*	
9.4.2.2.b	**Majlis Belia Daerah Kecil Lenggong, Perak** Karnival Sukan Parlimen Lenggong 2012 telah dilaksanakan pada 29 Mac sehingga 1 April 2012 dan Program Sukaneka Kampung Tawai, Lenggong pada 23 April 2012. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada baki 11 siri program sukan dan kesihatan telah dilaksanakan kerana sehingga 31 Disember 2012 Laporan Akhir Projek masih belum dikemukakan. MySihat juga tidak mengeluarkan surat peringatan kepada NGO tersebut. Ini menyebabkan objektif program untuk memberi pendedahan mengenai kebaikan aktiviti sukan dan pendidikan kesihatan kepada masyarakat luar bandar tidak tercapai.	Surat memohon penjelasan berhubung penemuan audit telah dihantar pada 6 Jun 2013. Surat peringatan kedua telah dihantar pada 11 Jun 2013. Manakala itu, surat peringatan ketiga telah dihantar pada 23 Julai 2013. Sekiranya laporan masih tidak diterima dalam tempoh 2 minggu tindakan senarai hitam akan diambil ke atas Majlis Belia Daerah Kecil Lenggong, Perak dan baki bayaran geran sebanyak RM20,000 (10%) tidak akan dibayar.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 17 Jun 2013. *MySihat memaklumkan NGO masih belum mengemukakan Laporan Akhir Projek. Bagaimanapun, MySihat telah menghantar surat peringatan pertama pada 18 April 2013 dan surat peringatan kedua pada 11 Jun 2013.*	
9.4.2.3.b	**Persatuan Kebudayaan Dan Kesenian Kubang Jela Daerah Kuala Terengganu** Program Sukaneka Rakyat telah dilaksanakan pada 25 Disember 2011 dengan perbelanjaan sejumlah RM8,314. Bagaimanapun, Program Mari Belajar Kompang yang perlu dijalankan sebanyak 24 kali tidak dilaksanakan. MySihat telah menerima surat penangguhan dan pindaan Program Mari Belajar Kompang kepada sukan boling pada 26 Jun 2012 tetapi MySihat menyarankan NGO meneruskan Program Mari Belajar Kompang. Sehubungan itu, NGO telah melaksanakan Majlis Penutup Latihan Kompang pada 14 Julai 2012 dengan perbelanjaan sejumlah RM6,600 bagi memenuhi kehendak MySihat. Semakan lanjut terhadap Laporan Akhir Projek mendapati perbelanjaan tersebut terdiri daripada pembelian hamper dan cenderahati, sewa dewan serta membayar jurulatih aerobik. Program Mari Belajar Kompang gagal dilaksanakan kerana NGO tersebut tidak mempunyai pengalaman dan kurang bimbingan daripada MySihat. Pada pendapat Audit, pelaksanaan Program 10,000 Langkah Sehari dan Program Mari Belajar Kompang tidak mengikut perancangan menyebabkan objektif program tidak tercapai dan masyarakat setempat tidak mendapat manfaat daripada program tersebut. Selain itu, kegagalan Majlis Belia Daerah Kecil Lenggong menghantar Laporan Akhir Projek dalam tempoh yang ditetapkan menyebabkan MySihat tidak dapat mengesahkan semua program telah dilaksanakan seperti yang dirancang. Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 3 Jun 2013. *MySihat memaklumkan akan menambah baik syarat di dalam Surat Tawaran Geran Ex-Gratia bagi membolehkan kes seperti ini ditadbir dengan baik pada masa hadapan.*	Surat memohon penjelasan berhubung penemuan audit telah dihantar pada 12 Jun 2013. Persatuan Kebudayaan Dan Kesenian Kubang Jela Daerah Kuala Terengganu telah mengemukakan surat penjelasan pada 25 Jun 2013 menyatakan Program Mari Belajar Kompang tidak mencapai sasaran disebabkan pada waktu itu adalah merupakan cuti sekolah dan kebanyakan penduduk kampung mempunyai urusan lain. MySihat telah memaklumkan penjelasan dari pihak persatuan di dalam Mesyuarat Pemantauan Dan Penilaian Projek Geran Terbuka Bil.09/2013 pada 22 Julai 2013 lepas. Sebagai tindakan penambahbaikan, MySihat bercadang untuk menambah baik syarat di dalam Surat Tawaran Geran Ex-Gratia antaranya dengan menambah Klausa Penalti bagi mendenda persatuan yang gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan menambah Klausa Obligasi Am Pertubuhan berhubung perkara kewangan iaitu geran digunakan perlu mengikut peruntukan perbelanjaan yang telah dipersetujui.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.4.3.1.b	**Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan Yang Lengkap - Pertubuhan Pengusaha *Homestay* Semporna, Sabah** Semakan Audit terhadap Laporan Akhir Program Kursus Promoter dan Gotong-Royong Perdana mendapati baucar dan dokumen sokongan tidak dikemukakan bagi bayaran kepada penceramah dari Pejabat Kesihatan berjumlah RM2,875, pembelian *banner* berjumlah RM450 dan bayaran publisiti berjumlah RM500. Pembayaran kepada pembekal makanan berjumlah RM25,700 bagi Program Pelancaran Perasmian Projek Kebersihan dan Keceriaan Pulau Bum-Bum, Gotong-royong Perdana dan Ramadhan Tanpa Asap Rokok juga tidak disokong dengan dokumen lengkap. Semakan lanjut juga mendapati nama pembekal makanan tersebut tidak wujud. Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 3 Jun 2013. *MySihat memaklumkan NGO telah diluluskan dengan geran berjumlah RM100,000 dan bayaran berperingkat telah dilaksanakan mengikut Surat Tawaran Geran Ex-Gratia. Bagaimanapun, pembayaran NGO kepada vendor tidak disedari oleh MySihat. Sehubungan itu, MySihat akan mengkaji semula proses bayaran geran di samping memantau perbelanjaan projek oleh NGO supaya mematuhi peraturan Kerajaan dalam membelanjakan geran MySihat.*	Mysihat telah mengenalpasti masalah yang dihadapi dan mengambil maklum perkara ini. Surat memohon penjelasan berhubung penemuan audit telah dihantar pada 12 Jun 2013 dan sehingga kini tiada maklumbalas diterima. Pertubuhan Pengusaha *Homestay* Semporna, Sabah telah disenarai hitam daripada permohonan akan datang. Sebagai tindakan penambahbaikan, MySihat akan mengkaji semula proses bayaran geran di samping memantau perbelanjaan projek oleh setiap NGO supaya mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dalam membelanjakan geran MySihat.
9.4.3.2	**Persatuan Masyarakat Sihat Malaysia** Persatuan Masyarakat Sihat Malaysia telah melaksanakan Program Remaja Sihat di Batu Caves, Selangor dengan peruntukan geran berjumlah RM30,000. Program ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Projek Promosi Kesihatan MySihat pada 17 November 2011. Program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kesihatan melalui senaman yoga dan makanan sihat yang telah dilaksanakan dari 14 Januari hingga 1 April 2012. Semakan Audit terhadap Laporan Akhir Projek yang diterima pada 30 November 2012 mendapati sejumlah RM4,000 daripada RM30,000 telah dibayar tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Pembayaran sejumlah RM4,000 tersebut terdiri daripada bil telefon bimbit sejumlah RM1,210 serta perbelanjaan tol dan petrol berjumlah RM2,790.	Mysihat telah mengenalpasti masalah yang dihadapi dan mengambil maklum perkara ini. Surat memohon penjelasan berhubung penemuan audit telah dihantar pada 13 Jun 2013 dan sehingga kini tiada maklumbalas diterima. Persatuan Masyarakat Sihat Malaysia telah disenarai hitam daripada permohonan akan datang dan Mysihat turut bercadang untuk melaporkan kelab tersebut ke Pihak Berkuasa tertentu mengikut Akta NGO berkenaan ditubuhkan.
9.4.3.3	**Persatuan Kebudayaan Dan Sosial Kuala Lumpur Dan Selangor** Pada 17 November 2011, Jawatankuasa Projek Promosi Kesihatan telah meluluskan geran sejumlah RM30,000 kepada Persatuan Kebudayaan Dan Sosial Kuala Lumpur Dan Selangor bagi menjalankan Program *Healthy Lifestyle*. Semakan Audit terhadap Laporan Akhir Projek yang diterima pada 14 Januari 2013 mendapati sejumlah	Mysihat telah mengenalpasti masalah yang dihadapi dan mengambil maklum perkara ini. Surat memohon penjelasan berhubung penemuan audit telah dihantar pada 13 Jun 2013 dan sehingga kini tiada maklumbalas diterima. Persatuan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	RM5,780 daripada RM30,000 telah dibayar tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Pembayaran sejumlah RM5,780 tersebut terdiri daripada bil telefon bimbit sejumlah RM1,690, perjalanan dan pengangkutan sejumlah RM2,990 dan cenderamata berjumlah RM1,100. MySihat membuat pembayaran kepada NGO tanpa menguatkuasakan syarat di dalam Surat Tawaran Geran *Ex-Gratia* yang menekankan supaya setiap pembayaran disokong dengan dokumen yang lengkap. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada perbelanjaan yang dibuat adalah sahih. Pada pendapat Audit, MySihat sepatutnya meneliti setiap perbelanjaan sebelum pembayaran akhir dibuat bagi memastikan pembayaran dibuat secara teratur dan mengelakkan penyelewengan. Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 3 Jun 2013. *MySihat memaklumkan telah meminta penjelasan daripada NGO mengenai keraguan dalam laporan yang dikemukakan. Bagaimanapun, Mesyuarat Pemantauan Dan Penilaian Projek Geran Terbuka Bilangan 1 Tahun 2013 bertarikh 4 Mac 2013 telah meluluskan pembayaran akhir sebanyak 30% kepada NGO ini. MySihat akan meneliti dengan lebih terperinci jika ada permohonan geran daripada NGO ini pada masa hadapan. MySihat mengambil maklum dan akan mengkaji semula proses bayaran geran di samping memantau perbelanjaan projek oleh NGO supaya mematuhi peraturan Kerajaan dalam membelanjakan geran MySihat.*	Kebudayaan Dan Sosial Kuala Lumpur Dan Selangor telah disenarai hitam daripada permohonan akan datang. Sebagai tindakan penambahbaikan, MySihat akan mengkaji semula proses bayaran geran di samping memantau perbelanjaan projek oleh setiap NGO supaya mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dalam membelanjakan geran MySihat.
9.4.4.1	**Bilangan Peserta Program Tidak Mencapai Sasaran** Mengikut surat tawaran pemberian geran, setiap NGO perlu mematuhi syarat mengenai sasaran bilangan peserta yang terlibat bagi sesuatu program. Semakan Audit terhadap Laporan Akhir Program, laporan penilaian program serta lawatan Audit di lokasi NGO semasa program dijalankan mendapati bilangan peserta tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pada pendapat Audit, NGO yang berkenaan gagal mengenal pasti program yang bersesuaian dengan kumpulan sasar dan menyebabkan geran yang diterima tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta tidak mencapai objektif yang ditetapkan. Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 17 Jun 2013. *MySihat akan mengkaji semula syarat kelulusan geran yang ditetapkan kepada NGO terutama dalam menetapkan bilangan sasaran peserta, kesesuaian aktiviti mengikut*	MySihat akan mengkaji semula syarat-syarat kelulusan geran yang ditetapkan kepada NGO terutama dalam menetapkan bilangan sasaran peserta, kesesuaian aktiviti mengikut lokasi projek dan mempergiatkan publisiti projek bagi menarik minat lebih ramai peserta. Kertas cadangan penambahbaikan proses kerja pengurusan geran akan dikemukakan kepada Mesyuarat Ahli Lembaga pada program *retreat* Ahli Lembaga pada bulan September 2013 ini.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	lokasi projek dan mempergiatkan publisiti projek bagi menarik minat lebih ramai peserta. Penjelasan daripada NGO berkaitan telah dimohon pada 12 Jun 2013.	
9.4.5.2	**Program Dilaksanakan Sebelum Surat Tawaran Geran *Ex-Gratia* Dikemukakan** MySihat telah meluluskan geran sejumlah RM6,000 untuk menjalankan Program Larian Grisek dan *Explorace* Grisek 2011 pada 30 Disember 2010 kepada Persatuan Belia Grisek Muar, Johor. Surat Tawaran Geran *Ex-Gratia* telah dikeluarkan pada 14 Disember 2011. Semakan Audit mendapati program tersebut dilaksanakan pada bulan Disember 2011 dan Januari 2012. Bagaimanapun, Surat Tawaran Geran *Ex-Gratia* telah lewat ditandatangani iaitu pada bulan April 2012 selepas program telah tamat. Semakan lanjut mendapati MySihat telah membuat bayaran sejumlah RM5,400 pada 21 Jun 2012 walaupun program yang dilaksanakan iaitu pertandingan memancing, ping pong, Jalan 10,000 Langkah dan J-Robik adalah berbeza dengan perancangan asal. Surat ketidakakuran telah dihantar kepada NGO pada 3 Ogos 2012 kerana NGO gagal mengemukakan Laporan Akhir Projek dan NGO tersebut telah disenaraihitamkan. Pihak Audit mendapati MySihat tidak memantau program ini secara berterusan menyebabkan program tidak dilaksanakan seperti yang dirancang. Pada pendapat Audit, MySihat tidak sepatutnya membuat bayaran kepada NGO berkenaan kerana tawaran tersebut terbatal disebabkan Surat Tawaran Geran *Ex-Gratia* lewat dikemukakan kepada MySihat. Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 3 Jun 2013. *MySihat memaklumkan akan memperketat syarat di dalam Surat Tawaran Geran Ex-Gratia dengan menguatkuasakan tempoh sah tawaran geran selepas mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah.*	Mysihat telah menyemak perkara ini dan mendapati kes ini berlaku disebabkan Persatuan Belia Grisek Muar memang merancang mengadakan program pada 25 Disember 2011 iaitu setahun selepas tarikh kelulusan geran dan pada ketika itu MySihat hanya mengeluarkan Surat Tawaran Geran Ex-Gratia selepas NGO menyatakan persetujuan untuk menerima tawaran tersebut. Sebagai tindakan penambahbaikan, Mysihat akan memperketatkan lagi syarat-syarat di dalam Surat Tawaran Geran Ex-Gratia dengan menguatkuasakan tempoh sah tawaran geran selepas mendapat kelulusan Ahli Lembaga. Kertas cadangan penambahbaikan proses kerja pengurusan geran akan dikemukakan kepada Mesyuarat Ahli Lembaga pada program *retreat* Ahli Lembaga pada bulan September 2013.
9.4.6.3	**Bahan Promosi Dan Publisiti Melaka Bebas Asap Rokok Kurang Berkesan** Lawatan Audit pada 27 September 2012 dan 6 Disember 2012 di Pusat Bandar Alor Gajah, Pusat Bandar Jasin dan Bandar Melaka mendapati *billboard* dipasang di lokasi yang tidak sesuai, orang awam merokok di kawasan larangan merokok, papan tanda yang kecil, sukar dilihat, tidak menarik perhatian orang ramai dan papan tanda terhalang oleh *banner* lain. Pada pendapat Audit, Program Melaka Bebas Asap Rokok tidak dipantau menyebabkan program untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai bahaya merokok kurang berkesan.	Hasil semakan MYSihat mendapati, pemasangan *billboard* di lokasi-lokasi di kawasan Melaka Bebas Asap Rokok (MBAR) adalah atas nasihat dan persetujuan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Semua *billboard* di kawasan MBAR perlu kelulusan PBT dan Perbadanan Muzium Melaka (bagi kawasan Bandar Warisan Dunia Melaka). Bagi orang awam yang tidak menghiraukan kawasan larangan merokok seperti mana teguran audit, adalah sukar untuk

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 17 Jun 2013. *Lokasi pemasangan billboard di kawasan MBAR adalah berdasarkan persetujuan dan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Perbadanan Muzium Melaka. GanMBAR akan memantau dari semasa ke semasa terhadap papan tanda dan sebarang tindakan akan dimaklumkan kepada pihak PBT. Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah melaksanakan penguatkuasaan secara berjadual di kawasan larangan merokok. Pendekatan yang digunakan merupakan penguatkuasaan bagi mendidik perokok dan orang awam supaya tidak merokok.*	menjamin orang awam untuk tidak merokok di kawasan larangan merokok sepanjang masa. Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah melaksanakan penguatkuasaan secara berjadual di kawasan larangan merokok. Pendekatan yang digunakan merupakan penguatkuasaan secara pendidikan dalam mendidik perokok dan orang awam supaya tidak merokok. Bagi *billboard* yang dipasang sudah kelihatan usang dan kabur, semua *billboard* berkenaan telah dipasang pada tahun 2010. Jika penggantian *billboard* usang atau kabur dilaksanakan setiap tahun ia akan melibatkan kos yang tinggi. Namun begitu, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah mengambil tindakan mengganti semua *billboard* yang usang dan kabur pada tahun 2013 dengan menggunakan peruntukan geran yang disalurkan kepada Gabungan NGO Melaka Bebas Asap Rokok (GaNMBAR). Manakala itu, teguran audit berkenaan papan tanda yang diletakkan di bangunan kedai adalah kecil dan tidak menarik perhatian orang ramai, dari kajian yang dijalankan oleh pihak Universiti Sains Malaysia pada tahun 2012 mendapati lebih 92.5% responden yang ditemubual mendapat maklumat mengenai MBAR melalui bahan promosi yang dipamerkan iaitu poster dan papan tanda. Ini menunjukkan papan tanda yang telah dipasang ini sememangnya telah dilihat oleh orang ramai. Namun begitu untuk makluman pihak audit juga, pemasangan papan tanda ini juga tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan PBT dan tuan punya premis. Bagi papan tanda terhalang oleh *banner* yang lain, GaNMBAR hanya merupakan satu gabungan NGO yang tidak mempunyai kuasa dan kawalan ke atas pemasangan *banner* oleh pihak-pihak lain memandangkan pemasangan *banner* tersebut mendapat kelulusan PBT dan juga sebahagiannya dipasang tanpa kebenaran. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Melaka akan memantau perkara ini dari semasa ke semasa dan sebarang tindakan akan dimaklumkan kepada pihak PBT.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.4.7.1.a	**Laporan Akhir Projek - Laporan Akhir Projek Tidak Dikemukakan** Laporan Akhir Projek hendaklah dikemukakan kepada MySihat dalam tempoh 2 bulan selepas selesai atau tamat program tersebut untuk proses pembayaran akhir. Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 30 atau 22.6% daripada 133 NGO masih tidak mengemukakan Laporan Akhir Projek bagi aktiviti tahun 2011 dan 2012 dengan kelewatan antara 27 hingga 601 hari. Semakan Audit mendapati aktiviti tersebut telah selesai dilaksanakan melebihi 2 bulan.	Proses kerja mengenai perkara ini telah ditambah baik di mana MYSihat akan melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:- • Surat peringatan pertama dalam tempoh 2 bulan selepas projek selesai dilaksanakan; • Surat peringatan kedua dan ketiga dalam tempoh 2 minggu daripada setiap peringatan yang dihantar; dan • Sekiranya NGO masih gagal memberikan maklumbalas, surat ketidakakuran akan dikemukakan yang akan memberikan implikasi di mana NGO berkenaan tidak akan menerima bayaran geran terakhir dan akan disenarai hitamkan.
9.4.7.2	**Laporan Akhir Projek Lewat Dikemukakan** Laporan Akhir Projek hendaklah dikemukakan kepada MySihat dalam tempoh 2 bulan selepas selesai atau siapnya program tersebut untuk proses pembayaran terakhir. Semakan Audit mendapati sebanyak 30 atau 22.6% daripada 133 NGO telah lewat mengemukakan Laporan Akhir Projek dengan kelewatan antara 20 hingga 302 hari berdasarkan tarikh tamat kontrak. Pada pendapat Audit, kelewatan NGO mengemukakan Laporan Akhir Projek disebabkan MySihat tidak membuat pemantauan secara berterusan terhadap NGO untuk memastikan sama ada aktiviti telah dilaksanakan mengikut pelan pelaksanaan yang telah ditetapkan. Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 17 Jun 2013. *MySihat memaklumkan proses kerja penghantaran Laporan Akhir Projek telah diberi penambahbaikan iaitu surat peringatan pertama akan dikeluarkan dalam tempoh 2 bulan selepas projek selesai dilaksanakan. Surat peringatan kedua dan ketiga akan dikeluarkan dalam tempoh 2 minggu daripada setiap peringatan yang dihantar. Sekiranya NGO masih gagal memberi maklum balas surat ketidakakuran akan dikeluarkan dan NGO tidak akan menerima pembayaran akhir serta disenaraihitamkan.*	
9.4.8.3	**Pemantauan** Semakan Audit mendapati MySihat tidak mewujudkan kaedah pemantauan yang berkesan dan bersistematik. Antara kelemahan pemantauan adalah seperti berikut:- • Tiada mekanisme bagi pemantauan terhadap program yang dilaksanakan oleh NGO. • Tiada carta alir atau proses kerja pemantauan bagi pengurusan pemberian geran kepada NGO di dalam Manual Prosedur Kerja MySihat dan fail meja	Mysihat telah mengenalpasti masalah yang dihadapi dan mengambil maklum perkara ini. Kertas cadangan yang komprehensif akan disediakan bagi menambah baik mekanisme pemantauan supaya lebih berkesan yang termasuk cadangan penambahan perjawatan terutamanya bagi melaksanakan pemantauan bagi program yang dilaksanakan oleh NGO. Kertas cadangan tersebut akan dikemukakan kepada Mesyuarat Ahli

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pegawai di Unit Pemantauan Dan Penilaian MySihat. • MySihat tidak mempunyai rekod pemantauan yang teratur, kemas kini dan tepat berkaitan pemantauan yang telah dilaksanakan. • Hanya 3 pegawai yang ditugaskan untuk menjalankan pemantauan berbanding dengan purata 200 aktiviti setahun yang dilaksanakan oleh NGO. Pada pendapat Audit, MySihat perlu memastikan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan terhadap program yang dilaksanakan oleh NGO supaya dapat mencapai objektif yang ditetapkan. MySihat juga hendaklah mendapat kerjasama daripada Jabatan Kesihatan Negeri untuk membuat pemantauan. Maklum Balas Daripada MySihat Diterima Pada 17 Jun 2013. *MySihat memaklumkan kertas cadangan yang komprehensif akan disediakan bagi menambah baik mekanisme pemantauan supaya lebih berkesan. MySihat juga akan menyediakan kertas cadangan penambahan perjawatan terutamanya bagi melaksanakan pemantauan aktiviti. MySihat akan mewujudkan pangkalan data berpusat iaitu e-Grant Application Support System (e-Grass) bagi pengumpulan data NGO yang memohon geran MySihat dan mekanisme pemantauan dan penilaian atas talian.*	Lembaga pada program *retreat* Ahli Lembaga pada bulan September 2013. Selain itu, MySihat telah mewujudkan pangkalan data berpusat iaitu *e-Grant Application Support System* (e-Grass) bagi pengumpulan data setiap NGO yang memohon geran MySihat, termasuk mekanisme pemantauan dan penilaian melalui talian.

(SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN)

LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH)

Perenggan 11 : Pengurusan Syarikat Surada Jaya Sdn. Berhad

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.2.1.a	**Prestasi Projek Penternakan Puyuh Kurang Memuaskan - Projek Penternakan Puyuh Mencatatkan Kerugian** Semakan Audit mendapati Projek Penternakan Puyuh telah mengalami kerugian pada tahun 2009 iaitu sejumlah RM57,457 dan tahun 2010 sejumlah RM22,273. Bagaimanapun, projek ini telah mencatatkan keuntungan sejumlah RM20,488 pada tahun 2011. Pada tahun 2012, projek ini telah mengalami kerugian berjumlah RM20,077 disebabkan kos operasi yang tinggi.	Sehingga Jun 2013 projek puyuh masih mencatatkan kerugian sebanyak RM10,185. Bagaimanapun jumlah kerugian ini telah berkurangan sebanyak 50% jika dibandingkan pada tahun 2012. Kerugian ini dijangka diatasi pada bulan Oktober 2013 apabila kapasiti pengeluaran penternakan anak puyuh (DOQ) oleh Pusat Penetasan Puyuh di Seri Bandi, Kemaman sebanyak 80,000 ekor sebulan.
11.4.2.1.b.i	**Prestasi Pengeluaran Puyuh Rendah** Penetapan sasaran pengeluaran puyuh dibuat berdasarkan kapasiti 5 reban puyuh yang boleh memuatkan sebanyak 360,000 ekor puyuh dalam setahun. Semakan Audit mendapati pencapaian pengeluaran puyuh bagi tahun 2009 sehingga 2012 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pengeluaran ternakan puyuh pada tahun 2009 adalah sebanyak 47,551 ekor atau 13.2%, pada tahun 2010 adalah sebanyak 10,636 ekor atau 3%, pada tahun 2011 adalah sebanyak 61,723 ekor atau 17.1% dan pada tahun 2012 adalah sebanyak 66,933 ekor atau 18.6% berbanding sebanyak 360,000 ekor setahun yang disasarkan oleh SJSB. Sasaran pengeluaran tidak dapat dicapai disebabkan kesukaran mendapat bekalan anak puyuh dan kadar kematian yang tinggi.	Pada tahun 2013, pihak syarikat berusaha mempertingkatkan pengeluaran puyuh dengan mempertingkatkan bekalan anak puyuh (DOQ) daripada Pusat Penetasan di Seri Bandi. Selaras dengan itu, operasi pusat penetasan dipertingkatkan dan diperkemaskan bagi memaksimumkan tahap pengeluaran anak puyuh (DOQ) sebanyak 1.2 juta setahun.
11.4.2.1.b.ii	SJSB memperoleh bekalan anak puyuh dari Institut Kemajuan Ternakan Ayam Melaka dan pusat penetasan swasta sebelum Pusat Penetasan Puyuh KETENGAH beroperasi. Mulai tahun 2012, SJSB telah memperoleh bekalan anak puyuh dari Pusat Penetasan Puyuh KETENGAH. Semakan lanjut mendapati SJSB menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan anak puyuh kerana jarak pusat penternakan yang jauh dari Institut Kemajuan Ternakan Ayam Melaka. Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi mempunyai kapasiti untuk menternak sebanyak 360,000 ekor puyuh setahun dan bekalan yang diperoleh tidak memenuhi permintaan SJSB.	Mulai awal tahun 2013, keseluruhan bekalan anak puyuh (DOQ) telah diperolehi dari Pusat Penetasan Puyuh Seri Bandi, Kemaman. Sehingga Jun 2013, Pusat Penternakan Puyuh telah menerima kemasukan sebanyak 37,948 ekor anak puyuh dari Pusat Penetasan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.2.1.b.iii	Mengikut Jabatan Perkhidmatan Veterinar, kadar kematian purata industri ternakan puyuh di Malaysia adalah di bawah 6.5%. Semakan Audit mendapati kadar kematian puyuh di Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi bagi tahun 2009 sehingga bulan Ogos 2012 adalah melebihi kadar kematian purata industri ternakan puyuh di Malaysia. Kadar kematian puyuh pada tahun 2009 adalah sebanyak 15,699 ekor atau 24.8%, pada tahun 2010 sebanyak 3,264 ekor atau 23.5%, pada tahun 2011 sebanyak 16,595 ekor atau 21.2% dan pada tahun 2012 meningkat kepada 24,413 atau 26.7%. Kematian anak puyuh adalah disebabkan masalah adaptasi, virus dan penyakit.	Pihak Syarikat telah mengambil langkah-langkah pencegahan penyakit bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Selain itu, SOP penternakan dan tahap kebersihan reban turut diperkemas dan dipertingkatkan bagi mengurangkan kadar kematian mulai November 2012.
11.4.2.1.c	**Jualan Daging Puyuh Rendah** Produk daging puyuh bergantung kepada permintaan pembekal dan peruncit di sekitar wilayah KETENGAH. Harga produk puyuh adalah RM16 sekilogram manakala harga bagi pembelian melebihi 100 kilogram adalah RM14 sekilogram. SJSB telah menetapkan sasaran hasil jualan daging puyuh semasa pembentangan dan kelulusan bajet tahunan SJSB. Semakan Audit mendapati pendapatan jualan daging puyuh bagi tahun 2009 sehingga 2012 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pendapatan jualan daging puyuh pada tahun 2009 berjumlah RM37,179 atau 12.1%, pada tahun 2010 berjumlah RM47,700 atau 17.3%, pada tahun 2011 berjumlah RM79,469 atau 26.2% dan pada tahun 2012 meningkat kepada RM151,158 atau 38.3% berbanding sasaran pendapatan yang ditetapkan oleh SJSB. Sasaran pendapatan tidak dapat dicapai disebabkan pengeluaran yang rendah.	Sasaran jualan daging puyuh yang dinyatakan tidak dapat dicapai disebabkan bekalan puyuh yang tidak menepati sasaran pengeluaran. Mulai Julai 2013, kapasiti penternakan puyuh sebanyak 40,000 ekor sebulan dan dijangka pada Oktober 2013 kadar jualan mulai meningkat selari dengan peningkatan pengeluaran daging puyuh.
11.4.2.1.d	**Tiada Kemahiran Dan Jawatan Belum Diisi** Sumber manusia yang mencukupi, berkelayakan, berpengalaman dan kompeten adalah penting untuk menjalankan aktiviti syarikat. Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan dapat menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan membantu syarikat mencapai matlamatnya. Sehingga bulan Ogos 2012, Unit Penternakan Puyuh diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh seorang Penolong Penyelia serta 3 orang pekerja am. Semakan Audit mendapati Pengurus dan Penolong Penyelia merupakan lulusan dalam bidang Teknologi Maklumat dan tidak mempunyai kepakaran dalam bidang penternakan puyuh. Selain itu, jawatan Eksekutif Operasi dan Penyelia belum diisi sejak tahun 2003. Pada pendapat Audit, SJSB gagal mencapai sasaran pengeluaran puyuh kerana kekurangan bekalan anak puyuh dan kadar kematian yang tinggi. SJSB juga tidak mempunyai pekerja yang mahir dalam bidang penternakan puyuh. Maklum Balas Daripada SJSB pada 21 Januari 2013.	Pihak Syarikat telah membuat pengisian bagi jawatan Eksekutif Operasi / Penolong Pengurus pada 1 April 2013 dan Penyelia pada 3 Mac 2013. Kakitangan ini juga telah menghadiri kursus penternakan bersama pihak Jabatan Veterinar Terengganu pada April 2013 dan turut didedahkan dengan lawatan bermaklumat ke pusat penternakan dan pemprosesan puyuh yang telah diadakan pada Julai 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	SJSB telah mengambil langkah pencegahan kematian puyuh dengan meningkatkan kemahiran teknikal kakitangan seperti menghadiri kursus penternakan, penguatkuasaan dan penjagaan yang lebih rapi pada peringkat awal pembesaran anak puyuh serta penyediaan kakitangan yang mencukupi. SJSB juga memohon kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu bagi mendapatkan khidmat nasihat. Kadar kematian melebihi 6.5% adalah disebabkan proses penghantaran anak puyuh yang jauh sehingga menyebabkan kematian dalam tempoh umur 1 hingga 7 hari. SJSB juga akan mengkaji semula perjawatan sama ada memerlukan pertambahan/pengurangan jawatan atau mengisi kekosongan mengikut keperluan syarikat.	
11.4.2.2.a	**Kemudahan Dan Peralatan Tidak Digunakan Sepenuhnya** Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan bagi kegunaan penternakan, penyembelihan dan pemprosesan puyuh. Kemudahan dan peralatan di Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman disediakan oleh KETENGAH sejak tahun 2003. Antara kemudahan yang disediakan adalah 5 unit reban puyuh, bangunan pejabat, stor barang/makanan, bilik sejuk, bilik tandas, rumah pekerja, surau dan rumah penyembelihan serta pemprosesan.	Pihak Syarikat telah menggunakan peralatan pemprosesan di rumah penyembelihan secara berkala selari dengan pengeluaran daging puyuh. Sebahagian peralatan penyembelihan dan pemprosesan tidak digunakan kerana jumlah pengeluaran puyuh semasa yang masih rendah. Mulai Oktober 2013, semua peralatan akan diguna sepenuhnya setelah kapasiti pengeluaran dipertingkatkan.
11.4.2.2.b	Lawatan Audit pada 17 Oktober 2012 di Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi,Kemaman mendapati hanya 2 daripada 5 reban sedang digunakan iaitu reban nombor 2 diisi dengan anak puyuh yang berusia 8 hari manakala reban nombor 3 diisi dengan puyuh penelur yang dibeli daripada Pusat Penetasan Puyuh KETENGAH. Kemudahan reban dan peralatan yang disediakan tidak digunakan sepenuhnya kerana masalah untuk mendapat bekalan anak puyuh yang menyebabkan Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi, Kemaman tidak dapat mencapai tahap pengeluaran yang optimum. Selain itu, peralatan pemprosesan di rumah penyembelihan yang disediakan sejak tahun 2003 masih belum digunakan. Pada pendapat Audit, kemudahan dan peralatan yang tidak digunakan sepenuhnya adalah satu pembaziran dan boleh dielakkan dengan membuat perancangan yang teliti. Maklum Balas Daripada SJSB pada 21 Januari 2013. *SJSB memaklumkan terdapat sebahagian peralatan penyembelihan dan pemprosesan tidak digunakan kerana jumlah pengeluaran puyuh semasa yang masih rendah. Semua peralatan akan diguna sepenuhnya selepas penyerahan Pusat Penetasan Puyuh Seri Bandi, Kemaman kepada SJSB yang dijangka akan meningkatkan pengeluaran.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.2.3	**Pencemaran Alam Sekitar** Aktiviti penternakan puyuh hendaklah mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan alam sekitar. Sisa buangan untuk penghasilan sesuatu produk perlu diurus dengan sewajarnya tanpa menjejaskan alam sekitar. Pencemaran sungai merupakan kesalahan di bawah Seksyen 25 (3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Akta ini telah menetapkan beberapa kaedah pelupusan sisa buangan binatang antaranya dengan melalui kaedah penimbusan tanah. Lawatan Audit pada 21 Oktober 2012 mendapati sisa buangan puyuh dibuang ke dalam longkang berhampiran rumah penyembelihan menyebabkan longkang tersumbat. Longkang yang tersumbat boleh menyebabkan sungai berhampiran tercemar dan memusnahkan ekosistem akuatik serta boleh mengakibatkan wabak penyakit kepada penduduk setempat. Lawatan susulan pada 21 Januari 2013 mendapati longkang masih tercemar dengan organ dalaman dan bulu puyuh walaupun tindakan pembersihan telah dilakukan. Pada pendapat Audit, SJSB kurang memberi perhatian terhadap kebersihan alam sekitar. Pengurusan sisa buangan puyuh adalah penting bagi menjamin alam sekitar yang bersih kepada penduduk di kawasan berhampiran dan memastikan ekosistem akuatik terpelihara. Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti SJSB adalah kurang memuaskan dan boleh dipertingkatkan. SJSB juga perlu mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan.	Pihak Syarikat telah menyediakan perangkap sampah dan kolam takungan mulai bulan Februari 2013 bagi menghalang sisa buangan payuh daripada terus mengalir ke sungai sebagaimana gambar berikut:-
11.4.3.1	**Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan** Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat. Oleh itu, amalan tadbir urus yang baik dapat memastikan kualiti dan integriti dalam organisasi tersebut. Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993, sebahagian daripada ahli Lembaga Pengarah perlu terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan Kumpulan Syarikat tetapi dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu. Semakan Audit mendapati kesemua ahli Lembaga Pengarah SJSB terdiri daripada pegawai dari KETENGAH. Pada pendapat Audit, SJSB perlu melantik sebahagian daripada ahli Lembaga Pengarah yang mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan utama SJSB bagi memantapkan dan mengembangkan perniagaan syarikat.	Pelantikan ke semua ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pegawai KETENGAH kerana saham syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Ketengah Holding Sdn. Berhad. Selain itu, pelantikan Lembaga Pengarah juga berdasarkan kepada kelayakan, kelulusan, pengalaman dalam bidang pertanian dan perniagaan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Daripada SJSB Diterima Pada 2 Januari 2013. *SJSB memaklumkan pelantikan ke semua ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pegawai KETENGAH kerana saham syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Ketengah Holding Sdn. Berhad.*	
11.4.3.2.a	Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelak penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan serta membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati kawalan bajet, perbelanjaan dan aset adalah baik. Bagaimanapun, kawalan terimaan adalah kurang memuaskan seperti berikut:- SJSB tidak mengeluarkan resit bagi jualan daging puyuh secara tunai di Pusat Penternakan Puyuh Seri Bandi disebabkan buku resit tidak dibekalkan.	Pihak syarikat telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan resit bagi jualan daging puyuh secara tunai mulai Januari 2013.
11.4.3.2.b	Kutipan daripada jualan tunai daging puyuh dan gas memasak lewat dibankkan antara 7 hingga 67 hari.	Pihak Syarikat telah menetapkan tempoh kutipan jualan tunai dibankkan dalam masa 1-3 hari mulai November 2012.
11.4.3.2.c	Kutipan daripada jualan tunai daging puyuh dan gas memasak yang dibankkan adalah kurang berbanding jumlah kutipan antara RM97 hingga RM330.	Pihak syarikat telah membuat pelarasan bagi jumlah kutipan yang belum dibankkan pada November 2012.
11.4.3.2.d	SJSB tidak menyediakan Prosedur Kawalan Kredit sebagai rujukan kepada kakitangannya. Semakan lanjut mendapati syarikat dan individu yang membeli daging puyuh mempunyai hutang tertunggak melebihi 180 hari berjumlah RM233,221. Pada pendapat Audit, kawalan kredit yang kurang memuaskan menyebabkan hutang tertunggak SJSB semakin meningkat dan risiko tidak dapat dikutip. Maklum Balas Daripada SJSB Diterima Pada 2 Januari 2013 dan Semasa *Exit Conference* Pada 21 Januari 2013. *SJSB memaklumkan urusan penerimaan tunai di peringkat operasi dikawal oleh Ibu Pejabat bagi memudahkan pemantauan dan kawalan. SJSB juga telah menyediakan resit rasmi bayaran sebagai akuan terimaan tunai di peringkat operasi mulai bulan Januari 2013. SJSB juga telah mengeluarkan surat peringatan terhadap kakitangan yang bertanggungjawab dalam urusan perbankan dan dalam proses penyediaan pelarasan terhadap perbezaan jumlah yang dibankkan. SJSB memaklumkan*	Pihak Syarikat telah menyediakan Prosedur Kawalan Kredit sebagai rujukan kepada kakitangannya pada bulan November 2012.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pihaknya dalam proses penyediaan prosedur kawalan kredit. Selain itu, syarikat dalam proses mengutip hutang berkenaan dan akan melupuskan hutang tertunggak yang melebihi tempoh 10 tahun.	

LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH)

Perenggan 12 : Pengurusan Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.4.2.1.a	**Prestasi Pengeluaran Dan Jualan Produk Kuari - Pengeluaran Produk Kuari Tidak Mencapai Sasaran** Penetapan sasaran pengeluaran produk kuari dibuat semasa pembentangan dan kelulusan bajet tahunan KTTSB. Purata pengeluaran produk kuari adalah antara 150 hingga 250tan sejam berdasarkan keupayaan mesin *crusher* sedia ada. Semakan Audit mendapati pengeluaran produk kuari bagi tahun 2009 sehingga 2012 hanya mencapai antara 71 tan hingga 92 tan sejam sahaja. Pencapaian sebenar berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2009 adalah sebanyak 60.6%, tahun 2010 sebanyak 58.9%, tahun 2011 sebanyak 92.2% dan tahun 2012 sebanyak 81.2%. Ini menunjukkan sasaran yang ditetapkan tidak tercapai. Pengeluaran tertinggi diperoleh pada tahun 2011 iaitu sebanyak 230,563 tan. Antara sebab pengeluaran produk kuari tidak mencapai sasaran adalah kerana mesin dan jentera kerap mengalami kerosakan dan kekurangan pekerja.	Pihak syarikat telah mengambil tindakan dan bersetuju membuat penambahbaikan loji kuari dengan anggaran kos sebanyak RM3.0 juta dan pembelian dua (2) buah lori pengangkut batu dengan anggaran kos sebanyak RM300 ribu. Proses penambahbaikan akan dimulakan pada tahun 2013 dan dijangka diselesaikan pada pertengahan tahun 2014.
12.4.2.1.b.i	**Jualan Produk Kuari Tidak Mencapai Sasaran** Produk kuari terdiri daripada batu pelbagai saiz, *crusher run,* blok dan *quarry dust.*	
12.4.2.1.b.ii	Semakan Audit mendapati jualan produk kuari bagi tahun 2009 sehingga 2012 tidak mencapai sasaran jualan yang ditetapkan. Pencapaian sebenar berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2009 adalah sebanyak 86.1%, tahun 2010 sebanyak 67.1%, tahun 2011 sebanyak 84.3% dan tahun 2012 sebanyak 85.7%. Jualan produk tertinggi diperoleh pada tahun 2012 berjumlah RM3.36 juta. Sasaran jualan tidak dapat dicapai antaranya disebabkan pengeluaran yang rendah bagi tahun 2009 sehingga 2012.	Sehingga Jun 2013, jualan produk kuari sebanyak 72,337 tan berbanding sasaran sebanyak 122,112 tan atau 59.2%. Nilai jualan sebanyak RM1.1 juta berbanding sasaran sebanyak RM1.76 juta atau 62.5%. Faktor utama sasaran jualan tidak dapat dicapai disebabkan mesin jentera kerap mengalami kerosakan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.4.2.2	**Stor Bahan Letupan Belum Digunakan** Pada bulan Ogos 2010, KTTSB telah siap membina sebuah stor bernilai RM100,000 untuk menempatkan bahan letupan bagi kegunaan kuari. Semakan Audit mendapati stor bahan letupan tersebut masih belum digunakan kerana permohonan lesen menyimpan bahan letupan yang dibuat pada tahun 2010 masih belum mendapat kelulusan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Pada pendapat Audit, KTTSB perlu menyegerakan tindakan susulan permohonan lesen menyimpan bahan letupan daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia supaya stor boleh diguna dan mengurangkan kos pengangkutan serta kos kawalan keselamatan bahan letupan. Maklum Balas Daripada KTTSB Semasa *Exit Conference* Pada 21 Januari 2013. *KTTSB memaklumkan Mesyuarat Pengurusan pada 14 Oktober 2012 telah bersetuju melantik perunding iaitu Giat Consult untuk menguruskan permohonan bagi mendapatkan Sijil Layak Menduduki (CF) daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. KTTSB bersetuju dengan cadangan pihak Audit untuk mengkaji semula keperluan stor bahan letupan memandangkan pada masa ini aktiviti peletupan permukaan kuari dijalankan menggunakan kaedah daily blasting.*	Syarikat telah mendapatkan sokongan daripada Pihak Bomba dan Penyelamat Malaysia pada bulan Februari 2013 dan tindakan permohonan seterusnya telah dikemukakan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kemaman pada bulan Februari 2013 untuk tindakan lanjut dan masih dalam tindakan oleh pihak IPD.
12.4.2.3.a	**Penyenggaraan Mesin Dan Jentera Tidak Dibuat Secara Berkala** Penyenggaraan mesin dan jentera yang dibuat secara berkala dapat memastikan ia beroperasi dengan lancar dan dapat mengurangkan *down time* serta kos pembaikan. Penyenggaraan berkala juga dapat memastikan pengeluaran pada tahap maksimum.	Penyenggaraan mesin dan jentera telah dilaksanakan secara berkala. Mengenai dengan jawatan mekanik, pada masa ini KTTSB telah mempunyai seorang mekanik dan tambahan jawatan akan diisi mengikut keperluan operasi harian kuari. Laporan kerosakan mesin dan jentera disediakan mulai Januari 2013 dan direkodkan di dalam buku rekod penyenggaraan.
12.4.2.3.b	Semakan Audit mendapati penyenggaraan berkala bagi mesin dan jentera tidak dilaksanakan di KTTSB kerana kekurangan mekanik dan juru kimpal. Ini menyebabkan kos penyenggaraan mesin dan jentera KTTSB meningkat daripada sejumlahRM576,502 pada tahun 2009kepadasejumlahRM807,805 pada tahun 2012 berikutan kebanyakan mesin dan jentera kerap mengalami kerosakan. Antaranya adalah kerosakan pada *crusher plant, excavators, drills, compressors*dan *dump trucks*. Kekerapan kerosakan pada mesin dan jentera yang sedia ada menjejaskan pengeluaran kuari.Selain itu, tiada laporan kerosakan mesin dan jentera disediakan. Pada pendapat Audit, KTTSB perlu menjalankan penyenggaraan secara berkala bagi memastikan mesin dan jentera sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan boleh beroperasi pada tahap optimum. KTTSB juga perlu menyediakan laporan kerosakan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	supaya mesin dan jentera yang tidak ekonomi diperbaiki dapat dikenal pasti untuk diganti dengan yang baru. Selain itu, mesin dan jentera yang telah rosak hendaklah dibuat pelupusan dan disyorkan diguna sebagai alat ganti. Maklum Balas Daripada KTTSB Semasa *Exit Conference* Pada 21 Januari 2013. *KTTSB memaklumkan penyenggaraan mesin dan jentera dilaksanakan mengikut keperluan. Kos penyenggaraan meningkat dari tahun 2010 disebabkan kos penyenggaraan selari dengan peningkatan pengeluaran. KTTSB juga memaklumkan tiada keperluan mendesak untuk membeli mesin dan jentera.*	
12.4.2.4.a	**Pembinaan Rumah Burung Walit Tanpa Kelulusan** Mesyuarat Lembaga Pengarah KTTSB pada 19 Julai 2010 telah meluluskan peruntukan sejumlah RM100,000 bagi pembinaan rumah burung walit. Bagaimanapun, mesyuarat Lembaga Pengarah KTTSB pada 12 Disember 2010 telah membatalkan projek rumah burung walit dan peruntukan sejumlah RM100,000 digunakan untuk pembinaan stor peralatan dan jentera.Selain itu, syarat dalam geran hak milik tanah kuari menetapkan hanya bangunan berkaitan dengan aktiviti kuari sahaja boleh dibina.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke 3 tahun 2012 yang bersidang pada 24 Disember 2012 telah bersetuju untuk meratifikasi semula projek rumah burung walit. Selain itu, pihak syarikat telah menyediakan Pelan Perancangan Perniagaan bagi mendapatkan unjuran pulangan pendapatan daripada projek ini.
12.4.2.4.b	Semakan Audit mendapati rumah burung walit yang dilengkapi dengan sistem audio telah siap dibina pada bulan Disember 2011 dengan kos berjumlah RM120,000. Pembinaan ini adalah bertentangan dengan keputusan mesyuarat Lembaga Pengarah KTTSB pada 12 Disember 2010. Pada pendapat Audit, KTTSB perlu memberi tumpuan kepada aktiviti utamanya iaitu pengkuarian dan memastikan pelaksanaan aktiviti tidak bercanggah dengan kelulusan Lembaga Pengarah. KTTSB juga perlu mematuhi syarat yang ditetapkan dalam geran hakmilik tanah oleh Pihak Berkuasa Tanah. Maklum Balas Daripada KTTSB Semasa *Exit Conference* Pada 21 Januari 2013. *KTTSB memaklumkan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 24 Disember 2012 telah bersetuju untuk meratifikasi semula projek rumah burung walit ini. Selain itu, KTTSB diminta untuk menyediakan Pelan Perancangan Perniagaan bagi mendapatkan unjuran pulangan pendapatan daripada projek ini.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.4.2.5.a	**Jawatan Tidak Diisi** Sumber manusia yang mencukupi, berkelayakan, berpengalaman dan kompeten adalah penting untuk menjalankan aktiviti syarikat. Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan dapat menghasilkan kerja yang berkualiti dan membantu syarikat mencapai matlamatnya.	Mulai awal tahun 2013, Pengurusan syarikat telah membuat pengambilan bagi jawatan kritikal berdasarkan kepada keperluan semasa operasi harian kuari. Selain itu, kajian semula terhadap carta organisasi telah dilakukan bersesuaian dengan cadangan penambahbaikan loji kuari.
12.4.2.5.b	Semakan Audit mendapati sebanyak 11 jawatan belum diisi antaranya penolong pengurus, penyelia,mekanik,juru kimpal,pemandu, operator dan pengawal keselamatan. Ini disebabkan persaingan peluang pekerjaan daripada industri lain yang menawarkan pendapatan yang lebih baik. Pada pendapat Audit, kekosongan perjawatan di KTTSB merupakan faktor kritikal yang menyebabkan pengeluaran tidak mencapai tahap pengeluaran yang optimum. Maklum Balas Daripada KTTSB Semasa *Exit Conference* Pada 21 Januari 2013. *KTTSB memaklumkan telah mengiklankan jawatan tersebut pada tahun2011 namun tiada sambutan disebabkan persaingan pekerjaan dalam industri petrokimia yang memberi pendapatan lebih baik berbanding sektor kuari. Kekosongan jawatan operasi kuari telah diambil maklum oleh Jawatankuasa Pengurusan. KTTSB merancang untuk mengisi jawatan tersebut melalui kerjasama dengan pusat latihan seperti GiatMARA dan Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu. KTTSB juga akan mengkaji semula keperluan perjawatan dan menstruktur semula carta organisasi.*	
12.4.2.6	***Standard Operating Procedures* Pengkuarian Tidak Disediakan** *Standard Operating Procedures* (SOP) merupakan dokumen rujukan penting yang mengandungi prosedur terperinci yang perlu disediakan dan diketahui oleh setiap pegawai bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. SOP juga perlu dikemas kini supaya ia sentiasa relevan dengan perkembangan semasa. Semakan Audit mendapati KTTSB tidak menyediakan SOP Pengkuarian sebagai garis panduan kepada kakitangannya. Pada pendapat Audit, SOP Pengkuarian ini penting supaya pekerja mengetahui proses pengkuarian secara menyeluruh dan keutamaan dalam melaksanakan tugas. Maklum Balas Daripada KTTSB Diterima Pada 9 November 2012.	Pihak Syarikat telah menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) bagi rujukan dan panduan kepada kakitangannya pada bulan Januari 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	KTTSB memaklumkan sedang menyediakan SOP sebagai garis panduan kepada kakitangannya.	
12.4.2.7.a	**Pemantauan Aktiviti Pengkuarian** Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Terengganu telah menjalankan operasi penguatkuasaan peraturan keselamatan dan kesihatan terhadap KTTSB pada 20 Februari 2012. Tujuan operasi adalah untuk menilai tahap pematuhan majikan terhadap peraturan ini dalam aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengendalian, penyimpanan, pengangkutan dan pelupusan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di tempat kerja.	Pihak Syarikat sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Terengganu dan mengemukakan Laporan Bulanan dan aktiviti peletupan kepada Jabatan Mineral dan Geosains Terengganu.
12.4.2.7.b	KTTSB juga mengemukakan Laporan Bulanan dan aktiviti peletupan kepada Jabatan Mineral Dan Geosains Terengganu. Selain daripada pemantauan Jabatan Mineral Dan Geosains Terengganu,laporan aktiviti di tapak kuari juga dibentang di peringkat Lembaga Pengarah KTTSB. Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti kuari KTTSB adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan. KTTSB juga perlu mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan.	
12.4.3.a	**Pengurusan Kewangan** Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat membantu memelihara aset syarikat, mengelak penyelewengan dan kesilapan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan, seterusnya membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati kawalan bajet dan perbelanjaan adalah baik. Bagaimanapun, kawalan terimaan dan pengurusan aset adalah memuaskan dan antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:- i. Tiada resit rasmi dikeluarkan terhadap bayaran yang dibuat oleh pelanggan di Bank. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam KHSB semasa pengauditan terhadap pengurusan kewangan KTTSB bagi tahun 2011 sehingga bulan Mei 2012. ii. KTTSB tidak menetapkan tempoh hasil kutipan untuk dibankkan. iii. KTTSB ada menyediakan prosedur jualan dan kutipan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2005 yang meliputi jualan tunai dan kredit.Bagaimanapun kutipan hutang adalah kurang berkesan dan baki hutang yang belum dikutip melebihi 10 tahun adalah berjumlah RM1.24 juta.	Pihak Syarikat telah mengeluarkan resit rasmi terhadap bayaran yang dibuat oleh pelanggan bank mulai bulan Januari 2013. Pengurusan syarikat telah menetapkan tempoh hasil kutipan dibankkan dalam masa 1 hingga 3 hari mulai November 2012. Sehingga Jun 2013, baki hutang yang melebihi tempoh 10 tahun berjumlah RM1.24 juta. Pihak Syarikat telah bersetuju membuat peruntukan hutang lapuk secara berperingkat mulai tahun 2013. Pihak Syarikat telah menjalankan pemeriksaan aset tahunan pada bulan Mei 2013 dan telah membuat tanda pengenalan. Dua (2) unit excavator dalam pembaikian dan 3 unit lori yang tidak boleh digunakan telah dilupuskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke 4 Tahun 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	iv. KTTSB tidak menjalankan pemeriksaan aset tahunan dan tiada pengenalan pada aset miliknya. v. Terdapat 2 unit *excavator* dan 3 unit loriyang tidak boleh digunakan belum dilupuskan. Maklum Balas Daripada KTTSB Diterima Pada 9 November 2012. *KTTSB memaklumkan tindakan mengemas kini prosedur kewangan sentiasa diberi perhatian dan SOP yang dipinda akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.*	

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2013
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

KEMENTERIAN KEWANGAN
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5 Persiaran Perdana
Presint 2, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan
62592 WP Putrajaya